RANCANGAN PEMAJUAN
LABUAN 2040
PEARL OF BORNEO

LAPORAN TINJAUAN (SEPTEMBER 2021)

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

PERBADANAN LABUAN

LAPORAN TINJAUAN
(S E P T E M B E R 2 0 2 1)

Disediakan Untuk:

Perbadanan Labuan,
Wisma Perbadanan Labuan,
Peti Surat 81245,
87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Disediakan Oleh:

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Bahagian Rancangan Pembangunan,
Pejabat Projek Zon Utara,
Aras 4, Wisma Perkeso, Jalan Telok Wan Jah,
05646 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Dengan Kerjasama:

Perunding UEP Sdn. Bhd.
No 50-02, Jalan Pertama 1,
Pusat Perdagangan Danga Utama,
81300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A : PENGENALAN KAJIAN

1.0	**PENDAHULUAN**		**A1-1**
1.1	Pengenalan		A1-1
1.2	Definisi Rancangan Struktur (RS)		A1-2
1.3	Fungsi Rancangan Struktur		A1-2
1.4	Asas Keperluan Penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040		A1-3
1.5	Proses Penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040		A1-4
1.6	Keperluan Laporan-Laporan Di Dalam Rancangan Pemajuan Labuan 2040		A1-6
1.7	Bentuk Kandungan Laporan Tinjauan Rancangan Pemajuan Labuan 2040		A1-6
1.8	Latar Belakang Kawasan Kajian		A1-7
	1.8.1	Malaysia dalam Konteks Wilayah ASEAN	A1-7
	1.8.2	WP Labuan Dalam Konteks Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur : Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)	A1-8
	1.8.3	WP Labuan Dalam Konteks Koridor Ekonomi Borneo Barat	A1-9
	1.8.4	WP Labuan Dalam Konteks Pembangunan Wilayah Ekonomi Malaysia	A1-10
	1.8.5	Sejarah Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan	A1-12
	1.8.6	Profil Kawasan Kajian RPL 2040	A1-12

2.0	**POLISI DAN DASAR BERKAITAN DALAM RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040**	
2.1	Pengenalan	A2-1
2.2	Sustainable Development Goals	A2-2
2.3	Agenda Perbandaran Baharu – New Urban Agenda	A2-3
2.4	Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)	A2-4
2.5	Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan	A2-6
2.6	Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)	A2-7
2.7	Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN 3)	A2-7
2.8	Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2)	A2-8
2.9	Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)	A2-9
2.10	Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2030 (RFZPPN 2030)	A2-10
2.11	Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan 2016- 2025	A2-11
2.12	Dasar Pelancongan Negara 2020-2030	A2-12
2.13	Dasar Industri 4.0 (Industry4WRD)	A2-13
2.14	Malaysia Smart City Framework (MSCF)	A2-14
2.15	Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030	A2-15
2.16	Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025	A2-16
2.17	Dasar Alam Sekitar Negara	A2-17
2.18	Draf Rancangan Struktur Labuan 2030	A2-18
2.19	Labuan Development Blueprint 2030	A2-19

BAHAGIAN B : RUMUSAN PENEMUAN SEMASA

ASPEK RANGKA WILAYAH DAN EKONOMI MAKRO

1.0	**PEMBANGUNAN WILAYAH**		**B1-1**
1.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B1-1
1.2	Penemuan Semasa		B1-9
	1.2.1	Kepentingan dan Perhubungan Wilayah	B1-9
	1.2.2	Pembangunan WP Labuan Dalam Konteks Wilayah Antarabangsa	B1-10
	1.2.3	Pembangunan WP Labuan Dalam Kontek Wilayah Negara	B1-13
	1.2.4	Pembangunan WP Labuan Dalam Konteks Wilayah Ekonomi Koridor Sabah, Sarawak, Koridor Labuan-Menumbok-Sipitang dan Koridor Labuan-Brunei-Miri	B1-17
	1.2.5	Pembangunan Kawasan Bersempadan	B1-21
1.3	Isu dan Prospek		B1-24
1.4	Cadangan Am		B1-24

ISI KANDUNGAN

2.0	**ASAS EKONOMI**		**B2-1**
2.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B2-1
2.2	Penemuan Semasa		B2-7
	2.2.1	Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (IBFC)	B2-7
	2.2.2	Keluaran Dalam Negara Kasar	B2-8
	2.2.3	Keluaran Dalam Negeri Kasar	B2-8
	2.2.4	WP Labuan Dalam Perspektif Ekonomi Malaysia	B2-8
	2.2.5	KDNK Labuan Bagi Tempoh 2015-2019	B2-8
	2.2.6	Struktur Ekonomi WP Labuan	B2-10
	2.2.7	Struktur Ekonomi Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi WP Labuan	B2-11
	2.2.8	Rumusan Prestasi Ekonomi WP Labuan 2015-2019	B2-12
	2.2.9	Prospek Ekonomi Labuan	B2-12
2.3	Unjuran		B2-13
2.4	Isu dan Prospek		B2-14
2.5	Cadangan Am		B2-15
3.0	**DEMOGRAFI DAN SOSIO EKONOMI**		**B3-1**
3.1	Penilaian Pencapaian Dasar Sektoral Draf Rancangan Struktur Labuan 2030		B3-1
3.2	Penemuan Semasa		B3-5
	3.2.1	Saiz dan Pertumbuhan Penduduk	B3-5
	3.2.2	Struktur Umur Penduduk	B3-5
	3.2.3	Komposisi Etnik Penduduk	B3-5
	3.2.4	Jantina Penduduk	B3-5
	3.2.5	Kepadatan Penduduk	B3-6
	3.2.6	Bilangan dan Saiz Isi Rumah	B3-6
	3.2.7	Corak Migrasi Penduduk	B3-6
	3.2.8	Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah	B3-6
	3.2.9	Insiden Kemiskinan	B3-7
	3.2.10	Struktur Tenaga Kerja	B3-7
	3.2.11	Kadar Pengangguran	B3-7
	3.2.12	Guna Tenaga Bukan Warganegara	B3-8
	3.2.13	Penduduk Bekerja Mengikut Pekerjaan	B3-8
	3.2.14	Struktur Pekerjaan	B3-9
3.3	Unjuran Penduduk dan Guna Tenaga		B3-10
	3.3.1	Unjuran Penduduk	B3-10
	3.3.2	Unjuran Tenaga Buruh	B3-10
	3.3.3	Unjuran Pekerjaan	B3-11
3.4	Isu dan Prospek		B3-13
3.5	Cadangan Am		B3-13

ASPEK PERANCANGAN SPATIAL

4.0	**PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN GUNA TANAH**		**B4-1**
4.1	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030		B4-1
4.2	Penemuan Semasa		B4-5
	4.2.1	Guna Tanah Semasa	B4-5
	4.2.2	Tren Pembangunan Guna Tanah	B4-7
	4.2.3	Keadaan Fizikal	B4-15
	4.2.4	Analisis Kesediaan Tanah	B4-19
4.3	Isu dan Prospek		B4-21
4.4	Cadangan Am		B4-21

ISI KANDUNGAN

5.0	**PETEMPATAN BANDAR**		**B5-1**
5.1	Penilaian Pencapaian		B5-1
5.2	Penemuan Semasa		B5-4
	5.2.1	Hierarki dan Fungsi Bandar WP Labuan	B5-4
	5.2.2	Analisis Sempadan Bandar Sediada	B5-7
	5.2.3	Analisis Pusat Petempatan Bandar	B5-9
5.3	Isu Dan Prospek		B5-20
5.4	Cadangan Am		B5-20
6.0	**PETEMPATAN DESA**		**B6-1**
6.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B6–1
6.2	Penemuan Semasa		B6-5
	6.2.1	Kategori Kampung Di Wilayah Persekutuan Labuan	B6–5
	6.2.2	Aktiviti Ekonomi	B6-7
	6.2.3	Industri Kecil Sederhana Desa	B6-8
	6.2.4	Profil Perusahaan Kecil Sederhana	B6-9
	6.2.5	Kemudahan Awam Masyarakat Desa	B6-10
	6.2.6	Infrastruktur Desa	B6-13
6.3	Isu dan Prospek		B6-15
6.4	Cadangan Am		B6-15
7.0	**REKABENTUK BANDAR, BUDAYA DAN WARISAN**		**B7-1**
7.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B7-1
7.2	Penemuan Semasa		B7-11
	7.2.1	Morfologi Bandar Labuan	B7-11
	7.2.2	Sempadan Pusat Bandar Labuan	B7-12
	7.2.3	Pintu Masuk Pusat Bandar Labuan	B7-12
	7.2.4	Senibina Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-15
	7.2.5	Ketinggian Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-15
	7.2.6	Struktur Semasa Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-15
	7.2.7	Tahap Kemudahsampaian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan	B7-19
	7.2.8	Tahap Kefungsian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan	B7-19
	7.2.9	Ruang Terbiar (*Lost Space*) di Pusat Bandar Labuan	B7-19
	7.2.10	Tahap Kualiti Visual di Pusat Bandar Labuan	B7-23
	7.2.11	Mercu Tanda (Landmark) & Pusat Tumpuan (Nodes) di Pusat Bandar Labuan	B7-23
	7.2.12	Bangunan,Tapak, Monumen dan Objek Warisan Di Labuan	B7-26
	7.2.13	Reka Bentuk Bandar Tempatan	B7-31
7.3	Isu dan Prospek		B7-33
7.4	Cadangan Am		B7-34
8.0	**LANDSKAP DAN REKREASI**		**B8-1**
8.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B8-1
8.2	Penemuan Semasa		B8-4
	8.2.1	Kawasan Pembangunan Landskap	B8-4
	8.2.2	Landskap	B8-7
	8.2.3	Elemen Kemudahan Kawasan Rekreasi	B8-18
	8.2.4	Projek Pembangunan Landskap dan Rekreasi	B8-19
8.3	Unjuran Kawasan Rekreasi		B8-19
	8.3.1	Kawasan Rekreasi	B8-19
8.4	Isu Dan Prospek		B8-20
8.5	Cadangan Am		B8-20
9.0	**PERUMAHAN**		**B9-1**
9.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B9-1
9.2	Penemuan Semasa		B9-5
	9.2.1	Guna Tanah Semasa Perumahan 2020	B9-4
	9.2.2	Stok Perumahan Semasa	B9-7

ISI KANDUNGAN

	9.2.3	Saiz Dan Bilangan Isi Rumah	B9-8
	9.2.4	Nisbah Isi Rumah Kepada Stok Perumahan Semasa	B9-8
	9.2.5	Kepadatan Perumahan	B9-8
	9.2.6	Perumahan Terancang	B9-9
	9.2.7	Perumahan Tidak Terancang	B9-10
	9.2.8	Petempatan Khas	B9-10
	9.2.9	Kawasan Setinggan	B9-11
	9.2.10	Perumahan Di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan Dan Program Perumahan Rakyat	B9-11
	9.2.11	Harga Rumah	B9-14
	9.2.12	Pembangunan Komited Perumahan	B9-14
9.3	Unjuran Perumahan		B9-15
9.5	Isu Dan Prospek		B9-17
9.6	Cadangan Am		B9-17
10.0	**PERINDUSTRIAN**		**B10-1**
10.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B10-1
10.2	Penemuan Semasa		B10-5
	10.2.1	Guna Tanah Semasa Industri 2020	B10-5
	10.2.2	Trend Pembangunan Industri	B10-7
	10.2.3	Penawaran Unit Industri Sedia Ada	B10-8
	10.2.4	Kategori Industri	B10-8
	10.2.5	Jenis Aktiviti Industri	B10-10
	10.2.6	Industri Kecil Sederhana	B10-14
	10.2.7	Industri Komited	B10-17
10.3	Unjuran Guna Tanah Industri		B10-17
10.4	Isu Dan Prospek		B10-19
10.5	Cadangan Am		B10-20
11.0	**PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN**		**B11-1**
11.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B11-1
11.2	Penemuan Semasa		B11-5
	11.2.1	Guna Tanah Perniagaan Semasa	B11-5
	11.2.2	Corak Pembangunan Pusat Perniagaan	B11-5
	11.2.3	Taburan Aktiviti Perniagaan	B11-5
	11.2.4	Jenis Bangunan Perniagaan	B11-8
	11.2.5	Stok Ruang Lantai Perniagaan	B11-8
	11.2.6	Penawaran Ruang Lantai Perniagaan	B11-8
	11.2.7	Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan	B11-9
	11.2.8	Hakmilik Pertubuhan Perniagaan	B11-9
	11.2.9	Tenaga Kerja Perniagaan	B11-9
	11.2.10	Aktiviti Perniagaan Informal	B11-9
	11.2.11	Pembangunan Perniagaan Komited dan Cadangan	B11-10
11.3	Unjuran Perniagaan		B11-10
11.4	Isu dan Prospek		B11-11
11.5	Cadangan Am		B11-11
12.0	**PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**		**B12-1**
12.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B12-1
12.2	Penemuan Semasa		B12-3
	12.2.1	Sumbangan Sektor Pertanian Dalam Pertumbuhan Ekonomi WP Labuan	B12-3
	12.2.2	Keluasan Kawasan Pertanian	B12-4
	12.2.3	Anggaran Bilangan Petani Mengikut Jenis Tanaman	B12-6
	12.2.4	Jenis Tanaman dan Komoditi	B12-8
	12.2.5	Kelas Tanah Pertanian	B12-11
	12.2.6	Profil Penternakan dan Akuakultur	B12-14
	12.2.7	Profil Semasa Perikanan	B12-17
12.3	Isu dan Prospek		B12-19
12.4	Cadangan Am		B12-19

ISI KANDUNGAN

13.0	**PELANCONGAN**		**B13-1**
13.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B13-1
13.2	Penemuan Semasa		B13-9
	13.2.1	Pelancongan di Labuan dalam Konteks Wilayah	B13-9
	13.2.2	Pembangunan Produk	B13-10
	13.2.3	Pasaran Pelancong	B13-15
	13.2.4	Laluan Perjalanan Pelancong	B13-20
	13.2.5	Kemudahan Pelancongan	B13-21
13.3	Isu dan Prospek		B13-24
13.4	Cadangan Am		B13-26
14.0	**INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**		**B14-1**
14.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B14-1
14.2	Penemuan Semasa		B14-4
	14.2.1	Penawaran Semasa Elemen Kemudahan Masyarakat yang Memuaskan	B14-4
	14.2.2	Taburan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Tahun 2020 Yang Sekata	B14-13
	14.2.3	Kualiti Fizikal, Aksesibiliti Dan Kemudahan Sokongan Yang Boleh Ditambah Baik Bagi Meningkatkan Nilai Tambah Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Sedia Ada.	B14-15
	14.2.4	Penyediaan Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Yang Selaras Dengan Hierarki Petempatan	B14-17
	14.2.5	Pembangunan Komited Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	B14-19
14.3	Unjuran Institusi dan Kemudahan Masyarakat		B14-19
14.4	Isu dan Prospek		B14-20
14.5	Cadangan Am		B14-21
15.0	**INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**		**B15-1**
15.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B15-1
15.2	Penemuan Semasa		B15-7
	15.2.1	Bekalan Air	B15-7
	15.2.2	Sistem Pembentungan	B15-11
	15.2.3	Bekalan Elektrik	B15-14
	15.2.4	Pengurusan Sisa Pepejal	B15-17
	15.2.5	Telekomunikasi	B15-18
	15.2.6	Pengairan dan Saliran	B15-18
15.3	Isu dan Prospek		B15-21
15.4	Cadangan Am		B15-22
16.0	**PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN LALULINTAS**		**B16-1**
16.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B16-1
16.2	Penemuan Semasa		B16-4
	16.2.1	Rangkaian Jalan Raya Semasa	B16-4
	16.2.2	Isipadu dan Tahap Keupayaan Jalan Raya Semasa	B16-7
	16.2.3	Tahap Keupayaan Persimpangan Semasa	B16-8
	16.2.4	Pisah Ragam Mod Pengangkutan Semasa	B16-10
	16.2.5	Pengangkutan Awam	B16-10
16.3	Unjuran Pertumbuhan Lalulintas		B16-14
16.4	Isu Dan Prospek		B16-15
16.5	Cadangan Am		B16-16

ISI KANDUNGAN

17.0	**ALAM SEKITAR, RISIKO BENCANA DAN PERHUTANAN**		**B17-1**
17.1	Penilaian Pencapaian Dasar		B17-1
17.2	Penemuan Semasa		B17-7
	17.2.1	Keadaan Topografi	B17-7
	17.2.2	Geologi	B17-7
	17.2.3	Iklim, Suhu Dan Taburan Hujan	B17-7
	17.2.4	Taman Laut	B17-8
	17.2.5	Flora dan Fauna	B17-8
17.3	Pengurusan Alam Sekitar		B17-10
	17.3.1	Tahap Kualiti Air Sungai	B17-10
	17.3.2	Tahap Kualiti Air Marin	B17-10
	17.3.3	Tahap Kualiti Bunyi Bising	B17-11
	17.3.4	Tahap Kualiti Udara	B17-11
	17.3.5	Pengurusan Sisa Buangan Terjadual	B17-12
	17.3.6	Tapak Geopark	B17-15
	17.3.7	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	B17-15
17.4	Risiko Bencana		B17-19
17.5	Isu dan Prospek		B17-25
17.6	Cadangan Am		B17-26

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

18.0	**PENGURUSAN MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)**		**B18-1**
18.1	Pengenalan		B18-1
18.2	Pembangunan Pangkalan Data		B18-1
18.3	Analisis Geospatial		B18-5

19.0	**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN**		**B19-1**
19.1	Pengenalan		B19-1
19.2	Penemuan Semasa		B19-4
	19.2.1	Tadbir Urus Peringkat Persekutuan	B19-4
	19.2.2	Tadbir Urus Peringkat Tempatan	B19-9
	19.2.3	Pengurusan Kewangan	B19-12
	19.2.4	Sistem Perjawatan	B19-16
	19.2.5	Rumusan Penemuan	B19-17
19.3	Isu dan Prospek		B19-18
19.4	Cadangan Am		B19-18

BAHAGIAN C : KONSEP DAN HALA TUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN

1.0	**KONSEP DAN HALATUJU PEMBANGUNAN LABUAN 2040**		**C1-1**
1.1	Pengenalan		C1-1
1.2	Halatuju dan Wawasan Kajian		C1-2
1.3	Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040		C1-4
	1.3.1	Strategi Pemerkasaan Ekonomi	C1-5
	1.3.2	Strategi Prasarana Makmur	C1-5
	1.3.3	Strategi Kemampanan Perancangan	C1-5
	1.3.4	Strategi Pengukuhan Sumberjaya	C1-9
	1.3.5	Strategi Pemantapan Urus Tadbir	C1-9
1.4	Rumusan		C1-11

SENARAI JADUAL

BAHAGIAN A : PENGENALAN

1.1	Wilayah Ekonomi (Koridor Pembangunan Sabah)	A1-10
1.2	Keluasan Kawasan Kajian RPL 2040	A1-12
2.1	Aspek Penekanan dalam Kajian Dasar dan Polisi Peringkat Global, dan Nasional dalam Rancangan Pemajuan Labuan	B2-20

BAHAGIAN B : RUMUSAN PENEMUAN SEMASA

ASPEK RANGKA WILAYAH DAN EKONOMI MAKRO

1.1	Penilaian Pencapaian Dasar Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah	B1-1
1.2	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah	B1-4
1.3	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah	B1-5
1.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah	B1-6
1.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blue Print 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah	B1-8
1.6	Jumlah Penduduk Sabah, Sarawak dan WP Labuan, 2010-2020	B1-9
1.7	Statistik Utama Negara Brunei Darussalam	B1-12
1.8	Jumlah dan Pertumbuhan Penduduk Mengikut Negeri dan Wilayah, 2010 dan 2019	B1-13
1.9	Nilai Pelaburan Sektor Pembuatan Yang DiLuluskan Mengikut Negeri dan Wilayah, 2019	B1-14
1.10	KDNK dan KDNK Per kapita Mengikut Negeri, 2015 dan 2019 (Harga Semasa)	B1-15
1.11	Jumlah Penumpang Yang DiKendalikan Mengikut Lapangan Terbang	B1-16
1.12	Pertumbuhan Penduduk, Negeri Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam, 2010 dan 2019	B1-21
1.13	Taburan Penduduk Kawasan Bersempadan Mengikut Kumpulan Umur, 2019	B1-23
1.14	Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Sektor Utama, Kawasan Bersempadan, 2019	B1-23
2.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi	B2-1
2.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi	B2-2
2.3	Penilaian Pencapaian Dasar Perbandaran Negara 2 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi	B2-3
2.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi	B2-3
2.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blue Print 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi	B2-6
2.6	Prestasi KDNK Malaysia, 2015-2019 (harga malar 2015)	B2-8
2.7	KDNK WP Labuan (RM juta) Berbanding Malaysia	B2-8
2.8	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri, 2015 dan 2019 (harga semasa)	B2-9
2.9	KDNK dan KDNK Per Kapita WP Labuan, 2015-2019 (harga malar 2015)	B2-9
2.10	KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Utama Ekonomi (RM juta), 2015-2019	B2-10
2.11	KDNK WP Labuan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (RM juta), 2015 dan 2019	B2-11
2.12	Unjuran KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Utama Ekonomi (RM juta), 2019-2040	B2-14
2.13	Unjuran KDNK dan KDNK Per Kapita WP Labuan, 2019-2040 (harga malar 2015)	B2-14
3.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi	B3-1
3.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi	B3-2
3.3	Penilaian Pencapaian Dasar Perbandaran Negara 2 Berkaitan Sektor Demografi dan Ekonomi	B3-3
3.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi	B3-3
3.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blue Print 2030 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi	B3-4
3.6	Saiz dan Pertumbuhan Penduduk, WP Labuan, 2000-2020	B3-5
3.7	Struktur Umur Penduduk, WP Labuan 2020	B3-5
3.8	Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, WP Labuan, 2020	B3-5
3.9	Taburan Penduduk Mengikut Jantina, WP Labuan, 2020	B3-5
3.10	Kepadatan Penduduk, WP Labuan, 2010 dan 2020	B3-6
3.11	Bilangan dan Saiz Isi Rumah Penduduk, 2010-2020	B3-6
3.12	Migrasi Bersih Penduduk, WP Labuan, 1995-2010	B3-6
3.13	Anggaran Migrasi Penduduk, WP Labuan, 2010-2020	B3-6
3.14	Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan Purata (RM), WP Labuan, 2009-2019	B3-6
3.15	Insiden Kemiskinan Mengikut Strata, WP Labuan, 2016 dan 2019	B3-7

SENARAI JADUAL

3.16	Struktur Tenaga Kerja, WP Labuan, 2000-2019	B3-7
3.17	Kadar Pengangguran WP Labuan dan Malaysia, 2017-2019	B3-7
3.18	Tenaga Kerja Mengikut Kerakyatan, WP Labuan, 2010-2019	B3-8
3.19	Pencapaian Pendidikan Tenaga Buruh, WP Labuan, 2010-2019	B3-8
3.20	Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan, WP Labuan, 2010-2019	B3-8
3.21	Struktur Pekerja Mengikut Industri, WP Labuan, 2010-2019	B3-9
3.22	Struktur Pekerjaan Mengikut Industri dan Jantina, WP Labuan, 2019	B3-9
3.23	Unjuran Penduduk WP Labuan, 2020-2040	B3-10
3.24	Unjuran Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, WP Labuan, 2020-2040	B3-10
3.25	Unjuran Penduduk Mengikut Jantina, WP Labuan, 2020-2040	B3-10
3.26	Unjuran Penduduk Mengikut Komposisi Etnik, WP Labuan, 2020-2040	B3-11
3.27	Unjuran Tenaga Buruh, WP Labuan, 2020-2040	B3-11
3.28	Unjuran Pekerjaan Mengikut Industri, WP Labuan, 2019-2040	B3-12

ASPEK PERANCANGAN SPATIAL

4.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-12 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	B4-1
4.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	B4-2
4.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	B4-2
4.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	B4-3
4.5	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	B4-4
4.6	Komposisi Guna Tanah Semasa WP Labuan (2020)	B4-5
4.7	Perbandingan Keluasan Guna Tanah bagi tahun 2010 dan 2020	B4-7
4.8	Perbandingan Perubahan Guna Tanah Tepu Bina	B4-10
4.9	Unjuran Guna Tanah Labuan Sehingga 2040	B4-10
4.10	Tahap Kesediaan Tanah Untuk Dimajukan	B4-10
4.11	Taburan Guna Tanah Komited Mengikut Kawasan	B4-12
4.12	Kelas Ketinggian Mengikut Kategori	B4-15
4.13	Pecahan Keluasan Kecerunan	B4-16
4.14	Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B4-19
4.15	Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B4-19
5.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar	B5-1
5.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar	B5-1
5.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar	B5-3
5.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Petempatan Bandar	B5-3
5.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar	B5-3
5.6	Analisis Guna Tanah Semasa Mengikut Hierarki Bandar WP Labuan	B5-5
5.7	Keluasan Sempadan Pertumbuhan Bandar Sedia ada bagi WP Labuan	B5-7
5.8	Analisis Guna Tanah Semasa Mengikut Hierarki Bandar WP Labuan	B5-9
5.9	Peratus Pertumbuhan Bandar (Tepu Bina) di Labuan bagi Tahun 2010 dan 2020	B5-11
5.10	Keluasan dan Kepadatan Penduduk Mengikut Negeri 1980, 1991, 2000 dan 2010 bagi Malaysia	B5-12
5.11	Kepadatan Penduduk WP Labuan mengikut Hierarki Bandar	B5-12
5.12	Analisis Kemudahan Awam yang Utama bagi Bandar Labuan	B5-15
5.13	Ringkasan Penemuan Hierarki Bandar WP Labuan	B5-17
6.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-1
6.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-2
6.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-2
6.4	Penilaian Pencapaian Dasar DPFDN 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-3
6.5	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-4
6.6	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa	B6-4
6.7	Perincian Kategori Kampung di Wilayah Persekutuan Labuan	B6-5
6.8	Aktiviti Ekonomi dan Pendapatan Kasar Penduduk	B6-7
6.9	Industri Kecil Sederhana di WP Labuan	B6-8
6.10	Sektor Perusahaan Kecil Sederhana di WP Labuan	B6-9

SENARAI JADUAL

6.11	Senarai Kemudahan Awam WP Labuan	B6-10
6.12	Kemudahan Awam Masyarakat Desa WP Labuan	B6-11
6.13	Liputan Bekalan Air WP Labuan	B6-13
6.14	Liputan Bekalan Air WP Labuan	B6-13
6.15	Bilangan Unit Lampu Jalan	B6-13
7.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-1
7.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-1
7.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN Ke-2 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-3
7.4	Penilaian Pencapaian Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-6
7.5	Penilaian Pencapaian Dasar Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-6
7.6	Penilaian Pencapaian Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan	B7-9
7.7	Pintu Masuk Darat Pusat Bandar Labuan	B7-12
7.8	Pintu Masuk Laut Pusat Bandar Labuan	B7-12
7.9	Ketinggian Bangunan di Pusat Bandar Labuan	B7-15
7.10	Kriteria Penilaian Struktur Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-15
7.11	Keadaan Semasa Struktur Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-15
7.12	Kualiti Koridor Visual	B7-23
7.13	Taburan Mercu Tanda (*Landmark*)	B7-23
7.14	Senarai Bangunan Warisan di Labuan	B7-26
7.15	Senarai Tapak Warisan di Labuan	B7-26
7.16	Senarai Monumen Warisan di Labuan	B7-27
7.17	Senarai Objek Warisan di Labuan	B7-27
7.18	Peratusan Bangunan, Tapak, Monumen dan Objek Warisan di Labuan	B7-27
7.19	Peratusan Tahap Signifikan Warisan Di Labuan	B7-27
8.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.	B8-2
8.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.	B8-2
8.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.	B8-3
8.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.	B8-3
8.6	Taburan Kawasan Pembangunan Landskap WP Labuan.	B8-4
8.7	Taburan Kawasan Landskap dan Rekreasi Semasa WP Labuan.	B8-6
8.8	Data Semasa Penduduk dan Kawasan Rekreasi.	B8-6
8.9	Senarai Inventori Landskap Lembut Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.	B8-8
8.10	Senarai Inventori Landskap Kejur Bagi Kawasan Pembangunan Landskap di WP Labuan.	B8-11
8.11	Senarai Inventori Landskap Kejur Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.	B8-12
8.12	Senarai Semak Papan Tanda Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.	B8-13
8.13	Senarai Inventori Pencahayaan Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.	B8-14
8.14	Senarai Inventori Pengairan dan Saliran Bagi Taman-taman di WP Labuan.	B8-16
8.15	Senarai Inventori Elemen Badan Air Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.	B8-17
8.16	Senarai Inventori Kemudahan Rekreasi di Kesemua Hierarki Taman.	B8-18
8.17	Senarai Projek Pembangunan Landskap dan Rekreasi (dalam tempoh 10 tahun).	B8-19
8.18	Unjuran Keperluan Kawasan Rekreasi Menjelang 2040.	B8-19
9.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perumahan.	B9-1
9.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perumahan	B9-1
9.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Perumahan	B9-2
9.4	Penilaian Pencapaian Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025 Berkaitan Sektor Perumahan	B9-2
9.5	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perumahan	B9-3
9.6	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Perumahan	B9-4
9.7	Keluasan Guna Tanah Semasa Perumahan 2020	B9-5
9.8	Stok Unit Perumahan Terancang 2010 dan 2020	B9-7
9.9	Jumlah Penduduk Dan Saiz Isi Rumah WP Labuan Tahun 2010 & 2020.	B9-8
9.10	Nisbah Isi Rumah Kepada Stok Perumahan WP Labuan Tahun 2010 & 2020.	B9-8

SENARAI JADUAL

9.11	Kepadatan Perumahan WP Labuan Tahun 2010 & 2020.	B9-8
9.12	Stok Unit Perumahan Terancang Sedia Ada.	B9-9
9.13	Senarai Taman Perumahan di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan.	B9-12
9.14	Maklumat Harga Rumah (Purata & Pertengahan) di WP Labuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang Untuk Suku Tahun Kedua 2019 dengan Suku Tahun Kedua 2020.	B9-14
9.15	Pembangunan Komited Perumahan di WP Labuan 2020.	B9-14
9.16	Unjuran Perumahan WP Labuan (2020 – 2040).	B9-15
9.17	Unjuran Keperluan Tanah Perumahan.	B9-15
10.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perindustrian.	B10-1
10.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perindustrian	B10-2
10.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Perindustrian	B10-2
10.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perindustrian	B10-3
10.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Perindustrian	B10-4
10.6	Keluasan Guna Tanah Semasa Industri 2020	B10-5
10.7	Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis 2020	B10-8
10.8	Aktiviti Industri Utama di WP Labuan.	B10-12
10.9	Senarai *Product Champion* di WP Labuan	B10-15
10.10	Unjuran Keperluan Guna Tanah Industri 2020 – 2040.	B10-17
11.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan	B11-1
11.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan	B11-2
11.3	Penilaian Pencapaian Dasar Perbandaran Negara 2 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan	B11-2
11.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan	B11-3
11.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blue Print 2030 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan	B11-4
11.6	Bilangan Pertubuhan Perniagaan Sedia Ada Mengikut Jenis Perniagaan, Kawasan Kajian 2020	B11-5
11.7	Bilangan Syarikat Berdaftar dan Beroperasi, Labuan IBFC 2010, 2015 & 2019	B11-7
11.8	Bilangan Pelesen Perniagaan Mengikut Jenis Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan, Labuan IBFC, 2010, 2015 & 2019	B11-7
11.9	Jenis Bangunan dan Stok Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2010 & 2019	B11-8
11.10	Penawaran Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2019	B11-8
11.11	Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2019	B11-9
11.12	Hakmilik Pertubuhan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2020	B11-9
11.13	Taburan Tenaga Kerja Perniagaan Mengikut Jenis Perniagaan, Kawasan Kajian , 2020	B11-9
11.14	Taburan Aktiviti Penjajaan Mengikut Lokasi, Kawasan Kajian, 2020	B11-10
11.15	Unjuran Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2020-2040	B11-10
12.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan	B12-1
12.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN ke-3 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan	B12-1
12.3	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan	B12-2
12.4	Keluasan Guna Tanah Semasa Pertanian 2020	B12-4
12.5	Perbandingan Guna Tanah Pertanian 2010 dan 2020	B12-4
12.6	Jumlah Pengeluaran Hasil Pertanian (Tanaman) bagi Tahun 2015 hingga 2019	B12-6
12.7	Bilangan Petani Mengikut Jenis Tanaman	B12-6
12.8	Perincian Tanaman Buah – Buahan bagi Tahun 2019	B12-8
12.9	Perincian Tanaman Sayur – Sayuran bagi Tahun 2018	B12-9
12.10	Perincian Tanaman Ladang Bagi Tahun 2018	B12-10
12.11	Perincian Tanaman Industri Bagi Tahun 2018	B12-10
12.12	Perincian Tanaman Rempah – Ratus Bagi Tahun 2018	B12-11
12.13	Perincian Kelas dan Siri Tanah di Wilayah Persekutuan Labuan	B12-12
12.14	Perbandingan Guna Tanah Penternakan 2010 dan 2020	B12-14
12.15	Pengeluaran Penternakan Ayam Keseluruhan bagi Tahun 2018 dan 2019	B12-15
12.16	Jumlah Pengeluaran Akuakultur bagi Tahun 2015 hingga 2019	B12-15
13.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-1
13.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-2
13.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-2
13.4	Penilaian Pencapaian Dasar DPF Desa Negara 2030 Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-3
13.5	Penilaian Pencapaian *National Tourism Policy 2020 – 2030* Berkaitan Sektor Pelancongan.	B13-4

SENARAI JADUAL

13.6	Penilaian Pencapaian *National Ecotourism Plan 2016 – 2025* Berkaitan Sektor Pelancongan.	B13-5
13.7	Penilaian Pencapaian Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-7
13.8	Penilaian Pencapaian *Labuan Development Blueprint 2030* Berkaitan Sektor Pelancongan	B13-8
13.9	Senarai Produk Pelancongan Di WP Labuan Mengikut Kategori	B13-12
13.10	Acara Tahunan Utama Bertaraf Antarabangsa	B13-14
13.11	Maklumat Pengangkutan ke Labuan	B13-20
14.1	Penilaian Pencapaian Dasar Rancangan Malaysia Kesebelas	B14-1
14.2	Penilaian Pencapaian Dasar Perbandaran Negara Kedua	B14-1
14.3	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030	B14-2
14.4	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Blueprint Development 2030	B14-3
14.5	Guna Tanah Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Tahun 2010 & 2020	B14-4
14.6	Institusi dan Kemudahan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2020 Mengikut Kategori Dan Bilangan	B14-4
14.7	Keperluan Minima Elemen Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Berdasarkan Bilangan Penduduk Tahun 2020	B14-12
14.8	Kualiti Fizikal Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan	B14-15
14.9	Penyediaan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Berdasarkan Hierarki Petempatan	B14-17
14.10	Pembangunan Komited Institusi dan Kemudahan Masyarakat, WP Labuan Tahun 2020	B14-19
14.11	Unjuran Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan, Tahun 2040	B14-19
14.12	Unjuran Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Sela 5 tahun Perancangan	B14-19
15.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.	B15-1
15.2	Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-2
15.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-3
15.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-3
15.5	Penilaian Polisi Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-5
15.6	Penilaian Pelan Jalinan Digital Negara Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-5
15.7	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti	B15-6
15.8	Sumber Air Mentah bagi WP Labuan	B15-7
15.9	Punca Bekalan Air dan Kapasiti Pengeluaran Semasa.	B15-7
15.10	Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Air di WP Labuan (2020).	B15-7
15.11	Peratus Kadar Air Tidak Terhasil (NRW)	B15-8
15.12	Unjuran Keperluan Permintaan Air, Sehingga Tahun 2040 bagi WP Labuan	B15-8
15.13	Bilangan Kemudahan Sistem Pembetungan di WP Labuan	B15-11
15.14	Unjuran Janaan Penduduk Setara (P.E) bagi WP Labuan Sehingga 2040	B15-11
15.15	Kawasan Penempatan Mengamalkan Kaedah Tandas Curah	B15-12
15.16	Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Elektrik di WP Labuan (2020).	B15-14
15.17	Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Elektrik di WP Labuan (2020).	B15-14
15.18	Unjuran Keperluan Bekalan Elektrik bagi WP Labuan Sehingga 2040	B15-14
15.19	Butiran Pengurusan Sisa Pepejal di WP Labuan	B15-17
15.20	Unjuran Janaan Sisa Pepejal Sehingga Tahun 2040 bagi WP Labuan	B15-17
15.21	Perbandingan Peratus Liputan Jalur Lebar di WP Labuan (Q1-2019) dan (Q1-2020).	B15-18
15.22	Senarai Lembangan dan Kawasan Banjir Kilat di WP Labuan.	B15-18
15.23	Senarai Pantai dan Kategori Hakisan di WP Labuan	B15-18
16.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	B16-1
16.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	B16-1
16.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	B16-2
16.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	B16-2
16.5	Penilaian Pencapaian Dasar *Labuan Development Blueprint* 2030 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	B16-3
16.6	Daftar Jalan Utama Persekutuan Wilayah Persekutuan Labuan.	B16-4
16.7	Penerangan Tahap Khidmat Jalan (LOS)	B16-7
16.8	Isipadu trafik 16 jam, Jumlah Trafik Waktu Puncak dan Tahap Keupayaan Jalan Semasa.	B16-7
16.9	Tahap Keupayaan Persimpangan Semasa Bagi Tahun 2020 di Wilayah Persekutuan Labuan	B16-8

SENARAI JADUAL

16.10	Senarai Jeti Utama di Wilayah Persekutuan Labuan.	B16-10
16.11	Jumlah kargo termasuk kontena yang dikendalikan mengikut pelabuhan dan jenis di Pelabuhan Labuan bagi tahun 2014 hingga 2020.	B16-11
16.12	Laluan Feri di Terminal Feri Antarabangsa Labuan	B16-11
16.13	Laluan Feri di Terminal Feri Ro-Ro Labuan	B16-11
16.14	Unjuran Lalulintas Bagi Tahun 2025 hingga Tahun 2040 Wilayah Persekutuan. Labuan.	B16-14
16.15	Cadangan Hierarki Jalan	B16-17
17.1	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan	B17-1
17.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan	B17-2
17.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan	B17-3
17.4	Pelan Strategik Agensi Pengurusan Bencana Negara 2019-2023	B17-3
17.5	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan	B17-4
17.6	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan	B17-6
17.7	Kategori Pulau di WP Labuan	B17-8
17.8	Lokasi, Peratusan dan Status Kawasan Yang Dilitupi Terumbu Karang	B17-8
17.9	Senarai Terumbu Karang di Taman Laut WP Labuan	B17-9
17.10	Had Bunyi Bising Berdasarkan Garis Panduan Tahun 2004 dan 2019 (Terkini)	B17-11
17.11	Butiran Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Udara WP Labuan	B17-12
17.12	Senarai Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDTBT) Di WP Labuan	B17-13
17.13	Lokasi Baru Tapak Geologi	B17-15
17.14	Langkah-langkah Pengurusan Dan Strategi Kawalan Pembangunan KSAS	B17-16
17.15	Kategori Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Mengikut Fungsi di WP Labuan	B17-17
17.16	Potensi Bencana Di WP Labuan	B17-19

ASPEK PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

18.1	Senarai Penerimaan Data Asas	B18-2
18.2	Senarai Fail/*Folder* Pangkalan Data Rancangan Pemajuan Labuan 2040	B18-4
18.3	Analisis Ketinggian	B18-6
18.4	Analisis Kecerunan	B18-8
18.5	Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B18-10
18.6	Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B18-11
19.1	Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	B19-1
19.2	Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	B19-2
19.3	Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	B19-2
19.4	Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	B19-3
19.5	Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	B19-3
19.6	Jabatan di bawah Kementerian Persekutuan	B19-6
19.7	Anggota Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan	B19-7
19.8	Anggaran Perbelanjaan bagi Mengurus pada tahun 2020 dan 2021	B19-12
19.9	Jumlah Peruntukan Belanja Mengurus Perbadanan Labuan, 2010 sehingga 2018 Mengikut Pecahan Sumber	B19-13
19.10	Senarai Pengurusan Belanja Pembangunan RMK-11	B19-13
19.11	Hasil Pendapatan Perbadanan Labuan, 2015 sehingga 2018 Mengikut Kategori Hasil	B19-14
19.12	Perbelanjaan Perbadanan Labuan, 2015 sehingga 2018 Mengikut Kategori Perbelanjaan	B19-14
19.13	Pecahan Penjawatan KWP	B19-16
19.14	Bilangan Penjawatan Perbadanan Labuan	B19-16

SENARAI RAJAH

BAHAGIAN A : PENGENALAN

1.1	Rancangan Pemajuan Labuan 2040 Di Dalam Hierarki Rancangan Pembangunan	A1-1
1.2	Keperluan Penyediaan Rancangan Struktur	A1-2
1.3	Kronologi Penyediaan RPL 2040	A1-3
1.4	Carta Alir Proses Penyediaan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040	A1-5
1.5	Penyediaan Laporan Rancangan Pemajuan Labuan 2040	A1-6
1.6	Kajian Sektoral Di Dalam Laporan Tinjauan RPL 2040.	A1-6
1.7	Kedudukan Malaysia dalam ASEAN	A1-7
1.8	Koridor Ekonomi Utama BIMP-EAGA	A1-8
1.9	Koridor Ekonomi Borneo Barat	A1-9
1.10	Kedudukan WP Labuan Dalam Koridor Wilayah Ekonomi Negara.	A1-10
1.11	Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan Dan Pusat Katalis Di Negeri Sabah dan WP Labuan.	A1-11
1.12	Kronologi Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan	A1-12
1.13	Info Ringkas Kawasan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040	A1-12
1.14	Kawasan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040	A1-13
1.15	Fakta Ringkas Profil WP Labuan	A1-14
2.1	Dasar dan Polisi Rancangan Pemajuan Labuan 2040	B2-1
2.2	Sustainable Development Goals (SDG's)	B2-2
2.3	Koridor Ekonomi Utama (BIMP-EAGA)	B2-4
2.4	Rangkaian Perhubungan dan Lapangan Terbang BIMP-EAGA RORO	B2-5
2.5	Teras Rancangan Fizikal Kesebelas (RMKe-11)	B2-7
2.6	Teras Utama Rancangan Fizikal Negara 3	B2-8
2.7	Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)	B2-9
2.8	Strategik Utama Dasar Pelancongan Negara 2020-2030	B2-12
2.9	Objektif Dasar Industri 4.0 (Attract, Create & Transfrom : A-C-T)	B2-13
2.10	Komponen-komponen Bandar Pintar	B2-14
2.11	Visi, Objektif dan Teras Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030	B2-15
2.12	Matlamat, Objektif dan Fokus Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025	B2-16
2.13	Prinsip Dasar Alam Sekitar Negara	B2-17
2.14	Hala Tuju Pembangunan Labuan 2030	B2-18
2.15	Labuan Development Blueprint Strategic Roadmap	B2-19

BAHAGIAN B : RUMUSAN PENEMUAN SEMASA

ASPEK RANGKA WILAYAH DAN EKONOMI MAKRO

1.1	Rangka Strategik Pembangunan Negeri Sabah dan WP Labuan	B1-10
1.2	Keutamaan Koridor Ekonomi Dalam BIMP-EAGA	B1-11
1.3	Hasil Pencapaian Matlamat Wawasan Brunei 2035	B1-12
1.4	Kawasan Koridor Ekonomi Wilayah Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE)	B1-19
1.5	Komponen utama Sabah Development Corridor (SDC)	B1-19
1.6	Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)	B1-20
1.7	Koridor Labuan-Menumbok-Sipitang	B1-22
1.8	Koridor Labuan-Brunei-Miri	B1-22
2.1	Tren Pertumbuhan KDNK Per Kapita WP Labuan dan Malaysia, 2010-2019 (RM)	B2-9
2.2	KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Ekonomi, 2015-2019 (RM juta)	B2-10
3.1	Piramid Umur & Jantina Penduduk, WP Labuan, 2020	B3-5
3.2	Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah (RM), WP Labuan dan Malaysia, 2009-2019	B3-7
3.3	Piramid Umur & Jantina Penduduk, Labuan, 2040	B3-10

ASPEK PERANCANGAN SPATIAL

4.1	Pecahan Keluasan Guna Tanah di WP Labuan	B4-5
4.2	Guna Tanah Semasa WP Labuan	B4-6
4.3	Corak Peningkatan Guna Tanah Mengikut Kategori	B4-8
4.4	Corak Pengurangan Guna Tanah Mengikut Kategori	B4-9

SENARAI RAJAH

4.5	Taburan Guna Tanah Tepu Bina WP Labuan	B4-11
4.6	Corak Pembangunan Semasa WP Labuan	B4-13
4.7	Taburan Guna Tanah Komited	B4-14
4.8	Analisis Ketinggian	B4-17
4.9	Analisis Kecerunan	B4-19
4.10	Pecahan Kesediaan Tanah Pembangunan	B4-18
4.11	Kesediaan Tanah Pembangunan WP Labuan	B4-20
5.1	Perincian Hierarki bandar WP Labuan	B5-4
5.2	Pelan Hierarki Bandar	B5-6
5.3	Pelan Analisis Sempadan Bandar WP Labuan	B5-8
5.4	Kaedah Analisis Liputan Perkhidmatan Bandar	B5-15
5.5	Pelan Analisis Liputan Perkhidmatan Bandar	B5-16
6.1	Taburan Petempatan Desa	B6-6
6.2	Taburan Institusi dan Kemudahan Masyarakat	B6-12
6.3	Taburan Infrastruktur dan Utiliti Desa	B6-14
7.1	Sempadan Kawasan Kajian di Pusat Bandar Labuan	B7-13
7.2	Pintu Masuk Darat Dan Pintu Masuk Laut Ke Pusat Bandar Labuan	B7-14
7.3	Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-16
7.4	Ketinggian Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan	B7-17
7.5	Latar Langit (*Skyline*) di Pusat Bandar Labuan	B7-18
7.6	Tahap Kemudahsampaian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan	B7-20
7.7	Tahap Kefungsian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan	B7-21
7.8	Padu Lompong (*Solid Void*) di Pusat Bandar Labuan	B7-22
7.9	Tahap Kualiti Visual di Pusat Bandar Labuan	B7-24
7.10	Taburan Mercu Tanda (*Landmark*) & Pusat Tumpuan (*Nodes*) di Pusat Bandar Labuan	B7-25
7.11	Taburan Bangunan Warisan di Labuan	B7-28
7.12	Taburan Tapak Warisan di Labuan	B7-29
7.13	Taburan Monumen Warisan di Labuan	B7-30
7.14	Taburan Bandar-bandar Tempatan di Labuan	B7-32
8.1	Taburan Elemen Rekreasi dan Elemen Landskap Tahun 2020	B8-5
9.1	Pecahan Guna Tanah Perumahan WP Labuan 2020.	B9-5
9.2	Trend Pembangunan Guna Tanah Perumahan WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.	B9-5
9.3	Guna Tanah Semasa Perumahan 2020	B9-6
9.4	Piawaian Kepadatan Perumahan	B9-8
9.5	Trend Unit Perumahan Terancang WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.	B9-9
9.6	Pecahan Pembangunan Perumahan Kos Rendah, Sederhana dan Tinggi WP Labuan 2020.	B9-9
9.7	Taburan Kawasan Setinggan WP Labuan	B9-11
9.8	Taburan Perumahan Di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan, Program Perumahan Rakyat & Kuarters Kerajaan Kakitangan Awam (KKKA)	B9-13
9.9	Harga Rumah (Pertengahan) di Malaysia (2016 – 2020)	B9-14
10.1	Pecahan Guna Tanah Industri WP Labuan 2020.	B10-5
10.2	Guna Tanah Semasa Industri 2020	B10-6
10.3	Trend Pembangunan Guna Tanah Industri WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.	B10-7
10.4	Pecahan Kategori Industri WP Labuan 2020.	B10-8
10.5	Kategori Industri 2020	B10-9
10.6	Segi tiga Minyak dan Gas (Sabah – Labuan)	B10-10
10.7	Lokasi Kompleks Hab Halal Labuan	B10-11
10.8	Taburan Aktiviti Industri 2020	B10-13
10.9	Pembangunan Komited Industri	B10-18
11.1	Guna Tanah Semasa Perniagaan 2020	B11-6
11.2	Negara Asal Syarikat Yang Beroperasi di Labuan IBFC, 2019	B11-7
12.1	Sumbangan KDNK Sektor Ekonomi WP Labuan	B12-3
12.2	Pertumbuhan Subsektor Pertanian WP Labuan	B12-3
12.3	Perbandingan Keluasan Subsektor Tanaman	B12-5
12.4	Taburan Guna Tanah Pertanian	B12-7
12.5	Jumlah Keseluruhan Keluasan Bertanam dan Hasil Jenis Tanaman	B12-11
12.6	Kelas Kesesuaian Tanah Pertanian	B12-13

SENARAI RAJAH

12.7	Pecahan Guna Tanah Penternakan dan Akuakultur Mengikut Kawasan	B12-14
12.8	Taburan Aktiviti Akuakultur Di Labuan	B12-16
12.9	Pengezonan Perairan Perikanan	B12-18
13.1	Kedudukan WP Labuan dalam konteks Wilayah	B13-9
13.2	Kategori Produk Pelancongan mengikut hierarki	B13-10
13.3	Taburan Produk Pelancongan Di WP Labuan	B13-11
13.4	Penilaian Inventori Produk Pelancongan WP Labuan	B13-13
13.5	Peratus Kedatangan Pelancong dan Pelawat 2019	B13-15
13.6	Jumlah kedatangan Tahunan Pelawat dan Pelancong ke Labuan 2015-2020	B13-16
13.7	Kedatangan Bulanan Pelawat dan Pelancong ke Labuan 2019	B13-17
13.8	Peratus jumlah pelancong yang menginap	B13-17
13.9	Pecahan peratusan jumlah pelancong yang menginap	B13-17
13.10	Butiran kajian soal selidik pelancong	B13-18
13.11	Segmen Pelancong Domestik dan Antarabangsa	B13-18
13.12	Peratus bagi perspektif pelancong bagi imej Labuan	B13-19
13.13	Peratus bagi ulangan lawatan	B13-19
13.14	Peratus persepsi pelancong terhadap pelancongan di Labuan	B13-19
13.15	Rangkaian Perhubungan Antara Pintu Masuk Ke Labuan	B13-20
13.16	Ringkasan maklumat penginapan di WP Labuan 2019	B13-21
13.17	Taburan Kemudahan Asas Pelancong	B13-23
13.18	Pecahan peratusan jumlah pelancong yang menginap	B13-24
14.1	Pelan Taburan Sekolah Rendah, Sekolah Rendah Agama Dan Sekolah Antarabangsa	B14-4
14.2	Pelan Taburan Kemudahan Pendidikan Sekolah Menengah Dan IPT	B14-5
14.3	Pelan Taburan Kemudahan Kesihatan	B14-6
14.4	Pelan Taburan Kemudahan Keselamatan	B14-7
14.5	Pelan Taburan Kemudahan Keagamaan	B14-8
14.6	Pelan Taburan Perkuburan	B14-9
14.7	Pelan Taburan Kemudahan Awam	B14-10
14.8	Pelan Taburan Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Tahun 2020	B14-13
15.1	Pelan Empangan Dan Loji Rawatan Air Sedia Ada Di WP Labuan	B15-10
15.2	Contoh Model Perniagaan (*Business Model*) Bekalan Air Diguna Semula Bagi Kegunaan Industri.	B15-12
15.3	Taburan Loji Rawatan Kumbahan Di WP Labuan	B15-13
15.4	Pecahan Campuran Tenaga di Sabah Termasuk WP Labuan (2019)	B15-15
15.5	Pelan Rangkaian Bekalan Elektrik Wp Labuan	B15-16
15.6	Pelan Liputan 4G (LTE) Dan 3G Di Wp Labuan	B15-19
15.7	Pelan Lembangan, Kawasan Berisiko Hakisan Dan Kawasan Berisiko Banjir WP Labuan	B15-20
16.1	Rangkaian Jalan Raya di W.P. Labuan	B16-6
16.2	Tahap Keupayaan (LOS) Semasa Jalan Raya dan Persimpangan	B16-9
16.3	Pisah Ragam Pengangkutan Persendirian Berbanding Pengangkutan Awam Tahun 2009 sehingga tahun 2020.	B16-10
16.4	Lokasi Jeti Utama di Wilayah Persekutuan Labuan	B16-10
16.5	Jumlah Penumpang Keluar dan Masuk di Terminal Feri Antarabangsa Labuan bagi tahun 2014 sehingga tahun 2020.	B16-11
16.6	Statistik Feri Roro Laluan Labuan – Menumbok	B16-12
16.7	Statistik Feri Roro Laluan Labuan – Muara, Brunei	B16-12
16.8	Jumlah Trip Bas dan Teksi Sehari Tahun 2009 sehingga Tahun 2019	B16-12
16.9	Statistik Jumlah Penumpang Kapal Terbang di Lapangan Terbang Labuan bagi Tahun 2010 sehingga Tahun 2019.	B16-13
16.10	Statistik Jumlah Kargo Yang Dikendalikan Di Lapangan Terbang Labuan Tahun 2010 sehingga Tahun 2019.	B16-13
16.11	Tren Pertumbuhan Lalulintas di Wilayah Persekutuan Labuan.	B16-14
16.12	Cadangan Jambatan Labuan – Menumbok, Sabah.	B16-16
16.13	Cadangan Pembangunan Pelabuhan Labuan	B16-16
16.14	Cadangan Naiktaraf Lapangan Terbang Labuan.	B16-17
16.15	Cadangan Bagi Peningkatan Jaringan Jalan Raya Wilayah Persekutuan Labuan 2040	B16-18
17.1	Kawasan Geologi Batuan WP Labuan	B17-7
17.2	Purata Taburan Hujan Bulanan (mm) Tahun 2015-2020	B17-7
17.3	Bilangan Dan Senarai Terumbu Karang di Taman Laut WP Labuan	B17-8

SENARAI RAJAH

17.4	Perincian Hutan Paya Bakau Kina Benuwa	B17-9
17.5	Indeks Kualiti Air Marin (IKAM)	B17-10
17.6	Status Kualiti Air Marin Kawasan Pantai WP Labuan 2017-2018	B17-10
17.7	Status Kualiti Air Marin Kawasan Pulau WP Labuan 2017-2018	B17-10
17.8	Graf Pengawasan Tahap Bunyi Bising Di Kawasan Sensitif Bunyi, Kawasan Trafik dan Kawasan industri	B17-11
17.9	Status Bacaan IPU Bagi Stesen Pengawasan Kualiti Udara (Tahun 2018-2019)	B17-12
17.10	Proses Pengurusan Buangan Terjadual di WP Labuan	B17-13
17.11	Pelan Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Air, Marin Dan Udara	B17-14
17.12	Pelan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Ksas) Bersepadu Wp Labuan	B17-18
17.13	Pelan Risiko Banjir	B17-20
17.14	Pelan Risiko Hakisan Pantai	B17-21
17.15	Pelan Risiko Industri	B17-22
17.16	Pelan Risiko Analisis Ketinggian	B17-23
17.17	Pelan Risiko Penerbangan	B17-24

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

18.1	Komponen-Komponen Sistem Maklumat Geografi (GIS)	B18-1
18.2	Asas dan Dokumen Rujukan	B18-1
18.3	Proses Pembangunan Pangkalan Data	B18-2
18.4	Contoh Kesalahan dan Masalah Kualiti Data	B18-2
18.5	Perisian Yang Digunakan Di Dalam Pembangunan Data dan Analisis Data	B18-3
18.6	Model Pangkalan Data Rancangan Pemajuan Labuan 2040	B18-3
18.7	Proses Pembentukan Pelan Analisis Dalam Pembentukan Halatuju, Konsep & Strategi Pembangunan	B18-5
18.8	Model Analisis Ketinggian	B18-6
18.9	Analisis Ketinggian	B18-7
18.10	Model Analisis Kecerunan	B18-8
18.11	Analisis Kecerunan	B18-9
18.12	Penggunaan Pendekatan Raster dan Perbezaan Saiz Grid Mempengaruhi Hasil Analisis	B18-10
18.13	Model Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B18-11
18.14	Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B18-12
18.15	Analisis Kesediaan Fizikal Tanah	B18-13
19.1	Senarai Wilayah yang Ditadbir oleh KWP	B19-4
19.2	Carta Organisasi Kementerian Wilayah Persekutuan	B19-8
19.3	Objektif Perbadanan Labuan	B19-10
19.4	Carta Organisasi Perbadanan Labuan	B19-11
19.5	Program Utama dalam Aspek Mengurus	B19-12
19.6	Ringkasan Perbelanjaan dan Pendapatan Perbadanan Labuan	B19-15
19.7	Ringkasan Penjawatan Kementerian Wilayah Persekutuan	B19-16

BAHAGIAN C : KONSEP DAN HALATUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN

1.1	Konsep Pembangunan Spatial Rancangan Pemajuan Labuan 2040 (Cadangan Aksesibiliti Ke Kiamsam)	C1-4
1.2	Konsep Pembangunan Spatial Rancangan Pemajuan Labuan 2040 (Cadangan Aksesibiliti Ke Cadangan Pelabuhan Bersepadu)	C1-5
1.3	Strategi Pemerkasaan Ekonomi	C1-7
1.4	Strategi Prasarana Makmur	C1-8
1.5	Strategi Kemampanan Perancangan	C1-9
1.6	Strategi Pengukuhan Sumberjaya	C1-11

SENARAI SINGKATAN


ASEAN	Association of South Asean Nations (ASEAN)
BIMBP-EAGA	Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina
CPTED	Reka Bentuk Bandar Selamat / *Crime Prevention Through Environmental Design*
CS	*Conical Surface*
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DPN 2	Dasar Perbandaran Negara Kedua
DPFDN 2030	Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030
DRSL 2030	Draf Rancangan Struktur Labuan 2030
ECER	Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Pantai Timur
ERP	Electronic Road Price
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
GIS	Pengurusan Maklumat Geografi
HMP	Pelan Pengurusan Warisan
HIA	Penilaian Impak Warisan
ISMP	*Integrated Shoreline Management Plan*
IKA	*Indeks Kualiti Air*
IPU	Indeks Pencemaran Udara
IBFC	Pusat Kewangan dan Perdagangan Antarabangsa
IHS	*Inner Horizontal Surface*
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IWK	Indah Water Konsortiom
JBA	Jabatan Bekalan Air
JPT	Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal
KPLB	Dasar Pembangunan Luar Bandar
KWP	Kementerian Wilayah Persekutuan
KSAS	Kawasan Sensetif Alam Sekitar
KBC	Kedai Bebas Cukai
KKKA	Kuartes Kerajaan Kakitangan Awam
KDNK	Kadar Dalam Negeri Kasar
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan
LRA	Loji Rawatan Air
LDA	Labuan Development Authority
LRK	Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada
MPPWP	Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan
MPKK	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
MDG	Millenium Development Goals
MPL	Majlis Perbandaran Labuan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NRW	Air Tidak Terhasil
NCER	Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Utara
NUA	*New Urban Agenda*
NAPIC	Pusat Maklumat Hartanah Negara
OFSE	*Oil-Field Service and Equipment*
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPD	Pusat Pertumbuhan Desa
PPR	Program Perumahan Rakyat
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPU	Pencawang Pengangih Utama
PYDT	Premis Yang Ditetapkan
PYBDT	Premis Yang Bukan Ditetapkan
PL	Perbadanan Labuan
PBC	Pulau Bebas Cukai

SENARAI SINGKATAN

RS	Rancangan Struktur
RT	Rancangan Tempatan
RKK	Rancangan Kawasan Khas
RP	Rancangan Pemajuan
RFN 3	Rancangan Fizikal Negara Ke-3
RFZPPN 2030	Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2030
RU	Desa Bandar / *Rural Urban*
RS	Desa Luar Bandar
SDC	Koridor Pembangunan Sabah
SCORE	Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak
SDG 2030	Sustainable Development Goals 2030
SPMP	Skim Penempatan Masyarakat Pelarian
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TAS	*Take-off Approach*
TBB	Tenaga Boleh Baharu
TOD	Transit Oriented Development
UNHCR	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian
UN	*United Nation*
U1	Perbandaran Utama
UGB	*Urban Growth Boundary*
UCB	*Urban Containment Boundary*
UMS	Univerisiti Malaysia Sabah
UR	Bandar Desa / *Urban Rural*
WP Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan
WK	Warisan Ketara
WTK	Warisan Tidak Ketara
WBK	Warisan Budaya Ketara
WS	Warisan Semulajadi
ZPP	Zon Promosi Pembangunan

BAHAGIAN A :

PENGENALAN KAJIAN


PEARL OF BORNEO

BAB

01



Pendahuluan



Menara Jam Labuan

Pendahuluan

Bahagian pendahuluan akan menyentuh berkaitan pengenalan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 secara keseluruhan khususnya berkaitan dengan Laporan Tinjauan. Perincian bahagian ini akan merangkumi aspek definisi Rancangan Struktur (RS), asas keperluan kajian, proses penyediaan kajian, penghasilan laporan, bentuk Laporan Tinjauan serta latar belakang kawasan kajian.

1.1 Pengenalan

Rancangan Pemajuan merupakan dokumen **Rancangan Struktur** dan **Rancangan Tempatan** yang mengandungi dasar dan cadangan bagi memenuhi keperluan sosial dan ekonomi penduduk melalui pembentukan struktur fizikal yang teratur serta alam sekitar yang selesa.

Sub seksyen 2 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan bahawa Rancangan Pemajuan berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya:


- Rancangan Tempatan bagi kawasan itu, atau
- Jika tiada Rancangan Tempatan bagi kawasan itu, maka Rancangan Struktur bagi kawasan itu adalah mewakili Rancangan Pemajuan tersebut.

Berhubung dengan mana-mana tanah dan bangunan, ertinya Rancangan Pemajuan, sebagai mana yang ditakrifkan sedemikan, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak.

Kajian **Rancangan Pemajuan Labuan (RPL) 2040** disediakan di bawah peruntukan **seksyen 7 & 12, Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976**. Merujuk kepada sistem hierarki Rancangan Pembangunan, Rancangan Pemajuan merupakan hierarki ketiga selepas Rancangan Fizikal Negara dan Rancangan Wilayah. Dalam konteks kajian RPL 2040, ia merangkumi di bawah penyediaan **Rancangan Struktur** dan **Rancangan Tempatan** (Rujuk Rajah 1.1).

Laporan yang disediakan ini adalah **Laporan Tinjauan** sebagai memenuhi proses penyediaan **RPL 2040**. Tujuan penyediaan Laporan Tinjauan ini adalah untuk mengemukakan penemuan semasa kajian berdasarkan sektor-sektor yang dikaji. Selain itu, laporan ini akan dipublisiti dan dipamerkan bagi memberi peluang kepada pihak awam untuk mengemukakan pandangan dan cadangan.

Rajah 1.1: Rancangan Pemajuan Labuan 2040 Di Dalam Hierarki Rancangan Pembangunan



Sumber : Olahan daripada Manual Rancangan Struktur 2015 (Edisi Ke-4)

1.2 Definisi Rancangan Struktur

Rancangan Struktur didefinasikan sebagai **satu penyataan bertulis yang mengemukakan dasar-dasar dan cadangan-cadangan am mengenai pemajuan dan penggunaan tanah secara keseluruhan, terutama di peringkat negeri**.

Berdasarkan kepada Seksyen 8, Akta 172, Rancangan Struktur menerangkan langkah-langkah pemajuan yang dimaksudkan seperti mana berikut :

i. Memperelok persekitaran hidup dari segi fizikal

ii. Memperelok perhubungan

iii. Mengurus lalulintas

iv. Memperelok kesejahteraan sosio-ekonomi

v. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

vi. Memudahkan pemajuan mampan

Rancangan Struktur diselaraskan dengan semua dasar pembangunan negeri dan negara serta menterjemahkan dasar-dasar daripada Rancangan Fizikal Negara dan dasar-dasar sektoral lain yang berkaitan. Rancangan Struktur mengandungi gambar rajah utama yang menjelaskan dasar-dasar atau cadangan halatuju pembangunan negeri.

1.3 Fungsi Rancangan Struktur

Rancangan Struktur merupakan dokumen yang menyatakan rancangan strategik pembangunan spatial sesebuah negeri. Keperluan dan fungsi penyediaan Rancangan Struktur adalah berkaitan dasar-dasar pembangunan dan pengurusan perancangan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.2.

Rajah 1.2: Keperluan Penyediaan Rancangan Struktur.



Sumber: Olahan daripada Manual Rancangan Struktur 2015 (Edisi Ke-4)

Labuan merupakan sebuah *International Offshore Financial Center.*



Sumber: www.Malaysia-hotels.net

1.4 Asas Keperluan Penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Asas keperluan penyediaan RPL 2040 adalah berdasarkan tiga (3) justifikasi seperti keperluan penyediaan dokumen pewartaan, *repositioning* **Wilayah Persekutuan (WP) Labuan** dalam konteks wilayah ekonomi dan mewujudkan kepelbagaian pembangunan ekonomi di WP Labuan. Perincian justifikasi asas-asas keperluan penyediaan RPL 2040 adalah sebagai mana berikut :

i. Keperluan Bagi Penyediaan Dokumen Perancangan Yang Diwartakan

Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Labuan 2030 akan menjadi dokumen perancangan yang diwartakan setelah pemakaian perintah Wilayah Persekutuan (Pemerluasan dan Ubahsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, 1976 yang dikuatkuasa pada 1hb Januari 2011, selaras dengan Subseksyen 8(1) dan 12(1). Pewartaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Labuan akan mengukuhkan kaedah kawalan pembangunan (seksyen 18, 19, 20 & 21, Akta 172) dalam aspek kegunaan tanah, luas lantai dan ketinggian bangunan dan kepadatan oleh Perbadanan Labuan dalam mengawal selia pembangunan fizikal WP Labuan. Rajah 1.3 menunjukkan kronologi penyediaan RPL 2040.

ii. *Repositioning* WP Labuan Dalam Konteks Wilayah

WP Labuan merupakan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa iaitu zon ekonomi khas yang telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1990. Ekonomi WP Labuan berkembang dengan menjadi hab perkhidmatan sokongan industri bersumberkan minyak dan gas, perkhidmatan pelaburan dan perbankan antarabangsa. Industri minyak dan gas telah melonjakkan WP Labuan sebagai *financial offshore* unggul di rantau ini. Peluang pekerjaan dari industri dan bidang perkhidmatan sokongan cari gali banyak ditawarkan menyebabkan kadar migrasi masuk yang tinggi di WP Labuan.

Walau bagaimanapun, kebergantungan pasaran dunia kepada minyak mentah yang tidak menentu dan penurunan harga bahan mentah tersebut telah memberi kesan kepada ekonomi WP Labuan. Berdasarkan Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, kadar pertumbuhan KDNK di WP Labuan menunjukkan penurunan dari 6.7 peratus pada tahun 2018 kepada 5.2 peratus pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, petunjuk-petunjuk baru pembangunan Labuan perlu dikenalpasti bagi memastikan pembangunan Labuan lebih berdaya tahan dengan tren pembangunan yang mampan dan menyeluruh.

Rajah 1.3: Kronologi Penyediaan RPL 2040



Sumber : Olahan daripada Terma Rujukan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Kepelbagaian Pembangunan Ekonomi WP Labuan

Perkembangan ekonomi WP Labuan adalah berikutan peranannya sebagai pusat kewangan, perniagaan antarabangsa serta aktiviti berkaitan perindustrian minyak dan gas. Namun begitu, penekanan terhadap sektor ekonomi lain seperti perniagaan dan perkhidmatan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan aktiviti komersil dan kualiti perkhidmatan. Aktiviti perniagaan khususnya di Bandar Labuan dan lain-lain pusat petempatan, perlu dijanakan semula bagi memenuhi permintaan semasa di samping memberi sokongan kepada pembangunan industri, pelancongan, pendidikan dan logistik.

WP Labuan juga dikenali sebagai Pulau Bebas Cukai. Status ini kurang menonjol berbanding Pulau Langkawi yang lebih terkenal dengan barang-barang seperti pinggan mangkuk, wangian, barangan dapur, perabot, beg dan pelbagai jenis cenderamata. Labuan mempunyai banyak aset-aset pelancongan yang merangkumi aset pelancongan semulajadi dan buatan manusia. Antara aset pelancongan semulajadi yang berpotensi adalah seperti kawasan pulau-pulau, pantai, geologi dan kawasan paya bakau. Manakala aset buatan manusia seperti warisan, rekreasi golf dan kompleks sukan air. Sekiranya potensi pelancongan ini dapat dioptimakan melalui program-program dan promosi yang berkesan, aktiviti pelancongan ini mampu menjana ekonomi secara berterusan.

1.5 Proses Penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Secara amnya, proses penyediaan **Rancangan Struktur (RS)** dan **Rancangan Tempatan (RT)** disediakan secara berasingan mengikut keperluan Akta 172 (Manual RS 2015, Edisi Ke-4 dan Manual RT, Edisi 2020). Bagi penyediaan RPL 2040 ini, terdapat beberapa penambahbaikan dan penyesuaian dilakukan memandangkan pendekatan kajian ini secara serentak untuk penghasilan RS dan RT.

Antara penyesuaian yang dibuat di peringkat RS meliputi penyediaan **Laporan Pendekatan Kajian (LPK)** bagi memperincikan Laporan Awal. Manakala **Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)** pula dihasilkan bagi memperincikan Laporan Teknikal yang perlu disediakan di peringkat RS. Lain-lain proses penyediaan RPL 2040 termasuk peringkat cadangan dan pewartaan masih selaras dengan keperluan Manual RS dan RT yang telah ditetapkan. Carta Alir Proses Penyediaan Kajian RPL 2040 ditunjukkan di dalam Rajah 1.4.

Proses penyediaan RPL 2040 merangkumi lapan (8) proses yang utama seperti mana berikut :

Peringkat 1

Mobilisasi

- Melibatkan kerja-kerja awalan bagi memulakan kajian seperti penyediaan **terma rujukan**.
- Terma rujukan bertujuan memandu arah dan menjadi rujukan utama kajian.

Peringkat 2

Penyediaan Peta Asas Guna Tanah dan Pendekatan Kajian

- Penyediaan peta asas guna tanah WP Labuan.
- **Laporan Pendekatan Kajian**

Peringkat 3

Kajian Lapangan, Analisis, Penemuan Isu, Cadangan Awal dan Publisiti

- Penyediaan **LASP** dan **LT**.
- LT disahkan melalui **Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan** bagi tujuan publisiti dan penyertaan awam selama sebulan (1) dari tarikh notis akhbar disiarkan.

Peringkat 4

Pembentukan Polisi Dan Strategi Pembangunan dan Gambar Rajah Utama

- Pembentukan gambar rajah utama, hala tuju strategik, strategi dan inisiatif pelaksanaan.
- Penyediaan **Draf Awal** dan **Draf Akhir Rancangan Struktur.**

Peringkat 5

Publisiti Draf Rancangan Struktur

- Draf RS disahkan melalui **Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan** bagi tujuan publisiti dan penyertaan awam selama sebulan (1) dari tarikh notis akhbar disiarkan.

Peringkat 6

Pembentukan Peta Cadangan & Peta Indeks, Kelas Kegunaan Tanah, Garis Panduan dan Pengurusan Projek RT

- Pembentukan peta cadangan dan pelan subjek serta disokong dengan kelas kegunaan tanah, garis panduan serta pengurusan dan pelaksanaan projek.
- Penyediaan **Draf Awal** dan **Draf Akhir Rancangan Tempatan.**

Peringkat 7

Publisiti Draf Rancangan Tempatan


- Draf RT disahkan melalui **Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan** bagi tujuan publisiti dan penyertaan awam selama sebulan (1) dari tarikh notis akhbar disiarkan.

Peringkat 8

Pewartaan

- Draf RS dan Draf RT akan dimuktamadkan dan dikemukakan ke **Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan** untuk tujuan menerima dan memperakukan RS dan RT untuk diwartakan seperti mana sub seksyen 10(6), 10(7) & 15(4), Akta 172.

Rajah 1.4: Carta Alir Proses Penyediaan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040




Sumber : Olahan daripada Terma Rujukan & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

1.6 Keperluan Laporan-Laporan Di Dalam Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Terdapat sembilan (9) laporan akan dihasilkan di dalam Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040. Kesinambungan daripada Laporan Pendekatan Kajian, **Laporan Tinjauan** ini merupakan laporan ketiga yang dikemukakan sebelum laporan-laporan lain dihasilkan seperti mana yang dinyatakan di dalam Rajah 1.5.

Rajah 1.5: Penyediaan Laporan Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

1.7 Bentuk Kandungan Laporan Tinjauan Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Kandungan utama Laporan Tinjauan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu :

i. Bahagian A (Pengenalan Kajian)
ii. Bahagian B (Rumusan Penemuan Semasa)
iii. Bahagian C (Konsep Dan Halatuju Strategik Pembangunan)

Laporan Tinjauan memaparkan penemuan hasil kombinasi data primer dan sekunder yang diperolehi mengikut kajian sektoral yang terlibat. Hasil tinjauan ke atas keadaan semasa kawasan kajian (WP Labuan) akan membantu di dalam mengenal pasti isu, potensi dan prospek serta halatuju strategik pembangunan. Secara amnya, laporan tinjauan ini mengandungi 19 kajian sektoral (Rujuk Rajah 1.6) dan perincian laporan bagi setiap sektoral mengandungi perkara-perkara berikut :

i. Penilaian Pencapaian Dasar
ii. Penemuan semasa
iii. Unjuran
iv. Isu dan Prospek
v. Cadangan Am

Rajah 1.6: Kajian Sektoral Di Dalam Laporan Tinjauan RPL 2040.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

1.8 Latar Belakang Kawasan Kajian

1.8.1 Malaysia dalam Konteks Wilayah ASEAN

Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau lebih dikenali sebagai ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations)* telah ditubuhkan pada 8hb Ogos 1967. Penubuhan ASEAN bertujuan untuk memperbaiki kerjasama antarabangsa dalam bidang ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, teknologi dan pentadbiran sekaligus dapat mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Penyertaan Malaysia dalam ASEAN (Rujuk Rajah 1.7) merupakan satu keutamaan dalam menentukan arah tuju dasar luar negara.

Malaysia mementingkan pengukuhan ASEAN, untuk memberi kesan positif dan kestabilan Malaysia terutamanya dari segi politik dan ekonomi serantau. WP Labuan secara tidak langsung turut menerima faedah sosio ekonomi melalui kerjasama ASEAN ini terutamanya dalam aspek peningkatan aspek keselamatan serantau. Ancaman pengganas dan lanun dapat dikurangkan melalui rondaan pasukan keselamatan dari pelbagai negara yang dapat menjamin keselamatan kawasan perairan dan laut.

Rajah 1.7: Kedudukan Malaysia dalam ASEAN



Sumber: www.bizasean.com

1.8.2 WP Labuan Dalam Konteks Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur : Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)


Wilayah Pertumbuhan BIMP-EAGA meliputi negara Brunei, Sulawesi Utara, Tengah, Barat dan Tenggara, Kalimantan Tengah, Timur, Barat dan Selatan, Maluku dan Irian Jaya (Indonesia), Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia serta Mindanao dan Palawan (Filipina). Wilayah BIMP-EAGA meliputi kawasan seluas 1.54 juta kilometer persegi dengan kepadatan penduduk sekitar 70 juta. Matlamat penubuhan BIMP-EAGA adalah merubah aktiviti ekonomi berasaskan sumber kepada aktiviti bernilai tambah tinggi dengan fokus kepada aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Rajah 1.8 menunjukkan Koridor Ekonomi Utama BIMP-EAGA.

WP Labuan mempunyai kedudukan yang baik untuk mengetuai transformasi ekonomi bagi aktiviti yang disarankan iaitu perdagangan, pelaburan dan pelancongan berasaskan kelebihan yang dimiliki. WP Labuan mempunyai infrastruktur dan ekosistem yang baik dalam perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Wilayah BIMP-EAGA merupakan sumber yang berpotensi bagi tenaga buruh. Melalui hubungan udara dan laut yang cekap, WP Labuan mempunyai kelebihan untuk menggalakkan pergerakan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Bagi Malaysia, antara manfaat yang akan diperolehi daripada BIMP-EAGA adalah seperti berikut :

- Perancangan pembukaan Taman Halal bagi kluster industri minyak sawit Lahad Datu (POIC Lahad Datu).
- Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang akan menghubungkan Sarawak, Brunei, Sabah dan Kalimantan, Indonesia dimana ia akan meningkatkan kerjasama serantau BIMP-EAGA terutama dalam pelaburan, perniagaan dan pelancongan.
- Penubuhan Pusat Pertumbuhan Luar Bandar (RGC) bagi memperkasa usaha mentransformasi kawasan luar bandar.
- Pembangunan bandar pintar (smart city).

Rajah 1.8: Koridor Ekonomi Utama BIMP-EAGA



Sumber : Labuan Development Blueprint 2030.

1.8.3 WP Labuan Dalam Konteks Koridor Ekonomi Borneo Barat

WP Labuan dalam konteks BIMB-EAGA menunjukkan satu koridor utama yang perlu diberi penekanan dan perhatian khusus dalam merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan arus pembangunan iaitu Koridor Ekonomi Borneo Barat (Rujuk Rajah 1.9). Kedudukan WP Labuan yang strategik secara tidak langsung bagi mentansformasikan aktiviti perdagangan serantau, pelaburan dan kegiatan pelancongan.

Hubungan ekonomi serantau ini diperkukuhkan lagi dengan peranan BIMP-EAGA yang berpotensi membekalkan tenaga buruh dan kumpulan pakar bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa bagi tujuan pembangunan dan perancangan strategik WP Labuan.

Antara faktor penting yang menjadi pendorong koridor ini adalah :


i. **Kepadatan penduduk**. Tinjauan penduduk bagi lingkungan kecil *(Labuan – Menumbok - Pulau Daat)* dianggarkan berjumlah 71,000 orang (2010) dan akan meningkat kepada 200,000 orang menjelang tahun 2030.

   Bagi lingkungan sederhana *(Labuan - Kuala Penyu – Beaufort - Sipitang),* dianggarkan jumlah penduduk seramai 190,000 orang (2010) dan meningkat kepada 400,000 orang (2030). Tinjauan penduduk bagi liputan besar *(Labuan – Bandar Seri Begawan – Limbang - Lawas - Tenom - Keningau*) dianggarkan berjumlah 1.5 juta penduduk manakala bagi liputan keseluruhan koridor *(Labuan - Kota Kinabalu – Miri - Bintulu)* dianggarkan merangkumi penduduk seramai 2.5 juta orang.

ii. **Pergerakan penduduk**. Sistem jaringan pengangkutan yang cekap serta darjah kemudahsampaian perhubungan yang baik memudahkan penduduk bergerak aktif di dalam lingkungan koridor ini ke pusat petempatan WP Labuan.

iii. **Rangkaian perhubungan**. Tinjauan mendapati rangkaian perhubungan utama iaitu lalun feri menghubungkan WP Labuan secara terus kepada terminal-terminal feri di pusat petempatan utama di dalam koridor Ekonomi Borneo Barat.

Rajah 1.9: Koridor Ekonomi Borneo Barat



Sumber : Labuan Development Blueprint 2030.

1.8.4 WP Labuan Dalam Konteks Pembangunan Wilayah Ekonomi Malaysia

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan beberapa Koridor Ekonomi Wilayah di dalam memastikan pengagihan peluang pembangunan bagi merealisasikan keseimbangan dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di Malaysia. Penubuhan Koridor Ekonomi Wilayah turut berfungsi sebagai pemangkin utama dengan mempergiatkan pelaburan, pembangunan infrastruktur dan modal insan.

Malaysia mempunyai tujuh (7) Koridor Ekonomi Wilayah (Rujuk Rajah 1.10) bagi menjana pertumbuhan yang seimbang dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk iaitu:

i. *Greater* Kuala Lumpur
ii. Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Utara (*Northern Corridor Economic Region - NCER*)
iii. Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region - ECER*)
iv. Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia
v. Koridor Pembangunan Sabah (*Sabah Development Corridor - SDC*)
vi. Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy - SCORE*)
vii. *Malaysia Vision Valley (MVV)*

Berdasarkan Rajah 1.10 dan Jadual 1.1, Koridor Ekonomi Wilayah yang berkaitan dan relevan dengan WP Labuan adalah **Koridor Pembangunan Sabah (*Sabah Development Corridor - SDC*).** Secara keseluruhannya, terdapat tujuh sektor ekonomi utama di dalam *SDC* yang merangkumi seluruh negeri Sabah. Faktor lokasi kawasan WP Labuan yang berhampiran dengan negeri Sabah memberi impak dan peluang ekonomi secara langsung kepada WP Labuan khususnya berkaitan dengan logistik, pembuatan, minyak, gas dan tenaga, dan pelancongan.

Jadual 1.1: Wilayah Ekonomi (Koridor Pembangunan Sabah)

Wilayah Ekonomi	Kawasan Liputan	Sektor Utama
Koridor Pembangunan Sabah	Seluruh Sabah	• Pertanian • Pelancongan • Logistik • Pembuatan • Minyak, Gas Dan Tenaga • Pendidikan Tinggi • Kelapa Sawit

Sumber : Olahan daripada Rancangan Fizikal Negara Ke-3.

Rajah 1.10: Kedudukan WP Labuan Dalam Koridor Wilayah Ekonomi Negara.



Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3.

Kawasan pertumbuhan adalah merujuk kepada kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis yang berperanan sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan dalam aktiviti perkhidmatan, perindustrian dan ekonomi bandar. Pembangunan dan pelaburan akan diperluaskan dan ditumpukan di Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis bagi merangsang pertumbuhan. Peranan Konurbasi akan diperkukuhkan sebagai enjin utama dalam pembangunan negara. Tindakan ini adalah untuk mewujudkan pertumbuhan yang seimbang.

Dalam konteks Negeri Sabah dan WP Labuan, kawasan pertumbuhan meliputi satu konurbasi (Konurbasi Kota Kinabalu), lima Zon Promosi Pembangunan dan 11 Pusat Katalis. WP Labuan adalah termasuk di dalam **Zon Promosi Pembangunan** (Rujuk Rajah 1.11) bagi aspek kawasan pertumbuhan di dalam merangsang ekonomi bandar selain mewujudkan peluang pelaburan dan perdagangan di dalam WP Labuan. Inisiatif-inisiatif di dalam memperkukuhkan zon promosi pembangunan ini akan memandu perancangan pembangunan WP Labuan di dalam menggalakkan kegunaan tanah secara ekonomi bagi memastikan corak guna tanah yang efisien, inklusif dan peka alam sekitar.

Rajah 1.11: Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan Dan Pusat Katalis Di Negeri Sabah dan WP Labuan.




Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3.

1.8.5 Sejarah Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan

WP Labuan merupakan Wilayah Persekutuan kedua di Malaysia, pengisytiharannya sebagai Wilayah Persekutuan telah berlangsung pada 16 April 1984. Pewujudan WP Labuan merupakan satu usaha dan inisiatif ke arah mencapai matlamat integrasi dan perpaduan negara yang diharapkan oleh Malaysia.

Perbadanan Labuan mula ditubuhkan pada 1 Julai 2001 dibawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. Ia ditubuhkan di atas penggabungan dua agensi kerajaan iaitu Labuan Development Authority atau Pihak Berkuasa Pembangunan Labuan (LDA) dan Majlis Perbandaran Labuan (MPL). Rajah 1.12 menunjukkan Kronologi Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan.

Rajah 1.12: Kronologi Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan



Sumber : Perbadanan Labuan, 2020.

1.8.6 Profil Kawasan Kajian RPL 2040

Kawasan kajian bagi RPL 2040 meliputi **kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) termasuk Pulau Labuan dan 6 Pulau Sekitar seluas 9,967.86 hektar (14.47%)**. Selain itu, kajian ini turut merangkumi **kawasan perairan seluas 58,924.51 hektar (85.53%)**. Ini menjadikan keseluruhan kawasan kajian RPL 2040 adalah seluas **68,892.37 hektar**. Jadual 1.2 menunjukkan pecahan keluasan kawasan kajian RPL 2040.

Jadual 1.2: Keluasan Kawasan Kajian RPL 2040.

Perkara	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kawasan Kajian		
i. Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) termasuk Pulau Labuan dan 6 Pulau Sekitar	9,967.86	14.47
ii. Kawasan Perairan	58,924.51	85.53
Jumlah Keseluruhan	68,892.37	100.00

Sumber : Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan, Perbadanan Labuan 2020 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kajian RPL 2040 merangkumi Pulau Labuan dan enam (6) buah pulau kecil iaitu Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil yang diwartakan sebagai Taman Laut manakala yang lainnya adalah Pulau Daat, Pulau Papan dan Pulau Burong. WP Labuan hanya dipisahkan oleh perairan Teluk Brunei daripada Menumbok di Sabah dengan jarak hanya 12 kilometer di bahagian timur pulau. Jarak sempadan antarabangsa dengan Negara Brunei Darussalam adalah sejauh 52 km. Rajah 1.13 & 1.14 menunjukkan kawasan Kajian RPL 2040.

Rajah 1.13: Info Ringkas Kawasan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar,
9,967.86 Hektar (14.47%)

Kawasan Perairan
58,924.51 Hektar (85.53%)

Keseluruhan Kawasan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040
68,892.37 hektar (100.00%)

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 1.14
KAWASAN KAJIAN RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040



Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Sempadan Keseluruhan Kawasan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040
- Jalan
- Badan Air

Rumusan Profil Kawasan Kajian

Statistik penduduk di WP Labuan merekodkan jumlah penduduk pada tahun 2020 adalah seramai 103,135 orang dengan kepadatan 10.29 orang / hektar. Hierarki dan fungsi Bandar di WP Labuan mengandungi lima buah pusat petempatan yang terdiri daripada satu (1) Bandar Wilayah (Bandar Labuan) dan empat (4) Bandar Tempatan (Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh). Rajah 1.15 menunjukkan fakta ringkas WP Labuan.

Majoriti penduduk di WP Labuan adalah terdiri daripada lelaki iaitu sebanyak 52,398 orang dan 50,737 perempuan. Berdasarkan data pada tahun 2019, seramai 70,700 orang penduduk umur yang bekerja manakala bagi tenaga kerja sebenar adalah seramai 40,300 orang.

Dari segi petempatan, WP Labuan mempunyai 12,705 stok unit rumah terancang dan 29 buah kampung dengan purata saiz isi rumah sebanyak 4.49 orang. Bagi aktiviti industri, ia tertumpu di dua (2) Kawasan Perindustrian Utama yang terletak di Rancha-Rancha dan Kiamsam. Sektor perindustrian merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi WP Labuan selain sektor perkhidmatan. Kadar pertumbuhan purata tahunan KDNK WP Labuan (2015-2019) adalah 6.2% dengan KDNK Per Kapita yang direkodkan sejumlah RM76,727.

Sistem rangkaian pengangkutan dan perhubungan utama ke WP Labuan adalah melalui pengangkutan udara dan air. Terdapat satu Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan yang berfungsi menyediakan satu laluan antarabangsa dan tiga laluan domestik dari aspek pengangkutan udara. Faktor WP Labuan yang merupakan kawasan pulau yang dikelilingi oleh kawasan perairan, pengangkutan air turut menjadi mod pengangkutan pilihan kepada penduduk yang menghubungkan WP Labuan dengan Sabah, Sarawak dan Brunei. Jeti Terminal Antarabangsa Labuan dan Terminal Feri Ro-Ro merupakan terminal jeti sedia ada yang menawarkan 1 laluan antarabangsa dan 5 laluan domestik. Sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik selain disokong dengan kawasan tumpuan pelancongan telah membantu menarik kedatangan pelancong ke WP Labuan. Sejumlah 1,263,021 pelancong domestik dan antarabangsa telah direkodkan pada tahun 2019 dengan 51.40% adalah pelancong yang menginap.

Rajah 1.15: Fakta Ringkas Profil WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

BAB

02



Polisi Dan Dasar Berkaitan Dalam Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Kompleks Hab Halal Labuan &
Kompleks Pendaratan Ikan LKIM
di Kiamsam

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Polisi dan Dasar Berkaitan Dalam Rancangan Pemajuan Labuan 2040

2.1 Pengenalan

Selaras di dalam memastikan halatuju dan wawasan RPL 2040 yang bersifat menyeluruh dan mengambil kira setiap sektor-sektor yang berkepentingan, penyelarasan berpandukan polisi dan dasar yang telah ditetapkan perlu dirujuk di dalam memandu perancangan pembangunan WP Labuan ke arah pusat perkhidmatan serantau yang mampan. Pendekatan ini adalah seiring dengan fungsi penyediaan Rancangan Struktur yang mengandungi gambar rajah utama yang menjelaskan dasar-dasar atau cadangan cadangan halatuju pembangunan. Selain itu, kepentingan polisi dan dasar akan diperincikan di peringkat tempatan khususnya di dalam perancangan peta cadangan dan garis panduan pelaksanaan seperti mana yang telah ditetapkan di dalam penyediaan Rancangan Tempatan.

Dasar yang berkaitan dengan RPL 2040 merangkumi dasar-dasar di peringkat global, nasional dan tempatan. Setiap dasar yang berkaitan ini diberi penekanan di dalam pembangunan WP Labuan termasuk aspek ekonomi, pembangunan bandar dan desa, pengangkutan, infrastruktur, pengurusan alam sekitar, pelancongan serta pembangunan wilayah.

Peringkat Global terdapat tiga (3) polisi dan dasar seperti *Sustainable Development Goals*, Agenda Perbandaran Baharu – *New Urban Agenda* dan *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*. Manakala, Peringkat Nasional terdapat 13 polisi dan dasar terlibat seperti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN 3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030), Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2030 (RFZPPN 2030), Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan 2016- 2025 dan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Seterusnya, Draf RS Labuan 2030 dan Labuan Development Blueprint 2030 merupakan rujukan utama bagi pembangunan di peringkat tempatan. Rajah 2.1 menunjukkan dasar-dasar berkaitan RPL 2040.

Rajah 2.1: Dasar-Dasar Berkaitan Rancangan Pemajuan Labuan 2040



2.2 Sustainable Development Goals

Bagi merealisasikan sebuah pembangunan yang mampan, adalah menjadi keperluan bagi kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 ini untuk menangani cabaran global ke arah matlamat pembangunan mampan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengenengahkan *Sustainable Development Goals* (SDGs) (Rujuk Rajah 2.2) bagi tujuan pembangunan mampan yang menekankan aspek kemanusiaan sejagat.

Semasa persidangan *Conference of Parties* (COP21) di Paris yang dikelolakan oleh *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCC), negara-negara yang terlibat telah bersetuju untuk menandatangani *The Paris Agreement* bagi menangani isu perubahan iklim melalui tindakan yang intensif ke arah pembangunan masa hadapan yang mampan.

Setelah YAB Perdana Menteri Malaysia menyatakan ikrar semasa persidangan COP15 untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 40% menjelang tahun 2020, beberapa siri inisiatif berkaitan alam sekitar telah dihasilkan dalam bentuk polisi, rangka kerja dan garis panduan.

Bagi menjadikan kawasan kajian sebagai sebuah pusat perkhidmatan serantau yang mampan, adalah penting untuk memastikan pembangunan pada masa hadapan sejajar dengan matlamat yang terkandung di dalam SDGs. Matlamat SDGs ini perlu dijadikan asas dalam membentuk konsep pembangunan hijau seterusnya bertindak sebagai asas rujukan kepada pembangunan khususnya kepada pihak Perbadanan Labuan.

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), yang dikenali sebagai Matlamat Global, merupakan tindakan universal untuk menidakkan kemiskinan, melindungi bumi ini dan memastikan masyarakat menikmati keamanan dan kemakmuran. Tujuh belas (17) matlamat telah diwujudkan (Rujuk Rajah 2.2). Pelaksanaan SDGs ini akan disesuaikan dengan intipati pembangunan Wilayah Persekutan Labuan.

NEGARA-NEGARA YANG TERLIBAT TELAH BERSETUJU UNTUK MENANDATANGANI 'THE PARIS AGREEMENT' BAGI MENANGANI ISU PERUBAHAN IKLIM MELALUI TINDAKAN YANG INTENSIF **KE ARAH PEMBANGUNAN MASA HADAPAN YANG MAMPAN.**

Rajah 2.2: S*ustainable Development Goals* (SDG's)



Sumber: UNESCO

2.3 Agenda Perbandaran Baharu – New Urban Agenda

Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*, NUA) menyeru peralihan paradigma sesebuah bandar untuk mengubah cara merancang, membiayai, membangun, mentadbir dan menguruskan bandar dan penempatan manusia ke arah mencapai pembangunan yang mampan dan makmur untuk semua.

Ini memerlukan pelaksanaan dasar dan undang-undang bandar yang inklusif dan berkesan untuk pembangunan bandar yang mampan, penglibatan dan sokongan masyarakat awam dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan kerajaan Tempatan dan penerima gunaan pendekatan bersepadu dan berpusatkan kepada pembangunan bandar dan wilayah.

Agenda Perbandaran Baharu merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan lebih mampan, di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan, dan di mana masyarakat antarabangsa menimbang semula sistem bandar dan bentuk fizikal ruang bandar untuk mencapai matlamat ini.

Untuk itu, NUA menggariskan tiga komitmen transformatif untuk pembangunan bandar mampan:

i. Pembangunan bandar yang mampan untuk penyertaan sosial dan menamatkan kemiskinan.
ii. Kemakmuran bandar yang inklusif dan mampan serta peluang untuk semua.
iii. Pembangunan bandar yang mampan dan berdaya tahan.

Walau bagaimanapun, NUA ini masih belum dapat diteruskan ke peringkat penetapan dasar, pelan dan garis panduan pembangunan kepada peringkat rendah yang lebih berkesan dan terperinci. Olahan daripada NUA perlu disepadukan dengan keadaan kawasan kajian, yang seterusnya akan digunakan dalam membimbing dan mengawal pembangunan ruang fizikal di Labuan.

Oleh itu, kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 ini akan merumuskan dengan tujuan untuk menyediakan pautan penting antara dasar dan respon pembangunan diperingkat global serta rancangan dan dasar pembangunan wilayah dan tempatan di Labuan itu sendiri khususnya.



2.4 Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)

BIMP-EAGA adalah satu kerjasama antara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina dalam kawasan Borneo hingga ke kepulauan Sulawesi yang kaya dengan sumber semulajadi. Ia ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan ekonomi dalam kalangan keempat negara yang terlibat. BIMP- EAGA juga menekankan perdagangan, pelancongan dan pelaburan, dalaman atau luaran dalam kalangan anggota BIMP-EAGA. Antara sektor utama yang ditekankan dalam kerjasama BIMP-EAGA, yang memberikan impak pembangunan kepada Wilayah Persekutuan Labuan adalah :

i. Agro Industri

Agro industri merupakan sektor primer yang yang penting dalam negara. Antara sumber tersebut adalah seperti kelapa, kelapa sawit, ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Pengeluaran agro industri perlu diambilkira bermula daripada ladang hinggalah ke pemprosesan, bagi tujuan eksport dan import, dengan mengambilkira kualiti dan kuantiti yang optimum kepada pasaran.

ii. Perikanan

Pengeluaran dan pemprosesan perikanan adalah penting kepada negara, kerana ia adalah sumber protein kepada manusia. Bagi memenuhi permintaan tersebut, aktiviti perikanan dikembangkan kepada pengguna. Saling bergantungan melalui import dan eksport antara negara amat penting untuk memenuhi pasaran dalam dan luar negara.

iii. Pelancongan

Pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjana pendapatan dan meningkatkan ekonomi kepada sesebuah negara melalui pembelian barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah negara. Pelancongan antara negara anggota adalah kaya dengan sumber semula jadi dan kedudukannya sebagai negara hutan hujan tropika, maka ia sesuai dijadikan ekopelancongan. Antara aktiviti tersebut adalah, aktiviti skuba, *snorkeling*, *trekking*, memancing dan lain-lain aktiviti sukan rekreasi.

iv. Pengangkutan dan perkapalan


Hubungan perdagangan sedia ada dihubungkan dengan pengangkutan dan perkapalan yang menghantar barangan dan perkhidmatan kepada pengguna antara anggota BIMP-EAGA. Oleh itu, bagi menjadikan aktiviti perdagangan lebih kompetetif dan lebih efisien, Alternatif lain seperti pengangkutan udara dan perlabuhan perlu dikembangkan untuk kebaikan bersama negara anggota (Rujuk Rajah 2.4).

v. Tenaga

Sumber tenaga adalah penting bagi pembangunan negara. Oleh itu, penggunaan minyak, gas dan batu arang merupakan tenaga sumber pembakaran utama digunakan ketika ini, penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui merupakan alternatif yang boleh dikembangkan melalui penyelidikan dan pelaburan. Antara tenaga yang boleh diperbaharui adalah geotermal, biomass, tenaga hidro dan tenaga angin.


Strategi dan koridor ekonomi utama BIMP-EAGA ditunjukkan di dalam Rajah 2.3.

Rajah 2.3: Strategi Dan Koridor Ekonomi Utama BIMP-EAGA



Sumber: www.bimp-eaga.asia

Rajah 2.4: Rangkaian Perhubungan dan Lapangan Terbang BIMP-EAGA RORO



Sumber: Labuan Development Blueprint 2030

BRUNEI DARUSSALAM
INDONESIA MALAYSIA
PHILIPPINES
East ASEAN Growth Area

Matlamat penubuhan BIMP-EAGA adalah merubah aktiviti ekonomi berasaskan sumber kepada aktiviti bernilai tambah tinggi dengan fokus kepada aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Antara inisiatif yang telah dilancarkan adalah seperti berikut :

- Rangka kerja RORO (Roll On/Roll Off) yang mengujudkan laluan wilayah bagi menjana aktiviti pelabuhan dan pelancongan terutama pelancongan pelayaran bagi wilayah BIMP-EAGA. Ia melibatkan laluan Brunei/Labuan-Palawan-Zambonga dan Bitung-General Santos, Filipina.

- Mengukuhkan hubungan udara bukan sahaja didalam wilayah BIMP-EAGA tetapi juga luar wilayah. Ia akan menggalakkan syarikat penerbangan mengujudkan lebih banyak laluan udara yang akan menjana perkhidmatan dan rangkaian antarabangsa. Ia akan menambahbaik kesalinghubungan udara dan meningkatkan trafik udara.

2.5 Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan

Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) Labuan merupakan inisiatif yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1990 sebagai zon ekonomi khas. Lokasinya yang strategik di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, Labuan IBFC menawarkan pelbagai struktur perniagaan dan pelaburan untuk memudahkan urus niaga rentas sempadan, urusan perniagaan dan keperluan pengurusan harta.

Persekitaran mesra perniagaannya disokong oleh rangka kerja undang-undang yang kukuh, moden dan diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA). Labuan IBFC diwujudkan sebagai penyelesaian kepada pelanggan berasaskan pematuhan amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

Objektif Labuan IBFC merangkumi perkara berikut:

i. Mempromosikan dan mengembangkan Labuan sebagai pusat antarabangsa untuk perniagaan dan perkhidmatan kewangan.

i. Mengembangkan objektif, dasar dan keutamaan nasional untuk pembangunan dan pentadbiran perniagaan dan kewangan antarabangsa yang teratur di Labuan.

ii. Bertindak sebagai pengawal selia pusat, pengawasan dan penguatkuasaan industri perniagaan dan perkhidmatan kewangan antarabangsa di Labuan.

Pembangunan dasar yang diterapkan dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan di Labuan IBFC adalah seperti berikut :

- Pengukuhan ketahanan kewangan dalam sektor utama dan ia termasuk memodenkan peraturan kewangan dalam sektor insuran dan perbankan.
- Mempromosi urus tadbir korporat yang berkesan terutama amalan urus tadbir dalam perbankan dan insuran serta menghalusi rangka kerja audit luaran.
- Pembaharuan perniagaan melalui penyelesaian perkhidmatan kewangan yang inovatif.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pengembangan pasaran insuran Labuan.
- Peningkatan berterusan terhadap peraturan perniagaan di Labuan berlandaskan piawaian antarabangsa.
- Menepati keperluan dan piawaian cukai antarabangsa serta rangka kerja percukaian baru Labuan.
- Memudahcara inisiatif kewangan Islam seiring dengan usaha mempromosi Labuan IBFC sebagai alternatif pasaran kewangan Islam.
- Memerangi pengubahan wang haram yang menyokong kewangan terrorisma.



2.6 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang berpandukan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) dapat memberi impak signifikan bagi menjana ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan penduduk, terutamanya penduduk desa yang turut dititikberatkan. Melalui teras strategik RMKe-11 ini, keperluan penduduk desa dapat dipenuhi secara menyeluruh.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), 2016-2020 merupakan perancangan menyeluruh yang meliputi aspek teras-teras yang disediakan.

Enam (6) teras ini akan menjadi asas utama dalam kajian ini yang akan memberi fokus kepada pembangunan ekonomi rakyat Wilayah Persekutuan Labuan (Rujuk Rajah 2.5).

Rajah 2.5: Teras Rancangan Fizikal Kesebelas (RMKe-11)



Sumber: Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

2.7 Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN 3)

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan hierarki tertinggi di dalam sistem perancangan guna tanah Negara. Ianya diperuntukkan di bawah seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Penyediaan RFN memfokuskan kepada dasar-dasar strategik sebagai panduan perancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan WP Labuan.

RFN berfungsi untuk :

i. Memperkukuhkan Rancangan Pembangunan Negara dengan menyediakan dimensi spatial kepada dasar-dasar sosioekonomi negara.
ii. Menyelaras keputusan agensi sektoral dengan menterjemahkan dasar-dasar sektoral ke dalam dimensi fizikal.
iii. Menyediakan rangka kerja spatial negara bagi perancangan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan serta menjadi bahan rujukan utama untuk mana-mana perancangan.
iv. Menyediakan dasar-dasar perancangan fizikal bagi pelaksaan pembangunan mampan, serta langkah-langkah mitigasi dan adaptasi persekitaran semulajadi atau petempatan manusia terhadap perubahan iklim.
v. Menggalakkan tindakan-tindakan agensi pelaksanaan sektoral ke arah menyokong dasar-dasar dan rangka spatial negara.
vi. Mengenalpasti tindakan utama untuk menonjolkan dan menambahbaik perancangan spatial dan konsep-konsep reka bentuk yang inovatif.

Matlamat RFN3 adalah untuk mencapai negara yang mampan, daya tahan dan daya huni bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan selepas tahun 2020. RFN3 juga membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Terdapat tiga (3) teras utama (Rujuk Rajah 2.6).

Rajah 2.6: Teras Utama Rancangan Fizikal Negara 3



Sumber: Rancangan Fizikal Negara 3

Untuk menterjemahkan cadangan-cadangan RFN3, pelan tadbir urus juga dikenali sebagai Pelan Pengurusan Spatial Negara disediakan. Objektif utama Pelan Pengurusan Spatial Negara ini adalah:


i. Mengurus serta memacu hala tuju pembangunan semasa dan masa hadapan negara dengan lebih teratur dan efisyen.
ii. Memastikan setiap pembangunan mengoptimumkan sumber dan infrastruktur sedia ada.
iii. Menjadi satu mekanisme dan rujukan kepada pihak berkuasa perancangan dalam membuat keputusan bagi setiap pembangunan serta memantau prestasi rancangan spatial.

Dalam konteks kawasan pertumbuhan, RFN3 telah menggariskan WP Labuan sebagai Zon Potensi Pembangunan. Ia berfungsi sebagai kawasan pertumbuhan di dalam merangsang ekonomi bandar selain mewujudkan peluang pelaburan dan perdagangan di dalam WP Labuan. Inisiatif-inisiatif di dalam memperkukuhkan zon promosi pembangunan ini akan memandu perancangan pembangunan WP Labuan di dalam menggalakkan kegunaan tanah secara ekonomi bagi memastikan corak guna tanah yang efisien, inklusif dan mampan.

2.8 Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2)

DPN2 berperanan untuk memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien. Enam (6) teras DPN2 perlu diterapkan bagi memperkukuhkan sistem perancangan dan pembangunan perbandaran bagi memacu daya saing Wilayah Persekutuan Labuan iaitu :

01	Pembangunan perbandaran yang efisyen dan mampan.
02	Pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing.
03	Sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisyen.
04	Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti.
05	Pewujudan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti.
06	Tadbir urus bandar yang efektif



DPN2 berperanan
mengawal rebakan bandar (Urban Sprawl) &
merancangan pertumbuhan perbandaran
melalui penentuan & penetapan
kriteria-kriteria
had sempadan bandar



Terdapat dua jenis hierarki petempatan bandar yang telah dikenal pasti di dalam WP Labuan iaitu Bandar Wilayah dan juga Bandar Tempatan. Hierarki petempatan yang ditetapkan di dalam DPN Ke-2 bagi WP Labuan adalah seperti berikut :

1 Bandar Wilayah: **Bandar Labuan**

4 Bandar Tempatan:
- **i. Simpang Tamu**
- **ii. Ganggarak**
- **iii. Layang-layangan**
- **iv. Bebuloh**

2.9 Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)

DPFDN 2030 menjadi kerangka kerja bagi pembangunan bersepadu kawasan desa supaya masyarakatnya dapat menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik. DPFDN 2030 akan menjadi salah satu dasar yang menyokong Visi 2020,Pelan Induk Koridor Pembangunan Ekonomi, Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar dan lain-lain dasar yang berkaitan pembangunan desa.

Selaras dengan program-program tranformasi kerajaan pada masa kini, DPFDN 2030 dapat memastikan kawasan desa digunakan secara optimum dan lestari dengan memberi penekanan kepada pencapaian inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Program Tranformasi Ekonomi. Lima teras di dalam DPFDN 2030 menekankan aspek alam sekitar yang mampan, hubungan simbiotik bandar – desa, daya huni, ekonomi dan desa berdaya laksana (Rujuk Rajah 2.7).

Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan akan turut memberi penekanan kepada elemen pembangunan desa yang terdapat di dalam kawasan kajian dalam usaha mewujudkan keharmonian desa dan bandar.

VISI DAN MATLAMAT

"Desa Sejahtera, Negara Sejahtera"

Desa Berdaya Huni (Livable) dan Berdaya Tahan (Resilient)

Rajah 2.7: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)



Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)

DPFDN 2030 telah mengenalpasti terdapat 29 buah kampung di dalam WP Labuan. Berdasarkan taburan kampung mengikut tipologi sistem grid desa di dalam DPFDN 2030, kesemua kampung-kampung di dalam WP Labuan adalah di dalam kategori Perbandaran Utama (U1). Halatuju pembangunan kampung di dalam WP Labuan akan disesuaikan dengan teras yang telah ditetapkan yang meliputi aspek pengurusan mampan alam sekitar desa, pengukuhan hubungan simbiotik bandar – desa, pengukuhan daya huni desa, memperkasa ekonomi desa dan pengurusan desa berdaya laksana.



DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030

2.10 Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2030 (RFZPPN 2030)

RFZPPN merupakan satu rancangan strategik guna tanah yang menggariskan halatuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumberjaya persisiran pantai di Semenanjung Malaysia secara mampan sehingga tahun 2030. Rancangan Strategik Guna tanah ini akan diterjemahkan ke dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan untuk tujuan perancangan dan pengawalan perancangan diperingkat negeri dan tempatan.

RFZPPN 2030 merupakan rangka kerja spatial zon persisiran pantai yang menggabungkan kepelbagaian nilai dan sinergi antara sistem alam semula jadi, fizikal dan sosioekonomi yang berinteraksi dalam persekitaran pantai yang dinamik untuk memastikan zon persisiran pantai yang mempunyai kepelbagaian biologi, produktif dan selamat untuk manfaat generasi masa kini dan akan datang.

Lima teras yang menjadi asas perancangan RFZPPN 2030 adalah :

i. Tema 1 Memulihara biodiversiti persisiran pantai

   a) RFZPPN 1: Biodiversiti daratan dan marin di zon persisiran pantai, termasuklah spesis, habitat dan ekosistem perlu dipulihara dan diuruskan secara mampan.
   b) RFZPPN 2: Nilai ekonomi bagi perkhidmatan ekosistem serta kemerosotannya yang berpunca daripada kesan pembangunan perlu diambil kira dalam keputusan perancangan dan pembangunan.

ii. Tema 2 Mewujudkan zon persisiran pantai yang dinamik ;
   a) RFZPPN 3: Zon persisiran pantai dan aset ekonominya perlu dilindungi daripada ancaman bencana persisiran pantai melalui langkah-langkah pencegahan.

iii. Tema 3 Pembangunan mampan zon persisiran pantai.
   a) RFZPPN 4: Pembangunan petempatan di persisiran pantai perlu dirancang untuk memaksimumkan manfaat sosioekonomi, dalam bentuk dan skala yang bersesuaian bagi melindungi sumber-sumber asli persisiran pantai yang sensitif serta berharmoni dengan proses-proses semula jadi persisiran pantai.
   b) RFZPPN 5: Pembangunan infrastruktur sepanjang zon persisiran pantai perlu dirancang dan diuruskan dengan mengamalkan prinsip memberi manfaat kepada orang ramai, mengelakkan daripada kemusnahan alam semula jadi dan meminimumkan gangguan proses semula jadi persisiran pantai.
   c) RFZPPN 6: Penambakan laut di zon persisiran pantai hanya dibenarkan sekiranya dapat dibuktikan bahawa manfaat ekonomi yang diperolehi daripada aktiviti ini jelas mengatasi kos
   d) RFZPPN 7: Kerja-kerja pengorekan dan perlombongan perlu dijalankan dalam bentuk dan skala yang memberi

iv. Tema 4 Penggunaan mampan sumber persisiran pantai

   a) RFZPPN 8: Perancangan dan pengurusan industri perikanan persisiran pantai perlu ditumpukan ke arah memantapkan kemampanan ekonomi dan alam sekitar.
   b) RFZPPN 9: Pembangunan sektor pelancongan di zon persisiran pantai perlu tertumpu kepada aspek pemuliharaan, pengekalan dan peningkatan nilai-nilai khazanahnya yang unik, estetik dan semula jadi yang membentuk daya tarikan utama kawasan tersebut.

v. Tema 5 Mempertingkatkan kualiti air marin.

   a) RFZPPN 10: Kualiti air marin perlu dipertingkatkan untuk memastikan ekosistem marin yang sihat

Dalam konteks WP Labuan, RFZPPN dapat memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai di kawasan zon perlindungan persisiran pantai, pulau taman laut dan pulau yang dilindungi sebagai contoh di Pulau Kuraman.

Sehubungan itu, RFZPPN juga dapat melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan di WP Labuan dari segi kepelbagaian biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial di sepanjang zon pembangunan persisiran pantai.

2.11 Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025

Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan potensi destinasi eko pelancongan sedia ada dalam negara ke arah pelancongan yang mampan. Pelan ini akan memberikan faedah kepada ekonomi setempat dan memberikan pengalaman yang berbeza kepada pelancong menikmati keindahan semulajadi.

Kelima-lima fokus utama ini akan menjadi teras dalam pembangunan pelancongan Labuan yang berpotensi untuk dijadikan destinasi utama eko pelancongan negara.

Pelaburan dalam eko-tourism.	01
Konsesi pelancongan.	02
Sinergi antara pemeliharaan dan eko-pelancongan.	03
Pemasaran eko pelancongan.	04
Kluster eko pelancongan.	05

Pelancongan eko yang utama di WP Labuan melibatkan kawasan pulau dan pantai. Produk utama tarikan pelancongan ini menjadi tumpuan ramai pelancong dan tarikan yang menjadi signifikan kepada pulau Labuan seperti produk pulau dan pantai bagi aktiviti sukan air, rekreasi, beriadah dan untuk menikmati pemandangan.

Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016 – 2025 berupaya memandu dan memperkukuhkan sektor pelancongan di WP Labuan seperti langkah-langkah berikut:

i. Cadangan menambahbaikkan produk eko pelancongan di WP Labuan.


ii. Pengurusan serta kewangan kukuh terhadap eko-pelancong di WP Labuan.

iii. Memelihara disamping menjalankan aktiviti di tarikan eko-pelancongan.

iv. Promosi produk eko pelancongan secara besar-besaran di WP Labuan.

v. Pengezonan produk eko pelancongan seperti pantai dan pulau di WP Labuan.

Di antara produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa di dalam WP Labuan adalah seperti Pulau Papan, Pulau Rusukan Besar, Pulau Layang-Layangan dan Pantai Batu Manikar. Perincian produk pelancongan WP Labuan ditunjukkan di dalam bab 13.0 (Sektor Pelancongan).



2.12 Dasar Pelancongan Negara 2020-2030


Dasar yang dilancarkan pada 23 Disember 2020 ini bermatlamat menjamin kelangsungan industri pelancongan negara serta menjadikan Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan terpilih utama di peringkat global. Ini dapat dicapai melalui pendekatan utama merangkumi pemulihan industri pelancongan secara efektif berteraskan norma baharu, pengukuhan daya saing, pembangunan sektor pelancongan secara lestari dan inklusif, serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.

Melalui dasar ini, tumpuan akan diberikan kepada pelancongan lestari dan peningkatan pendapatan pelancongan yang merupakan indikator terpenting dalam memberi impak kepada ekonomi negara. Aspek kualiti merupakan elemen utama yang akan ditekankan di dalam meningkatkan industri pelancongan negara berbanding memfokuskan kepada aspek kuantiti semasa. Strategik utama bagi Dasar Pelancongan Negara dirumuskan di dalam Rajah 2.8.

Produk pelancongan utama di WP Labuan melibatkan Kawasan pulau dan pantai yang meliputi Pulau Papan, Pulau Rusukan Besar, Pulau Layang-Layangan dan Pantai Batu Manikar yang bertaraf produk antarabangsa. Melalui Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 ini, pembangunan industri pelancongan di WP Labuan berpotensi dinaik taraf termasuk memfokus kepada pelancongan berasaskan teknologi digital.

Kemajuan teknologi juga dapat mengukuhkan jaringan antara industri serta membuka jalan bagi subsektor inovatif baharu dalam industri pelancongan di WP Labuan yang akan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan. Dengan ini, pelaburan pelancongan di WP Labuan yang berpusatkan teknologi adalah digalakkan.

Salah satu inisiatif yang digariskan di dalam Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 ini adalah untuk mewujudkan zon pelaburan untuk projek pelancongan atau *Special Tourism Investment Zones* bagi meningkatkan kerjasama awam-swasta serta menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa. Usaha ini akan membantu meningkatkan promosi produk dan aktiviti pelancongan di WP Labuan di dalam memacu pertumbuhan ekonomi baharu di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Ia secara tidak langsung mengimbangi pembangunan serta dan pemeliharaan serta pemuliharaan khazanah negara termasuk alam sekitar, budaya dan warisan.



Rajah 2.8: Strategik Utama (6) Dasar Pelancongan Negara



Sumber: Dasar Pelancongan Negara 2020-2030

2.13 Dasar Industri 4.0 *(Industry4WRD)*

Dasar Industry4WRD merupakan satu dasar negara untuk mentransformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan bagi tempoh 2018 hingga 2025. Dasar ini mengandungi tiga visi untuk menjadikan Malaysia sebagai :

- Rakan strategik untuk pembuatan pintar dan perkhidmatan berkaitan di Asia Pasifik;
- Destinasi utama untuk pelaburan industri berteknologi tinggi; dan
- Penyedia penyelesaian menyeluruh (*total solutions provider*) untuk teknologi termaju.


Berdasarkan data tahun 2016, terdapat empat sasaran yang telah dirangka iaitu dasar *Industry4WRD* akan dapat meningkatkan produktiviti pembuatan untuk setiap pekerja sebanyak 30% daripada RM 106,647, meningkatkan sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi negara daripada RM 254.7 bilion ke RM 392 bilion, menguatkan kapasiti inovasi dan keupayaan dengan menambahbaikkan kedudukan Malaysia dalam *Global Innovation Index* daripada 35 ke 30 teratas dan menambah bilangan pekerja berkemahiran dalam sektor pembuatan daripada 18% ke 35%.

Penerapan Industri 4.0 akan membantu industri, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti supaya terus kekal relevan dan berdaya saing di peringkat domestik dan global. Dasar *Industry4WRD* akan menggalakkan pembangunan keupayaan inovatif dan keupayaan pembuatan sektor perkhidmatan, pilihan pelabur mengembangkan teknologi, menyediakan ekosistem yang bersesuaian bagi industri 4.0 dan mengubah daya saing industri yang lebih holistik dan moden (Rujuk Rajah 2.9). Justeru, penerapan dasar *Industry4WRD* di kawasan WP Labuan akan dapat menjadikan kawasan industri di kawasan tersebut lebih mampan dan berdaya saing serta dapat meningkatkan ekonomi WP Labuan khususnya.

Rajah 2.9: Objektif Dasar Industri 4.0 (Attract, Create & Transfrom : A-C-T)



Sumber: Dasar Industri 4.0



2.14 *Malaysia Smart City Framework (MSCF)*

Tujuan kerangka kerja MSCF adalah untuk mengemukakan dokumen nasional dalam memacu pembangunan bandar pintar Malaysia di seluruh negeri dan wilayah. Untuk pembangunan bandar pintar, seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam rancangan atas ke bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), bandar pintar berfungsi sebagai alat dan juga strategi digital dalam pengurusan bandar untuk meningkatkan kualiti kehidupan warganya.

Dalam konteks global, bandar pintar digunakan sebagai salah satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah urbanisasi dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Di Malaysia, keperluan untuk membangunkan Bandar Pintar dapat dikaitkan dengan yang berikut:


i. Untuk menangani cabaran bandar yang timbul dari pembandaran yang pesat
ii. Untuk memenuhi agenda nasional dan global
iii. Untuk menerapkan trend pembangunan global yang baru
iv. Untuk mempromosikan ekonomi digital
v. Untuk meletakkan bandar-bandar Malaysia setaraf dengan bandar-bandar lain di peringkat global

Komponen-komponen utama Bandar Pintar merangkumi beberapa aspek termasuk ekonomi, kehidupan, persekitaran, komuniti, pengurusan, pengangkutan dan infrastruktur pintar (Rujuk Rajah 2.10).

DEFINISI BANDAR PINTAR

> "Bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kemajuan teknologi untuk menangani isu-isu perbandaran dan meningkatkan tahap kehidupan, pertumbuhan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan pengurusan bandar yang lebih efisien dan selamat"

Rajah 2.10: Komponen-komponen Bandar Pintar




Sumber: *Malaysia Smart City Framework (MSCF)*

2.15 Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030

Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 digubal untuk menyediakan teras-teras dasar dan strategi untuk mempertingkatkan daya saing ekonomi, memastikan keterangkuman dan kebolehcapaian, serta pada masa yang sama mengurangkan impak negatif sistem pengangkutan kepada alam sekitar (Rujuk Rajah 2.11).

Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 akan memanfaatkan perkembangan pesat teknologi dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) untuk menggalakkan peralihan modal kepada pengangkutan awam. Pendekatan yang diterapkan ini akan berupaya menangani isu kebolehcapaian pengangkutan oleh orang kurang upaya dan penduduk luar bandar. Dasar ini digubal untuk tempoh 11 tahun, dari tahun 2019 hingga tahun 2030. Tempoh masa ini selaras dengan tempoh masa Agenda Pembangunan Mampan 2030 (*Agenda on Sustainable Development 2030*).

Rajah 2.11: Visi, Objektif dan Teras Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030



Sumber: Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030.

2.16 Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025

Dasar Perumahan Negara (DRN) (2018-2025) diwujudkan untuk menggariskan hala tuju serta dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Matlamat DRN (2018-2025) adalah untuk memandu arah sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik, berkualiti, inklusif, cekap dan mampu dimilik oleh rakyat bagi menjana habitat yang mampan dan berdaya huni.

DRN (2018-2025) menggariskan lima objektif utama yang disokong dengan lima fokus utama yang mengandungi 16 strategi dan 57 Tindakan (Rujuk Rajah 2.12). Pelan Tindakan DRN (2018-2025) dibentuk untuk menggariskan langkah-langkah strategik yang selaras dengan matlamat dan fokus DRN (2018-2025).



Rajah 2.12: Matlamat, Objektif dan Fokus Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025

MATLAMAT DASAR PERUMAHAN NEGARA 2018 - 2025

Memandu arah dan memacu sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif yang mampu dimiliki oleh rakyat.

OBJEKTIF

1. Menyediakan rangka kerja pembangunan sektor perumahan bagi membantu kerajaan dan pihak swasta dalam menyediakan perumahan berdasarkan permintaan dan keperluan oleh setiap lapisan masyarakat.
2. Memperkukuhkan peranan sektor perumahan dalam pengurusan konurbasi bagi mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan penyediaan habitat berdaya huni.
3. Memastikan peruntukan sosial sektor perumahan dinikmati oleh isi rumah yang berkelayakan.
4. Menggalakkan kepelbagaian akses isi rumah kepada perumaha menerusi pemilikan dan sewaan.
5. Menekankan penyediaan dan penyelenggaraan perumahan berkualiti yang mampu dimiliki oleh rakyat

FOKUS

- Memastikan perumahan yang berkualiti untuk semua — 5 Strategi 19 Tindakan
- Menambahbaik aksesibiliti dan tahap kemampuan memiliki rumah — 4 Strategi 13 Tindakan
- Memastikan kejiranan yang berkualiti dan kohesif — 2 Strategi 9 Tindakan
- Menambahbaik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan untuk kualiti kehidupan yang lebih baik — 2 Strategi 4 Tindakan
- Memperkukuh keupayaan institusi untuk melaksanakan DRN (2018 – 2025) — 3 Strategi 12 Tindakan

Sumber: Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025.

2.17 Dasar Alam Sekitar Negara

Dasar Alam Sekitar Negara diwujudkan bagi tujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

> "Untuk Meneruskan Kemajuan Ekonomi, Sosial Dan Budaya Serta Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat Malaysia Menerusi Kesejahteraan Alam Sekitar Dan Pembangunan Lestari"

Kenyataan dasar ini membentangkan prinsip-prinsip dan strategi-strategi yang penting untuk memastikan alam sekitar tetap produktif dari segi ekologi dan ekonomi. Dasar ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

i. Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan
ii. Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sector masyarakat
iii. Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari

Rajah 2.13 menunjukkan prinsip-prinsip di Dasar Alam Sekitar Negara.

Rajah 2.13: Prinsip Dasar Alam Sekitar Negara



Sumber: Dasar Alam Sekitar Negara


2.18 Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 (DRSL 2030) merupakan satu dokumen perancangan bertulis yang merangkumi dan menjelaskan visi strategik, matlamat, objektif, prinsip, dasar-dasar dan cadangan-cadangan am berkenaan dengan pemajuan serta penggunaan tanah di WP Labuan. DRSL 2030 disediakan bertujuan untuk melengkapkan sistem perancangan fizikal dengan mentafsir dasar-dasar Pembangunan Fizikal Negara demi menwujudkan perancangan bersepadu dan mampan di seluruh WP Labuan sehingga tahun 2030. DRSL 2030 membentuk satu struktur kerja dalam mencapai visi strategik Labuan sebagai sebuah pusat perkhidmatan serantau yang dinamik dan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi serantau yang berdaya saing dengan persekitaran (Rujuk Rajah 2.14).

Hala tuju pembangunan WP Labuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampu menjana aktiviti ekonomi baru dan memberi nilai tambah aktiviti ekonomi sedia ada dan juga pengurusan landskap dan reka bentuk bandar yang menarik untuk meningkatkan imej Labuan sebagai pulau yang kaya dengan sumber alam semula jadi, mudah diurus dan beridentiti. Perkara di atas mendorong WP Labuan ke arah sebuah pusat perkhidmatan serantau yang dinamik dan berdaya saing dengan persekitaran.

Visi dan matlamat yang digariskan dalam hala tuju pembangunan Labuan perlu diambil kira dalam kajian rancangan pemajuan demi kebaikan untuk ekonomi, penduduk setempat dan alam persekitaran.

Rajah 2.14: Hala Tuju Pembangunan Labuan 2030



Sumber: Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

2.19 Labuan Development Blueprint 2030

Labuan Development Blueprint 2030 merupakan suatu dokumen yang penting dalam mendorong ekonomi WP Labuan yang sangat bergantung kepada minyak dan gas kepada ekonomi yang lebih pelbagai berdasarkan sektor pelancongan dan perkhidmatan lain untuk memperkuatkan peranannya sebagai sebuah pusat pertumbuhan wilayah yang kompetitif. *Labuan Development Blueprint 2030* membentuk sebuah kerangka ekonomi yang memotivasi pertumbuhan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serta mencapai visi WP Labuan untuk menjadikan WP Labuan sebuah bandar pulau pintar dan mampan.


Pembangunan bandar pintar mengaplikasi teknologi maklumat dan komunikasi untuk mewujudkan ekosistem yang mesra bagi pengguna, efisien dan mudah yang dapat diterapkan dalam semua sektor dan aspek kehidupan. Pembangunan bandar pintar dan pembangunan mampan saling melengkapi untuk memastikan bahawa pertumbuhan bandar bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk dan keadaan persekitaran semasa tetapi juga masa hadapan. Pembangunan mampan menjamin keselamatan persekitaran, daya saing ekonomi, penyertaan sosial dan kesaksamaan.

Halatuju strategik *Labuan Development Blueprint 2030* adalah ke arah mencapai visi WP Labuan sebagai *Smart And Sustainable Island City.* Strategi pembangunan, pelan pengurusan spatial, pelan pelaksanaan dan mengenal pasti projek berkaitan merupakan inisiatif-inisiatif yang dirangka di dalam usaha mencapai visi *Labuan Development Blueprint 2030*.

Strategi pembangunan telah menggariskan dua pendekatan utama iaitu strategi pembangunan untuk *growth drivers* dan *enablers.* Setiap *growth driver* yang dikenalpasti akan mempunyai strategi pembangunan yang khusus sebagai panduan pembangunan pintar dan mampan. Selaras dengan objektif yang telah digariskan di dalam strategi pembangunan untuk *enabler*, sektor-sektor sokongan akan membantu mewujudkan bandar ke arah ekonomi yang kukuh, menyeluruh dan persekitaran hijau.

Setiap strategi pembangunan akan diterjemah ke dalam plan pengurusan spatial yang menyediakan panduan kepada pihak berkepentingan di dalam mencapai perancangan dan pengurusan bandar pintar dan mampan. Pelan pengurusan spatial akan disokong dengan pelan pelaksanaan dan pengenalpastian projek bagi memastikan pengurusan masa dan kos yang efisien. Rajah 2.15 menunjukkan *Labuan Development Blueprint Strategic Roadmap*.

Rajah 2.15: Labuan Development Blueprint Strategic Roadmap



Sumber: *Labuan Development Blueprint 2030.*

Perkaitan kajian-kajian sektoral di dalam RPL 2040 dengan polisi dan dasar di peringkat global, nasional dan tempatan ditunjukkan di dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Aspek Penekanan dalam Kajian Dasar dan Polisi Peringkat Global, dan Nasional dalam Rancangan Pemajuan Labuan.

Sektoral	Dasar & Polisi							
	Global		Nasional					
	SDG's	NUA	RMK 11	RFN 3	DPN 2	DPFDN 2030	RFZPPN 2030	PELAN EKO
Pembangunan Wilayah	√	√	√	√	√	√	√	√
Petempatan Bandar	√	√	√	√	√			
Petempatan Desa	√		√	√		√		
Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	√	√	√	√	√	√	√	√
Asas Ekonomi	√		√	√	√	√		√
Rekabentuk Bandar, Budaya dan Warisan	√	√		√	√			√
Landskap dan Rekreasi	√	√		√	√		√	√
Demografi dan Sosio Ekonomi	√	√	√	√	√			
Perumahan	√	√	√	√	√	√		
Perindustrian	√	√	√	√	√			
Perniagaan dan Perkhidmatan	√	√	√	√	√			
Pertanian, Penternakan dan Perikanan	√		√	√		√		√
Pelancongan	√		√	√	√		√	√
Infrastruktur dan Utiliti	√	√	√	√	√	√	√	
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	√	√	√	√	√	√		
Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	√	√	√	√	√	√		
Alam Sekitar & Risiko Bencana dan Perhutanan	√		√	√		√	√	√
Pengurusan Maklumat Geografi (GIS)	√			√	√	√	√	
Pengurusan dan Pelaksanaan	√	√	√	√	√	√	√	√


Sumber: Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 2.1: Aspek Penekanan dalam Kajian Dasar dan Polisi Peringkat Global, dan Nasional dalam Rancangan Pemajuan Labuan (samb.)

Sektoral	Dasar & Polisi							
	Nasional						Tempatan	
	Dasar Pelancongan Negara 2020-2030	*Industry 4WRD*	*MSCF*	Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030	DRN 2018-2025	DASN	Draf RS Labuan	LDB 2030
Pembangunan Wilayah	√	√	√	√	√	√	√	√
Petempatan Bandar			√				√	√
Petempatan Desa							√	√
Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah	√						√	√
Asas Ekonomi	√						√	√
Rekabentuk Bandar, Budaya dan Warisan	√						√	√
Landskap dan Rekreasi	√						√	√
Demografi dan Sosio Ekonomi	√	√					√	√
Perumahan					√		√	√
Perindustrian	√	√					√	√
Perniagaan dan Perkhidmatan	√						√	√
Pertanian, Penternakan dan Perikanan							√	√
Pelancongan	√						√	√
Infrastruktur dan Utiliti	√		√				√	√
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	√						√	√
Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	√			√			√	√
Alam Sekitar & Risiko Bencana dan Perhutanan	√					√	√	√
Pengurusan Maklumat Geografi (GIS)			√				√	√
Pengurusan dan Pelaksanaan	√		√				√	√


Sumber: Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Secara umumnya, hampir semua sektor atau bidang kajian yang digariskan di dalam RPL 2040 akan menyentuh dasar-dasar berkaitan sama ada di peringkat global, nasional dan tempatan. Walau bagaimanapun, kesesuaian sesetengah dasar akan disesuaikan keadaan fizikal dan persekitaran sosial di peringkat tempatan di WP Labuan.


PEARL OF BORNEO

BAHAGIAN B :

ASPEK RANGKA WILAYAH DAN EKONOMI MAKRO


PEARL OF BORNEO

BAB

01



Pembangunan Wilayah



Bandar Labuan
(Pemandangan Sekitar
Hotel Grand Dorset Labuan)

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pembangunan Wilayah

Sektor Pembangunan Wilayah akan melihat potensi WP Labuan dalam konteks negeri dan wilayah selain melihat potensi pembangunan yang boleh dimanfaatkan hasil limpahan pembangunan daripada Wilayah Ekonomi Koridor Sabah dan Sarawak. Hasil kajian daripada sektor ini akan menjadi salah satu input utama di dalam pembentukan strategi dan cadangan pembangunan bagi WP Labuan.

1.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor pembangunan wilayah melibatkan dasar-dasar diperingkat antarabangsa, nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor pembangunan wilayah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.1 hingga 1.5.

i. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030

Jadual 1.1: Penilaian Pencapaian Dasar Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

SDG	Matlamat	Pencapaian
SDG 1	Menghapuskan kemiskinan dalam semua bentuk di mana sahaja	- Sehingga April, 2021, sejumlah 2,303 isi rumah di WP Labuan adalah isi rumah miskin dimana sejumlah 1,420 adalah isi rumah miskin dan 883 isi rumah miskin tegar. Jumlah isi rumah miskin meningkat berasaskan peningkatan paras pendapatan daripada RM 1,281 (2020) kepada RM 2,684 (2021). Ke arah kemiskinan sifar, usaha pembasmian kemiskinan secara berterusan perlu dilaksanakan keatas isi rumah miskin dan miskin tegar di Labuan.
SDG 2	Menamatkan kelaparan, mencapai keselesaan makanan, menambahbaik nutrisi dan menggalakkan pertanian mampan	- Bagi mengurangkan kebergantungan bekalan makanan dari luar Labuan, Program Industri Pembangunan Pertanian telah dilaksanakan bagi pengeluaran pelbagai jenis tanaman untuk keperluan penduduk tempatan. Ia meliputi tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan tanaman ladang selain pengeluaran ternakan ayam dan akuakultur.
SDG 3	Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan bagi semua peringkat umur	- Bagi kesejahteraan kesihatan penduduk tempatan, Labuan dilengkapi dengan kemudahan kesihatan meliputi sebuah hospital, 5 buah klinik kesihatan dan 9 buah klinik desa di rangkaian pusat petempatan sedia ada. Ia menyediakan rawatan dan penjagaan kesihatan bagi semua peringkat umur dan isi rumah.
SDG 4	Memastikan kualiti pendidikan yang adil dan menyeluruh yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	- Labuan dilengkapi dengan kemudahan pendidikan serba lengkap untuk semua peringkat umur dan jantina yang meliputi pendidikan pra sekolah, 17 buah sekolah rendah, 10 buah sekolah menengah, sebuah sekolah teknik/asrama penuh dan 6 buah institusi pengajian tinggi. Tiada sekolah pendidikan khas untuk golongan kurang upaya di sediakan.
SDG 5	Mencapai kesamarataan jantina dan memperkasa semua wanita dan perempuan muda	- Labuan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang mudah diakses oleh penduduk tanpa mengira bangsa dan jantina. Walau bagaimana pun, dari aspek penyertaan tenaga buruh, penyertaan kaum wanita dalam pasaran tenaga buruh adalah rendah iaitu pada kadar 35% berbanding 65% lelaki. Justeru peningkatan penyertaan kaum wanita dalam pasaran tenaga buruh amat diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi Labuan di masa hadapan.

Sumber : Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Jadual 1.1: Penilaian Pencapaian Dasar Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah (samb.)

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

SDG	Matlamat	Pencapaian
SDG 6	Memastikan sanitasi dan air bersih serta tenaga bersih dan berpatutan	- Bekalan sumber air bersih adalah satu keperluaan asas yang disediakan untuk rakyat di Labuan. Setiap rumah dilengkapi dengan bekalan paip air bersih yang dirawat dan sumber air diperoleh daripada air sungai, air empangan dan air bawah tanah. Secara keseluruhan liputan perkhidmatan bekalan air bersih adalah 100% di kawasan bandar dan luar bandar. Dari aspek sanitasi, sistem pembetungan sedia ada dikawal selia oleh Indah Water Konsortium dimana penduduk memperolehi tangki septik individu di kebanyakan petempatan dan tandas curah bagi sesetengah perkampungan tradisional.
SDG 7	Memastikan akses kepada kemampuan, kebolehpercayaan dan kemampanan tenaga bersih serta berpatutan untuk semua	- Liputan bekalan elektrik di WP Labuan adalah 100% dimana semua penduduk menerima bekalan elektrik. Pada amnya bekalan elektrik di kendalikan oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dimana permintaan bekalan elektrik di Labuan meliputi 62% daripada jumlah penawaran sedia ada. Ia melebihi keperluan sebenar penduduk & mencukupi bagi menampung keperluan masa hadapan.
SDG 8	Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berterusan, pengambilan tenaga kerja penuh dan produktif serta pekerjaan yang wajar untuk semua	- Bagi tempoh 2015-2019, WP Labuan merekodkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu 6.2% setahun berbanding 4.8% peringkat negara. Usaha berterusan sedang dilaksanakan bagi memastikan penyertaan penuh tenaga buruh dalam pelbagai sektor ekonomi & perjawatan meliputi tenaga kerja lelaki dan wanita. Ia termasuk peningkatan taraf pendidikan dan kemahiran melalui pelbagai program yang disediakan oleh agensi kerajaan dengan kerjasama sektor swasta.
SDG 9	Membina infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian mampan dan menyeluruh serta mengasuh inovasi	- WP Labuan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur serba lengkap bagi meningkatkan pertumbuhan sektor perindustrian. Ia termasuk infrastruktur pengangkutan terutama lapangan terbang, pelabuhan dan terminal feri. Pembinaan jambatan Labuan-Menumbok dijangka akan meningkatkan kemasukan pelabur industri & tenaga kerja daripada Sabah. Kegiatan IKS dikalangan penduduk tempatan tertumpu kepada industri berasaskan perikanan & ia perlu dipertingkatkan kearah produk bernilai tambah tinggi. Secara keseluruhan, sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK Labuan masih rendah (18.2% bagi tahun 2019).
SDG 10	Mengurangkan ketidaksamarataan di dalam negara dan antara negara	- Taraf pendapatan isi rumah di Labuan meliputi isi rumah B40 (29.8%) dengan pendapatan tidak melebihi RM 4,850, isi rumah M40 (48.8%) dengan pendapatan tidak melebihi RM 11,000 dan isi rumah T20 (21.4%) dengan pendapatan RM 11,000 keatas. Wujud keperluan bagi meningkatkan taraf pendapatan isi rumah B40 kepada M40 ke arah meminimakan jurang perbezaan pendapatan. Secara keseluruhan, pendapatan kasar bulanan isi rumah bagi WP Labuan meningkat daripada RM 4,407 (2009) kepada RM 8,319 (2019) dengan pertumbuhan 6.55% setahun berbanding 6.98% setahun diperingkat negara.
SDG 11	Membentuk bandar-bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan	- WP Labuan dilengkapi dengan kemudahan perumahan untuk setiap kategori isi rumah, kemudahan pengangkutan awam yang tersedia, sumber warisan semulajadi dan kebudayaan yang terpelihara, kawasan lapang & hijau untuk masyarakat berekreasi & bersukan, perkhidmatan perbandaran oleh PBT dan sistem pelupusan sisa pepejal dan sanitasi yang baik untuk semua.

Sumber : Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Jadual 1.1: Penilaian Pencapaian Dasar Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah (samb.)

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

SDG	Matlamat	Pencapaian
SDG 12	Memastikan penggunaan dan corak pengeluaran yang mampan	- Sumber-sumber semulajadi sedia ada di WP Labuan masih terpelihara khususnya rangkaian pulau-pulau, pantai dan laut serta hutan yang kaya dengan kepelbagaian bio-diversiti. Manakala pengurusan sisa buangan khususnya sisa kimia dari aktiviti industri dan sisa pepejal dari aktiviti industri, perniagaan dan kawasan kediaman di kawal selia oleh pihak berwajib bagi meminimakan kesan pencemaran terhadap alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat. Amalan 3R dipraktikkan oleh sektor industri, perniagaan dan pelancongan bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal & mencapai pelancongan mampan.
SDG 13	Mengambil tindakan segera bagi menghadapi perubahan iklim dan kesannya	- Potensi risiko bencana di WP Labuan tertumpu kepada banjir, hakisan pantai, tanah runtuh, gempa bumi & tsunami, aktiviti industri dan penerbangan. Bagi mengelakkan kejadian bencana alam semulajadi, tindakan mitigasi perlu dilaksanakan oleh pihak berwajib khususnya Pelan Pengurusan Bencana sebagai panduan kepada pihak PBT, agensi dan orang awam sekiranya berlaku bencana alam. Ia meliputi langkah-langkah pencegahan, amaran dan mengurangkan impak bencana.
SDG 14	Memulihara dan menggunakan laut dan sumber-sumber marin secara mampan untuk pembangunan mampan	- Pendaratan hasil laut khususnya perikanan di WP Labuan adalah rendah iaitu 18,696 tan metrik (laut pantai) dan 631 tan metrik (laut dalam) meliputi 1.3% daripada jumlah pendaratan negara. Ia amat kecil dan tidak menjejaskan sumber laut sedia ada. Langkah-langkah pencegahan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan pencemaran laut, mengurus & memelihara laut/marin & ekosisitem pantai daripada sebarang impak pembangunan. Ia termasuk pelaksanaan pelan pengurusan pesisiran pantai bersepadu (ISMP 2010) yang telah dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan.
SDG 15	Melindungi, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan bagi ekosistem daratan, pengurusan hutan mampan, menangani pengurunan selian menghentikan dan mengundurkan penurunan zat tanah dan menghalang kehilangan bio-diversiti	- WP Labuan mempunyai sejumlah 686 hektar kawasan hutan dimana sejumlah 200 hektar adalah hutan kekal & baki sebanyak 486 hektar adalah hutan tanah kerajaan. Sebahagian besar kawasan hutan tersebut adalah KSAS yang perlu dipelihara & diurus dengan mampan berdasarkan Pelan Pengekalan Semulajadi. Manakala kawasan hutan Kinabenuwa telah dirizab sebagai hutan paya bakau bagi tujuan pemeliharaan serta mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dan aktiviti yang dibenarkan (pelancongan).
SDG 16	Menggalakkan masyarakat aman dan menyeluruh bagi pembangunan mampan, menyediakan capaian kepada keadilan untuk semua dan membina institusi cekap, bertanggungjawab dan menyeluruh di setiap peringkat	- Amnya WP Labuan adalah pulau yang aman, selamat dan sejahtera dimana kejadian jenayah, keganasan, kecurian, penderaan kanak-kanak dan yang berkaitan adalah minima dan terkawal. Manakala perkhidmatan awam yang cekap, bersih dan telus oleh pelbagai institusi tempatan dikawal selia mengikut peraturan & undang-undang yang ditetapkan. Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha memerangi amalan rasuah dan salah laku dikalangan kakitangan awam.
SDG 17	Menguatkan cara-cara pelaksanaan dan menggiatkan semula usahasama global untuk pembangunan mampan	- Kerjasama serantau antara negeri/negara maju dan sedang membangun perlu diperkukuhkan melalui pengurusan dan bantuan kewangan, teknologi terutama ICT & keupayaan bagi menyokong pelan pembangunan negara berasaskan matlamat pembangunan mampan serta sistem perdagangan yang dapat membantu negara sedang membangun.

Sumber : Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

ii. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 1.2: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah

Tonggak III: Menuju Ke Arah Pembangunan Wilayah Yang Seimbang		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A: Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah	A1 : Memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri & wilayah	- Perancangan pembangunan WP Labuan adalah berasaskan Labuan Development Blueprint 2030 dengan visi bandaraya pulau yang mampan dan pintar. Ia menggantikan Pelan Pembangunan Strategik Labuan 2020 dengan visi menjadikan Labuan sebagai bandaraya pulau yang mampan dan bertaraf dunia.
	A2 : Memoden & mempelbagai asas ekonomi	- Bagi tempoh 2015-2019, KDNK WP Labuan telah meningkat daripada RM 5,999 juta (2015) kepada RM 7,725 juta (2019) dengan pertumbuhan purata 6.2% setahun berbanding 4.8% peringkat negara. Penyumbang utama KDNK adalah sektor perkhidmatan (77.3%) diikuti sektor pembuatan (18.2%), pembinaan (2.3%) dan pertanian (1.7%). Pemodenan & kepelbagaian asas ekonomi Labuan tertumpu kepada kluster perniagaan & kewangan, perkhidmatan berasaskan minyak & gas, pelancongan, pendidikan, perkhidmatan awam & logistik.
	A3 : Menggalakkkan bandar yang berdaya saing	- Labuan dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan (ZPP) yang akan menjadi hab pemangkin pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peluang perniagaan & pekerjaan. Ia akan dipandu oleh Labuan Development Blueprint 2030 yang menyediakan hala tuju strategik pembangunan Labuan khususnya bagi sektor perniagaan & kewangan, minyak & gas, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan awam. Sehingga kini WP Labuan mencapai kejayaan yang memberangsang sebagai pusat perniagaan & kewangan antarabangsa serta pusat perkhidmatan industri minyak dan gas yang memberi khidmat di rantau Asia Tenggara.
	A4 : Memperkukuh kerjasama serantau ASEAN	- Platform kerjasama serantau ASEAN masih belum dimanfaatkan sepenuhnya bagi mempercepat dan membantu pembangunan ekonomi terutama di kawasan sempadan. Inisiatif perlu diambil bagi meningkatkan ketersambungan serantau dalam Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur BIMP-EAGA.
B: Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar	B1 : Mempertingkat infrastruktur luar bandar	- Kawasan luar bandar meliputi 72.42% daripada luas kawasan WP Labuan. Usaha berterusan telah dilaksanakan untuk meningkatkan perhubungan pengangkutan/jalanraya, akses kepada infrastruktur asas khususnya bekalan air & elektrik serta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi. Inisiatif baru akan terus dilaksanakan untuk meningkatkan penyediaan jalan raya serta akses kepada bekalan air & elektrik disamping menambah baik infrastruktur digital
	B2 : Menambah baik hubung kait antara bandar dan luar bandar	- Bagi meningkatkan aktiviti ekonomi, produktiviti & pendapatan masyarakat luar bandar, hubung kait antara bandar & luar bandar di WP Labuan akan diperkukuhkan untuk menggalakkan integrasi ekonomi yang lebih baik serta memperluaskan perkhidmatan ke kawasan luar bandar.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 1.2: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah (samb.)

Tonggak III: Menuju Ke Arah Pembangunan Wilayah Yang Seimbang		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
B: Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar	B3 : Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar	- Berasaskan tahap kemajuan, kemahiran & tahap pendidikan penduduk serta sosio-ekonomi yang rendah, pembangunan ekonomi kawasan luar bandar di WP Labuan akan terus dipertingkatkan melalui galakkan pelaburan swasta, memanfaatkan ekonomi digital serta menambah baik keupayaan mendapatkan pekerjaan. Pada masa kini aktiviti ekonomi setempat di luar bandar tertumpu kepada aktiviti perikanan dan perusahaan IKS seperti bilis, belacan dan ikan kering selain aktiviti penternakan ayam dan akuakultur serta tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 1.3: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah

Teras 1: Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1: Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.1 : Memperkukuhkan kawasan pertumbuhan	- Labuan telah dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan (ZPP) berperanan memangkin pertumbuhan dalam pelbagai sektor ekonomi. Sehingga kini Labuan telah berjaya mengukuhkan peranannya sebagai Pusat Perniagaan & Kewangan Antarabangsa (Labuan IBFC) selain pusat perkhidmatan industri minyak dan gas bagi rantau Asia Tenggara.
	PD 1.2 : Mempertingkatkan Daya Saing Bandar	- Strategi ini belum tercapai sepenuhnya berasaskan peranan Labuan sebagai Bandar Utama dan kejayaan Labuan tertumpu di peringkat Asia Pasifik terutama sektor perkhidmatan perniagaan & kewangan selain pusat perkhidmatan industri minyak & gas. Manakala lain-lain sektor ekonomi seperti perindustrian, pelancongan, pertanian, pendidikan dan logistik masih diperingkat awal pembangunan. Usaha sedang dilaksanakan bagi mempertingkatkan perhubungan infrastruktur pengangkutan terutama naiktaraf lapangan terbang Labuan serta pembesaran pelabuhan Labuan dan Terminal Feri Antarabangsa Labuan yang akan meningkatkan kemudahsampaian ke rangkaian bandar di kawasan bersempadan terutama Sabah, Sarawak, Brunei serta wilayah Asean Timur BIMP-EAGA.
	PD 1.3 : Memperkukuhkan sektor perkhidmatan	- Sektor perkhidmatan menyumbang 77.3% daripada KDNK WP Labuan (2019) terutama sektor kecil kewangan & perkhidmatan perniagaan. Manakala sektor perkhidmatan moden khususnya e-dagang & industri kreatif serta perkhidmatan pelancongan sangat kecil sumbangannya & amat perlu diperkukuhkan.
	PD 1.4 : Memperkukuhkan kluster perindustrian	- Sektor pembuatan menyumbang 18.2% daripada KDNK WP Labuan (2019) terutama sektor kecil petroleum, kimia, getah & plastik berbanding lain-lain kluster industri. Kluster industri yang berpotensi tinggi akan terus diperkukuhkan terutama industri fabrikasi logam, produk perikanan dan hasil pertanian selain industri sokongan minyak & gas.
	PD 1.5 : Memperkukuhkan pelabuhan pintu masuk dan industri logistik	- Pelabuhan Labuan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan hanya mengendalikan sebahagian kecil barangan/komoditi/ penumpang dengan tumpuan diperingkat tempatan & Asia Tenggara sahaja.Peranannya sebagai pintu masuk dan industri logistik amat perlu diperkukuhkan.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 1.3: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah (samb.)

Teras 1: Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1: Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.6 : Meningkatkan pembangunan modal insan dan pengetahuan intensif	- Penduduk umur bekerja (15-64 thn) WP Labuan meliputi 72.5% (2019) dpd jumlah penduduk dengan kadar penyertaan 0.57 serta 31% pekerja mahir (berpendidikan tertiari). Sebahagian besar (69%) adalah pekerja separuh mahir & tidak mahir berpendidikan rendah & menengah (62.5%) & 5.3% tiada pendidikan rasmi. Pembangunan modal insan & pengetahuan intensif amat perlu dipertingkatkan di WP Labuan.
PD 2: Pembangunan luar bandar yang bersepadu	PD 2.1 : Memanfaatkan sumber tempatan	- Sumber tempatan luar bandar di WP Labuan masih belum dimanfaatkan secara optima terutama kluster perikanan & hasil marin, pelancongan terutama ekopelancongan serta industri hiliran terutama industri asas tani. Jumlah pendaratan ikan di WP Labuan hanya meliputi 5% (19,327 t.m. bernilai RM 211 juta) daripada jumlah pendaratan ikan di Malaysia Timur (2018).
	PD 2.2 : Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi ekonomi berasaskan pertanian	- Sektor pertanian hanya menyumbang 1.7% daripada KDNK WP Labuan (2019). Gunatanah pertanian hanya meliputi 1.06% daripada jumlah gunatanah semasa WP Labuan (2020). Industri perikanan hanya tertumpu kepada kegiatan IKS khususnya perusahaan ikan bilis & tuna melibatkan sejumlah 25 pengusaha (`product champion'). Aktiviti rantaian nilai masih perlu dipertingkatkan.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 1.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E1 Hab Logistik Industri Perkhidmatan Minyak dan Gas Sebagai Pemangkin Ekonomi Labuan	E1-CA 1 Merancang, menyediakan dan meningkatkan kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan perkapalan dan penyimpanan bagi menyokong industri minyak dan gas	- Kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan perkapalan & penyimpanan tertumpu di Pelabuhan Merdeka, Labuan Marina, pesisiran pantai dan kawasan industri di Rancha-Rancha dan Kiamsam. Pada masa kini usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan baikpulih kapal selain meluaskan kawasan penyimpanan untuk mengukuhkan peranan Labuan sebagai hab logistik industri perkhidmatan minyak dan gas.
	E1-CA2 Menyediakan kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti-aktiviti berkaitan yang lengkap dengan prasarana dan kemudahan yang mencukupi	- Pelbagai kemudahan dan prasarana telah dibangunkan berhampiran pelabuhan, marina dan kawasan industri Rancha-Rancha.
	E1-CA 3 Menggalakkan industri pembinaan pelantar minyak untuk menyokong operasi carigali minyak dan gas di kawasan perairan Sabah, Sarawak dan Brunei dengan memanfaatkan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai	- Petronas Methanol, Labuan Crude Oil Terminal & Labuan Gas Terminal antara industri utama yang menyokong industri perkhidmatan minyak & gas di Labuan.
E2 Labuan Dimajukan Sebagai Pusat Pelaburan, Kewangan dan Perniagaan Serantau	E2-CA1 Mempertingkat daya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan dengan menarik lebih ramai pelabur asing	- Labuan telah menjadi tempat operasi institusi kewangan terkemuka daripada lebih 100 buah negara di dunia termasuk institusi kewangan Islam. Lebih 900 institusi kewangan meliputi bank, syarikat insurans dan berkaitan insurans, syarikat amanah, syarikat pajakan dan badan pengurusan harta beroperasi di Labuan IBFC.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 1.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah (samb.)

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E2 Labuan Dimajukan Sebagai Pusat Pelaburan, Kewangan dan Perniagaan	E2-CA2 Memperkasakan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro yang lebih berkesan terutama perbankan dan kewangan Islam	- Perbankan dan kewangan Islam di Labuan berkembang pesat yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam, takaful & takaful semula, pasaran wang dan pasaran modal Islam kepada pelabur tempatan dan asing.
	E2-CA3 Memperkukuhkan status Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serantau bagi meningkatkan daya saing ekonomi.	- Sejumlah 927 pertubuhan perniagaan yang terlibat secara langsung dalam sektor kewangan, insuran dan hartanah serta perkhidmatan perniagaan berkaitan pelaburan asing di W.P. Labuan berbanding 443 pertubuhan perniagaan pada tahun 2010. Pada tahun 2019, 53.7 peratus daripada KDNK Labuan disumbangkan oleh subsektor kewangan dan insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.
E4 Keupayaan Sektor Pelancongan di Pertingkat Bagi Menarik Kemasukan Pelancong Domestik dan Antarabangsa	E4-CA1 Mengenalpasti sumber aset tinggalan sejarah, produk sedia ada dan mampu maju untuk dibangunkan, dinaiktaraf dan dipelbagai secara bersepadu	- WP Labuan mempunyai produk pelancongan warisan, sejarah dan kebudayaan yang menjadi tarikan pelancong dimana sebahagian darinya telah pun dinaiktaraf melalui pakej pelancongan yang dianjurkan. Walau pun demikian pakej pelancongan serba lengkap yang mengabungkan rangkaian kluster produk pelancongan sedia ada belum wujud dan kekurangan promosi bagi meningkatkan kedatangan pelancong.
	E4-CA2 Menyediakan kemudahan penginapan pelbagai taraf dan lengkap bagi memenuhi keperluan pelancong dalam dan luar negara serta pengunjung yang datang atas urusan kerja	- Sehingga kini, Labuan telah dilengkapi dengan pelbagai taraf kemudahan penginapan daripada inap desa kepada hotel 5 bintang khususnya di pusat bandar Labuan dan rangkaian perkampungan tradisi sedia ada.
	E4-CA3 Meningkatkan penglibatan usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang beridentitikan tempatan	- Agensi kerajaan berkaitan telah menyediakan bangunan dan ruang bagi penyertaan usahawan produk tempatan termasuk di UTC Labuan
	E4-CA 4 Menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor awam dan swasta dalam memajukan produk pelancongan	- Telah wujud usaha oleh sektor awam dan swasta untuk memajukan produk pelancongan sedia ada termasuk pulau-pulau yang kaya dengan sumber marin & tumbuhan semulajadi.
	E4-CA5 Mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan melalui media cetak dan elektronik serta penyertaan Perbadanan Labuan di dalam pelbagai persidangan, pesta, karnival atau pameran berkaitan pelancongan sama ada di peringkat tempatan, kebangsaan mahu pun antarabangsa	- Pelbagai acara dan program telah dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta dalam mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan bertujuan bagi meningkatkan kedatangan pengunjung dan pelancong.
	E4-CA 6 Menyediakan kemudahan penginapan alternatif dalam bentuk homestay yang boleh menambah pendapatan masyarakat tempatan	- Wujud program homestay yang melibatkan 3 pengusaha di perkampungan nelayan dengan sokongan agensi kerajaan yang berkaitan.
	E4-CA 7 Menyedia dan menaiktaraf sistem perhubungan dan kemudahan infrastruktur yang perlu bagi menyokong produk-produk pelancongan yang dikenalpasti	- Pada amnya rangkaian produk pelancongan sedia ada dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur pengangkutan yang baik & dilengkapi dengan kemudahan sokongan.
	E4-CA8 Memperkenal dan mempromosi kalendar tahunan pelancongan Pulau Labuan yang padat dengan informasi dan aktiviti pelancongan yang dirancang sepanjang tahun sebagai salah satu strategi pemasaran	- Kalendar acara tahunan yang dipenuhi dengan pelbagai program dan aktiviti telah disediakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 1.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Wilayah

The Growth Drivers

Dasar	Teras Strategik	Pencapaian
1 : International Business and Financial Centre (IBFC)	*ST-F1* *Strategic Thrust 1 : Horizontal broadening of the IBFC's business base*	- Teras strategik ini sedang giat dilaksanakan. Selain pergantungan tinggi terhadap sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, Labuan perlu mengembangkan potensi perniagaan bernilai tinggi terutama dalam menarik pelaburan dalam aktiviti rantaian methanol, penyelenggaraan kapal, penerbangan ,pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan.
2 : Oil and Gas	*ST-OG1* *Strategic Thrust 1 : To position Labuan as the regional oil & gas supply base*	- Teras strategik ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Ia amat bergantung kepada perlaksanaan projek minyak & gas bersepadu Sabah-Sarawak serta segi tiga minyak & gas Labuan-Sabah (sumber : Utusan Borneo Julai, 2020) dan memberi kelebihan kepada Labuan berperanan sebagai pengkalan penawaran bagi industri minyak & gas diperingkat wilayah terutama tenaga kerja, peralatan, gudang dan penyimpanan yang dapat menyokong eksplorasi & pengeluaran minyak & gas serta aktiviti perlombongan.
4 : Tourism	*ST-T1* *Strategic Thrust 1 : Develop Labuan regional tourism cluster*	- Teras strategik ini belum dilaksanakan berasaskan kekurangan perhubungan pengangkutan yang cekap (darat, air & udara) menghubungkan Labuan dengan negeri/negara berjiran terutama Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam. Labuan juga belum memiliki pakej pelancongan serba lengkap dan kekurangan promosi selain kualiti taraf bintang penginapan yang rendah. Kerjasama dan kolaborasi antara kerajaan bagi ketiga-tiga negeri/negara terlibat juga memainkan peranan utama dalam mempromosi produk pelancongan. Labuan akan bertindak sebagai pintu masuk pelancongan, pusat penginapan dan pengkalan bagi pelbagai produk pelancongan terutama ekopelancongan.

The Enablers

Dasar	Teras Strategik	Pencapaian
1 : Connectivity	*ST-C1* *Strategic Thrust 1 : Enhancing the symbiotic bond between Labuan and Sabah*	- Teras strategik ini belum dilaksanakan berasaskan ketiadaan hubungan pengangkutan yang cekap terutama perlaksanaan projek jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Menumbok, Sabah. Ia akan dapat mengukuhkan hubungan sosio-ekonomi dengan rangkaian bandar Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Menumbok.
	ST-C2 *Strategic Thrust 2 : Positioning Labuan as a regional gateway*	- Teras strategik ini belum dilaksanakan berasaskan ketiadaan hubungan pengangkutan air & udara yang cekap terutama sebagai pintu masuk wilayah bagi Sabah, Sarawak, Borneo dan wilayah BIMP-EAGA secara keseluruhannya. Ia termasuk pengukuhan peranan Labuan Airport, Terminal Feri Antarabangsa Labuan dan pelabuhan Labuan sebagai hab maritim.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

1.2 Penemuan Semasa

1.2.1 Kepentingan dan Perhubungan Wilayah

Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebahagian daripada negeri di Malaysia Timur dan bersempadan dengan Negeri Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam. Di bawah rangka strategik pembangunan nasional, WP Labuan adalah sebahagian daripada *strategic linking corridor* yang mempunyai aliran perkhidmatan, modal insan, barangan dan sistem rangkaian perhubungan yang baik dengan Sabah berasaskan kedudukannya yang berhampiran dengan negeri tersebut (Rajah 1.1).

Jumlah penduduk bagi WP Labuan, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 2010-2020 adalah seramai 5.60 juta (2010) dan diunjurkan meningkat kepada 7.01 juta (2020). Syer jumlah penduduk bagi ketiga-tiga negeri tersebut daripada jumlah penduduk Malaysia menunjukkan peningkatan daripada 19.6 peratus (2010) kepada 20.8 peratus (2020). Faktor migrasi dan tahap perbandaran yang pesat merupakan faktor utama yang menyumbang kepada senario tersebut. Jadual 1.6 menunjukkan jumlah penduduk Sabah, Sarawak dan WP Labuan 2010 - 2020.

Selain daripada itu, bagi pengukuhan kawasan pertumbuhan, WP Labuan telah dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan (ZPP) bersama bandar Keningau, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.

Jadual 1.6 : Jumlah Penduduk Sabah, Sarawak & WP Labuan, 2010-2020

Negeri	2010	2020	KPPT (%) 2010-2020
WP Labuan	83,920	103,135	2.1
Sabah	3,117,405	4,047,000	2.6
Sarawak	2,399,839	2,868,600	2.0
Jumlah	5,601,164	7,018,735	2.3
% dpd penduduk Malaysia	19.6	20.8	-

Sumber:
i. Laporan Banci Penduduk Malaysia 2010 , Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Unjuran Penduduk Malaysia 2020-2040, Jabatan Perangkaan Malaysia

1.2.2 Pembangunan WP Labuan Dalam Konteks Wilayah Antarabangsa

i. Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur : Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)

WP Labuan adalah ahli bagi kawasan pertumbuhan ASEAN Timur meliputi negara Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA). Penubuhan kawasan pertumbuhan tersebut sejak tahun 1994 merupakan inisiatif kerjasama daripada ahli-ahli dengan tujuan untuk meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi bagi negara kurang maju dan terpinggir. Wilayah pertumbuhan BIMP-EAGA adalah meliputi negara Brunei, Sulawesi Utara, Tengah, Barat dan Tenggara, Kalimantan Tengah, Timur, Barat dan Selatan, Maluku dan Irian Jaya di Indonesia, Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia serta Mindanao dan Palawan di Filipina. Wilayah BIMP-EAGA meliputi kawasan seluas 1.54 juta kilometer persegi dengan kepadatan penduduk sekitar 70 juta.


Matlamat penubuhan BIMP-EAGA adalah merubah aktiviti ekonomi berasaskan sumber kepada aktiviti bernilai tambah tinggi dengan fokus kepada aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Antara inisiatif yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:

- Rangka kerja RORO (Roll On/Roll Off) yang mewujudkan laluan wilayah bagi menjana aktiviti pelabuhan dan pelancongan terutama pelancongan pelayaran bagi wilayah BIMP-EAGA. Ia melibatkan laluan Brunei/Labuan-Palawan-Zambonga dan Bitung-General Santos, Filipina.

- Mengukuhkan hubungan udara bukan sahaja didalam wilayah BIMP-EAGA tetapi juga luar wilayah. Ia akan menggalakkan syarikat penerbangan mewujudkan lebih banyak laluan udara yang akan menjana perkhidmatan dan rangkaian antarabangsa. Ia akan menambahbaik kesalinghubungan udara dan meningkatkan trafik udara.

Labuan mempunyai kedudukan yang baik untuk mengetuai transformasi ekonomi bagi aktiviti yang disarankan iaitu perdagangan, pelaburan dan pelancongan berasaskan kelebihan yang dimiliki. Labuan mempunyai infrastruktur dan ekosistem yang baik dalam perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Wilayah BIMP-EAGA merupakan sumber yang berpotensi bagi tenaga buruh. Melalui hubungan udara dan laut yang cekap, Labuan mempunyai kelebihan untuk menggalakkan pergerakan tenaga kerja berkemahiran tinggi dikalangan ahli wilayah tersebut.

Rajah 1.1 : Rangka Strategik Pembangunan Negeri Sabah dan WP. Labuan



Sumber: Rancangan Fizikal Negara 3

Bagi Malaysia, antara manfaat yang akan diperolehi daripada BIMP-EAGA adalah seperti berikut :

- Perancangan pembukaan Taman Halal bagi kluster industri minyak sawit Lahad Datu (POIC Lahad Datu).
- Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang akan menghubungkan Sarawak, Brunei, Sabah dan Kalimantan, Indonesia dimana ia akan meningkatkan kerjasama serantau BIMP-EAGA terutama dalam pelaburan, perniagaan dan pelancongan.
- Penubuhan Pusat Pertumbuhan Luar Bandar (RGC) bagi memperkasa usaha mentransformasi kawasan luar bandar.
- Pembangunan bandar pintar (smart city).
- Penempatan pusat pentadbiran baru dan ibu kota Indonesia yang baru di Kalimantan Timur (sebahagian daerah Penajam Paser Utara & Kurtai Kartanegara) akan dapat meningkatkan hubungan sosio-ekonomi dan perdagangan serantau terutama pelaburan dalam perlombongan arang batu, emas, perladangan dan pembalakan selain perniagaan dan pelancongan.


Rajah 1.2 menunjukkan koridor ekonomi utama BIMP-EAGA.

Lebuhraya Pan Borneo



Sumber: www.bing.com

Rajah 1.2: Koridor Ekonomi Utama BIMP-EAGA



Sumber : Labuan Development Blueprint 2030.

ii. Wawasan Brunei 2035

Negara Brunei Darussalam dalam konteks pembangunan wilayah mempunyai kesan ke atas pembangunan Labuan berasaskan kedudukan dan hubungan sosio-budaya yang erat. Wawasan Brunei 2035 adalah pelan pembangunan strategik dengan 3 matlamat utama seperti berikut :

- Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya
- Kualiti kehidupan rakyat yang tinggi
- Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

Antara strategi utama yang dirangka bagi pembangunan ekonomi adalah untuk menjana peluang pekerjaan dan pengembangan peluang perniagaan melalui galakkan pelaburan tempatan dan luar negara dalam pelbagai bidang industri termasuk aktiviti hiliran dan kluster industri petroleum dan gas. Kerajaan Brunei juga bertanggungjawab membangunkan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana bagi meningkatkan peluang perniagaan dan usahawan dikalangan penduduk bangsa Melayu. Hasil pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 mensasarkan 12 aspek utama seperti mana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.3.

Bagi pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, Labuan mempunyai kelebihan di dalam penawaran perkhidmatan logistik, pelancongan dan pusat perniagaan bagi memenuhi keperluan rakyat Brunei. Antaranya termasuk penawaran bekalan bahan makanan dan keperluan isi rumah. Malahan Labuan berpotensi menarik rakyat dari Brunei untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi pelancongan dan rekreasi dengan memperkasa aset dan sumber semulajadi yang terdapat di Labuan.

Statistik utama berkaitan Negara Brunei Darussalam meliputi keluasan, penduduk, sumber ekonomi, pekerjaan dan KDNK dirumuskan di dalam Jadual 1.7.

Jadual 1.7 : Statistik Utama, Negara Brunei Darussalam

Bil.	Perkara	Maklumat Asas 2019
1.	Ibu negara	Bandar Seri Begawan
2.	Keluasan	5,765 km persegi
3.	Jumlah penduduk	459,500 • Melayu (65.8%) • China (10.3%) • Lain-Lain Bangsa (24.0%)
4.	Kepadatan penduduk	79.7 orang/km persegi
5.	Sumber utama ekonomi	Petroleum dan gas asli
6.	Jumlah pekerjaan	272,602 • Sektor Primer (9.0%) • Sektor Sekunder (12.7%) • Sektor Tertiari (78.3%)
5.	KDNK 2019	BND 18.37 bilion • Industri (61.5%) • Perkhidmatan (37.5%) • Perhutanan, Pertanian & Perikanan (1.0%)
6.	KDNK per kapita	BND 39,989

Sumber: Brunei Statistical Yearbook 2019, Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik, Kementerian Kewangan & Ekonomi.

Rajah 1.3: Hasil Pencapaian Matlamat Wawasan Brunei 2035



Sumber: Dokumen Wawasan Brunei 2035

1.2.3 Pembangunan WP Labuan Dalam Kontek Wilayah Negara

i. Jumlah dan Pertumbuhan Penduduk

Bagi tempoh 2010-2019, jumlah penduduk Malaysia telah bertambah daripada 27.55 juta (2010) kepada 32.52 juta (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.86 peratus setahun (rujuk Jadual 1.8). Wilayah Tengah kekal sebagai penyumbang terbesar penduduk iaitu daripada 8.77 juta (31.9%) pada tahun 2010 kepada 10.45 juta (32.1%) pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.95 peratus setahun. Tumpuan utama penduduk adalah di Negeri Selangor (20.0%). Ia diikuti oleh Malaysia Timur dimana jumlah penduduknya bertambah daripada 5.60 juta (20.3%) pada tahun 2010 kepada 6.81 juta (20.9%) pada tahun 2019. Ia merekodkan pertumbuhan purata pada kadar 2.19 peratus setahun. Tumpuan utama penduduk adalah di Negeri Sabah (12.0%) dan Sarawak (8.6%).

WP Labuan yang menjadi sebahagian daripada Malaysia Timur mempunyai jumlah penduduk paling kecil iaitu 99,300 (2019) berbanding 83,920 (2010) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.89 peratus setahun. Ia meliputi 0.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Wilayah Utara mempunyai jumlah penduduk ketiga terbesar di Malaysia dimana ia bertambah daripada 5.95 juta (21.5%) pada tahun 2010 kepada 6.70 juta (20.6%) pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.33 peratus setahun. Manakala jumlah penduduk di Wilayah Timur dan Wilayah Selatan, masing-masing meliputi 14.7 peratus dan 11.6 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Jadual 1.8 : Jumlah dan Pertumbuhan Penduduk Mengikut Negeri dan Wilayah, 2010 & 2019

Negeri/Wilayah	2010	%	2019	%	KPPT (%)
Perlis	225,630	0.8	254,000	0.8	1.32
Kedah	1,899,751	6.9	2,173,700	6.7	1.51
Pulau Pinang	1,526,324	5.5	1,768,800	5.4	1.65
Perak	2,299,582	8.3	2,508,800	7.7	0.97
Wilayah Utara	5,951,287	21.5	6,705,300	20.6	1.33
Selangor	5,345,454	19.4	6,506,100	20.0	2.21
WP Kuala Lumpur	1,588,750	5.8	1,782,500	5.5	1.29
WP Putrajaya	68,361	0.3	103,700	0.3	4.74
Negeri Sembilan	986,204	3.6	1,126,200	3.5	1.48
Melaka	790,136	2.9	928,400	2.8	1.81
Wilayah Tengah	8,778,905	31.9	10,446,900	32.1	1.95
Johor	3,230,440	11.7	3,761,200	11.6	1.70
Wilayah Selatan	3,230,440	11.7	3,761,200	11.6	1.70
Pahang	1,440,741	5.2	1,671,400	5.1	1.66
Terengganu	1,011,363	3.7	1,244,500	3.8	2.33
Kelantan	1,470,696	5.3	1,883,800	5.8	2.79
Wilayah Timur	3,922,800	14.2	4,799,700	14.7	2.27
Sabah	3,117,405	11.3	3,904,400	12.0	2.53
Sarawak	2,399,839	8.7	2,806,000	8.6	1.75
WP Labuan	**83,920**	**0.3**	**99,300**	**0.3**	**1.89**
Malaysia Timur	**5,601,164**	**20.3**	**6,809,700**	**20.9**	**2.19**
Malaysia	27,552,957	100.0	32,523,000	100.0	1.86

Sumber: i. Laporan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Anggaran Penduduk 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

ii. Nilai Pelaburan Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan merupakan pemangkin utama pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri dan berdasarkan kepada Jadual 1.9, pada tahun 2019, Wilayah Tengah menjadi tumpuan utama pelabur di Malaysia dimana ia menerima sejumlah 406 projek pembuatan yang diluluskan oleh pihak MIDA dengan nilai pelaburan berjumlah RM 21,659.4 juta. Negeri Selangor menjadi tumpuan utama pelabur dimana ia menerima sejumlah 315 projek pembuatan dengan jumlah pelaburan modal tertinggi iaitu RM 17,040.2 juta (20.6%). Ia diikuti oleh Wilayah Utara yang menerima sejumlah 293 projek pembuatan dengan nilai jumlah pelaburan sebanyak RM 34,978.8 juta. Negeri Pulau Pinang menjadi tarikan utama pelabur dimana ia menerima sejumlah 166 projek pembuatan yang nilai modal pelaburan berjumlah RM 16,855.4 juta. Wilayah Selatan yang diwakili oleh Negeri Johor menduduki tempat ketiga yang menerima sejumlah 209 projek pembuatan yang bernilai RM 11,455.2 juta.

Malaysia Timur menerima kemasukan projek pembuatan paling rendah iatu sebanyak 33 projek dengan nilai modal pelaburan sebanyak RM 9,038.7 juta. Negeri Sarawak dan Sabah menjadi tumpuan utama pelabur. WP Labuan merupakan negeri yang tidak menerima sebarang kemasukan pelaburan di Malaysia selain WP Putrajaya. Manakala negeri yang menerima bilangan projek pembuatan terendah adalah Perlis, Kelantan, Terengganu dan WP Kuala Lumpur. Secara keseluruhan, Malaysia menerima sejumlah 988 projek pembuatan yang bernilai RM 82,732.5 juta dimana 65.1 peratus adalah pelaburan asing dan 34.9 peratus adalah pelaburan domestik.

Jadual 1.9 : Nilai Pelaburan Sektor Pembuatan Yang DiLuluskan Mengikut Negeri dan Wilayah, 2019

Negeri/Wilayah	Bil. Projek	Pelaburan Domestik (RM juta)	%	Pelaburan Asing (RM juta)	%	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	%
Perlis	1	0.0	0.0	53.3	0.1	53.3	0.1
Kedah	54	3,390.9	11.7	8,086.0	15.0	11,476.9	13.9
Pulau Pinang	166	1,854.9	6.4	15,000.4	27.8	16,855.4	20.4
Perak	72	4,969.0	17.2	1,624.3	3.0	6,593.2	8.0
Wilayah Utara	293	10,214.8	35.4	24,764	45.9	34,978.8	42.3
Selangor	315	6,625.4	23.0	10,414.9	19.3	17,040.2	20.6
WP Kuala Lumpur	12	169.5	0.6	4.7	8.7	174.2	0.2
WP Putrajaya	0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Negeri Sembilan	44	2,259.1	7.8	1,306.7	2.4	3,565.7	4.3
Melaka	35	609.5	2.1	269.9	0.5	879.3	1.1
Wilayah Tengah	406	9,663.5	33.5	11,996.2	22.2	21,659.4	26.2
Johor	209	4,916.5	17.0	6,538.7	12.1	11,455.2	13.8
Wilayah Selatan	209	4,916.5	17.0	6,538.7	12.1	11,455.2	13.8
Pahang	34	1,004.5	3.5	3,938.5	7.3	4,943.0	6.0
Terengganu	8	588.8	2.0	50.0	0.1	638.8	0.8
Kelantan	5	12.1	0.0	6.4	0.0	18.5	0.0
Wilayah Timur	47	1,605.4	5.6	3,994.9	7.4	5,600.3	6.8
Sabah	15	1,603.2	5.5	4,853.0	9.0	6,456.2	7.8
Sarawak	18	837.4	2.9	1,745.1	3.2	2,582.5	3.1
WP Labuan	**0**	**0.0**	**0.0**	**0.0**	**0.0**	**0.0**	**0.0**
Malaysia Timur	**33**	**2,440.6**	**8.5**	**6,598.1**	**12.2**	**9,038.7**	**10.9**
Malaysia	988	28,840.7	100.0	53,891.9	100.0	82,732.5	100.0

Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Bagi prestasi ekonomi negeri khususnya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), berasaskan Jadual 1.10, pada tahun 2019, penyumbang tertinggi kepada KDNK negara adalah Negeri Selangor (RM 357,807 juta), WP Kuala Lumpur (RM 244,210 juta), Sarawak (RM 149,724 juta) dan Johor (RM 140,450 juta). Bagi tempoh 2015-2019, WP Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah merekod pertumbuhan tertinggi iaitu masing-masing pada kadar purata 7.9 peratus, 7.4 peratus dan 7.6 peratus setahun melebihi pertumbuhan di peringkat negara iaitu 6.4 peratus setahun. Negeri Perlis merekod pertumbuhan terendah iaitu 5.0 peratus setahun. Malahan Negeri Perlis mempunyai KDNK terendah bagi tempoh tersebut. WP Labuan mencatat pertumbuhan KDNK lebih tinggi daripada peringkat negara iaitu pada kadar 6.5 peratus setahun berbanding 6.4 peratus peringkat negara (Rujuk Jadual 1.10).

Dari aspek KDNK per kapita, pada tahun 2019, WP Kuala Lumpur merekod KDNK per kapita tertinggi di Malaysia iaitu RM 129,472 diikuti WP Labuan iaitu RM 77,798 dan Pulau Pinang sebanyak RM 55,243. Negeri Kelantan mencatat KDNK per kapita terendah iaitu RM 14,300. Manakala lain-lain negeri mempunyai KDNK per kapita diantara RM 22,412 hingga RM 49,172.

Secara keseluruhan, negeri-negeri yang terletak di Wilayah Tengah mempamerkan prestasi pertumbuhan ekonomi yang lebih baik berasaskan kemasukan pelaburan yang tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi seperti pembuatan dan perkhidmatan perdagangan selain kedapatan tenaga buruh produktif yang tinggi di wilayah tersebut.

Jadual 1.10 : KDNK dan KDNK Per Kapita Mengikut Negeri, 2015 & 2019 (Harga Semasa)

Negeri/Wilayah	2015 (RM juta)	2019 (RM juta)	KPPT (%)	KDNK Per Kapita 2019
Perlis	5,353	6,518	5.0	25,626
Kedah	39,550	48,717	5.3	22,412
Pulau Pinang	78,146	97,716	5.7	55,243
Perak	63,176	79,448	5.9	31,668
Wilayah Utara	186,225	232,399	5.7	-
Selangor	268,825	357,807	7.4	54,995
WP Kuala Lumpur	180,165	244,210	7.9	129,472
Negeri Sembilan	40,186	51,099	6.2	45,373
Melaka	36,007	45,651	6.1	49,172
Wilayah Tengah	525,183	698,767	7.4	-
Johor	110,002	140,450	6.3	37,342
Wilayah Selatan	110,002	140,450	6.3	-
Pahang	49,450	60,964	5.4	36,474
Terengganu	31,124	38,496	5.5	30,933
Kelantan	21,408	26,940	5.9	14,300
Wilayah Timur	101,982	126,400	5.5	-
Sabah	73,776	98,883	7.6	25,326
Sarawak	121,585	149,724	5.3	53,358
WP Labuan	**5,999**	**7,725**	**6.5**	**77,798**
Malaysia Timur	201,360	256,332	6.2	-
Supra	51,420	56,345	2.3	-
Malaysia	1,176,941	1,510,693	6.4	46,450

Sumber: Laporan Sosioekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

iv. Perkhidmatan Pengangkutan Udara

Pengangkutan udara adalah salah satu mod pengangkutan awam yang popular dan mudah sampai ke destinasi yang dituju. Pada masa kini terdapat sejumlah 26 lapangan terbang yang menyediakan perkhidmatan penerbangan dalam negeri/domestik dan antarabangsa di Malaysia. Pada tahun 2018 (Jadual 1.11), lapangan terbang sedia ada telah mengendalikan sejumlah 102.43 juta penumpang meliputi penumpang bagi perjalanan dalam negeri (49%) dan perjalanan antarabangsa (51%). Wilayah Tengah yang menempatkan lapangan terbang antarabangsa KLIA dan KLIA 2 merupakan pusat penerbangan utama yang mengendalikan sejumlah 61.9 juta penumpang (60.4%) meliputi penumpang antarabangsa (70.7%) dan penumpang domestik (29.3%). Manakala lapangan terbang di Wilayah Utara mengendalikan sejumlah 11.64 juta penumpang (11.4%) dengan tumpuan utama di Pulau Pinang (7.6%). Ia diikuti pengendalian penumpang di Malaysia Timur meliputi 22.52 juta orang dengan tumpuan utama di lapangan terbang Kota Kinabalu (8.4%) dan Kuching (5.4%). Lapangan terbang Labuan mengendalikan sejumlah 557,802 penumpang (0.5%) iaitu penumpang domestik sahaja. Hanya 6 buah lapangan terbang yang mengendalikan penerbangan antarabangsa di Malaysia Timur. Secara keseluruhan, sejumlah 16 buah lapangan terbang mengendalikan penerbangan antarabangsa dan baki 10 buah lapangan terbang tertumpu kepada penerbangan domestik sahaja. Ini bermakna penumpang antarabangsa yang ingin ke Labuan perlu melalui lapangan terbang lain terutama KLIA, KLIA 2, Kuching dan Kota Kinabalu. Ia mengambil masa lebih lama untuk sampai dan penumpang perlu mengalami perjalanan yang panjang dan tidak cekap.

Jadual 1.11 : Jumlah Penumpang Yang DiKendalikan Mengikut Lapangan Terbang, Malaysia, 2018

Lapangan Terbang	Dalam Negeri	Antarabangsa	Jumlah	Peratus
Alor Setar	817,253	-	817,253	0.8
Pulau Pinang	4,179,531	3,592,017	7,771,548	7.6
Langkawi	2,366,267	368,995	2,735,262	2.7
Ipoh	57,818	257,855	315,673	0.3
Wilayah Utara	7,420,869	3,961,012	11,639,736	11.4
KLIA	5,251,028	22,770,747	28,021,775	27.4
KLIA 2	11,130,258	20,736,136	31,866,394	31.1
Subang	1,740,289	223,770	1,964,059	1.9
Melaka	23,876	28,617	52,493	0.1
Wilayah Tengah	18,145,451	43,759,270	61,904,721	60.4
Johor Bahru	2,864,535	657,984	3,522,519	3.4
Wilayah Selatan	2,864,451	657,984	3,522,519	3.4
Kuantan	211,864	46,952	258,816	0.2
Kuala Terengganu	894,737	-	894,737	0.9
Redang	51	-	51	0.0
Kota Bharu	1,687,571	1,054	1,688,625	1.6
Wilayah Timur	2,794,223	48,006	2,842,229	2.8
Kota Kinabalu	5,745,745	2,876,374	8,622,119	8.4
Labuan	**557,802**	**-**	**557,802**	**0.5**
Lahad Datu	124,803	-	124,803	0.1
Sandakan	939,677	462	940,139	0.9
Tawau	1,627,849	14,322	1,642,171	1.6
Bintulu	894,311	14,746	909,057	0.9
Kuching	4,998,525	560,567	5,559,092	5.4
Miri	2,247,464	96,204	2,343,468	2.3
Sibu	1,570,591	-	1,570,591	1.5
Mulu	57,505	-	57,505	0.0
Limbang	45,475	-	45,475	0.0
Stol Sabah	3,951	-	3,951	0.0
Stol Sarawak	147,676	-	147,676	0.1
Malaysia Timur	**18,961,374**	**3,562,675**	**22,524,049**	**8.1**
Malaysia	50,186,201	52,246,802	102,433,054	100.00

Sumber: Statistik Pengangkutan Malaysia 2018, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

v. Rumusan

Secara keseluruhan, pembangunan WP Labuan memainkan peranan penting dalam konteks wilayah negara. Dari aspek kependudukan, WP Labuan mempunyai jumlah penduduk paling kecil di Malaysia iaitu 99,300 (2019) berbanding 83,920 (2010) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.89 peratus setahun. Ia meliputi 0.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia dan bersesuaian dengan saiz pulau yang kecil. Dari aspek aktiviti pembuatan, pada tahun 2019, Malaysia Timur menerima kemasukan projek pembuatan paling rendah iatu sebanyak 33 projek dengan nilai modal pelaburan sebanyak RM 9,038.7 juta dengan tumpuan utama di Negeri Sarawak dan Sabah. WP Labuan tidak menerima sebarang kemasukan pelaburan selain WP Putrajaya. Walau pun demikian aktiviti pembuatan sedang membangun di pulau tersebut dengan tumpuan utama kepada produk berasaskan petrokimia, elektrik dan elektronik serta produk mineral bukan logam, logam asas dan logam yang direka selain perkhidmatan berasaskan minyak dan gas.

Dari aspek KDNK, bagi tempoh 2015-2019, WP Labuan mencatat pertumbuhan sederhana pada kadar 6.5 peratus setahun berbanding 6.4 peratus peringkat negara. WP Labuan merekodkan KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia (RM 77,798) selepas WP Kuala Lumpur (RM 129,472). Ia berasaskan jumlah penduduk yang kecil berbanding produktiviti yang tinggi hasil daripada kepesatan aktiviti perkhidmatan (kewangan, insuran & pengurusan harta) seiring dengan peranan WP Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa bagi rantau Asia Pasifik.

Dari aspek perkhidmatan pengangkutan udara, Lapangan Terbang Labuan mengendalikan sejumlah 557,802 penumpang (0.5%) iaitu penumpang domestik sahaja dan tiada perkhidmatan bagi penumpang antarabangsa. Ia meliputi 0.5 peratus daripada jumlah penumpang yang dikendalikan oleh rangkaian penerbangan di Malaysia. Berasaskan pertumbuhan ekonomi sedia ada, rangkaian aset semulajadi yang dimiliki dan sebagai ahli kawasan pertumbuhan Asean Timur (BIMP-EAGA) , WP Labuan berpotensi meningkatkan bilangan penumpang dengan membuka penerbangan antarabangsa ke rangkaian bandaraya utama di negara Asean, Asia Pasifik dan benua lain di dunia. Sektor pelancongan khususnya aktiviti pulau dan pantai, warisan sejarah dan kebudayaan, sukan dan pendidikan serta zon bebas cukai (aktiviti membeli-belah) mampu menarik ketibaan penumpang domestik dan antarabangsa yang tinggi di masa hadapan.

1.2.4 Pembangunan WP Labuan Dalam Konteks Wilayah Ekonomi Koridor Sabah, Sarawak, Koridor Labuan-Menumbok-Sipitang dan Koridor Labuan-Brunei-Miri

i. Koridor Pembangunan Sabah (SDC)

Pelan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) adalah pelan pembangunan yang dirancang bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi di Negeri Sabah bagi tempoh 2008-2025. Ia dirangka bagi memandu pembangunan di seluruh Negeri Sabah sehingga tahun 2030 dan dijangka akan menyediakan sebanyak 900,000 peluang pekerjaan. Antara sasaran utama adalah mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan. Empat sektor ekonomi utama yang menjadi pemangkin pembangunan di Sabah adalah pelancongan, logistik, pertanian dan pembuatan.

a. Sektor Pelancongan

Negeri Sabah amat kaya dengan sumber semulajadi, warisan kebudayaan dan bio-diversiti flora-fauna serta kehidupan marin yang menjadi tarikan utama sektor pelancongan. Antaranya termasuk Taman Laut Tunku Abdul Rahman, Taman Negara Gunung Kinabalu, Pulau Mantanani, Taman Hidupan Liar Kok Lawi, Taman Pulau Penyu, Kolam Air Panas Poring, Pulau Dohey Dulang, Perkampungan Budaya Mari-Mari, Taman Bukit Tawau, Tanah Bencah Klias, Rezab Hidupan Liar Tabin, Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum, Taman Tanjung Aru Perdana, Muzium Marin, Pusat Tanah Bencah Kota Kinabalu, Pantai Tanjung Aru, Perkampungan Budaya Monsopiad dan sebagainya. Di bawah inisiatif SDC, sasaran utama sektor pelancongan adalah memperoleh hasil pendapatan tinggi daripada ketibaan pelancong dan pengunjung terutama pelancong yang menginap bagi tempoh lama. Ia bermatlamat menjadikan Sabah sebagai destinasi pengembaraan eko yang unggul dan destinasi rumah kedua bagi golongan berpendapatan tinggi. Penyertaan komuniti tempatan dalam pelancongan sangat digalakkan terutama pembangunan kraftangan tradisional dan inap desa.

Sasaran sektor pelancongan adalah meningkatkan perbelanjaan pelancong daripada RM 2,517 (2006) kepada RM 5,364 (2025), pendapatan pelancongan daripada RM 2.88 bilion (2006) kepada RM 48.5 bilion (20205) dan peningkatan pendapatan pelancongan komuniti luar bandar (kraftangan & inap desa) daripada RM 1.5 juta (2006) kepada RM 48 juta (2025).

b. Sektor Logistik

Sektor logistik di Sabah melibatkan pengangkutan penumpang dan komoditi di darat, laut dan udara. Di bawah inisiatif SDC, tumpuan utama pembangunan

logistik adalah perkhidmatan pengangkutan perkapalan yang melibatkan kos operasi yang tinggi kerana kurangnya kemudahan pelabuhan dan kargo berkontena dibangunkan di Sabah selain kebergantungan tinggi terhadap kemudahan pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Strategi sektor logistik adalah mengurangkan kos logistik dan muatan dengan mengkaji semula dasar kabotaj dan meningkatkan kos daya saing pelabuhan di Sabah dengan kerjasama pengendali pelabuhan di peringkat global dan agensi perkapalan. Strategi seterusnya adalah mewujudkan Zon Bebas Sepangar (ZBS) bersebelahan dengan Pelabuhan Kontena Teluk Sepangar (Hab Perkapalan) melalui penyediaan insentif kepada pelabur terutama penyediaan kemudahan pembuatan dan pusat pengedaran di ZBS. Selain itu, Sandakan akan dibangunkan sebagai hab perdagangan wilayah dengan meluaskan peranan Terminal Bursa Perdagangan Bersepadu Sandakan.

c. Sektor Pertanian

Sektor pertanian merupakan tulang belakang utama kepada ekonomi negeri Sabah dimana ia adalah penyumbang utama kepada sumber pendapatan negeri Sabah. Ekonomi negeri Sabah bergantung kepada eksport komoditi utamanya seperti minyak kelapa sawit, koko dan getah selain petroleum, kayu balak dan papan lapis. Di bawah inisiatif SDC, sektor pertanian memberi tumpuan kepada peningkatan tanaman makanan sara diri, penanaman tanaman bernilai tinggi untuk ekspot dan pembasmian kemiskinan memandangkan 70 peratus daripada penduduk negeri Sabah menetap di luar bandar dimana mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti pertanian (Sabah Development Corridor Blueprint 2008-2025). Program yang dilancarkan akan dapat meningkatkan penyertaan komuniti luar bandar dan usahawan pertanian dalam rantaian bekalan global. Ia akan dapat dicapai melalui produktiviti berasaskan amalan agronomi yang lebih baik, pemakaian ICT dan bioteknologi serta aktiviti penyelidikan.

Sasaran sektor pertanian menjelang 2025 adalah melipat ganda sumbangan kepada KDNK sebanyak 4 kali ganda daripada RM 4.1 bilion kepada RM 17 bilion, meningkatkan jumlah nilai ekspot daripada RM 1.9 bilion kepada RM 60 bilion dan mengurangkan baki dagangan (negatif) sebanyak 60 peratus daripada RM 955 juta kepada RM 353 juta.

d. Sektor Pembuatan

Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK negeri Sabah adalah rendah (8%) dan ia perlu dipertingkatkan kepada RM 60 bilion setahun bagi mencapai sumbangan sebanyak 35 peratus menjelang 2030. Dibawah inisiatif SDC, strategi bagi sektor pembuatan ialah menarik syarikat bertaraf dunia untuk menerajui dan meningkatkan pertumbuhan aktiviti industri hiliran berasaskan kekayaan sumber semulajadi yang tinggi seperti kelapa sawit, minyak dan gas, sumber mineral dan pembalakan sebagai stok bekalan. Ia akan melibatkan pembangunan modal insan, kemudahan infrastruktur dan usahawan IKS bagi menyokong syarikat multinasional dan pertumbuhan masa hadapan. SDC bermatlamat menjadikan Sabah sebagai lokasi pilihan utama bagi aktiviti industri pembuatan berasaskan sumber di Asia.


Menjelang tahun 2025, sasaran sektor pembuatan adalah meningkatkan pelaburan modal daripada RM 208 juta (2006) kepada RM 2.96 bilion (2025), meningkatkan pekerjaan dalam sektor pembuatan daripada 135,000 kepada 228,704 (2025) serta meningkatkan tahap pendidikan tertiari pekerja sektor pembuatan daripada 10 peratus (2006) kepada 45 peratus (2025).

Pembangunan koridor ini akan memberi impak ke atas Labuan terutama sektor pembuatan dan pelancongan. Pembangunan aktiviti pertanian di Sabah akan membantu Labuan dalam bekalan makanan dan bahan mentah pertanian untuk sektor pembuatan di Labuan. Perairan negara Brunei dan Negeri Sabah dan Sarawak merupakan kawasan sumber minyak dan gas yang utama di rantau ini. Kedudukan Labuan di tengah kawasan pembangunan aktiviti minyak dan gas membolehkan ia berperanan sebagai pusat perkhidmatan bersepadu kepada industri minyak dan gas. Rajah 1.4 menunjukkan kawasan koridor Ekonomi Wilayah Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE) serta Rajah 1.5 menunjukkan komponen utama Sabah Development Corridor (SDC).

SABAH
DEVELOPMENT CORRIDOR


Harnessing Unity in Diversity for Wealth Creation and Social Well-Being

Rajah 1.4 : Kawasan Koridor Ekonomi Wilayah Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE)



Sumber: Rancangan Fizikal Negara 3

Rajah 1.5 : Komponen utama Sabah Development Corridor (SDC)



Sumber: Sabah Economic Development and Investment Authority

ii. Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)

SCORE ditubuhkan atas inisiatif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangun dan mentransformasi Negeri Sarawak khususnya di wilayah tengah dengan kawasan seluas 70,709 kilometer persegi melibatkan kawasan pesisiran pantai sepanjang 320 kilometer. Ia meliputi 8 bandar utama iaitu Sibu, Bintulu, Mukah, Sarikei, Miri, Lawas, Limbang dan Kapit (Rujuk Rajah 1.6).

Penubuhan SCORE adalah bermatlamat mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri serta menambahbaik kualiti kehidupan penduduk. Teras kepada koridor ini adalah sumber tenaga yang diperbaharui terutama tenaga hidro dan arang batu dimana ia amat diperlukan oleh pelbagai sektor industri seperti aluminium, keluli, baja dan simen terutama bagi pelaburan luar negara.

Sepuluh perusahaan utama yang dikenalpasti akan menjana pembangunan industri adalah aluminium, kaca, keluli, produk asas minyak, kelapa sawit, perikanan dan akuakultur, ternakan, asas balak, kejuruteraan marin dan pelancongan. Industri pelancongan, produk asas minyak dan gas serta asas marin merupakan tiga sektor yang akan memberi impak kepada aktiviti ekonomi di Labuan. Labuan boleh berperanan sebagai penyokong perkhidmatan untuk pembangunan ekonomi berkaitan produk asas minyak dan gas, perikanan dan akuakultur, asas marin dan pelancongan.

Sektor Perusahaan Utama SCORE


Aluminium


Kaca


Besi dan Keluli


Kelapa Sawit


Akuakultur


Minyak dan Gas



Kejuteraan Marin


Perkayuan


Ternakan


Pelancongan

Rajah 1.6 : Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)



Sumber: RECODA – the Regional Corridor Development Authority

iii. Koridor Labuan-Menumbok-Sipitang

Dalam konteks koridor yang lebih kecil, Labuan mempunyai kemudahan pengangkutan air yang menghubung ke Menumbok dan Sipitang. Cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Menumbok, Sabah dijangka akan menggalakkan hubungan ekonomi bagi ketiga-tiga pusat petempatan tersebut. Aktiviti ekonomi di daerah kecil Menumbok tertumpu kepada sektor perikanan, perniagaan runcit secara kecil-kecilan dan sektor pertanian terutama kelapa sawit dan getah. Manakala kegiatan ekonomi utama di daerah Sipitang tertumpu kepada kegiatan pembalakan dan industri perkayuan serta pembangunan industri minyak dan gas selain pertanian dan perikanan secara kecil-kecilan. Pembinaan fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan rangkaian pusat petempatan di Sarawak dan seterusnya ke Sabah melalui pintu masuk Beaufort-Sipitang dijangka akan melonjakkan kemajuan bagi daerah Beaufort dan Sipitang (rujuk Rajah 1.7)

Dibawah RFN 3, bagi pengukuhan kawasan pertumbuhan , WP Labuan berperanan sebagai Zon Promosi Pembangunan (ZPP) manakala Sipitang berperanan sebagai Pusat Katalis. Ke arah pengukuhan hubungan ekonomi, Labuan mempunyai kelebihan didalam penawaran perkhidmatan perniagaan dan kewangan kepada syarikat perniagaan, perbankan dan insuran terutama syarikat berskala besar dan PKS di Menumbok dan Sipitang selain bekalan makanan berasaskan hasil pertanian dan perikanan kepada penduduk tempatan di kedua-dua pusat petempatan tersebut. Bekalan mentah pertanian dan perikanan bakal diperolehi daripada kedua-dua pusat petempatan tersebut.

iv. Koridor Labuan-Brunei-Miri

Bagi koridor Labuan-Brunei-Miri, pengangkutan air dan udara menjadi penghubung utama penduduk menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi berasaskan kedudukannya yang berhampiran antara satu sama lain. Kedua-dua bandar tersebut amat terkenal dengan pengeluaran minyak mentah dan gas asli serta aktiviti yang berkaitan dengannya. Ia berasaskan perletakannya di perairan yang kaya dengan sumber minyak dan gas. Lain-lain sektor ekonomi yang diusahakan di kedua-dua bandar tersebut termasuklah sektor pertanian dan perikanan Labuan mempunyai hubungan ekonomi yang baik dengan kedua-dua entiti tersebut berasaskan peranannya sebagai pusat perkhidmatan utama bagi industri minyak dan gas bagi rantau Asia Tenggara (rujuk Rajah 1.8).

Selain perkhidmatan minyak dan gas, Labuan mempunyai kelebihan di dalam penawaran perkhidmatan logistik, pelancongan dan pusat perniagaan bagi memenuhi keperluan rakyat Brunei dan Miri. Antaranya termasuk penawaran bekalan bahan makanan dan keperluan isi rumah. Malahan Labuan berpotensi menarik rakyat dari Brunei dan Miri untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi pelancongan dan rekreasi dengan memperkasa aset dan sumber semulajadi yang terdapat di Labuan.

1.2.5 Pembangunan Kawasan Bersempadan

Negeri-negeri dan negara luar yang bersempadan dengan WP Labuan adalah Sabah di bahagian timur, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam di bahagian selatan.

i. Pertumbuhan Penduduk


Secara perbandingan antara negeri bersempadan, dari aspek jumlah penduduk, bagi tempoh 2010-2020, Negeri Sabah merekodkan pertumbuhan penduduk tertinggi iaitu 2.8 peratus setahun dengan jumlah penduduk meningkat daripada 3.12 juta (2010) kepada 3.98 juta (2019). Ia mempunyai jumlah penduduk tertinggi berbanding lain-lain negeri dan negara (Jadual 1.12). WP Labuan adalah kedua tertinggi iaitu 2.2 peratus setahun dimana jumlah penduduk meningkat daripada 83,920 (2010) kepada 101,700 (2019). Ia mempunyai jumlah penduduk paling kecil berbanding lain-lain negeri dan negara. Negara Brunei Darussalam merekodkan pertumbuhan terendah iaitu 1.9 peratus setahun dimana jumlah penduduk meningkat daripada 388,646 (2010) kepada 459,500 (2019).

Jadual 1.12 : Pertumbuhan Penduduk, Negeri Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darusssalam, 2010 & 2019

Negeri	2010 (Bil.)	2019 (Bil.)	KPPT (%)
Sabah	3,117,405	3,983,500	2.8
Sarawak	2,399,839	2,868,600	2.0
Brunei Darusssalam	388,646	459,500	1.9
WP Labuan	83,920	101,700	2.2
Malaysia	28,588,600	33,325,500	1.7


Sumber: i. Laporan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2010
ii. Unjuran Penduduk 2015-2040, Jabatan Perangkaan Malaysia
iii. Portal Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik, Brunei Darussalam

Rajah 1.7 : Koridor Labuan - Menumbok - Sipitang



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 1.8 : Koridor Labuan - Brunei - Miri



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Struktur Umur Penduduk

Dari aspek struktur umur penduduk, WP Labuan dan Sarawak mempunyai syer penduduk golongan muda tertinggi berbanding lain-lain negeri bersempadan iaitu masing-masing sebanyak 25.2 peratus dan 23.9 peratus (rujuk Jadual 1.13). Manakala Sabah dan Brunei Darussalam mempunyai syer penduduk kumpulan umur aktif tertinggi berbanding lain-lain daerah iaitu masing-masing sebanyak 73.6 peratus dan 74.6 peratus. Kedua-dua negeri tersebut mempunyai kelebihan bagi mengembeling tenaga buruh sedia ada ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Manakala Negeri Sarawak mempunyai syer penduduk warga emas lebih tinggi berbanding lain-lain negeri iaitu sebanyak 7.5 peratus.

Jadual 1.13 : Taburan Penduduk Kawasan Bersempadan Mengikut Kumpulan Umur, 2019

Negeri	0-14 thn	15-64 thn	65 thn keatas	Jumlah
Sabah	892,304 (22.4%)	2,931,856 (73.6%)	159,340 (4.0%)	3,983,500 (100.0%)
Sarawak	685,595 (23.9%)	1,967,860 (68.6%)	215,145 (7.5%)	2,868,600 (100.0%)
Brunei Darusssalam	94,600 (20.6%)	342,700 (74.6%)	22,200 (4.8%)	459,500
WP Labuan	25,628 (25.2%)	71,698 (70.5%)	4,373 (4.3%)	101,700 (100.0%)
Malaysia	7,898,143 (23.7%)	23,127,897 (69.4%)	2,299,460 (6.9%)	33,325,500 (100.0%)

Sumber: i. Unjuran Penduduk 2015-2040, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Portal Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik, Brunei Darussalam

iii. Struktur Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga mengikut sektor utama industri bagi negeri dan negara bersempadan dengan WP Labuan adalah sepertimana terkandung dalam Jadual 1.14. Secara keseluruhan, negeri yang sedang pesat membangun dan bersifat luar bandar khususnya Sabah dan Sarawak mempunyai guna tenaga yang ramai terlibat dalam sektor primer iaitu 26.4 peratus (Sabah) dan 21.9 peratus (Sarawak) dan sekunder iaitu 18.6% (Sabah) dan 24.5 peratus (Sarawak) Manakala WP Labuan dan Brunei Darussalam yang sedang mengalami pembangunan perbandaran yang tinggi, jumlah tenaga kerja lebih tertumpu kepada sektor tertiari berbanding primer dan sekunder. Kedua-dua kawasan tersebut mempunyai komposisi tenaga kerja hampir sama dimana sektor tertiari menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah tenaga kerja semasa. Manakala lebih 50 peratus daripada jumlah tenaga kerja di Sabah dan Sarawak tertumpu dalam sektor tertiari.

Jadual 1.14 : Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Sektor Utama, Kawasan Bersempadan, 2019

Negeri	Sektor Primer	Sektor Sekunder	Sektor Tertiari	Jumlah
Sabah	503,900 (26.4%)	355,400 (18.6%)	1,049,300 (55.0%)	1,908,600 (100.0%)
Sarawak	286,100 (21.9%)	320,200 (24.5%)	698,400 (53.6%)	1,304,700 (100.0%)
Brunei Darusssalam	24,534 (9.0%)	34,620 (12.7%)	213,447 (78.3%)	272,602 (100.0%)
WP Labuan	4,700 (11.7%)	6,900 (17.1%)	38,700 (71.2%)	40,300 (100.0%)
Malaysia	1,632,100 (10.8%)	3,957,900 (26.2%)	9,483,400 (63.0%)	15,073,400 (100.0%)

Sumber: i. Laporan Penyisatan Tenaga Buruh 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Portal Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik, Brunei Darussalam

Antara faedah yang boleh dimanfaatkan oleh WP Labuan melalui kerjasama negeri dan negara bersempadan adalah seperti berikut :

i. Berasaskan kepada faktor kependudukan dan guna tenaga, jumlah penduduk yang tinggi (7.31 juta) membolehkan WP Labuan menjalin hubungan ekonomi yang kukuh dan padu melalui kerjasama tenaga kerja profesional/mahir/ separuh mahir yang tersedia bagi menghasilkan pendapatan yang tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi. WP Labuan mempunyai peluang yang baik dalam penawaran sektor perbankan, insuran, pajakan, pasaran modal dan digital serta perdagangan komoditi selain mendapatkan kepakaran professional dan pekerja mahir ke arah peningkatan produktiviti dalam sektor yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan terutama sektor pembuatan, pelancongan dan pertanian/perikanan.

ii. Negeri Sabah dan Sarawak amat kaya dengan aset dan hasil pertanian yang tinggi serta mempunyai komposisi tenaga kerja yang baik dalam sektor primer (Sabah 26.4% & Sarawak 21.9%). WP Labuan perlu memanfaatkan faktor tersebut bagi mendapatkan bekalan bahan pertanian untuk penghasilan nilai tambah sektor pembuatan dan seterusnya menjadi pembekal produk makanan kepada penduduk di negara Brunei Darussalam selain Sabah dan Sarawak.

iii. Negara Brunei Darussalam mempunyai komposisi tenaga kerja yang tinggi dalam sektor perkhidmatan (78.3%) membolehkan WP Labuan meningkatkan kerjasama dagangan dua hala dalam perkhidmatan kewangan, borong dan runcit serta hartanah dan pengurusan kekayaan selain perkhidmatan minyak dan gas.

1.3 Isu dan Prospek

i. Kedudukan Yang Strategik

Perletakan strategik WP Labuan dalam wilayah BIMP-EAGA, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) memberi kelebihan untuk ia berperanan sebagai pusat perkhidmatan wilayah bagi industri terpilih terutama industri minyak dan gas, perkhidmatan kewangan dan perdagangan serta pelancongan.

ii. Prestasi Rendah Peringkat Wilayah Negara

Dalam konteks pembangunan wilayah negara, sebahagian sektor ekonomi di WP Labuan masih rendah dan ketinggalan terutama bagi sektor pembuatan, pelancongan dan perikanan. Pada tahun 2019, tiada kemasukan pelaburan daripada pelabur tempatan dan asing dalam sektor pembuatan (rujuk Jadual 1.8, sumber : Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia), manakala ketibaan pelancong (meliputi 0.6% ketibaan pelancong di Malaysia, sumber : Tourism Malaysia) dan hasil tangkapan ikan (meliputi 1.56% tangkapan ikan di Malaysia, sumber : Statistik Perikanan 2018, Jabatan Perikanan Malaysia) adalah antara terendah berbanding lain-lain negeri di Malaysia

iii. Perkhidmatan Infrastruktur Pengangkutan

Rangkaian infrastruktur pengangkutan yang menghubungkan WP Labuan dengan negeri dan negara berjiran amat terhad dimana perkhidmatan pengangkutan udara hanya tertumpu kepada perjalanan domestik sahaja dan pengangkutan laut hanya menghubungkan WP Labuan dengan Negeri Sabah dan Sarawak serta Negara Brunei Darussalam. Ia menjejaskan potensi pengembangan Labuan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi wilayah yang cekap.

iv. Zon Promosi Pembangunan

Selain berperanan sebagai Pusat Kewangan dan Perdagangan Antarabangsa, RFN 3 telah mengenalpasti Labuan sebagai Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dengan tumpuan kepada sektor perkhidmatan, pembuatan dan pelancongan. Berasaskan kekuatan struktur ekonomi, aset dan sumber semulajadi sedia ada, WP Labuan mampu berkembang pesat sebagai pusat perkhidmatan, pembuatan dan pelancongan serantau yang menyokong pembangunan ekonomi diperingkat wilayah dan antarabangsa.

1.4 Cadangan Am

i. Pengukuhan Hubungan Fizikal, Sosial dan Ekonomi

Meningkatkan hubungan fizikal, sosial dan ekonomi dengan rangkaian pusat pertumbuhan utama di peringkat tempatan, wilayah BIMP-EAGA dan koridor ekonomi Sabah dan Sarawak melalui strategi transformasi wilayah.

ii. Memanfaat Aset dan Kepelbagaian Sumberjaya

Memanfaat dan mengoptima aset dan kepelbagaian sumberjaya sedia ada di WP Labuan terutama perkhidmatan perdagangan, pembuatan, pertanian dan pelancongan ke arah penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi di peringkat negeri, wilayah dan antarabangsa.

iii. Pengukuhan Hubungan Udara

Mengukuhkan hubungan udara antara WP Labuan dengan rangkaian bandar utama dalam wilayah BIMP-EAGA, benua Asia dan serata dunia. Manakala status Lapangan Terbang Labuan perlu dinaiktaraf kepada lapangan terbang antarabangsa bagi membolehkan ia mengendali perjalanan penumpang domestik dan antarabangsa.

iv. Pengukuhan Labuan Sebagai Pusat Perkhidmatan Wilayah

Mengukuhkan peranan Labuan sebagai pusat perkhidmatan wilayah bagi industri minyak dan gas, perkhidmatan kewangan dan perdagangan antarabangsa serta pelancongan dimana ia akan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi di negeri berjiran dan wilayah BIMP-EAGA secara keseluruhannya.

BAB

02



Asas Ekonomi



Bangunan Ujana Kewangan Labuan

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Asas Ekonomi

Kajian asas ekonomi akan meliputi analisis tren struktur ekonomi semasa. WP Labuan dan pendapatan per kapita dengan matlamat mengunjurkan pertumbuhan ekonomi masa hadapan sehingga tahun 2040. Kajian sektor asas ekonomi akan menyediakan maklumat keadaan sedia ada dan masa hadapan dan ia akan menjadi petunjuk utama yang akan menentukan potensi pembangunan di WP Labuan.

2.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor asas ekonomi melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor asas ekonomi seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.1 hingga 2.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 2.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh pertumbuhan sektoral	A1 : Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti	- Bagi tempoh 2015-2019, KDNK WP Labuan telah meningkat daripada RM 5,999 juta (2015) kepada RM 7,725 juta (2019) dengan pertumbuhan purata 6.2% setahun berbanding 4.8% peringkat negara. Penyumbang utama KDNK adalah sektor perkhidmatan (77.3%) diikuti sektor pembuatan (18.2%), pembinaan (2.3%) dan pertanian (1.7%).
	A2 : Meningkatkan kapasiti eksport	- Labuan mempunyai 2,567 pertubuhan kecil & sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan (88.6%), pembuatan (4.6%) dan pertanian (0.2%) dengan nilai tambah RM 4,278 juta. Usaha perlu ditumpukan kepada peningkatan keupayaan eksport PKS tempatan, meneroka pasaran serantau baru & menggalakkan eksport baru.
B : Mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi	B1 : Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat	- Semua sektor ekonomi di WP Labuan adalah tertakluk kepada pemakaian teknologi 4IR dalam era ekonomi digital yang memberi tumpuan kepada teknologi komputer tahap tinggi, robotik termaju, kecerdasan buatan, internet benda (IoT) & pencetakan 3D.
	B2 : Meningkatkan penerimagunaan teknologi	- Penerimagunaan teknologi 4IR dikalangan PKS di Labuan masih rendah dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Strategi ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, menggalakkan pendigitalan dalam PKS & mempercepat penerimagunaan teknologi oleh PKS.
	B3 : Menjajarkan penyelidikan dan inovasi	- Strategi ini memberi keutamaan kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan & inovasi dengan mengutamakan bidang sains, teknologi & inovasi selain mengukuh pengurusan penyelidikan oleh institusi penyelidikan awam.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 2.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi

Teras 1: Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1: Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.2 : Mempertingkatkan Daya Saing Bandar	- Strategi ini belum tercapai sepenuhnya berasaskan peranan Labuan sebagai Bandar Utama dan kejayaan Labuan tertumpu di peringkat Asia Pasifik terutama sektor perkhidmatan perniagaan & kewangan selain pusat perkhidmatan industri minyak & gas. Manakala lain-lain sektor ekonomi seperti perindustrian, pelancongan, pertanian, pendidikan dan logistik masih diperingkat awal pembangunan.
	PD 1.3 : Memperkukuhkan sektor perkhidmatan	- Sektor perkhidmatan menyumbang 77.3% daripada KDNK WP Labuan (2019) terutama sektor kecil kewangan & perkhidmatan perniagaan. Manakala sektor perkhidmatan moden khususnya e-dagang & industri kreatif serta perkhidmatan pelancongan sangat kecil sumbangannya & amat perlu diperkukuhkan.
	PD 1.4 : Memperkukuhkan kluster perindustrian	- Sektor pembuatan menyumbang 18.2% daripada KDNK WP Labuan (2019) terutama sektor kecil petroleum, kimia, getah & plastik berbanding lain-lain kluster industri. Kluster industri yang berpotensi tinggi akan terus diperkukuhkan terutama industri fabrikasi logam, produk perikanan dan hasil pertanian selain industri sokongan minyak & gas.
PD 2: Pembangunan luar bandar yang bersepadu	PD 2.1 : Memanfaatkan sumber tempatan	- Sumber tempatan luar bandar di WP Labuan masih belum dimanfaatkan secara optima terutama kluster perikanan & hasil marin, pelancongan terutama ekopelancongan serta industri hiliran terutama industri asas tani. Jumlah pendaratan ikan di WP Labuan hanya meliputi 5% (19,327 t.m. bernilai RM 211 juta) dpd jumlah pendaratan ikan di Malaysia Timur (2018). Manakala sejumlah 505,485 pelancong (0.6%) tiba di Labuan (2019).
	PD 2.2 : Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi ekonomi berasaskan pertanian	- Sektor pertanian hanya menyumbang 1.7% daripada KDNK WP Labuan (2019). Gunatanah pertanian hanya meliputi 1.06% daripada jumlah gunatanah semasa WP Labuan (2020). Industri perikanan hanya tertumpu kepada kegiatan IKS khususnya perusahaan ikan bilis & tuna melibatkan sejumlah 25 pengusaha (`product champion'). Aktiviti rantaian nilai masih perlu dipertingkatkan.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 2.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN 2 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi

Prinsip 3: Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.1 Peningkatan daya saing dan kepadatan ekonomi bandar	3.1.1 : Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar	- Zon kluster ekonomi bagi bandar Labuan adalah pusat perniagaan & kewangan antarabangsa (Labuan IBFC). Pelan induk yang telah disediakan adalah meliputi Labuan Development Blueprint 2030 yang menyediakan hala tuju strategik pembangunan Labuan khususnya bagi sektor perniagaan & kewangan, minyak & gas, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan awam.

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 2.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E1 Hab Logistik Industri Perkhidmatan Minyak dan Gas Sebagai Pemangkin Ekonomi Labuan	E1-CA 1 Merancang, menyediakan dan meningkatkan kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan perkapalan dan penyimpanan bagi menyokong industri minyak dan gas	- Kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan perkapalan & penyimpanan tertumpu di Pelabuhan Merdeka, Labuan Marina & kawasan industri Rancha-Rancha
	E1-CA2 Menyediakan kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti-aktiviti berkaitan yang lengkap dengan prasarana dan kemudahan nyang mencukupi	- Pelbagai kemudahan dan prasarana telah dibangunkan berhampiran pelabuhan, marina dan kawasan industri Rancha-Rancha
	E1-CA 3 Menggalakkan industri pembinaan pelantar minyak untuk menyokong operasi carigali minyak dan gas di kawasan perairan Sabah, Sarawak dan Brunei dengan memanfaatkan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai	- Petronas Methanol, Labuan Crude Oil Terminal & Labuan Gas Terminal antara industri utama yang menyokong industri perkhidmatan minyak & gas di Labuan

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 2.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi (samb.)

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E2 Labuan DiMajukan Sebagai Pusat Pelaburan, Kewangan dan Perniagaan Serantau	E2-CA1 Mempertingkat daya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan dengan menarik lebih ramai pelabur asing	- Labuan telah menjadi tempat operasi institusi kewangan terkemuka dari lebih 100 buah negara di dunia termasuk institusi kewangan Islam. Lebih 900 institusi kewangan meliputi bank, syarikat insurans dan berkaitan insurans, syarikat amanah, syarikat pajakan dan badan pengurusan harta beroperasi di Labuan IBFC.
	E2-CA2 Memperkasakan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro yang lebih berkesan terutama perbankan dan kewangan Islam	- Perbankan dan kewangan Islam di Labuan berkembang pesat yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam, takaful & takful semula, pasaran wang dan pasaran modal Islam kepada pelabur tempatan dan asing
	E2-CA3 Memperkukuhkan status Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serantau bagi meningkatkan daya saing ekonomi.	- Sejumlah 927 pertubuhan perniagaan (2019) yang terlibat secara langsung dalam sektor kewangan, insuran dan hartanah serta perkhidmatan perniagaan berkaitan pelaburan asing di W.P. Labuan berbanding 443 pertubuhan perniagaan pada tahun 2010. Pada tahun 2019, 53.7 peratus daripada KDNK Labuan disumbangkan oleh subsektor kewangan dan insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.
E3 Perikanan Laut Dalam dan Industri Pemprosesan Hasil Laut Berskala Besar DiMajukan Bagi Mengeksploitasi Sumber Hasil Marin	E3-CA 1 Industri pemprosesan hasil laut ditumpukan di kawasan hab Halal yang sedang dibangunkan di Kiamsam	- Kawasan hab Halal telah dibangunkan di Kiamsam dan sehingga kini hanya dua buah industri yang beroperasi di kawasan tersebut
	E3-CA2 Meningkatkan tahap industri perikanan laut dalam dengan memberi tumpuan kepada industri pemprosesan hasil marin	- Aktiviti perikanan di Labuan tertumpu kepada perikanan laut pantai berbanding laut dalam. Pada tahun 2018, jumlah pendaratan ikan dari laut pantai adalah sebanyak 18,696 tan metrik bernilai RM 205.94 juta berbanding tangkapan dari laut dalam sebanyak 631 tan metrik bernilai RM 5.50 juta (sumber: Statistik Perikanan 2018, Jabatan Perikanan Malaysia) . Justeru terdapat keperluan bagi meningkatkan industri perikanan laut dalam bagi mengukuhkan industri ikan tuna & ikan bilis sedia ada di Labuan.
	E3-CA 3 Menyediakan jeti pendaratan ikan bagi membolehkan pendaratan kapal ikan yang lebih besar	- Kompleks pendaratan ikan LKIM telah dibangunkan di Kiamsam
	E3-CA4 Menyediakan bantuan yang diperlukan oleh nelayan untuk aktiviti laut dalam termasuk kewangan dan peralatan	- Jabatan Perikanan Labuan dengan kerjasama agensi berkaitan menyediakan pelbagai bantuan untuk nelayan laut dalam.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 2.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi (samb.)

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E4 Keupayaan Sektor Pelancongan DiPertingkat Bagi Menarik Kemasukan Pelancong Domestik dan Antarabangsa	E4-CA1 Mengenalpasti sumber aset tinggalan sejarah, produk sedia ada dan mampu maju untuk dibangunkan, dinaiktaraf dan dipelbagai secara bersepadu	- WP Labuan mempunyai produk pelancongan warisan, sejarah dan kebudayaan yang mejadi tarikan pelancong dimana sebahagian darinya telah pun dinaiktaraf melalui pakej pelancongan yang dianjurkan.
	E4-CA2 Menyediakan kemudahan penginapan pelbagai taraf dan lengkap bagi memenuhi keperluan pelancong dalam dan luar negara serta pengunjung yang datang atas urusan kerja	- Sehingga kini, Labuan telah dilengkapi dengan pelbagai taraf kemudahan penginapan daripada inap desa kepada hotel 5 bintang khususnya di pusat bandar Labuan dan rangkaian perkampungan tradisi sedia ada
	E4-CA3 Meningkatkan penglibatan usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang beridentitikan tempatan	- Agensi kerajaan berkaitan telah menyediakan bangunan dan ruang bagi penyertaan usahawan produk tempatan termasuk di UTC Labuan
	E4-CA 4 Menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor awam dan swasta dalam memajukan produk pelancongan	- Telah wujud usaha oleh sektor awam dan swasta untuk memajukan produk pelancongan sedia ada termasuk pulau-pulau yang kaya dengan sumber marin & tumbuhan semulajadi.
	E4-CA5 Mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan melalui media cetak dan elektronik serta penyertaan Perbadanan Labuan di dalam pelbagai persidangan, pesta, karnival atau pameran berkaitan pelancongan samada di peringkat tempatan, kebangsaan mahu pun antarabangsa	- Pelbagai acara dan program telah dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta dalam mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan bertujuan bagi meningkatkan kedatangan pengunjung dan pelancong.
	E4-CA 6 Menyediakan kemudahan penginapan alternatif dalam bentuk homestay yang boleh menambah pendapatan masyarakat tempatan	- Wujud program homestay yang melibatkan 3 pengusaha di perkampungan nelayan dengan sokongan agensi kerajaan yang berkaitan.
	E4-CA 7 Menyedia dan menaiktaraf sistem perhubungan dan kemudahan infrastruktur yang perlu bagi menyokong produk-produk pelancongan yang dikenalpasti	- Pada amnya rangkaian produk pelancongan sedia ada dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur pengangkutan yang baik & dilengkapi dengan kemudahan sokongan.
	E4-CA8 Memperkenal dan mempromosi kalendar tahunan pelancongan Pulau Labuan yang padat dengan informasi dan aktiviti pelancongan yang dirancang sepanjang tahun sebagai salah satu strategi pemasaran	- Kalendar acara tahunan yang dipenuhi dengan pelbagai program dan aktiviti telah disediakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan
E5 Ekonomi Tempatan DiPelbagai Bagi Menjana Peluang Pekerjaan Untuk Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi	E5-CA 1 Menggalakkan penglibatan penduduk dalam industri desa berasaskan hasil laut dan pertanian	- Sebahagian komuniti nelayan di perkampungan Patau-Patau dan Bebuloh terlibat dalam penghasilan produk berasaskan hasil perikanan seperti ikan bilis dan ikan masin
	E5 –CA2 Menggalakkan pembuatan produk makanan dan kraftangan tempatan	- Wujud sejumlah 15 pengusaha ikan bilis di Kg. Bebuloh dan 5 pengusaha produk ikan tuna serta produk makanan lain seperti kerepek, bahulu, madu kelulut, serunding & bebola ikan di Labuan
	E5-CA 3 Menyediakan peluang pemasaran melalui penyediaan pusat pengumpulan dan pemasaran produk	- Pusat pengumpulan dan pemasaran produk terdapat di UTC Labuan dan hasil pertanian di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang di Kg. Pantai (Jalan Pohon Batu) terletak 8 kilometer dari pusat bandar Labuan

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 2.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi (samb.)

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E5 Ekonomi Tempatan Di pelbagai Bagi Menjana Peluang Pekerjaan Untuk Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi	E5-CA 4 Menggalakkan aktiviti ekonomi dengan memberi tumpuan kepada industri terpilih terutama industri hasil laut, industri pembuatan barangan hiliran berasaskan sumber pertanian dan perikanan serta industri kecil dan sederhana	- Terdapat sejumlah 14 buah industri pembuatan produk hasil laut (ikan masin, sotong, udang kering) dan 25 pengusaha IKS yang terlibat dalam pembuatan produk makanan (seperti makanan tradisional, serunding, bebola ikan, tempe, mee kuning dan keropok lekor) serta perkhidmatan jahitan di Labuan
	E5-CA5 Membangunkan tapak-tapak perniagaan bagi menyokong ekonomi tempatan	- Ruang lot perniagaan untuk peniaga dan usahawan IKS disediakan di Pasar Sentral Labuan/UTC

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 2.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Asas Ekonomi

The Growth Drivers

Dasar	Teras Strategik	Pencapaian
1 : International Business and Financial Centre (IBFC)	*ST-F1* *Strategic Thrust 1 : Horizontal broadening of the IBFC's business base*	- Teras strategik ini sedang giat dilaksanakan. Selain pergantungan tinggi terhadap sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, Labuan perlu mengembangkan potensi perniagaan bernilai tinggi terutama dalam menarik pelaburan dalam aktiviti rantaian methanol, penyelenggaraan kapal, penerbangan ,pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan.
2 : Oil and Gas	*ST-OG1* *Strategic Thrust 1 : To position Labuan as the regional oil & gas supply base*	- Teras strategik ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Ia amat bergantung kepada perlaksanaan projek minyak & gas bersepadu Sabah-Sarawak serta segi tiga minyak & gas Labuan-Sabah dan memberi kelebihan kepada Labuan berperanan sebagai pengkalan penawaran bagi industri minyak & gas diperingkat wilayah terutama tenaga kerja, peralatan, gudang dan penyimpanan yang dapat menyokong eksplorasi & pengeluaran minyak & gas serta aktiviti perlombongan.
4 : Tourism	*ST-T1* *Strategic Thrust 1 : Develop Labuan regional tourism cluster*	- Teras strategik ini belum dilaksanakan berasaskan kekurangan perhubungan pengangkutan yang cekap (darat, air & udara) menghubungkan Labuan dengan negeri/negara berjiran terutama Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam. Labuan akan bertindak sebagai pintu masuk pelancongan, pusat penginapan dan pengkalan bagi pelbagai produk pelancongan terutama ekopelancongan.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

2.2 Penemuan Semasa

2.2.1 Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (IBFC)

Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan adalah zon ekonomi khas yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1996. Ia berfungsi sebagai pusat kewangan dan zon perdagangan bebas dalam menyediakan peluang-peluang pelaburan di rantau Asia dan dunia luar. Labuan IBFC menawarkan pelbagai struktur perniagaan dan pelaburan untuk memudahkan transaksi merentas sempadan, urusan perniagaan dan pengurusan kekayaan kepada syarikat antarabangsa yang ingin berkembang dan menembusi pasaran Asean. Terletak secara strategik di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, Labuan IBFC berada dalam lokasi terbaik untuk menerokai salah satu daripada kawasan yang paling pesat berkembang di dunia dengan menyediakan peluang yang sempurna bagi perniagaan yang ingin berhubung dengan ekonomi Asia. Persekitaran mesra perniagaannya di sokong oleh rangka kerja undang-undang yang kukuh, moden dan diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA). Labuan IBFC diwujudkan sebagai penyelesaian kepada pelanggan berasaskan pematuhan amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

Pembangunan dasar yang diterapkan dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan di Labuan IBFC adalah seperti berikut :

- Pengukuhan ketahanan kewangan dalam sektor utama dan ia termasuk memodenkan peraturan kewangan dalam sektor insuran dan perbankan.
- Mempromosi urustadbir korporat yang berkesan terutama amalan urustadbir dalam perbankan dan insuran serta menghalusi rangka kerja audit luaran.
- Pembaharuan perniagaan melalui penyelesaian perkhidmatan kewangan yang inovatif
- Menggalakkan pertumbuhan dan pengembangan pasaran insuran Labuan
- Peningkatan berterusan terhadap peraturan perniagaan di Labuan berlandaskan piawaian antarabangsa.
- Menepati keperluan dan piawaian cukai antarabangsa serta rangka kerja percukaian baru Labuan.
- Memudahcara inisiatif kewangan Islam seiring dengan usaha mempromosi Labuan IBFC sebagai alternatif pasaran kewangan Islam.
- Memerangi pengubahan wang haram yang menyokong kewangan terrorisma.

Sehingga kini, kejayaan Labuan IBFC sebagai pusat perniagaan dan kewangan serantau yang unggul adalah hasil daripada dasar perniagaan Labuan FSA yang baik selain pengawalseliaan dan rejim fiskal yang cekap. Antara kejayaan yang dicapai termasuk peningkatan penubuhan syarikat sehingga mencecah lebih 16,000 syarikat, peningkatan keuntungan bank dan modal yang baik dengan jumlah aset USD 50 bilion, aliran premium insurans melebih USD 1 bilion dan pengiktirafan IBFC sebagai insurans kaptif nombor satu di Asia. Manakala perniagaan pajakan adalah sektor kewangan terbesar dalam Labuan IBFC (lebih 350 syarikat) dan pengembangan perniagaan yang berterusan. Labuan IBFC telah berjaya mewujudkan lebih 6,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan rakyat asing. Labuan FSA turut menawarkan insentif cukai yang diperbaharui seiring dengan piawaian kewangan antarabangsa terutama dalam usaha menarik semula pelabur ke WP Labuan.

Lokasi Strategik Labuan IBFC



Industri Perkhidmatan Minyak dan Gas Labuan



2.2.2 Keluaran Dalam Negara Kasar

Ekonomi Malaysia banyak dipengaruhi oleh prestasi ekonomi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Ukuran utama ekonomi adalah perubahan ke atas Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Bagi tempoh 2015-2019, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan sederhana rendah pada purata 4.8 peratus setahun pada harga malar dan 6.4 peratus setahun pada harga semasa (rujuk Jadual 2.6).

Jadual 2.6 : Prestasi KDNK Malaysia, 2015-2019 (Harga malar 2015)

Tahun	Harga Semasa (RM billion)	Harga Malar (RM billion)	Kadar Pertumbuhan (%)	
			Harga Semasa	Harga Malar
2015	1,176.9	1,176.9	6.4	16.2
2016	1,249.7	1,229.3	6.2	4.4
2017	1,372.2	1,300.8	9.8	5.8
2018	1,447.4	1,362.8	5.5	4.8
2019	1,510.7	1,421.4	4.4	4.3
KPPT (%) 2015-2019			6.4	4.8

Sumber:
i. Jadual Penerbitan KDNK Mengikut Negeri 2015-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.2.3 Keluaran Dalam Negeri Kasar

Bagi tempoh 2015-2019, Negeri Selangor menjadi penyumbang utama kepada KDNK Malaysia iaitu peningkatan syer daripada 22.8 peratus (2015) kepada 24.2 peratus (2019) dengan pertumbuhan purata 6.4 peratus setahun. Ini diikuti oleh WP Kuala Lumpur dengan peningkatan syer KDNK daripada 15.4 peratus (2015) kepada 16.4 peratus (2019). Manakala WP Labuan menjadi penyumbang kedua terendah; selepas Perlis dengan KDNK meningkat daripada RM 5,999 juta (0.5%) pada tahun 2015 kepada RM 7,619 juta (0.5%) pada tahun 2019 (rujuk Jadual 2.7).

2.2.4 WP Labuan Dalam Perspektif Ekonomi Malaysia

Pada amnya pembangunan ekonomi WP Labuan amat berkait dengan aktiviti ekonomi negara dan saling melengkapi aktiviti ekonomi negeri bersempadan khususnya Sabah dan Sarawak. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-11, KDNK WP Labuan merekodkan pertumbuhan purata pada kadar 6.2 peratus setahun dan ia lebih tinggi berbanding peringkat negara, iaitu 4.8 peratus setahun. Pada tahun 2015, KDNK WP Labuan mencatatkan hasil nilai tambah sebanyak RM 5,999 juta sahaja, berbanding RM 1,176,941 juta bagi Malaysia, iaitu bersamaan dengan 0.5 peratus KDNK Malaysia. Pada tahun 2019, KDNK WP Labuan meningkat kepada RM 7,619 juta bersamaan dengan 0.5 peratus KDNK Malaysia (rujuk Jadual 2.7).

Jadual 2.7 : KDNK WP Labuan (RM juta) Berbanding Malaysia

Tahun	WP Labuan	Malaysia	Nisbah WP Labuan /Malaysia
2015	5,999	1,176,941	0.5
2016	6,412	1,229,312	0.5
2017	6,790	1,300,769	0.5
2018	7,244	1,362,815	0.5
2019	7,619	1,421,454	0.5
KPPT (%) 2015-2019	6.2	4.8	-

Nota : Harga malar 2015
Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.2.5 KDNK Labuan Bagi Tempoh 2015-2019

Bagi tempoh 2015-2019, prestasi ekonomi WP Labuan mencatatkan pertumbuhan tahunan purata pada kadar 6.2 peratus setahun dari RM 5,999 juta (2015) kepada RM 7,619 juta (2019). Pertumbuhan KDNK setiap tahun merekodkan penurunan daripada 6.9 peratus (2016) kepada 5.2 peratus (2019). KDNK per kapita bagi WP Labuan meningkat daripada RM 62,827 (2015) kepada RM 76,727 (2019). Manakala KDNK per kapita (2015 - 2019) di peringkat negara merekodkan pertumbuhan yang lebih rendah berbanding KDNK per kapita yang direkodkan di WP Labuan (Rujuk Jadual 2.9 dan Rajah 2.1). Pada tahun 2019, WP Labuan merekodkan pertumbuhan KDNK untuk KPPT (2015 - 2019) adalah ketiga tertinggi di Malaysia selepas WP Kuala Lumpur dan Selangor. Dari aspek KDNK per kapita, WP Labuan adalah kedua tertinggi selepas WP Kuala Lumpur (Jadual 2.8).

Dengan KDNK per kapita yang tinggi berbanding peringkat negara, kelebihan yang dimiliki oleh WP Labuan ialah ia mempunyai pendapatan yang baik dan kemampuan yang tinggi bagi menampung pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi ke arah peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk dan mencapai pulau maju di masa hadapan.

Jadual 2.8 : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri, 2015 & 2019 (Harga Semasa)

Negeri	2015 (RM juta)	%	2019 (RM juta)	%	KPPT (2015-2019)	KDNK Per Kapita 2019
Johor	110,002	9.3	140,450	9.4	5.1	37,342
Kedah	39,550	3.4	48,718	3.3	3.8	22,412
Kelantan	21,408	1.8	26,940	1.8	4.4	14,300
Melaka	36,077	3.1	45,651	3.1	4.9	49,172
N. Sembilan	40,186	3.4	51,009	3.4	4.5	45,373
Pahang	49,450	4.2	60,964	4.1	4.2	36,474
Pulau Pinang	78,146	6.6	97,716	6.7	4.9	55,243
Perak	63,176	5.4	79,448	5.3	4.7	31,668
Perlis	5,353	0.5	6,518	0.4	3.5	25,626
Selangor	268,825	22.8	357,807	24.2	6.4	54,995
Terengganu	31,124	2.6	38,496	2.5	3.7	30,933
Sabah	73,776	6.3	98,883	6.0	3.7	25,326
Sarawak	121,585	10.3	149,724	9.6	2.9	53,358
WP K. Lumpur	180,865	15.4	244,210	16.4	6.6	129,472
WP Labuan	5,999	0.5	7,725	0.5	6.2	77,798
Supra*	51,420	4.4	56,345	3.2	(3.07)	-
Malaysia	1,176,941	100.0	1,421,454	100.0	4.8	46,450


Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2.9 : KDNK dan KDNK Per Kapita WP Labuan, 2015-2019 (harga malar 2015)

Tahun	Nilai (RM juta)	KPPT (%)	Penduduk	KDNK Per Kapita (RM)	KDNK Per Kapita Negara
2015	5,999	-	95,484	62,827	33,763
2016	6,412	6.9	96,800	66,240	34,749
2017	6,790	5.9	97,600	69,570	40,156
2018	7,244	6.7	99,000	73,172	41,469
2019	7,619	5.2	99,300	76,727	42,654
KPPT (%)	6.2	-	1.0	5.1	6.0

Nota : * Harga malar 2015
Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2.1 : Tren Pertumbuhan KDNK Per Kapita WP Labuan dan Malaysia, 2010-2019 (RM)



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

2.2.6 Struktur Ekonomi WP Labuan

Ekonomi WP Labuan diterajui oleh sektor perkhidmatan yang menjadi penyumbang utama kepada KDNK WP Labuan (rujuk Jadual 2.10). Nilai sumbangan sektor perkhidmatan meningkat daripada RM 4,490 juta (74.8%) pada tahun 2015 kepada RM 5,893 juta (77.3%) pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata 7.0 peratus setahun.

Selain sektor perkhidmatan, nilai sumbangan sektor pembuatan meningkat daripada RM 1,168 juta (19.5%) pada tahun 2015 kepada 1,384 juta (18.2%) pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata 4.3 peratus setahun. Syer sumbangan sektor pembuatan menurun berbanding sektor perkhidmatan. Ketidakstabilan pasaran minyak dan gas dunia adalah di antara punca yang menjejaskan produktiviti sektor pembuatan.


Sektor pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan masih menjadi penyumbang penting kepada KDNK WP Labuan di mana nilai sumbangan meningkat daripada RM 118 juta (2.0%) pada tahun 2015 kepada RM 133 juta (1.7%) pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata 3.0 peratus setahun. Secara keseluruhan, sektor ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan KDNK tertinggi ialah sektor perkhidmatan (7.0% setahun) di mana ia dirangsang oleh peningkatan dalam subsektor kewangan dan insuran serta perkhidmatan borong dan runcit. Ia diikuti oleh sektor pembinaan (4.6% setahun) dan sektor pembuatan (4.3% setahun). Manakala sektor pertanian merekodkan pertumbuhan terendah iaitu 3.0 peratus setahun (rujuk Jadual 2.10 dan Rajah 2.2).

Jadual 2.10 : KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Utama Ekonomi (RM juta), 2015-2019

Sektor Ekonomi	2015	2016	2017	2018	2019	KPPT (%)
Pertanian	118 (2.0%)	114 (1.8%)	119 (1.7%)	126 (1.7%)	133 (1.7%)	3.0
Perlombongan & Pengkuarian	-	-	-	-	-	-
Pembuatan	1,168 (19.5%)	1,256 (19.6%)	1,296 (19.1%)	1,365 (18.8%)	1,384 (18.2%)	4.3
Pembinaan	148 (2.5%)	121 (1.9%)	136 (1.9%)	156 (2.2%)	177 (2.3%)	4.6
Perkhidmatan	4,490 (74.8%)	4,844 (75.6%)	5,093 (75.6%)	5,480 (75.6%)	5,893 (77.3%)	7.0
Duti Impot	74 (1.2%)	77 (1.2%)	147 (2.2%)	118 (1.6%)	31 (0.4%)	-
Jumlah	5,999 (100.0%)	6,412 (100.0%)	6,790 (100.0%)	7,244 (100.0%)	7,619 (100.0%)	6.2

Nota : Harga malar 2015
Sumber: i. Jadual Penerbitan KDNK Mengikut Negeri 2010-2015, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2.2 : KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Ekonomi, 2015-2019
(RM juta)



2.2.7 Struktur Ekonomi Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi WP Labuan

Bagi tempoh 2015-2019, aktiviti ekonomi di WP Labuan dikuasai oleh sektor perkhidmatan yang merekodkan peningkatan sebanyak 31.2 peratus daripada RM 4,490 juta (2015) kepada RM 5,893 juta (2019) dengan syer sumbangan meningkat daripada 74.8 peratus (2015) kepada 77.3 peratus (2019). Ia merekodkan pertumbuhan purata tertinggi berbanding sektor ekonomi lain iaitu 7.0 peratus setahun. Subsektor kewangan dan insuran serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan merupakan penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 53.7 peratus (2019) daripada jumlah KDNK Labuan. Ia diikuti oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan (8.1%) dan subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan serta maklumat dan komunikasi (7.4%) (rujuk Jadual 2.11).

Sektor pembuatan adalah kedua terpenting di mana ia merekodkan peningkatan sumbangan daripada RM 1,168 juta (2015) kepada 1,394 juta (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 4.3 peratus setahun. Ia mengalami penurunan syer daripada 19.5 peratus (2015) kepada 18.2 peratus (2019) ekoran peningkatan kegiatan ekonomi oleh sektor perkhidmatan. Subsektor petroleum, kimia, getah dan plastik merupakan penyumbang utama kepada sektor pembuatan iaitu sebanyak RM 965 juta (12.7%) pada tahun 2019 berbanding RM 825 juta (13.8%) pada tahun 2015.

Jadual 2.11: KDNK WP Labuan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (RM juta), 2015 dan 2019

Sektor Ekonomi	2015	%	2019	%	KPPT (%)
Pertanian	118	2.0	133	1.7	3.0
Perlombongan & Pengkuarian	-	-	-		-
Pembuatan	1,168	19.5	1,384	18.2	4.3
• Petroleum, Kimia, Getah & Plastik	825	13.8	965	12.7	4.0
• Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam Direka	219	3.6	284	3.7	6.7
• Pembuatan Lain	125	2.1	135	1.8	1.9
Pembinaan	148	2.5	177	2.3	4.6
• Pembinaan Bangunan	110	1.8	89	1.2	(5.1)
• Kejuruteraan Awam	14	0.2	45	0.6	33.9
• Aktiviti Pembinaan Pertukangan Khas	24	0.4	43	0.6	15.7
Perkhidmatan	4,490	74.8	5,893	77.3	7.0
• Utiliti, Pengangkutan & Penyimpanan, Maklumat & Komunikasi	420	7.0	568	7.4	7.8
• Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman & Penginapan	507	8.4	615	8.1	4.9
• Kewangan & Insuran, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	3,036	50.6	4,093	53.7	7.7
• Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	182	3.0	215	2.8	4.2
• Perkhidmatan Kerajaan	346	5.8	402	5.3	3.8
Duti Impot	74	1.2	31	0.4	(19.5)
Jumlah	5,999	100.0	7,619	100.0	6.2

Nota : * Harga malar 2015
Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.2.8 Rumusan Prestasi Ekonomi WP Labuan 2015-2019

Bagi tempoh 2015-2019, prestasi ekonomi WP Labuan berkembang pesat dan setanding dengan pencapaian negeri-negeri maju dan negeri sedang pesat membangun. Kadar pertumbuhan purata tahunan KDNK WP Labuan adalah tinggi iaitu 6.2 peratus setahun berbanding 4.8 peratus setahun peringkat negara. Syer sumbangan bagi WP Labuan adalah konsisten, iaitu 0.5 peratus daripada jumlah KDNK Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2019.

i. Sektor Perkhidmatan

Kepentingan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan KDNK WP Labuan menyerlah dan berkembang pesat, seiring dengan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi. Nilai sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK WP Labuan meningkat daripada RM 5,999 juta (2015) kepada RM 7,619 juta (2019) dengan nisbah sumbangan meningkat daripada 74.8 peratus (2015) kepada 77.3 peratus (2019). Pada tahun 2019, berasaskan Laporan Sosio-Ekonomi WP Labuan 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia) sektor perkhidmatan menjana 71.1 peratus daripada jumlah pekerjaan negeri berbanding 68.9 peratus pada tahun 2016.

ii. Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang kedua utama kepada pertumbuhan ekonomi di WP Labuan. Dari aspek nilai sumbangan, sektor pembuatan menjadi penyumbang kedua tertinggi kepada KDNK negeri, iaitu daripada RM 1,168 juta (2015) kepada RM 1,384 juta (2019) dengan pertumbuhan pada kadar purata 4.3 peratus setahun. Pada tahun 2019, sektor pembuatan menjana 7.8 peratus daripada jumlah pekerjaan negeri berbanding 9.7 peratus pada tahun 2016.

iii. Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan adalah sektor sokongan kepada kepesatan pembangunan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Nilai sumbangan sektor pembinaan kepada KDNK negeri meningkat daripada RM 148 juta (2.5%) pada tahun 2015 kepada RM 177 juta (2.3%) pada tahun 2019. Pada tahun 2019, sektor pembinaan menjana 9.4 peratus daripada jumlah pekerjaan negeri berbanding 7.8 peratus pada tahun 2016.

iv. Sektor Pertanian

Sektor primer khususnya pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan masih menjadi penyumbang penting kepada KDNK negeri, walaupun ia mengalami penurunan nisbah sumbangan daripada 2.0 peratus (2015) kepada 1.7 peratus (2019). Nilai sumbangan sektor pertanian meningkat daripada RM 118 juta (2015) kepada RM 133 juta (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 3.0 peratus setahun.

2.2.9 Prospek Ekonomi WP Labuan

Berdasarkan prestasi dan struktur ekonomi semasa, prasarana sokongan, produktiviti tenaga kerja, serta persaingan dalam negeri dan luar negara, pertumbuhan ekonomi WP Labuan dijangka akan terus berkembang pesat, selaras dengan pembangunan ekonomi Malaysia dan negeri-negeri berjiran. KDNK WP Labuan dijangka akan terus meningkat. Bagi tempoh 2020-2040, sektor perkhidmatan dijangka akan terus kekal sebagai pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi Labuan. Keyakinan tinggi oleh pelabur tempatan dan khususnya syarikat asing terhadap peranan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa bagi rantau Asia Pasifik akan melonjakkkan prestasi ekonomi Labuan agar terus kompetitif dan mampan. Pengukuhan rantaian ekonomi dengan negara berjiran khususnya ASEAN Timur akan membantu memesatkan produktiviti sektor pembuatan dan pelancongan di Labuan dan menyokong sektor perkhidmatan. Pembangunan ekonomi WP Labuan akan dipengaruhi oleh sasaran pembangunan yang ditetapkan oleh dokumen-dokumen berkaitan:

i. Rancangan Fizikal Negara Ke-3

Labuan yang dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan merupakan sebahagian daripada wilayah ekonomi Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan cadangan projek yang dijangka mempengaruhi pertumbuhan ekonomi WP Labuan melibatkan cadangan pembesaran Lapangan Terbang Labuan, menaiktaraf dan menambahbaik perkhidmatan pengangkutan air khususnya Labuan-Kota Kinabalu, membangunkan Pelabuhan Labuan (logistik) menceburi pasaran baru di BIMP-EAGA terutama sebagai pusat kargo wilayah dan pemunggahan (*transhipment*), pelancongan pelayaran di antara Brunei/Labuan ke Palawan dan Zambonga di Filipina serta memperkukuhkan peranan pelabuhan laut termasuk pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, Sabah dan Labuan sebagai pelabuhan feeder dan hab penghantaran barang dan kontena bagi rantau BIMP-EAGA.

ii. Labuan Development Blueprint 2030

Labuan Development Blueprint 2030 adalah dokumen pelan pembangunan terkini yang disediakan untuk memandu pertumbuhan WP Labuan dan membantu Perbadanan Labuan melaksanakan peranannya sebagai kerajaan tempatan dan pihak berkuasa perancang tempatan. Teras strategik yang ditetapkan meliputi perluasan asas perniagaan Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa (IBFC), pemodenan rangka kerja cukai kewangan dan perniagaan, meletakkan Labuan sebagai asas bekalan bagi wilayah minyak dan gas, pengembangan aktiviti hiliran minyak dan gas di Labuan terutama berkaitan methanol dan menambahbaik infrastruktur berkaitan minyak dan gas.

Teras strategik lain termasuk menggalakkan universiti awam dan swasta membuka cawangan di Labuan, transformasi pendidik TVET bagi memenuhi permintaan pelabur industri, membangun kluster pelancongan wilayah di Labuan, membangun, menaiktaraf dan pakej produk pelancongan berasaskan pulau pelancongan, menambah baik kesalinghubungan dan pengalaman mengembara, mempromosi dan menjenama Labuan sebagai pulau pelancongan serta menempatkan agensi dan jabatan kerajaan Persekutuan terpilih bagi menyokong pembangunan bandaraya mampan dan pintar.

2.3 Unjuran

Unjuran KDNK WP Labuan dibuat berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata semasa dan projek pembangunan semasa, komited dan cadangan. Cadangan projek utama yang akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi WP Labuan adalah seperti berikut :

i. Cadangan pembinaan Jambatan Labuan menghubungkan Labuan ke Menumbok, Sabah
ii. Cadangan kemudahan kargo baru dan pembesaran hubungan udara di Lapangan Terbang Labuan
iii. Cadangan pelabuhan bersepadu di Rancha-Rancha
iv. Cadangan pelaburan semula/naiktaraf kawasan IKS sedia ada di Taman Perindustrian Court Light, Taman Perindustrian Pertama, Kawasan Perindustrian Sg. Keling dan Kawasan Perindustrian Sungai Arang.
v. Cadangan pembangunan aktiviti industri hiliran berasaskan methanol dan produk petrokimia lain serta kemudahan logistik dan penyimpanan minyak dan gas di Kompleks Industri Rancha-Rancha.
vi. Cadangan naiktaraf dan pembesaran Taman Pertanian Kilan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).
vii. Cadangan Kompleks Perikanan Antarabangsa Kiamsam
viii. Cadangan Edu City di Sungai Pagar bagi penempatan universiti awam dan swasta
ix. Cadangan Island Resorts di kelompok Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil (sebahagian Taman Marin Labuan)
x. Cadangan Eco Lagoon Resort di pesisiran pantai Labuan.

Sepanjang tempoh perancangan, KDNK WP Labuan dianggarkan akan meningkat pada kadar 7.1 peratus setahun bagi tempoh 2019-2040 (rujuk Jadual 2.12). Syer sumbangan sektor perkhidmatan diunjur akan meningkat pada kadar sederhana tinggi, iaitu 7.3 peratus dengan sumbangan kepada KDNK meningkat kepada 80.7 peratus pada tahun 2040. Syer sumbangan sektor pembuatan akan berkurangan kepada 15.4 peratus pada tahun 2040, dengan pertumbuhan purata 6.2 peratus setahun. Syer sumbangan sektor pertanian dijangka akan mengalami penurunan kepada 1.3 peratus pada tahun 2040 tetapi nilai sumbangan tetap meningkat dengan kadar purata 5.5 peratus setahun. Dari aspek pendapatan per kapita, menjelang tahun 2040, KDNK per kapita WP Labuan akan mencapai RM 212,742, berbanding RM 76,727 pada tahun 2019 (rujuk Jadual 2.13).

Jadual 2.12 : Unjuran KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Utama Ekonomi (RM juta), 2019-2040

Sektor Ekonomi	2019	2025	2030	2035	2040	KPPT (%)
Pertanian	133 (1.7%)	167 (1.5%)	223 (1.4%)	301 (1.3%)	414 (1.3%)	5.5
Perlombongan & Pengkuarian	-	-	-	-	-	-
Pembuatan	1,384 (18.2%)	1,682 (16.8%)	2,529 (16.2%)	3,512 (15.7%)	4,910 (15.4%)	6.2
Pembinaan	177 (2.3%)	237 (2.2%)	327 (2.1%)	456 (2.0%)	639 (2.0%)	6.3
Perkhidmatan	5,893 (77.3%)	8,569 (78.7%)	12,468 (79.7%)	17,975 (80.3%)	25,852 (80.7%)	7.3
Duti Impot	31 (1.2%)	66 (0.8%)	103 (0.6%)	126 (0.7%)	155 (0.6%)	7.9
Jumlah	7,619 (100.0%)	10,721 (100.0%)	15,650 (100.0%)	22,370 (100.0%)	31,970 (100.0%)	7.1
KPPT(%)	6.2	5.8	7.8	7.4	7.4	

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 2.13 : Unjuran KDNK dan KDNK Per Kapita WP Labuan, 2019-2040 (harga malar 2015)

Tahun	Nilai (RM juta)	KPPT (%)	Penduduk	KDNK Per Kapita (RM)
2019	7,619	6.2	99,300	76,727
2025	10,721	5.8	113,312	94,615
2030	15,650	7.8	124,494	125,709
2035	22,370	7.4	136,779	163,548
2040	31,970	7.4	150,276	212,742
KPPT (%)	7.1	-	1.9	5.0

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

2.4 Isu dan Prospek

i. Struktur Asas Ekonomi Yang Kukuh

Berasaskan pertumbuhan ekonomi bagi tempoh 2015-2019, WP Labuan mencatatkan pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan iaitu pada kadar 6.2 peratus setahun berbanding 4.8 peratus setahun di peringkat negara. Sektor perkhidmatan menjadi penyumbang utama (77.3%) kepada pertumbuhan ekonomi WP Labuan. Dari aspek KDNK per kapita, ia merekodkan peningkatan daripada RM 62,827 (2015) kepada RM 76,727 (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 5.1 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi WP Labuan berada di landasan yang baik berasaskan asas struktur yang kukuh. Ia memberi kelebihan untuk WP Labuan terus maju dan berkembang pesat dalam pelbagai sektor ekonomi ke arah mencapai negeri maju berpendapatan tinggi.

ii. Pergantungan Tinggi Kepada Sektor Perkhidmatan

Pertumbuhan ekonomi WP Labuan terlalu bergantung kepada sektor perkhidmatan terutama minyak dan gas serta kewangan dan perdagangan. Ia amat bergantung kepada pasaran minyak dunia yang tidak stabil dan nilai mata wang dunia yang sentiasa berubah. Ia menyebabkan sektor ekonomi lain terutama pembuatan dan pertanian kurang menyerlah dan nisbah sumbangan bagi kedua-dua sektor ekonomi tersebut menurun bagi tempoh 2015-2019 iaitu masing-masing daripada 19.5 peratus (2015) kepada 18.2 peratus (2019) dan 2.0 peratus (2015) kepada 1.7 peratus (2019). Dalam jangka panjang, usaha lebih kukuh perlu dilaksanakan bagi meningkatkan sumbangan dan peranan sektor pertanian, pembuatan dan pelancongan sebagai penjana utama ekonomi negeri melalui penghasilan produk bernilai tambah tinggi selain merangsang lebih banyak peluang-peluang perniagaan.

iii. Perletakan Yang Strategik

Perletakan Labuan yang strategik khususnya dalam Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) memberi kelebihan untuk ia berkembang pesat dalam aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan berasaskan kemudahan infrastruktur yang baik dan sistem ekonomi yang tersedia. Labuan juga terletak dalam koridor pembangunan Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE) yang memberi tumpuan kepada pembangunan sektor minyak dan gas, pembuatan, pelancongan dan pertanian selain tenaga diperbaharui. Ia akan memberi manfaat hubungan ekonomi yang kukuh antara Labuan dengan Sabah dan Sarawak berasaskan kedudukannya yang berhampiran di antara satu sama lain serta perhubungan pengangkutan yang baik.

2.5 Cadangan Am

i. Mencapai Pertumbuhan Ekonomi WP Labuan Yang Mampan

Selaras dengan program transformasi ekonomi, WP Labuan perlu melaksanakan program-program pembangunan ekonomi berskala besar yang mampu menjana pendapatan tinggi. Antaranya termasuk projek industri hiliran berasaskan minyak dan gas, perikanan dan produk marin, pelancongan pulau dan pantai serta pelbagai program/aktiviti bulanan/tahunan pelancongan. Sumber baru khususnya sektor pendidikan tinggi juga mampu menjana pendapatan tinggi kepada ekonomi Labuan. Bagi meningkatkan nisbah sumbangan ekonomi negara, WP Labuan perlu terus berusaha untuk menarik lebih ramai kemasukan pelabur tempatan dan asing dalam pelbagai sektor ekonomi khususnya sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan perkhidmatan perdagangan melalui penghasilan perkhidmatan dan produk bernilai tambah tinggi.

ii. Penggunaan Sumber-Sumber Secara Strategik


WP Labuan mempunyai sumber dan aset yang terhad dan ia perlu dimanfaatkan dan dibangunkan penggunaannya secara strategik dan terancang. Antaranya termasuklah sumber alam semulajadi, gunatanah pertanian, modal insan khususnya penduduk kumpulan umur aktif dan kedapatan sumber marin untuk pembangunan masa hadapan. Melalui jentera kerajaan yang efektif dan urustadbir wilayah (bandar & desa) yang baik, penggunaan sumber-sumber sedia ada secara terancang dan strategik akan menghasilkan perkhidmatan dan produk nilai tambah yang bermutu tinggi dan mampu mencapai negeri maju berpendapatan tinggi.

iii. Sumber Ekonomi Baru .

Pertumbuhan ekonomi masa hadapan WP Labuan perlu mengambilkira kepentingan sumber ekonomi baru terutama pembangunan ekonomi hijau. Ia memberi tumpuan kepada pembangunan rendah karbon, penggunaan sumber secara efisyen dan memenuhi keperluan sosial. Antaranya termasuk ekonomi `circular' atau ekonomi putaran yang menggalakkan pembangunan kitaran semula, pembaikan dan pembaharuan sumber-sumber sedia ada. Ia akan dapat menjimatkan kos, meminimakan sisa buangan/sifar sisa, mengurangkan pencemaran alam sekitar dan penggunaan sumber sedia ada secara berterusan selain menjadi sumber pendapatan kepada ekonomi WP Labuan. Sebagai contoh, pengusaha industri pembuatan perlu menghasilkan produk yang boleh diguna semula seperti produk elektrik yang mudah dibaiki, produk kertas, plastik dan besi buruk yang boleh dikitar semula bagi penghasilan produk baru. Ia termasuk apa jua produk dan bahan mentah yang boleh diguna semula secara berterusan. Dalam jangka panjang, ia akan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, mesra alam sekitar dan faedah sosial kepada institusi dan penduduk tempatan.

iv. **Peningkatan Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Fizikal, Sosial dan Persekitaran Yang Kondusif**

Dalam jangka masa panjang, WP Labuan perlu bukan sahaja membaikpulih dan menambahbaik kemudahan infrastruktur sedia ada malahan meningkatkan penyediaan infrastruktur fizikal, sosial dan persekitaran yang baru bagi mencapai perkhidmatan kemudahan infrastruktur yang lebih kondusif kepada pelabur tempatan dan asing. Ia bertujuan bagi memastikan pelabur terus berkeyakinan terhadap WP Labuan untuk menjalankan perniagaan mereka di masa hadapan.


PEARL OF BORNEO

BAB

03



Demografi dan Sosio Ekonomi



Pasar Sentral WP Labuan



Laman Victoria

Demografi dan Sosio-Ekonomi

Kajian sektor Demografi dan Sosio-Ekonomi adalah sebahagian daripada komponen yang perlu dilaksanakan dalam penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040. Matlamat utama kajian sektor ini adalah untuk menganggarkan struktur penduduk dan pertumbuhan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan sehingga tahun 2040. Kajian sektor ini akan menyediakan maklumat keadaan sedia ada dan masa hadapan dan ia akan dijadikan petunjuk utama yang akan menentukan potensi pembangunan di kawasan kajian.

3.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk bagi sektor demografi dan sosio-ekonomi melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor demografi dan sosio ekonomi adalah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.1 hingga 3.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 3.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio-Ekonomi

Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Mereformasi pasaran buruh	A1 : Menjana pekerja berkemahiran	- WP Labuan mempunyai sejumlah 40,300 tenaga kerja dimana 31% adalah pekerja mahir (berpendidikan tertiari). Sebahagian besar (69%) adalah pekerja separuh mahir & tidak mahir yang berpendidikan rendah & menengah (62.5%) & 5.3% tiada pendidikan rasmi. Pembangunan modal insan & pengetahuan intensif amat perlu dipertingkatkan bagi menjana pekerja berkemahiran.
	A2 : Meningkatkan gaji dan upah	- Bilangan penerima gaji & upah di WP Labuan bulanan pada 2018 adalah seramai 31.1 ribu orang dengan purata gaji & upah bulanan meningkat 7.0% kepada RM 3,054 berbanding RM 2,849 pada 2017. Manakala penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM 2,419 berbanding RM 2,170 (2017). Wujud keperluan bagi meningkatkan gaji dan upah pekerja seiring dengan peningkatan kemahiran & produktiviti pekerja.
	A3 : Menambah baik pengurusan pekerja asing	- Jumlah pekerja asing yang bekerja di Labuan agak stabil daripada 4,400 pekerja (2010) kepada 4,100 pekerja (2019). Wujud keperluan bagi mengawal kemasukan pekerja asing terutama berkemahiran rendah & diurus dengan baik.
	A4 : Menambah baik keadaan pasaran buruh	- Kadar pengangguran di Labuan adalah tinggi iaitu 6.9% (2019) berbanding 3.3% peringkat negara. Terdapat keperluan bagi menambah baik pasaran buruh terutama penyediaan peluang pekerjaan yang bersesuaian seiring dengan pencapaian pendidikan & kemahiran penduduk.
B : Menambah baik kecekapan dan produktiviti buruh	B1 : Memperkukuh hak pekerja	- Pampasan pekerja di Malaysia adalah rendah & tidak setimpal dengan peningkatan produktiviti. Hak pekerja akan diperkukuh melalui kajian semula undang-indang perburuhan & pelaksanaan Sistem Insuran Pekerjaan (SIP).
	B2 : Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh	- 35% tenaga kerja sedia ada di Labuan adalah perempuan berbanding 65% lelaki. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah rendah berasaskan kesukaran mengimbangi komitmen di rumah & tempat kerja. Wujud keperluan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh. Peluang untuk sumbangan tenaga kerja wanita perlu dipelbagaikan.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 3.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio-Ekonomi (sambungan)

Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
C Meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti	C1 : Meningkatkan kualiti pendidikan	- Berasaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), pembaharuan sistem pendidikan memberi penekanan kepada kualiti, ekuiti, akses, perpaduan, kecekapan dan inklusif. Strategi ini dikekalkan & masih relevan bagi WP Labuan.
	C2 : Mengutamakan kualiti berbanding kuantiti dalam TVET	- Bagi pendidikan TVET, wujud keperluan bagi mengkaji semula penawaran program TVET, melaksanakan sistem akreditasi yang harmoni & memperkukuh TVET sebagi laluan pendidikan pilihan. Ia akan melahirkan lulusan TVET yang berkualiti yang dapat memenuhi permintaan industri. Strategi ini dikekalkan & masih relevan bagi WP Labuan.
	C3 : Menambah baik pendidilkan untuk semua rakyat	- Usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi menambah baik pendidikan dengan memperkukuh usaha bagi meningkatkan prestasi sekolah, menambah baik infrastruktur sekolah, mengurangkan kadar keciciran & menambah baik pendidikan untuk murid pendidikan khas. Strategi ini dikekalkan & masih relevan bagi WP Labuan.
D Memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh	D1 : Membangunkan kemahiran yang relevan dengan industri	- Usaha yang berterusan perlu dilaksanakan untuk menambah baik program berasaskan industri, meningkatkan kebolehpasaran siswazah & mengiktiraf teknologis sebagai profesional untuk sektor TVET.
	D2 : Menggalakkan sumbangan masyarakat dan industri	- Usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan penyertaan sektor swasta bagi menyokong inisiatif kerajaan termasuk memperkukuh sokongan masyarakat terhadap pendidikan, memperluas kerjasama awam & swasta serta memanfaat sumbang & membangun wakaf yang mampan untuk IPT. Strategi ini dikekalkan & masih relevan bagi WP Labuan.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 3.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Demografi & Sosio Ekonomi

Teras 1: Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1: Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.6 : Meningkatkan pembangunan modal insan dan pengetahuan intensif	- Penduduk umur bekerja (15-64 thn) WP Labuan meliputi 72.5% (2019) dpd jumlah penduduk dengan kadar penyertaan 0.57 serta 31% pekerja mahir (berpendidikan tertiari). Sebahagian besar (69%) adalah pekerja separuh mahir & tidak mahir berpendidikan rendah & menengah (62.5%) & 5.3% tiada pendidikan rasmi. Pembangunan modal insan & pengetahuan intensif amat perlu dipertingkatkan di WP Labuan. Strategi ini amat relevan & perlu dikekalkan.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 3.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN 2 Berkaitan Sektor Demografi & Sosio Ekonomi

Prinsip 3: Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.2 Peningkatan produktiviti modal insan	3.2.1 : Peningkatan bakat-bakat berkemahiran yang bersesuaian dalam bidang ekonomi bernilai tinggi	- Penganjuran program latihan peningkatan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat serta lalu kerjaya bagi tenaga kerja sedia ada, siswazah dan lepasan spm/diploma di WP Labuan masih kurang terutama yang melibatkan kerjasama institusi pendidikan setempat dan firma swasta. Strategi ini masih relevan dan perlu diteruskan.

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 3.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Demografi dan Sosio-Ekonomi

Teras 3: Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
M1 Pembangunan Modal Insan Di Pertingkatkan Melalui Penyediaan Institusi-Institusi Pengajian dan Latihan Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Profesional dan Berkemahiran Di Kalangan Penduduk Tempatan	M1-CA 1 Menyediakan program program latihan, kursus dan bengkel jangka masa pendek kepada golongan lepasan sekolah melalui penubuhan Kolej Komuniti	- Sehingga kini penubuhan Kolej Komuniti belum dilaksana oleh pihak berwajib sama ada di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi mahu pun Jabatan Pendidikan W.P. Labuan
	M1-CA2 Memperkukuhkan Institusi Latihan Perindustrian sedia ada dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)	- ILP Labuan menganjurkan kursus sepenuh masa dan separuh masa bagi memenuhi kehendak pasaran kerja terutama bagi lepasan SPM.
	M1-CA 3 Mewujudkan universiti bertaraf penuh atau cawangan institusi pengajian tinggi yang dapat menyumbang kepada tahap pendidikan dan ekonomi penduduk Labuan	- Sehingga kini W.P. Labuan mempunyai sebuah universiti iaitu UMSKL yang melahirkan graduan profesional dalam bidang kewangan antarabangsa kepada penduduk tempatan. Ia dibawah kategori universiti komprehensif
	M1-CA4 Mewujudkan cawangan Institut Latihan Akademik Laut Malaysia (ALAM) yang menawarkan kursus di dalam industri marin dan laut	- Cawangan ALAM belum dibangunkan di W.P. Labuan
	M1-CA5 Mengenalpasti bangunan sedia ada di kawasan pusat bandar yang boleh dijadikan pusat pendidikan bagi menghidupkan Bandar Labuan	- Kolej sedia ada yang beroperasi di pusat bandar Labuan ialah City College of Business Management Labuan di Jalan Tanjung Batu. Tiada IPTA/IPTS yang beroperasi di kawasan pusat bandar.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 3.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Demografi & Sosio Ekonomi

The Enablers		
Dasar	Teras Strategik	Pencapaian
4 : Human Resource Development	*ST-HR1 Strategic Thrust 1 : Developing career pathway programmes in line with identified growth drivers*	- Teras strategik ini sedang dilaksanakan. Program laluan kerjaya yang berterusan sedang giat dilaksanakan di WP Labuan yang melibatkan agensi pendidikan, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Ia bertujuan bagi meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran bagi tenaga buruh sedia ada dan baru. Teras strategik ini dikekalkan.
	ST-HR2 Strategic Thrust 2 : Establishing new upskilling and reskilling programmes	- Teras strategik ini sedang dilaksanakan secara berterusan. Ia melibatkan program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula keatas kumpulan sasaran terutama pekerja tidak mahir, penganggur & mereka yang menyertai semula sektor pekerjaan. Ia termasuk kaum wanita, belia, OKU dan warga emas.
	ST-HR3 Strategic Thrust 3 : Providing incentives to attract and keep talents in identified growth drivers	- Teras strategik ini belum dilaksanakan sepenuhnya dan ia melibatkan usahasama dengan pelbagai agensi di Labuan bertujuan mengoptimakan bakat tempatan & juga menarik semula mereka yang berada di luar negara untuk berkhidmat dalam pelbagai sektor ekonomi di Labuan.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

3.2 Penemuan Semasa

3.2.1 Saiz dan Pertumbuhan Penduduk

Bagi tempoh 2000-2010, jumlah penduduk WP Labuan telah meningkat daripada 70,871 (2000) kepada 83,920 (2010) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.70 peratus setahun. Kadar tersebut lebih rendah berbanding peringkat negara iaitu pada kadar 2.16 peratus setahun. Migrasi keluar penduduk yang berterusan mempengaruhi pertumbuhan penduduk yang rendah. Pada tahun 2020, jumlah penduduk Labuan meningkat kepada 103,135 dengan pertumbuhan pada kadar 2.08 peratus setahun (2010-2020) menyamai kadar di peringkat negara iaitu 2.08 peratus setahun (Rujuk Jadual 3.6).

Jadual 3.6 : Saiz dan Pertumbuhan Penduduk, WP Labuan, 2000-2020

Tahun	WP Labuan	Malaysia	Nisbah
2000	70,871	22,198,276	0.32%
2010	83,920	27,484,596	0.30%
2020	103,135	33,782,400	0.32%
KPPT(%) 2000-2010	1.70	2.16	-
KPPT(%) 2010-2020	2.08	2.08	-

Sumber: Laporan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2000 & 2010 dan Unjuran Penduduk Semasa Mengikut Negeri 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia

3.2.2 Struktur Umur Penduduk

Hampir dua pertiga (61.56%) daripada jumlah penduduk di WP Labuan merupakan penduduk kumpulan umur aktif (15-64 tahun). Manakala kumpulan bawah umur aktif (14 tahun kebawah) meliputi 35.41 peratus dan baki sebanyak 3.03 peratus adalah warga tua yang berusia 65 tahun keatas. Nisbah tanggungan di antara kumpulan umur aktif dan tidak aktif adalah sederhana iaitu pada paras 0.62 (Rujuk Jadual 3.7). Ini bermakna Labuan mempunyai jumlah penduduk aktif yang baik untuk digembeling bagi merangsang pertumbuhan ekonomi WP Labuan.

Jadual 3.7 : Struktur Umur Penduduk, WP Labuan, 2020

Kumpulan Umur	Bil	Peratus
0-14 tahun	36,511	35.41
15-64 tahun	63,495	61.56
65 tahun keatas	3,129	3.03
Jumlah	103,135	100.00
Peratus	35.41	61.56
Nisbah Tanggungan	0.62	

Sumber: Unjuran Penduduk Semasa Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.2.3 Komposisi Etnik Penduduk

Taburan penduduk mengikut etnik mendapati kaum Bumiputera merupakan penduduk majoriti (75.76%) di WP Labuan (Rujuk Jadual 3.8). Baki sebanyak 24.24 peratus adalah penduduk minoriti khususnya penduduk Cina (10.34%), India (0.68%) dan lain-lain etnik (1.59%). Manakala 11.62 peratus daripada jumlah penduduk adalah penduduk bukan warganegara. Ia termasuklah penempatan warga asing di Kiamsam yang melibatkan sejumlah 2,950 penduduk.

Jadual 3.8 : Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, WP Labuan, 2020

Kumpulan Etnik	Bilangan	Peratus
Bumiputera	78,139	75.76
Cina	10,669	10.34
India	698	0.68
Lain-Lain Etnik	1,641	1.59
Bukan Warganegara	11,988	11.62
Jumlah	103,135	100.00

Sumber: Unjuran Penduduk Semasa Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.2.4 Jantina Penduduk


Jumlah penduduk perempuan di WP Labuan adalah lebih rendah berbanding penduduk lelaki dengan nisbah 97 penduduk perempuan bagi setiap 100 penduduk lelaki. Jumlah penduduk lelaki adalah 52,398 (50.80%) berbanding penduduk perempuan seramai 50,737 (49.20%). Rujuk Jadual 3.9 dan Rajah 3.1.

Jadual 3.9 : Taburan Penduduk Mengikut Jantina, WP Labuan, 2020

Kumpulan Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	52,398	50.80
Perempuan	50,737	49.20
Jumlah	103,135	100.00
Nisbah Jantina	97	

Sumber: i. Unjuran Penduduk Semasa Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 3.1 : Piramid Umur & Jantina Penduduk, WP Labuan, 2020



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.2.5 Kepadatan Penduduk

Purata kepadatan penduduk setiap hektar menunjukkan peningkatan daripada 8.42 orang sehektar (2010) kepada 10.35 orang sehektar (2020). Secara keseluruhan, kepadatan penduduk di WP Labuan adalah rendah berasaskan guna tanah sedia ada masih dikuasai oleh kawasan pertanian dan hutan. Ini bermakna daya tampung sumber alam di Labuan masih terpelihara dan perlu dikawal bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk tempatan. Taburan kepadatan penduduk WP Labuan dapat dilihat dalam Jadual 3.10.

Jadual 3.10 : Kepadatan Penduduk, WP Labuan, 2010 & 2020

Tahun	Luas (hek.)	Bil. Penduduk	Kepadatan (org/hek.)
2010	9,968	83,920	8.42
2020	9,968	103,135	10.35

Sumber: Laporan Penduduk & Perumahan Malaysia 2010 & Unjuran Penduduk Semasa, Jabatan Perangkaan Malaysia

3.2.6 Bilangan dan Saiz Isi Rumah

Purata saiz isi rumah di WP Labuan bagi tahun 2020 ialah 4.49 orang (Rujuk Jadual 3.11). Purata isi rumah bagi setiap kediaman menunjukkan WP Labuan merekodkan purata isi rumah bagi setiap kediaman pada kadar 0.99. Secara amnya, keadaan ini menunjukkan tidak wujud perkongsian lebih dari satu isi rumah bagi setiap unit kediaman.

Jadual 3.11 : Bilangan dan Saiz Isi Rumah, WP Labuan, 2000-2020

Perkara	2000	2010	2020
Bilangan Penduduk	70,871	83,920	103,135
Jumlah Isi Rumah	14,347	18,162	22,937
Bil. Tempat Kediaman	16,382	21,557	22,996
Purata Saiz Isi Rumah	4.94	4.62	4.49
Purata Isi Rumah/Tempat Kediaman	0.87	0.84	0.99

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.2.7 Corak Migrasi Penduduk

Bagi tempoh tahun 1995-2000, WP Labuan mengalami migrasi masuk bersih iaitu seramai 181 orang (Rujuk Jadual 3.12). WP Labuan juga mengalami senario yang sama bagi tempoh 2005-2010 dimana ia mengalami migrasi masuk bersih yang melibatkan seramai 3,126 orang. Kepesatan pembangunan dan penyediaan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan terutama sektor perkhidmatan kewangan dan industri minyak dan gas telah berjaya menarik masuk penduduk yang tinggi.

Bagi tempoh 2010-2020, secara keseluruhan, WP Labuan dianggarkan mengalami tren migrasi keluar penduduk seramai 7,252 orang di dalam jangkamasa 10 tahun yang lepas (Rujuk Jadual 3.13). Antara faktor yang menyumbang kepada senario tersebut adalah peluang pekerjaan yang terhad, ketidaksepadanan kelayakan dan faktor perkahwinan. Jika tren tersebut berterusan terutama di kalangan tenaga kerja aktif, ia dijangka akan menjejaskan usaha bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi Labuan di masa hadapan.

Jadual 3.12 : Migrasi Bersih Penduduk, WP Labuan, 1995-2010

Tahun	Masuk	Keluar	Migrasi Bersih
1995-2000	7,068	6,887	181
2005-2010	7,632	4,506	3,126

Sumber: Laporan Banci Perumahan Malaysia 2000 & 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 3.13 : Anggaran Migrasi Penduduk WP Labuan, 2010-2020

Perkara	Bilangan
Bilangan Penduduk 2010	83,920
Anggaran Jumlah Penduduk 2020 Berasaskan Pertumbuhan Semulajadi	110,387
Bilangan Penduduk Sebenar 2020	103,135
Anggaran Masuk/Keluar	(7,252)

Sumber: Laporan Banci Perumahan Malaysia 2000 & 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia & Anggaran Penduduk, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

3.2.8 Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah


Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata bagi WP Labuan telah meningkat daripada RM 4,407 (2009) kepada RM 8,319 (2019), iaitu peningkatan sebanyak 89 peratus bagi tempoh 10 tahun. Manakala pendapatan kasar bulanan isi rumah purata di peringkat negara merekodkan pertambahan sebanyak 96 peratus daripada RM 4,025 (2009) kepada RM 7,901 (2019). Rujuk Jadual 3.14 dan Rajah 3.2. Pendapatan kasar isi rumah bulanan purata di Labuan lebih tinggi dan lebih baik berbanding peringkat negara.

Jadual 3.14 : Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan Purata (RM), WP Labuan, 2009-2019

Tahun	W.P. Labuan	Malaysia
2009	4,407	4,025
2012	6,317	5,000
2014	7,591	6,141
2016	8,174	6,958
2019	8,319	7,901

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.2 : Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah (RM), WP Labuan dan Malaysia, 2009-2019



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.2.9 Insiden Kemiskinan

Insiden kemiskinan mutlak bagi WP Labuan merekodkan penurunan daripada 6.8 peratus pada tahun 2016 kepada 3.1 peratus pada tahun 2019 (Rujuk Jadual 3.15). Bagi kawasan bandar, insiden kemiskinan mutlak menurun daripada 6.2 peratus (2016) kepada 3.3 peratus (2019). Manakala insiden kemiskinan mutlak bagi kawasan luar bandar menurun dengan ketara daripada 12.5 peratus (2016) kepada 1.3 peratus (2019). Insiden kemiskinan relatif juga menunjukkan penurunan ketara di kawasan luar bandar iaitu daripada 16.7 peratus (2016) kepada 3.9 peratus (2019). Ini bermakna program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan berjaya memakmurkan rakyat tempatan.

Jadual 3.15 : Insiden Kemiskinan Mengikut Strata, WP Labuan, 2016 dan 2019

Negeri	Kemiskinan Mutlak		Kemiskinan Relatif	
	2016	2019	2016	2019
W.P. Labuan	6.8	3.1	11.6	13.1
Bandar	6.2	3.3	11.0	14.2
Luar Bandar	12.5	1.3	16.7	3.9

Sumber: Laporan Sosio-Ekonomi W.P. Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari aspek Paras Garis Kemiskinan (PGK), pada tahun 2020, PGK bagi isi rumah miskin di kawasan bandar di Labuan ialah RM 2,627 dan RM 2,684 bagi kawasan luar bandar. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 dan takrifan PGK baru, adalah didapati 9.7 peratus daripada jumlah isi rumah di WP Labuan dikategorikan sebagai isi rumah miskin berbanding 0.9 peratus bagi PGK terdahulu (RM 1,154 kawasan bandar & RM 1,281 kawasan luar bandar).

3.2.10 Struktur Tenaga Kerja

Jumlah penduduk umur bekerja di WP Labuan telah meningkat daripada 42,817 (2000) kepada 70,700 (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 4.66 peratus setahun. Jumlah tenaga kerja sebenar telah meningkat daripada 24,940 (2000) kepada 40,300 (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 2.56 peratus setahun. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat daripada 0.58 (2000) kepada 0.61 (2015). Pada tahun 2019, kadar penyertaan menurun kepada 0.57 ekoran peningkatan kadar pengangguran dan kurang peluang pekerjaan (Rujuk Jadual 3.16). Ini bermakna lebih banyak peluang-peluang pekerjaan perlu diwujudkan selain peningkatan kemahiran tenaga kerja dalam pelbagai sektor ekonomi.

Jadual 3.16 : Struktur Tenaga Kerja, WP Labuan, 2000-2019

Tahun	Penduduk Umur Bekerja	Tenaga Kerja Sebenar	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
2000	42,817	24,940	0.58
2010	57,680	36,367	0.63
2015	64,800	39,500	0.61
2019	70,700	40,300	0.57

Sumber: Laporan Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000 & 2010 dan Statistik Penduduk Bekerja 1984-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia.

3.2.11 Kadar Pengangguran

Secara keseluruhan, kadar pengangguran peringkat nasional bagi tempoh 2017-2019 direkodkan sebanyak 3.3 dan 3.4 peratus (Rujuk Jadual 3.17). Manakala WP Labuan mempunyai kadar pengangguran lebih tinggi iaitu sekitar 8.5 peratus bagi tahun 2017, 7.1 peratus bagi tahun 2018 dan bagi tahun 2019 adalah 6.9 peratus. Bilangan penganggur di WP Labuan adalah tidak melebihi satu peratus daripada jumlah penganggur yang terdapat di Malaysia. Berasaskan tahap pencapaian pendidikan diperingkat negara, 35.6 peratus penganggur berpendidikan tertiari, 55.7 peratus berpendidikan menengah, 6.2 peratus peringkat rendah & baki 2.4 peratus tiada pendidikan. Berasaskan senario semasa, peluang pekerjaan yang ditawarkan tidak sepadan (mismatch) dengan tahap pencapaian pendidikan penganggur (sumber : Laporan Survei Tenaga Buruh 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia).

Jadual 3.17 : Kadar Pengangguran WP Labuan dan Malaysia, 2017-2019

Tahun	Perkara	Labuan	Malaysia	Nisbah
2017	Tenaga Buruh	42,000	14,980,100	0.28%
	Bilangan Pengangguran	3,600	503,300	0.71%
	Kadar Pengangguran	8.5%	3.4%	-
2018	Tenaga Buruh	44,600	15,280,300	0.29%
	Bilangan Pengangguran	3,300	504,300	0.65%
	Kadar Pengangguran	7.1%	3.3%	-
2019	Tenaga Buruh	43,300	15,581,600	0.28%
	Bilangan Pengangguran	3,000	508,200	0.59%
	Kadar Pengangguran	6.9%	3.3%	-

Sumber: Statistik Utama Tenaga Buruh 1984-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Berasaskan pencapaian pendidikan tenaga buruh, pada tahun 2019, WP Labuan mempunyai sejumlah 43,200 tenaga buruh di mana lebih separuh (54.40%) daripada tenaga buruh sedia ada berpendidikan sehingga sekolah menengah (rujuk Jadual 3.18). Ia diikuti oleh tenaga buruh berkelulusan tinggi iaitu tertiari meliputi 32.18 peratus dan baki sebanyak 13.42 peratus adalah tenaga buruh yang tidak mempunyai pendidikan rasmi (5.32%) dan sekolah rendah (8.10%). Ini bermakna tahap pencapaian pendidikan dan kemahiran tenaga buruh tempatan perlu dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan pelabur tempatan dan asing.

3.2.12 Guna Tenaga Bukan Warganegara

Bagi tempoh 2010-2019, jumlah tenaga kerja bukan warganegara yang menetap dan bekerja di WP Labuan adalah di antara 4,100 hingga 4,800 pekerja setahun (Rujuk Jadual 3.19) Ia meliputi diantara 11 peratus hingga 12 peratus daripada jumlah tenaga kerja yang berkhidmat di WP Labuan. Tenaga kerja warga asing atau bukan warganegara Malaysia yang menetap dan bekerja di WP Labuan diperlukan bagi memenuhi pasaran tenaga buruh dalam pelbagai sektor ekonomi terutama dalam sektor pembinaan, pembuatan dan industri minyak dan gas. Walau pun demikian, dalam jangka masa panjang, keutamaan perlu diberi kepada penduduk tempatan bagi pengisian pekerjaan dalam sektor tersebut berbanding warga asing.

Jadual 3.19 : Tenaga Kerja Mengikut Kerakyatan, WP Labuan, 2010-2019

Tahun	Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara	Jumlah
2010	33,200	4,400	37,600
2011	34,300	4,300	38,600
2012	34,800	4,600	39,400
2013	35,900	4,200	40,100
2014	36,700	4,100	40,800
2015	34,800	4,600	39,500
2016	35,700	4,400	40,200
2017	33,600	4,800	38,500
2018	36,700	4,700	41,500
2019	36,200	4,100	40,300

Sumber: Statistik Utama Tenaga Buruh 1984-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

3.2.13 Penduduk Bekerja Mengikut Pekerjaan

Pada tahun 2019, sebanyak 31.02 peratus daripada jumlah penduduk bekerja menjawat jawatan pengurus (4.22%), profesional (11.17%) serta juruteknik dan profesional bersekutu (15.63%).

Jadual 3.18 : Pencapaian Pendidikan Tenaga Buruh, WP Labuan, 2010-2019

Taraf Pendidikan	2010	2015	2019
Tiada pendidikan rasmi	1,600 (4.41%)	1,600 (4.05%)	2,300 (5.32%)
Rendah	7,400 (20.38%)	4,200 (10.63%)	3,500 (8.10%)
Menengah	19,700 (54.27%)	23,400 (59.24%)	23,500 (54.40%)
Tertiari	7,600 (20.94%)	10,300 (26.08%)	13,900 (32.18%)
Jumlah	36,300 (100.00%)	39,500 (100.00%)	43,200 (100.00)

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2010, 2015 & 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia`

Manakala lebih separuh (53.1%) daripada jumlah tenaga kerja merupakan pekerja sokongan perkeranian (14.89%), pekerja perkhidmatan dan jualan (23.32%), pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan (3.22%) serta pekerja kemahiran dan pertukangan berkaitan (11.91%). Pekerja tidak mahir meliputi 15.88 peratus khususnya operator mesin dan loji (6.70%) serta pekerja asas (9.18%). Rujuk Jadual 3.20. Ini bermakna tahap pendidikan dan kemahiran tenaga kerja tempatan perlu dipertingkatkan seiring dengan keperluan pelabur dalam pelbagai sektor industri dan pekerjaan.

Jadual 3.20 : Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan, WP Labuan, 2010-2019

Jenis Pekerjaan	2010	2015	2019
Pengurus	2,700 (7.44%)	1,400 (3.54%)	1,700 (4.22%)
Profesional	1,600 (4.41%)	3,200 (8.10%)	4,500 (11.17%)
Juruteknik & Profesional Bersekutu	6,300 (17.35%)	5,700 (14.43%)	6,300 (15.63%)
Pekerja Sokongan Perkeranian	4,600 (12.67%)	6,200 (15.70%)	6,000 (14.89%)
Pekerja Perkhidmatan & Jualan	6,900 (19.01%)	7,400 (18.73%)	9,400 (23.32%)
Pekerja Mahir Pertanian*	800 (2.20%)	1,200 (3.04%)	1,300 (3.22%)
Pekerja Kemahiran & Pekerja Pertukangan	6,000 (16.53%)	6,700 (16.96%)	4,800 (11.91%)
Operator mesin loji dan pemasang	2,800 (7.71%)	3,200 (8.10%)	2,700 (6.70%)
Pekerja Asas	4,800 (13.22%)	4,500 (11.39%)	3,700 (9.18%)
Jumlah	36,300 (100.00%)	39,500 (100.00%)	40,300 (100.00%)

Nota : * Termasuk perhutanan, penternakan & perikanan
Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2010, 2015 & 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3.21 : Struktur Pekerjaan Mengikut Industri, WP Labuan, 2010-2019

Sektor Ekonomi	2010	%	2016	%	2019	%	KPPT (%) 2010-2019
SEKTOR PRIMER	2,274	6.25	5,500	13.68	4,700	11.66	8.40
Pertanian	636	1.75	1,800	4.48	1,100	2.73	6.28
Perlombongan dan Kuari	1,638	4.50	3,700	9.20	3,600	8.93	9.14
SEKTOR SEKUNDER	8,417	23.14	7,000	17.41	6,900	17.12	(2.18)
Pembuatan	4,141	11.39	3,900	9.70	3,100	7.69	(3.16)
Pembinaan	4,276	11.76	3,100	7.71	3,800	9.43	(1.30)
SEKTOR TERTIARI	25,676	70.60	27,700	68.91	28,700	71.22	1.24
Elektrik, Gas & Air	452	1.24	500	1.24	500	1.24	1.13
Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan	2,199	6.05	2,400	5.97	2,400	5.95	0.98
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran	7,006	19.26	7,700	19.15	7,600	18.86	0.91
Kewangan, Insuran & Hartanah	3,863	10.62	4,200	10.45	4,900	12.16	2.68
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	4,737	13.02	4,400	10.94	4,700	11.66	(0.09)
Lain-Lain Industri	7,419	20.40	8,500	21.14	8,600	21.34	1.65
Jumlah	36,367	100.00	40,200	100.00	40,300	100.00	1.15

Sumber: i. Laporan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia.
ii. Laporan Sosioekonomi Wilayah Persekutuan Labuan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia.

3.2.14 Struktur Pekerjaan

Trend pertumbuhan pekerjaan mengikut industri di WP Labuan bagi tempoh 2010-2019 dapat dilihat dalam Jadual 3.21. Jumlah tenaga kerja dalam pelbagai sektor ekonomi di Labuan telah meningkat daripada 36,367 pada tahun 2010 kepada 40,300 pada tahun 2019 dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.15 peratus setahun. Pada tahun 2019, sektor tertiari (71.22%) menjadi penyumbang utama pekerjaan di Labuan diikuti sektor sekunder (17.12%) dan sektor primer (11.66%). Struktur pekerjaan di WP Labuan masih mengekalkan tren terdahulu di mana peluang-peluang pekerjaan lebih banyak diwujudkan dalam sektor sekunder dan tertiari berbanding sektor primer. Ini bermakna lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan dalam sektor primer iaitu pertanian.

Dari aspek pekerjaan mengikut jantina, berdasarkan Jadual 3.22, 65.01 peratus daripada jumlah tenaga kerja adalah lelaki dan baki 34.99 peratus adalah perempuan. Ini bermakna penyertaan kaum perempuan dalam pekerjaan lebih rendah berbanding lelaki. Tumpuan utama pekerjaan bagi kaum perempuan adalah dalam sektor kecil perkhidmatan sosial dan persendirian (41.84%) dan perdagangan borong, runcit, hotel dan restoran (41.13%). Secara keseluruhan, penyertaan kaum perempuan lebih tertumpu kepada sektor tertiari/perkhidmatan (93.62%) berbanding sektor primer (4.26%) dan sekunder (2.13%).

Jadual 3.22 : Struktur Pekerjaan Mengikut Industri dan Jantina, WP Labuan, 2019

Sektor Ekonomi	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
SEKTOR PRIMER	4,100	600	4,700	11.66
Pertanian	1,000	100	1,100	2.73
Perlombongan dan Kuari	3,100	500	3,600	8.93
SEKTOR SEKUNDER	6,600	300	6,900	17.12
Pembuatan	2,900	200	3,100	7.69
Pembinaan	3,700	100	3,800	9.43
SEKTOR TERTIARI	15,500	13,200	28,700	71.22
Elektrik, Gas & Air	500	0	500	1.24
Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan	2,000	500	2,400	5.95
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran	4,300	5,800	7,600	18.86
Kewangan, Insuran & Hartanah	300	1,000	4,900	12.16
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	8,200	5,900	4,700	11.66
Lain-Lain Industri	200	200	8,600	21.34
Jumlah	26,200	14,100	40,300	100.00
Peratus	65.01	34.99	100.00	-

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

3.3 Unjuran Penduduk dan Guna Tenaga

3.3.1 Unjuran Penduduk

Jumlah penduduk di WP Labuan dijangka akan meningkat daripada 103,135 pada tahun 2020 kepada 150,276 menjelang tahun 2040 dengan purata pertumbuhan pada kadar 1.90 peratus setahun (Rujuk Jadual 3.23). Jumlah penduduk masa hadapan banyak bergantung kepada faktor trend pembangunan semasa, pelaksanaan projek pembangunan komited serta kesediaan tanah untuk pembangunan masa hadapan.

Jadual 3.23 : Unjuran Penduduk WP Labuan, 2020-2040

Tahun	Bil. Penduduk	KPPT (%) 2020-2040
2020	103,135	-
2025	113,312	1.89
2030	124,494	1.90
2035	136,779	1.90
2040	150,276	1.89
KPPT (%) 2020-2040	1.90	-

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

i. **Unjuran Penduduk Mengikut Kumpulan Umur**

Jumlah penduduk bagi kumpulan 0-14 tahun dijangka meningkat daripada 36,511 (2020) kepada 43,574 (2040) dengan pertumbuhan purata 0.89 peratus setahun (Rujuk Jadual 3.24).

Jadual 3.24 : Unjuran Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, WP Labuan, 2020-2040

Tahun	0-14 thn	15-64 thn	65 thn keatas	Jumlah	Nisbah Tanggungan
2020	36,511	63,495	3,129	103,135	0.62
2025	41,971	66,812	4,526	113,312	0.69
2030	41,675	76,488	6,331	124,494	0.63
2035	41,370	87,589	7,880	136,779	0.56
2040	43,574	97,551	9,152	150,276	0.54
KPPT (%)	0.89	2.17	5.51	1.90	-

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jumlah penduduk bagi kumpulan umur produktif (15 hingga 64 tahun) dijangka meningkat daripada 63,495 (2020) kepada 97,551 (2040) dengan pertumbuhan purata 2.17 peratus setahun. Ia akan memberi impak kepada penyediaan lebih banyak institusi pendidikan, latihan dan kemahiran selain peluang-peluang pekerjaan di WP Labuan. Manakala penduduk warga emas (65 tahun keatas) dijangka meningkat daripada 3,129 (2020) kepada 9,152 (2040) dengan pertumbuhan purata 5.51 peratus setahun. Ini bermakna lebih banyak kemudahan warga emas perlu disediakan ke arah kesejahteraan hidup mereka di masa hadapan. Nisbah tanggungan dijangka menurun daripada 0.62 (2020) kepada 0.54 (2040) ekoran peningkatan syer yang ketara bagi penduduk umur bekerja berbanding penduduk warga emas dan mereka yang berumur bawah 14 tahun.

ii. **Unjuran Penduduk Mengikut Jantina**


Jumlah penduduk lelaki diunjurkan meningkat daripada 52,398 (2020) kepada 75,072 (2040) dengan pertumbuhan purata 1.81 peratus setahun (Jadual 3.25). Manakala penduduk perempuan dijangka akan meningkat daripada 50,737 (2020) kepada 75,249 (2040) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.99 peratus setahun. Nisbah jantina penduduk perempuan kepada lelaki dijangka meningkat iaitu daripada 97 perempuan bagi setiap 100 lelaki kepada 100 perempuan bagi setiap 100 lelaki. Ini bermakna peluang dan pelbagai kemudahan perlu diberikan secara adil dan saksama kepada penduduk perempuan dan lelaki. Rajah 3.3 menunjukkan piramid umur dan jantina penduduk WP Labuan, 2040.

Jadual 3.25 : Unjuran Penduduk Mengikut Jantina, WP Labuan, 2020-2040

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Nisbah Jantina
2020	52,398	50,737	103,135	97
2025	57,265	56,048	113,312	98
2030	62,633	61,861	124,494	99
2035	68,538	68,241	136,779	99
2040	75,072	75,249	150,276	100
KPPT (%)	1.81	1.99		-

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 3.3 : Piramid Umur & Jantina Penduduk, WP Labuan, 2040



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iii. Unjuran Penduduk Mengikut Etnik

Etnik Bumiputera sebagai penduduk majoriti dijangka akan bertambah daripada 77,301 (2020) kepada 119,544 (2040) dengan pertumbuhan purata pada kadar 2.20 peratus setahun. Ia diikuti penduduk etnik Cina dengan jumlah penduduk dijangka meningkat daripada 10,669 (2020) kepada 12,877 (2040). Manakala bagi penduduk lain-lain etnik dan India, masing-masing dijangka akan meningkat kepada 2,011 dan 838 menjelang tahun 2040. Manakala penduduk bukan warga negara akan meningkat kepada 15,006 menjelang 2040 (Rujuk Jadual 3.26).

Penduduk tempatan di Laman Victoria



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 3.26 : Unjuran Penduduk Mengikut Komposisi Etnik, WP Labuan, 2020-2040

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain Etnik	Bukan Warganegara	Jumlah
2020	77,301	10,669	695	1,641	11,988	103,135
2025	87,225	11,110	721	1,711	12,545	113,312
2030	96,937	11,696	756	1,805	13,300	124,494
2035	107,524	12,347	798	1,912	14,198	136,779
2040	119,544	12,877	838	2,011	15,006	150,276
KPPT (%)	2.20	0.94	0.94	1.02	1.13	1.90

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.3.2 Unjuran Tenaga Buruh

Jumlah tenaga buruh diunjurkan akan bertambah daripada 41,688 pada tahun 2020 kepada 63,976 pada tahun 2040 dengan pertumbuhan purata pada kadar 2.16 peratus setahun (Rujuk Jadual 3.27). Kadar penyertaan tenaga buruh semasa iaitu 0.65 peratus diunjurkan akan meningkat kepada 0.67 peratus pada tahun 2030 dan kembali stabil pada 0.65 peratus menjelang tahun 2040. Ini bermakna Labuan mempunyai jumlah penduduk tenaga kerja aktif yang tinggi untuk digembeling bagi memperkasa ekonomi di masa hadapan.

Jadual 3.27 : Unjuran Tenaga Buruh, WP Labuan, 2020-2040

Tahun	Jumlah Penduduk Aktif (15-64 thn)	Jumlah Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan
2020	63,495	41,688	0.65
2025	66,812	46,358	0.69
2030	76,488	51,553	0.67
2035	87,589	57,474	0.66
2040	97,551	63,976	0.65
KPPT (%) 2020-2040	2.17	2.16	-

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.3.3 Unjuran Pekerjaan

Bagi tempoh 2020-2040, struktur pekerjaan di WP Labuan akan terus diterajui oleh sektor tertiari seiring dengan peranannya sebagai Pusat Perkhidmatan Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa (IBFC) dan status pulau bebas cukai yang akan menggalakkan pembangungan pelancongan di masa hadapan. Ia turut disokong oleh sektor sekunder khususnya pembuatan yang memberi penekanan kepada industri minyak dan gas terutama dengan kewujudan zon industri petrokimia di WP Labuan. Manakala sektor primer khususnya pertanian dan perlombongan akan kekal sebagai penyumbang pekerjaan terendah sepanjang tempoh perancangan. Menjelang tahun 2040, sektor tertiari dan sekunder akan menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi di WP Labuan (Rujuk Jadual 3.28).

Jadual 3.28 : Unjuran Pekerjaan Mengikut Industri, WP Labuan, 2019-2040

Sektor Ekonomi	2019	2025	2030	2035	2040	KPPT (%) 2019 -2040
SEKTOR PRIMER	4,700	5,200	5,600	5,900	6,200	1.33
Pertanian	1,100	1,500	1,700	1,900	2,100	3.13
Perlombongan dan Kuari	3,600	3,700	3,900	4,100	4,300	0.85
SEKTOR SEKUNDER	6,900	7,400	7,900	8,700	9,400	1.48
Pembuatan	3,100	3,300	3,500	4,000	4,300	1.57
Pembinaan	3,800	4,100	4,400	4,700	5,100	1.41
SEKTOR TERTIARI	28,700	33,700	38,100	42,900	48,300	2.51
Elektrik, Gas & Air	500	550	600	650	700	1.61
Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan	2,400	2,600	2,900	3,100	3,400	1.67
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran	7,600	8,450	9,800	10,550	11,800	2.12
Kewangan, Insuran & Hartanah	4,900	5,400	5,800	6,800	7,700	2.17
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	4,700	5,600	5,900	6,500	6,900	1.84
Lain-Lain Industri	8,600	11,100	13,100	16,300	17,800	3.52
Jumlah	40,300	46,300	51,600	57,500	63,900	2.22

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

3.4 Isu dan Prospek

i. Pertumbuhan Penduduk & Kumpulan Umur Bekerja

Jumlah penduduk WP Labuan dijangka akan bertambah sebanyak 50.73 peratus daripada 103,135 (2020) kepada 150,276 (2040) dengan pertumbuhan purata pada kadar 1.90 peratus setahun. Manakala penduduk kumpulan umur aktif (15-64 tahun) dijangka akan meningkat kepada 97,551 menjelang 2040. Ia bakal memberi cabaran kepada keperluan bagi penyediaan pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur sokongan selain penyediaan peluang pekerjaan dimana ia akan memangkin pertumbuhan ekonomi WP Labuan dalam pelbagai sektor industri

ii. Struktur Pekerjaan

Sepanjang tempoh perancangan, struktur pekerjaan di WP Labuan dijangka akan terus fokus kepada pengukuhan sektor sekunder dan tertiari seiring dengan peranan WP Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan serantau selain berperanan sebagai pusat industri minyak dan gas wilayah. Sektor pembuatan dan perkhidmatan perdagangan terutama kewangan merupakan sektor teras yang akan menjana peluang-peluang pekerjaan di WP Labuan.

iii. Kadar Pengangguran

Bagi tempoh 2017-2019, WP Labuan mengalami kadar pengangguran yang tinggi iaitu sekitar 8.5 peratus bagi tahun 2017, 7.1 peratus bagi tahun 2018 dan bagi tahun 2019 adalah 6.9 peratus berbanding 3.3 peratus hingga 3.4 peratus di peringkat negara. Ia amat berkait rapat dengan penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang amat terhad dan menjurus kepada senario migrasi keluar penduduk.

iv. Isi Rumah Miskin

Bagi tahun 2020, terdapat sejumlah 700 isi rumah miskin di WP Labuan meliputi 522 isi rumah miskin dan 178 isi rumah miskin tegar. Ia meliputi 3.1 peratus daripada jumlah isi rumah sedia ada. Kadar tersebut adalah rendah dan terkawal. Ke arah miskin sifar, isu kemiskinan perlu ditangani dengan berkesan dan ia perlu dibasmi melalui program yang lebih efektif.

v. Penyertaan Kaum Wanita Yang Rendah Dalam Pasaran Tenaga Buruh

Tahap penyertaan kaum wanita dalam pasaran tenaga buruh (2019) adalah rendah iaitu pada kadar 34.99 peratus berbanding lelaki (65.01%). Penyertaan kaum wanita tertumpu kepada pekerjaan dalam sektor perkhidmatan (93.62%) berbanding sektor primer (4.20%) dan sekunder (2.13%).

3.5 Cadangan Am

i. Membendung Migrasi Keluar Penduduk & Pengangguran

Membendung migrasi keluar penduduk dan kadar pengangguran yang tinggi melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik dalam sektor industri yang berpotensi tinggi khususnya sektor pembuatan, perkhidmatan perdagangan, pembinaan, perkhidmatan sosial dan persendirian termasuk sektor pelancongan.

ii. Penyediaan Kemudahan Pendidikan & Latihan Kemahiran

Peningkatan penyediaan kemudahan pendidikan dan pelbagai latihan kemahiran tinggi dan keusahawanan bagi melahirkan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi moden.

iii. Pengukuhan Asas Ekonomi

Memperkukuh asas ekonomi WP Labuan dalam pelbagai sektor ekonomi khususnya sektor pembuatan, perkhidmatan perdagangan, pelancongan dan sektor pertanian moden. Lokasi yang strategik, kemudahan infrastruktur perhubungan yang baik, kedapatan tanah dan tapak industri yang luas, kualiti tenaga kerja bermutu serta kewujudan institusi sokongan adalah di antara aset yang mampu ditawarkan untuk pelabur industri.

iv. Penyediaan Pelbagai Kemudahan Awam


Peningkatan penyediaan pelbagai kemudahan awam untuk setiap kumpulan umur penduduk termasuk warga emas dan orang kurang upaya, infrastruktur sokongan dan aktiviti perbandaran seiring dengan pertambahan penduduk dan seimbang dengan taburan penduduk dan hierarki pusat petempatan.

v. Program Pembasmian Kemiskinan

Meningkatkan program pembasmian kemiskinan di kalangan isi rumah miskin di WP Labuan melalui penyediaan kemudahan perumahan, peningkatan taraf infrastruktur asas, peluang latihan kemahiran dan program motivasi serta peluang pekerjaan yang bersesuaian.


vi. Meningkatkan Penyertaan Wanita Dalam Pasaran Tenaga Buruh

Memperkasa peranan wanita dalam pasaran tenaga buruh dengan meningkatkan tahap kemahiran dalam pelbagai sektor jawatan dan industri serta tahap keusahawan dalam sektor perkhidmatan perdagangan dan pembuatan (IKS).


PEARL OF BORNEO

BAHAGIAN B :

ASPEK PERANCANGAN SPATIAL


PEARL OF BORNEO

BAB

04



Pembangunan Fizikal Dan Guna Tanah



Bandar Labuan
(Permandangan Sekitar
Bangunan Ujana Kewangan)

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

Perancangan guna tanah merupakan asas kepada perancangan sesuatu kawasan dalam mewujudkan pembangunan yang seimbang dan mampan. Tujuan utama sektor guna tanah ini dianalisis adalah bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan status semasa pembangunan tanah di dalam kawasan kajian meliputi trend semasa guna tanah, arah pembangunan, keadaan fizikal dan keperluan tanah masa hadapan. Ia akan menilai sama ada pembangunan yang berlaku mampu memenuhi keperluan semasa atau selaras dengan konsep - konsep pembangunan sejagat seperti konsep *Smart Cities, Green Cities dan Competitive Cities* dalam mewujudkan pembangunan fizikal yang seimbang, mampan dan berdaya tahan.

4.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.1 hingga 4.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 4.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

Bidang Fokus	Strategi	Pencapaian
Tonggak III : Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang		
A : Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah	A3 : Menggalakkan Bandar Yang Berdaya Saing	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Tren pembangunan dan perkembangan bandar di WP Labuan adalah lebih bersifat tertumpu di satu bandar sahaja iaitu bandar Labuan. - Tiga bandar lain di W.P Labuan (Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh) mempunyai kadar urbanisasi atau perbandaran yang rendah dan mempunyai potensi untuk diperkukuh dari segi ekonomi dan pembangunan fizikal. - Cadangan jambatan ke Sabah juga mampu menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi atau membantu meningkatkan daya saing setiap bandar melalui kesalinghubungan yang mampu membentuk satu koridor ekonomi di antara WP Labuan dan tanah besar Sabah.
Tonggak V : Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau		
B : Memulihara Sumber Asli	B1 : Memulihara Kawasan Teresterial Dan Air Daratan	- Dasar ini perlu di kekalkan. - Disamping pembangunan ekonomi aspek kemampanan alam sekitar perlu di beri perhatian dalam perancangan guna tanah masa hadapan dari sebarang pembangunan yang boleh menjejaskan kawasan teresterial dan air daratan. - Dalam konteks WP Labuan, kawasan yang perlu dipelihara meliputi zon penampan, empangan, sungai, akuifer, hutan paya bakau dan kawasan tadahan air.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 4.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 2 : Perancangan Guna Tanah Holistik	KD 2.1 : Mengoptimumkan Guna Tanah Dan Kesediaan Tanah	- Strategi ini telah dilaksanakan dan perlu diteruskan. - Wujudnya keperluan untuk mengimbangi penggunaan tanah bagi tujuan perbandaran dan pembangunan ekonomi serta sosial melalui pengagihan tanah untuk sumber makanan dan pemeliharaan sumber semula jadi memerlukan strategi guna tanah yang seimbang dan holistik di WP Labuan. - Pembangunan guna tanah yang dicadangkan pada masa hadapan perlu mengambilkira pembangunan di kawasan bandar yang tidak ekonomik, mengaktifkan dan membaik pulih kawasan sedia ada, mengawal pembukaan kawasan baru serta mengawal pembangunan konflik atau tidak serasi.
	KD 2.3 : Mengurus Pertumbuhan Dan Rebakan Pembangunan	- Strategi ini telah belum dilaksanakan sepenuhnya. - Pengukuhan sempadan bandar melalui penetapan sempadan pertumbuhan bandar (UGB) dan sempadan pembendungan bandar (UCB) mampu mengelakkan rebakan bandar berlaku ke kawasan luar bandar atau kawasan sensitif alam sekitar. - Memudahkan pengurusan perancangan guna tanah masa hadapan tertutaman bagi menentukan atau membezakan aktiviti dalam sempadan bandar dan luar sempadan bandar.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 4.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

Prinsip 1 : Tadbir Urus Bandar yang Baik		
Objektif	Strategi	Pencapaian
1.2 Penentuan Sempadan Bandar	1.2.1 Penentuan Sempadan Bagi Setiap Bandar Yang Dikenalpasti dalam DPN2	- Strategi ini belum tercapai sepenuhnya. - Berdasarkan DPN2, WP Labuan mempunyai satu bandar wilayah dan empat bandar tempatan tetapi hanya dua bandar yang layak dikategorikan sebagai bandar wilayah dan bandar tempatan iaitu bandar Labuan dan Simpang Tamu. - Bandar yang disenaraikan memerlukan sempadan bandar yang jelas di mana penentuan UCB bertujuan membantu PBT mengawal rebakan bandar, melindungi kawasan pertanian utama dan KSAS manakala UGB bertujuan menentukan had sempadan pembangunan di masa hadapan mengikut potensi setiap bandar.
Prinsip 3 : Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing		
3.1 Peningkatan Daya Saing Dan Kepadatan Ekonomi Bandar	3.1.1 Pengukuhan Ekonomi Berdasarkan Sektor-sektor Terpilih Yang Bersesuaian Dengan Hala Tuju Ekonomi Bandar	- Strategi ini belum tercapai sepenuhnya. - Masih banyak kawasan bandar yang tidak dibangunkan sepenuhnya atau diekploitasi sebagai kawasan kluster ekonomi terutamanya kawasan perindustrian dan pelancongan. - Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor terpilih mampu memastikan pertumbuhan ekonomi bandar berlaku secara terancang di kawasan strategik seperti di bandar Labuan yang berfungsi sebagai hub kewangan antarabangsa dan boleh dikembangkan ke arah pembangunan industri minyak dan gas, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan awam.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 4.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

Teras Persekitaran Kondusif dan Harmoni

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P1 - Pengunaan Tanah Yang Optima Bagi Menampung Keperluan Sosial Dan Ekonomi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Lestari	P1 – CA1 Memastikan Pemajuan Yang Dirancang Berpandukan Gambar Rajah Utama Labuan 2030	Perniagaan dan Perkhidmatan - Pusat bandar Labuan sebagai hub utama aktiviti perdagangan selaras dengan peranannya sebagai pusat perkhidmatan, pentadbiran perdagangan dan perbankkan antarabangsa (Dasar ini telah dilaksanakan dan perlu diperkukuh). - Empat bandar selebihnya mempunyai potensi untuk dikembangkan dengan mengukuhkan fungsi sedia ada selaras dengan status bandar tempatan (Dasar ini belum dilaksanakan sepenuhnya). Perumahan - Guna tanah perumahan merupakan komponen tepu bina terbesar (2,037.59 hektar atau 20.44%) dan berpotensi untuk dibangunkan bagi memenuhi keperluan pembangunan sehingga 2030 (Telah dilaksanakan). Pertanian - Mengekalkan cadangan guna tanah pertanian sebagai salah satu sumber makanan dan pendapatan penduduk setempat. (Perlu dasar perlaksanaan yang lebih jelas). Kawasan Sensitif Alam Sekitar - Pengekalan kawasan KSAS iaitu kawasan hutan (Hutan Simpan Kinabenuwa, hutan paya bakau Sg. Ganggarak, Hutan paya bakau Sg. Keling – Sg. Batu Arang. (Telah dilaksanakan) - Pengekalan kawasan tadahan air iaitu empangan bukit kuda, empangan sg.pagar dan empangan Kerupang (Telah dilaksanakan). Infrastruktur - Rangkaian infrastruktur utama sistem pengangkutan dan aksesibiliti (Telah dilaksanakan). - Cadangan jambatan baru dari Labuan ke tanah besar Sabah dan cadangan pelabuhan baru di Rancha-rancha untuk meningkatkan aksesibiliti Labuan dan mewujudkan jalinan pembangunan ekonomi baru (Belum dilaksanakan).
Dasar Am: P1 - Pengunaan Tanah Yang Optima Bagi Menampung Keperluan Sosial Dan Ekonomi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Lestari	P1-CA2- Mengoptimakan Pengunaan Tanah Dan Pembangunan Zon Pusat Bandar Melalui Konsep Pembangunan Kawasan Infill Dan Brownfield	- Dasar ini belum dilaksanakan sepenuhnya. - Seluas 372.77 hektar atau 8.73% tanah kosong telah dibangunkan dalam tempoh 10 tahun (sehingga tahun 2020) - Masih terdapat beberapa kawasan brownfield yang masih terbiar di WP Labuan terutamanya di kawasan bandar.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 4.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah (samb.)

Teras Persekitaran Kondusif dan Harmoni		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P1 - Pengunaan Tanah Yang Optima Bagi Menampung Keperluan Sosial Dan Ekonomi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Lestari	P1-CA4 – Tebus Guna Tanah Di Kawasan Pinggir Hanya Dibenarkan Di Kawasan Pinggir Laut Hanya Dibenarkan Di Kawasan Yang Telah Dikenalpasti Dan Perlu Mematuhi Peraturan Yang Diguna Pakai	- Terdapat hak pemilikan bagi tebus guna tanah laut di kawasan pinggir laut di lokasi yang telah ditetapkan. - Pembangunan tebus guna tanah pinggir laut hanya melibatkan guna tanah industri dan komersial seperti yang telah ditetapkan. - Terdapat permohonan bagi tebus guna laut di pinggir laut Kiamsam, Bebuloh dan Rancha- Rancha. Namun begitu, pembangunan di kawasan tambakkan masih perlahan terutamanya di kawasan industri Rancha-Rancha dan Kiamsan.
	P1-CA6 – Mengekal Dan Memajukan Kawasan Pertanian Yang Berpotensi Untuk Menampung Keperluan Tempatan	- Dasar ini belum tercapai. - Secara keseluruhannya tanah pertanian telah berkurang (berkurang seluas 20.94 hektar atau 16.59%) dan akan menyukarkan dasar ini untuk dicapai. - Dalam konteks WP Labuan juga, tiada kawasan khas bagi Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang mampu menjamin kepada sekuriti makanan di WP Labuan.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 4.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah

The Growth Driver		
Dasar	Strategi	Pencapaian
5.2 : Oil and Gas	*ST – OG1* *Strategic Thrust 1: To Position Labuan As The Regional Oil And Gas Supply Base*	- Teras strategik ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya. - Masih banyak cadangan tanah industri yang belum dimajukan kerana Labuan bergantung kepada perlaksanaan projek minyak dan gas bersepadu Sabah-Sarawak serta segi tiga minyak dan gas Labuan-Sabah yang akan memberi kelebihan kepada Labuan berperanan sebagai pengkalan penawaran bagi industri minyak dan gas diperingkat wilayah terutama tenaga kerja, peralatan, gudang dan penyimpanan yang dapat menyokong eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas serta aktiviti perlombongan.
The Enabler		
6.1 : Connectivity	*ST – C1* *Strategic Thrust 1 : Enhance The Symbiontic Bond Between Labuan and Sabah*	- Teras strategik ini masih belum tecapai - Pembangunan jambatan ke Sabah perlu diintegrasikan dengan laluan Lebuhraya Pan Borneo bagi meningkatkan kesalinghubungan antara bandar di Sabah. - Hubungan yang tinggi antara bandar mampu merubah corak pembangunan sedia ada iaitu daripada *monocentic* kepada *polycentric* yang akan memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di WP Labuan.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

4.2 Penemuan Semasa


4.2.1 Guna Tanah Semasa

Keluasan kawasan kajian bagi RPL 2040 meliputi kawasan tanah berhakmilik (daratan dan badan air) termasuk Pulau Labuan dan enam (6) pulau sekitar yang membentuk 9,967.86 hektar (Rujuk Jadual 4.6). Kawasan kajian RPL 2040 turut mengambilkira kawasan perairan seluas 58,924.51 hektar (85.53%) yang menjadikan keseluruhan kawasan kajian RPL 2040 seluas 68,892.37 hektar. Namun begitu, analisis guna tanah semasa yang dijalankan hanya mengambilkira kawasan tanah berhakmilik seluas 9,967.86 hektar.

Secara keseluruhannya, lebih separuh daripada tanah berhakmilik di WP Labuan atau 5,574.21 hektar (55.92%) merupakan kawasan bukan tepu bina dan terdiri daripada tanah lapang dan rekreasi, pertanian, tanah kosong, hutan, badan air dan pantai. Tanah kosong merupakan guna tanah terbesar dengan keluasan 3,895.26 hektar atau 39.08% yang tertumpu di bahagian barat Pulau Labuan dan enam pulau kecil. Guna tanah hutan membentuk 691.70 hektar atau 6.94% meliputi hutan bakau di Kinabenuwa, hutan bakau Sungai Ganggarak dan kawasan berhutan disekitar empangan. Guna tanah badan air pula membentuk 636.74 hektar atau 6.39% meliputi ketiga-tiga empangan, sungai dan sebahagian tanah berhakmilik di kawasan perairan di Rancha-Rancha dan Kiamsam (Rujuk Jadual 4.6 dan Rajah 4.1).

Guna tanah lain bagi komponen bukan tepu bina adalah tanah lapang dan rekreasi dengan keluasan 111.01 hektar atau 1.11% yang tertumpu di sekitar kawasan pembangunan, guna tanah pertanian dengan keluasan 105.27 hektar atau 1.06% dan guna tanah pantai dengan keluasan 134.23 hektar atau 1.35%.

Rajah 4.1: Pecahan Keluasan Guna Tanah di WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Selain itu, guna tanah tepu bina adalah seluas 4,393.65 hektar atau 44.08% daripada keluasan tanah berhakmilik di WP Labuan melibatkan guna tanah perumahan, komersial, industri, institusi dan kemudahan masyarakat, pengangkutan dan infrastruktur dan utiliti. Guna tanah perumahan merupakan guna tanah terbesar bagi komponen tepu bina dengan keluasan 2,037.59 hektar atau 20.44% daripada keseluruhan keluasan tanah berhakmilik di WP Labuan. Seterusnya diikuti oleh guna tanah pengangkutan dengan keluasan 838.96 hektar atau 8.42%, institusi dan kemudahan masyarakat dengan keluasan 626.94 hektar atau 6.29%, industri dengan keluasan 567.05 hektar atau 5.69% dan infrastruktur dan utiliti seluas 91.31 hektar atau 0.92%. (Rujuk Jadual 4.6 dan Rajah 4.2).

Berdasarkan kepada komposisi guna tanah semasa, WP Labuan mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan pada masa hadapan yang dipengaruhi oleh kesediaan tanah kosong yang tinggi (3,895.26 hektar atau 39.08% merupakan tanah kosong).

Jadual 4.6: Komposisi Guna Tanah Semasa WP Labuan (2020)


Komponen Guna Tanah	Luas (Hek.)	Luas (%)
Tepu Bina		
Perumahan	2,037.59	20.44
Komersial	231.80	2.33
Industri	567.05	5.69
Institusi & Kemudahan Masyarakat	626.94	6.29
Pengangkutan	838.96	8.42
Infrastruktur & Utiliti	91.31	0.92
Jumlah Kecil	4,393.65	44.08
Bukan Tepu Bina		
Tanah Lapang & Rekreasi	111.01	1.11
Pertanian	105.27	1.06
Tanah Kosong	3,895.26	39.08
Hutan	691.70	6.94
Badan Air	636.74	6.39
Pantai	134.23	1.35
Jumlah Kecil	5,574.21	55.92
Jumlah Besar	9,967.86	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Nota :

i. Komposisi keluasan guna tanah yang dinyatakan dalam Jadual 4.6 merupakan keluasan kawasan tanah berhakmilik (daratan dan badan air) termasuk Pulau Labuan dan 6 pulau sekitar yang membentuk 9,967.86 hektar.

ii. Guna tanah bagi tanah kosong adalah tanah yang masih belum dibangunkan, lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai atau lot untuk pembangunan masa hadapan sama ada dalam keadaan asal atau telah dijalankan kerja tanah.



Rajah 4.2
GUNA TANAH SEMASA WP LABUAN



Petunjuk :

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pertanian
- Tanah Kosong
- Hutan
- Badan Air
- Pantai
- Pengangkutan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar

4.2.2 Tren Pembangunan Guna Tanah

i. Perubahan Guna Tanah (2010 vs 2020)

Perubahan guna tanah akan mengambilkira perubahan yang berlaku dalam tempoh 10 tahun iaitu tahun 2010 (tahun sebelum) dan tahun 2020 (tahun semasa). Dalam tempoh 10 tahun keseluruhan guna tanah tepu bina menunjukkan peningkatan (meningkat seluas 527.65 hektar atau 13.65%). Guna tanah perumahan menunjukkan peningkatan keluasan tertinggi pada tahun 2020 (berlaku peningkatan sebanyak 231.99 hektar atau 12.46%) yang dipengaruhi oleh pembukaan kawasan-kawasan perumahan baru di sepanjang jalan utama dan di sekitar Layang-Layangan, Bukit Kuda, Ganggarak, Simpang Tamu, Kg. Kerupang, Kg. Bukit Kallam, Kiamsam dan lot-lot perumahan kampung (Rujuk Jadual 4.7 dan Rajah 4.3).

Sementara itu, guna tanah komersial turut menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2020 dengan peningkatan seluas 98.21 hektar atau 12.46%. Peningkatan ini disebabkan oleh pembukaan kawasan golf seluas 81.33 hektar. Bagi guna tanah industri, berlaku peningkatan seluas 91.87 hektar atau 19.33% yang dipengaruhi oleh pembukaan kawasan industri baharu di kawasan Perindustrian Rancha-Rancha, di sekitar Jalan Rancha-Rancha dan Jalan Kinabenuwa ke Sungai Buton dan Simpang Tamu.

Merujuk kepada guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat, berlaku peningkatan seluas 43.38 hektar atau 7.43% yang dipengaruhi oleh pertambahan institusi dan kemudahan masyarakat seperti seperti balai bomba, kemudahan awam seperti kemudahan keagamaan dan kemudahan pendidikan. Guna tanah pengangkutan dan infrastruktur dan utiliti turut menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 yang dipengaruhi oleh kewujudan kawasan-kawasan pembangunan baru yang memerlukan penyediaan infrastruktur serta jaringan perhubungan yang baik.

Namun begitu, keseluruhan guna tanah bukan tepu bina menunjukkan pengurangan keluasan pada tahun 2020 kecuali tanah lapang dan rekreasi. Guna tanah bagi tanah lapang dan rekreasi telah meningkat seluas 5.07 hektar atau 4.79% yang dipengaruhi pembukaan kawasan pembangunan baru yang memerlukan penyediaan tanah lapang dan rekreasi. Hasil analisis turut menunjukkan, tanah kosong mengalami pengurangan tertinggi iaitu 372.77 hektar atau 8.73% berbanding tahun 2010. Pengurangan tanah kosong dipengaruhi oleh pembukaan kawasan pembangunan baru atau penukaran tanah kosong menjadi sebahagian guna tanah tepu bina.

Bagi guna tanah pertanian, berlaku pengurangan seluas 20.94 hektar atau 16.59% yang dipengaruhi oleh tekanan pembangunan yang telah menukar sebahagian guna tanah pertanian di sekitar Batu Manikar, Layang-Layangan, Bukit Kuda dan Ganggarak menjadi sebahagian guna tanah perumahan dan sebahagian lagi tidak diusahakan yang menjadi tanah tidak diusahakan atau tanah kosong.

Guna tanah lain yang mengalami pengurangan ialah badan air berkurang seluas 95.22 hektar atau 13.01% (dipengaruhi oleh penukaran sebahagian kawasan badan air menjadi kawasan perumahan kampung iaitu perkampungan atas air atau Skim Petempatan Masyarakat Pelarian di sekitar Kampung Gersik), hutan berkurang seluas 39.72 hektar atau 5.43% dan pantai seluas 4.07 hektar atau 2.94% (Rujuk Jadual 4.7 dan Rajah 4.4).

Jadual 4.7: Perbandingan Keluasan Guna Tanah bagi tahun 2010 dan 2020


Komponen Guna Tanah	2010 Luas (Hek.)	2020 Luas (Hek.)	Jumlah Peningkatan (Hek.)	Peratus Peningkatan (%)
Tepu Bina				
Perumahan	1,805.60	2,037.59	231.99	12.85
Komersial	133.59	231.80	98.21	73.52
Industri	475.18	567.05	91.87	19.33
Institusi & Kemudahan	583.56	626.94	43.38	7.43
Pengangkutan	784.96	838.96	54.00	6.88
Infrastruktur & Utiliti	83.11	91.31	8.20	9.87
Jumlah Kecil	3,866.00	4,393.65	527.65	13.65
Bukan Tepu Bina				
Tanah Lapang & Rekreasi	105.94	111.01	5.07	4.79
Pertanian	126.21	105.27	(-20.94)	(-16.59)
Tanah Kosong	4,268.03	3,895.26	(-372.77)	(-8.73)
Hutan	731.42	691.70	(-39.72)	(-5.43)
Badan Air	731.96	636.74	(-95.22)	(-13.01)
Pantai	138.30	134.23	(-4.07)	(-2.94)
Jumlah Kecil	6,101.86	5,574.21	-527.65	(-8.65)
Jumlah Besar	9,967.86	9,967.86	-	-

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Nota :

i. Keluasan komposisi guna tanah tahun 2010 yang dinyatakan telah distruktur semula atau diselaraskan berdasarkan kepada Manual GIS 2.0 bagi tujuan analisis trend perubahan (keluasan dinyatakan bagi tahun 2010 berbeza dengan keluasan Draf Rancangan Struktur Labuan 2030).

ii. Jumlah keluasan keseluruhan bagi tahun 2010 telah diselaraskan dengan keluasan 2020 dimana peningkatan lot berhakmilik di kawasan perairan telah dimasukkan ke dalam komponen badan air.



Rajah 4.3
CORAK PENINGKATAN GUNA TANAH MENGIKUT KATEGORI




Petunjuk :

- Perumahan Sedia Ada 2010
- Pertambahan Perumahan 2020
- Komersial Sedia Ada 2010
- Pertambahan Komersial 2020
- Industri Sedia Ada 2010
- Pertambahan Industri 2020
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat Sedia Ada 2010
- Pertambahan Institusi dan Kemudahan Masyarakat 2020

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai



Rajah 4.4
CORAK PENGURANGAN GUNA TANAH MENGIKUT KATEGORI



Petunjuk :

- Tanah Kosong Sedia Ada (2020)
- Kawasan Pengurangan Tanah Kosong
- Hutan Sedia Ada (2020)
- Kawasan Pengurangan Hutan
- Pertanian Sedia Ada (2020)
- Kawasan Pengurangan Pertanian

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai

ii. Guna Tanah Tepu Bina

Guna tanah tepu bina terdiri daripada guna tanah perbandaran iaitu perumahan, komersial, industri, institusi dan kemudahan masyarakat, pengangkutan serta infrastruktur dan utiliti. Secara keseluruhannya, guna tanah tepu bina pada tahun 2020 adalah seluas 4,393.65 hektar yang membentuk 44.06% daripada keluasan keseluruhan kawasan berhakmilik di WP Labuan (Rujuk Jadual 4.8 dan Rajah 4.5). Keluasan kawasan tepu bina pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 13.65% atau 527.65 hektar berbanding tepu bina pada tahun 2010.

"Berlaku peningkatan Guna tanah tepu bina pada tahun 2020 seluas 527.65 Hektar Atau 13.65% berbanding tahun 2010"

Merujuk kepada komponen guna tanah tepu bina, kesemuanya mengalami peningkatan pada tahun 2020. Guna tanah perumahan, komersial dan industri merupakan komponen guna tanah tepu bina yang mengalami peningkatan tertinggi pada tahun tahun 2020 (Rujuk Jadual 4.8 dan Rajah 4.5). Guna tanah perumahan dilihat telah meningkat sebanyak 12.85% atau 231.99 hektar, industri telah meningkat sebanyak 19.33% atau 91.87 hektar dan komersial telah meningkat sebanyak 73.52% atau 98.21 hektar. Peningkatan guna tanah tepu bina dipengaruhi oleh pembukaan kawasan pembangunan baru disepanjang jalan utama, pusat bandar dan disekitar Layang-Layangan, Bukit Kuda, Ganggarak, Simpang Tamu, Kg. Kerupang, Kg. Bukit Kalam, Kiamsam dan Rancha-Rancha.

Jadual 4.8 : Perbandingan Keluasan Guna Tanah Tepu Bina

Guna Tanah	2010 Luas (Hek.)	2020 Luas (Hek.)	Jumlah Peningkatan (Hek.)	Peratus Peningkatan (%)
Perumahan	1,805.60	2,037.59	231.99	12.85
Komersial	133.59	231.80	98.21	73.52
Industri	475.18	567.05	91.87	19.33
Institusi & Kemudahan	583.56	626.94	43.38	7.43
Pengangkutan	784.96	838.96	54.00	6.88
Infrastruktur & Utiliti	83.11	91.31	8.20	9.87
Jumlah	3,866.00	4,393.65	527.65	13.65

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iii. Unjuran Guna Tanah Tepu Bina Labuan Sehingga Tahun 2040

Bagi melancarkan perancangan pembangunan WP Labuan sehingga tahun 2040, unjuran guna tanah tepu bina dijadikan sebagai asas dalam pembentukan dasar Rancangan Pemajuan Labuan 2040. Hasil analisis perubahan guna tanah tepu bina WP Labuan dalam jangkamasa 10 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2020 menunjukkan purata perubahan guna tanah tepu bina ialah 1.37% setiap tahun atau 13.65% dalam tempoh 10 tahun. Berdasarkan kepada analisis sektoral yang dijalankan, berikut merupakan perincian unjuran guna tanah tepu bina sehingga tahun 2040.

Jadual 4.9 : Unjuran Guna Tanah Tepu Bina Sehingga 2040

Guna Tanah	Luas Unjuran (Hek.)
Perumahan	87.53
Komersial	19.64
Industri	458.67
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	221.60
Jumlah Keseluruhan	787.44

Sumber: Diubahsuai daripada Sektor Perumahan, Perniagaan dan Perkhidmatanl, Industri dan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Nota :


i. Unjuran guna tanah tepu bina yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada unjuran yang dikeluarkan oleh sektor perumahan, sektor perniagaan dan perkhidmatan, sektor industri dan sektor institusi dan kemudahan masyarakat.

Merujuk kepada Jadual 4.9, unjuran tepu bina WP Labuan di jangka akan meningkat sebanyak 787.44 hektar atau bertambah sebanyak 17.92% berbanding tepu bina sedia ada dalam tempoh 20 tahun. Dari segi kesediaan tanah pula, WP Labuan memerlukan kawasan tanah seluas 787.44 hektar untuk dibangunkan sehingga tahun 2040. Berdasarkan jumlah guna tanah kosong yang belum dimajukan (3,887.67 hektar), ianya masih lagi mampu untuk menampung keperluan tanah untuk dimajukan sehingga tahun 2040 di mana jangkaan peningkatan tepu bina melibatkan 20.25% daripada keseluruhan tanah kosong. Baki kawasan tanah kosong sebanyak 79.75% atau 3,100.23 hektar boleh digunakan untuk perancangan masa hadapan. Jadual 4.10 menunjukkan tahap kesediaan tanah untuk dimajukan.

Jadual 4.10 : Tahap Kesediaan Tanah Untuk Dimajukan

Perkara	Luas (Hek.)
Keluasan tanah diperlukan sehingga tahun 2040	787.44
Tanah kosong yang belum dimajukan	3,887.67

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 4.5
TABURAN GUNA TANAH TEPU BINA WP LABUAN



Petunjuk :

- Tepu Bina 2010 (Kawasan Sedia Ada)
- Tepu Bina 2020 (Kawasan Pembangunan Baru)

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai

iv. Corak Pembangunan Guna Tanah

Secara keseluruhannya, tren pembangunan dan perkembangan bandar di WP Labuan adalah lebih bersifat *Monocentric* iaitu pembangunan yang hanya menumpu terhadap sebuah bandar besar yang disokong oleh beberapa bandar kecil. Hubungkait yang wujud hanyalah antara bandar-bandar kecil dan bandar besar, tanpa melibatkan pertalian dengan bandar besar yang lain.

Konsep pembangunan ini telah mempengaruhi corak guna tanah semasa di mana pembangunan perbandaran di WP Labuan masih tertumpu di pusat tumpuan ekonomi dan perkhidmatan iaitu Bandar Labuan. Pembangunan juga tertumpu di Rancha-Rancha dan Kiamsam yang dipengaruhi oleh pembukaan kawasan perindustrian (Rujuk Rajah 4.6). Secara keseluruhannya, tren pembangunan di Labuan telah membentuk dua koridor pembangunan yang terdiri daripada:

Koridor Pembangunan Utara – Selatan
(Kluster perbandaran utama, perindustrian minyak dan gas, Pelabuhan, pusat kewangan dan pentadbiran)

i. Bandar Labuan – aktiviti perbandaran telah menyumbang kepada pembangunan perbandaran ke Simpang Tamu dan Ganggarak yang merupakan kawasan petempatan kecil di arah utara.

ii. Simpang Tamu - pembangunan perbandaran berkembang di kawasan sekitar Bebuloh dan Layang-layangan dan di dalam koridor pembangunan timur - barat daya.

iii. Ganggarak – aktiviti perbandaran tertumpu di sekitar pusat-pusat sedia ada iaitu Kg. Lubok Temiang, Kg. Pohon Batu dan Kg. Batu Manikar.

Koridor Pembangunan Timur – Barat Daya
(Kluster institusi dan minyak dan gas)

i. Rancha-Rancha - aktiviti pembangunan perbandaran tertumpu di dalam koridor pembangunan utara – selatan dan di sekitar pusat-pusat pertumbuhan sedia ada seperti di Simpang Tamu yang merupakan sebuah bandar Tempatan.

ii. Layang-layangan – pembangunan perbandaran berkembang di kawasan sekitar Bebuloh dan Simpang Tamu.

iii. Bebuloh - aktiviti pembangunan perbandaran tertumpu di dalam koridor pembangunan timur – barat daya dan berkembang di kawasan sekitar Simpang Tamu.

iv. Kiamsam – aktiviti pembangunan perbandaran berkembang di kawasan sekitar Bebuloh dan Layang-layangan.


v. Guna Tanah Komited

Pembangunan komited meliputi projek-projek yang telah mendapat kelulusan pelan bangunan PBT (Perbadanan Labuan) yang masih belum dibina. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti tumpuan dan arah pembangunan di masa hadapan. Merujuk kepada penemuan semasa, kawasan pembangunan komited dalam konteks WP Labuan adalah seluas 648.67 hektar atau 6.51% daripada keluasan tanah berhakmilik di WP Labuan (Rujuk Rajah 4.7 & Jadual 4.11). Berdasarkan tren pembangunan komited, didapati tumpuan pembangunan komited adalah di kawasan koridor pembangunan sedia ada iaitu di sekitar Bandar Labuan, Bandar Simpang Tamu dan Rancha-Rancha

Jadual 4.11: Taburan Guna Tanah Komited Mengikut Kawasan

Guna Tanah	Luas (Hek.)	Luas (%)
Pusat Bandar Labuan	6.394	0.99
Kg. Rancha-Rancha	452.81	69.81
Kg. Sungai Keling	73.04	11.26
Kg. Batu Arang	15.94	2.46
Kg. Sungai Bangat	0.04	0.01
Kg. Kerupang / Nagalang	0.77	0.12
Kg. Pantai	4.02	0.62
Kg. Bukit Kallam	4.28	0.66
Kg. Durian Tunjong	0.84	0.13
Kg. Lajau	3.61	0.56
Kg. Layang-Layangan	5.39	0.83
Kg. Ganggarak / Merinding	19.11	2.95
Kg. Pohon Batu	2.73	0.42
Kg. Lubok Temiang	14.62	2.25
Kiamsam	22.32	3.44
Kg. Belukut	1.87	0.29
Kg. Sungai Buton	3.21	0.49
Kg. Sungai Bedaun	2.38	0.37
Kg. Lada	15.30	2.36
Jumlah	648.67	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 4.6:
CORAK PEMBANGUNAN SEMASA WP LABUAN




Petunjuk :

- Koridor Pembangunan Utara - Selatan
- Koridor Pembangunan Timur - Barat Daya
- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai



Rajah 4.7:
TABURAN GUNA TANAH KOMITED



Petunjuk :

- Taburan Guna Tanah Komited

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai

4.2.3 Keadaan Fizikal

Secara keseluruhannya, aspek fizikal merupakan elemen yang perlu diberi perhatian kerana ianya mempengaruhi perancangan guna tanah sesebuah kawasan. Penentuan Kawasan yang mempunyai potensi pembangunan dan batasan-batasan pembangunan dari aspek fizikal perlu diberi penekanan yang lebih khusus, Antaranya aspek ketinggian, kecerunan dan KSAS.

i. Ketinggian

Analisis ketinggian memainkan peranan yang penting dan berperanan dalam mengenalpasti, memilih, merancang dan membangunkan kawasan bertanah tinggi. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, keseluruhan kawasan WP Labuan adalah bertopografi rendah iaitu kurang daripada 150 meter. Kawasan yang mempunyai ketinggian kurang daripada 50 meter adalah seluas 9,704.78 hektar atau 97.36 %. Baki Kawasan seluas 263.08 hektar atau 2.64 % pula berketinggian melebihi 50 meter. Jadual 4.12 dan Rajah 4.8 menunjukkan penemuan semasa bagi analisis ketinggian.

Jadual 4.12: Kelas Ketinggian Mengikut Kategori

Ketinggian	Kategori Ketinggian	Luas (Hektar)	Luas (%)
0 – 50 m Tanah Rendah	- Boleh dipertimbangkan untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada Rancangan Pemajuan	9,704.78	97.36
50 - 150 m Tanah Rendah		263.08	2.64
150 - 300 m Tanah Bukit	- KSAS Tanah Tinggi Tahap 3. - Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan akan dikawal bergantung kepada ciri-ciri halangan. - Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat kecerunan <15 Darjah.	-	-
300 m - 1000 m Tanah Tinggi	- KSAS Tanah Tinggi Tahap 2. - Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan. Pembalakan mampan dan pelancongan alam semulajadi berimpak rendah akan dibenarkan bergantung kepada halangan setempat dan kecerunan tidak melebihi 25 Darjah.	-	-
> 1000 m Tanah Gunung	- Tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan, pertanian atau pembalakan kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi yang berimpak rendah, penyelidikan dan pembangunan.	-	-
	Jumlah	9,967.86	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040


ii. Kecerunan

Kestabilan cerun juga merupakan aspek yang penting di dalam perancangan, kejuruteraan dan juga pengawalan alam sekitar. Cerun yang tidak stabil akan mengakibatkan kejadian tanah runtuh, gelinciran dan lain-lain. Berdasarkan analisis kecerunan yang dijalankan didapati hampir keseluruhan kawasan WP Labuan (9,870.64 hektar atau 99.02 %) mempunyai kecerunan kurang daripada 25 darjah iaitu Kelas I dan Kelas II. Kedua-dua kelas ini dikategorikan sebagai kawasan yang dibenarkan untuk semua jenis aktiviti pembangunan. Selain itu, seluas 89.10 hektar (0.89%) adalah kawasan berkecerunan di antara 25 darjah hingga 35 darjah atau Kelas III, iaitu kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang tinggi dan memerlukan pertimbangan serta syarat-syarat pembangunan yang khusus. Baki kawasan sebanyak 8.12 hektar (0.08%) mempunyai kecerunan melebihi 35 darjah (Kelas IV), iaitu kawasan yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti pembangunan (Rujuk Jadual 4.13 dan Rajah 4.9).

Jadual 4.13: Pecahan Keluasan Kecerunan

Kecerunan	Klasifikasi Pembangunan	Rekabentuk Bangunan/Keperluan	Luas (Hektar)	Luas (%)
Kurang 15 darjah Cerun Landai	Dibenarkan Untuk Pembangunan	- Tertakluk kepada Rancangan Tempatan	9,328.06	93.58
15 - 25 darjah Cerun Beralun dan Berbukit		- Kepadatan sederhana. - Rekabentuk bangunan perlu mengikut alunan cerun bagi mengurangkan pemotongan dan kerja tanah.	542.58	5.44
25 - 35 darjah Cerun Sederhana Curam	Dibenarkan Setelah Mendapat Kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Geoteknikal	- Hanya sesuai untuk pembangunan berintensiti rendah - Aktiviti yang bersesuaian. - Cerun tanah berisiko runtuh jika melebihi 25 darjah. - Melibatkan elemen kerja tanah.	89.10	0.89
Lebih 35 darjah Cerun Curam	Tidak Dibenarkan Untuk Pembangunan	- Tidak dibenarkan sebarang pembangunan. - Kritikal untuk keselamatan bangunan dan tapak.	8.12	0.08
Jumlah			9,967.86	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 4.8:
ANALISIS KETINGGIAN



Petunjuk:

- Ketinggian Kurang 50 Meter
- Ketinggian Melebihi 50 Meter

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai



Rajah 4.9:
ANALISIS KECERUNAN



Petunjuk :

- Kecerunan Kurang 15 Darjah
- Kecerunan 15-25 Darjah
- Kecerunan 25-35 Darjah
- Kecerunan Melebihi 35 Darjah

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai

4.2.4 Analisis Kesediaan Tanah

Analisis kesediaan tanah dijalankan bagi mengenalpasti tanah yang boleh dimajukan untuk aktiviti pembangunan pada masa hadapan. Analisis kesediaan tanah pembangunan telah mengambilkira beberapa aspek atau kriteria iaitu tepubina, komited, kawasan tanah tinggi, kawasan cerun, hutan simpan, tanah kosong, pertanian, badan air dan analisis kawasan KSAS (Perincian sila rujuk Jadual 4.14, Jadual 4.15, Rajah 4.10 dan Rajah 4.11). Kriteria yang disenaraikan akan menganalisis kawasan yang boleh dibangunkan, kawasan boleh dibangunkan dengan syarat dan kawasan berhalangan.

Jadual 4.14: Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah

Kriteria	Sub-Kriteria
Tepu Bina	Perumahan, Komersial, Industri, Institusi & Kemudahan Masyarakat, Infrastruktur dan Utiliti, Kemudahan Pengangkutan & Jalan
Komited	Pelan Kebenaran Merancang
Kawasan Tanah Tinggi	Ketinggian Kurang 150 Meter Ketinggian 150 - 300 Meter Ketinggian 300 - 1,000 Meter
Kawasan Cerun	Kecerunan Kelas I, II, III & IV
Hutan Simpan	Hutan Simpan Kekal Hutan Simpan Tanah Kerajaan
Tanah Kosong	Tanah Kosong (Kawasan Pembangunan) Tanah Kosong (Tanah Tidak Diusahakan)
Pertanian	Kesemua Klasifikasi Pertanian (Tanaman, Penternakan & Akuakultur)
Badan Air	Sungai, Tasik
Analisis KSAS	KSAS Tahap 1, Tahap 2 & Tahap 3

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Berdasarkan Jadual 4.14, Kawasan yang boleh dibangunkan bagi WP Labuan adalah seluas 2,695.88 hektar iaitu 27.05% daripada keseluruhan keluasan. Kawasan yang boleh dibangunkan di WP Labuan hendaklah digunakan sebaik mungkin dengan mewujudkan pembangunan-pembangunan yang mampu menjadi pemangkin ekonomi terutamanya di Pusat Bandar Labuan yang mempunyai kemudahan serta fasiliti yang mencukupi. Selain itu, terdapat juga kawasan yang boleh dibangunkan dengan syarat seluas 6,893.86 hektar iaitu 69.16% daripada keluasan WP Labuan.


Manakala, keluasan bagi kawasan berhalangan adalah seluas 378.12 hektar iaitu 3.79% daripada keluasan keseluruhan WP Labuan. Kawasan yang tidak boleh dibangunkan adalah tanah yang berada dalam KSAS tahap 1 dan 2. Badan air juga merupakan kawasan yang tidak boleh dibangunkan. Walau bagaimanapun, ia masih boleh dibangunkan dengan aktiviti terkawal dan mematuhi syarat-syarat tertentu seperti aktiviti eko-pelancongan.

Jadual 4.15: Analisis Kesediaan Fizikal Tanah


Kesediaan Fizikal Tanah	Luas (Hek.)	Luas (%)
Kawasan Boleh Dibangunkan	2,695.88	27.05
Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat	6,893.86	69.16
Kawasan Berhalangan	378.12	3.79
Jumlah	9,967.86	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 4.10: Pecahan Kesediaan Tanah Pembangunan



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 4.11:
KESEDIAAN TANAH PEMBANGUNAN WP LABUAN



Petunjuk:

- Kawasan Boleh Dibangunkan
- Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
- Kawasan Berhalangan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air dan Pantai

4.3 Isu dan Prospek

Merujuk kepada analisis dan penemuan semasa, kawasan kajian mempunyai potensinya yang tersendiri untuk dirancang dari tahun 2020 sehingga tahun 2040. Tempoh 20 tahun ini boleh digunakan dengan merencana pelbagai perancangan samada secara fizikal atau melalui program-program yang memanfaatkan kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial kawasan kajian. Berikut merupakan perincian isu dan prospek:

i. Kawasan Pembangunan yang Bertumpu di Satu Kawasan

Pembangunan di WP Labuan lebih tertumpu di kawasan Pusat Bandar Labuan serta berhampiran dengan zon pembangunan ekonomi seperti industri dan pelabuhan iaitu Rancha-Rancha dan Kiamsam. Bagi mengatasi ketidakseimbangan pembangunan ini, pembangunan dalam kawasan pusat petempatan di WP Labuan iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang - Layang dan Bebuloh perlu diberi perhatian agar pusat petempatan ini dapat berfungsi sepenuhnya terutama dalam menawarkan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

ii. Kesediaan Tanah Kosong Pembangunan

Dalam konteks WP Labuan, sebanyak 39.08% (3,895.26 hektar) tanah kosong yang masih belum dimajukan berpotensi sebagai kawasan pembangunan masa hadapan. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kawasan yang boleh dibangunkan dan mempunyai banyak ruang untuk memangkin ekonomi WP Labuan pada masa hadapan.

iii. Peningkatan Kawasan Tepu Bina

Peningkatan kawasan tepu bina seluas 527.65 hektar terutamanya guna tanah perumahan, komersial, industri dan institusi dan kemudahan masyarakat menunjukkan terdapat peningkatan penduduk serta aktiviti ekonomi. Kewujudan kawasan khas industri yang terdapat di Rancha - Rancha dan Kiamsam yang memfokuskan kepada aktiviti industri berat yang berasaskan perkhidmatan perkapalan serta gas dan petroleum memberikan limpahan ekonomi. Bandar Labuan yang bertaraf Bandar Wilayah juga turut memainkan peranan sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa mampu menarik kehadiran pelabur sekali gus dapat menaikkan ekonomi Labuan dan meningkatkan pembangunan fizikal.

iv. Pembangunan Tambak Laut sebagai Zon Ekonomi Baru

Pembukaan kawasan tambakan di WP Labuan terutamanya di kawasan selatan (Kawasan Perindustrian Utama di Rancha-Rancha dan Kiamsam) mampu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi di WP Labuan. Walau bagaimanapun, pelbagai aspek perlu dipertimbangkan di dalam perancangan kawasan tambakan ini, misalnya seperti kawasan lanskap dan rekreasi awam, sistem sirkulasi dan agihan pecahan komponen pembangunan yang boleh dimajukan, yang mana ianya bertujuan untuk memastikan daya keboleh tahanan (*resilient*) sesebuah bandar untuk menampung kadar perbandaran bagi suatu tempoh tertentu.

4.4 Cadangan Am

i. Corak Pembangunan Masa Hadapan

Strategi pembangunan WP Labuan pada masa hadapan sehingga tahun 2040 masih bertumpu ke kawasan pembangunan di bahagian selatan serta timur Labuan. Jalan Tun Mustapha yang menghubungkan Pusat Bandar Labuan kepada Simpang Tamu mampu mengembangkan pembangunan di Labuan dan seterusnya Jalan Pohon Batu yang menghubungkan Simpang Tamu kepada Ganggarak yang terletak di utara Labuan yang membentuk koridor pembangunan utara – selatan.

Seterusnya pengembangan kawasan pembangunan di Labuan berpotensi untuk dikembangkan kepada Timur - Barat Daya Labuan. Simpang Tamu yang terletak di tengah - tengah Labuan boleh dihubungkan kepada Layang - layangan melalui Jalan Abdullah, seterusnya dihubungkan kepada Kiamsam bagi mewujudkan koridor pembangunan Timur - Barat Daya yang juga merupakan koridor pembangunan kedua di Labuan.

ii. Pengukuhan Pusat Bandar dan Pusat Perkhidmatan

Pengukuhan Pusat Bandar Labuan melalui penggunaan guna tanah yang optimum seperti menggunakan semula bangunan bangunan perniagaan yang telah ditinggalkan dan mengalakkan aktiviti pembangunan tambakan laut mampu memacu pertumbuhan ekonomi. Selain itu, penetapan sempadan yang jelas di Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh mampu meningkatkan kecekapan tadbir urus bandar seperti mengawal pembangunan, menyediakan kemudahan kepada penduduk setempat dan seterusnya dapat memastikan bandar terlibat berfungsi dengan baik sebagai pusat perkhidmatan.

iii. Merancakkan atau Menggalakan pembangunan di koridor-koridor Ekonomi

Perancangan pembangunan di koridor-koridor ekonomi WP Labuan (Koridor ekonomi, Koridor Pembangunan dan Koridor Tambakan Laut) akan memacu pertumbuhan fizikal dan ekonomi di WP labuan serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

iv. Memastikan perancangan guna tanah WP Labuan sehingga tahun 2040 dikekalkan

Pengembangan tepu bina dijangka akan mempunyai 2 koridor pembangunan iaitu Koridor Utara Selatan Labuan yang merangkumi Ganggarak – Pusat Bandar Labuan – Rancha-Rancha dan Koridor Timur – Barat Daya Labuan yang merupakan pengembangan koridor kedua di Labuan. Kedua – dua koridor pembangunan ini tidak akan menganggu Kawasan Sensitif alam Sekitar seperti Hutan paya bakau dan badan air kerana ianya sudah mempunyai akses sedia ada. Cadangan jambatan **Labuan – Menumbok** juga dilihat mampu merancakkan lagi pembangunan ekonomi Labuan kerana jambatan ini akan mampu menarik pelabur dan kedatangan pelancong serta mewujudkan interaksi atau kesalinghubungan antara bandar dari segi pembangunan ekonomi dan fizikal..

v. Pengekalan Kawasan - Kawasan Strategik dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Kewujudan industri petroleum dan gas telah memacu ekonomi WP Labuan ke tahap yang lebih tinggi di dalam masa yang singkat. Kedudukan Kawasan Perindustrian Rancha – Rancha dan Kiamsam yang berasaskan industri berat seperti aktiviti petroleum dan gas mempunyai kedudukan yang strategik di samping terletak berhampiran dengan kawasan perairan dan terletak di dalam wilayah petroleum dan gas Sabah – Sarawak – Brunei Darussalam.

Selain berfungsi sebagai nilai sokongan hidup kepada kepelbagaian biologi, pengekalan KSAS juga mampu menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi Labuan melalui pelancongan kegiatan akonomi pasif iaitu eko-pelancongan.

Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

BAB

05



Petempatan Bandar



Bandar Labuan
(Jalan Okk Awang Besar)

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Petempatan Bandar

Petempatan bandar merupakan kawasan yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan terutamanya aktiviti ekonomi. Selain itu, petempatan bandar juga merupakan pusat aktiviti dan kemudahan bagi keperluan penduduk. Kawasan bandar merupakan tempat pembangunan sosial di mana penduduk dapat berinteraksi melalui pekerjaan, pembelajaran, aktiviti perniagaan, perkhidmatan kerajaan dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan. Kawasan pusat bandar pula adalah kawasan perancangan sesuatu bandar yang meliputi kawasan perniagaan, pentadbiran, institusi dan kemudahan awam.

Setiap bandar adalah berbeza dari aspek fungsi, komposisi guna tanah serta perkhidmatan yang boleh ditawarkan. Bandar Labuan turut mempunyai keunikan dan peranannya yang tersendiri sebagai pemacu perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Labuan. Sehubungan itu, kajian bagi petempatan bandar yang jelas membantu bagi pengurusan, kawalan dan perancangan bandar, selaras dengan objektif perancangan Labuan. Sehubungan itu, berikut merupakan perincian penilaian pencapaian dasar sektoral yang telah digariskan melalui Rancangan Struktur Labuan 2030 dalam merencana halatuju pembangunan Labuan.

5.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor petempatan bandar melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor petempatan bandar seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.1 hingga 5.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 5.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar.

Tonggak III : Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang		
Bidang Fokus	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah.	A3 : Menggalakkan bandar yang berdaya saing	- Kadar perbandaran bagi WP Labuan adalah tertumpu di kawasan pusat Labuan sahaja - Berlaku ketidakseimbangan pembangunan bandar wilayah dan bandar tempatan - Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menambah baik potensi bandar bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi - Penambahbaikan perkhidmatan bandar melalui pembangunan Pusat transformasi bandar (UTC) - Potensi Labuan sebagai Zon Promosi pelancongan dimanfaatkan bagi mewujudkan peluang pekerjaan - Keperluan penekanan tumpuan bagi mengoptimumkan sumber kedapatan tanah seperti pembangunan tanah kosong

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 5.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar.

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1 : Pertumbuhan Bandar yang Seimbang	PD 1.1 : Memperkukuhkan Kawasan Pertumbuhan	- WP Labuan merupakan kawasan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) yang dikenalpasti sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi - Inisiatif pembangunan bagi mengukuhkan ekonomi Labuan telah dilaksanakan oleh pihak PL seperti mewujudkan Kompleks Ujana Kewangan Labuan serta mengukuhkan fungsi Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) - Penyediaan kemudahan ICT, rangkaian perhubungan dan infrastruktur yang mencukupi - Penyediaan kemudahan awam seiring dengan keperluan setempat

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 5.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar. (samb.)

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
	PD 1.2 : Mempertingkatkan Daya Saing Bandar	- Pembangunan lebih tertumpu di bandar Labuan, manakala 4 bandar tempatan belum dibangunkan sepenuhnya - Berlaku ketidakseimbangan pembangunan antara bandar tempatan dan bandar wilayah - Potensi dan sumberjaya bandar Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh tidak ditonjolkan dengan jelas - Fungsi dan peranan bandar tempatan perlu diperkasakan bagi menyokong bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 2 : Perancangan Guna Tanah Holistik	KD 2.3 : Mengurus Pertumbuhan dan Rebakan Pembangunan	- Pengukuhan sempadan bandar melalui penetapan sempadan pertumbuhan bandar (UGB) dan sempadan pembendungan bandar (UCB) - Dasar ini belum tercapai sepenuhnya berikutan bandar tempatan tiada sempadan dan fokus pembangunan yang jelas. - Keperluan penetapan semula sempadan bandar yang jelas dan diwartakan bagi tujuan perancangan, kawalan pembangunan serta kutipan hasil yang lebih berkesan
KD 3 : Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan	KD 3.1 : Mewujudkan Bandar dan Pembangunan Berkarbon Rendah	- Status pencapaian indeks kemampanan MURNInets 2,0 bagi tahun 2019 bagi WP Labuan menunjukkan indeks sederhana mampan, 77.10% (sumber MURNInets 2.0) - Labuan diisytiharkan sebagai Pulau Rendah Karbon pada tahun 2017 berikutan kurang penggunaan air dan tenaga elektrik - Pihak PL menjalankan Program *Car Free Day* bagi mendidik penduduk ke aras sebuah bandar rendah karbon - Program Penghijauan Malaysia bertemakan Wilayah Hijau Wilayah Lestari dengan sasaran penanaman 100,000 pokok bagi WP Labuan (sumber : bharian.com.my, 2021)

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 5.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar.

Prinsip 1 : Tadbir Urus Bandar yang baik

Objektif	Strategi	Pencapaian
1.2 : Penentuan Sempadan Bandar	1.2.1 : Penentuan sempadan bagi setiap bandar yang dikenalpasti	- Bandar Labuan selaku hierarki bandar wilayah telah ditetapkan sempadan bandar yang jelas - Sebaliknya 4 bandar bagi hierarki bandar tempatan masih tidak mempunyai sempadan bandar yang jelas - Penentuan sempadan bandar akan membantu PL untuk memfokuskan pembangunan di bandar di samping mengoptimumkan potensi sumberjaya dan ciri-ciri unik sebuah bandar

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 5.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar (samb.)

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.6 : Peningkatan Gaya Hidup Sihat dan Rendah Karbon	2.6.1 : Pengukuhan Kawasan bandar sebagai pusat riadah dan rekreasi	- Perancangan program lebih tertumpu di bandar Labuan - Antaranya Program *Car Free Day* bagi mendidik penduduk ke aras sebuah bandar rendah karbon - Menggalakkan gaya amalan hidup cergas dan gaya hidup hijau melalui pelaksanaan program-program bandar hijau dan rendah karbon - Program Penghijauan Malaysia bertemakan Wilayah Hijau - Penyediaan kemudahan Kompleks Sukan Labuan bagi kegunaan komuniti Labuan

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 5.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Petempatan Bandar

Teras Persekitaran Kondusif dan Harmoni		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P3 - Labuan Berperanan Sebagai Pusat Separa Wilayah dan Disokong dengan Pusat Petempatan Kecil	P3 – CA1 Mengukuhkan fungsi Bandar Labuan sebagai Pusat Separa Wilayah dari segi meningkatkan penyediaan ICT dan kemudahan penyelidikan peringkat tinggi serta kemudahan MICE.	- Capaian telekomunikasi di Labuan sedia ada adalah baik. - Hampir 97% kawasan Labuan telah mendapat liputan 4G LTE. - Keperluan penaiktarafan kepada liputan 5G bagi mengukuhkan aspek telekomunikasi termasuk penyediaan peralatan dan teknologi yang menyokong fungsi tersebut - Penyediaan kemudahan MICE dipertingkatkan oleh pihak PL dan swasta di Ujana Kewangan, Dorsett Grand Labuan, Palm Beach Resort and Spa dan Tiara Resort Labuan.
	P3 – CA2 Mewujudkan Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur/utiliti yang setara dari segi kuantiti dan kualiti.	- DPN2 membuat penempatan semula hierarki bandar iaitu Pusat Petempatan Kecil (PPK) digugurkan dari hierarki dan Pusat Petempatan Utama (PPU) dinamakan sebagai Bandar Tempatan - 4 bandar tempatan tersebut iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh kurang menonjol dari aspek pembangunan dan aktiviti ekonomi - Wujud jurang pembangunan dan ekonomi yang besar di antara bandar wilayah dan bandar tempatan

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 5.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Bandar.

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
3 : Quality Living	*ST – QL5* *Strategic Thrust 5: Adopting and Implementing Crime Prevention Though Environmental Design (CPTED)*	- Kawasan terutamanya kawasan pusat bandar menekankan pembangunan ke arah bandar selamat - Konsep ini adalah selaras dengan konsep pembangunan bandar pintar yang ditonjolkan oleh PL. - Elemen CPTED seperti pengasingan laluan pejalan kaki dan peningkatan pencahayaan di pusat bandar telah dilaksanakan oleh pihak PL.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

5.2 Penemuan Semasa

Bandar didefinisikan sebagai '**kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih**; atau **kawasan pembangunan khusus**; atau **pusat pentadbiran daerah walaupun penduduk kurang daripada 10,000 orang** dan sekurang-kurangnya **60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.'**

Sumber: Diubahsuai daripada Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2)

DPN2 telah mengenal pasti dan membahagikan kawasan bandar-bandar ini kepada lima (5) peringkat hierarki bandar yang berbeza-beza berdasarkan fungsi dan peranan bandar berkenaan. Bagi aspek WP Labuan, **terdapat lima (5) buah bandar** yang telah dikenal pasti berpotensi dan menjadi tumpuan pembangunan dan petempatan penduduk.

Setiap bandar di WP Labuan pada asasnya mempunyai fungsi umum, iaitu merujuk kepada fungsi asas bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial. Pertumbuhan bandar dan ekonomi bagi bandar-bandar di WP Labuan secara umumnya dipacu oleh sektor perniagaan dan perumahan.

5.2.1 Hierarki dan Fungsi Bandar WP Labuan

Penemuan kajian petempatan bandar mendapati terdapat lima (5) buah pusat petempatan iaitu 1 buah bandar wilayah dan 4 buah bandar tempatan sedia ada yang telah dikenal pasti sebagai pusat petempatan utama di WP Labuan. Berikut merupakan perincian hierarki bandar bagi WP Labuan (Rujuk Rajah 5.1 dan 5.2).

Rajah 5.1 : Perincian Hierarki Bandar WP Labuan

1 Bandar Wilayah	4 Bandar Tempatan
Bandar Wilayah **Bandar Labuan**	Bandar Tempatan **i. Simpang Tamu** **ii. Ganggarak** **iii. Layang-Layangan** **iv. Bebuloh**

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Pusat Bandar Labuan telah dikenalpasti sebagai kawasan tumpuan utama pembangunan ekonomi Labuan di samping fungsinya sebagai pusat pentadbiran bagi WP Labuan.

Antara kriteria bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah adalah seperti berikut :

i. **Pelbagai perkhidmatan kewangan antarabangsa terutamanya dalam bidang kewangan, insurans, perbankan, perakaunan dan pemasaran**
ii. **Ibu pejabat, syarikat-syarikat multinasional**
iii. **Kewujudan ibu pejabat kewangan dan institusi kewangan utama**
iv. **Mendominasi perdagangan dan ekonomi kawasan sekitar yang menjangkau wilayah**
v. **Peratusan penduduk yang tinggi bekerja dalam sektor-sektor perkhidmatan dan maklumat**
vi. **Perhubungan laut dan udara antarabangsa yang meluas**

Sumber: Diubahsuai daripada Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2)

4 pusat petempatan iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh dikenal pasti sebagai Bandar Tempatan bagi menyokong fungsi dan perkembangan ekonomi Pusat Bandar Labuan yang berperanan selaku Bandar Wilayah. RFN3 mewujudkan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah. Cadangan ini adalah merangkumi keseluruhan hierarki bandar bagi WP Labuan termasuk bandar wilayah dan bandar tempatan.

ZPP ini memfokuskan pembangunan ke arah menjadikan WP Labuan sebagai :

i. Pusat Pentadbiran Negeri
ii. Pusat Perdagangan dan Kewangan
iii. Aktiviti Perindustrian (Minyak & Gas dan Hab Halal)
iv. Aktiviti Pelancongan
v. Pengangkutan, Perhubungan dan Logistik

Tinjauan awal mendapati peranan Labuan sebagai Pusat Perkhidmatan Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa (IBFC) serta ZPP menjadi faktor pendorong pemajuan pembangunan di WP Labuan. Walaubagaimanapun, impak pembangunan tersebut lebih tertumpu di bandar Labuan, menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan. Kesannya pembangunan di kawasan bandar tempatan agak perlahan dengan peningkatan guna tanah dan tepu bina bandar yang agak kecil.

Bandar Labuan pada awalnya lebih dikenali sebagai bandar Victoria, bermula sebagai sebuah perkampungan nelayan kecil bahagian tenggara pulau dan berkembang menjadi bandar pelabuhan sekitar tahun 1846. Bandar Labuan terus berkembang maju dengan arus pemodenan dan Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan (1984), Pulau Bebas Cukai (1956) dan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (IOFC) pada tahun 1990.

Pembangunan kawasan bandar Labuan memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi setempat dan menjadi faktor utama perkembangan pusat-pusat petempatan di WP Labuan. Pembukaan kawasan pembangunan baru ini seterusnya diselaras dan ditetapkan sebagaimana DPN2 sebagai hierarki bandar tempatan, bagi menyokong fungsi dan peranan bandar Labuan sebagai bandar wilayah.

Walau bagaimanapun tinjauan mendapati sempadan bandar yang diwartakan ini adalah kecil dan tidak relevan lagi dengan pembangunan dan pemodenan Bandar Labuan yang semakin pesat membangun. Pemakaian sempadan bandar baru yang lebih luas adalah bertujuan untuk :

i. Pengukuhan kawasan pentadbiran dan pengurusan bandar
ii. Penjanaan pendapatan melalui hasil cukai
iii. Meningkatkan harga pasaran hartanah
iv. Tahap keselesaan dan kualiti hidup

Bagi tujuan analisis sempadan bandar, pemakaian titik pusat bandar diguna pakai bagi tujuan mengenal pasti kawasan liputan perkhidmatan bandar serta kawasan-kawasan yang berpotensi untuk pembangunan akan datang.

Perincian perletakkan pusat bandar mengikut hierarki bandar bagi WP Labuan ditunjukkan di dalam Jadual 5.6).

Jadual 5.6 : Analisis Guna Tanah Semasa Mengikut Hierarki Bandar WP Labuan

Bil.	Nama Bandar	Titik Pusat Bandar
1	Bandar Labuan	Menara PL, kawasan komersial pusat Bandar Labuan
2	Simpang Tamu	Kawasan komersial Longhouse Sg. Bangat, bersebelahan Hospital Labuan dan Institut Latihan Perindustrian
3	Ganggarak	Kawasan komersial Ganggarak Permai
4	Layang-Layangan	Kawasan komersial Layang-Layangan
5	Bebuloh	IKS baharu, Kg Bebuloh

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Pemandangan Bandar Labuan sekitar tahun 1984



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Pemandangan Bandar Labuan pada tahun 2020



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 5.2
PELAN HIERARKI BANDAR



Petunjuk :

- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

5.2.2 Analisis Sempadan Bandar Sediada

Sempadan bandar adalah penting bagi **memudahkan pentadbiran dan pengurusan sesuatu bandar** di samping membantu pihak Perbadanan Labuan bagi **menetapkan kawasan yang boleh dibangunkan** dan **kawasan yang perlu dikekalkan sebagai kawasan hijau**.

Konsep **Sempadan Pertumbuhan Bandar** / *Urban Growth Boundary* (UGB) dan **Sempadan Pembendungan Bandar** / *Urban Containment Boundary* (UCB).

UGB merupakan garisan yang mengelilingi kawasan bandar sedia ada yang menjadi pemisah kawasan pembangunan dan tidak dibangunkan. UCB pula merupakan satu garisan yang mengelilingi kawasan bandar sedia ada untuk menghadkan pembangunan perbandaran. Had sempadan UGB dan UCB membantu pihak Perbadanan Labuan dalam :

i. Meningkatkan kebolehlaksanaan dan daya maju pengangkutan awam dengan penumpuan pembangunan
ii. Perancangan pembangunan bercampur
iii. Mengoptimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada dan mengurangkan kos infrastruktur baru
iv. Meningkatkan aktiviti dan kegiatan pusat bandar
v. Pengekalan kawasan tertentu seperti pertanian, hutan, kawasan lapang dan rekreasi
vi. Penentuan perancangan pembangunan akan datang

Pelan sempadan bandar sedia ada mengikut hierarki petempatan mendapati hanya pusat **Bandar Labuan sahaja yang telah mempunyai sempadan** *(sila rujuk Rajah 5.3 dan Jadual 5.7).* Manakala bagi hierarki **Bandar Tempatan** yang melibatkan empat (4) bandar iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh masih **belum dicadangkan sebarang sempadan pertumbuhan banda**r dan tidak jelas had sempadan pertumbuhannya. Sempadan bandar yang tidak jelas menyukarkan pelaksanaan penguatkuasaan dan keberkesanan urus tadbir.

Bagi sempadan bandar Labuan, tinjauan mendapati terdapat 4 pelan sempadan bandar sedia ada yang telah disediakan dan digunapakai iaitu :

i. Pewartaan sempadan warta di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961**, 59.00 hektar**
ii. Sempadan bandar kajian **DOSM, 454.34 hektar**
iii. Sempadan pusat bandar kajian **RT Labuan 2030, 154.30 hektar**
iv. Sempadan bandar sedia ada **Perbadanan Labuan, 900.30 hektar**


Semakan pelan sempadan bandar Labuan sedia ada di peringkat pentadbir tanah menunjukkan **hanya bandar Labuan mempunyai sempadan bandar yang diwarta**. Namun sempadan tersebut adalah kecil dan tidak menggambarkan keadaan semasa. Bagi tujuan analisis petempatan bandar Labuan, sempadan yang diguna pakai adalah **sempadan bandar sedia ada berdasarkan kajian Perbadanan Labuan yang berkeluasan 900.30 hektar.**

Jadual 5.7 : Keluasan Sempadan Pertumbuhan Bandar Sedia ada bagi WP Labuan

Bil.	Hierarki Bandar	Nama Bandar	Keluasan (Hektar)
1	**Bandar Wilayah**	**Bandar Labuan**	**900.30**
2	Bandar Tempatan	Simpang Tamu	Tiada Sempadan
3	Bandar Tempatan	Ganggarak	Tiada Sempadan
4	Bandar Tempatan	Layang-Layangan	Tiada Sempadan
5	Bandar Tempatan	Bebuloh	Tiada Sempadan

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Nota :
i. Anggaran sempadan pertumbuhan bandar di dalam radius 500 meter dari pusat bandar (*)
ii. Bandar Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh tidak mempunyai sempadan bandar yang diwartakan



Rajah 5.3
PELAN ANALISIS SEMPADAN BANDAR WP LABUAN



Petunjuk :

- Analisis Sempadan Bandar Wilayah
- Analisis Sempadan Bandar Tempatan
- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan
- Kawasan Liputan Bandar 500 meter

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

5.2.3 Analisis Pusat Petempatan Bandar

i. Analisis Guna Tanah Semasa Bandar

DPN2 menggariskan kriteria kawasan bandar seharusnya memiliki **kawasan tepu bina 60 peratus** atau lebih dari jumlah keluasan sempadan pertumbuhan bandar. Bagi kawasan kajian WP Labuan, hanya bandar Labuan mempunyai sempadan sedia ada yang jelas manakala 4 bandar tempatan di nilai peratusan kawasan tepu bina menggunakan **anggaran sempadan keluasan 500 meter radius** daripada pusat ekonomi utama bandar tempatan berkenaan. Faktor kelas guna tanah dan bentuk lot *kadaster* yang terlibat turut di ambil kira dan dinilai di dalam analisis ini.

Analisis guna tanah tepu bina menunjukkan hanya hierarki Bandar Wilayah iaitu bandar Labuan menunjukkan kawasan tepu bina 81.51 peratus, mencapai sasaran kriteria sebagai sebuah bandar (Rujuk Jadual 5.8). Bandar Labuan memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran bagi kawasan WP Labuan dan merupakan kawasan tumpuan utama bagi perkembangan ekonomi. Sehubungan itu, guna tanah tepu bina utama yang mendominasi bandar Labuan adalah pengangkutan (33 peratus) serta institusi dan kemudahan masyarakat (30 peratus).

Kawasan bandar Labuan juga aktif dari aspek aktiviti ekonomi di mana WP Labuan merupakan zon ekonomi bertaraf antarabangsa dan terkenal melalui ***Labuan International Business and Financial Centre (Labuan IBFC)*** dengan keluasan bagi guna tanah komersial (9 peratus) dan perumahan (8 peratus) mencatatkan jumlah peratusan yang agak tinggi bagi menyokong aktiviti ekonomi setempat.

Manakala 4 bandar tempatan mencatatkan tepu bina kurang dari sasaran 60 peratus tepu bina yang ditetapkan oleh DPN2 dengan peratusan tepu bina Simpang Tamu (52.25 peratus), Ganggarak (58.27 peratus), Layang-Layangan (45.31 peratus) dan Bebuloh (17.28 peratus). Daripada peratusan tepu bina tersebut, bandar Simpang Tamu dan bandar Ganggarak hampir mencapai kriteria bandar sebagaimana sasaran DPN2 dengan masing-masing kekurangan 7.75 peratus (9.35 hektar) dan 1.73 peratus (1.72 hektar) kawasan tepu bina.

Berdasarkan tinjauan pembangunan semasa, corak pembangunan dan aktiviti ekonomi bagi bandar tempatan adalah seperti berikut :

i. Simpang Tamu (pusat perniagaan dan kemudahan
ii. Ganggarak (pusat perniagaan , perumahan dan kemudahan Pendidikan)
iii. Layang-Layangan (pelancongan dan kemudahan)
iv. Bebuloh (kemudahan, logistik perikanan & IKS)

Sehubungan itu, fokus pembangunan yang strategik harus ditekankan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi semasa di bandar tempatan bagi mencapai kriteria 60 peratus tepu bina yang ditetapkan. Berdasarkan analisis tinjauan, bandar Simpang Tamu dan bandar Ganggarak berpotensi mencapai sasaran tersebut sebaliknya bandar Layang-Layangan dan bandar Bebuloh perlu diberikan penekanan bagi perancangan dan pembangunan strategik baru.

Jadual 5.8 : Analisis Guna Tanah Semasa Mengikut Hierarki Bandar WP Labuan

Hierarki	Luas (hektar)	Tebu Bina		Bukan Tepu Bina		Tepu Bina 60%
		Hektar	Peratus	Hektar	Peratus	Ya / Tidak
Bandar Labuan	**900.30**	**733.79**	**81.51**	**166.51**	**18.50**	**Ya**
Simpang Tamu	120.60*	63.01	52.25	47.75	47.75	Tidak
Ganggarak	99.52*	57.99	58.27	42.53	41.73	Tidak
Layang-Layangan	78.90*	35.75	45.31	43.15	54.69	Tidak
Bebuloh	66.75*	11.53	17.28	55.22	82.72	Tidak

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Nota :
i. Anggaran sempadan pertumbuhan bandar di dalam radius 500 meter dari pusat bandar (*)
ii. Bandar Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh tidak mempunyai sempadan bandar yang diwartakan

Tinjauan bagi guna tanah WP Labuan menunjukkan fokus pembangunan lebih tertumpu di kawasan pusat bandar Labuan, dan merebak ke kawasan penempatan sekitar melalui jalan-jalan utama yang menjadi penghubung antara bandar wilayah ke bandar-bandar tempatan. Trend ini dilihat akan menjadi potensi bagi penggerak pembangunan akan datang bagi bandar Labuan. Penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap akan membantu merancakkan lagi pembangunan dan perkembangan bandar.

Penekanan guna tanah utama bagi bandar-bandar di WP Labuan dapat dirumuskan kepada aktiviti seperti berikut :

Bandar Labuan

i. Tumpuan utama kawasan komersial di WP Labuan
ii. Halatuju ekonomi jelas dengan ekonomi dipengaruhi oleh peranan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) yang utama di Asia Pasifik
iii. Ia menawarkan pelbagai struktur perniagaan dan pelaburan untuk memudahkan urus niaga rentas sempadan, urusan perniagaan dan keperluan pengurusan harta serta sektor digital. Ia juga digunakan oleh bank-bank Malaysia dan asing untuk memudahkan pertumbuhan pinjaman dan aset berkaitan dengan rantau Asia
iv. Potensi jaringan pengangkutan dan perhubungan (lapangan terbang, terminal feri, pelabuhan dan sistem jaringan jalan raya yang efisien) yang menghubungkan bandar Labuan ke kawasan petempatan sekitar
v. Tarikan kemudahan awam dan bangunan kerajaan yang pelbagai (terminal feri, lapangan terbang, muzium, kompleks sukan)
vi. Kemudahan asas seperti sekolah, klinik dan dewan orang ramai adalah lengkap dan mencukupi

Bandar Simpang Tamu

i. Kawasan komersial terhad. Ketiadaan pusat pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memacu halatuju dan perkembangan bandar
ii. Kawasan penempatan penduduk utama
iii. Dilengkapi pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur seperti (Hospital Labuan, Kompleks Sukan, Institut Latihan Perindustrian Labuan)
iv. Potensi kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap menjadi tarikan bagi penempatan penduduk di bandar ini
v. Kemudahan asas seperti sekolah rendah, sekolah menengah, klinik kesihatan, masjid, rumah ibadat bukan Islam dan dewan orang ramai adalah lengkap dan mencukupi

Bandar Ganggarak

i. Kawasan komersial terhad. Ketiadaan pusat pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memacu halatuju dan perkembangan bandar
ii. Kemudahan Pendidikan utama seperti Kolej Matrikulasi Labuan menjadi faktor penarik petempatan penduduk di bandar ini.
iii. Kemudahan asas seperti sekolah rendah, sekolah menengah, klinik kesihatan, masjid, rumah ibadat bukan Islam dan dewan orang ramai adalah lengkap dan mencukupi
iv. Potensi bandar Ganggarak sebagai kawasan persinggahan bagi tujuan pelancongan. Ini berikutan bandar ini berdekatan tarikan pelancongan Batu Manikar seperti Pantai Pohon Batu dan Pantai Batu Manikar.
v. Potensi kawasan penempatan yang memfokuskan golongan ekspatriat sebagai Rumah Kedua.
vi. Tahap kemudahsampaian yang tinggi ke bandar Simpang Tamu, bandar Labuan dan bandar Layang-Layangan.

Bandar Layang-Layangan

i. Kawasan komersial terhad dan kecil. Ketiadaan pusat petumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memacu halatuju dan perkembangan bandar
ii. Kemudahan asas seperti sekolah rendah, sekolah menengah, klinik kesihatan, masjid, rumah ibadat bukan Islam dan dewan orang ramai adalah lengkap dan mencukupi
iii. Potensi kawasan pelancongan seperti Pantai Layang-Layangan dan Taman Damai dan Anjung Budaya.
iv. Potensi kawasan penempatan yang memfokuskan golongan ekspatriat sebagai Rumah Kedua.
v. Tahap kemudahsampaian yang tinggi ke bandar Simpang Tamu, bandar Ganggarak dan bandar Bebuloh.

Bandar Bebuloh

i. Kawasan komersial terhad dan kecil. Ketiadaan pusat pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memacu halatuju dan perkembangan bandar
ii. Kemudahan asas seperti sekolah rendah, sekolah menengah, klinik kesihatan, masjid, rumah ibadat bukan Islam dan dewan orang ramai adalah lengkap dan mencukupi
iii. Kawasan penempatan terdiri daripada penempatan kampung dengan corak penempatan berselerak. Potensi pembukaan kawasan penempatan baru bagi pekerja kawasan perindustrian Kiamsam dan Rancha-rancha
iv. Potensi perusahaan IKS dan produk pengumpulan IKS. Pengukuhan ekonomi bandar Bebuloh untuk skala pengeluaran yang lebih tinggi dan kaedah pemasaran agro

ii. Analisis Sempadan Pertumbuhan Bandar

Berhubung analisis pertumbuhan bandar di WP Labuan, analisis adalah hanya boleh dijalankan bagi hierarki Bandar Wilayah sahaja iaitu Bandar Labuan berikutan **4 bandar tempatan lain masih belum mempunyai sempadan bandar.** Penentuan sempadan bandar secara asasnya membantu pihak berkuasa tempatan bagi mengawal rebakan bandar secara efisien, selain mempergiatkan perkembangan ekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur adan utiliti yang cekap.

Guna tanah tepu bina bagi Bandar Labuan pada tahun 2010 mencatatkan keluasan 701.34 hektar. Dalam jangka masa 10 tahun, jumlah ini telah **meningkat kepada 733.79 hektar** menjelang tahun 2020. Ini menjadikan **kadar urbanisasi** bagi Bandar Labuan untuk tahun 2020 adalah **sebanyak 81%.** Hasil tinjauan mendapati jumlah tersebut telah **mencapai sasaran kadar urbanisasi** yang ditetapkan sebagaimana RFN3 iaitu sebanyak 77%, dengan **lebihan kadar urbanisasi sebanyak 4%.**

Hasil analisis menunjukkan berlaku **peningkatan tepu bina** guna tanah sebanyak **32.44 hektar** iaitu **4.63 peratus (%)** dari guna tanah tepu bina di Labuan. Jumlah peningkatan ini menunjukkan perubahan tepu bina yang agak memberangsangkan di mana **peratus pertumbuhan tahunan bagi Bandar Labuan** adalah **0.46 peratus** (Rujuk Jadual 5.9). **Peningkatan tepu bina guna tanah sebanyak 4.63 peratus** dengan **purata peratus pertumbuhan tahunan 0.46 peratus** menunjukkan Labuan sebagai bandar yang berdaya tahan dan berpotensi tinggi untuk terus berkembang. Peningkatan ini juga **mengukuhkan peranan Labuan sebagai Bandar Wilayah, sebagaimana ketetapan perancangan dasar P3-CA1.**

Bagi aspek bandar tempatan, bandar Ganggarak mencatatkan peningkatan tepu bina yang paling ketara iaitu 40.16 peratus dengan keluasan pembangunan 16.62 hektar. Ini berikutan pembangunan baru kawasan perumahan di Ganggarak. Bagi bandar Bebuloh, walaupun perubahan tepu bina mencatatkan peningkatan 23.68 peratus, namun pada asasnya hanya sebahagian kecil iaitu 1.42 hektar sahaja yang dibangunkan dalam jangka masa 10 tahun dan melibatkan kawasan perumahan sesebuah sahaja. Manakala bandar Simpang Tamu dan Layang-Layangan menunjukkan peningkatan tepu bina yang agak rendah (3.66 peratus dan 4.76 peratus) namun masih berpotensi untuk pemajuan pembangunan berikutan kewujudan tanah kosong yang masih luas di kawasan bandar berkenaan.

Cadangan sempadan bandar baru yang lebih inklusif adalah diperlukan pada peringkat ini bagi mengukuhkan perancangan di kawasan bandar, selaras dengan hasrat dan halatuju Perbadanan Labuan dalam merangka dan merencana pembangunan spatial yang lebih holistik dan kondusif.

Info Ringkas

Kadar Urbanisasi Bandar

77% Sasaran kadar urbanisasi berdasarkan RFN3

81% Pencapaian semasa kadar urbanisasi Bandar Labuan

Jadual 5.9 : Peratus Pertumbuhan Bandar (Tepu Bina) di Labuan bagi Tahun 2010 dan 2020

Bil.	Hierarki Bandar	Nama Bandar	2010 Hektar	2020 Hektar	Peningkatan Hektar	Peningkatan Peratus	Pertumbuhan Tahunan (%)
1	**Bandar Wilayah**	**Bandar Labuan**	**701.35**	**733.79**	**32.44**	**4.63**	**0.46**
2	Bandar Tempatan	Simpang Tamu	60.79	63.01	2.22	3.66	0.37
3	Bandar Tempatan	Ganggarak	41.37	57.91	16.62	40.16	4.02
4	Bandar Tempatan	Layang-Layangan	31.47	35.75	1.62	4.76	0.48
5	Bandar Tempatan	Bebuloh	6.01	7.44	1.42	23.68	2.37

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Nota :
i. Anggaran sempadan pertumbuhan bandar di dalam radius 500 meter dari pusat bandar
ii. Bandar Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh tidak mempunyai sempadan bandar yang diwartakan

iii. Analisis Demografi Petempatan Bandar

Dalam konteks petempatan bandar, hasil analisis mendapati hanya hierarki bandar wilayah iaitu Bandar Labuan mencapai kriteria bandar dari aspek bilangan penduduk dengan jumlah **10,322 orang**. Jumlah ini adalah berdasarkan jumlah penduduk yang diperoleh mengikut pecahan kawasan bancian dan dinilai semula berdasarkan **sempadan Bandar Labuan** yang berkeluasan **900.30 hektar** (9.003 kilometer persegi).

Saiz populasi penduduk Bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah adalah tidak mencapai kriteria DPN2 untuk populasi penduduk seramai 1.5 juta hingga 3.5 juta. Walau bagaimanapun, fungsi hierarki petempatan bandar Labuan adalah disokong dengan kriteria lain seperti menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan antarabangsa. WP Labuan merupakan zon ekonomi bertaraf antarabangsa dan terkenal melalui Labuan *International Business and Financial Center* (Labuan IBFC).

Selain itu, kepadatan penduduk bagi petempatan bandar Labuan menunjukkan densiti yang amat padat iaitu **1,146 orang setiap kilometer persegi**. Ini menunjukkan penumpuan penduduk di kawasan bandar yang padat jika dibandingkan dengan data kepadatan penduduk Labuan oleh **Jabatan Perangkaan (2010)** iaitu **937 orang setiap kilometer persegi** *(rujuk Jadual 5.10).* Berdasarkan perbandingan kepadatan penduduk di dalam Malaysia, unjuran Jabatan Perangkaan berdasarkan jumlah bancian penduduk adalah yang keempat (ke-4) tertinggi.

Kepadatan penduduk ini menunjukkan kepentingan bandar Labuan di samping menjadi pusat kegiatan ekonomi utama, ia juga menawarkan peluang pekerjaan bagi penduduk sekitar berserta kemudahan dan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti.

Jadual 5.10 : Keluasan dan Kepadatan Penduduk Mengikut Negeri 1980, 1991, 2000 dan 2010 bagi Malaysia

Negeri	Keluasan 2010 (km persegi)	Kepadatan Penduduk (setiap km persegi)		
		1991	2000	2010
MALAYSIA	**330,833**	**53**	**67**	**83**
WP Kuala Lumpur	243	4,713	5,374	6,696
WP Labuan	**91**	**596**	**779**	**937**
WP Putrajaya	49	117	235	1,387

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

Bagi hierarki bandar tempatan, 4 bandar tersebut masih tidak mencapai kriteria penduduk bandar 10,000 orang sebagaimana yang digariskan di dalam DPN2 dan mencatatkan jumlah penduduk kurang daripada 5,000 penduduk (1,700 penduduk hingga 4,399 penduduk). *Sila rujuk Jadual 5.11.*

Selaras dengan hasrat **Perbadanan Labuan (PL)** bagi mewujudkan pusat petempatan bandar hierarki bandar petempatan bagi menyokong fungsi bandar Labuan sebagai bandar Wilayah, fokus pertumbuhan pembangunan perlu dipergiatkan lagi bagi merancakkan pembangunan bandar. Dalam usaha meningkatkan jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar tempatan tersebut, beberapa strategi pembangunan yang berkesan hendaklah dirangka dan dirancang mulai sekarang. Projek-projek berimpak tinggi, penawaran kawasan kediaman yang selesa, peluang pekerjaan, liputan perkhidmatan dan kemudahan awam yang mencukupi akan membantu menarik minat golongan pekerja mahir dan penduduk setempat.

Jadual 5.11 : Kepadatan Penduduk WP Labuan mengikut Hierarki Bandar

Hierarki Bandar	*Anggaran Penduduk (orang)	Kepadatan penduduk (km persegi)
Bandar Labuan	**10,322**	**1,146**
Simpang Tamu	1,861	1,543
Ganggarak	3,634	3,651
Layang-Layangan	1,650	2,091
Bebuloh	605	906

Sumber : Diubahsuai daripada Blok Banci (EB) Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

Nota :

i. Anggaran penduduk yang dinyatakan adalah berdasarkan jumlah penduduk Blok Banci (EB) dan jumlah bilangan rumah yang terdapat di dalam kawasan sempadan pertumbuhan bandar

iv. Analisis Risiko Bencana Bandar

Tinjauan mendapati kawasan bandar Labuan turut menghadapi ancaman kawasan berisiko bencana. Kawasan berisiko ini yang berada di kawasan bandar adalah perlu untuk diberikan penekanan bagi menjamin kesejahteraan bandar berikutan fungsi dan peranan bandar sebagai pusat ekonomi dan pembangunan utama tidak terganggu. PL selaku pentadbir WP Labuan sentiasa memantau kawasan berisiko ini di samping mengambil langkah mitigasi bagi mengelakkan berlakunya bencana di kawasan bandar.

Antara risiko-risiko bencana yang telah dikenalpasti adalah :

a. Risiko banjir
b. Hakisan pantai
c. Tanah runtuh
d. Bencana gempa dan tsunami
e. Risiko kawasan industri
f. Risiko kawasan penerbangan

a. Bandar Labuan

Penilaian tinjauan bagi bandar Labuan mendapati bandar ini menghadapi ancaman dari aspek tiga risiko bencana yang merangkumi aspek bencana banjir, risiko kawasan penerbangan dan risiko hakisan pantai.

Kawasan berisiko yang telah dikenalpasti adalah melibatkan :

- Bencana banjir dengan anjakan 50-meter di kiri dan kanan komponen badan air terutamanya di sekitar Sungai Gersik yang secara fizikalnya mempunyai jajaran yang membahagi fizikal Pusat Bandar Labuan dan kawasan perindustrian Rancha-Rancha,
- Bencana kawasan penerbangan bagi lingkungan *take off surface* bagi Lapangan Terbang Labuan, 4km *inner horizontal surface* dan *6km conical surface.*
- Bencana hakisan pantai dengan anjakan 500-meter bagi hakisan kategori III (belum serius) dengan jangkaan pengunduran garis pantai dengan kadar kurang dari 1-meter setahun.

RUMUSAN PROFIL BENCANA BANDAR LABUAN



FAKTA RINGKAS RFN KE-3

Teras 2: Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim (KD)

Dalam usaha mewujudkan kawasan bandar yang sejahtera, berdaya tahan dan mampan, perancangan guna tanah hendaklah mengambil kira potensi ancaman risiko bencana bandar.

b. Bandar Simpang Tamu

Penilaian tinjauan bagi bandar Simpang Tamu mendapati bandar ini menghadapi ancaman dari aspek dua risiko bencana yang merangkumi aspek bencana banjir dan risiko kawasan penerbangan. Kawasan berisiko yang telah dikenalpasti adalah melibatkan :

- Bencana banjir dengan anjakan 50-meter di kiri dan kanan komponen badan air terutamanya di sekitar Sungai Kinabenuwa yang terletak bahagian barat sempadan bandar
- Bencana kawasan penerbangan bagi lingkungan *take off surface* bagi Lapangan Terbang Labuan dan 4km *inner horizontal surface* dan *6km conical surface.*

RUMUSAN PROFIL BENCANA BANDAR SIMPANG TAMU



c. Bandar Ganggarak

Penilaian tinjauan bagi bandar Ganggarak mendapati bandar ini menghadapi ancaman dari aspek satu risiko bencana yang merangkumi aspek risiko kawasan penerbangan.

Kawasan berisiko yang telah dikenalpasti adalah melibatkan :

- Bencana kawasan penerbangan bagi lingkungan lingkungan *take off surface dan* 6-kilometer *conical surface* bagi Lapangan Terbang Labuan.

RUMUSAN PROFIL BENCANA BANDAR GANGGARAK



d. Bandar Layang-Layangan

Penilaian tinjauan bagi bandar Layang-Layangan mendapati bandar ini menghadapi ancaman dari aspek dua risiko bencana yang merangkumi aspek risiko kawasan penerbangan dan risiko hakisan pantai. Kawasan berisiko yang telah dikenalpasti adalah melibatkan :

- Bencana kawasan penerbangan bagi lingkungan *take off surface* bagi Lapangan Terbang Labuan dan *6km conical surface.*
- Bencana hakisan pantai dengan anjakan 500-meter bagi hakisan kategori III (belum serius) dengan jangkaan pengunduran garis pantai dengan kadar kurang dari 1-meter setahun.

RUMUSAN PROFIL BENCANA BANDAR LAYANG-LAYANGAN



e. Bandar Bebuloh

Penilaian tinjauan bagi bandar Simpang Tamu mendapati bandar ini menghadapi ancaman dari aspek dua risiko bencana yang merangkumi aspek bencana banjir dan risiko kawasan penerbangan. Kawasan berisiko yang telah dikenalpasti adalah melibatkan :

- Bencana hakisan pantai dengan anjakan 60-meter bagi hakisan kategori I (Kritikal) dengan jangkaan pengunduran garis pantai yang cepat dengan kadar melebihi 4-meter setahun yang menumpu di kawasan pinggir Pantai Sungai Pagar (panjang hakisan, 597.2 meter).

RUMUSAN PROFIL BENCANA BANDAR BEBULOH



Secara umumnya, tinjauan mendapati keseluruhan kawasan WP Labuan turut menerima ancaman berisiko rendah bagi aspek bencana gempa bumi. Walaubagaimanapun risiko ini berskala *Modifies Mercalli Intensity* (MMI) tahap IV (ringan) dengan getaran ringan dan tidak berpotensi memberi impak kerosakan terhadap struktur fizikal. Sebaliknya bandar Labuan dan Layang-Layangan berisiko berlakunya hakisan pantai berikutan bentuk fizikal bandar yang melibatkan kawasan persisiran pantai.

INFO RINGKAS HAKISAN PANTAI

Hakisan Pantai Kategori I1 (Ketara):
Pengunduran garis pantai dengan kadar lebih dari satu (1) meter setahun tetapi kurang dari empat (4) meter setahun umumnya di kawasan berpenduduk tidak padat dengan sedikit aktiviti pertanian yang mendapat perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan yang kurang sempurna.

Hakisan Pantai Kategori I1I (Belum Serius):
Pengunduran garis pantai dengan kadar kurang dari satu (1) meter/tahun umumnya di kawasan tanpa penduduk dengan aktiviti pertanian yang minimum yang tidak mendapat perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan awam.

Labuan merupakan kawasan pulau yang terdedah dengan risiko hakisan pantai



Sumber : Laman web www.offshorecompany.com

iv. Analisis Liputan Perkhidmatan Bandar

Analisis radius liputan perkhidmatan bandar mengikut hierarki dijalankan bagi mengenal pasti potensi pertumbuhan bandar serta mengenal pasti komponen pembangunan yang terdapat di dalam sempadan bandar sedia ada. Radius liputan perkhidmatan mengikut hierarki bandar yang dijalankan adalah sebagaimana perincian Rajah 5.4 berikut.

Rajah 5.4 : Kaedah Analisis Liputan Perkhidmatan Bandar

1 Bandar Wilayah	4 Bandar Tempatan
Bandar Wilayah **Bandar Labuan**	Bandar Tempatan **i. Simpang Tamu** **ii. Ganggarak** **iii. Layang-Layangan** **iv. Bebuloh**
• Sempadan Sedia ada 900.30 hektar • Radius perkhidmatan 5.0 kilometer	• Radius perkhidmatan 0.5 kilometer (utama) • Radius perkhidmatan 1.0 kilometer (sokongan)

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Analisis Bandar Wilayah iaitu Bandar Labuan adalah melibatkan sempadan bandar sedia ada yang berkeluasan **900.30 hektar,** dengan sokongan kawasan perkhidmatan bagi fungsi bandar wilayah yang turut meliputi radius perkhidmatan bagi 5.0 kilometer. Bandar Labuan mempunyai kesemua tujuh (7) elemen kemudahan awam dan institusi utama dengan jumlah kemudahan yang tersedia sebanyak 45 unit komponen pembangunan. Hampir 50 peratus komponen tersebut (21 unit) merupakan institusi kerajaan, selaras dengan fungsi Bandar Labuan sebagai pusat pentadbiran bagi WP Labuan.

Analisis Bandar Tempatan pula melibatkan radius perkhidmatan utama yang melibatkan kawasan seluas 0.5 kilometer dan 1.0 kilometer bagi perkhidmatan sokongan (Rujuk Rajah 5.5). Hasil tinjauan mendapati setiap hierarki bandar tempatan mempunyai sekurangnya 3 elemen kemudahan awam yang utama. Bandar Simpang Tamu mempunyai 6 elemen (13 unit kemudahan), Ganggarak dengan 3 elemen (4 unit kemudahan), Layang-Layangan dengan 6 elemen (9 unit kemudahan) dan Bebuloh dengan 5 elemen (6 unit kemudahan). Analisis liputan perkhidmatan bagi hierarki bandar di Labuan diperincikan sebagaimana Jadual 5.12.


Secara keseluruhannya, kemudahan masyarakat seperti pendidikan, keagamaan dan kemudahan masyarakat lain merupakan kemudahan utama yang mudah didapati di setiap kawasan bandar. Kemudahan awam yang mencukupi adalah amat penting dalam memastikan perkhidmatan awam yang disediakan bagi sesebuah bandar selaras dengan pertambahan penduduk.

Analisis liputan perkhidmatan yang dijalankan menunjukkan Bandar Labuan menjadi tumpuan utama penduduk bagi mendapatkan perkhidmatan kemudahan yang berkualiti dan pelbagai berbanding pusat petempatan lain. Fokus pembangunan bagi 4 bandar tempatan perlu ditekankan bagi mengurangkan jurang pembangunan antara hierarki bandar tempatan dan bandar wilayah. Aspek penyediaan kemudahan awam yang mencukupi dan berkualiti akan menarik minat komuniti untuk menjadi faktor pendorong bagi kependudukan komuniti di kawasan tersebut.

Jadual 5.12 : Analisis Kemudahan Awam dan Institusi yang Utama bagi Hierarki Bandar di Labuan

Bil.	Komponen (Elemen)	Bandar Labuan	Simpang Tamu	Ganggarak	Layang-Layangan	Bebuloh
1	Institusi Kerajaan	21	3	-	-	-
2	Pendidikan	5	4	2	2	2
3	Kesihatan	1	2	-	1	1
4	Keagamaan	5	1	1	1	1
5	Keselamatan	2	-	-	1	1
6	Kemudahan Lain	3	1	1	2	1
7	Rekreasi / Sukan	8	2	-	2	-
	Jumlah	45	13	4	9	6

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040



Rajah 5.5
PELAN RADIUS PERKHIDMATAN BANDAR MENGIKUT HIERARKI



Petunjuk :

- Sempadan Bandar Wilayah
- Sempadan Bandar Tempatan
- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan
- Radius Perkhidmatan Bandar Wilayah 5000 meter
- Radius Perkhidmatan Bandar Tempatan 1000 meter

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

5.2.4 Rumusan Penemuan

Penemuan utama kajian mendapati hanya Bandar Labuan mencapai status sebagai sebuah bandar. Manakala 4 bandar tempatan iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh masih belum menepati kriteria-kriteria sebuah bandar (rujuk Jadual 5.13).

Perancangan-perancangan pembangunan yang strategik adalah perlu dicadangkan dan dilaksanakan dengan segera terutamanya penetapan sempadan pertumbuhan bandar adalah bertujuan bagi memastikan urus tadbir yang lebih sistematik dan berkesan mampu untuk dicapai. Tinjauan mendapati bandar Simpang Tamu dan Ganggarak sudah bersedia sebagai bandar tempatan sebagaimana yang dicadangkan di dalam DPN2. Ini berdasarkan kriteria-kriteria bandar seperti jumlah penduduk, tepu bina dan kemudahan-kemudahan semasa hampir memenuhi kriteria bandar yang ditetapkan DPN2.

Walaubagaimanapun bagi Layang-Layangan dan Bebuloh, perancangan strategik bagi memacu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi adalah diperlukan segera agar selaras dengan status bandar tempatan yang dicadangkan. Tinjauan mendapati kawasan bandar ini kurang membangun terutamanya dari aspek ekonominya masih di tahap rendah. Aktiviti perniagaan kurang, kawasan penempatan penduduk hanya sebahagian kecil,

Sehubungan itu, perancangan pembangunan kawasan bandar tempatan ini terutamanya dari aspek petempatan penduduk, perkembangan ekonomi, projek pemangkin, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti akan menjana pertumbuhan ekonomi baru, peluang pekerjaan serta mewujudkan sebuah bandar yang sejahtera dan makmur.

Jadual 5.13 : Ringkasan Penemuan Hierarki Bandar WP Labuan

Bil.	Nama Bandar	Hierarki Bandar	Sempadan	Penduduk (10,000)	Tepu Bina (60%)	Tahap Kesediaan Bandar
1	**Bandar Labuan**	**Wilayah**	**√**	**√**	**√**	**√**
2	Simpang Tamu	Tempatan	X	X	X	X
3	Ganggarak	Tempatan	X	X	X	X
4	Layang-Layangan	Tempatan	X	X	X	X
5	Bebuloh	Tempatan	X	X	X	X

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kedudukan dan fungsi WP Labuan yang khas serta kompetitif, selaras dengan peranannya sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) memerlukan dasar perancangan perbandaran khusus. Ini bertujuan untuk membantu memperkasakan pembangunan ekonomi WP Labuan termasuk aspek pelaburan, peluang pekerjaan dan peningkatan kualiti hidup.

Dasar-dasar perbandaran bagi mengukuhkan fungsi bandar tempatan bagi menyokong fungsi peranan bandar Labuan sebagai bandar wilayah amatlah wajar diwujudkan untuk memfokuskan perancangan pembangunan di bandar berkenaan yang pada ketika ini adalah tidak menepati ciri-ciri sebagai sebuah bandar. Seterusnya suntikan dan perhatian khusus dalam pembangunan infrastruktur dan utiliti untuk menjana lebih banyak aktiviti ekonomi, sekaligus menarik lebih banyak pelaburan ke bandar tersebut.

Secara umumnya, imej dan fungsi bandar tempatan adalah tidak jelas dan ini menyebabkan kawasan bandar ini kurang ditonjolkan dan tidak menarik minat pelaburan baru. Seiring dengan matlamat prinsip DPN2 : bandar Berdaya Huni dan Prinsip 3 : Ekonomi bandar yang Berdaya Saing, sesebuah bandar itu perlu berupaya untuk menarik minat pelabur, di samping lengkap dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur bagi tujuan pelaburan mahupun untuk kegunaan komuniti setempat.

Aspek telekomunikasi sebagai contoh perlu dilaksanakan liputan capaian kelajuan 5G bagi membolehkan kegiatan ekonomi mahupun aktiviti sosial dilaksanakan dengan mudah dan cepat. Namun penyediaan 5G ini hendaklah disokong dengan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian bagi menyokong capaian telekomunikasi yang berterusan dengan tahap perkhidmatan yang terbaik.

5.3 Isu dan Prospek

Beberapa isu permasalahan yang telah dikenal pasti dan memerlukan langkah penyelesaian segera. Antaranya ialah :

i. **Keperluan peningkatan tahap perkhidmatan dan pembangunan bandar.** Hasil analisis kajian mendapati hanya bandar Labuan mencapai status sebagai sebuah bandar. Manakala 4 bandar tempatan iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh masih belum menepati kriteria-kriteria sebagai sebuah bandar. Walaubagaimanapun, tinjauan bagi bandar Simpang Tamu (tepu bina 52.25 %) dan Ganggarak (tepu bina 58.27 %) sudah bersedia untuk menjadi bandar tempatan bagi menyokong fungsi WP Labuan sebagai Bandar Wilayah. Manakala bagi bandar Layang-Layangan dan Berbuloh memerlukan perancangan yang strategik bagi membangunkan pusat petempatan tersebut di samping memacu pertumbuhan ekonomi semasa.

ii. **Aktiviti Ekonomi Bandar yang Kurang Berdaya Saing.** Bandar tempatan sediada seperti Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh mempunyai aktiviti komersial yang terhad dan kecil. Ketiadaan pusat petumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memacu halatuju dan perkembangan bandar menyebabkan ekonomi bandar kurang berdaya saing dan tidak menarik minta pelaburan. Aktiviti komersial ini hendaklah disokong dengan kawasan perumahan dan penempatan penduduk untuk menggalakkan aktiviti jual beli dan tenaga kerja.

iii. **Penetapan Semula Sempadan Bandar.** DPN2 telah menetapkan Bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah dan disokong fungsinya dengan 4 bandar tempatan**.** Namun tinjauan mendapati hanya Bandar Labuan (Bandar Wilayah) mempunyai sempadan bandar manakala empat (4) Bandar Tempatan (Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh) masih tiada. Ini menyukarkan pihak tadbir urus untuk kawasan operasi, percukaian dan fokus perancangan pembangunan.

5.4 Cadangan Am

Berdasarkan beberapa isu awal yang diketengahkan hasil penemuan kajian, berikut merupakan cadangan awal yang boleh diterapkan sebagai langkah strategik bagi menyelesaikan isu permasalahan yang dihadapi serta mencapai objektif dan sasaran *Sustainable Development Goal (SDGs)* dan *New Urban Agenda (NUA)* yang telah ditetapkan. Antaranya ialah :

i. **Pengukuhan Fungsi dan Hierarki Bandar.** DPN2 telah menggariskan beberapa kriteria utama bagi hierarki Bandar Wilayah dan Bandar Tempatan seperti jumlah penduduk. Walau bagaimanapun bagi konteks Labuan adalah masih tidak mencapai bilangan penduduk sebagaimana yang ditetapkan di dalam DPN2. Sehubungan itu dicadangkan fungsi dan peranan bandar-bandar di Labuan diperkukuhkan dari aspek petempatan, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti bagi mewujudkan sebuah bandar yang sejahtera dan makmur.

ii. **Pembangunan Pusat Komersial Terancang.** Pembangunan kawasan komersial akan memastikan pertumbuhan ekonomi bandar berlaku secara terancang dan bersesuaian dengan halatuju ekonomi bandar.

iii. **Penetapan Semula Sempadan Pertumbuhan Bandar selaras dengan Trend Pembangunan Semasa.** Sempadan bandar yang jelas menghasilkan pengurusan dan tadbir bandar yang cekap dan berkesan serta membantu pertumbuhan ekonomi bandar.

BAB 06



Petempatan Desa



Kampung Bebuloh Laut

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Petempatan Desa

Petempatan desa ditakrifkan sebagai kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan petempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan tinggal secara berkelompok, sejajar dan bertaburan. Desa atau kawasan luar bandar juga meliputi kawasan pertanian, dusun, hutan, badan air serta infrastruktur dan kemudahan yang berkaitan. Ciri kedesaan yang kaya dengan sumber semulajadi perlu dipelihara atau dikekalkan. Bagi mengetengahkan prospek dan potensi sedia ada yang boleh diketengahkan, penilaian pencapaian dasar sedia ada turut memainkan peranan yang penting bagi mengukur pelakasanaan dan pencapaian dasar-dasar dan cadangan sedia ada bagi mengukuhkan lagi petempatan desa di Labuan.

6.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar – dasar yang dirujuk untuk sektor petempatan desa melibatkan dasar – dasar di peringkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor petempatan desa seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.1 hingga 6.6.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 6.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

Tonggak III: Menuju Ke Arah Pembangunan Wilayah Yang Seimbang		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
B : Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar	B1 : Mempertingkat infrastruktur luar bandar	- Dasar ini masih relevan dikekalkan berikutan prasarana infrastruktur luar bandar masih perlu dipertingkatkan daripada semasa ke semasa.
	B2 : Menambah baik hubung kait antara bandar dan luar bandar	- Dasar ini masih relevan dikekalkan bagi memastikan perhubungan antara bandar dan luar bandar dapat ditingkatkan bagi memberi keselesaan kepada penduduk luar bandar.
	B3 : Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar	- Dasar ini belum tercapai berikutan aktiviti ekonomi desa masih tidak mendapat pendekatan yang lebih moden dengan pelaksanaan ekonomi digital.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 6.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 2 : Pembangunan Luar Bandar Yang Bersepadu	PD 2.3 : Mempertingkatkan Infrastruktur dan Kemudahan Luar Bandar	- Infrastruktur dan kemudahan awam bagi kawasan luar bandar WP Labuan berada pada tahap yang baik dan merangkumi keseluruhan kawasan desa di WP Labuan. Dasar ini wajar dikekalkan.
Teras 2 : Kemampanan Spatial Dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 2 : Perancangan Guna Tanah Holistik	KD 2.4 : Mengurus pembangunan luar bandar secara bersepadu	- Strategi mentransformasi luar bandar bagi memperkukuhkan ekonomi adalah penting bagi meningkatkan peluang pekerjaan, produktiviti dan pendapatan penduduk luar bandar. Kawasan desa yang memiliki potensi pelancongan perlu dipelihara dan dibangunkan. Dasar ini masih releven dikekalkan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 6.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

Prinsip 3 : Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.5 : Pengintegrasian perancangan pembangunan kampung dalam bandar	3.5.1 : Pengemaskinian maklumat mengenai kampung dalam bandar	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk mengemaskini maklumat kampung di WP Labuan.
	3.5.2 : Penetapan hala tuju pembangunan kampung dalam bandar	- Dasar ini masih releven dikekalkan bagi menentukan halatuju pembangunan kampung di dalam kawasan bandar dan kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan ciri kampung.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030)

Jadual 6.4 : Penilaian Pencapaian Dasar DPFDN 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

Teras 3 : Pengukuhan Daya Huni Desa		
Penyataan Dasar	Strategi	Pencapaian
DD1 : Pemeliharaan karektor spatial desa	DD1.1 : Menentukan sempadan kampung	- Penentuan sempadan kampung bagi kawasan desa amat penting dalam memastikan rebakan bandar tidak menganggu kepentingan desa. Dasar ini masih releven untuk dilaksanakan.
	DD1.2 : Memetakan aset desa	- WP Labuan memiliki aset desa yang tersendiri dari segi ciri fizikal, ekonomi dan sosio budaya. Dasar ini masih releven untuk dikekalkan bagi memastikan aset desa ini tidak pupus.
DD3 : Peningkatan infrastruktur yang efisien	DD3.1 : Menjamin sumber bekalan air bersih yang berterusan dan mencukupi	- Dasar ini masih releven untuk dikekalkan bagi membolehkan sumber bekalan air bersih desa sedia ada mencukupi bagi keperluan penduduk WP Labuan.
	DD3.2 : Menyokong pengagihan bekalan elektrik 24 jam yang menyeluruh	- Bekalan elektrik desa di kawasan WP Labuan adalah berada pada tahap 100% yang meliputi kawasan desa WP Labuan. Dasar ini telah tercapai dan releven untuk dikekalkan
	DD3.3 : Memacu ICT dalam menyokong ekonomi desa	- Dasar ini belum tercapai berikutan aktiviti ekonomi desa masih mengekalkan aktiviti ekonomi secara traditional dan tidak dipasarkan secara dalam talian bagi menarik lebih ramai minat pelabur dan pembeli.

Sumber : DPFDN 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 6.5: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	**Cadangan Am**	**Pencapaian**
Dasar Am: M6 – Kampung – Kampung Yang Mempunyai Keistimewaan Tersendiri Perlu Dipelihara	M6 – CA1 Mengenal pasti kampung – kampung yang mempunyai ciri – ciri keistimewaan dan keunikan untuk dipelihara.	• Ciri keunikkan sebagai kampung tradisional kepulauan atau kampung atas air menjadikan kampung-kampung di Labuan perlu dipelihara (Telah Dipelihara)
	M6 – CA2 Membentuk identiti kampung berasaskan kepada sumber dan keistimewaan kampung berkaitan	- Identiti kampung yang berada di kawasan WP Labuan mempunyai identiti kampung yang tersendiri berdasarkan kategori dan aktiviti kampung tersebut
	M6 – CA3 Melengkapkan elemen – elemen desa, imej dan suasana desa dari aspek fizikal dan persekitaran	- Elemen-elemen desa telah ditonjolkan melalui pengurusan yang sistematik dan berkesan, pembangunan aktiviti ekonomi dan pembangunan infrastruktur yang menyeluruh.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 6.6: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Petempatan Desa.

The Enablers		
Dasar	**Strategi**	**Pencapaian**
2 : Infrastructure and Utilities	*ST – I1* *Strategic Thrust 1 : Adopting carrying capacity in planning and development.*	- Dasar ini masih relevan dan perlu dikekalkan bagi membolehkan pihak yang berkaitan menyediakan keperluan infrastruktur dan utiliti kawasan desa yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang penduduk WP Labuan.
3 : Quality Living	*ST-QL2* *Strategic Thrust 2 : Upgrading community facilities to meet future population growth and structural change*	- Dasar ini masih belum mencapai berikutan masih terdapat kawasan desa yang tidak mendapat liputan kemudahan awam yang mencukupi bagi kegunaan penduduk setempat.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

6.2 Penemuan Semasa

6.2.1 Kategori Kampung Di Wilayah Persekutuan Labuan

Dalam konteks WP Labuan, terdapat 29 buah kampung. Kampung-kampung ini terdiri daripada kampung atas air dan kampung tradisional (Rujuk Jadual 6.7 dan Rajah 6.1). Setiap kampung ini disokong oleh pelbagai kemudahan masyarkat dan awam bagi memberi keselesaan dan keharmonian kepada hidup masyarakat luar bandar.

Kampung atas air bagi kawasan WP Labuan terdiri daripada empat (4) buah kampung atas air iaitu Kampung Patau – Patau 1, Kampung Patau – Patau 2, Kampung Bebuloh Laut dan Kampung Rancha – Rancha Laut. Kampung Bebuloh Laut dan Kampung Rancha – Rancha Laut merupakan sebahagian daripada kawasan Kampung Bebuloh dan Kampung Rancha – Rancha.

Jadual 6.7 : Perincian Kategori Kampung di Wilayah Persekutuan Labuan

Kategori	Nama Kampung	Keluasan (Ha.)
Kampung Tradisional	Kg. Gersik	40.34
	Kg Pantai	184.19
	Kg. Batu Arang	275.42
	Kg. Kerupang	228.84
	Kg. Durian Tunjong	217.49
	Kg. Tanjung Aru	237.34
	Kg. Lajau	323.42
	Kg. Bukit Kuda	191.20
	Kg Lubok Termiang	501.30
	Kg. Batu Manikar	148.162
	Kg. Pohon Batu	232.04
	Kg. Ganggarak	351.41
	Kg. Layang – Layangan	382.15
	Kg. Sungai Labu	412.32
	Kg. Kilan	130.63
	Kg. Sungai Lada	332.59
	Kg. Sungai Miri	226.34
	Kg. Belukut	96.17
	Kg. Bebuloh	275.17
	Kg. Sungai Buton	223.08
	Kg. Sungai Bedaun	354.23
	Kg. Bukit Kallam	298.970
	Kg. Sungai Bangat	278.84
	Kg. Sungai Keling	726.91
	Kg. Rancha - Rancha	513.90
Kampung Atas Air	Kg Patau – Patau No. 1	25.62
	Kg. Patau – Patau no 2	10.44
	Kg. Bebuloh Laut	10.70
	Kg. Rancha – Rancha Laut	6.28

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040



Rajah 6.1
TABURAN PETEMPATAN DESA



Petunjuk :

- Sempadan Kampung

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

6.2.2 Aktiviti Ekonomi

Dalam konteks WP Labuan, aktiviti ekonomi desa dapat dipecahkan kepada aktiviti pertanian, penternakan, peniagaan dan perikanan (Rujuk Jadual 6.8). Daripada keseluruhan aktiviti tersebut, aktiviti pertanian dan perikanan mendominasi aktiviti ekonomi penduduk desa.

Ketersediaan tanah pertanian dan kedudukan Pulau Labuan yang berada di kawasan perairan telah mempengaruhi aktiviti ekonomi petempatan desa di Labuan. Dari segi pendapatan kasar penduduk, purata pendapatan kasar penduduk ialah RM1,000.00 hingga RM5,000.00.

Jadual 6.8 : Aktiviti Ekonomi dan Pendapatan Kasar Penduduk

Nama Kampung	Pendapatan Kasar (RM)	Pekerjaan
Kg. Batu Arang	2,000	-
Kg batu Manikar	1,500	Perniagaan, Pertanian, Perikanan
Kg Bebuloh	1,000	Nelayan
Kg Belukut	-	Pertanian, Penternakan
Kg Bukit Kalam	1,000	Perniagaan, Pertanian
Kg Bukit Kuda	-	Pertanian, Penternakan, Usahawan Desa
Kg Durian Tanjung	5,000	-
Kg Ganggarak	2,500	Perniagaan, Pertanian/Usahawan Desa, Perikanan, Penternakan
Kg Gersik – Sanguking	1,000	-
Kg Kerupang – Nagalang	-	-
Kg Kilan – Pulau Akar	1,200	-
Kg Lajau	5,000	Perniagaan
Kg Layang – layangan	1,500	Perniagaan
Kg Lubok Temiang	2,500	Perniagaan, Pertanian/ Usahawan Desa, Perikanan, Penternakan
Kg Pantai	3,000	Perniagaan Pertanian
Kg Patau – patau 1	3,000	-
Kg Patau – Patau 2	1,800	Nelayan
Kg Pohon Batu	1,200	Nelayan
Kg Rancha – Rancha	1,500	Nelayan
Kg Sungai Bangat	3,000	-
Kg Bedaun	1,000	Perniagaan
Kg Sungai Buton	2,500	Pertanian, Perniagaan
Kg Sungai Keling	2,000	Pertanian, Perniagaan
Kg Sungai Labu	1,200	-
Kg Sungai Lada	1,500	-
Kg Sungai Miri – Sungai Pagar	1,000	-
Kg Tanjung Aru	1,000	-

Sumber : Diubahsuai daripada Draf Laporan Penentuan Sempadan Kampung, 2019

6.2.3 Industri Kecil Sederhana Desa

Penduduk desa di WP Labuan menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat desa selain dapat membantu meningkatkan ekonomi kawasan WP Labuan. Kebanyakkan industri kecil dan sederhana bagi kawasan desa adalah berasaskan produk hasil laut dan makanan. Antara perusahaan IKS utama di WP Labuan adalah perusahaan ikan bilis dan ikan tuna yang memiliki bilangan pengusaha sebanyak 4 orang bagi produk ikan bilis dan 5 orang daripada produk ikan tuna. Antara lokasi utama perusahaan ikan bilis adalah di Kg. Bebuloh.

Produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha ikan bilis adalah sambal ikan bilis. Manakala bagi ikan tuna adalah seperti tempura tuna, sambal tuna, sate tuna madu, burger tuna, serunding, popiah tuna dan bebola tuna. Selain itu, perusahaan IKS yang terdapat di dalam WP Labuan termasuklah perusahaan kerepek, kuih bahulu dan maruku, mee kuning, keropok lekor dan madu kelulut. Secara keseluruhannya, bilangan pengusaha IKS adalah 25 orang yang mana hanya 2 pengusaha menjalankan perusahaan bukan melibatkan makanan iaitu perkhidmatan jahitan pakaian (Rujuk Jadual 6.9).

Jadual 6.9: Industri Kecil Sederhana di WP Labuan.

Bil	Industri Kecil Sederhana	Bilangan Pengusaha
1.	Produk Ikan Bilis • Ikan Bilis • Sambal Ikan Bilis dan Ikan Kekek	4
2.	Produk Ikan Tuna • Tempura tuna • Sambal tuna • Satey tuna madu • Burger tuna • Serunding tuna • Mini popia serunding tuna • Bebola tuna	5
3.	Kuih Bahulu & Maruku	5
4.	Madu Kelulut	1
5.	Mee Kuning	1
6.	Kerepek (Pisang & Pelbagai Kerepek)	2
7.	Keropok Lekor	1
8.	Tempe	1
9.	Tokoyaki / Burger/ Waffie	1
10.	Karipap Sejuk Beku	1
11.	Jeruk Acar Buah	1
12.	Perkhidmatan Jahitan Pakaian	2
	Jumlah	25

Sumber : Jabatan Sosio Ekonomi, Perbadanan Labuan, 2020.

Perusahaan ikan bilis yang diusahakan oleh Salinang Maju Enterprise di Kg. Bebuloh Laut.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kawasan WP Labuan mempunyai 12 produk IKS yang antaranya terdiri daripada sambal ikan bilis, bebola tuna, kuih bahulu, madu kelulut, mee kuning dan keropok lekor. Pemasaran produk IKS bagi kawasan WP Labuan mendapat permintaan yang tinggi dari Semenanjung Malaysia. Antara produk ikan bilis yang dikomersialkan ialah sambal ikan bilis yang juga dikenali sebagai Humey dan sambal ikan kekek.

Bagi perusahaan ikan tuna di kawasan WP Labuan, terdapat lima (5) pengusaha yang memajukan produk berasaskan tuna ini. Produk berasaskan tuna ini telah dipasarkan dan produk in telah menembusi kawsaan semenanjung dan juga dipasaran tempatan. Bagi perusahaan bilis di kawasan WP Labuan, jumlah hasil tangkapan bagi bilis adalah sebanyak 30kg sehingga 50kg sehari. Industri tuna di kawasan Labuan mencatatkan jumlah pendaratan tuna Labuan sebanyak 1,136.5 metrik tan pada tahun 2018 dengan nilai RM 11.82 juta menurut Kajian Taksiran Sumber Perikanan 2013 – 2016. Perusahaan bilis dan tuna ini dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan khususnya generasi muda.

6.2.4. Profil Perusahaan Kecil Sederhana

Berdasarkan data perangkaan banci ekonomi tahun 2015, bilangan pekerja di dalam sektor Industri Kecil Sederhana adalah seramai 16,202 orang. Antara sektor IKS yang terdapat di WP Labuan adalah pertanian, pembuatan dan perkhidmatan.

a. Sektor Pertanian

Bagi sektor pertanian di dalam WP Labuan, bilangan pekerja di dalam bidang IKS ini adalah seramai 73 orang yang merangkumi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan. Bilangan pertubuhan IKS di kawasan WP Labuan ini adalah sebanyak 5 pertubuhan di dalam sektor Pertanian. Sektor pertanian ini telah menjana RM 6.5 juta bagi tahun 2015. Perusahaan kecil sederhana (PKS) bagi sektor pertanian boleh diperkembangkan dengan penyediaan program dan kursus yang sesuai agar dapat menarik lebih ramai warga tempatan untuk mengusahakan pertanian di WP Labuan.

b. Sektor Pembuatan

Bagi sektor pembuatan, bilangan pekerja di dalam industri kecil sederhana (IKS) adalah sebanyak 1,523 orang dengan jumlah pertubuhan sebanyak 117 pertubuhan. Bagi kawasan WP Labuan, jenis IKS bagi sektor pembuatan adalah pembuatan produk makanan dan pakaian. Sektor pembuatan di WP Labuan ini menjana nilai output kasar sebanyak RM 389.4 juta bagi tahun 2015. Sektor pembuatan PKS ini dapat memberi pulangan yang tinggi bagi WP Labuan.

Produk PKS pembuatan yang dikomersialkan di kawasan perniagaan di Kg. Bebuloh Laut.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

c. Sektor Perkhidmatan

Bagi sektor perkhidmatan, bilangan pekerja di dalam industri kecil sederhana adalah seramai 14,606 orang dengan jumlah pertubuhan sebanyak 2,275 pertubuhan bagi WP Labuan (Rujuk Jadual 6.10). Antara jenis – jenis perkhidmatan di kawasan WP Labuan adalah perdagangan borong dan runcit; penginapan; makanan dan minuman; kewangan; pentadbiran dan khidmat sokongan. Majoriti penduduk di kawasan WP Labuan terlibat di dalam sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan ini menjana nilai output kasar sebanyak RM 6,260 juta bagi tahun 2015.

Jadual 6.10: Sektor Industri Kecil Sederhana di WP Labuan

Sektor	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Nilai Output Kasar (RM juta)
Pertanian	5	73	6.5
Pembuatan	117	1,523	389.4
Perkhidmatan	2,275	14,606	6,260

Sumber : Diubahsuai daripada Laporan Banci Ekonomi, 2015.

Produk PKS pembuatan yang dikomersialkan di kawasan perniagaan di Kg. Bebuloh Laut.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

6.2.5 Kemudahan Awam Masyarakat Desa

Secara keseluruhannya, kemudahan awam bertaraf desa yang perlu disediakan bagi setiap kampung terdiri daripada balairaya, surau atau masjid, lot permainan kanak-kanak. Bagi kemudahan bertaraf kejiranan adalah masjid, klinik, sekolah, tapak perkuburan, dewan dan kemudahan masyarakat, keagamaan dan Pendidikan. Bagi setiap kampung atau desa di kawasan WP Labuan, setiap kampung telah dilengkapi dengan kemudahan awam yang dapat memberi kesejahteraan kepada kehidupan masyarakat setempat kecuali Kampung Belukut dan Kampung Ganggarak (Rujuk Jadual 6.11 dan 6.12).

Penyediaan kemudahan awam bagi kawasan desa adalah tertumpu di Kampung Bebuloh berikutan petempatan kampung tersebut mempunyai kemudahan awam yang lebih dari segi kemudahan pendidikan, kesihatan, keagamaan dan lain – lain.

Terdapat lima (5) buah kampung (18.5%) yang mempunyai kemudahan awam yang lengkap iaitu Kampung Layang – Layangan, Kampung Lubok Temiang, Kampung Rancha – Rancha, Kampung Sungai Labu dan Kampung Sungai Lada. Kampung berikut memiliki jenis kemudahan yang lengkap berbanding kampung lain secara keseluruhannya. Kampung yang memiliki kemudahan awam yang rendah adalah Kampung Belukut dan Kampung Ganggarak.

Antara faktor yang menjadikan kawasan kampung tersebut tidak memiliki banyak komponen kemudahan adalah disebabkan bilangan penduduk yang rendah bagi kedua kawasan desa tersebut. Selain itu, kemudahan yang disediakan dikawasan sekitar kampung tersebut adalah mencukupi bagi menampung keperluan penduduk. Rajah 6.2 menunjukkan taburan institusi dan kemudahan masyarakat di kawasan desa.

Jenis kemudahan awam Pendidikan yang ada di WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Jadual 6.11: Senarai Kemudahan Awam WP Labuan


Jenis Kemudahan	Kemudahan Awam Masyarakat Desa
Kemudahan Pendidikan	Tadika Taska Sekolah Rendah Sekolah Rendah Agama Sekolah Menengah Kebangsaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sekolah Berasrama Penuh Maahad Thafiz Kolej Vokasional Pusat Latihan Teknikal & Vokasional Institut Perguruan
Kemudahan Institusi	Pusat ICT
Kemudahan Kesihtan	Klinik Kerajaan / Poliklinik Klinik Desa Hospital
Kemudahan Keselamatan	Balai Polis Balai Bomba dan Penyelamat
Kemudahan Keagamaan	Masjid Surau Tokong Gereja Perkuburan Islam Perkuburan Cina
Kemudahan Masyarakat	Balai Raya Dewan Orang Ramai
Kemudahan Rekreasi	Kemudahan Sukan Padang Permainan Lot Permainan Kemudahan Rekreasi

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Jadual 6.12 : Kemudahan Awam Masyarakat Desa WP Labuan

Nama Kampung	Jenis Kemudahan						
	Kemudahaan Pendidikan	Kemudahan Institusi	Kemudahan Awam	Kemudahan Keselamatan	Kemudahan Sukan dan Rekreasi	Kemudahan Keagamaan	Kemudahan Kesihatan
Kg. Batu Arang	√		√		√	√	
Kg Batu Manikar	√		√		√	√	√
Kg Bebuloh	√	√	√	√	√	√	√
Kg Belukut						√	
Kg Bukit Kalam	√		√		√	√	
Kg Bukit Kuda			√		√	√	
Kg Durian Tanjung	√		√		√	√	
Kg Ganggarak			√				
Kg Gersik – Sanguking			√		√	√	
Kg Kerupang – Nagalang			√		√	√	
Kg Kilan – Pulau Akar			√		√	√	√
Kg Lajau			√		√	√	√
Kg Layang – Layangan		√	√	√	√	√	√
Kg Lubok Temiang		√	√	√	√	√	
Kg Pantai	√		√		√	√	
Kg Patau – Patau 1			√		√	√	
Kg Patau – Patau 2			√		√	√	
Kg Pohon Batu			√		√	√	
Kg Rancha – Rancha		√	√	√	√	√	√
Kg Sungai Bangat					√		√
Kg Bedaun			√		√	√	
Kg Sungai Buton			√		√	√	
Kg Sungai Keling					√	√	
Kg Sungai Labu	√		√		√	√	
Kg Sungai Lada	√		√		√	√	
Kg Sungai Miri – Sungai Pagar			√		√	√	
Kg Tanjung Aru			√		√		√

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 6.2
TABURAN INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT



Petunjuk :

- Kemudahan Keselamatan dan Institusi
- Kemudahan Pendidikan
- Kemudahan Awam
- Kemudahan Keagamaan
- Perkuburan
- Kemudahan Kesihatan
- Sempadan Kampung

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

6.2.6 Infrastruktur Desa

Dalam konteks Wilayah Persekutuan Labuan, infrastruktur dan utiliti merupakan komponen penting bagi sesebuah kawasan petempatan khususnya kawasan desa. Keperluan infrastruktur ini adalah termasuk bekalan air, bekalan elektrik, kemudahan telekomunikasi dan sebagainya.

a. Liputan Bekalan Air

Bagi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan, kawasan bandar dan luar bandar di dalam wilayah tersebut masih mendapat liputan bekalan air yang baik. Berdasarkan Jadual 6.13, liputan bekalan air di kawasan WP Labuan tidak menunjukkan sebarang masalah pada liputan bekalan air sama ada di dalam kawasan bandar atau luar bandar. Perbandingan antara tahun 2017 dan 2018 mendapati bahawa liputan bekalan air di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan berada pada pencapaian 100.0% berdasarkan data asas KPLB tahun 2019. Ini menunjukkan kawasan luar bandar di kawasan W.P Labuan tidak mempunyai masalah bekalan air.

Jadual 6.13 : Liputan Bekalan Air W.P Labuan

Tahun	Jenis Petempatan	Jumlah
2017	Bandar	100.0
	Luar Bandar	100.0
2018	Bandar	100.0
	Luar Bandar	100.0

Sumber : Data Asas KPLB, 2019

b. Kemudahan Bekalan Elektrik

Kemudahan bekalan elektrik merupakan salah satu komponen penting di dalam kawasan WP Labuan. Berdasarkan Jadual 6.14, kawasan Labuan menerima liputan elektrik yang baik bagi kawasan bandar dan luar bandar. Keseluruhan kawasan bandar dan luar bandar di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan menerima 100% liputan bekalan elektrik dan ini menunjukkan kawasan WP Labuan tidak mempunyai sebarang isu dan masalah berkaitan bekalan elektrik.

Jadual 6.14 : Liputan Bekalan Elektrik W.P Labuan

Bekalan Elektrik	Jenis Petempatan	Jumlah
Kemudahan Bekalan Elektrik	Bandar	100.0
	Luar Bandar	100.0
Tiada Bekalan \elektrik	Bandar	0.0
	Luar Bandar	0.0

Sumber : Data Asas KPLB, 2019

c. Lampu Jalan Kampung (LJK)

Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah menjalankan program KPLB dimana menambah unit bilangan lampu jalan bagi kawasan luar bandar. Bagi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan, penambahan bilangan unit lampu pada tahun 2019 adalah sama dengan jumlah bilangan unit lampu tahun 2018 iaitu 400 unit lampu (Rujuk Jadual 6.15). Program KPLB ini akan dapat menjamin prasarana masyarakat luar bandar lebih terjamin dan memberi keselesaan kepada pengguna terutamanya masyarakat luar bandar.

Bagi kawasan WP Labuan, peruntukan 400 unit lampu jalan daripada tahun 2018 dan 2019 dapat memastikan prasarana seperti ini dapat terus disediakan supaya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Namun, bilangan unit lampu ini perlu ditingkatkan agar dapat merangkumi keseluruhan kawasan kampung di WP Labuan. Taburan infrastruktur dan utiliti ditunjukkan di dalam Rajah 6.3.

Jadual 6.15 : Bilangan Unit Lampu Jalan

Tahun	Bilangan Unit Lampu
2016	-
2017	-
2018	400
2019	400

Sumber : Data Asas KPLB, 2019



Rajah 6.3
TABURAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI



Petunjuk :

- Infrastruktur dan Utiliti
- Sempadan Kampung

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

6.3 Isu dan Prospek

Terdapat beberapa isu dan penemuan semasa bagi sektor Petempatan Desa di Wilayah Persekutuan Labuan. Isu dan penemuan ini telah dikenalpasti melalui analisis dan kajian yang dijalankan. Dengan itu, perincian rumusan isu adalah terbahagi kepada dua aspek iaitu persempadanan kampung dan penandaan lokasi spatial kemudahan awam kampung.

1. Terdapat sebahagian petempatan desa yang berada atau terletak berhampiran dengan kawasan bandar dan mengalami rebakan bandar.
2. Tidak mempunyai sempadan bandar dan desa yang jelas bagi mengawal pembangunan bandar atau rebakan antara desa dan bandar.
3. Sebahagian besar perletakkan kemudahan awam kampung tertumpu di dalam kawasan kampung induk.
4. Aktiviti ekonomi penduduk yang berasaskan kepada pertanian, penternakan dan perikanan berupaya untuk dikembangkan bagi mengurangkan kebergantungan bahan mentah dari luar.


6.4 Cadangan Am

1. Menentukan sempadan kampung yang jelas sebagai penentuan had pembangunan bagi mengekang rebakan pembangunan perbandaran.
2. Memperkasa penyediaan kemudahan awam di kampung – kampung yang tidak mempunyai kemudahan awam dengan mengikut kesesuaian kawasan.
3. Mempelbagaikan aktiviti ekonomi desa yang berskala besar berasaskan sumber pertanian, perikanan dan pelancongan.
4. Meningkatkan penyediaan infrasturuktur asas desa
5. Menghidupkan budaya desa dengan menganjurkan program kemasyarakatan melibatkan semua golongan penduduk tanpa mengira umur dan bangsa.

Kawasan Petempatan Desa Kampung Bebuloh



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040


PEARL OF BORNEO

BAB

07



Reka Bentuk Bandar Dan Warisan



The Chimney
(Muzium Chimney)

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Reka Bentuk Bandar & Warisan

Kewujudan imej bandar yang kuat dan jelas membantu pembentukan identiti dan karakter pusat bandar yang menarik. Kajian sektor reka bentuk bandar dan warisan dalam Laporan Tinjauan ini memfokuskan kepada aspek penilaian awal pelaksanaan pelbagai dasar berkaitan usaha pengukuhan imej bandar, identiti dan tema pembangunan di sekitar Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. Hasil tinjauan dan pemerhatian awal di lapangan, beberapa penemuan berkaitan keadaan imej bandar semasa, tahap penerapan tema atau konsep pembangunan dan kewujudan elemen reka bentuk bandar sedia ada dirumuskan. Secara umum, imej bandar di WP Labuan terbentuk hasil kewujudan beberapa elemen seperti laluan (*path*), titik tumpu (*nodes*), mercu tanda (*landmark*), edges (*pinggiran*) dan daerah (*district*). Selain itu, kewujudan dan keadaan semasa aset warisan di sekitar Pulau Labuan turut dikenalpasti, direkodkan dan didokumenkan.

7.1 Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor reka bentuk bandar dan warisan melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Berikut adalah penilaian pencapaian dasar berkaitan sektor reka bentuk bandar dan warisan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 7.1 hingga 7.6.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 7.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan.

Tonggak VI: Memperkukuhkan Pertumbuhan Ekonomi		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
C: Menyediakan Infrastruktur Berkualiti	C1: Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu	- Sistem pengangkutan awam di Labuan masih kurang memuaskan. Tahap kualiti, keselamatan dan perkhidmatan pengangkutan awam bandar perlu dipertingkatkan. RMK11 menggariskan pengangkutan awam perlu sentiasa tersedia, berdaya harap dan selesa kepada pengguna untuk menjadikannya sebagai mod pilihan perjalanan. Perkhidmatan awam di Labuan perlu dipertingkatkan bagi menambah baik perkhidmatan dan ketersambungan di luar, pinggir dan pusat bandar, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, kesesakan lalu lintas, dan pencemaran udara.
	C3: Menambah Baik Infrastruktur Digital	- Infrastruktur berasaskan teknologi maklumat dan tahap ketersambungan perkhidmatan bandaran di Labuan perlu dipertingkatkan untuk menyokong pelaksanaan Bandar Pintar (Smart City).

Sumber : RMK Ke-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara-3

Jadual 7.2 : Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar & Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1 : Pertumbuhan Bandar yang Seimbang.	PD 1.1 : Memperkukuhkan Kawasan Pertumbuhan.	- Fungsi dan imej Labuan sebagai Pusat Perniagaan Kewangan Antarabangsa (IBFC) perlu terus diperkukuhkan. DPN2 mengunjurkan menjelang tahun 2025, populasi WP Labuan dijangka mencecah 990,000. Keadaan ini memerlukan pengagihan populasi di pusat petempatan utama lain selain di Pusat Bandar Labuan. Unjuran penduduk tersebut perlu dinilai semula.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara-3

Jadual 7.2 : Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb.)

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
KD 1 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan.	KD 1.6 : Memperkukuhkan Perlindungan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Arkeologi dan Semulajadi Negara.	- WP Labuan mempunyai pelbagai aset warisan budaya ketara termasuk tapak/ bangunan/ monumen dan warisan semulajadi geologi yang berpotensi untuk diwartakan menjadi 'Tapak Warisan Kebangsaan'. Dasar ini wajar diteruskan.
KD3 : Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan	KD 3.1 : Mewujudkan Bandar dan Pembangunan Rendah Karbon.	- Labuan telah diisytiharkan sebagai 'Pulau Rendah Karbon' pada tahun 2017 oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Imej dan reka bentuk bandar Bandar Labuan sebagai sebuah bandar rendah karbon perlu dipertingkatkan. Dasar ini wajar diteruskan.
	KD 3.4 : Membangunkan Mobiliti Rendah Karbon.	- Labuan masih belum mempunyai sistem pengangkutan awam yang berorientasikan 'Mobiliti Rendah Karbon'. Pengangkutan awam sedia ada masih menggunakan kenderaan komersial konvensional. Dasar ini wajar diteruskan.
Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni		
KI 2 : Persekitaran Komuniti Berdaya Huni.	KI 2.1 : Menjadikan Ruang Awam sebagai Ruang Aktif Intergrasi Komuniti.	- Pusat Bandar Labuan mempunyai sekurang-kurangnya 10 ruang awam termasuk taman poket (*pocket park*), dataran (*square*), padang dan persiaran laluan pejalan kaki (*pedestrian mall*). Terdapat sebahagian ruang awam bandar perlu dipertingkatkan dari aspek kualiti reka bentuk, fungsi dan kemudahsampaian. Dasar ini wajar diteruskan.
	KI 2.2 : Memperkukuhkan Kepentingan Budaya dan Warisan	- Sejarah penubuhan WP Labuan telah bermula 1800-an sebagai sebuah bandar pelabuhan, pusat perlombongan arang batu dan pengkalan tentera pada zaman British. Terdapat pelbagai aset warisan budaya ketara termasuk tapak/ bangunan/ monumen di sekitar pulau berpotensi untuk diwartakan menjadi 'Tapak Warisan Kebangsaan'. Imej Labuan sebagai 'Pulau Warisan' perlu diperkukuhkan. Dasar ini wajar diteruskan.
	KI 2.3 : Mewujudkan Persekitaran Selamat.	- Labuan telah melaksanakan Program Bandar Selamat (PBS) yang telah diperkenalkan PLANMalaysia bersama PDRM pada tahun 2004. Semua PBT termasuk Perbadanan Labuan (PL) telah menerapkan prinsip Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat (CPTED) di sekitar pusat bandar bermula tahun 2010 melalui pelaksanaan 'Bandar Selamat 2010' seperti pengasingan laluan pejalan kaki daripada kenderaan bermotor, cermin keselamatan, pemasangan CCTV, menaiktaraf pencahayaan tempat awam, kaki lima dan lorong belakang premis. Dasar ini wajar diteruskan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara-2

Jadual 7.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN Ke-2 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.1 : Penyediaan Rumah Mampu Milik Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Komprehensif Untuk Semua Lapisan Masyarakat.	2.1.1 : Penyediaan pelbagai jenis perumahan yang mencukupi dan berkualiti untuk setiap golongan masyarakat mengikut keperluan.	- Tapak-tapak yang sesuai dan kawasan *brownfield* dalam bandar yang boleh dibangunkan untuk projek perumahan mampu milik. Kewujudan rumah mampu milik dalam kawasan pusat bandar dipercayai dapat mewujudkan persekitaran bandar lebih aktif dan *vibrant* selepas waktu kerja. Dasar ini wajar diteruskan.
2.2 : Tangani Peningkatan Kos Sara Hidup.	2.2.1 : Penyediaan Rumah Mampu Milik di dalam bandar dan kawasan Transit Oriented Development (TOD).	- Pembangunan Perumahan Mampu Milik, Rumah Transit dan Rumah Pekerja Berpusat untuk generasi muda, pekerja industri dan penjawat awam di dalam kawasan pusat bandar perlu digalakkan. Dasar ini wajar diteruskan.
2.3 : Pemerkasaan Sistem Pengangkutan Awam Yang Komprehensif, Mampan, Bersepadu, Efisien Dan Mampu Tanggung.	2.3.1 : Perancangan sistem pengangkutan yang mencapai Modal Split 40 : 60.	- Pelan Tindakan Integrasi Pengangkutan Awam bagi Pulau Labuan perlu disediakan. Dasar ini wajar diteruskan. - Menyediakan rangkaian pejalan kaki dan basikal terutamanya di kawasan berdekatan stesen atau terminal pengangkutan awam. Dasar ini wajar diteruskan.
2.5 : Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Yang Selamat Dan Beridentiti.	2.5.1 : Pewujudan bandar yang selamat, *Strong Sense of Place* dan beridentiti untuk didiami, bekerja dan beriadah.	- WP Labuan memenuhi beberapa ciri-ciri khas bandar DPN2 yang berpotensi untuk dibangunkan mengikut keistimewaan tersendiri iaitu 1) Bandar Pelancongan (Bandar Pesisiran Pantai & Bandar Bersejarah/ Warisan), 2) Bandar Berciri Khas (Bandar Aeropolis & Bandar Tentera), 3) Bandar Perindustrian Khas dan 4) Bandar Pelabuhan. - Pelan perancangan dan pembangunan ruang awam di bandar perlu selari dengan imej, tema, konsep untuk meningkatkan tahap *sense of place*. Dasar ini wajar diteruskan.
	2.5.2 : Pemuliharaan dan pemeliharaan serta usaha pewartaan tapak warisan dan bangunan bersejarah di dalam bandar.	- Usaha pemuliharaan, pemeliharaan dan pewartaan aset warisan ketara (bangunan, tapak, monumen & objek) di sekitar Labuan perlu dipergiatkan dengan meningkatkan kerjasama antara agensi berkaitan bersama NGO dan komuniti setempat. Dasar ini wajar diteruskan.
2.6 : Peningkatan Gaya Hidup Sihat Dan Rendah Karbon	2.6.1 : Pengukuhan kawasan bandar sebagai pusat riadah dan rekreasi.	- Memastikan semua tanah lapang dan kawasan rekreasi sedia ada dikekalkan dan diwartakan. Pusat Bandar Labuan mempunyai sekurang-kurangnya 10 ruang awam termasuk taman poket (*pocket park*), dataran (*square*), padang dan persiaran laluan pejalan kaki (*pedestrian mall*). Terdapat sebahagian ruang awam bandar perlu dipertingkatkan dari aspek kualiti reka bentuk, fungsi dan kemudahsampaian. Dasar ini wajar diteruskan. - Pelaksanaan Program Bandar Sihat (*Healthy City*) berpotensi untuk diperkenalkan di WP Labuan dengan mewujudkan 'Healthy City Labuan Plan'. Dasar ini wajar diteruskan.

Sumber : DPN Ke-2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 7.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN Ke-2 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni

Objektif	Strategi	Pencapaian
2.9 : Persekitaran Bandar Yang Selamat	2.9.1 : Pelaksanaan Program Bandar Selamat dilebarluaskan	- PL telah menerapkan prinsip Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat (CPTED) di sekitar pusat bandar bermula tahun 2010 melalui pelaksanaan 'Bandar Selamat 2010' seperti pengasingan laluan pejalan kaki daripada kenderaan bermotor, cermin keselamatan, pemasangan CCTV, menaiktaraf pencahayaan tempat awam, kaki lima dan lorong belakang premis. Semua langkah Program Bandar Selamat dalam bandar boleh dilaksanakan di semua petempatan utama Labuan pada masa hadapan. Dasar ini wajar diteruskan.

Prinsip 3 : Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

Objektif	Strategi	Pencapaian
3.1 : Peningkatan Daya Saing dan Kepadatan Ekonomi Bandar.	3.1.1 : Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar.	- Salah satu Zon Promosi Pembangunan (ZPP) DPN2 daripada 12 ZPP berada di Labuan. Kawasan atau zon kluster ekonomi telah dikenalpasti merangkumi koridor Pusat Bandar Labuan-kawasan industri Rancha-Rancha. Penerapan elemen reka bentuk bandar dan imej bandar bertema yang bersesuaian perlu diperkukuhkan. Dasar ini wajar diteruskan. - Labuan Development Blueprint 2030 telah dijadikan pelan induk pembangunan semasa dalam memperkukuhkan imej kluster ekonomi dalam bandar. DPN2 telah mengenalpasti 1 Bandar Wilayah (Bandar Labuan) dan 4 Bandar Tempatan (Bebuloh, Layang-Layangan, Ganggarak dan Simpang Tamu). Penerapan elemen reka bentuk bandar dan imej bandar bertema yang bersesuaian perlu diperkenalkan di Bandar Tempatan. Dasar ini wajar diteruskan.
3.5 : Pengintegrasian Perancangan Pembangunan Kampung Dalam Bandar.	3.5.1 : Pengemaskinian maklumat mengenai kampung dalam bandar.	- Pangkalan data yang mengandungi maklumat kampng dalam bandar dari segi keluasan, taburan bangunan, profil penduduk, ciri-ciri penduduk, imej, sejarah, identiti, budaya dan warisan perlu diwujudkan. Sempadan kampung tradisional dan kampung dalam bandar perlu ditetapkan. Dasar ini wajar diteruskan. - Menyediakan Pelan Pembangunan Strategik Bersepadu yang mengandungi: a) Analisis potensi pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan. b) Cadangan penambahbaikan dan pembangunan. c) Cadangan pengurusan d) Sekatan-sekatan yang menghalang pembangunan e) Lain-lain yang berkaitan
3.6 : Penggunaan Kawasan Brownfield Yang Optimum.	3.6.1 : Pengemaskinian maklumat mengenai kawasan brownfield dalam bandar	- Pangkalan data yang mengandungi maklumat kawasan brownfield perlu diwujudkan.

Sumber : DPN Ke-2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 7.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN Ke-2 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

Prinsip 4 : Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama

Objektif	Strategi	Pencapaian
4.5 : Penyediaan Keperluan Golongan Warga Emas Dan OKU Dalam Pembangunan Bandar Yang Pelbagai.	4.5.1 : Peningkatan penyediaan kemudahan keperluan golongan warga emas dan OKU dalam pembangunan bandar.	- PL telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk warga emas dan OKU dengan mengikut Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat. Kemudahan yang sama perlu diperluaskan ke kawasan Bandar Tempatan lain sekitar Labuan. Dasar ini wajar diteruskan.

Prinsip 5 : Pembangunan Hijau

Objektif	Strategi	Pencapaian
5.1 : Penerapan Elemen Hijau Dalam Pembangunan Bandar.	5.1.1 : Penerapan elemen-elemen pembangunan hijau dalam dokumen perancangan.	- Memastikan semua rancangan pemajuan menerapkan elemen pembangunan bandar hijau dan rendah karbon secara menyeluruh. Labuan telah diisytiharkan sebagai 'Pulau Rendah Karbon' sejak tahun 2017 oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Imej dan reka bentuk bandar Bandar Labuan sebagai sebuah bandar rendah karbon perlu dipertingkatkan. Dasar ini wajar diteruskan.
5.2 : Penggunaan Tenaga Yang Lebih Efisien dan Mampan.	5.2.4 : Pembangunan mobiliti bandar yang berorientasikan pejalan kaki, berbasikal dan pengangkutan awam.	- PL telah menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung yang bersambungan antara sesebuah kawasan dengan kawasan lain dan di antara bangunan dengan bangunan lain dalam bandar. Laluan basikal khas perlu disediakan dalam kawasan pusat bandar dan sekeliling pulau. Dasar ini wajar diteruskan. - Kemudahan tempat letak basikal dan laluan khusus menghubungkan pusat pelancongan, pusat tumpuan komuniti, pusat perdagangan, bangunan kerajaan, taman awam dan pesisiran pantai perlu disediakan. Dasar ini wajar diteruskan.
5.4 : Pengurusan Badan Air Yang Efisien dan Mampan.	5.4.2 : Peningkatan potensi badan air sebagai kawasan rekreasi dan riadah dalam bandar.	- Labuan Blueprint Development 2030 telah mengenalpasti potensi pembangunan pesisir air (waterfront development). Pelan Koridor Biru Labuan/ RKK Pesisir Air Bandar Labuan yang komprehensif perlu disediakan pada masa hadapan. Dasar ini wajar diteruskan.
5.5 : Penambahan Saiz, Kualiti dan Bilangan Kawasan Lapang.	5.5.1 : Perancangan Makro Untuk Tanah Lapang.	- Semua tanah lapang sedia ada perlu diwartakan. Dasar ini wajar diteruskan. - Reka bentuk inovatif untuk mewujudkan tanah lapang bagi kegunaan orang awam yang mempunyai nilai social yang tinggi, berdasarkan kepada ciri unik setiap kawasan perlu diperkenalkan. Dasar ini wajar diteruskan.
5.6 : Penambahan Saiz dan Kualiti Kawasan Hijau.	5.6.1 : Peningkatan usaha pemeliharaan pokok dalam bandar.	- Usaha pemeliharaan pokok matang di sekitar pulau perlu dipertingkatkan khususnya di sepanjang pesisir pantai. Dasar ini wajar diteruskan.

Sumber : DPN Ke-2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

Jadual 7.4: Penilaian Pencapaian Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan.

Teras 3 : Pengukuhan Daya Huni Desa		
Dasar	Strategi	Pencapaian
DD 1 : Pemeliharaan Karektor Spatial Desa.	DD 1.1 : Menentukan Sempadan Kampung.	- Sempadan kampung tradisional dan kampung dalam bandar di sekitar WP Labuan perlu dikenalpasti dan diwartakan. Kajian Penentuan Sempadan Kampung bagi memastikan maklumat sempadan 27 kampung dan kedudukan spatial kemudahan awam sedia ada di dalam Pangkalan Data Desa Malaysia (PDDM) dapat diintegrasikan dengan Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia/ *Spatial Characteristics of Rural Malaysia System* (S-CHARMs) yang akan dibangunkan oleh PLANMalaysia. Terdapat 3 tipologi utama kampung di Labuan iaitu Kampung Tradisional, Kampung Nelayan dan Kampung Atas Air yang berpotensi dijadikan 'Kampung Warisan' atau produk pelancongan berasaskan budaya. Dasar ini wajar diteruskan.
DD 2 : Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Warisan Desa	DD 2.1 : Memulihara Rumah Melayu Tradisional	- DD 2.1.1 Tiada rekod jelas. Kewujudan rumah tradisional di sekitar WP Labuan perlu dikenalpasti dan direkodkan. Kewujudan rekod dan dokumentasi yang lengkap terhadap sebarang keunikan dan perincian gaya senibina dapat membantu usaha pemuliharaan pada masa hadapan berdasarkan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan yang disediakan Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2012.

Sumber : Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 7.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan.

Prinsip 1 : Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E2 : Labuan dimajukan sebagai pusat pelaburan, kewangan dan perniagaan serantau.	E2-CA3 : Memperkukuhkan status Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serantau bagi meningkatkan daya saing ekonomi.	- E2-CA3 Imej Bandar Labuan masih dikenali sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serantau. Dasar ini wajar diteruskan.
E4 : Keupayaan sektor pelancongan dipertingkatkan bagi menarik kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa.	E4-CA1 : Mengenalpasti sumber aset tinggalan sejarah, produk sedia ada dan mampu maju untuk dibangunkan, dinaiktaraf dan dipelbagai secara bersepadu.	- E4-CA1 Beberapa sumber aset baharu seperti tapak warisan, geologi dan tinggalan struktur kapal lama telah dikenalpasti. Aset tinggalan sejarah dan produk sedia ada berpotensi untuk dibangunkan, dinaiktaraf, dipromosi dan dipelbagaikan. Dasar ini wajar diteruskan.

Sumber : Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 7.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

Prinsip 2 : Persekitaran Kondusif dan Harmoni		
Dasar	Strategi	Pencapaian
P1 : Penggunaan tanah yang optima bagi menampung keperluan sosial dan ekonomi ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang lestari.	P1-CA2 : Mengoptimakan penggunaan tanah dan pembangunan zon pusat bandar melalui konsep pembangunan kawasan infill dan brownfield.	- P1-CA2 Penggunaan tanah dan pembangunan zon pusat bandar melalui konsep pembangunan kawasan *infill* dan *brownfield* perlu digalakkan. Pembaharuan semula dan penyesuaigunaan semula berpotensi dilaksanakan di kawasan uzur dan ditinggalkan. Dasar ini wajar diteruskan.
	P2-CA3 : Mengekal dan menambah kawasan hijauan di dalam kawasan bandar.	- P2-CA3 Kawasan hijau dalam bandar masih dikekalkan. Keperluan tambahan kawasan hijauan di dalam kawasan bandar dan pinggir bandar perlu diperhalusi. Dasar ini wajar diteruskan.
P3 : Labuan berperanan sebagai Pusat Separa Wilayah dan disokong dengan Pusat Petempatan Kecil (PPK).	P3-CA1 : Mengukuhkan fungsi Bandar Labuan sebagai Pusat Separa Wilayah dari segi meningkatkan penyediaan ICT dan kemudahan pendidikan peringkat tinggi serta kemudahan MICE.	- P3-CA1 Bandar Labuan masih berfungsi sebagai Pusat Separa Wilayah namun usaha meningkatkan penyediaan kemudahan berasaskan ICT dan kemudahan pendidikan peringkat tinggi serta kemudahan MICE perlu dipertingkatkan. Antara konsep yang berpotensi dipertimbangkan adalah pelaksanaan Bandar Pintar (*Smart City*).
	P3-CA2 : Mewujudkan Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur/ utiliti yang setara dari segi kuantiti dan kualiti.	- P3-CA2 DPN2 telah mengenalpasti 4 Pusat Petempatan Kecil (PPK) yang berpotensi iaitu Bebuloh, Layang-Layangan, Ganggarak dan Simpang Tamu. Kemudahan masyarakat dan infrastruktur/ utiliti yang setara dari segi kuantiti dan kualiti perlu disediakan di kawasan tersebut sesuai dengan tahap hierarki perbandaran PPK. Dasar ini wajar diteruskan.
	P3-CA3 : Mewujudkan identiti dan imej bandar yang lebih jelas dan teratur melalui penyusunan semula struktur bandar.	- P3-CA3 Identiti dan imej bandar yang lebih jelas dan teratur melalui penyusunan semula struktur bandar perlu diperkukuhkan. Tema dan konsep yang menarik dan sesuai dengan fungsi perlu diterjemah dalam reka bentuk secara fizikal. Dasar ini wajar diteruskan.
P5 : Rekabentuk Bandar Diperkukuhkan Bagi Mewujudkan Identiti Bandar Yang Jelas Dan Menarik.	P5-CA1 : Mewujudkan fabrik bandar yang teratur sebagai kawasan tumpuan yang baru dengan kombinasi aktiviti komersil, rangkaian pejalan kaki dan elemen landskap lembut.	- P5-CA1 Fabrik bandar di pusat bandar Labuan didapati semakin teratur, kemas dan menarik. Sebahagian kawasan tumpuan baru di sekitar pusat bandar perlu diperlengkapkan dengan aktiviti komersil, rangkaian pejalan kaki dan elemen landskap lembut yang sesuai. Dasar ini wajar diteruskan di kawasan PPK yang telah dikenalpasti.
	P5-CA2 : Mengukuhkan elemen reka bentuk bandar melalui penerapan pendekatan Bandar Selamat.	- P5-CA2 Elemen Bandar Selamat seperti laluan perjalan kaki khusus dan pencahayaan didapati amat memuaskan di pusat bandar termasuk kawasan lorong belakang dan siar kaki. Dasar ini wajar diteruskan di kawasan PPK yang telah dikenalpasti.

Sumber : Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 7.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

Prinsip 2 : Persekitaran Kondusif dan Harmoni

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
	P5-CA3 : Pengukuhan kualiti visual bandar melalui pencahayaan bandar dan perabot bandar jalan yang menarik dan unik.	- P5-CA3 DPN2 Pusat Bandar Labuan didapati mempunyai tahap kualiti visual bandar yang baik dengan penyediaan pencahayaan dan perabot bandar jalan sedia ada yang menarik dan unik. Dasar ini wajar diteruskan di kawasan PPK yang telah dikenalpasti.
	P5-CA4 : Penyediaan mercu tanda sebagai imej dan identiti Bandar Labuan yang mewujudkan sense of welcoming kepada pengunjung.	- P5-CA4 Terdapat beberapa mercu tanda sedia ada yang menjadi tanda pengenalan ikonik dikalangan pengunjung di Labuan. Penyediaan lebih banyak mercu tanda sebagai imej dan identiti Bandar Labuan dapat mempertingkatkan *sense of welcoming* kepada pengunjung.
P6 : Pengurusan Landskap, Tanah Lapang dan Rekreasi Efektif bagi Meningkatkan Imej Persekitaran Labuan.	P6-CA2 : Meningkatkan imej landskap lembut dan kejur di kawasan pinggiran jalan, pusat bandar, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan lapang dan rekreasi.	- P6-CA2 Penyediaan imej landskap lembut dan kejur di kawasan pinggiran jalan pusat bandar adalah memuaskan namun masih perlu dipertingkatkan di kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan lapang dan rekreasi di pinggir bandar.
	P6-CA3 : Mewujudkan ruang-ruang hijau baru bagi mengimbangi pembangunan fizikal melalui jaluran hijau berpokok dan elemen semula jadi.	- P6-CA3 Ruang-ruang hijau baru bagi mengimbangi pembangunan fizikal melalui penyediaan jaluran hijau berpokok dan elemen semula jadi di sekitar pusat bandar dan pulau adalah memuaskan. Kewujudan pokok matang di sepanjang siar kaki, pesisiran pantai dapat mewujudkan ketenteraman dan ketenangan.
	P6-CA4 : Menambah baik dan menghubungkan elemen taman rekreasi dan kawasan hijau untuk mewujudkan kesinambungan taman bandar.	- P6-CA4 Elemen taman rekreasi dan kawasan hijau perlu dihubungkan untuk mewujudkan kesinambungan taman bandar. - Taman Botanikal berada di pinggir Pusat Bandar Labuan, tiada jaringan laluan pejalan kaki yang jelas untuk menghubungkan antara kawasan Taman Botanikal dengan Pusat Bandar Labuan.
	P6-CA7 : Menyediakan atau menaik taraf kemudahan-kemudahan tanah lapang dan rekreasi dengan menambah elemen landskap yang bersesuaian berdasarkan keperluan semasa dan semua golongan masyarakat.	- P6-CA7 Kemudahan-kemudahan tanah lapang dan rekreasi sedia ada telah ditambah dengan pelbagai elemen landskap yang bersesuaian berdasarkan keperluan semasa. Sebarang pertambahan elemen landskap perlu dipastikan sesuai dengan semua golongan masyarakat.

Sumber : Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 7.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

Prinsip 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
M3 : Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu Diperkukuh ke Arah Perkhidmatan yang Lebih Cekap dan Berkesan.	M3-CA2 : Menaiktaraf perkhidmatan bas untuk meningkatkan kemudahsampaian bagi mempertingkatkan perkhidmatan bas sebagai mod pengangkutan awam utama bagi penduduk Labuan.	- M3-CA2 Perkhidmatan bas awam (bas mini/ van) perlu dipertingkatkan dari segi kualiti kenderaan dan kekerapan perjalanan ke arah menjadikan bas sebagai mod pengangkutan awam utama bagi penduduk/ pengunjung dari/ ke pusat bandar/ tempat pelancongan di sekitar pulau.
M6 : Kampung-kampung yang Mempunyai Keistimewaan Tersendiri perlu Diperlihara.	M6-CA1 : Mengenal pasti kampung-kampung yang mempunyai ciri-ciri keisitimewaan dan keunikan untuk dipelihara.	- M6-CA1 Terdapat sebahagian kampung atas air telah dijadikan produk pelancongan. Kampung-kampung yang mempunyai ciri-ciri keisitimewaan dan keunikan dari segi nilai warisan ketara dan bukan ketara wajar dipertimbangkan untuk dipelihara.
	M6-CA2 : Membentuk identiti kampung berasaskan kepada sumber dan keistimewaan kampung berkaitan.	- M6-CA2 Penyediaan infrastruktur dan penambahbaikan kawasan perlu menekankan tema, konsep dan identiti kampung yang bersesuaian dengan sejarah dan keistimewaan kampung berkaitan.
	M6-CA3 : Melengkapkan elemen-elemen desa, imej dan suasana desa dari aspek fizikal dan persekitaran.	- M6-CA3 Elemen kedesaan, imej dan suasana desa dari aspek fizikal dan persekitaran berpotensi dipertingkatkan melalui proses pembaharuan semula.

Sumber : Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 7.6 : Penilaian Pencapaian Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan.

The Growth Drivers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
4 : Tourism	*ST - T2 Develop, Upgrade and Package Tourism Products Based on Tourist Island Approach.*	- Pelancongan berasaskan warisan tidak disenaraikan dalam Labuan Development Blueprint 2030 dan ia berpotensi untuk dibangunkan secara bersepadu dan dijadikan sebahagian segmen pelancongan. Terdapat pelbagai aset warisan ketara (bangunan, tapak, monumen dan objek) yang mempunyai nilai sejarah wajar digazet dan dipromosi. Dasar ini wajar diteruskan dan ditambahbaik.
	ST - T3 Improve Connectivity and Travelling Experience	- Tahap kesalinghubungan di peringkat mikro perlu ditambahbaik. Perkhidmatan bas awam atau sebarang bentuk mod pengangkutan lain perlu dipertingkatkan untuk memudahkan pergerakan pengunjung ke setiap destinasi pelancongan.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 7.6 : Penilaian Pencapaian Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Reka Bentuk Bandar & Warisan (samb).

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
1 : Connectivity	*ST - C3 Improving Local Road Access & Mobility*	- Jalan sekunder perlu dijadikan *'shared roads'* dalam usaha menjadikan aktiviti berbasikal sebagai mod pengangkutan alternatif utama ke tempat menarik. Jalan di kawasan CBD perlu diklasifikasikan sebagai *'shared space'* bagi kegunaan kenderaan persendirian, penunggang basikal dan pejalan kaki bagi pengunjung beralih kepada mod pengangkutan tersebut.
	ST - C4 Achieving 40:60 of Modal Share by 2020	- Cadangan untuk mewujudkan laluan khusus pengangkutan awam masih belum dilaksanakan bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di sekitar pulau.
	ST - C5 Providing a Seamless, Comfortable and Safe Pedestrian & Cycling Environment	- Laluan basikal khusus di Labuan masih belum diwujudkan. Labuan Development Blueprint 2030 mencadangkan laluan tersebut perlu meliputi kawasan sekolah, universiti, tempat kerja, kawasan rekreasi, klinik, dewan komuniti dan terminal pengangkutan yang dihiasi dengan landskap jalan *(streetscape)* berkualiti.
	ST - QL4 Enhancing Existing Open Space and Increase Public Open Space Area	- Labuan Development Blueprint 2030 menetapkan standard 2 hektar ruang awam untuk setiap 1000 orang populasi perlu dicapai menjelang 2030. Sebarang cadangan pemajuan pada masa hadapan perlu memastikan syarat minimum 10% penyediaan ruang awam dan taman dilaksanakan.
	ST - QL5 Adopting and Implementing Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)	- Elemen CPTED seperti pengasingan laluan pejalan kaki dan meningkatkan tahap pencahayaan jalan telah dilaksanakan di sekitar kawasan pusat bandar. Pemasangan CCTV di kawasan tumpuan pelancong masih perlu dipergiatkan pada masa hadapan. Pengintiegrasian penggunaan teknologi pintar dalam CPTED juga berpotensi untuk diterokai dan dilaksanakan.
	ST - QL6 Enhancing Ecology, Water Bodies and Biodiversity Areas	- Garis panduan reka bentuk bandar bagi pembangunan pesisir air masih belum diwujudkan untuk dijadikan panduan/ kerangka amalan baik pelaksanaan pembangunan di pinggir badan air.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

7.2 Penemuan Semasa

Berdasarkan pemerhatian dan tinjauan awal di tapak, berikut adalah perincian penemuan awal yang direkodkan.

7.2.1 Morfologi Bandar Labuan

Perkembangan Bandar Victoria (kemudian dikenali sebagai Bandar Labuan) bermula di bahagian Tenggara pulau. Bermula sebagai sebuah perkampungan nelayan kecil, Bandar Labuan dibangunkan secara moden oleh pihak kolonial British yang menjadikan ia sebagai bandar pelabuhan sekitar tahun 1846. Pentadbiran British bermula apabila pihak Kesultanan Brunei menyerahkan Labuan di *Ramsay Point* (Tg. Purun).

Petempatan pertama yang dibina dinamakan '*plain*' di kalangan Tentera Laut British. Struktur terawal yang dibina adalah rumah pengawal beserta tiang bendera pada tahun 1847, diikuti tiga unit bangunan berek kuarters Tentera Laut British, bangunan hospital tentera, kuarters Tentera Madras dan bangunan kedai berbumbung atap yang didirikan oleh para pedagang. Manakala jaringan jalan raya mula mengunjur berkembang ke arah Timur Laut. Sebuah pangkalan udara turut dibina di Timur Laut bandar.

Menjelang awal 1880-an, pihak British mula mengusahakan aktiviti perlombongan arang batu di bahagian Utara (Tg. Kubong) secara besar-besaran. Arang batu diangkut ke pusat bandar dengan keretapi dan dieksport keluar melalui Pelabuhan Labuan. Labuan juga diperintah Jepun semasa Perang Dunia. Selepas Perang Dunia ke-2, pihak Jepun telah dikalahkan oleh Tentera Bersekutu dan dikembalikan kepada British. Namun pusat bandar telah musnah keseluruhannya disebabkan aktiviti pengeboman. Pembinaan semula bandar membawa kepada kewujudan rumah kedai moden dan jaringan jalan baru.


Pemandangan pusat Bandar Labuan sekitar tahun 1908



Sumber: Jabatan Muzium Malaysia

Analisis Morfologi Pusat Bandar Labuan dari Tahun 1865-2020

Tahun 1865



Tahun 1964



Tahun 2020



Sumber: Jabatan Muzium Malaysia (Atas & Tengah) & Kajian RP Labuan 2040 (Bawah).

7.2.2 Sempadan Pusat Bandar Labuan

Kawasan yang terlibat dalam kajian tinjauan sektor ini meliputi kawasan *Central Business District* (CBD) atau *downtown* di pusat Bandar Labuan (Rujuk Rajah 7.1). Kawasan tersebut merangkumi sempadan Jalan Patau-Patau (Timur Laut), Jalan Tanjung Purun (Timur) dan sepanjang pesisir air pusat bandar (dari Selatan ke Barat Laut). Sempadan kawasan kajian ini adalah berdasarkan lokasi penumpuan aktiviti guna tanah komersil, guna bangunan, aktiviti perbandaran, kemudahan, kewujudan ruang awam serta unit rumah kedai.

7.2.3 Pintu Masuk Pusat Bandar Labuan

Terdapat 15 buah pintu masuk utama ke pusat Bandar Labuan yang merangkumi laluan darat dan laut (rujuk Rajah 7.2). Pintu masuk darat terbuka untuk laluan kenderaan persendirian umum, namun laluan pintu masuk laut boleh dibahagikan kepada 4 jenis berbeza iaitu kegunaan Umum, Persendirian (Jeti Marina/ Industri), Barangan (Pelabuhan Labuan) dan Kenderaan (Terminal Feri Kenderaan WP Labuan) (Rujuk Jadual 7.7 dan 7.8).

Jalan Tun Mustapha, Labuan.



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Terminal Feri Antarabangsa Labuan.



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040





Jadual 7.7 : Pintu Masuk Darat di Pusat Bandar Labuan


Jenis Pintu	Nama Pintu Masuk	Kategori
Pintu Masuk Darat	**Pintu 1 :** Persimpangan Jalan Patau – Jalan Bunga Tanjung	Umum
	Pintu 2 : Persimpangan Jalan Patau Patau – Jalan Tun Mustapha	Umum
	Pintu 3 : Jalan OKK Abdullah	Umum
	Pintu 4 : Jalan Tanjung Bendera	Umum
	Pintu 5 : Jalan Tanjung Purun	Umum

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.8 : Pintu Masuk Laut di Pusat Bandar Labuan

Jenis Pintu	Nama Pintu Masuk	Kategori
Pintu Masuk Laut	**Pintu 6 :** Shell Timur Sdn. Bhd.	Persendirian
	Pintu 7 : Marina Labuan	Persendirian
	Pintu 8 : Pelabuhan Labuan	Barangan
	Pintu 9 : Terminal Feri Kenderaan WP Labuan	Kenderaan
	Pintu 10 : Terminal Feri Penumpang WP Labuan	Umum
	Pintu 11: Jeti Bot Penambang	Umum
	Pintu 12: Jeti Bot Penambang	Umum
	Pintu 13: Jeti Bot Penambang	Umum
	Pintu 14: Jeti Bot Penambang	Umum
	Pintu 15: Jeti Pasar Lama	Umum

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 7.1
SEMPADAN KAWASAN KAJIAN DI PUSAT BANDAR LABUAN




Petunjuk :

- Sempadan Pusat Bandar

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Badan Air



Rajah 7.2
PINTU MASUK DARAT DAN PINTU MASUK LAUT KE PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Pintu Masuk Darat
- Pintu Masuk Laut

Lain-Lain Petunjuk :
- Jalan
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Badan Air

7.2.4 Senibina Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan

Deretan rumah kedai di Pusat Bandar Labuan terdiri daripada reka bentuk bangunan era 70-an serta tidak menggambarkan ciri-ciri reka bentuk senibina dan fasad yang menarik. Selepas Perang Dunia ke-2, kawasan pusat bandar telah dibangunkan semula dan rumah kedai tradisional telah digantikan dengan bangunan moden. Gaya seni bina fasad bangunan rumah kedai, ketinggian bangunan yang tidak konsisten dan penggunaan papan tanda bangunan yang tidak seragam perlu diberikan perhatian (Rujuk Rajah 7.3).

7.2.5 Ketinggian Bangunan Rumah Kedai dan *Skyline* di Pusat Bandar Labuan

Majoriti deretan rumah kedai di pusat bandar Labuan terdiri daripada bangunan dua (2) tingkat dan tiga (3) tingkat iaitu masing-masing 30 unit dan 53.3% berbanding 514 unit yang dinilai (rujuk Jadual 7.9). Namun dalam deretan rumah kedai terdapat juga unit bangunan melebihi tiga (3) tingkat. Dari sudut pandangan visual, keadaan ini mewujudkan ketidakseimbangan pemandangan garis latar langit atau *skyline* bangunan di pusat bandar (Rujuk Rajah 7.4).

Latar langit atau *skyline* merujuk kepada satu set garis ketinggian puncak bangunan atau struktur fizikal lain (menara). Kajian lapangan di Pusat Bandar Labuan mendapati terdapat beberapa bangunan/ struktur fizikal utama yang berfungsi sebagai garis latar langit (Rujuk Rajah 7.5).

514

Unit bangunan yang dinilai

Jadual 7.9 : Ketinggian Bangunan di Pusat Bandar Labuan.

Ketinggian	Bilangan	Peratus (%)
1 Tingkat	23	4.0
2 Tingkat	154	30.0
3 Tingkat	274	53.3
4 Tingkat	36	7.0
5 Tingkat	24	4.7
> 5 Tingkat	3	0.6
Jumlah	514	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

7.2.6 Struktur Semasa Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan

Gaya senibina dan keadaan struktur fasad bangunan memberi impak secara langsung terhadap kualiti imej bandar. Ia menyumbang kepada tahap kualiti persekitaran bandar. Terdapat lima (5) tahap kriteria penilaian yang digunakan bagi menilai keadaan struktur fasad bangunan rumah kedai seperti dalam Jadual 7.10. Hampir keseluruhan (92.4%) bangunan rumah kedai di pusat bandar Labuan mencapai tahap Sangat Baik. Manakala 35 unit (6.8%) di tahap Baik dan 4 unit (0.8%) di tahap Sederhana (Rujuk Jadual 7.11).

Jadual 7.10 : Kriteria Penilaian Struktur Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan.

Gred	Skala Pemeriksaan	Huraian
1	Sangat Baik	• Tiada Kecacatan; • Keadaan sangat baik; dan • Boleh berfungsi dengan baik
2	Baik	• Terdapat kecacatan atau kerosakan minor; • Keadaan baik; dan • Boleh berfungsi dengan baik
3	Sederhana	• Terdapat kecacatan atau kerosakan major; • Keadaan sederhana; dan • Masih boleh berfungsi tetapi perlu dipantau
4	Kritikal	• Tiada / terdapat kecacatan atau kerosakan major / minor; • Keadaan kritikal; dan • Tidak dapat berfungsi mengikut tahap perkhidmatan dipersetujui
5	Sangat Kritikal	• Keadaan sangat kritikal; • Tidak dapat berfungsi; dan • Berisiko yang boleh menyebabkan kecelakaan dan /atau kecederaan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.11 : Keadaan Semasa Struktur Fasad Bangunan Rumah Kedai di Pusat Bandar Labuan.

Tahap Penilaian Keadaan Semasa	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Baik	475	92.4
Baik	35	6.8
Sederhana	4	0.8
Jumlah	514	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 7.3
BANGUNAN RUMAH KEDAI DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Bangunan Rumah Kedai

Lain-Lain Petunjuk :
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air



Rajah 7.4
KETINGGIAN BANGUNAN RUMAH KEDAI DI PUSAT BANDAR LABUAN




Petunjuk :

- Sempadan Pusat Bandar
- Rumah Kedai 1 Tingkat
- Rumah Kedai 2 Tingkat
- Rumah Kedai 3 Tingkat
- Rumah Kedai 4 Tingkat
- Rumah Kedai 5 Tingkat
- Rumah Kedai >5 Tingkat

Lain-Lain Petunjuk :

- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air













Rajah 7.5
LATAR LANGIT (SKYLINE) DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :

- Sempadan Pusat Bandar

Lain-Lain Petunjuk :

- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air

7.2.7 Tahap Kemudahsampaian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan

Analisis terhadap jarak pejalan kaki ke ruang awam yang tersedia didapati tidak berhubung antara satu sama lain. Khususnya antara kawasan pusat perniagaan lama/ *downtown*/ Dataran Labuan – Ujana/ Muzium Marin. Dengan menggunakan 400m sebagai asas penilaian liputan, ruang awam R1, R2 dan R3 berada di luar liputan jarak pejalan kaki kawasan *downtown.*

Keadaan ini disebabkan ketiga-tiga ruang tersebut berada di pinggir Timur Pusat Bandar Labuan dan jauh dari kawasan rumah kedai yang menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pelancong mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Manakala ruang awam dari R4 hingga R11 mempunyai tahap kemudahsampaian yang baik dan sangat berdekatan antara satu sama lain dan ini menggalakkan pengunjung untuk menggunakan ruang awam yang terletak di Pusat Bandar Labuan dengan hanya berjalan kaki di dalam kawasan bandar (Rujuk Rajah 7.6).

7.2.8 Tahap Kefungsian Ruang Awam di Pusat Bandar Labuan

Kefungsian ruangan awam dinilai melalui penumpuan pengunjung ke sesebuah ruang awam, kepelbagaian aktiviti yang ditawarkan, tahap keaktifan aktiviti perniagaan di kawasan berhampiran disebabkan ruangan tersebut serta peranan kewujudan ruang awam dalam konteks perbandaran Labuan.

R4 (Dataran Labuan) dianggap ruang awam utama di Labuan melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan acara rasmi secara bermusim, namun ia kurang dikunjungi pengunjung dari kawasan *downtown* di luar musim. Ruang awam R1, R3 dan R4 mempunyai tahap kefungsian yang sederhana baik berbanding ruangan awam yang lain. Ruang tersebut terletak jauh dari pusat tumpuan utama *downtown* Bandar Labuan. Ruang awam R2 (padang bola) didapati paling kurang dikunjungi walaupun terletak bersebelahan Ujana Kewangan.

Manakala ruang awam R5 hingga R11 dianggap mempunyai tahap kefungsian yang sangat baik memandangkan kesemua terletak di kawasan tumpuan komersial dan juga terletak berdekatan antara satu dengan lain memudahkan dan mengalakkan pengunjung yang berjalan kaki di sekitar bandar menikmati kemudahan tersebut seperti R9 (Laman Victoria) (Rujuk Rajah 7.7).

Laluan pejalan kaki berbumbung yang disediakan



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Ruang awam Laman Victoria berfungsi sebagai *pedestrian mall*



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

7.2.9 Ruang Terbiar (*Lost Space*) di Pusat Bandar Labuan

Beberapa ruang terbiar (*lost space*) didapati wujud disekitar pusat Bandar Labuan (Rujuk Rajah 7.8). Ruang tersebut dianggap tidak menawarkan sebarang fungsi dan pembentukan imej bandar. Tanah kosong, bangunan terbengkalai, kawasan *brownfield* dan lorong belakang tidak dioptimumkan penggunaannya.

Analisis padu lompong (*solid void*) menunjukkan ruangan kosong yang wujud di sekitar pusat Bandar Labuan (Rujuk Rajah 7.8). Pembangunan secara *piecemeal* yang tidak berkesinambungan antara satu sama lain turut menjadi faktor kewujudan ruangan tersebut. Kawasan sekitar bekas pasar awam yang ditinggalkan di Jalan Hujung Pasir-Jalan Merdeka merupakan contoh ruang *lost space.*

Ruangan terbiar di kawasan *downtown* berpotensi mengundang aktiviti negatif dan mewujudkan persekitaran tidak selamat kepada penduduk dan pengunjung pusat Bandar Labuan.



Rajah 7.6
TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN RUANG AWAM DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Ruang Awam
- Badan Air
- Tepu Bina
- Bukan Tepu Bina
- Pengangkutan
- Pesisiran Air
- Laluan Pejalan Kaki
- Jarak Pejalan Kaki (400m)

Lain-Lain Petunjuk :
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air



Rajah 7.7
TAHAP KEFUNGSIAN RUANG AWAM DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Tahap Tinggi
- Sederhana
- Tahap Rendah

Lain-Lain Petunjuk :
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air



Rajah 7.8
PADU LOMPONG *(SOLID VOID)* DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Padu Lompong

Lain-Lain Petunjuk :
- Jalan
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Badan Air

7.2.10 Tahap Kualiti Visual di Pusat Bandar Labuan

Kualiti visual dalam kajian merujuk kepada *visual exposure* atau paparan visual yang dialami oleh pengunjung di sepanjang laluan masuk ke pusat bandar. Paparan visual semakin kuat disepanjang laluan yang mempunyai imej atau panorama berkesinambungan. Kualiti koridor visual di sekitar Pusat Bandar Labuan telah dinilai di beberapa lokasi strategik merangkumi pintu masuk dan persimpangan jalan utama, titik tumpu dan sekitar mercu tanda (Rujuk Jadual 7.12 & Rajah 7.9).

Jadual 7.12 : Kualiti Koridor Visual

No.	Tempat	Perincian Pemerhatian
1	Persimpangan Jalan Patau Patau – Jalan Bunga Tanjung	Pandangan pusat bandar dicacatkan oleh tanah kosong tahap kurang baik.
2	Persimpangan Jalan Patau Patau – Jln Tun Mustapha	Pandangan ke arah Pusat Bandar berada di tahap sederhana baik.
3	Jalan OKK Abdullah	Pandangan visual ke arah Pusat Bandar berada di tahap sederhana baik.
4	Jam Besar Labuan	Pandangan visual ke semua arah berada di tahap sangat baik.
5	Jalan Tanjung Purun	Pandangan visual ke arah Pusat Bandar berada di tahap sederhana baik.
6	Menara Tinjau Taman Awam Tanjung Purun	Pandangan visual ke arah laut dan pesisiran air di tahap sangat baik.
7	Labuan Marina	Pandangan visual ke arah laut dan pesisiran air di tahap sangat baik.
8	Bulatan Jalan Merdeka	Pandangan visual ke arah pusat bandar sangat baik , ke arah laut dan pesisiran air di tahap kurang baik.
9	Terminal Feri Antarabangsa Labuan	Pandangan visual ke arah laut dan pesisiran air di tahap sangat baik.
10	Siswazah Corner/ Waterfront	Pandangan sangat baik dan tiada halangan.
11	Pasar Lama Labuan	Pandangan Koridor Visual sangat baik dan tiada halangan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

7.2.11 Mercu Tanda *(Landmark)* & Pusat Tumpuan *(Nodes)* di Pusat Bandar Labuan

Terdapat beberapa mercu tanda di sekitar pusat Bandar Labuan yang merangkumi objek fizikal seperti bangunan (17), tugu (2) dan dataran (1). Selain itu terdapat 10 titik tumpuan (*nodes*) telah dikenalpasti. Ia terbentuk daripada pertemuan persimpangan jalan utama atau destinasi tarikan yang boleh dimasuki dan direntasi oleh pengunjung (Rujuk Jadual 7.13 dan Rajah 7.10).

Jadual 7.13 : Taburan Mercu Tanda *(Landmark)*

No.	Mercu Tanda	Jenis
1	UTC Labuan	Bangunan
2	Terminal Bas	Bangunan
3	Menara PL	Bangunan
4	Terminal Feri Antarabangsa	Bangunan
5	Hotel AIFA	Bangunan
6	Hotel Labuan	Bangunan
7	Muzium Labuan	Bangunan
8	Wisma PL	Bangunan
9	IPD Labuan	Bangunan
10	Dorsett Grand Labuan	Bangunan
11	Kompleks Ujana Kewangan	Bangunan
12	Labuan Marina	Bangunan
13	Medan Selera	Bangunan
14	Menara Jam Besar	Bangunan
15	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan	Bangunan
16	Menara Tinjau	Bangunan
17	Kompleks Lawn Bowling	Bangunan
18	Dataran Labuan	Dataran
19	Bulatan Jln. Merdeka	Tugu
20	Tugu Ikan Layar	Tugu

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040
















Lokasi:

1 Persimpangan Jln. Patau-Patau – Jln. Bunga Tanjung
2 Persimpangan Jalan Patau Patau – Jln Tun Mustapha
3 Jln. OKK Abdullah
4 Jalan Besar Labuan
5 Jalan Tanjung Purun
6 Menara Tinjau Taman Awam Tg. Purun
7 Labuan Marin
8 Bulatan Jalan Merdeka
9 Pelabuhan Labuan
10 Siswazah Corner
11 Pasar Lama Labuan

Rajah 7.9
TAHAP KUALITI VISUAL DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Sangat Baik
- Sederhana Baik
- Kurang Baik
- Titik Visual/ Sudut Pandang

Lain-Lain Petunjuk :
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air



1	UTC Labuan	11	Kompleks Ujana Kewangan
2	Terminal Bas	12	Labuan Marina
3	Menara PL	13	Medan Selera
4	Terminal Feri Antarabangsa	14	Menara Jam Besar
5	Hotel AIFA	15	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
6	Hotel Labuan	16	Menara Tinjau Taman Awam Tg. Purun
7	Muzium Labuan	17	Kompleks Lawn Bowling
8	Wisma PL	18	Dataran Labuan
9	IPD Labuan	19	Bulatan Jln. Merdeka
10	Dorsett Grand Labuan	20	Tugu Ikan Layar

17 Bangunan **2** Tugu **1** Dataran

Rajah 7.10
TABURAN MERCU TANDA (LANDMARK) & PUSAT TUMPUAN DI PUSAT BANDAR LABUAN



Petunjuk :
- Sempadan Pusat Bandar
- Mercu Tanda Bangunan
- Mercu Tanda Tugu
- Mercu Tanda Dataran
- Pusat Tumpuan (*Nodes*)

Lain-Lain Petunjuk :
- Guna Tanah Tepubina
- Guna Tanah Bukan Tepubina
- Jalan
- Badan Air

7.2.12 Bangunan,Tapak, Monumen dan Objek Warisan Di Labuan

Kajian ini turut mendapati terdapat kewujudan pelbagai aset bangunan dan tapak bersejarah yang dikaitkan dengan aktiviti perlombongan arang batu pada zaman pemerintahan British yang tidak dipelihara, diselenggara dan dipromosikan sebaiknya keberadaannya di sekitar Labuan.

Kajian ini hanya melibatkan Warisan Ketara (WK) kerana ia bersifat ketara *(tangible)* atau boleh dilihat, berbentuk fizikal, terpelihara menerusi masa atau zaman, statik atau tetap, dan merupakan bukti fizikal kesan selepas *(after-effect)* proses transformasi perbandaran berlaku di sesebuah petempatan. Berikut adalah perincian senarai bangunan, tapak, monument dan objek warisan yang terdapat di sekitar Pulau Labuan (Rujuk Jadual 7.14 sehingga 7.18 dan Rajah 7.11, 7.12 & 7.13).

Jadual 7.14 : Senarai Bangunan Warisan Di Labuan.

No.	Nama Bangunan Warisan	Jenis Warisan	Tahun Dibina	Usia	Tahap Signifikan
1.	Gedung Ubat	Warisan	1847	173	Tempatan
2.	Tokong Guang Fu Gong/ Kwong Fook Kung	Warisan	1852	168	Tempatan
3.	Rumah Api Lama Pulau Papan	Warisan	1895	125	Tempatan
4.	Rumah Api Pulau Kuraman	Warisan	1897	123	Tempatan
5.	Kuarters Rumah Api Pulau Kuraman	Warisan	1897	123	Tempatan
6.	SMK Labuan/ Government English School	-	1921	99	Tempatan
7.	St. Anne School/ St. Anne Convent	Warisan	1931	89	Tempatan
8.	Labuan Airport	-	1942	78	Tempatan
9.	Hospital Lama Labuan	-	1946	74	Tempatan
10.	St. Saviour's Church	Warisan	1950	70	Tempatan
11.	Muzium Labuan	Warisan	1950	70	Tempatan
12.	Pejabat Pos Labuan	Warisan	1950	70	Tempatan
13.	Rumah Kedai Tertua di Labuan	Warisan	1956	64	Tempatan
14.	Victoria Hotel	Warisan	1960	60	Tempatan
15.	Pangkalan TUDM Labuan	Warisan	1966	54	Tempatan
16.	Rumah Api Tanjung Kubong	Warisan	1973	47	Tempatan
17.	Gudang 1975	-	1975	45	Tempatan
18.	Masjid Jamek An-Nur/ Masjid Negeri Wilayah Persekutuan Labuan	-	1987	33	Tempatan
19.	Gurdwara Sahib Labuan	-	1997	23	Tempatan
20.	Muzium Chimney	Warisan	2000	20	Tempatan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.15 : Senarai Tapak Warisan Di Labuan.

No.	Nama Tapak Warisan	Jenis Warisan	Tahun Dibina	Usia	Tahap Signifikan
1.	Geologi : Formasi Tanjung Punei Crocker daripada batu pasir di Tanjung Kiamsam	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
2.	Geologi : Formasi Temburong di Kampung Bebuloh Darat	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
3.	Geologi : Formasi Belait Pantai Tanjung Batu	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
4.	Geologi : Formasi Setap Shale Enapan Lumpur Volkano di Kg. Layang-Layangan	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
5.	Geologi : Formasi Belait Pantai Tanjung Layang-Layangan	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
6.	Geologi : Bekas Lombong Arang Batu Lubok Temiang (1848-1946)	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
7.	Geologi : Resapan Minyak Bukit Minyak Gas	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
8.	Geologi : Formasi Belait - Late Miocene di Pantai Tanjung Kubong	Warisan Semulajadi	-		Kebangsaan
9.	United Nation (UN) Beach	Warisan Semulajadi	2008	12	Kebangsaan
10.	Ramsey Point	Warisan	1846	174	Kebangsaan
11.	Terowong Arang Batu No. 1 Lubang Gantang	Warisan	1846	174	Kebangsaan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.15 : Senarai Tapak Warisan Di Labuan (sambungan)

No.	Nama Monumen Warisan	Jenis Warisan	Tahun Dibina	Usia	Tahap Signifikan
12.	Terowong Arang Batu No. 3,4 & 7	Warisan	1846	174	Kebangsaan
13.	Edwardes Town	Warisan	1850-1879	170-141	Kebangsaan
14.	Taman Botanikal Labuan	Warisan	1852	168	Kebangsaan
15.	Stesen Penyegitigaan/ Trigonometri Bukit Timbalai	Warisan	1930	90	Kebangsaan
16.	Memorial Perkuburan Perang Dunia Ke-2 Labuan	Warisan	1945	75	Kebangsaan
17.	Tapak Kubur Sarjan Adam C. Sutherland, Marin Diraja	Warisan	1846	174	Tempatan
18.	Tapak Kubur Komander James A. Gordon, HMF Wolf	Warisan	1847	173	Tempatan
19.	Tapak Rumah Bumbung 12/ Labuan Government House/ Rumah Kerajaan	Warisan	1852	168	Tempatan
20.	Pusara Peringatan British	Warisan	1866	154	Tempatan
21.	Raffles Anchorage	Warisan	1875	145	Tempatan
22.	Tapak Perkuburan Lama Tanjung Keramat	Warisan	1887	133	Tempatan
23.	Tapak Replika Menara Jam Labuan	Warisan	1906	114	Tempatan
24.	Tapak Kubur Jim (Anjing peliharaan M.S. Mac Arthur), Residen Pertama Labuan	Warisan	1908	112	Tempatan
25.	Pokok sempena ulang tahun pertabalan Queen Elizabeth II	Warisan Semulajadi	1953	67	Tempatan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.16 : Senarai Monumen Warisan Di Labuan.

No.	Nama Monumen Warisan	Jenis Warisan	Tahun Dibina	Usia	Tahap Signifikan
1.	Menara Chimney/ Punil	Warisan	1890	130	Kebangsaan
2.	WWII-Borneo Surrender Point	Warisan	1945	75	Kebangsaan
3.	Peace Park/ Taman Damai	Warisan	1982	38	Kebangsaan
4.	Memorial Peringatan Jeneral Maida	Warisan	1943	77	Tempatan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.17 : Senarai Objek Warisan Di Labuan.

No.	Nama Objek Warisan	Jenis Warisan	Tahun Dibina	Usia	Tahap Signifikan
1.	Perjanjian Labuan (Penyerahan Labuan oleh Sabah sebagai Wilayah Persekutuan)	Warisan	1984	36	Kebangsaan
2.	S.S De Klerk/ Australian Wreck	Warisan	1942	78	Tempatan
3.	USS Salute/ American Wreck	Warisan	1945	75	Tempatan
4.	Tung Hwang/ Cement Wreck	Warisan	1980	40	Tempatan
5.	MV Mabini Padre/ Blue Water Wreck	Warisan	1981	39	Tempatan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.18 : Peratusan Bangunan, Tapak, Monumen dan Objek Warisan Di Labuan.


Jenis Warisan	Bilangan	Peratusan (%)
Bangunan	20	37.03%
Tapak	25	46.30%
Monumen	4	7.41%
Objek	5	9.26%
Jumlah	**54**	**100.00%**

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 7.19 : Peratusan Tahap Signifikan Warisan Di Labuan.

Tahap Signifikan	Bilangan	Peratusan(%)
Kebangsaan	20	37.04%
Tempatan	34	62.96%
Jumlah	**54**	**100.00%**

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Rajah 7.11
TABURAN BANGUNAN WARISAN DI LABUAN




Petunjuk :

- Bangunan Warisan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai




Rajah 7.12
TABURAN TAPAK WARISAN DI LABUAN



Petunjuk :
- Tapak Warisan

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 7.13
TABURAN MONUMEN DI LABUAN



Petunjuk :

- Monumen Warisan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

7.2.13 Reka Bentuk Bandar Tempatan

Selain pusat Bandar Labuan, kajian turut menganalisis imej dan karakter serta tahap aksesibiliti di empat (4) petempatan yang telah dikenalpasti Dasar Perbandaran ke-2 (DPN2) berpotensi dinaiktaraf menjadi 'Bandar Tempatan' iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-layangan dan Bebuloh (rujuk Rajah 7.14). Berikut adalah huraian imej dan tahap aksesibiliti setiap Bandar Tempatan yang dicadangkan:

i. Imej, Karakter dan Tahap Aksesibiliti Simpang Tamu

Simpang Tamu mempunyai beberapa komponen kemudahan awam utama seperti Hospital Labuan, Kompleks Sukan Labuan, dan Institut Latihan Perindustrian Labuan. Selain itu, aktiviti guna tanah utama lain ialah perumahan dan juga komersial. Terdapat dua (2) buah kampung di Simpang Tamu iaitu Kg. Pantai dan Kg. Sungai Bangat. Bandar Tempatan ini mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi dan berada di lokasi strategik persimpangan Jalan Tun Mustapha-Jalan Mohammed Salleh. Jarak antara Bandar Labuan ke Simpang Tamu hanya sejauh 5km.

Simpang Tamu



ii. Imej, Karakter dan Tahap Aksesibiliti Ganggarak

Ganggarak mempunyai tiga karakter aktiviti guna tanah iaitu institusi dan kemudahan masyarakat, perumahan serta komersial. Antara institusi dan kemudahan masyarakat di kawasan ini ialah Pusat Kokurikulum Negeri, Kolej Matrikulasi Labuan dan Masjid Kg. Ganggarak. Manakala terdapat dua (2) buah kampung di kawasan ini iaitu Kampung Lajau di arah selatan dan juga Kampung Ganggarak di bahagian utara. Bandar Tempatan ini juga mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi dan berada di lokasi strategik persimpangan Jalan Tun Mustapha-Jalan OKK Daud. Jarak antara Bandar Labuan ke Ganggarak hanya sejauh 13km.

Ganggarak



iii. Imej, Karakter dan Tahap Aksesibiliti Layang-Layangan

Layang-Layangan mempunyai karakter bandar dan aktiviti guna tanah yang pelbagai seperti perumahan, komersial, institusi dan kemudahan masyarakat, kawasan lapang dan juga utiliti. Antara kemudahan perkhidmatan dan tarikan tersedia adalah Taman Damai/ Anjung Budaya, balai raya, masjid serta Balai Bomba dan Penyelamat Layang-Layangan. Bandar Tempatan ini terletak di persimpangan empat antara Jalan OKK Daud-Jalan Mohammed Salleh-Jalan Damai menjadikan kawasan tersebut mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi. Jarak antara Bandar Labuan ke Simpang Tamu hanya sejauh 10km.

Layang-layangan




iv. Imej, Karakter dan Tahap Aksesibiliti Bebuloh

Bebuloh mempunyai tiga aktiviti guna tanah utama di sekitar kawasannya. Antaranya ialah institusi dan kemudahan masyarakat seperti Balai Polis Bebuloh, Klinik Desa Bebuloh, Masjid Kg. Bebuloh dan Sekolah Kebangsaan Bebuloh. Selain aktiviti guna tanah diatas ialah perumahan dan perusahaan industri kecil. Terdapat tiga (3) buah kampung di kawasan ini iaitu Kampung Bebuloh Darat, Kampung Bebuloh Laut dan Kampung Belukut. Bandar Tempatan ini dihubungkan melalui Jalan Kinabenuwa -Jalan Bebuloh. Jarak antara Bandar Labuan ke Bebuloh hanya sejauh 11km.

Bebuloh





Rajah 7.14
TABURAN BANDAR-BANDAR TEMPATAN DI LABUAN



Petunjuk :

- Pusat Bandar
- Bandar Tempatan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

7.3 Isu dan Prospek

Analisis dan penemuan kajian di tapak menunjukkan terdapat beberapa isu dan prospek yang boleh diteliti untuk tujuan penambahbaikan dari aspek sektor reka bentuk bandar dan warisan.

i. Ketidakjelasan Imej dan Fungsi Bandar

Labuan mempunyai dua (2) imej atau fungsi utama iaitu sebagai sebuah 'Pulau Bebas Cukai' dan 'Pusat Kewangan Luar Pantai' (Offshore Financial Center). Selain itu, kewujudan struktur tangki aktiviti industri berasaskan pemprosesan minyak dan gas turut menyumbang kepada imej bandar semasa. Kajian mendapati, Labuan turut dipromosikan sebagai sebuah 'pulau pelancongan' melalui siri penganjuran aktiviti sukan bertaraf antarabangsa. Kepelbagaian fungsi dan aktiviti ekonomi tersebut menjadikan imej Pulau Labuan kurang 'jelas' dan sukar diterjemahkan secara fizikal melalui konsep pembangunan dengan baik.

Usaha untuk mengalakkan pengunjung luar mengunjungi Bandar Labuan dapat dipertingkatkan melalui pengenalan pelbagai ciri-ciri reka bentuk bandar yang menarik, gaya senibina tempatan dan mengoptimumkan kewujudan landskap semulajadi (pesisiran pantai). Manakala imej pekan kecil seperti Bebuloh, Ganggarak, Layang-layangan dan Simpang Tamu masih berada pada tahap rendah untuk dinaiktaraf menjadi Bandar Tempatan. Ketiadaan pintu masuk atau pintu gerbang masuk ke petempatan tersebut menyebabkan ketiadaan imej visual yang jelas terhadap sempadan petempatan.

ii. Ruang Bandar Terbiar (*Lost Space*)

Terdapat beberapa ruang bandar didapati terbiar dan tidak dibangunkan. Bangunan terbiar dan kosong seperti bekas tapak Pasar Awam Labuan lama, hotel dan bangunan komersil menjejaskan imej Bandar Labuan. Tanah kosong di sekitar Jalan Merdeka-Jalan Gudang serta lorong belakang rumah kedai di sekitar Pusat Bandar Labuan hanya berfungsi sebagai ruang tempat letak kenderaan. Keadaan tersebut menyebabkan ruang tersebut terbiar dan dilupakan. Ruang terbiar mengundang keadaan persekitaran bandar yang kurang selamat kepada pengunjung.

iii. Percanggahan Aktiviti Guna Tanah dengan Imej Bandar

Berdasarkan kajian lapangan, didapati terdapat beberapa percanggahan aktiviti guna tanah di kawasan pusat bandar Labuan telah berlaku. Kewujudan industri penyimpanan minyak dan gas di Pusat Bandar Labuan bercanggah dengan imej bandar yang ingin ditonjolkan. Kewujudan fasiliti tersebut juga berpotensi mengundang risiko bencana kepada penduduk tempatan.

Kawasan pelabuhan, loji pemprosesan serta tangki penyimpanan minyak didapati berada dalam kawasan tumpuan pelancongan di pusat Bandar Labuan (seperti di Taman Awam Tanjung Purun dan Dataran Labuan).

iv. Kesinambungan Jaringan Jalan Raya, Laluan Pejalan Kaki dan Landskap di Labuan

Kajian turut mendapati, jaringan jalan raya, laluan pejalan kaki dan penyediaan landskap di beberapa bahagian Pulau Labuan tidak berkesinambungan antara satu destinasi ke destinasi lain. Jaringan jalan raya di kawasan timur pusat bandar Labuan juga masih kurang memuaskan. Petempatan yang tidak tersusun menyebabkan jalan raya tempatan sukar disediakan mengikut standard. Manakala laluan pejalan kaki di bahagian Barat Pusat Bandar Labuan juga didapati tidak bersambung.

Tiada laluan pejalan kaki yang jelas menghubungkan kawasan Terminal Bas dan Teksi Labuan ke kawasan komersil utama. Penekanan elemen Bandar Selamat dan reka bentuk sejagat (*universal design*) kurang diberikan perhatian. Dari aspek landskap, penyediaan elemen hijau banyak tertumpu di Pusat Bandar Labuan. Manakala kawasan pelancongan atau lokasi aset warisan lain di sekitar pulau kurang diberikan perhatian.

v. Pengurusan dan Penyelenggaraan Aset Warisan

Kajian menemui sejumlah aset warisan bernilai tinggi dan berpotensi untuk diangkat menjadi produk pelancongan berasaskan warisan bertaburan di sekitar Pulau Labuan dan pulau-pulau kecil berhampiran. Sejarah pembentukkan Labuan yang bermula dengan aktiviti perlombongan arang batu oleh pihak British sehingga zaman Perang Dunia ke-2 menyumbang kepada nilai warisan dan sejarah tempatan. Namun sebahagian aset di lapangan tidak diselenggara, diwartakan dan didokumenkan dengan sewajarnya.

Selain itu terdapat banyak aset warisan di tapak yang dapat dikaitkan dengan aktiviti perlombongan arang batu telah dicuri dan dimusnahkan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Keadaan ini menjejaskan kredibiliti dan keaslian warisan tempatan. Kewujudan jaringan terowong syaf arang batu di bawah tanah masih kurang dikaji dan dipromosi sebagai produk pelancongan.

vi. Ketinggian bangunan di Bandar Labuan menghalang pemandangan ke arah laut.

Terdapat ketidakseragaman tahap ketinggian dan kewujudan pembangunan di Bandar Labuan yang telah menghalang pemandangan/visual ke arah pesisiran laut. Menara Perbadanan Labuan dan bangunan kompleks kewangan Ujana menjadi struktur ikonik semasa. Sebahagian pinggir air terhalang oleh struktur tangki dan aktiviti pelabuhan di pusat bandar.

7.4 Cadangan Am

Dari perspektif reka bentuk bandar dan pemeliharaan warisan, terdapat beberapa potensi pembangunan yang telah dikenalpasti melalui kajian ini. Namun, polisi umum yang dicadangkan, jika terdapat sebarang pembangunan atau perumahan selepas jalan tidak dibenarkan kerana menghalang pemandangan ke pantai. Berikut adalah tujuh (7) potensi pembangunan secara umum:

i. Pembaharuan dan Penyegaran Semula Bandar Labuan (*Urban Regeneration and Urban Revitalisation*).

Pembaharuan semula kawasan ruang terbiar bandar (*urban lost space*) di sekitar pusat Bandar Labuan dicadangkan dilaksanakan untuk memastikan kawasan *brownfield* lebih berdaya huni serta menarik untuk dilawati. Pembaharuan dan peremajaan bandar dilihat sebagai salah satu alternatif pendekatan membangunkan semula kawasan bandar yang usang, tidak ekonomik serta memberi kesan kepada alam sekitar, imej bandar dan kualiti hidup penduduk.

Terdapat beberapa lot tanah *brownfield* (kawasan industri, komersil dan lain-lain) yang terbiar, tidak diusahakan (bangunan usang, terbengkalai dan ditinggalkan), aktiviti guna bangunan yang tidak sesuai dan tanah kosong antara bangunan sedia ada dalam kawasan komited dengan pembangunan di sekitar. Keadaan tersebut mewujudkan persekitaran imej atau identiti bandar yang kurang menarik, kemerosotan kualiti persekitaran dan kegunaan tanah pusat bandar tidak ekonomik. Kawasan yang dicadangkan meliputi Jalan Merdeka-Jalan Hujong Pasir-Jalan Bunga Tanjung.

Manakala usaha penyegaran bandar (*urban revitalisation*) perlu menggunakan pendekatan *urban placemaking* iaitu suatu proses pengindahan semula bandar dengan menyediakan ruang awam berskala kecil dalam komuniti, penutupan jalan atau lorong sebagai plaza pejalan kaki (*pedestrian mall*) dan mereka bentuk semula landskap hiasan dengan melibatkan usaha sama komuniti tempatan di sepanjang Jalan Bunga Kenanga (Laman Victoria) mengunjur ke arah Terminal Feri Antarabangsa Labuan.

ii. Pembangunan Semula Pesisir Air (*Waterfront Redevelopment*) Pusat Bandar Labuan

Kawasan pesisir air di sepanjang kawasan pusat Bandar Labuan berpotensi tinggi untuk dibangunkan semula dengan memindahkan beberapa aktiviti guna tanah. Pembangunan semula bandar (*urban redevelopment*) merupakan salah satu pembangunan yang dibuat secara menyeluruh ke atas tapak dan melibatkan kawasan yang luas. Ia akan mengubah struktur fizikal pesisiran pantai pusat Bandar Labuan.

Cadangan untuk membangunkan semula pesisir air pusat Bandar Labuan dengan pembangunan berintensiti tinggi akan melibatkan penyediaan RKK khusus melalui peruntukan seksyen 16B (Akta 172) yang dapat memperincikan cadangan pembangunan kawasan tersebut untuk diwartakan di masa hadapan. Penyediaan siar kaki `*esplanade*' di sepanjang koridor tersebut akan menjadikan ia kawasan tumpuan utama pelancongan di pusat bandar. Kawasan yang dicadangkan meliputi tapak pelabuhan – Marina Labuan.

iii. Membina Mercu Tanda dan Pintu Gerbang Masuk Pusat Bandar

Kewujudan mercu tanda di pusat Bandar Labuan dapat mempertingkatkan serta memperkukuhkan imej bandar. Struktur atau bangunan ikonik (menara tinjau) dan pembinaan pintu gerbang masuk ke pusat bandar dapat mewujudkan perasaan diraikan (*sense of welcoming*) kepada para pengunjung. Menara tinjau dicadangkan dibina di atas tapak Dataran Labuan sedia ada. Kewujudan menara ikonik tersebut dapat memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pemandangan pusat Bandar Labuan.

Selain itu, antara lokasi awal yang dicadangkan untuk pembinaan pintu gerbang adalah dari arah Jalan Tanjung Purun, Jalan OKK Abdullah, Jalan Tun Mustapha dan Jalan Bunga Tanjung. Selain di pusat Bandar Labuan, kajian ini turut mencadangkan supaya mercu tanda (arca) yang sesuai dengan tema Bandar Tempatan lain dapat diwujudkan. Nama tempat dengan penggunaan tulisan huruf 3D di persimpangan jalan utama pekan kecil boleh dipertimbangkan.

iv. Pemeliharaan Bandar (*Urban Preservation*) di Tg. Kubong

Kawasan Tg. Kubong kaya dengan aset warisan bernilai tinggi seperti tapak geologi, terowong perlombongan arang batu dan bangunan warisan. Pemeliharaan bandar dicadangkan diperkenalkan di kawasan tersebut bagi memelihara dan memulihara fizikal serta keaslian persekitaran tapak atau bangunan yang mempunyai nilai warisan dan sejarah. Pendekatan ini akan melibatkan penyesuaigunaan semula bangunan dan pemuliharaan bangunan (*building conservation*) tanpa menjejaskan keaslian nilai warisan dan sejarah.

Kawasan Tg. Kubong turut dicadangkan melibatkan penyediaan RKK khusus yang dapat memperincikan pelan induk pembangunan berasaskan pelancongan warisan budaya dan semulajadi. Terdapat beberapa aset warisan didapati berada di atas tanah persendirian. Pewartaan aset warisan di Tg. Kubong akan melibatkan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645) dan Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Akta 486).

v. Menubuhkan Unit Pengurusan Warisan

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan yang terdapat di sekitar Pulau Labuan perlu diuruskan secara sistematik melalui penubuhan sebuah unit khas yang dinamakan Unit Pengurusan Warisan di bawah Perbadanan Labuan (PL).

Terdapat keperluan untuk mewujudkan sebuah unit yang dapat menguruskan hal berkaitan seperti dokumentasi aset warisan, penyediaan garis panduan, memberi ulasan teknikal berkenaan pemeliharaan warisan dalam proses kebenaran merancang, kajian sejarah dan pemuliharaan bangunan. Usaha ini boleh disokong dengan kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium Malaysia (Muzium Labuan) dan pusat penyelidikan universiti tempatan. Unit tersebut dijangka dapat menjadikan PL peneraju dalam penerokaan dan pengekalan khazanah warisan khususnya berkaitan aktiviti perlombongan arang batu ke arah mendapatkan pengiktirafan dunia (UNESCO). Selain itu unit ini akan menjadi penggerak kepada program penghayatan warisan budaya tempatan dan berkongsi pengetahuan kepada komuniti.

vi. Menyediakan Pelan Pengurusan Warisan (*Heritage Management Plan, HMP*) & Penilaian Impak Warisan (*Heritage Impact Assessment, HIA*)

PL dicadangkan untuk menyediakan Pelan Pengurusan Warisan (*Heritage Management Plan, HMP*) bagi menguruskan pembangunan di kawasan yang mengandungi aset warisan. HMP dapat dijadikan 'pelan induk' khusus menentukan hala tuju serta cadangan pembangunan berkaitan pembangunan warisan Labuan untuk dijadikan produk pelancongan yang berpotensi. 'Zon Warisan' dapat dicadangkan melalui penyediaan laporan HMP sebelum digazetkan dalam RKK khususnya di kawasan Tg. Kubong.

Manakala Penilaian Impak Warisan (*Heritage Impact Assessment, HIA*) perlu disediakan oleh pemilik tanah atau pemaju yang ingin membangunkan tanah mereka semasa proses memohon Kebenaran Merancang. Pemilik atau pemaju perlu melantik pakar bebas bagi menilai kesan yang mungkin akan timbul disebabkan oleh pemajuan tersebut terhadap aset warisan (tapak atau bangunan).


Dokumen tersebut perlu disyaratkan penyediaanya bersama-sama Penilaian Kesan Sosial (*Social Impact Assessment, SIA*) dan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment, EIA*) jika cadangan pemajuan melibatkan kawasan sensitif seperti kawasan alam semulajadi unik (tapak geologi) dan zon warisan. Laporan HIA akan digunakan untuk menyokong sebarang cadangan pembangunan

vii. Menyediakan Pelan Jejak Warisan Interaktif Labuan

Aset warisan yang telah dikaji, direkod dan didokumentasikan perlu dipromosi sebagai produk pelancongan. Pihak PL dicadangkan untuk mereka bentuk laluan jejak warisan (*heritage trail*) bertema melibatkan destinasi menarik di sekitar pulau. Berikut adalah cadangan tema yang boleh dipertimbangkan oleh pihak PL:

i. Jejak Warisan 1-Perang Dunia ke-2
ii. Jejak Warisan 2-Perlombongan Arang Batu
iii. Jejak Warisan 3-Tapak Geologi
iv. Jejak Warisan 4-Laluan Keretapi Stim

Maklumat berkaitan sejarah tapak atau bangunan boleh disediakan dengan memuatnaik melalui label QR kod di lokasi strategik aset warisan tersebut berada. Teknologi '*Virtual Reality* (VR)' juga boleh digunapakai dalam penyediaan bahan rujukan atau maklumat sejarah berkenaan aset warisan di sepanjang laluan. Pengunjung dapat memahami sejarah tempatan secara interaktif.


PEARL OF BORNEO

BAB

08



Landskap dan Rekreasi



Taman Damai



Dataran Labuan

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Landskap dan Rekreasi

Kajian sektor landskap dan rekreasi akan mengetengahkan data primer iaitu maklumat kawasan pembangunan landskap di tapak serta informasi daripada data sekunder seperti laporan, buku dan peta. Kawasan pembangunan landskap di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan merangkumi kawasan pintu masuk, jalan utama dan sekunder, pusat bandar, kawasan rekreasi, institusi dan perindustrian.

Selain itu, elemen-elemen landskap yang ditemui dan dicatat semasa lawatan tapak terbahagi kepada lima (5) elemen. Ia adalah landskap lembut, landskap kejur, pencahayaan, pengairan dan saliran serta badan air. Input daripada Laporan Tinjauan ini akan menjadi panduan dan rangka kerja dalam usaha mengukuhkan lagi status WP Labuan sebagai *Smart and Sustainable Island City (Labuan Development Blueprint 2030).*

8.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Sektor landskap dan rekreasi merujuk kepada dasar-dasar di peringkat nasional dan tempatan. Dasar-dasar yang berkaitan dengan sektor landskap dan rekreasi dirumuskan dalam Jadual 8.1 hingga 8.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 8.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.

Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh Tadbir Urus	A1 : Memperkukuh rangka kerja dasar, perundangan dan institusi	- Unit Landskap dan Pengindahan Senitaman Perbadanan Labuan telah mempunyai dasar dan perundangan yang tersendiri. Pengukuhan & perincian garis panduan Unit Landskap dan Pengindahan Senitaman haruslah selari dengan GP005-A (Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi) dan GP024 (Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau).
B : Memulihara Sumber Asli	B1 : Memulihara Kawasan Terestrial dan Air Daratan.	- Dasar ini sangat relevan untuk dikekalkan bagi perlindungan sumber asli WP Labuan seperti hutan paya bakau, pantai dan pulau kecil. Langkah-langkah penguatkuasaan perlu diperketatkan berpandukan Akta 645 (Akta Warisan Kebangsaan 2005).

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 8.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 3 : Bandar rendah karbon dan insfrastruktur mampan.	KD 3.1C : Mengaplikasikan prinsip penyerapan karbon melalui landskap.	- Tahap merealisasikan dasar ini perlu dipertingkatkan. Penekanan terhadap penyelenggaraan landskap lembut sedia ada perlu dititikberatkan. Penjagaan pokok struktur mengikut pendekatan arborikultur adalah penting bagi penjagaan kesihatan pokok yang lebih terurus.
	KD 3.4C : Melengkapkan kemudahsampaian serta kemudahan pejalan kaki dan basikal.	- Dasar ini masih belum tercapai sepenuhnya. Penambahbaikan dari segi rangkaian pejalan kaki dan laluan basikal yang selamat, berterusan dan mesra pengguna diperlukan untuk kesinambungan setiap kawasan rekreasi.
Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KI 2 : Persekitaran komuniti berdaya huni	KI 2.1D : Meningkatkan keluasan dan kualiti kawasan lapang dan kawasan rekreasi sebagai nadi masyarakat sihat.	- Dasar ini sangat relevan untuk memastikan setiap penduduk dapat menikmati sekurang-kurangnya 20m^2 kawasan rekreasi. Selain itu, penerapan prinsip *CPTED* dan pematuhan garis panduan reka bentuk sejagat diperlukan seperti dinyatakan dalam Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat *(Universal Design),* GP0115-A.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 8.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.

Prinsip 5 : Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih		
Objektif	Strategi	Pencapaian
5.5 : Penambahan saiz, kualiti dan bilangan kawasan lapang.	5.5.1 : Perancangan makro untuk tanah lapang.	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk memastikan tanah-tanah lapang awam (kawasan rekreasi Perbadanan Labuan dan rizab kerajaan) diwartakan sebagai taman rekreasi selari dengan Dasar Landskap Negara.
5.6 : Penambahan saiz dan kualiti kawasan hijau.	5.6.1 : Peningkatan usaha pemeliharaan pokok dalam bandar.	- Pelaksanaan dasar ini masih belum mencapai tahap yang menyeluruh. Perbadanan Labuan perlu memperkukuhkan dan mempertingkatkan lagi usaha pemeliharaan pokok-pokok di WP Labuan sejajar dengan Akta 172 (Perintah Pemeliharaan Pokok) dan Akta 645 (Warisan Semulajadi).

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 8.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.

Teras 2 : Persekitaran Kondusif dan Harmoni		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P6 – Pengurusan Landskap, Tanah Lapang Dan Rekreasi Efektif Bagi Meningkatkan Imej Persekitaran Labuan.	P6 – CA2 Meningkatkan imej landskap lembut dan kejur di kawasan pinggiran jalan, pusat bandar, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan lapang dan rekreasi.	- Pencapaian dasar ini didapati agak memuaskan dan boleh ditambahbaik dengan penyelenggaraan yang mematuhi pendekatan arborikultur dalam penjagaan kesihatan pokok.
	P6 – CA4 Menambah baik dan menghubungkan elemen taman rekreasi dan kawasan hijau untuk mewujudkan kesinambungan taman bandar.	- Dasar ini telah dicapai pada tahap sederhana selari dengan garis panduan Pelan Induk Landskap Wilayah Persekutuan Labuan (2001).
	P6 – CA5 Menyediakan komponen-komponen kemudahan tanah lapang dan rekreasi di setiap taman.	- Secara asasnya dasar ini telah dicapai dan lebih banyak pengurusan penambahbaikan serta peningkatan penyelenggaraan diperlukan.
	P6 – CA7 Menyediakan atau menaiktaraf kemudahan-kemudahan tanah lapang dan rekreasi dengan menambah elemen landskap yang bersesuaian berdasarkan keperluan semasa dan semua golongan masyarakat.	- Dasar ini telah mencapai tahap memuaskan. Penyelenggaraan serta penambahbaikan elemen landskap sedia ada memerlukan penekanan yang lebih dari peringkat perancangan ke tahap implementasi di tapak.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 8.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi.

The Growth Driver		
Dasar	Strategi	Pencapaian
4 : Tourism	*ST – T2* *Strategic Thrust 2: Develop, upgrade and package tourism products based on tourist island approach.* *a. Eco-friendly Beaches*	- Sebahagian dari dasar ini telah dicapai. Masih terdapat peluang untuk penambahbaikan dari segi penerapan prinsip *CPTED* serta pendekatan rekabentuk sejagat.
5 : Public Services	*ST – PS1* *Strategic Thrust 1: Locate selected federal government departments and agencies to support smart and sustainable city development.*	- Unit Landskap dan Pengindahan Senitaman Perbadanan Labuan diamanahkan bagi sektor landskap dan rekreasi di mana dasar ini masih relevan. Ianya perlu digunapakai bagi penguatkuasaan garis panduan semasa serta pematuhan senarai semak GP005-A.
The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
1. Connectivity	*ST – C5* *Strategic Thrust 15: Providing a seamless, comfortable and safe pedestrian and cycling environment.*	- Dasar ini belum dicapai dengan sepenuhnya. Laluan pejalan kaki dan basikal belum lagi mencukupi untuk mencapai rangkaian yang lengkap dan memuaskan.

Sumber : *Labuan Development Blueprint 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 8.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Landskap dan Rekreasi (samb.1).

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
3. Quality Living	*ST-QL4* *Strategic Thrust 4: Enhancing existing open space and increase public open space area.*	- Pencapaian dasar ini agak memuaskan. Tanah lapang dan kawasan rekreasi perlu disuntik dengan lebih banyak aktiviti rekreasi yang berterusan bagi memeriahkan ruang komunal ini.

Sumber : *Labuan Development Blueprint 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

8.2 Penemuan Semasa

8.2.1 Kawasan Pembangunan Landskap

Kajian ini telah mengenalpasti enam (6) kategori pembangunan landskap di WP Labuan (Rujuk jadual 8.6). Pengumpulan data telah dilaksanakan dengan kaedah merekod maklumat di tapak serta data sekunder dari peta, buku dan laporan.

WP Labuan mempunyai dua pintu masuk utama iaitu melalui udara dan air. Kajian ini juga dijalankan di beberapa jalan utama dan sekunder yang terpilih. Selain itu, tidak ketinggalan kawasan bandar yang menjadi pusat kepada WP Labuan yang turut diambil kira dari segala aspek.

Bagi kawasan rekreasi dan landskap pula, sebanyak lapan (8) hierarki tanah lapang telah ditetapkan mengikut Garis Panduan Umum JPBD (GP005-A dan GP024).

Enam (6) hierarki taman rekreasi yang terdiri dari 63 buah taman-taman telah dikenalpasti, termasuk kawasan pantai. (Sila rujuk rajah 8.1 dan jadual 8.7 untuk perincian).

WP Labuan turut mempunyai kawasan pantai yang menjadi tempat kunjungan ramai penduduk Labuan. Contohnya seperti Pantai Tanjung Purun, Pantai UMS Sungai Lada dan Pantai Sungai Labu. Namun, ketiga-tiga kawasan pantai ini masih belum diwartakan secara rasmi.


Seterusnya, WP Labuan turut mempunyai 6 buah pulau-pulau kecil seperti di dalam jadual 8.6 yang berpotensi menjadi tarikan pelancong.

Di samping itu, kawasan institusi yang menjadi kawasan kajian pula meliputi kawasan dari kategori keagamaan, pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Manakala bagi kawasan perindustrian pula, seluas 513.12 hektar kawasan perindustrian Rancha-rancha dan Kiamsam telah ditinjau bagi kajian ini.

Jadual 8.6: Taburan Kawasan Pembangunan Landskap WP Labuan.

Bil.	Kawasan Pembangunan Landskap	Nama Kawasan
1.	Pintu Masuk	1. Lapangan Terbang Labuan 2. Terminal Feri Antarabangsa Labuan
2.	Jalan : a) Utama	1. Jalan Patau-Patau 2. Jalan Tun Mustapha 3. Jalan Okk Abdullah
	b) Sekunder	1. Jalan Okk Daud 2. Jalan Sungai Pagar
3.	Pusat Bandar	1. Perbadanan Labuan dan sempadan bandar
4.	Taman Rekreasi	1. 63 buah taman-taman rekreasi (sila rujuk jadual 8.7) 2. 6 buah pulau-pulau kecil (Pulau Papan, Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil, Pulau Daat dan Pulau Burong)
5.	Kawasan Institusi	1. Masjid Jamek An-Nur 2. Sekolah Menengah Kebangsaan Rancha-rancha 3. Klinik Desa Bukit Kalam 4. Balai Polis Lubok Temiang
6.	Kawasan Perindustrian	1. Perindustrian Rancha-rancha 2. Perindustrian Kiamsam

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Nota: Sila rujuk jadual 8.7 bagi senarai kawasan landskap dan rekreasi semasa WP Labuan mengikut hierarki.

Rajah 8.1
TABURAN ELEMEN REKREASI DAN ELEMEN LANDSKAP TAHUN 2020



Petunjuk :

- Taman Bandaran
- Taman Tempatan
- Taman Kejiranan
- Padang Permainan
- Lot Permainan
- Laman Rekreasi

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Hutan

Jadual 8.7: Taburan Kawasan Landskap dan Rekreasi Semasa WP Labuan.

Bil.	Hierarki	Nama Taman	Keluasan (ha)	Peratus (%)
1.	Taman Bandaran	1. Taman Botanikal Labuan *(Labuan Botanical Gardens)*	19.52	16.72
		2. Kompleks Sukan WP Labuan	20.91	17.91
Jumlah Kecil			40.43	34.63
2.	Taman Tempatan	1. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	6.00	5.14
		2. Taman Awam Tg. Purun	4.27	3.66
		3. Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	4.00	3.43
		4. Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	7.00	6.00
		5. Pantai Batu Manikar	4.30	3.68
		6. Pantai Pancur Hitam	9.40	8.05
		7. Taman Damai (*Peace Park*)	2.88	2.47
Jumlah Kecil			37.85	32.43
3.	Taman Kejiranan	1. Dataran Labuan *(Labuan Square)*	2.56	2.20
		2. Padang Ragbi	3.78	3.23
		3. Kompleks Bowling Padang	2.00	1.71
		4. Pantai Pohon Batu	2.75	2.36
		5. Paya Bakau Kinabenuwa – Kawasan pintu masuk dan pembangunan landskap sedia ada	2.00	1.71
Jumlah Kecil			13.09	11.21
4	Padang Permainan	1. Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	0.93	0.80
		2. Taman Permainan Ensu	0.43	0.36
Jumlah Kecil			1.36	1.16
5.	Lot Permainan	43 buah lot permainan	22.92	19.63
Jumlah Kecil			22.92	19.63
6.	Laman Rekreasi	1. Laman Victoria	0.07	0.06
		2. Taman Muhibbah	0.22	0.19
		3. Muzium Chimney	0.35	0.30
		4. COBSEA Monument UMS Beach	0.46	0.39
Jumlah Kecil			1.10	0.94
Jumlah Keseluruhan		63 buah	116.75	100

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Merujuk kepada Jadual 8.7, Taman Bandaran merupakan hierarki taman yang paling luas di WP Labuan (40.43 hektar) berbanding lima (5) hierarki taman-taman yang lain. Laman Rekreasi mempunyai keluasan paling kecil iaitu sebanyak 1.10 hektar sahaja. Keluasan keseluruhan kawasan rekreasi semasa bagi WP Labuan adalah sebanyak 116.75 hektar.

Selain itu, didapati kebanyakan taman yang berhierarki tinggi lebih tertumpu di kawasan bandar WP Labuan (Rajah 8.1) berbanding dengan kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Selain itu, WP Labuan juga dikelilingi dengan pulau-pulau kecil yang menjadi sumber tarikan pelancong (Rujuk jadual 8.6).

Jadual 8.8: Data Semasa Penduduk dan Kawasan Rekreasi

Perkara	Tahun 2020
Jumlah Penduduk (orang)	103,135
Kawasan Rekreasi Semasa (hektar)	116.75
Peruntukan Kawasan Rekreasi bagi Setiap Penduduk (m^2)	11.3

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 8.8 menunjukkan keseluruhan keluasan kawasan rekreasi semasa WP Labuan adalah sebanyak 116.75 hektar. Seiring dengan bilangan penduduk sebanyak 103,135 orang pada tahun 2020, purata kawasan rekreasi sebanyak 11.3m^2 dapat dinikmati bagi setiap penduduk WP Labuan.

8.2.2 Landskap



Berikut adalah senarai inventori lima (5) elemen landskap sedia ada yang saling melengkapi di taman-taman WP Labuan. Dari setiap bahagian elemen landskap, kemudahan rekreasi *Top Five* dan *Top Ten* dikelaskan dalam Jadu al 8.16.

i. Elemen-elemen Landskap



a) Landskap Lembut

Elemen landskap lembut merupakan aset semula jadi di WP Labuan bagi mencapai matlamat *Green City* dan *Green Continuum (Labuan Development Blueprint 2030)*.

Pintu Masuk Utama

Berdasarkan inventori di pintu masuk utama WP Labuan, didapati kedua-dua pintu masuk telah ditanam dengan pokok palma dari spesis yang berbeza. Pokok *Livistona rotundifolia (Serdang Palm)* ditanam di kawasan pintu masuk ke lapangan terbang, manakala *Wodyetia bifurcata (Foxtail Palm)* pula ditanam di kawasan terminal feri. Penanaman pokok palma menjadikan pintu masuk utama kelihatan formal dan seragam.

Lapangan Terbang Labuan dan Terminal Feri Antarabangsa Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jalan-Jalan Utama

Seterusnya, Jalan Tun Mustapha dan Okk Abdullah merupakan jalan utama yang ditanam dengan pelbagai jenis landskap lembut. Antaranya adalah pokok struktur, pokok palma, pokok renek dan juga penutup bumi seperti *Pithecellobium dulce (Madras Thorn), Terminalia mantaly tricolor (Variegated Madagascar Almond), Livistona rotundifolia (Serdang Palm) dan Syzygium myrtifolium* (Kelat Paya). Sebahagian pokok teduhan yang mempunyai silara yang agak besar telah menjadi konflik dengan kabel dan tiang elektrik.

Manakala Jalan Patau-Patau pula ditanam dengan pokok tropika tahan lasak, *Albizia saman (Rain Tree)* yang memberi teduhan yang selesa.

Jalan Tun Mustapha dan Jalan Patau-Patau



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jalan-Jalan Sekunder

Kebanyakan jalan sekunder seperti Okk Daud dan Sungai Pagar ditanam dengan pokok teduhan seperti *Pithecellobium dulce (Madras Thorn)* dan *Albizia saman (Rain Tree)*, *Peltophorum pterocarpum (Yellow Flame)* dan *Tabebuia rosea (Trumpet Tree).*

Pusat Bandar

Terdapat sebilangan pokok struktur yang matang di kawasan sekitar bandar Labuan seperti Pulau Maida, *Labuan Walk* dan Dataran Labuan. Antara spesis yang ditemui adalah *Pterocarpus indicus* (Pokok Angsana), *Peltophorum pterocarpum (Yellow Flame)* dan *Albizia saman (Rain Tree).* Pokok palma yang direkod adalah *Roystonea oleracea (Cabbage palm)* dan *Ravenala madagascariensis (Travellers Palm).* Selain itu, pelbagai elemen landskap lembut seperti pokok renek dan penutup bumi yang pelbagai variasi ditanam di tepi dan median jalan.

Kawasan berhadapan bangunan Perbadanan Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kawasan Rekreasi – Taman-taman Rekreasi

Berdasarkan Jadual 8.9, penemuan inventori semasa menunjukkan taman berhierarki rendah mempunyai kurang elemen landskap lembut (3/7) berbanding taman berhierarki tinggi. Taman Bandaran mempunyai kesemua variasi spesis landskap lembut iaitu 7/7.

Taman yang berhierarki rendah dan ruang yang agak terhad seperti Laman Victoria hanya mempunyai pokok struktur sahaja iaitu *Terminalia mantally tricolor (Variegated Madagascar Almond)* dalam kotak penanaman.

Jadual 8.9: Senarai Inventori Landskap Lembut Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	Pokok Struktur	Palma	Pokok Renek	Tumbuhan Menjalar /Memanjat	Rumput	Tumbuhan Air	Padang Serbaguna	Jumlah
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	***7/7**
2	Kompleks Sukan WP Labuan	✓	x	✓	x	✓	x	✓	4/7
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	✓	✓	✓	x	✓	x	x	4/7
4	Taman Awam Tg. Purun	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	✓	x	✓	✓	✓	x	✓	5/7
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	✓	✓	✓	x	✓	x	x	4/7
7	Pantai Pancur Hitam	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
8	Pantai Batu Manikar	✓	✓	✓	x	✓	x	x	4/7
9	Taman Damai (*Peace Park*)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	***7/7**
10	Pantai Pohon Batu	✓	✓	✓	x	✓	x	x	4/7
11	Padang Ragbi	✓	x	✓	x	✓	x	✓	4/7
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
13	Kompleks Bowling Padang	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
14	Paya Bakau Kinabenuwa	✓	✓	✓	x	✓	✓	x	5/7
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
16	Taman Permainan Ensu	✓	✓	x	x	✓	x	✓	4/7
17	Taman Muhibbah	✓	x	✓	x	✓	x	x	3/7
18	Laman Victoria	✓	x	x	x	x	x	x	1/7
19	Muzium Chimney	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	5/7
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	✓	✓	✓	x	✓	x	x	4/7

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai kesemua elemen landskap lembut dan terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

Kawasan Rekreasi – Pantai

Terdapat kepelbagaian pokok teduhan seperti pokok *Terminalia catappa* (Ketapang), *Casuarina equisetifolia* (Pokok Ru), *Khaya senegalensis (Pokok Khaya)* dan juga palma *Cocos nucifera* (Pokok Kelapa) di persisiran pantai WP Labuan. Selain itu, kawasan berdekatan jalan ditanam dengan rumput dan pokok renek.

Kawasan Rekreasi – Pulau-pulau Kecil

Bagi kawasan pulau-pulau kecil, antara landskap lembut utama yang direkod adalah pokok *Casuarina equisetifolia* (Pokok Ru) dan *Cocos nucifera* (Pokok Kelapa). Selain itu, terdapat pelbagai jenis pokok renek yang menarik seperti *Ruellia simplex (Mexican Petunia), Hymenocallis speciosa (Spider Lily)* dan *Ixora javanica (Javanese Ixora).*

Kawasan Institusi


Terdapat pokok struktur yang ditanam di beberapa kawasan institusi. Antaranya adalah *Tabebuia rosea (Trumpet Tree), Albizia saman (Rain Tree)* dan *Pithecellobium dulce (Madras Thorn).* Pokok renek dan penutup bumi seperti *Hibiscus rosa-sinensis* (Bunga Raya), *Arachis pintoi (Pinto Peanut)* pula ditanam sebagai hiasan dan variasi warna landskap lembut.

Kawasan Industri

Kawasan median jalan di Perindustrian Rancha-rancha banyak ditanam dengan pokok struktur yang matang. Antaranya adalah pokok *Khaya senegalensis (Pokok Khaya), Pterocarpus indicus (Angsana)* dan *Albizia saman (Rain Tree).* Manakala kawasan Perindustrian Kiamsam pula dikelilingi dengan pokok hutan semula jadi.

Keadaan semasa elemen landskap lembut di taman-taman WP Labuan.

Kepelbagaian landskap lembut di **Taman Botanikal.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Pokok struktur yang matang di **Taman Burung Labuan**.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Pokok teduhan di Taman Tempatan, **Pantai Pancur Hitam**.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Landskap lembut di **Taman Awam Tanjung Purun.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kepelbagaian pokok renek di **Tanah Perkuburan Perang.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Berbagai bentuk topiari di **Muzium Chimney.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

b) Landskap Kejur

Elemen-elemen landskap kejur berperanan penting menyokong aktiviti rekreasi ke arah WP Labuan sebagai *Inclusive, Well-Governed City (Labuan Development Blueprint 2030).* Senarai Inventori Landskap Kejur Bagi Kawasan Pembangunan Landskap di WP Labuan ditunjukkan di dalam Jadual 8.10.

Pintu Masuk Utama

Sebahagian kawasan pintu masuk utama terminal feri telah dilengkapi siar kaki. Di taman poket hadapan lapangan terbang pula terdapat siar kaki, kerusi taman dan tong sampah. Namun, kemudahan elemen landskap kejur yang lain (seperti kemudahan reka bentuk sejagat, kamera litar tertutup dan cermin keselamatan) belum disediakan di kedua-dua pintu masuk WP Labuan.

Elemen landskap kejur yang terdapat di pintu masuk utama.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jalan Utama dan Sekunder

Berdasarkan kajian lapangan, jalan utama Tun Mustapha dan Jalan Okk Abdullah diperuntukkan dengan tong sampah, siar kaki, kemudahan reka bentuk sejagat serta kamera litar tertutup yang memuaskan di sebahagian jalan. Manakala jalan utama dan sekunder yang lain di Pulau Labuan masih belum dilengkapi elemen landskap kejur asas yang lengkap.

Antara landskap kejur dan kemudahan reka bentuk sejagat di Jalan Tun Mustapha dan Okk Abdullah.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Pusat Bandar

Senarai elemen landskap kejur di kawasan pusat bandar agak memuaskan. Terdapat elemen siar kaki berbumbung serta dilengkapi dengan kemudahan reka bentuk sejagat di kebanyakan kawasan bandar WP Labuan.

Kemudahan siar kaki berbumbung berserta kemudahan reka bentuk sejagat di pusat bandar.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kawasan Institusi

Elemen landskap kejur yang disediakan di sekitar kawasan Masjid Jamek An-Nur adalah siar kaki, kerusi taman, tong sampah dan wakaf.

Sebahagian landskap kejur di Masjid Jamek An-Nur.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Namun, berbeza dengan kawasan institusi pendidikan dan kesihatan seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Rancha-Rancha dan Klinik Desa Bukit Kallam. Kawasan ini masih belum mempunyai kemudahan landskap kejur yang asas seperti siar kaki dan kerusi taman.

Keadaan di hadapan institusi pendidikan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Seterusnya, Balai Polis Lubok Temiang yang termasuk dalam kawasan institusi keselamatan mempunyai elemen siar kaki dan tong sampah. Namun, keadaan siar kaki tersebut berada dalam keadaan yang sederhana baik. Manakala kemudahan reka bentuk sejagat masih belum dilaksanakan di kawasan ini.

Keadaan siar kaki dan tong sampah di hadapan kawasan institusi keselamatan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kawasan Industri

Bagi kawasan industri Rancha-rancha, didapati ketiadaan kemudahan landskap kejur asas seperti laluan pejalan kaki, kerusi taman dan tong sampah yang amat ketara. Manakala terdapat sebahagian kawasan di perindustrian Kiamsam yang telah mempunyai elemen siar kaki dalam keadaan yang baik.

Elemen landskap kejur di kawasan Perindustrian Kiamsam.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 8.10: Senarai Inventori Landskap Kejur Bagi Kawasan Pembangunan Landskap di WP Labuan.

Bil	Kawasan Pembangunan Landskap	Siar kaki / Laluan Pejalan Kaki	Kerusi taman	Kemudahan reka bentuk sejagat	Tong sampah	Kamera litar tertutup	Cermin keselamatan	Taman permainan	Gelanggang serbaguna	Wakaf / tempat teduhan	Jumlah
1	Pintu Masuk Utama – Lapangan Terbang Labuan – Terminal Feri Antarabangsa Labuan	✓ ✓	✓ X	X X	✓ X	X X	X X	X X	X X	X X	3/9 1/9
2	Jalan Utama – Jalan Patau-patau – Jalan Tun Mustapha – Jalan Okk Abdullah Jalan Sekunder – Jalan Okk Daud – Jalan Sungai Pagar	X ✓ ✓ ✓ X X	X ✓ ✓ ✓ X X	X ✓ ✓ ✓ X X	X ✓ ✓ ✓ X X	X ✓ ✓ ✓ X X	X X X X X X	X X X X X X	X X X X X X	X X X X X X	0/9 5/9 5/9 0/9 0/9
3	Pusat Bandar	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	***6/9**
4	Kawasan Rekreasi	Sila rujuk jadual 8.11									
5	Kawasan Institusi – Masjid Jamek An-Nur – Sekolah Menengah Kebangsaan Rancha-rancha – Klinik Desa Bukit Kalam – Balai Polis Lubok Temiang	✓ X X ✓	✓ X X X	✓ X X X	X X ✓ ✓	✓ X X X	X X X X	X X X X	X X X X	✓ X X X	5/9 0/9 1/9 2/9
6	Kawasan Perindustrian – Rancha-rancha – Kiamsam	X ✓	X X	X X	X X	X X	X X	X X	X X	X X	0/9 1/9

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

* Nota : Menunjukkan kawasan pembangunan landskap yang mempunyai elemen landskap kejur terbanyak berbanding kawasan yang lain.

Taman Rekreasi

Merujuk kepada Jadual 8.11, taman yang berhierarki tinggi seperti Taman Botanikal Labuan, Pantai Pancur Hitam, Pantai Pohon Batu dan Taman Permainan Ensu dilengkapi elemen landskap kejur paling banyak (6/9) berbanding taman-taman berhierarki rendah. Manakala *Cobsea Monument UMS Beach* (hierarki laman rekreasi) hanya dilengkapi laluan pejalan kaki serta kerusi taman. Bagi kemudahan bercirikan reka bentuk sejagat pula, ianya hanya terdapat di Dataran Labuan, Muzium Chimney dan Kompleks Bowling Padang.

Keadaan cecondong di **Dataran Labuan** tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan (kecerunan 1:12), di mana cecondong sedia ada agak curam.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 8.11: Senarai Inventori Landskap Kejur Bagi Taman-Taman Rekreasi di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	Siar kaki / Laluan Pejalan Kaki	Kerusi taman	Kemudahan reka bentuk sejagat	Tong sampah	Kamera litar tertutup	Cermin keselamatan	Taman permainan	Gelanggang serbaguna	Wakaf / tempat teduhan	Jumlah
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	✓	***6/9**
2	Kompleks Sukan WP Labuan	✓	✓	x	✓	x	x	x	✓	✓	5/9
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	x	4/9
4	Taman Awam Tg. Purun	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	✓	5/9
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	✓	5/9
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	✓	5/9
7	Pantai Pancur Hitam	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	✓	***6/9**
8	Pantai Batu Manikar	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	x	4/9
9	Taman Damai *(Peace Park)*	✓	✓	x	✓	x	x	✓	x	✓	5/9
10	Pantai Pohon Batu	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	✓	***6/9**
11	Padang Ragbi	✓	✓	x	✓	x	x	x	✓	x	4/9
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	x	x	5/9
13	Kompleks Bowling Padang	✓	✓	✓	✓	x	x	x	✓	x	5/9
14	Paya Bakau Kinabenuwa	✓	✓	x	✓	x	x	x	x	✓	4/9
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	✓	✓	x	✓	x	x	x	x	x	3/9
16	Taman Permainan Ensu	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	✓	***6/9**
17	Taman Muhibbah	✓	✓	x	✓	x	x	x	x	✓	4/9
18	Laman Victoria	✓	✓	x	✓	x	x	x	x	x	3/9
19	Muzium Chimney	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	x	x	5/9
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	✓	✓	x	x	x	x	x	x	x	2/9

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai elemen landskap kejur terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

Bagi kemudahan papan tanda pula, Taman Botanikal merupakan taman yang mempunyai kepelbagaian jenis papan tanda yang menyeluruh (semua lapan jenis) berbanding taman-taman yang lain (Rujuk Jadual 8.12).

Antara papan tanda yang paling banyak direkod adalah papan tanda pintu masuk, informasi dan amaran. Selain itu, terdapat keseragaman papan tanda informasi *Tourism* Malaysia di beberapa taman terpilih di WP Labuan.

Papan tanda informasi *Tourism* Malaysia yang terdapat di **Taman Botanikal, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa dan Tanah Perkuburan Perang Labuan.**





Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 8.12: Senarai Inventori Papan Tanda Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	Papan Tanda Pintu Masuk	Papan Tanda *Tourism Malaysia*	Papan Tanda Informasi	Papan Tanda Berpeta	Papan Tanda Arah	Papan Tanda Amaran	Papan Tanda Nama Pokok	Papan Tanda Penanda Jarak	Jumlah
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	***8/8**
2	Kompleks Sukan WP Labuan	✓	x	x	✓	✓	✓	x	✓	5/8
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	✓	✓	✓	✓	x	x	x	x	4/8
4	Taman Awam Tg. Purun	✓	x	✓	x	✓	✓	x	x	4/8
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	x	✓	✓	x	✓	x	x	x	3/8
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	6/8
7	Pantai Pancur Hitam	x	x	✓	✓	✓	✓	x	x	4/8
8	Pantai Batu Manikar	✓	x	✓	x	x	✓	x	x	3/8
9	Taman Damai (*Peace Park*)	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	x	6/8
10	Pantai Pohon Batu	x	x	✓	✓	✓	✓	x	x	4/8
11	Padang Ragbi	x	x	x	x	x	x	x	x	0/8
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	6/8
13	Kompleks Bowling Padang	✓	x	x	x	x	x	x	x	1/8
14	Paya Bakau Kinabenuwa	✓	x	✓	x	x	✓	✓	x	4/8
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	✓	✓	x	x	x	x	x	x	2/8
16	Taman Permainan Ensu	✓	x	✓	x	x	✓	x	x	3/8
17	Taman Muhibbah	✓	x	✓	✓	✓	✓	x	x	5/8
18	Laman Victoria	✓	✓	x	✓	x	✓	x	x	4/8
19	Muzium Chimney	✓	x	✓	x	x	✓	x	x	3/8
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	x	x	✓	✓	x	x	x	x	2/8

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai kesemua elemen papan tanda dan terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

c) Pencahayaan



Peruntukan elemen pencahayaan adalah penting, seiring dengan tema *Inclusive City* dan pematuhan prinsip *CPTED* (pengawasan semula jadi).

Taman berhierarki tinggi seperti Taman Botanikal mempunyai elemen pencahayaan yang lebih banyak (5/9) berbanding taman berhierarki rendah seperti *COBSEA Monument UMS Beach* yang langsung tidak mempunyai peruntukan lampu taman (Jadual 8.13).

Berdasarkan jadual 8.13, ia jelas menunjukkan lampu taman yang terdapat di kebanyakan taman adalah jenis *pole light.* Manakala taman-taman yang mempunyai padang yang luas telah diperuntukkan dengan lampu *high mast* untuk mendapat pencahayaan yang lebih menyeluruh. Antaranya adalah Kompleks Sukan WP Labuan, Taman Awam Tanjung Purun dan juga Pantai Pancur Hitam.

Terdapat juga beberapa taman seperti Pantai Pohon Batu, Paya Bakau Kinabenuwa, Taman Permainan Ensu dan *Cobsea Monument UMS Beach* yang tidak mempunyai elemen pencahayaan.

Jadual 8.13: Senarai Inventori Pencahayaan Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	*Pole Light* (Biasa)	*Pole Light* (Solar)	*Step Light*	*Uplight*	*Wall Light*	*High Mast*	*Bollard*	*Floodlight*	*Underwater Light*	Jumlah
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	x	x	***5/9**
2	Kompleks Sukan WP Labuan	✓	x	x	x	x	✓	x	x	x	2/9
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	✓	x	x	x	x	x	x	✓	x	2/9
4	Taman Awam Tg. Purun	✓	✓	x	x	x	✓	x	x	x	3/9
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	✓	x	x	x	x	x	✓	x	x	2/9
7	Pantai Pancur Hitam	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	1/9
8	Pantai Batu Manikar	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
9	Taman Damai (*Peace Park*)	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
10	Pantai Pohon Batu	x	x	x	x	x	x	x	x	x	0/9
11	Padang Ragbi	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	✓	x	x	x	x	✓	x	x	✓	3/9
13	Kompleks Bowling Padang	✓	x	x	x	x	✓	x	x	x	2/9
14	Paya Bakau Kinabenuwa	x	x	x	x	x	x	x	x	x	0/9
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
16	Taman Permainan Ensu	x	x	x	x	x	x	x	x	x	0/9
17	Taman Muhibbah	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
18	Laman Victoria	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	1/9
19	Muzium Chimney	✓	x	✓	✓	x	x	x	x	x	3/9
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	x	x	x	x	x	x	x	x	x	0/9

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai elemen pencahayaan terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

Contoh elemen pencahayaan di beberapa taman rekreasi **WP Labuan**.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Pole light yang dijumpai di beberapa taman di **WP Labuan**.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Terdapat variasi reka bentuk *pole light* dari jenis klasik, moden dan kontemporari. Penyediaan lampu taman berteknologi hijau iaitu jenis solar direkod di Taman Botanikal dan Taman Awam Tanjung Purun.

Lampu solar di **Taman Botanikal dan Taman Awam Tanjung Purun**.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Secara keseluruhan, penyediaan elemen pencahayaan masih belum mencukupi dari aspek kuantiti dan lokasi. Dari pemerhatian di tapak, didapati penyelenggaraan elemen pencahayaan sedia ada berada dalam keadaan yang agak memuaskan.

d) Pengairan dan Saliran

Pengairan

Jadual 8.14 menunjukkan hanya Taman Bandaran (Taman Botanikal) dan Taman Tempatan (Taman Awam Tanjung Purun) yang mempunyai elemen pengairan (pili air). Dari inventori visual di tapak, tidak kelihatan elemen pengairan di taman-taman yang lain. Ianya mungkin terlindung di celah-celah pokok renek atau tersembunyi dari pandangan.

Elemen Pengairan di **Taman Botanikal** dan **Taman Awam Tanjung Purun.**





Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Saliran

Taman-taman di WP Labuan mempunyai dua (2) sistem saliran yang utama iaitu sistem saliran tertutup dan terbuka. Taman Awam Tanjung Purun dan Dataran Labuan mempunyai elemen saliran yang terbanyak (3/5) berbanding taman-taman yang lain (Jadual 8.14).

Sistem saliran *open drain* dan *sump* di **Dataran Labuan.**



Swale yang terdapat di **Taman Awam Tanjung Purun.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kawasan di taman-taman yang terdapat takungan air yang banyak adalah petunjuk kekurangan peruntukan saliran.

Keadaan air bertakung di Taman Botanikal Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa, Pantai Pohon Batu dan Taman Damai, ketiadaan sistem saliran kelihatan ketara terutamanya selepas sesi hujan yang lebat.

Takungan air di beberapa taman WP Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 8.14: Senarai Inventori Pengairan dan Saliran Bagi Taman-taman di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	Pengairan	Saliran					Jumlah
		Pili Air	Longkang Terbuka	Longkang Tertutup	*Scupper*	*Swale / Rain garden /* anak sungai	*Sump*	
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	x	x	✓	x	3/6
2	Kompleks Sukan WP Labuan	x	✓	x	x	x	x	1/6
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	x	✓	✓	x	x	x	2/6
4	Taman Awam Tg. Purun	✓	x	✓	x	✓	✓	***4/6**
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	x	✓	x	x	x	x	1/6
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	x	✓	✓	x	x	x	2/6
7	Pantai Pancur Hitam	x	✓	x	x	x	x	1/6
8	Pantai Batu Manikar	x	✓	x	x	x	x	1/6
9	Taman Damai (*Peace Park*)	x	✓	✓	x	x	✓	3/6
10	Pantai Pohon Batu	x	✓	x	x	x	x	1/6
11	Padang Ragbi	x	x	✓	x	x	✓	2/6
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	x	✓	✓	x	x	✓	3/6
13	Kompleks Bowling Padang	x	✓	x	x	x	x	1/6
14	Paya Bakau Kinabenuwa	x	x	x	x	x	x	0/6
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	x	✓	✓	x	x	x	2/6
16	Taman Permainan Ensu	x	✓	x	x	x	x	1/6
17	Taman Muhibbah	x	x	x	x	x	✓	1/6
18	Laman Victoria	x	x	x	x	x	x	0/6
19	Muzium Chimney	x	x	x	x	x	x	0/6
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	x	✓	x	x	x	x	1/6

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai elemen pengairan dan saliran terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

e) Badan Air

Badan air dikategorikan kepada dua jenis iaitu semula jadi dan buatan manusia. Senarai pada Jadual 8.15 menunjukkan kepelbagaian badan air hanya terdapat di taman berhierarki tinggi seperti Taman Botanikal. Manakala taman-taman yang berhierarki rendah secara keseluruhannya tidak mempunyai badan air.

Taman Botanikal mempunyai tasik semula jadi dan *water play* buatan manusia. Reka bentuk badan-badan air ini didapati menarik dan mengagumkan. *Water play* Taman Botanikal mempunyai kolam mandi, gelongsor dan *water shooter*. Akan tetapi, kualiti air di kolam mandi didapati kurang bersih dan jernih serta kurangnya penyelenggaraan.

Taman Damai dan Taman Burung Labuan pula mempunyai tasik yang sederhana besar. Manakala bagi taman-taman yang berhierarki kecil seperti Taman Muhibbah, mempunyai *water fountain* yang menjadi tumpuan orang ramai.

Badan air semula jadi dan buatan manusia di **Taman Botanikal Labuan.**



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 8.15: Senarai Inventori Elemen Badan Air Bagi Taman-taman Rekreasi di WP Labuan.

Bil	Nama Taman	Tasik	Sungai	Kolam air	*Water fountain*	Jumlah
1	Taman Botanikal Labuan	✓	✓	✓	x	***3/4**
2	Kompleks Sukan WP Labuan	x	x	x	x	0/4
3	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	x	x	x	✓	1/4
4	Taman Awam Tg. Purun	x	x	x	x	0/4
5	Tanah Perkuburan Perang Labuan *(Labuan War Memorial Cemetery)*	x	x	x	x	0/4
6	Taman Burung Labuan *(The Bird Park Labuan)*	✓	x	x	x	1/4
7	Pantai Pancur Hitam	x	x	x	x	0/4
8	Pantai Batu Manikar	x	x	x	x	0/4
9	Taman Damai (*Peace Park*)	✓	x	x	x	1/4
10	Pantai Pohon Batu	x	x	x	x	0/4
11	Padang Ragbi	x	x	x	x	0/4
12	Dataran Labuan *(Labuan Square)*	x	x	x	✓	1/4
13	Kompleks Bowling Padang	x	x	x	x	0/4
14	Paya Bakau Kinabenuwa	x	✓	x	x	1/4
15	Menara Jam Labuan *(Labuan Clock Tower)*	x	x	x	x	0/4
16	Taman Permainan Ensu	x	x	x	x	0/4
17	Taman Muhibbah	x	x	x	✓	1/4
18	Laman Victoria	x	x	x	x	0/4
19	Muzium Chimney	x	x	x	x	0/4
20	*COBSEA Monument UMS Beach*	x	x	x	x	0/4

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
* Nota : Menunjukkan taman rekreasi yang mempunyai elemen badan air yang terbanyak berbanding taman rekreasi yang lain.

8.2.3 Elemen Kemudahan Kawasan Rekreasi

Jadual 8.16 menyenaraikan kemudahan rekreasi semasa yang terdapat di taman-taman rekreasi mengikut hierarki taman.

Taman Botanikal mempunyai kemudahan rekreasi yang paling banyak iaitu 15 jenis. Manakala hierarki taman yang rendah seperti Lot Permainan mempunyai kemudahan rekreasi yang paling sedikit, iaitu lapan (8) jenis sahaja.

Jadual 8.16: Senarai Inventori Kemudahan Rekreasi di Kesemua Hierarki Taman.

Bil	Kemudahan Rekreasi	Hierarki Taman					
		Taman Bandaran	Taman Tempatan	Taman Kejiranan	Padang Permainan	Lot Permainan	Laman Rekreasi
		Taman Botanikal	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	Dataran Labuan	Taman Permainan Ensu	Taman Jasa	Taman Muhibbah
1.	**Landskap Lembut**	/	/	/	/	/	/
2.	**Siar Kaki / Laluan Pejalan Kaki**	/	/	/	/	X	/
3.	**Kerusi Taman**	/	/	/	/	/	/
4.	**Lampu Taman**	/	/	/	/	X	/
5.	**Kemudahan Reka Bentuk Sejagat**	X	X	/	X	X	X
6.	**Tong sampah**	/	/	/	/	/	/
7.	**Kamera litar tertutup**	X	X	X	X	X	X
8.	**Cermin keselamatan**	X	X	X	X	X	X
9.	**Taman permainan / gimnasium terbuka**	/	/	X	/	/	X
10.	**Papan tanda**	/	/	/	/	/	/
11.	Pengairan dan saliran	/	/	/	/	/	/
12.	Padang serbaguna	X	X	/	/	X	X
13.	Gelanggang serbaguna / gelanggang sukan	X	X	X	/	/	X
14.	Wakaf / tempat teduhan	/	X	/	/	/	/
15.	Tandas	/	/	X	X	X	X
16.	Lorong basikal	X	X	X	X	X	X
17.	Lot parkir	/	/	/	X	X	/
18.	Ampiteater, tapak perhimpunan/ pentas terbuka	/	X	X	X	X	X
19.	Pusat informasi, kawasan pameran dan kedai buku	X	X	X	X	X	X
20.	Kawasan BBQ & perkelahan	X	X	X	X	X	X
21.	Laluan penyelenggaraan	/	X	X	X	X	/
22.	Surau	X	X	X	X	X	X
23.	Kiosk / medan selera	X	X	X	X	X	X
24.	Padang bola sepak	X	X	/	X	X	X
25.	Laluan refleksologi	X	X	X	X	X	X
26.	Jeti / board walk	X	/	X	X	X	X
27.	Planter	/	/	/	X	X	/
28.	Elemen air / badan air	/	/	X	X	X	/
29.	Arca	X	/	/	X	X	X
	Jumlah Keseluruhan	15 / 29	14 / 29	14 / 29	11 / 29	8 / 29	12 / 29

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
Nota : Kemudahan rekreasi terpenting *(Top Five)* adalah elemen yang asas dan wajar diperuntukkan di semua taman.
Kemudahan rekreasi nombor 6 -10 merupakan elemen sokongan yang perlu diutamakan berbanding kemudahan rekreasi yang lain.

Berdasarkan jadual 8.16, jelas menunjukkan semua taman telah mempunyai elemen landskap lembut. Manakala senarai *Top Ten* elemen kemudahan rekreasi pula hanya terdapat di taman-taman yang berhierarki tinggi.

Walaubagaimanapun, kebanyakan taman tidak disediakan elemen kemudahan reka bentuk sejagat, kamera litar tertutup dan cermin keselamatan.

Seterusnya, sebilangan taman sahaja mempunyai elemen kemudahan nombor 11 sehingga 29. Contohnya Padang Permainan Ensu hanya mempunyai elemen pengairan dan saliran, padang serbaguna, gelanggang serbaguna dan wakaf.

8.2.4 Projek Pembangunan Landskap dan Rekreasi

Jadual 8.17 merupakan senarai projek-projek pembangunan landskap dan rekreasi Unit Landskap dan Pengindahan Senitaman Perbadanan Labuan yang telah dijalankan dalam tempoh sepuluh (10) tahun.

Projek-projek yang terlibat adalah kerja-kerja pembangunan baru landskap, pemuliharaan kawasan paya bakau, penghijauan jalan-jalan serta kerja-kerja menaiktaraf landskap di beberapa kawasan dalam WP Labuan.

Jadual 8.17: Senarai Projek Pembangunan Landskap dan Rekreasi (dalam tempoh 10 tahun).

Bil.	Senarai Projek Pembangunan Landskap dan Rekreasi (dalam tempoh 10 Tahun)
1.	Cadangan Pembangunan Taman Awam Tanjung Purun
2.	Cadangan Pembangunan Landskap Labuan Walk
3.	Cadangan Pemuliharaan Paya Bakau Kinabenuwa
4.	Cadangan Penghijauan Jalan - Jalan Tun Mustapha
5.	Cadangan Penghijauan Jalan - Jalan Kesuma
6.	Cadangan Penghijauan Jalan - Jalan Merdeka
7.	Cadangan Naiktaraf Landskap Taman Victoria Pusat Bandar Labuan
8.	Cadangan Naiktaraf Landskap Taman Kejiranan Rancha-rancha
9.	Cadangan Naiktaraf Landskap Bulatan Merdeka
10.	Cadangan Naiktaraf Landskap Di Medan Selera
11.	Cadangan Naiktaraf Landskap Di Persimpangan Jalan Rancha-rancha
12.	Cadangan Naiktaraf Landskap Taman Botani Labuan
13.	Cadangan Naiktaraf Landskap Pantai Tg Batu
14.	Cadangan Naiktaraf Landskap Pantai Sg Miri
15.	Cadangan Naiktaraf Landskap Pantai Lubok Temiang
16.	Cadangan Naiktaraf Landskap Dataran Labuan

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

8.3 Unjuran Kawasan Rekreasi

8.3.1 Kawasan Rekreasi

Jadual 8.18 menunjukkan unjuran keperluan kawasan rekreasi di WP Labuan menjelang tahun 2040. Jadual unjuran menunjukkan cadangan pertambahan minima kawasan rekreasi sebanyak 183.25 hektar, bagi mencapai peruntukan 20m² kawasan landskap dan rekreasi bagi setiap penduduk WP Labuan. Dianggarkan sebanyak 30-50 hektar kawasan rekreasi perlu ditambah setiap lima tahun bagi mencapai matlamat pada tahun 2040.

Jadual 8.18: Unjuran Keperluan Kawasan Rekreasi Menjelang 2040.

Tahun / Perkara	Jumlah Penduduk (orang)	Unjuran kawasan rekreasi (hektar)	Peruntukan Kawasan Rekreasi bagi Setiap Penduduk (m²)
2020	103,135	116.75	11.3 m²
2025	113.312	147.31	13 m²
2030	124,494	199	16 m²
2035	136,779	246.20	18 m²
2040	150,276	**300**	**20 m²**

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

8.4 Isu Dan Prospek

Kesinambungan daripada maklumat pembangunan dan penemuan semasa, isu dan prospek utama pembangunan landskap dan rekreasi di WP Labuan adalah seperti berikut :

i. Keperluan Kawasan Landskap dan Rekreasi
Keluasan kawasan landskap dan rekreasi semasa WP Labuan masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk semasa. Merujuk kepada jadual 8.8, penambahan sebanyak 183.25 hektar kawasan landskap dan rekreasi diperlukan bagi memenuhi keperluan penduduk pada tahun 2040 seiring dengan tema *Well-governed City* dalam *Labuan Development Blueprint 2030*.

ii. Status Pewartaan
Terdapat sejumlah tanah PL atau rizab kerajaan yang masih belum diserahkan, digazetkan atau diwartakan sebagai kawasan landskap dan rekreasi. Kiraan kawasan landskap dan rekreasi kelihatan rendah oleh kerana sebilangan taman-taman belum diserahkan, digazetkan atau diwartakan lagi.

iii. Kemudahan Rekreasi
Peruntukan kemudahan rekreasi yang asas (*Top Five, Top Ten)* tidak mencukupi. Penjagaan dan penyelenggaraan kemudahan rekreasi semasa belum memuaskan dan kerosakan mungkin mengakibatkan insiden yang tidak diingini. Sejumlah taman-taman tidak cukup selamat dan selesa untuk pengguna taman kerana kekurangan kemudahan rekreasi.

iv. Tema Penanaman
Landskap lembut sedia ada perlu dikaji semula dari segi pendekatan *Right Tree At The Right Place For The Right Purpose.* Spesis pokok yang berdahan rapuh di jalan raya utama mengundang bahaya pada nyawa dan harta benda. Sebilangan pokok struktur yang besar didapati mempunyai zon akar kritikal yang terhad.

Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur



Sumber : *elephantandmangoes.blogspot.com*

8.5 Cadangan Am

Berdasarkan isu dan prospek yang diketengahkan, cadangan-cadangan am bagi pembangunan landskap dan rekreasi yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

i. Peruntukan Kawasan Landskap dan Rekreasi
Cadangan pertambahan kawasan landskap dan rekreasi perlu disediakan seiring dengan pertambahan penduduk pada tahun 2040. Ini boleh dicapai dengan memulihkan semula dan membangunkan kawasan berpotensi mengikut hierarki yang sesuai. Selain itu, lingkaran hijau yang komprehensif perlu disediakan untuk menghubungkan taman-taman poket sedia ada dan cadangan taman baru. Dengan itu, setiap 1000 penduduk dapat memanfaatkan sekurang-kurangnya 2 hektar kawasan landskap dan rekreasi (GP005-A).

ii. Proses Pewartaan
Garis panduan atau prosedur menyegerakan proses pewartaan kawasan landskap dan rekreasi perlu diberi penekanan. Pertukaran status guna tanah juga perlu diperincikan supaya tidak dimanipulasikan oleh mana-mana individu. Pengurusan kawasan lapang dan rekreasi seharusnya seiring dengan matlamat pembangunan WP Labuan sebagai *Smart and Sustainable Island City (Labuan Development Blueprint 2030).*

iii. Kemudahan Rekreasi
Penyediaan kemudahan rekreasi asas perlu diberi penekanan. Penyelenggaraan taman secara keseluruhan memerlukan pasukan yang berkemahiran serta peralatan yang sesuai. Penjagaan berkala kemudahan rekreasi semasa perlu dipertingkatkan. Penambahbaikan dari segi pematuhan prinsip *CPTED* dan penerapan reka bentuk sejagat selari dengan tema *Inclusive City* dalam *Labuan Development Blueprint Study 2030.*

iv. Tema Penanaman
Mengenalpasti dan mengetengahkan pemilihan pokok tropika yang bersaiz sederhana yang sesuai untuk pinggiran jalan. Pokok rasmi WP Labuan juga perlu dicadangkan. Konsep reka bentuk elemen-elemen landskap seharusnya menggambarkan WP Labuan sebagai *Smart and Sustainable Island City (Labuan Development Blueprint 2030).*

BAB 09



Perumahan



Perumahan Kakitangan Awam Kg. Bukit Kuda



Taman Ruby

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Perumahan

Kajian sektor perumahan akan memfokuskan kepada corak pembangunan perumahan di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan termasuk aspek guna tanah semasa dan komited, jenis pembangunan perumahan, pembangunan perumahan mampu milik dan unjuran pembangunan perumahan menjelang tahun 2040. Hasil Laporan Tinjauan ini akan menjadi asas dan panduan dalam usaha mewujudkan pembangunan perumahan di WP Labuan yang terancang bagi menjana kediaman yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif yang mampu milik oleh penduduk.

9.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor perumahan melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor perumahan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 9.1 hingga 9.6.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 9.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perumahan.

Tonggak II: Memperkukuhkan Pembangunan Inklusif Dan Kesejahteraan Rakyat		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
B : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat	B2 : Menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti	- Perumahan mampu milik telah disediakan di WP Labuan. Antara perumahan mampu milik yang disediakan adalah Perumahan Ganggarak Permai (260 unit) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Arang (500 unit). Walau bagai manapun, kepelbagaian jenis rumah mampu milik perlu ditambah bagi memenuhi permintaan penduduk.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 9.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perumahan.

Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif Dan Berdaya Huni		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KI 1 : Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti	KI 1.1 : Menyediakan perumahan yang sesuai di lokasi yang sesuai	- Taburan kawasan perumahan baharu dalam tempoh 10 tahun adalah di sepanjang jalan utama pembangunan dan di sekitar Layang-Layangan, Bukit Kuda, Ganggarak, Simpang Tamu, Kg. Kerupang, Kg. Bukit Kallam dan Kiamsam. Penekanan yang perlu diberi perhatian meliputi aspek penyediaan perumahan mampu milik dan kawalan kepada kawasan petempatan setinggan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 9.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Perumahan.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.1 : Penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi, berkualiti dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat	2.1.1 : Penyediaan pelbagai jenis perumahan yang mencukupi dan berkualiti untuk setiap golongan masyarakat mengikut keperluan.	- Sebahagian besar (57.16%) perumahan di WP Labuan adalah pembangunan perumahan kos tinggi dan diikuti perumahan kos sederhana dengan 27.45%. Penawaran perumahan kos rendah adalah pada sekitar 15.40%.
	2.1.2 : Penyediaan reka bentuk perumahan dengan rekabentuk yang sesuai dan fleksibel untuk keperluan pelbagai generasi.	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk mengemaskini pembangunan perumahan di WP Labuan. Rekabentuk perumahan yang bersesuaian boleh disyorkan kepada pemaju dengan mengambil kira trend pembangunan semasa dan permintaan penduduk.
2.2 : Tangani peningkatan kos sara hidup	2.2.1 : Penyediaan rumah mampu milik di dalam bandar dan kawasan Transit Oriented Development (TOD)	- Perumahan mampu milik telah disediakan di WP Labuan. Walau bagai manapun, kepelbagaian jenis rumah mampu milik perlu ditambah dan diperluaskan di lokasi petempatan yang bersesuaian. - Penyediaan rumah mampu milik di kawasan Transit Oriented Development (TOD) belum dilaksanakan di WP Labuan.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025

Jadual 9.4: Penilaian Pencapaian Dasar Perumahan Negara 2018 - 2025 Berkaitan Sektor Perumahan.

Fokus 2 : Menambah Baik Aksesibiliti Dan Tahap Kemampuan Memiliki Rumah		
Strategi	Pelan Tindakan	Pencapaian
Strategi 2.3 : Memperluaskan pilihan perumahan melalui formalisasi pasaran sewa untuk memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai.	Pelan Tindakan 2.3.1 : Membuat penilaian kelayakan penyewaan perumahan awam bagi menggalakkan peralihan dari penyewaan awam kepada penyewaan swasta atau pemilikan rumah.	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk menambahbaik aspek penyewaan rumah. Penilaian kelayakan penyewa perumahan awam disyorkan setiap 3 tahun - bermula tahun 2020.
Strategi 2.3 : Menambah baik skim pembiayaan perumahan sedia ada untuk menyediakan penyelesaian inklusif dan mampan bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana dalam mengakses rumah mampu huni.	Pelan Tindakan 2.3.1 : Menyediakan garis panduan untuk *rent-to-own* dan lain-lain skim pembiayaan yang ditawarkan oleh kerajaan atau institusi swasta.	- Garis panduan untuk *rent –to-own* adalah usaha untuk menambah baik skim pembiayaian perumahan. Garis panduan untuk 'rent –to-own' ini perlu diperluaskan di WP Labuan untuk memudahkan penduduk memiliki rumah.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 9.5: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perumahan.

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: M4 – Perumahan Berkualiti Dan Mencukupi Disediakan Bagi Memastikan Kesejahteraan Hidup Semua Golongan Masyarakat	M4 – CA1 Mengenal pasti keperluan perumahan untuk menampung keperluan jenis perumahan.	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk mengemaskini pembangunan perumahan di WP Labuan. Berdasarkan input awalan daripada kajian Labuan Development Blueprint 2030 terdapat kekurangan 14,931 unit rumah pada tahun 2030.
	M4 – CA2 Mewujudkan persekitaran perumahan yang berkualiti, selamat, sihat dan selesa di semua kawasan perumahan yang berkonsepkan kejiranan hijau.	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya dan tertumpu kepada kawasan taman perumahan terancang tetapi masih belum menyeluruh.
	M4 – CA3 Mengguna pakai garis panduan perancangan pembangunan perumahan dan penyediaan keperluan kepada kemudahan OKU berdasarkan Garis Panduan Reka Bentuk Bebas Halangan (Universal Design) 2010.	- Dasar ini tertumpu kepada kawasan taman perumahan terancang dan pembangunan perumahan baharu tetapi masih belum menyeluruh.
	M4 – CA4 Mempertingkatkan kualiti perumahan dan persekitaran di kawasan kampung melalui Program Pembangunan Semula dan Membaik Pulih.	- Dasar ini telah dijalankan dan perlu diperluaskan untuk keseluruhan kawasan kampung di dalam WP Labuan.
	M4 – CA5 Mengenal pasti kawasan bersesuaian untuk petempatan semula setinggan.	- Dasar telah ini telah diambil kira dalam mengenalpasti kawasan setinggan dan petempatan semula masih di peringkat perancangan.
	M4 – CA6 Menyediakan pelbagai jenis perumahan mampu milik untuk menampung permintaan perumahan.	- Perumahan mampu milik telah disediakan di WP Labuan. Walau bagai manapun, kepelbagaian jenis rumah mampu milik perlu ditambah bagi memenuhi permintaan penduduk.
	M4 – CA7 Langkah-langkah penguatkuasaan perlu dilaksanakan agar menghalang pertumbuhan kawasan perumahan setinggan baharu pada masa hadapan.	- Dasar ini telah dilaksanakan khususnya di peringkat Perbadanan Labuan.
	M4 – CA8 Perbadanan Labuan menyediakan perumahan rakyat untuk menampung permintaan rumah sewa bagi pekerja sektor awam dan swasta.	- Dasar ini telah tercapai dan dilaksanakan.
	M4 – CA9 Lot-lot tanah yang berhadapan dengan jalan utama dan mempunyai aksesibiliti yang baik sahaja dibenarkan untuk dibangunkan untuk tujuan perumahan.	- Dasar ini telah dilaksanakan. Kelulusan pelan kebenaran merancang adalah mengambilkira aspek aksesibiliti.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 9.6: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Perumahan.

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
3 : Quality Living	*ST - QL1* *Strategic Thrust 1: Providing affordable housing and access to amenities for low and middle income groups.*	- Perumahan mampu milik telah disediakan di WP Labuan. Antara perumahan mampu milik yang disediakan adalah Perumahan Ganggarak Permai (260 unit) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Arang (500 unit). Walau bagai manapun, kepelbagaian jenis rumah mampu milik perlu ditambah dan diperluaskan di lokasi yang bersesuaian bagi memenuhi permintaan penduduk berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Taman Ganggarak.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2 Penemuan Semasa

9.2.1 Guna Tanah Semasa Perumahan 2020

Guna tanah semasa perumahan (2020) untuk kawasan WP Labuan merangkumi kawasan seluas 2,037.59 hektar atau 20.44% daripada kawasan pembangunan WP Labuan (Rujuk Jadual 9.7). Sebahagian besar kawasan perumahan adalah kawasan perumahan tidak terancang dengan 82.03%, diikuti 16.59% adalah perumahan terancang dan 1.38% merupakan kawasan petempatan khas (Rajah 9.1 & 9.3). Kawasan perumahan di dalam WP Labuan ini merangkumi taman-taman perumahan terancang, kawasan perkampungan dan skim penempatan masyarakat pelarian (SPMP).

Jadual 9.7: Keluasan Guna Tanah Semasa Perumahan 2020.

Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus, %
Perumahan	**2,037.59**	**20.44**
Komersial	231.80	2.33
Industri	567.05	5.69
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	626.94	6.29
Tanah Lapang dan Rekreasi	111.01	1.11
Infrastruktur dan Utiliti	91.31	0.92
Pertanian	105.27	1.06
Tanah Kosong	3,895.26	39.08
Hutan	691.70	6.94
Badan Air	636.74	6.39
Pengangkutan	838.96	8.42
Pantai	134.23	1.35
Jumlah Besar	9,967.86	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Nota:
Keluasan 9,967.86 adalah berdasarkan keluasan tanah berhakmilik (daratan dan badan air) termasuk Pulau Labuan dan 6 Pulau sekitarnya.

Rajah 9.1: Pecahan Guna Tanah Perumahan WP Labuan 2020.




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.


Trend pembangunan guna tanah perumahan di WP Labuan adalah berdasarkan maklumat guna tanah semasa perumahan pada tahun 2010 (Draf RT Labuan), 2015 (Labuan Development Blueprint 2030) dan 2020 (Rancangan Pemajuan Labuan 2040). Merujuk kepada Rajah 9.2, pembangunan perumahan pada tahun 2020 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 231.99 hektar atau 12.85% berbanding guna tanah semasa perumahan 2010. Agihan mengikut perumahan terancang dan perumahan tidak terancang masing-masing meningkat 83.38 hektar (32.74%) dan 120.57 hektar (7.77%).

Peningkatan guna tanah perumahan ini melibatkan pembukaan kawasan perumahan baharu di sepanjang jalan utama pembangunan dan di sekitar Layang-Layangan, Bukit Kuda, Ganggarak, Simpang Tamu, Kg. Kerupang, Kg. Bukit Kallam dan Kiamsam. Berdasarkan trend pembangunan guna tanah perumahan ini dapat dirumuskan aktiviti perumahan di WP Labuan sepanjang tempoh 10 tahun melibatkan perluasan guna tanah perumahan di kawasan tumpuan pembangunan khususnya di kawasan pertumbuhan bandar dan di sepanjang jalan utama.

Rajah 9.2: Trend Pembangunan Guna Tanah Semasa Perumahan WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.



Sumber : i. Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
ii. Labuan Development Blueprint 2030.
iii. Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030.



Rajah 9.3
GUNA TANAH SEMASA PERUMAHAN 2020



Petunjuk :

- Perumahan Terancang
- Perumahan Tidak Terancang
- Petempatan Khas

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

9.2.2 Stok Perumahan Semasa

Penawaran unit perumahan semasa di WP Labuan merekodkan 21,276 unit perumahan yang merangkumi perumahan terancang (12,705 unit rumah), perumahan tidak terancang (7,458 unit rumah) dan petempatan khas (1,113 unit rumah). Jumlah keseluruhan stok perumahan ini mencatatkan peningkatan 17.16% sepanjang tempoh 10 tahun dengan pertambahan 3,116 unit rumah.

Berdasarkan Jadual 9.8, perumahan terancang merekodkan peningkatan 955 unit rumah berbanding 1,048 unit rumah bagi perumahan tidak terancang. Peratus peningkatan unit rumah bagi perumahan terancang dan tidak terancang masing-masing adalah 8.13% dan 16.35% untuk tempoh 10 tahun dari tahun 2010 hingga 2020.

Jadual 9.8: Stok Unit Perumahan Tahun 2010 dan 2020.


Kategori Perumahan	Unit Rumah			
	2010	2020	Peningkatan Unit	% Peningkatan
Perumahan Terancang	11,750	12,705	955	8.13
Perumahan Tidak Terancang	6,410	7,458	1,048	16.35
Petempatan Khas	-	1,113	1,113	-
Jumlah	18,160	21,276	3,116	17.16

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 2020 (Poket Stats Negeri Wilayah Persekutuan, ST2 2020), Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN), Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kampung Sungai Bangat



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Taman Perumahan En Su, Kerupang.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.3 Saiz Dan Bilangan Isi Rumah

Saiz isi rumah di WP Labuan pada tahun 2020 adalah 4.49. Nilai ini menunjukkan penurunan saiz isi rumah sebanyak 0.13 berbanding pada tahun 2010 yang merekodkan 4.62. Jadual 9.9 menunjukkan jumlah penduduk dan saiz isi rumah di WP Labuan pada tahun 2010 dan 2020.

Jadual 9.9: Jumlah Penduduk Dan Saiz Isi Rumah WP Labuan Tahun 2010 & 2020.

Perkara	Bilangan	
	2010	2020
Jumlah Penduduk	83,920	103,135
Isi Rumah	18,162	22,937
Saiz Isi Rumah	4.62	4.49

Sumber : Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.4 Nisbah Isi Rumah Kepada Stok Perumahan Semasa

Jadual 9.10 menunjukkan nisbah isi rumah kepada stok perumahan di WP Labuan pada tahun 2010 dan 2020. Kaedah yang diguna pakai adalah keperluan satu isi rumah bagi setiap unit rumah atau 1:1. Stok perumahan di WP Labuan merekodkan kekurangan penawaran unit rumah berbanding isi rumah iaitu masing-masing 2 unit (2010) dan 1,661 unit (2020). Secara keseluruhannya, nisbah isi rumah kepada stok perumahan di WP Labuan menunjukkan peningkatan daripada 1: 1.00 pada tahun 2010 kepada 1: 1.07 pada tahun 2020.

Jadual 9.10: Nisbah Isi Rumah Kepada Stok Perumahan WP Labuan Tahun 2010 & 2020.

Perkara	Bilangan	
	2010	2020
Stok Perumahan	18,160	21,276
Isi Rumah	18,162	22,937
Lebihan / Kekurangan Penawaran	-2	-1,661
Nisbah Isi Rumah / Stok Perumahan	1.00	1.07

Sumber : Sektor Demografi dan Sosio Ekonomi & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.5 Kepadatan Perumahan

Kepadatan perumahan adalah berdasarkan luas kawasan tanah berhakmilik WP Labuan dengan stok perumahan tahun 2010 dan 2020. Dengan keluasan 9,542.34 hektar, kepadatan perumahan pada tahun 2010 bagi WP Labuan ialah 182 unit bagi setiap 100 hektar (Rujuk Jadual 9.11). Dengan pertambahan bilangan unit rumah kepada 21,276 unit dalam tempoh 10 tahun, kepadatan perumahan WP Labuan telah bertambah kepada 213 unit bagi setiap 100 hektar iaitu kepadatan tahap rendah (Rujuk Rajah 9.4). Kepadatan perumahan pada tahun 2020 adalah berdasarkan keluasan 9,967.86 hektar.

Jadual 9.11: Kepadatan Perumahan WP Labuan Tahun 2010 & 2020.

Perkara	Bilangan	
	2010	2020
Luas Kawasan Tanah Berhakmilik (Hektar)	9,542.34	9,967.86
Stok Perumahan	18,160	21,276
Kepadatan (Unit / 100 hektar)	190	213

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 9.4: Piawaian Kepadatan Perumahan



Sumber : RSN Selangor 2035.

9.2.6 Perumahan Terancang

Stok perumahan terancang adalah merujuk kepada data Poket Stats Negeri Wilayah Persekutuan, ST2 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 2020. Berdasarkan Rajah 9.5, bilangan unit perumahan terancang di WP Labuan pada tahun 2010 merekodkan 11,750 unit rumah. Nilai ini meningkat sebanyak 955 unit rumah kepada 12,705 unit rumah pada tahun 2020 dengan peratus peningkatan unit rumah sebanyak 7.52%.

Secara amnya, jenis perumahan terancang di WP Labuan pada tahun 2020 meliputi 10 jenis perumahan termasuk rumah teres, rumah berkembar, rumah bandar dan flat (Rujuk Jadual 9.12). Rumah sesebuah mencatatkan penawaran unit rumah tertinggi dengan 5,147 unit rumah pada tahun 2020. Ini diikuti rumah flat dan rumah kos rendah yang mana masing-masing 1,312 unit rumah dan 1,264 unit rumah. Sementara itu, rumah bandar merekodkan unit rumah terendah pada tahun 2020 iaitu hanya menawarkan 11 unit rumah selain tiada pembangunan rumah kluster di dalam WP Labuan. Berdasarkan Jadual 9.12 juga, untuk tempoh tahun 2019 (ST1) hingga tahun 2020 (ST1) terdapat peningkatan unit rumah bagi Rumah Teres Berkembar Dua - Tiga Tingkat dan Kondominium / Apartment iaitu masing-masing 46 dan 80 unit rumah.


Sebahagian besar (57.16%) perumahan di WP Labuan adalah pembangunan perumahan kos tinggi dan diikuti perumahan kos sederhana dengan 27.45%. Penawaran perumahan kos rendah adalah pada sekitar 15.40% (Rujuk Rajah 9.6).

Rumah Teres Semi-D Dua Tingkat (Taman Ruby, Sg. Bangat).



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 9.5: Trend Unit Perumahan Terancang WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.




Sumber : Draf Rancangan Tempatan (RT) Labuan 2030 & Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 2020.

Jadual 9.12: Stok Unit Perumahan Terancang Sedia Ada.

Jenis Unit Perumahan	Stok Sedia Ada Suku Tahun Pertama (ST1) 2019	Suku Tahun Pertama (ST1) 2020
1. Rumah Teres Satu Tingkat	960	960
2. Rumah Teres Dua Tingkat	1,168	1,215
3. Rumah Teres Berkembar Satu Tingkat	98	98
4. Rumah Teres Berkembar Dua - Tiga Tingkat	984	1,030
5. Rumah Sesebuah	5,145	5,147
6. Rumah Bandar	11	11
7. Rumah Kluster	-	-
8. Rumah Kos Rendah	1,264	1,264
9. Flat Kos Rendah	692	692
10. Flat	1,312	1,312
11. Kondominium / Apartment	896	976
Jumlah	12,530	12,705

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 2020 (Poket Stats Negeri Wilayah Persekutuan, ST2 2020).

Rajah 9.6: Pecahan Pembangunan Perumahan Kos Rendah, Sederhana dan Tinggi WP Labuan 2020.



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 2020 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.7 Perumahan Tidak Terancang

Perumahan tidak terancang di WP Labuan merangkumi perumahan kampung. Jumlah keseluruhan unit perumahan tidak terancang pada tahun 2020 adalah 7,458 unit rumah (Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040) yang melibatkan 29 buah kampung. Perumahan kampung melibatkan kampung tradisi (6,998 unit rumah) dan kampung atas air (460 unit rumah).

Kampung Batu Arang mencatatkan bilangan rumah kampung tertinggi dengan 617 unit rumah, manakala Kampung Patau-Patau 2 mempunyai unit rumah kampung terendah dengan 85 unit rumah (Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040). Purata keseluruhan kepadatan unit rumah adalah 1.03 dengan Kampung Patau-Patau 2 adalah kepadatan tertinggi dengan 8.14 rumah per hektar.

Berdasarkan pengamatan tapak ke atas rumah kampung atas air, keadaan semasa menunjukkan bilangan rumah telah penuh dan padat serta kualiti persekitaran yang tidak bersih. Ini ditambah dengan ketiadaan sistem infrastruktur dan utliti yang terancang seperti sistem perparitan dan kumbahan akan memberi kesan kepada penurunan kualiti alam sekitar, kesihatan penduduk dan wabak penyakit. Keadaan fizikal rumah yang padat dan usang turut menjejaskan aspek keselamatan penduduk serta risiko berlakunya kebakaran.

Perumahan Kampung Patau-Patau 1.




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Perumahan Kampung Bebuloh Laut



Sumber : labuangeopark82.wisite.com

Keadaan semasa rumah atas air dan persekitaran Kampung Bebuloh Laut.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.8 Petempatan Khas

Petempatan khas merupakan kawasan skim penempatan masyarakat pelarian (SPMP) yang terdapat di Kiamsam dan Kampung Muslim. Berdasarkan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 ini mendapati terdapat 1,113 unit rumah di kawasan SPMP ini, iaitu masing-masing 484 unit rumah di Kiamsam dan 629 unit rumah Kampung Muslim. Kawasan petempatan khas di Kg. Muslim melibatkan rumah kampung atas air.

Kedua-dua Kawasan petempatan khas ini merupakan kawasan rumah yang padat, sesak dan tidak mempunyai sistem perparitan dan kumbahan yang terancang serta berisiko kepada penyebaran wabak penyakit dan isu keselamatan penduduk. Langkah-Langkah kawalan perlu diambil bagi mengawal kawasan petempatan khas ini termasuk tidak membenarkan penambahan bilangan rumah serta penekanan terhadap aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan penduduk.

9.2.9 Kawasan Setinggan

Selain daripada perumahan terancang, perumahan tidak terancang dan petempatan khas, kajian juga mendapati terdapat kawasan setinggan di dalam WP Labuan. Kawasan setinggan seluas 11.08 hektar ini menduduki kawasan tanah kerajaan (hutan dan rizab sungai) yang melibatkan kawasan rumah kampung atas air. Kawasan setinggan yang dikenalpasti adalah di sekitar Kampung Muslim dan Kampung Gersik. Sejumlah 307 unit rumah (Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040) yang merangkumi kawasan setinggan di sekitar Kampung Muslim (39 unit rumah) dan 268 unit rumah di sekitar Kampung Gersik. Rajah 9.7 menunjukkan taburan kawasan setinggan di WP Labuan.

Rajah 9.7: Taburan Kawasan Setinggan WP Labuan.



Kawasan Setinggan (11.08 hektar)
1 : Sekitar Kampung Muslim (2.05 hektar)
2 : Sekitar Kampung Gersik (9.03 hektar)

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.2.10 Perumahan Di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan Dan Program Perumahan Rakyat

Perumahan di bawah seliaan Perbadanan Labuan melibatkan enam kawasan utama yang merangkumi keseluruhan 831 unit. Jenis perumahan sebahagian besar adalah apartment kos sederhana rendah dan apartment kos rendah selain hanya perumahan kakitangan awam Kg. Bukit Kuda menyediakan kuarters berkonsepkan rumah berkembar 2 tingkat. Secara purata, kadar sewa adalah di antara RM 180 hingga RM 935 bergantung kepada jenis perumahan. Jadual 9.13 menunjukkan Senarai Taman Perumahan di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan.

Rumah Pangsa Perbadanan Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Hasil pengamatan tapak mendapati, terdapat satu projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Batu Arang yang di dalam proses pembinaan. PPR ini dijadual siap sepenuhnya pada April 2021 merupakan inisiatif oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menawarkan 500 unit rumah termasuk 5 unit untuk orang kelainan upaya (OKU). Rumah PPR dua blok setinggi 13 tingkat itu turut dilengkapi dengan kemudahan lain seperti surau, rumah kedai, taska, balai komuniti dan rumah sampah. Rumah mampu milik berkeluasan 700.84 kaki persegi itu mengandungi 3 bilik, kemudahan tandas dan bilik mandi. Ini merupakan Projek PPR pertama dibangunkan di WP Labuan bagi memberi peluang generasi muda dan golongan B40 yang kurang berkemampuan memiliki rumah sendiri. Lokasi PPR di Batu Arang ini adalah strategik di mana akses yang baik ke jalan utama (Jalan Batu Arang dan Jalan Pohon Batu), berhampiran Masjid Muhammad Sultan V, Kolej Vokasional Labuan, Sekolah Antarabangsa Labuan dan Pantai Tanjung Aru.

Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Arang



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 9.13: Senarai Taman Perumahan di Bawah Seliaan Perbadanan Labuan.

Bil	Senarai Taman Perumahan Di Bawah Seliaan PL	Bilangan Unit	Jenis Perumahan	Kadar Sewa	Harga Jualan
1.	Perumahan Kakitangan Awam Kg. Bukit Kuda	66 unit	Kuaters, rumah berkembar 2 tingkat	50% daripada Imbuhan Tetap Perumahan dan Elaun Perumahan Wilayah	-
2.	Perumahan Taman Mutiara	121 unit	Apartment kos sederhana rendah	RM435.00 & RM485.00	• Tingkat bawah – RM160,000.00 • Tingkat tiga – RM130,000.00 • Tingkat empat – RM120,000.00
3.	Perumahan Sg Bedaun (LDA)	320 unit	Apartment kos rendah	RM230.00 (kakitangan swasta) RM180.00 (penjawat awam)	• Tingkat bawah – RM110,000.00 • Tingkat satu – RM100,000.00 • Tingkat dua – RM90,000.00 • Tingkat tiga – RM80,000.00 • Tingkat empat – RM70,000.00
4.	Perumahan Sg. Bangat	64 unit	Apartment kos sederhana rendah	RM650.00	-
5.	Perumahan Ganggarak Permai	260 unit	Apartment kos sederhana rendah	RM830.00 hingga RM935.00	RM180,000.00 hingga RM250,000.00
6.	Rumah Pangsa Perbadanan Labuan	128 unit	Apartment kos sederhana rendah dan apartment kos rendah	50% daripada Imbuhan Tetap Perumahan dan 50% Elaun Perumahan Wilayah	-
	Jumlah Unit	831 Unit			


Sumber : Jabatan Penilaian, Pelaburan dan Pengurusan Harta, Perbadanan Labuan, 2020.

Selain itu, berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri, terdapat 100 unit Kuarters Kerajaan Kakitangan Awam (KKKA) yang disediakan di Layang-Layangan. Kuarters berkonsepkan rumah sesebuah dua tingkat ini merupakan kemudahan perumahan yang disediakan untuk penjawat awam di WP Labuan. Rajah 9.8 menunjukkan lokasi Program Perumahan Rakyat (PPR) di Batu Arang dan Kuarters Kerajaan Kakitangan Awam (KKKA) di Layang-Layangan.

Kuarters Kerajaan Kakitangan Awam (KKKA) di Layang-Layangan yang mengandungi 100 unit rumah sesebuah dua tingkat.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 9.8
TABURAN PERUMAHAN DI BAWAH SELIAAN PERBADANAN LABUAN, PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT & KUARTERS KERAJAAN KAKITANGAN AWAM (KKA)



Petunjuk :
- Perumahan Strata
- Perumahan Bukan Strata

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

9.2.11 Harga Rumah

Maklumat harga kediaman sukuan terkini Q2 2020 daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara adalah dirujuk bagi menggambarkan status harga rumah di WP Labuan. Perkembangan harga rumah dari suku tahun kedua 2019 dengan suku tahun kedua 2020 menunjukkan purata harga rumah di WP Labuan adalah RM 324,444 (Rujuk Jadual 9.14). Sementara itu, harga rumah (pertengahan) pula adalah RM 307,500 dengan nilai perubahan tahunan menunjukkan peningkatan 2.5%. Bagi aspek purata harga rumah semasa, kediaman di WP Labuan dilihat adalah lebih rendah berbanding Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, untuk harga rumah (pertengahan), WP Labuan adalah lebih tinggi berbanding Sabah dan Pulau Pinang iaitu dengan perbezaan masing-masing RM 12,500 dan RM 27,500.

Antara faktor utama penyumbang kepada nilai harga rumah di WP Labuan adalah berkait rapat dengan kos-kos pembinaan. Secara amnya, penggunaan sumber bahan binaan yang diimport dari luar WP Labuan memberi kesan kepada kenaikan harga rumah selain faktor perubahan pasaran hartanah semasa dan penumpuan kepada rumah kos tinggi khususnya rumah sesebuah.


Jadual 9.14: Maklumat Harga Rumah (Purata & Pertengahan) di WP Labuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang Untuk Suku Tahun Kedua 2019 dengan Suku Tahun Kedua 2020.

Negeri	Harga Rumah (Purata)	Harga Rumah (Pertengahan)	Perubahan Tahunan (Harga Rumah Pertengahan)
WP Labuan	RM 324,444	RM 307,500	2.5%
Sabah	RM 328,384	RM 295,000	-1.7%
Sarawak	RM 352,742	RM 320,000	6.7%
Pulau Pinang	RM 347,225	RM 280,000	0.0%

Sumber : Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, 2020.

Merujuk kepada Pusat Maklumat Harta Negara 2020, harga rumah (pertengahan atau median) di Malaysia bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2020 menunjukkan peningkatan pada tahun 2016 dan 2017 dengan harga rumah tertinggi direkodkan adalah RM 303,000 (2017). Terdapat penurunan harga rumah pada tahun 2018 dan 2019. Namun begitu, harga rumah (pertengahan) di Malaysia menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2020 dengan RM 290,000 berbanding tahun 2019. Rajah 9.9 menunjukkan harga rumah (pertengahan) Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020.

Rajah 9.9: Harga Rumah (Pertengahan) di Malaysia (2016 – 2020)



Sumber : Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, 2020.

9.2.12 Pembangunan Komited Perumahan

Pembangunan komited perumahan di WP Labuan sehingga suku tahunan pertama (ST1) 2020 merekodkan 657 unit rumah (Rujuk Jadual 9.15). Kondominium / apartment dan rumah teres dua – tiga tingkat menjadi jenis unit kediaman utama iaitu masing-masing 438 unit rumah dan 209 unit rumah. Baki 10 unit rumah di WP Labuan melibatkan rumah teres berkembar satu tingkat. Berdasarkan penawaran rumah semasa ini dapat dirumuskan, perkembangan perumahan akan tertumpu kepada perumahan berbilangan tingkat (perumahan strata) selain terdapat pembangunan perumahan bertanah seperti rumah teres dan rumah berkembar. Hal ini adalah berkait rapat dengan ruang tanah pembangunan semasa, bilangan unit rumah dan nilai pasaran semasa.

Secara keseluruhannya, dengan mengambil kira stok perumahan sedia dan komited, jumlah keseluruhan perumahan terancang di WP Labuan sehingga ST1 2020 adalah 13,362 unit rumah.

Jadual 9.15: Pembangunan Komited Perumahan di WP Labuan 2020.

Jenis Unit Perumahan	Tahun 2020 ST1
Rumah Teres Satu Tingkat	-
Rumah Teres Dua Tingkat	209
Rumah Teres Berkembar Satu Tingkat	-
Rumah Teres Berkembar Dua - Tiga Tingkat	10
Rumah Sesebuah	-
Rumah Bandar	-
Rumah Kluster	-
Rumah Kos Rendah	-
Flat Kos Rendah	-
Flat	-
Kondominium / Apartment	438
Jumlah	657

Sumber : Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, 2020.

9.3 Unjuran Perumahan

Unjuran keperluan perumahan dibuat berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan isi rumah sehingga tahun 2040. Beberapa faktor yang diambil kira dalam menyediakan unjuran keperluan perumahan masa hadapan adalah :

i. Lebihan / Kekurangan Unit Rumah

Berdasarkan andaian setiap isi rumah memerlukan sebuah unit kediaman, WP Labuan pada tahun 2020 mempunyai kekurangan unit rumah sebanyak 1,004 unit (Jadual 9.16). Andaian setiap isi rumah memerlukan sebuah unit kediaman terus digunakan dalam membuat unjuran stok perumahan. Keseluruhan stok perumahan tahun 2020 adalah 21,993 unit yang merangkumi perumahan terancang, perumahan tidak terancang, petempatan khas dan pembangunan perumahan komited.

ii. Unjuran Keperluan Perumahan Berdasarkan Pertambahan Isi Rumah Baharu

Berdasarkan kepada unjuran penduduk dan isi rumah, WP Labuan dijangka mengalami pertambahan isi rumah daripada 22,937 pada tahun 2020 kepada 33,770 isi rumah pada tahun 2040. Pada tahun 2025 dan 2030 pula, bilangan isi rumah dianggarkan masing-masing sebanyak 25,236 dan 27,851. Butiran terperinci pertambahan penduduk dan isi rumah bagi WP Labuan adalah seperti Jadual 9.16.

iii. Unjuran Keperluan Unit Perumahan

Berdasarkan Jadual 9.16, dapat dirumuskan bahawa terdapat kekurangan stok perumahan sebanyak 3,764 unit sehingga tahun 2040. WP Labuan memerlukan tambahan 1,515 unit menjelang tahun 2025, tambahan 2,197 unit rumah (2030) dan tambahan 2,854 unit rumah pada tahun 2035.

iv. Unjuran Keperluan Tanah Perumahan

Berdasarkan Jadual 9.17, dapat dirumuskan bahawa unjuran tanah yang diperlukan bagi pembangunan perumahan baharu di seluruh WP Labuan sehingga tahun 2040 adalah 87.53 hektar. Keperluan tanah perumahan pada tahun 2025 adalah 35.24 hektar, meningkat kepada 51.09 hektar (2030) dan 66.37 hektar pada tahun 2035. Pecahan perincian keperluan tanah perumahan di WP Labuan adalah seperti Jadual 9.17. Secara keseluruhannya, guna tanah perumahan menjelang tahun 2040 dengan mengambil kira keadaan semasa dan unjuran adalah 2,125.12 hektar.

Jadual 9.17: Unjuran Keperluan Tanah Perumahan.

Tahun	Keperluan Unit Rumah	Keperluan Tanah (Hektar)	Jumlah Keseluruhan Keperluan Tanah (Hektar)
2020	1,004	23.35	2,060.94
2025	1,515	35.24	2,072.83
2030	2,197	51.09	2,088.68
2035	2,854	66.37	2,103.96
2040	3,764	87.53	2,125.12

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Nota : Andaian pembangunan perumahan melibatkan 70% rumah bertanah (13/0.40 hektar) dan 30% rumah bertingkat (70/0.40 hektar).

Taman Perumahan Lazenda Villa 12



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 9.16: Unjuran Perumahan WP Labuan (2020 – 2040).

Perkara	Tahun				
	2020	2025	2030	2035	2040
Bil. Penduduk	103,135	113,312	124,494	136,779	150,276
Bil Isi Rumah	22,937	25,236	27,851	30,599	33,770
Saiz Isi Rumah	4.49	4.49	4.47	4.47	4.45
Stok Perumahan	*21,933	23,721	25,654	27,745	30,006
Keperluan Tambahan Unit Rumah	1,004	1,515	2,197	2,854	3,764

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Nota:
* Stok perumahan tahun 2020 (21,933) mengambil kira tambahan 657 unit pembangunan komited perumahan.

9.5 Isu Dan Prospek

Kesinambungan daripada pembangunan semasa, analisis dan penemuan kajian, isu dan prospek utama pembangunan perumahan di WP Labuan adalah melibatkan aspek-aspek berikut :

i. Keperluan Penambahan Unit Rumah
WP Labuan memerlukan tambahan 3,764 unit rumah pada tahun 2040 bagi memenuhi keperluan pertambahan penduduk dengan luas tanah yang diperlukan adalah seluas 87.53 hektar.

ii. Penumpuan Perumahan Kos Tinggi
Pembangunan perumahan di WP Labuan tertumpu kepada jenis perumahan kos tinggi yang melibatkan rumah sesebuah dan berkembar dengan merekodkan 7,262 unit atau 57.16%. Penyediaan rumah kos rendah sehingga tahun 2020 hanya dalam sekitar 15.40% daripada keseluruhan unit perumahan terancang.

iii. Rumah Kampung Atas Air dan Kawasan Setinggan
Penempatan rumah atas air perlu dikawal bagi mengelakkan pertambahan unit rumah. Isu-isu berkaitan pengurusan infrastruktur, keselamatan dan kesihatan penduduk perlu menjadi asas di dalam mengurus penempatan rumah kampung atas air dan kawasan setinggan.

iii. Pembangunan Perumahan Berskala Kecil
Pembangunan perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta adalah terdiri daripada skim perumahan di atas lot-lot persendirian yang bersaiz kecil dan terpisah antara satu sama lain. Situasi ini memberi kesan kepada penyediaan kemudahan awam tidak dapat disediakan dengan komprehensif.

iv. Perumahan Mampu Milik Diperluaskan
Hasrat murni pihak kerajaan dalam menggalakkan lebih banyak pembangunan rumah mampu milik dilihat satu pendekatan yang amat proaktif dalam membantu golongan berpendapatan sederhana dan generasi muda. Rumah mampu milik seperti Perumahan Ganggarak Permai dan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Batu Arang boleh diperluaskan dikhususnya di kawasan tumpuan pembangunan bagi menggalakkan penduduk berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Berdasarkan amalan semasa, di peringkat kementerian mahupun Perbadanan Labuan tidak menetapkan keperluan penyediaan rumah kos rendah. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menggunakan konsep 'Rumah Prihatin Wilayah Persekutuan' untuk membina rumah mampu milik di Labuan.

vi. Peningkatan Nilai Harga Rumah
Faktor utama penyumbang kepada nilai harga rumah di WP Labuan adalah berkait rapat dengan kos-kos pembinaan. Secara amnya, penggunaan sumber bahan binaan yang diimport dari luar WP Labuan memberi kesan kepada kenaikan harga rumah selain faktor perubahan pasaran hartanah semasa dan penumpuan kepada rumah kos tinggi khususnya rumah sesebuah. Purata harga kediaman semasa di WP Labuan adalah sekitar RM324,444 dengan harga rumah (pertengahan) pada nilai RM 307,500.

vii. Perumahan Berbilang Tingkat
Pembangunan perumahan berbilang tingkat merupakan pilihan utama pemaju bagi pembangunan perumahan akan datang di WP Labuan. Jenis perumahan seperti kondominium dan apartment berpotensi dikembangkan dan disesuaikan dengan keperluan penduduk dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah, penjanaan unit rumah dan nilai pasaran semasa.

Perumahan Strata (Perumahan Sg. Bangat).



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

9.6 Cadangan Am

Cadangan-cadangan am pembangunan perumahan yang diterapkan akan memfokus kepada penyelesaian isu-isu semasa selain pengukuhan dan pengembangan potensi perumahan. Antara cadangan-cadangan awal perumahan adalah seperti berikut :

i. Peningkatan Penyediaan Unit Perumahan Terancang

Pembangunan perumahan yang terancang perlu disediakan dengan keperluan tambahan unit rumah sebanyak 3,764 unit menjelang tahun 2040. Penyediaan unit rumah ini adalah selaras dengan peningkatan bilangan isi rumah kepada 33,770 pada tahun 2040.

ii. Pengurusan dan Kawalan Rumah Kampung Atas Air dan Kawasan Setinggan

Penambahan unit rumah di kawasan rumah kampung atas air adalah tidak dibenarkan dengan mengambil kira kapasiti semasa dan keselamatan penduduk. Aspek infrastruktur dan utliti termasuk sistem perparitan, kumbahan dan elektrik perlu dinaik taraf dalam mewujudkan persekitaran yang selesa, pertimbangan kesihatan penduduk dan pengurusan alam sekitar.

iii. Menggalakkan Pembangunan Perumahan Berskala Besar

Menggalakkan pembangunan kawasan perumahan berskala besar. Pendekatan ini digalakkan untuk tujuan penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur yang berkualiti. Penggabungan lot-lot kecil digalakkan melalui penubuhan konsortium pemaju hartanah adalah salah satu cara terbaik bagi mengatasi pembangunan perumahan berskala kecil.

Contoh pembangunan perumahan Larkin Residence di Johor Bahru yang berkonsepkan apartment 5 tingkat, berdensiti rendah (33 unit per ekar) dan menawarkan 20 unit per blok.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Meningkatkan Penawaran Rumah Mampu Milik

Dasar berkaitan penetapan kuota perlu digubal untuk meningkatkan kemampuan rakyat untuk memiliki rumah. Penyediaan pembangunan rumah mampu milik boleh diperluaskan di sekitar WP Labuan khususnya di Layang-Layangan, Simpang Tamu dan Kg. Bukit Kuda bagi memenuhi keperluan penduduk berpendapatan sederhana dan rendah memiliki rumah.

v. Pembangunan Perumahan Bertingkat Berdensiti Rendah


Konsep pembangunan perumahan strata bertingkat rendah boleh diterapkan di dalam pembangunan perumahan baharu di WP Labuan. Ia berpotensi menjadi pilihan kepada penduduk selain menawarkan densiti rumah yang rendah dengan nilai harga yang berpatutan.

vi. Program *Second Home*

Lokasi WP Labuan yang terletak di tengah-tengah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur – Brunei – Indonesia – Malaysia – Filipina (BIMP – EAGA) mempunyai potensi yang tinggi bagi merancang pembangunan menyokong Program *Second Home* atau Rumah Kedua. WP Labuan didapati sesuai memandangkan suasana kediaman dan persekitaran semulajadi serta peninggalan sejarahnya yang boleh menjadi daya tarikan kepada warga asing. Cadangan awal Program *Second Home* atau Rumah Kedua dicadangkan di sekitar kawasan pantai Kg Layang-Layangan di mana ia mempunyai panorama keindahan pantai yang semulajadi dan menarik.

vii. Pembangunan Perumahan Berkonsepkan Kejiranan Hijau

Pembangunan perumahan bercirikan kejiranan hijau. Penekanan pembangunan perumahan yang mengaplikasi konsep kejiranan hijau perlu digalakkan bagi pembangunan perumahan baru selaras dengan usaha mewujudkan pembangunan kejiranan hijau yang menyeluruh. Konsep pembangunan kejiranan hijau sebagai satu asas dalam mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang. Insentif-insentif juga boleh disediakan di peringkat Perbadanan Labuan bagi menggalakkan pemakaian konsep ini seperti dibenarkan densiti lebih tinggi jika ciri-ciri kejiranan hijau diterapkan di dalam susun atur atau reka bentuk bangunan.


PEARL OF BORNEO

BAB 10



Perindustrian



Kawasan Perindustrian Rancha - Rancha

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Perindustrian

Kajian sektor perindustrian akan memfokuskan kepada corak pembangunan industri di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan termasuk aspek guna tanah semasa dan komited, jenis dan kategori industri, aktiviti perindustrian dan unjuran pembangunan perindustrian menjelang tahun 2040. Hasil Laporan Tinjauan ini akan menjadi asas dan panduan dalam usaha mewujudkan pembangunan perindustrian di WP Labuan yang berdaya saing dan berteknologi tinggi bagi menyokong Labuan sebagai pusat perkhidmatan serantau yang mampan.

10.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor perindustrian melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor perindustrian seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 10.1 hingga 10.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 10.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perindustrian.

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh Pertumbuhan Sektoral Dan Mereformasi Struktur	A1 : Mempertingkat Pertumbuhan Sektoral melalui Peningkatan Produktiviti	- Kadar pertumbuhan purata tahunan KDNK WP Labuan (2015-2019) adalah 6.2% dengan KDNK Per Kapita yang direkodkan sejumlah RM76,727. Dari aspek KDNK per kapita, WP Labuan adalah kedua tertinggi selepas WP Kuala Lumpur. Sektor pembuatan di WP Labuan menyumbang RM 1,384 juta (18.2%) pada tahun 2019 dengan KPPT yang direkodkan adalah 4.3% setahun (2015 - 2019). - Dasar ini memfokuskan kepada mempercepat transformasi sektor perkhidmatan, memperkasa sektor pembuatan, membangunkan sektor pertanian yang moden dan produktif serta melahirkan PKS yang lebih dinamik.
B : Mempercepat Inovasi dan Penerimagunaan Teknologi	B1 : Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat	- Rangka Kerja Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 berperanan sebagai panduan strategik bagi membolehkan peralihan sektor pembuatan dan mempercepat penerimagunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 sebagai tindak balas kepada Revolusi Perindustrian Keempat. Ia meliputi pembiayaan, infrastruktur, peraturan, kemahiran dan teknologi yang akan dilaksana oleh kementerian dan agensi dengan kerjasama industri.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 10.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perindustrian.

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar Dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1 : Pertumbuhan Bandar Yang Seimbang	PD 1.4 : Memperkukuhkan kluster perindustrian	- Kawasan perindustrian utama di WP Labuan adalah di Kawasan perindustrian Rancha-Rancha dan Kiamsam yang menjalankan perusahaan industri pembuatan dan operasi yang berkaitan dengan logistik dan minyak & gas). Usaha memperkukuhkan kluster perindustrian ini turut meliputi menaik taraf persekitaran dan infrastruktur fizikal kawasan industri sedia ada serta menggalakkan perancangan kawasan perindustrian baharu yang bersepadu.
	PD 1.5 : Memperkukuhkan Pelabuhan Pintu Masuk dan Industri Logistik	- Taburan perindustrian utama di WP Labuan adalah berhampiran dengan Kawasan bandar dan pelabuhan. - Pelabuhan WP Labuan berfungsi sebagai pelabuhan perindustrian yang menyokong sektor minyak dan gas, petrokimia serta hab penghantaran barang bagi rantau BIMP-EAGA dan Asia. Cadangan pelabuhan bersepadu di Rancha-Rancha berupaya mengukuhkan peranan pelabuhan laut dan industri logistik di WP Labuan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 10.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Perindustrian.

Prinsip 3 : Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.1 : Peningkatan Daya Saing Dan Kepadatan Ekonomi Bandar	3.1.1 : Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar	- Perkembangan ekonomi WP Labuan adalah berfungsi sebagai pusat kewangan, perniagaan antarabangsa serta aktiviti berkaitan perindustrian minyak dan gas. Penekanan terhadap sektor ekonomi lain seperti perniagaan dan perkhidmatan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan aktiviti komersil dan kualiti perkhidmatan. Aktiviti perniagaan khususnya di Bandar Labuan dan lain-lain pusat petempatan, perlu dijanakan semula bagi memenuhi permintaan semasa di samping memberi sokongan kepada pembangunan industri, pelancongan, pendidikan dan logistik.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 10.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perindustrian.

Teras 1 : Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: E1 - Hab Logistik Industri Perkhidmatan Minyak Dan Gas Sebagai Pemangkin Ekonomi Labuan	E1 – CA1 Merancang, menyediakan dan meningkatkan kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan perkapalan dan penyimpanan bagi menyokong industri minyak dan gas.	- Dasar ini telah dilaksanakan dan tercapai. - Kawasan industri yang menjalankan perusahaan industri pembuatan dan operasi yang berkaitan dengan logistik dan minyak & gas) adalah tertumpu di Taman Perindustrian Rancha-Rancha dan Taman Perindustrian Kiamsam.
	E1 – CA2 Menyediakan kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti-aktiviti berkaitan yang lengkap dengan prasarana dan kemudahan yang mencukupi.	- Dasar ini perlu diperkukuhkan dan diperluaskan di kawasan industri. - Keperluan menaik taraf kemudahan infrastruktur termasuk kemudahan lapangan terbang, pelabuhan, teknologi maklumat dan telekomunikasi, bekalan air dan elektrik yang efisyen.
	E1 – CA3 Menggalakkan industri pembinaan pelantar minyak untuk menyokong operasi carigali minyak dan gas di kawasan perairan Sabah, Sarawak dan Brunei dengan memanfaatkan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai.	- Dasar ini telah tercapai di mana antara industri utama yang menyokong industri perkhidmatan minyak dan gas adalah seperti Petronas Methanol, Labuan Crude Oil Terminal dan Labuan Gas Terminal.
Dasar Am: E3 – Perikanan Laut Dalam Dan Industri Pemprosesan Hasil Laut Berskala Besar Dimajukan Bagi Mengekploitasi Sumber Marin	E3 – CA1 : Industri memprosesan hasil laut ditumpukan di kawasan halal hab yang sedang dibangunkan di Kiamsam	- Kompleks Halal Hab Labuan telah siap bina di Kiamsam. Keadaan semasa menunjukkan Kompleks Halal Hab ini tidak beroperasi di atas faktor-faktor tertentu termasuk kekurangan pelabur serta fungsi dan spesifikasi rekabentuk bangunan.
	E3 – CA2 : Meningkatkan tahap industri perikanan laut dalam dengan memberi tumpuan kepada industri pemprosesan hasil marin.	- Industri perikanan laut telah beroperasi. - Industri perikanan tuna dan ikan bilis sedia ada berpotensi dikembangkan di dalam menjana industri hiliran.
	E3 – CA3 : Menyediakan jeti pendaratan ikan bagi membolehkan pendaratan kapal ikan yang lebih besar.	- Dasar ini telah tercapai. Kompleks pendaratan ikan LKIM telah beroperasi di Kiamsam.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Pemandangan udara kawasan Kompleks Hab Halal Labuan dan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Kiamsam.



v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 10.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Perindustrian.

The Growth Drivers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
2 : Oil and Gas	*ST - QG1* *Strategic Thrust 1: To position Labuan as the regional oil & gas supply base.*	- Industri minyak & gas di Labuan merangkumi terminal minyak mentah, terminal gas, loji metanol, *oil-field service and equipment* (OFSE), firma asas bekalan, fabrikasi dan *shipyards*. Faktor ini adalah berkait rapat dengan lokasi WP Labuan yang strategik di dalam wilayah minyak & gas di Sabah - Sarawak - Brunei Darussalam – Filipina.
	ST – QG2 *Strategic Thrust 2: To expand Labuan's oil & gas downstream activities, particularly methanol-related.*	- WP Labuan mempunyai kelebihan dalam industri minyak dan gas memandangkan Labuan merupakan satu-satunya *oil & gas supply base* di Malaysia Timur. Ini turut disokong dengan pelabuhan bebas cukai serta pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa. Aktiviti loji metanol telah melonjakkan WP Labuan sebagai salah satu pengeluar metanol terbesar di dunia dengan menghasilkan kapasiti pengeluaran harian sebanyak 5,000 tan metanol. Potensi ini akan membantu memperluaskan industri hiliran yang berkaitan dengan pembuatan metanol menjelang tahun 2030.
	ST – QG3 *Strategic Thrust 3: Improve oil & gas related infrastructure.*	- Usaha menaiktaraf infrastruktur dan utliti di WP Labuan membantu di dalam menyokong aktiviti industri hiliran. Selain menaiktaraf pelabuhan dan lapangan terbang, keutamaan perlu diberikan kepada aspek teknologi maklumat dan komunikasi serta bekalan air dan elektrik yang effisien. Selain itu, kemudahan berkaitan pembangunan dan penyelidikan (R&D) perlu mudah diakses dan berhampiran kawasan bandar untuk kegunaan pekerja profesional.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Aktiviti industri dan pelabuhan di kawasan perindustrian Rancha-Rancha.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

10.2 Penemuan Semasa

10.2.1 Guna Tanah Semasa Industri 2020

Guna tanah semasa industri (2020) untuk kawasan WP Labuan merangkumi kawasan seluas 567.05 hektar atau 5.69% daripada kawasan pembangunan WP Labuan. Aktiviti industri semasa tertumpu di bahagian selatan WP Labuan khususnya di sekitar Rancha-Rancha dan Kiamsam. WP Labuan mempunyai dua zon perindustrian yang utama iaitu Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan Kawasan Perindustrian Kiamsam. Lain-lain kawasan industri melibatkan kawasan Kg. Rancha-Rancha dan sepanjang Jalan Rancha-Rancha ke Simpang Tamu. Secara keseluruhannya, kawasan industri di WP Labuan merupakan kawasan bukan taman perindustrian.

Pembangunan industri semasa di WP Labuan menunjukkan sebahagian besar (90.45%) adalah industri terancang iaitu kawasan industri di dalam zon perancangan industri yang telah ditetapkan dan diluluskan. Manakala baki 9.55% merupakan kawasan industri tidak terancang iaitu kawasan industri di luar zon perancangan industri (diluluskan dan tidak diluluskan). Taburan industri tidak terancang adalah di sekitar Jalan Kinabenuwa, Kg. Sg. Bedaun, Kg. Belukut, Kg. Bukit Kallam dan Ganggarak. Maklumat guna tanah semasa industri WP Labuan 2020 ditunjukkan dalam Jadual 10.6, Rajah 10.1 dan Rajah 10.2.

Jadual 10.6: Keluasan Guna Tanah Semasa Industri 2020

Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus, %
Perumahan	2,037.59	20.44
Komersial	231.80	2.33
Industri	**567.05**	**5.69**
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	626.94	6.29
Tanah Lapang dan Rekreasi	111.01	1.11
Infrastruktur dan Utiliti	91.31	0.92
Pertanian	105.27	1.06
Tanah Kosong	3,895.26	39.08
Hutan	691.70	6.94
Badan Air	636.74	6.39
Pengangkutan	838.96	8.42
Pantai	134.23	1.35
Jumlah Besar	9,967.86	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Nota:
Keluasan 9,967.86 adalah berdasarkan keluasan tanah berhakmilik (daratan dan badan air) termasuk Pulau Labuan dan 6 Pulau sekitarnya.

Rajah 10.1: Pecahan Guna Tanah Industri WP Labuan 2020.



Industri Terancang
512.90 Hektar
90.45%


Industri Tidak Terancang
54.15 Hektar
9.55%

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Aktiviti industri Petronas Chemical Methanol Sdn Bhd di kawasan Perindustrian Rancha-Rancha.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 10.2
GUNA TANAH SEMASA INDUSTRI 2020



Petunjuk :

- Industri Terancang
- Industri Tidak Terancang

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai


10.2.2 Trend Pembangunan Industri

Trend pembangunan industri di WP Labuan adalah berdasarkan maklumat guna tanah semasa industri pada tahun 2010, 2015 dan 2020. Maklumat guna tanah industri semasa 2010 daripada Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030 serta guna tanah industri semasa 2015 dijadikan rujukan untuk diperbandingkan dengan pembangunan semasa industri (2020).

Merujuk kepada Rajah 10.3, pembangunan industri pada tahun 2020 telah menunjukkan peningkatan kegunaan guna tanah sebanyak 91.87 hektar atau 19.33% berbanding guna tanah semasa industri 2010. Peningkatan guna tanah industri ini melibatkan pembukaan kawasan industri baharu di kawasan Perindustrian Rancha-Rancha, di sekitar Jalan Rancha-Rancha dan Jalan Kinabenuwa ke Sungai Buton.

Sementara itu, perubahan guna tanah industri untuk tempoh lima tahun yang terkini (2015 – 2020) menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 28.05 hektar. Pertambahan kawasan industri ini melibatkan kawasan Jalan Rancha-Rancha sehingga Simpang Tamu. Berdasarkan trend pembangunan guna tanah industri ini dapat dirumuskan aktiviti perindustrian di WP Labuan sepanjang tempoh 10 tahun melibatkan pengisian kawasan industri di kawasan Perindustrian Rancha-rancha serta pengembangan di sekitar Jalan Kinabenuwa dan Jalan Rancha-Rancha sehingga Simpang Tamu.

Rajah 10.3: Trend Pembangunan Guna Tanah Industri WP Labuan Tahun 2010 sehingga 2020.



Sumber : i. Sektor Pembangunan Fizikal dan Guna Tanah, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
ii. Labuan Development Blueprint 2030.
iii. Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030

Keadaan semasa aktiviti industri yang diusahakan oleh Vantage Energy Group yang beroperasi di Jalan Kinabenuwa. Aktiviti industri ini yang menjalankan aktiviti berkaitan perkhidmatan minyak dan gas merupakan salah satu pembukaan kawasan industri baharu berbanding guna tanah semasa industri pada tahun 2010.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

10.2.3 Penawaran Unit Industri Sedia Ada

Merujuk kepada Jadual Stok Harta Industri Suku Tahun Pertama (Q1) 2020 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), penawaran unit industri mengikut jenis di WP Labuan adalah sejumlah 635 unit. Industri utama adalah jenis industri teres dengan 439 unit (69.13%), diikuti oleh industri sesebuah dengan 168 unit (26.46%). Selain itu, terdapat 20 unit merupakan kompleks perindustrian dan baki 8 unit merupakan industri jenis berkembar. Jadual 10.7 menunjukkan penawaran unit industri mengikut jenis di WP Labuan pada tahun 2020.

Jadual 10.7: Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis 2020.

Jenis Industri	Bilangan Unit	Peratus, %
Teres	439	69.13
Berkembar	8	1.26
Sesebuah	168	26.46
Kompleks Perindustrian	20	3.15
Jumlah	635	100.00

Sumber : Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), 2020.

Petronas Labuan Gas Terminal (Industri Berat) di kawasan Perindustrian Kiamsam.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Labuan Crude Oil Terminal (Industri Berat) di kawasan Perindustrian Kiamsam.




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

10.2.4 Kategori Industri

Aktiviti semasa industri di WP Labuan adalah tertumpu kepada jenis industri berat dengan seluas 370.60 hektar (65.36%). Aktiviti berasaskan pembuatan dan operasi khususnya berkaitan aktiviti logistik dan minyak & gas di kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan Kiamsam menjadi penyumbang utama kepada industri berat di WP Labuan. Taburan industri sederhana seluas 146.21 hektar (25.78%) adalah di sekitar Jalan Rancha-Rancha, Jalan Patau-Patau dan Kg. Batu Arang. Manakala industri ringan (8.86%) terletak berselerak di sekitar WP Labuan yang tertumpu kepada industri berkaitan perkhidmatan. Rajah 10.4 & 10.5 menunjukkan kategori industri di WP Labuan.

Rajah 10.4: Pecahan Kategori Industri WP Labuan 2020.




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Hasil pengamatan tapak berkaitan taburan aktiviti industri mendapati terdapat satu industri berat telah beroperasi di kawasan Bandar Labuan. Aktiviti industri yang berasaskan perkhidmatan minyak dan gas iaitu Shell Timur Sdn Bhd yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan minyak dilihat sebagai aktiviti berisiko kepada kawasan sekitar pusat Bandar Labuan.

Shell Timur Sdn. Bhd (Industri Berat) di beroperasi di kawasan Bandar Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 10.5
KATEGORI INDUSTRI 2020



Petunjuk :

- Industri Ringan
- Industri Sederhana
- Industri Berat

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

10.2.5 Jenis Aktiviti Industri

WP Labuan mempunyai dua kawasan industri yang utama iaitu kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan Kawasan Perindustrian Kiamsam. Labuan Crude Oil Terminal dan Petronas Labuan Gas Terminal merupakan industri utama di kawasan perindustrian Kiamsam. Manakala, Petronas Methanol Labuan menjadi aktiviti industri utama di kawasan Perindustrian Rancha-Rancha selain Labuan Shipyard & Engineering, Antara Steel Mills and Gropoint Fisheries.

i. Perindustrian Minyak & Gas

Sebahagian besar aktiviti industri yang beroperasi di dalam WP Labuan menjalankan **perusahaan industri pembuatan dan operasi yang berkaitan dengan logistik dan minyak & gas.** Industri minyak & gas di Labuan merangkumi terminal minyak mentah, terminal gas, loji metanol, *oil-field service and equipment* (OFSE), firma asas bekalan, fabrikasi dan *shipyards*. Faktor ini adalah berkait rapat dengan lokasi WP Labuan yang strategik di dalam wilayah minyak & gas di Sabah - Sarawak - Brunei Darussalam – Filipina (Rujuk Rajah 10.6). Industri minyak dan gas di WP Labuan telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam masa yang singkat sejak penemuan kawasan carigali minyak dan gas yang berhampiran kawasan perairan WP Labuan.

WP Labuan mempunyai kelebihan dalam industri minyak dan gas memandangkan Labuan merupakan satu-satunya *oil & gas supply base* di Malaysia Timur. Ini turut disokong dengan pelabuhan bebas cukai serta pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa. Aktiviti loji metanol telah melonjakkan WP Labuan sebagai salah satu pengeluar metanol terbesar di dunia dengan menghasilkan kapasiti pengeluaran harian sebanyak 5,000 tan metanol. Potensi ini akan membantu memperluaskan industri hiliran yang berkaitan dengan pembuatan metanol menjelang tahun 2030.


Pemandangan udara kawasan Perindustrian Rancha-Rancha.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 10.6: Segi tiga Minyak dan Gas (Sabah – Labuan)

Industri minyak & gas di Labuan merangkumi terminal minyak mentah, terminal gas, loji metanol, *oil-field service and equipment* (OFSE), firma asas bekalan, fabrikasi dan *shipyards*.



Sumber: Malaysian Investment Development Authority, MIDA.

Aktiviti industri semasa juga terdapat di luar kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan Kiamsam khususnya tertumpu di Kg. Rancha-Rancha dan sepanjang Jalan Rancha-Rancha ke Simpang Tamu. Penumpuan aktiviti industri di kawasan ini adalah disebabkan kemudahan akses ke industri utama seperti Methanol Plant selain berdekatan dengan pelabuhan, jeti dan gudang. Aktiviti industri yang terdapat di Rancha-Rancha ini berkaitan dengan industri asas bekalan dan perkhidmatan (*supply base industries and services*).

Antara aktiviti industri berskala kecil dan sederhana termasuk kimpalan, perkhidmatan dan baik pulih bot dan kapal, pengeluaran perabot dan kelengkapan rumah & pejabat, pengeluar produk makanan, pemprosesan perkayuan untuk eksport, pakaian dan bahan binaan. Terdapat juga kerja-kerja bengkel dan pertukangan secara kecil-kecilan dijalankan terutamanya di luar kawasan industri terancang.

Hasil pengamatan tapak mendapati terdapat Kompleks Hab Halal Labuan di kawasan perindustrian Kiamsam tetapi tidak lagi beroperasi (Rujuk Rajah 10.7). Bangunan yang dibina di kawasan seluas 7.28 hektar di Kiamsam, terdiri daripada bangunan pejabat, kompleks gudang dan kilang pemprosesan. Matlamat utama Kompleks Hab Halal Labuan untuk merangsang dan menggalakkan pertumbuhan industri halal di negara ini menerusi penyediaan perkhidmatan pergudangan, penyimpanan dan pengedaran halal dari Sabah, Sarawak dan luar negara.

Aktiviti industri (BSL Containers Sdn. Bhd.) yang beroperasi di Jalan Rancha-Rancha.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 10.7: Lokasi Kompleks Hab Halal Labuan



Kompleks Hab Halal Labuan di kawasan Taman Perindustrian Kiamsam.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Taburan aktiviti industri utama difokuskan kepada industri berat dan sederhana khususnya yang beroperasi di dalam Kawasan Perindustrian Rancha-rancha, Jalan Patau-Patau, Jalan Rancha-Rancha dan kawasan Perindustrian Kiamsam. Jadual 10.8 dan Rajah 10.8 menunjukkan taburan aktiviti industri utama.

Turcomp Oilfield Services.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Labuan Shipyard & Engineering Sdn. Bhd.




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 10.8: Aktiviti Industri Utama di WP Labuan.

Bil.	Nama Industri	Kategori Industri	Jenis Industri
1.	Inovatif Engineering Services (M) Sdn. Bhd.	Sederhana	Elektronik
2.	Kinkah Timber Industries (M) Sdn. Bhd.	Sederhana	Pembuatan
3.	Workshop Labuan / Mekanik Labuan	Sederhana	Pembuatan
4.	B.I.G. Industrial Gas Sdn. Bhd. (Labuan)	Berat	Gas Supplier
5.	Besmindo Kemaman Semesta Sdn. Bhd.	Sederhana	Penyelenggaraan Jentera
6.	Anjur Ekar Sdn.bhd	Sederhana	Gas Supplier
7.	Samudra Seafood	Sederhana	Seafood Farm
8.	Hunai Jaya Resources Sdn Bhd	Sederhana	Penyelenggaraan Jentera
9.	Megah Steel (Labuan) Sdn Bhd	Berat	Pembuatan
10.	Serba Mahir Sdn.Bhd. @Labuan	Sederhana	Pembuatan
11.	Petra Secondary Fabrication Yard	Sederhana	Oil & Gas
12.	Lion Transport Sdn Bhd	Sederhana	Logistik
13.	Labuan Gas & Machinery Sdn. Bhd.	Berat	Gas Supplier
14.	Shell Timur Sdn Bhd	Berat	Oil & Gas
15.	Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd (LSE)	Berat	Pembuatan & Logistik
16.	Berjaya Aluminium Glass Works (Labuan) Sdn. Bhd.	Berat	Pembuatan
17.	Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group, Labuan (PIMMAG LBN)	Berat	Oil & Gas
18.	Turcomp Oilfield Services.	Berat	Oil & Gas
19.	Technip FMC	Berat	Penyelenggaraan Jentera
20.	Asian Supply Base Sdn Bhd	Berat	Logistik
21.	Antara Steel Mills Sdn Bhd	Berat	Pembuatan
22.	PETRONAS Dagangan Berhad, Labuan Fuel Terminal	Berat	Oil & Gas
23.	Petronas Methanol (Labuan) Sdn Bhd	Berat	Oil & Gas
24.	OMS Oilfield Service Sdn Bhd	Berat	Oil & Gas
25.	Sabah Flour & Feed Mills Sdn. Bhd.	Berat	Pembuatan makanan
26.	Petronas Chemicals Methanol (Labuan) Plant 2	Berat	Oil & Gas
27.	DESB Bedaun Fabrication Yard 4	Berat	Pembuatan
28.	Vantage Energy Group Sdn Bhd (Labuan Base)	Berat	Oil & Gas
29.	Kompleks Hab Halal Labuan	Sederhana	Hab Halal
30.	Labuan Crude Oil Terminal (LCOT)	Berat	Oil & Gas
31.	Petronas Labuan Gas Terminal	Berat	Oil & Gas

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.



Rajah 10.8
TABURAN AKTIVITI INDUSTRI 2020



Petunjuk :
- Industri Terancang
- Industri Tidak Terancang

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

10.2.6 Industri Kecil Sederhana

Secara amnya, industri kecil dan sederhana (IKS) di WP Labuan yang utama adalah melibatkan aktiviti berasaskan hasil laut dan makanan. Antara perusahaan IKS utama di WP Labuan adalah perusahaan ikan bilis dan ikan tuna. Perusahaan bilis dan produk bilis di WP Labuan semakin berkembang semenjak tahun 2018 apabila kaedah penangkapan ikan bilis secara bagang diperkenalkan. Antara lokasi utama perusahaan ikan bilis adalah di Kg. Bebuloh. Anggaran hasil tangkapan perusahaan ikan bilis di antara 30kg – 50kg sehari (Siaran Media oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, Jun 2020).

Sementara itu, perusahaan produk berasaskan ikan tuna turut berkembang maju di WP Labuan di mana terdapat lima pengusaha aktif yang beroperasi di WP Labuan (Rujuk Jadual 10.9). Antara produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha ikan tuna adalah seperti tempura tuna, sambal tuna, sate tuna madu, burger tuna, serunding, popiah tuna dan bebola tuna. Jumlah pendapatan bulanan pengusaha ikan tuna dianggarkan mencapai RM 1,325 hingga RM19,500 (Siaran Media oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, Jun 2020). Lain-lain perusahaan IKS yang terdapat di dalam WP Labuan termasuklah perusahaan kerepek, kuih bahulu & maruku, mee kuning, keropok lekor dan madu kelulut.

Berdasarkan Jadual 10.9, terdapat 25 pengusaha IKS yang dikategorikan sebagai *product champion* di WP Labuan. Pengusaha-pengusaha IKS ini dipecahkan kepada sembilan agensi yang bertindak sebagai agensi pemantau dan memberikan bantuan di dalam menjalankan perusahaan IKS. Antara agensi yang terlibat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (LKIM), Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan dan Perbadanan Labuan.

Sebahagian besar produk yang diusahakan oleh usahawan IKS adalah berkaitan dengan makanan dan sebahagian kecil menjalankan perusahaan berkaitan jahitan pakaian. Bagi IKS makanan, 10 usahawan menjalankan aktiviti berkaitan hasil laut termasuk sambal ikan kekek, produk tuna, keropok lekor dan ikan bilis. Setiap pengusaha IKS juga telah dinilai berdasarkan tahap pengusaha yang meliputi aspek kursus asas, pembungkusan dan perniagaan online. Maklumat semasa menunjukkan, sejumlah 12 pengusaha '*product champion*' telah mencapai kesemua kriteria tahap pengusaha.

Perusahaan ikan bilis yang diusahakan oleh Salinang Maju Enterprise di Kg. Bebuloh Laut.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Industri perikanan tuna Labuan



Sumber : Borneo today, Oktober 2019.

Jadual 10.9: Senarai *Product Champion* di WP Labuan.

Bil	Nama Pengusaha	Nama Produk	Jenis Produk	Bantuan Diperolehi	Tahap Pengusaha		
					Kursus Asas	Pembungkusan	Perniagaan Online
1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)							
1.	Zuraiddy Bin Johari	Sentiawang Trading	Kerepek Pisang	Pembungkusan	√	√	√
2.	Rosinah Jahar	Myjai Enterprise	Kuih Bahulu / Maruku	Tiada	√	√	√
2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (LKIM)							
3.	Saiyidatul Syahirah Jasney	Mezura Femes Enterprise	Sambal - Sambal Ikan Kekek	Program Change Upgrade Produk (Cup) Tahun 2018	√	√	√
3. Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan							
4.	Manah Abdul Rahim	Pumpkin Maju	Kuih Bahulu	Mixer / Oven	√	-	√
5.	Hj Abas Khalidin	Madu	Madu Kelulut	Log Madu Kelulut / Chain Saw / Laveling Dan Pakejing	-	-	-
6.	Mimie Duasah	Vco	Vco	Oven / Naiktaraf Bengkel	√	√	√
4. Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan							
7.	Yusrie Bin Kadir	Ys Ocean Enterprise	- Tempura Tuna - Tempura Kerisi - Sambal Tuna	Masuk Bimbingan DOF Pada Mac 2019	√	√	√
8	Khairul Bin Abd Ghani	Millenium General Contractor	Sate Tuna Madu	Masuk Bimbingan DOF Pada April 2019	√	√	√
9.	Dr. Ramli Bin Tahir	Bakti Property Sdn Bhd	Burger Tuna	Masuk Bimbingan DOF Pada November 2018	√	√	√
10.	Jariah Binti Aripan	Chieqa Enterprise	- Serunding Tuna - Serunding Ayam - Serunding Udang - Serunding Daging - Serunding Sotong - Mini Popia Serunding Tuna - Mini Popia Serunding Udang	Masuk Bimbingan DOF Pada Mei 2020	√	√	√
11.	Deddy Irmawan Bin Mohd Noor	Deddy Kitchen & Catering	- Bebola Tuna - Pekasam Ikan Kerisi	Masuk Bimbingan DOF Pada Februari 2020	√	√	√

Sumber : Jabatan Sosio Ekonomi, Perbadanan Labuan, 2020.

Jadual 10.9: Senarai *Product Champion* di WP Labuan (samb. 1).

Bil	Nama Pengusaha	Nama Produk	Jenis Produk	Bantuan Diperolehi	Tahap Pengusaha		
					Kursus Asas	Pembungkusan	Perniagaan Online
5. Lembaga Pertubuhan Peladang (Utara)							
12.	Rosinah Bte Hj. Jahar	Kuih Bahulu & Maruku Bijan	Kuih Bahulu & Maruku Bijan	LPP (Kuali, Oven, Mixer)	√	√	√
13.	Liau Jun Wui	Mee	Mee Kuning	LPP (Mesin Pakaging Dan Bangunan Pejabat)	√	√	
14.	Zuraiddy Bin Johari	Kerepek	Pelbagai Kerepek	LPP/Gam (Slicer, Cooker, Blender, Fritter & Sealer)	√	√	√
6. Lembaga Pertubuhan Peladang (Selatan)							
15.	Rosida Binti Shuib	Keropok Lekor	Keropok Lekor	LPP (Bengkel, Cold Room)	√	√	
16.	Mohd. Rafi Bin Yamin	Tempe	Tempe	LPP/Gam (Slicer, Cooker, Blender, Fritter & Sealer)	√	√	
17.	Mohd Syahrol Ezzuan Bin Zainudin	Makanan	Tokoyaki / Burger/ Waffie	Lpp/Gam (Mesin Pengadun Tepung, Peralatan Burger, Dapur Khas Tokayaki)	√	√	√
7. Perbadanan Labuan							
18.	Ahmad Bin Damit	Bilis	Ikan Bilis	PL (Subsidi Bagang)	√	√	
19.	Abdul Rashid Bin Yahya	Bilis	Ikan Bilis	PL (Subsidi Bagang / Baik Pulih Bagang)	√	√	
20.	Sabtu Bin Aminah	Bilis	Ikan Bilis	PL (Bantuan Peralatan)	√	√	
8. Giat Mara Labua							
21.	Empayar Laris Manis	Jahitan Pakaian	Perkhidmatan Jahitan Pakaian	Rintis Niaga Tahun 2018 - Bantuan Peralatan	-	-	√
22.	Kty Collection	Jahitan Pakaian	Perkhidmatan Jahitan Pakaian	Tiada	-	-	√
9. Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS WP Labuan							
23.	Conney Taulim Balangkau	Karipap Sejuk Beku	Kuih	Tiada	√	-	-
24.	Dayang Bungsu Hj Bakar	Bahulu	Kuih	Kemas	√	-	-
25.	Maznah Hj Razali	Jeruk Acar Buah	Jeruk	Tiada	√	-	-

Sumber : Jabatan Sosio Ekonomi, Perbadanan Labuan, 2020.

10.2.7 Industri Komited

Pembangunan industri komited adalah seluas 251.81 hektar terletak di dalam kawasan Taman Perindustrian Rancha-Rancha selain sebahagian kecil di Jalan Rancha-Rancha dan Simpang Tamu. Pembangunan industri yang akan dibangunkan di atas tanah tambak ini dijangka mengukuhkan industri pembuatan di WP Labuan khususnya industri minyak dan gas (Segitiga Sabah – Labuan). Berdasarkan maklumat industri komited ini, luas guna tanah industri di WP Labuan secara amnya akan bertambah kepada 818.86 hektar. Rajah 10.9 menunjukkan pembangunan industri komited WP Labuan.

Pembangunan industri komited seluas 251.81 hektar di Taman Perindustrian Rancha-Rancha yang melibatkan kawasan tanah tambak.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

10.3 Unjuran Guna Tanah Industri


Unjuran keperluan guna tanah industri sehingga tahun 2040 adalah mengambil kira kawasan industri sedia ada, pembangunan komited dan unjuran bilangan pekerja industri. Kajian ini turut mengambil kira kekuatan semasa aktiviti industri yang memfokus kepada industri berasaskan minyak dan gas serta logistik selain memberi penekanan kepada industri berteknologi tinggi. Selaras dengan matlamat mewujudkan industri pembuatan produk bernilai tinggi serta kecenderungan industri berintensif modal dan pengurangan tenaga buruh, kajian ini mengandaikan nisbah ruang lantai dengan setiap pekerja akan meningkat daripada 60mp (2020) kepada 70mp (2030) dan 80mp (2040).

Peningkatan ini turut mengambil kira faktor pertambahan ruang untuk keselesaan dan keselamatan pekerja. Dengan menggunakan faktor ruang lantai 1:2.0, keluasan zon industri tahun 2020 sebanyak 818.86 hektar adalah melebihi keperluan pembangunan industri sehingga tahun 2040. Sehubungan dengan itu, penyediaan kawasan pembangunan industri di WP Labuan adalah mencukupi sehingga tahun 2040 dengan mengoptimakan kawasan industri sedia ada dan komited dengan aktiviti perindustrian selain kaedah yang menarik pelabur perlu dipertingkatkan. Jadual 10.10 menunjukkan unjuran keperluan guna tanah industri 2020 – 2040.

Jadual 10.10: Unjuran Keperluan Guna Tanah Industri 2020 – 2040.

Perkara	2020	2025	2030	2035	2040	Pertambahan
Bilangan Pekerja	6,700	7,000	7,400	8,100	8,600	1,900
Ruang Lantai Industri (mp)	402,000.00	455,000.00	518,000.00	607,500.00	688,000.00	286,000
Luas Tanah Industri Terancang Diperlukan (Hektar)	268.00	303.33	345.33	405.00	458.67	190.67
Guna Tanah Industri Semasa 2020 & Komited (Hektar)	818.86	818.86	818.86	818.86	818.86	-
Lebihan Tanah Industri (Hektar)	550.86	515.53	473.53	413.86	360.19	-

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 10.9
PEMBANGUNAN KOMITED INDUSTRI



Petunjuk :

- Industri Terancang
- Industri Tidak Terancang
- Industri Komited

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

10.4 Isu Dan Prospek

Kesinambungan daripada pembangunan semasa, penemuan kajian, isu dan prospek utama pembangunan perindustrian di WP Labuan adalah melibatkan aspek-aspek berikut :

i. Kawasan Industri Tidak Terancang
Kawasan industri tidak terancang yang melibatkan 9.55% daripada keseluruhan kawasan industri perlu dikawal untuk perancangan guna tanah industri yang lebih tersusun dan tidak bercanggah dengan kegunaan tanah sekitar. Bagi kawasan industri yang sesuai boleh dipertimbang untuk menukar guna tanah berkenaan kepada kawasan perindustrian.

ii. Penawaran Kawasan Industri
Penawaran kawasan industri semasa dan komited telah mencukupi sehingga tahun 2040. Usaha perlu memfokus kepada pengisian kawasan industri sedia ada selain mengoptima pembangunan industri komited seperti kawasan industri dan pelabuhan bersepadu.

iii. Aktiviti Industri Di Dalam Pusat Bandar Labuan
Aktiviti industri yang berasaskan perkhidmatan minyak dan gas iaitu Shell Timur Sdn Bhd yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan minyak dilihat sebagai aktiviti berisiko kepada kawasan sekitar pusat Bandar Labuan. Aktiviti industri ini perlu diberi pertimbangan dari aspek kesesuaian guna tanah bandar dan risiko bencana.

iv. Kompleks Hab Halal Labuan
Usaha memulihkan semula Kompleks Hab Halal Labuan di Kiamsam dan mengenal pasti penyelesaian yang lebih baik perlu disyorkan memandangkan lokasi halal hab ini adalah strategik di kawasan perindustrian Kiamsam selain terdapat kemudahan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Kiamsam.

v. Pengukuhan Industri Minyak Dan Gas
Sebahagian besar aktiviti industri yang beroperasi di dalam WP Labuan menjalankan perusahaan industri pembuatan dan operasi yang berkaitan dengan logistik dan minyak & gas). Selain pengukuhan kepada industri berasaskan perkhidmatan minyak dan gas, potensi kepada industri berteknologi tinggi perlu diterapkan sebagai usaha pengeluaran produk industri yang lebih efisien dan mesra alam sekitar.

vi. Industri Kecil Sederhana
Industri kecil sederhana melibatkan perusahaan ikan bilis dan ikan tuna berpotensi diperluaskan melalui penggunaan kaedah penangkapan yang lebih moden, strategi pemasaran dan juga galakkan kepada penggunaan perniagaan secara dalam talian.

Perancangan semula Kompleks Hab Halal Labuan di Kiamsam untuk disesuaikan dengan aktiviti industri sekitar dan menarik kemasukan pelabur.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

10.5 Cadangan Am

Cadangan-cadangan am pembangunan industri akan memfokus kepada pengukuhan aktiviti industri sedia ada selain mengemukakan langkah-langkah penyelesaian masalah semasa kawasan industri dan penerapan industri baharu.

i. Menaik taraf kawasan industri yang berkaitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya di kawasan industri Sungai Keling yang meliputi menaik taraf jalan, infrastruktur dan utiliti, pengurusan sisa pepejal yang efisien serta menggalakkan perkembangan perusahaan, nilai tambah produk dan proses inovasi.

ii. Kawasan perindustrian Rancha-Rancha sebagai kompleks perindustrian berasaskan minyak & gas dan metanol sebagai usaha mengukuhkan Labuan sebagai hab minyak & gas dan metanol serta pengeluar berasaskan metanol.

iii. Aktiviti industri akan mengoptimakan kawasan industri sedia ada dan komited di mana pembukaan tanah bagi kawasan industri baharu hanya dibenarkan dalam koridor pembangunan ekonomi utama.

iv. Menggalakkan industri berorentasikan tenaga buruh dalam usaha menjana peluang pekerjaan, meningkatkan bilangan penduduk selain menjana permintaan sektor perumahan.

v. Industri berteknologi tinggi dan bernilai tambah khususnya dalam bidang minyak & gas, hab logistik, perkapalan, alatan perubatan, *advance electronic*. Menyediakan insentif-insentif yang bersesuaian kepada pelabur.

vi. Industri berasaskan hasil marin diperluaskan melalui peningkatan hasil tangkapan untuk tujuan pemprosesan. Produk halal hasil marin boleh dikembangkan di mana tidak hanya untuk makanan tetapi juga produk kesihatan dan kecantikan. Ini akan menggalakkan tanaman produk hasil herba dan akuakultur.

vii. Memastikan lokasi kawasan perindustrian baharu mengikut zon perancangan guna tanah.

viii. Mempertingkatkan penyediaan pelbagai kemudahan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam seperti rangkaian jalan yang baik, kemudahan asrama, kawasan riadah dan pekedaian yang selesa.

ix. Cadangan industri bertingkat dan mesra alam merupakan konsep pembangunan moden yang berpotensi diterapkan di kawasan WP Labuan khususnya di kawasan industri cadangan. Selain mengoptimumkan penggunaan ruang tanah dan penerapan elemen bangunan hijau, cadangan bangunan industri bertingkat ini berupaya mencapai sehingga 7 tingkat seperti mana yang telah dibangunkan di kawasan industri Singapura iaitu JTC Space, Tuas dan North Spring Bizhub, Yishun.

Contoh pembangunan industri bertingkat di North Spring Bizhub, Yishun, Singapura.



Sumber : North Spring Bizhub.

BAB

11



Perniagaan Dan Perkhidmatan



Anjung Selera Sungai Pagar

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Perniagaan dan Perkhidmatan

Sektor perniagaan dan perkhidmatan merupakan aktiviti ekonomi utama pusat bandar yang menyokong pertumbuhan fizikal dan ekonomi pusat-pusat tempatan sedia ada di WP Labuan. Aspek utama yang dikaji ialah keadaan semasa aktiviti perniagaan formal dan informal di WP Labuan. Ia meliputi corak pembangunan dan gunatanah perniagaan, jenis perniagaan, jenis bangunan perniagaan, tenaga kerja dan ruang lantai perniagaan. Kajian akan mengenalpasti tren perniagaan dan perkhidmatan dan mengunjurkan keperluan ruang lantai bagi WP Labuan sehingga tahun 2040.

11.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk bagi sektor perniagaan dan perkhidmatan melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor perniagaan dan perkhidmatan adalah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 11.1 hingga 11.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 11.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh pertumbuhan sektoral	A1 : Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti	- Bagi tempoh 2015-2019, KDNK WP Labuan telah meningkat daripada RM 5,999 juta (2015) kepada RM 7,725 juta (2019) dengan pertumbuhan purata 6.2% setahun berbanding 4.8% peringkat negara. Penyumbang utama KDNK adalah sektor perkhidmatan (77.3%) diikuti sektor pembuatan (18.2%), pembinaan (2.3%) dan pertanian (1.7%).
	A2 : Meningkatkan kapasiti eksport	- Labuan mempunyai 2,567 pertubuhan kecil & sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan (88.6%), pembuatan (4.6%) dan pertanian (0.2%) dengan nilai tambah RM 4,278 juta. Usaha perlu ditumpukan kepada peningkatan keupayaan eksport PKS tempatan, meneroka pasaran serantau baru & menggalakkan eksport baru.
B : Mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi	B1 : Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat	- Semua sektor ekonomi di WP Labuan adalah tertakluk kepada pemakaian teknologi 4IR dalam era ekonomi digital yang memberi tumpuan kepada teknologi komputer tahap tinggi, robotik termaju, kecerdasan buatan, internet benda (IoT) & pencetakan 3D.
	B2 : Meningkatkan penerimagunaan teknologi	- Penerimagunaan teknologi 4IR dikalangan PKS di Labuan masih rendah dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Strategi ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, menggalakkan pendigitalan dalam PKS & mempercepat penerimagunaan teknologi oleh PKS.
	B3 : Menjajarkan penyelidikan dan inovasi	- Strategi ini memberi keutamaan kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan & inovasi dengan mengutamakan bidang sains, teknologi & inovasi selain mengukuh pengurusan penyelidikan oleh institusi penyelidikan awam.

Sumber : Kajian Separuh Penggal RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 11.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan

Teras 1: Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1: Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.2 : Mempertingkatkan Daya Saing Bandar	- Strategi ini belum tercapai sepenuhnya berasaskan peranan Labuan sebagai Bandar Utama dan kejayaan Labuan tertumpu di peringkat Asia Pasifik terutama sektor perkhidmatan perniagaan & kewangan selain pusat perkhidmatan industri minyak & gas. Manakala lain-lain sektor ekonomi seperti perindustrian, pelancongan, pertanian, pendidikan dan logistik masih diperingkat awal pembangunan.
	PD 1.3 : Memperkukuhkan sektor perkhidmatan	- Sektor perkhidmatan menyumbang 77.3% daripada KDNK WP Labuan (2019) terutama sektor kecil kewangan & perkhidmatan perniagaan. Manakala sektor perkhidmatan moden khususnya e-dagang & industri kreatif serta perkhidmatan pelancongan sangat kecil sumbangannya & amat perlu diperkukuhkan.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 11.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN 2 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan

Prinsip 3: Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.1 Peningkatan daya saing dan kepadatan ekonomi bandar Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedı	3.1.1 : Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar	- Zon kluster ekonomi bagi bandar Labuan adalah pusat perniagaan & kewangan antarabangsa (Labuan IBFC). Pelan induk yang telah disediakan adalah meliputi Labuan Development Blueprint 2030 yang menyediakan hala tuju strategik pembangunan Labuan khususnya bagi sektor perniagaan & kewangan, minyak & gas, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan awam.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 11.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan

Teras 1 : Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
E2 Labuan Dimajukan Sebagai Pusat Pelaburan, Kewangan dan Perniagaan Serantau	E2-CA1 Mempertingkat daya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan dengan menarik lebih ramai pelabur asing	- Labuan telah menjadi tempat operasi institusi kewangan terkemuka dari lebih 100 buah negara di dunia termasuk institusi kewangan Islam. Lebih 900 institusi kewangan meliputi bank, syarikat insurans dan berkaitan insurans, syarikat amanah, syarikat pajakan dan badan pengurusan harta beroperasi di Labuan IBFC.
	E2-CA2 Memperkasakan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro yang lebih berkesan terutama perbankan dan kewangan Islam	- Perbankan dan kewangan Islam di Labuan berkembang pesat yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam, takaful & takaful semula, pasaran wang dan pasaran modal Islam kepada pelabur tempatan dan asing
	E2-CA3 Memperkukuhkan status Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serantau bagi meningkatkan daya saing ekonomi.	- Sejumlah 927 pertubuhan perniagaan (2019) yang terlibat secara langsung dalam sektor kewangan, insuran dan hartanah serta perkhidmatan perniagaan berkaitan pelaburan asing di W.P. Labuan berbanding 443 pertubuhan perniagaan pada tahun 2010. Pada tahun 2019, 53.7 peratus daripada KDNK Labuan disumbangkan oleh subsektor kewangan dan insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Labuan Development Blueprint 2030

Jadual 11.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan

The Growth Drivers		
Dasar	Teras Strategik	Pencapaian
1 : International Business and Financial Centre (IBFC)	*ST-F1* *Strategic Thrust 1 : Horizontal broadening of the IBFC's business base*	- Teras strategik ini sedang giat dilaksanakan. Selain pergantungan tinggi terhadap sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, Labuan perlu mengembangkan potensi perniagaan bernilai tinggi terutama dalam menarik pelaburan dalam aktiviti rantaian methanol, penyelenggaraan kapal, penerbangan ,pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan.
	Strategic Thrust 2 : Modernising tax framework of Labuan IBFC	- Pembaharuan rangka cukai bagi Labuan IBFC bertujuan untuk memodenkan insentif cukai seiring dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik fiskal. Teras strategik ini sedang dalam perlaksanaan oleh pihak Labuan IBFC bagi memastikan kemampanan perniagaan selain mengekalkan sumbangan fiskal kepada Malaysia.
2 : Oil and Gas	*ST-OG1* *Strategic Thrust 1 : To position Labuan as the regional oil & gas supply base*	- Teras strategik ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Ia amat bergantung kepada perlaksanaan projek minyak & gas bersepadu Sabah-Sarawak serta segi tiga minyak & gas Labuan-Sabah dan memberi kelebihan kepada Labuan berperanan sebagai pengkalan penawaran bagi industri minyak & gas diperingkat wilayah terutama tenaga kerja, peralatan, gudang dan penyimpanan yang dapat menyokong eksplorasi & pengeluaran minyak & gas serta aktiviti perlombongan.
4 : Tourism	*ST-T1* *Strategic Thrust 1 : Develop Labuan regional tourism cluster*	- Teras strategik ini belum dilaksanakan berasaskan kekurangan perhubungan pengangkutan yang cekap (darat, air & udara) menghubungkan Labuan dengan negeri/negara berjiran terutama Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam. Labuan akan bertindak sebagai pintu masuk pelancongan, pusat penginapan dan pengkalan bagi pelbagai produk pelancongan terutama ekopelancongan.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

11.2 Penemuan Semasa

11.2.1 Guna Tanah Perniagaan Semasa

Secara keseluruhan, terdapat sejumlah 1 buah pusat perniagaan utama dan 3 buah pusat perniagaan sokongan meliputi kawasan seluas 234.49 hektar. Ia meliputi 2.35 peratus daripada jumlah keluasan gunatanah sedia ada di kawasan kajian.

11.2.2 Corak Pembangunan Pusat Perniagaan

Corak pembangunan pusat perniagaan sedia ada di kawasan kajian adalah secara bertumpu dan membangun secara berpusat mengikut kawasan tumpuan utama pembangunan dan penduduk. Corak pembangunan secara berpusat adalah amat jelas kelihatan di pusat bandar Labuan. Manakala aktiviti perniagaan di lain-lain pusat petempatan amat terhad. Rajah 11.1 menunjukkan taburan kawasan perniagaan di rangkaian pusat petempatan sedia ada.

11.2.3 Taburan Aktiviti Perniagaan

Sejumlah 6,429 pertubuhan perniagaan beroperasi di kawasan kajian dengan tumpuan utama di pusat bandar Labuan. Tiga sektor kecil utama perniagaan di kawasan kajian ialah perniagaan runcit (39.88%), perkhidmatan hotel dan restoran (26.05%) serta perkhidmatan sosial dan persendirian (11.57%). Ketiga-tiga sektor kecil perniagaan tersebut menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi bandar di kawasan kajian (Rujuk Jadual 11.6 dan Rajah 11.1).

Pada amnya, aktiviti perniagaan di Labuan banyak dipengaruhi oleh peranannya sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) yang utama di Asia Pasifik. Ia menawarkan pelbagai struktur perniagaan dan pelaburan untuk memudahkan urus niaga rentas sempadan, urusan perniagaan dan keperluan pengurusan harta serta sektor digital. Ia juga digunakan oleh bank-bank Malaysia dan asing untuk memudahkan pertumbuhan pinjaman dan aset berkaitan dengan rantau Asia. Sehingga kini, Labuan telah menjadi tempat operasi institusi kewangan terkemuka dari lebih 100 buah negara di dunia termasuk institusi kewangan Islam. Lebih daripada 900 institusi berlesen terdiri daripada bank, syarikat insurans dan berkaitan insurans, syarikat amanah, syarikat pajakan dan badan pengurusan harta seperti yayasan dan amanah beroperasi di Labuan IBFC.

Jadual 11.6 : Bilangan Pertubuhan Perniagaan Sedia Ada Mengikut Jenis Perniagaan, Kawasan Kajian 2020


Jenis Perniagaan	Bil. Pertubuhan	Peratus (%)
Borong	367	5.71
Runcit	2,564	39.88
Hotel & Restoran	1,675	26.05
Perhubungan, Pengangkutan & Penyimpanan	435	6.76
Kewangan, Insuran & Hartanah	345	5.37
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	744	11.57
Pejabat	12	0.19
Lain-Lain Perkhidmatan	287	4.46
Jumlah	6,429	100.00

Sumber: Unit Pelesenan, Perbadanan Labuan

i. Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC)

Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan adalah zon ekonomi khas yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1996. Ia berfungsi sebagai pusat kewangan dan zon perdagangan bebas dalam menyediakan peluang-peluang pelaburan di rantau Asia dan dunia luar. Labuan IBFC menawarkan pelbagai jenis perniagaan dan struktur pelaburan dalam mempromosi transaksi merentas sempadan dan pengurusan kekayaan kepada syarikat antarabangsa yang ingin berkembang dan menembusi pasaran Asean. Labuan IBFC diwujudkan sebagai solusi kepada pelanggan berasaskan pematuhan amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

Labuan Financial Services Authority (FSA) adalah organisasi kerajaan yang bertanggungjawab bagi pembangunan dan pentadbiran Labuan IBFC. Peranan Labuan FSA adalah mengeluarkan lesen dan mengawal atur syarikat berlesen yang beroperasi di Labuan IBFC dan memastikan syarikat berkaitan mematuhi amalan baik antarabangsa yang diterimapakai mengikut bidang kuasa perundangan yang ditetapkan.



Rajah 11.1
GUNA TANAH SEMASA PERNIAGAAN 2020



Petunjuk :

- Komersial

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

Jadual 11.7 : Bilangan Syarikat Berdaftar dan Beroperasi, Labuan IBFC, 2010, 2015 & 2019

Tahun	Bil. Syarikat Berdaftar	Bil. Syarikat Beroperasi	Kadar Penyertaan (%)
2010	8,004	3,682	46.00
2015	12,470	5,844	46.86
2019	16,241	6,158	37.92
Pertambahan 2010-2019	8,237	2,162	-
Kadar Pertambahan	102.91%	58.72%	

Sumber: i. Laporan Pasaran 2019, Labuan IBFC
ii.Laporan Tahunan 2010 & 2015, Labuan FSA.

Pada tahun 2019, sejumlah 16,241 buah syarikat perniagaan (tempatan dan luar negara) telah berdaftar dengan Labuan FSA untuk menjalankan transaksi perniagaan di Labuan IBFC berbanding sejumlah 8,004 buah syarikat pada tahun 2010. Ia merekodkan pertambahan sebanyak 8,237 buah syarikat bagi tempoh 9 tahun iaitu hampir 103 peratus peningkatan berasaskan keyakinan pelabur terhadap perkhidmatan perniagaan dan kewangan yang ditawarkan di Labuan IBFC. Daripada jumlah tersebut hanya 6,158 syarikat (37.92%) beroperasi pada tahun 2019 di Labuan IBFC berbanding 3,682 syarikat (46.0%) pada tahun 2010 (rujuk Jadual 11.7). Negara asal bagi syarikat yang beroperasi di Labuan IBFC meliputi Asia dan Pasifik (58.8%), Timur Jauh (14.7%), Eropah (12.4%), Amerika (10.6%) serta Timur Tengah dan Afrika (3.5%) (Rujuk Rajah 11.2).


Jadual 11.8: Bilangan Pelesen Perniagaan Mengikut Jenis Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan, Labuan IBFC, 2010, 2015 & 2019

Jenis Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan	2010 Bil. Pelesen	2015 Bil. Pelesen	2019 Bil. Pelesen	Pertambahan 2010-2019 (Bil Pelesen)	Peratus Pertambahan
Perbankan Labuan	61	53	59	(2)	(3.39)
Syarikat Insuran Labuan	169	209	219	50	29.58
Syarikat Amanah (Trust) Labuan	23	43	61	38	165.22
Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan	-	43	44	44	100.00
Syarikat Pajakan Labuan	176	374	294	118	67.04
Syarikat Kewangan Inovatif	-	-	34	34	100.00
Yayasan Labuan	5	124	192	187	3,740.00
Syarikat Pasaran Modal Labuan	9	16	24	15	166.67
Jumlah Pelesen	443	862	927	484	109.25

Sumber: i. Laporan Pasaran 2019, Labuan IBFC
ii.Laporan Tahunan 2010 & 2015, Labuan FSA.

Berdasarkan kepada Jadual 11.8, aktiviti perkhidmatan perniagaan dan kewangan yang ditawarkan di Labuan IBFC kepada syarikat berlesen tertumpu kepada 8 kumpulan utama iaitu perbankan, syarikat insuran, syarikat amanah, syarikat perdagangan komoditi antarabanga, syarikat pajakan, syarikat kewangan inovatif, yayasan dan syarikat pasaran modal. Pada tahun 2019, sejumlah 927 syarikat berlesen yang aktif di Labuan IBFC berbanding 443 pelesen pada tahun 2010 iaitu pertambahan sebanyak 484 pelesen atau 109.25 peratus. Ia menunjukkan keyakinan tinggi oleh pelabur tempatan dan asing terhadap perkhidmatan yang ditawarkan di Labuan IBFC. Penyertaan tertinggi direkodkan oleh syarikat pajakan (294 pelesen), syarikat insuran (219 pelesen) dan yayasan (192 pelesen).

Rajah 11.2 : Negara Asal Syarikat Yang Beroperasi di Labuan IBFC, 2019



Sumber: Laporan Pasaran 2019, Labuan IBFC

ii. Zon Bebas Cukai Labuan

Labuan sebagai pulau bebas cukai telah berjaya menarik 68 buah pertubuhan perniagaan kedai bebas cukai khususnya di pusat bandar Labuan. Ia meliputi 35 buah kedai bagi barangan coklat, minyak wangi dan kosmetik dan 33 buah kedai bagi minuman keras. Kebanyakan kedai tersebut beroperasi di pusat perniagaan bandar Labuan selain di Labuan Airport, Terminal Feri Antarabangsa Labuan dan di Jalan Rancha-Rancha dan Jalan Patau-Patau. Pada amnya, bilangan kedai bebas cukai di Labuan adalah kecil dan terhad kepada beberapa jenis barangan sahaja. Ia perlu di pertingkatkan dengan menambah pelbagai jenis barangan yang dapat menarik lebih ramai pengunjung dan pelancong ke Labuan.

11.2.4 Jenis Bangunan Perniagaan

Bangunan perniagaan yang banyak dibangunkan di kawasan kajian ialah bangunan kedai berderet meliputi 983 unit (Rujuk Jadual 11.9). Manakala bangunan pejabat binaan khas meliputi 11 buah dan kompleks perniagaan meliputi 2 buah. Bagi tempoh 2010-2019, jumlah bangunan perniagaan di kawasan kajian merekodkan pertambahan sebanyak 194 unit daripada 802 unit (2010) kepada 996 unit (2019) dengan pertumbuhan purata pada kadar 2.44 peratus setahun.

11.2.5 Stok Ruang Lantai Perniagaan

Bagi tempoh 2010-2019, ruang lantai perniagaan di kawasan kajian bertambah seluas 31,954 meter persegi dengan pertumbuhan purata pada kadar 0.85 peratus setahun berbanding 6.06 peratus setahun di peringkat negara (Rujuk Jadual 11.9). Bangunan kedai merekod pertambahan ruang lantai tertinggi iaitu seluas 28,425 meter persegi berbanding kompleks perniagaan (2,635 m.p). Secara keseluruhan, kawasan kajian mengalami pertambahan ruang lantai perniagaan yang rendah berasaskan saiz penduduk yang kecil dan permintaan yang rendah

11.2.6 Penawaran Ruang Lantai Perniagaan

Bagi stok sedia ada, bangunan kedai menjadi penyumbang utama (77.97%) ruang lantai perniagaan meliputi 983 unit kedai dengan ruang lantai seluas 338,976 meter persegi (Rujuk Jadual 11.10). Manakala pejabat binaan khas dan kompleks perniagaan menyumbang 15.42 peratus (67,051 m.p.) dan 6.60 peratus (28,698 m.p.) daripada jumlah ruang lantai sedia ada. Bagi penawaran akan datang dan dalam perancangan, sejumlah 92 unit kedai (35,100 m.p.) akan dimajukan di kawasan kajian. Manakala 1 unit pejabat binaan khas (19,222 m.p.) akan dimajukan khususnya di sekitar bandar Labuan.

Jadual 11.9 : Jenis Bangunan dan Stok Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2010 & 2019

Jenis Bangunan	2010		2019		Pertambahan		KPPT 2010-2019	
	Bil.	Ruang Lantai (m.p)	Bil.	Ruang Lantai (m.p)	Bil.	Ruang Lantai (m.p)	Bil. (%)	Ruang Lantai (%)
Pejabat Binaan Khas	11	66,157	11	67,051	-	894	-	0.15
Kompleks Perniagaan	1	26,063	2	28,698	1	2,635	8.00	1.07
Kedai	790	310,551	983	338,976	193	28,425	2.46	0.98
Jumlah	802	402,771	996	434,725	194	31,954	2.44	0.85

Sumber: Laporan Pasaran Harta Malaysia, 2000 & 2019, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia

Jadual 11.10 : Penawaran Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2019

Jenis Bangunan	Stok Sedia Ada		Akan Datang		Dalam Perancangan		Jumlah	
	Unit	m.p.	Unit	m.p.	Unit	m.p.	Unit	m.p.
Pejabat Binaan Khas	11	67,051	1	19,222	0	0	12	86,273
Kompleks Perniagaan	2	28,698	0	0	0	0	2	28,698
Kedai	983	338,976	92	35,100	0	0	1,075	374,076
Jumlah	996	434,725	93	54,322	0	0	1,089	489,047

Sumber: Laporan Pasaran Harta Malaysia, 2019, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia

11.2.7 Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan

Pada tahun 2019, kadar penghunian bagi pejabat binaan khas di Labuan adalah sebanyak 87.6 peratus di mana ruang lantai seluas 58,718 meter persegi diduduki daripada sejumlah 67,051 meter persegi yang ditawarkan. Manakala kadar penghunian bagi kompleks perniagaan ialah sebanyak 96.6 peratus iaitu meliputi ruang lantai seluas 27,711 meter persegi berbanding 28,698 meter persegi bagi jumlah ruang lantai yang ditawarkan (Rujuk Jadual 11.11). Bagi rumah kedai, berasaskan pengamatan tapak, terdapat ruang perniagaan yang tidak diduduki di pusat bandar Labuan dan rangkaian pusat petempatan sedia ada.

11.2.8 Hakmilik Pertubuhan Perniagaan

Kawasan kajian mempunyai sejumlah 6,699 pemilik perniagaan pelbagai etnik yang meliputi sejumlah 6,429 pertubuhan perniagaan. Pemilik utama pertubuhan perniagaan di kawasan kajian ialah etnik Bumiputera (50.53%), diikuti oleh etnik Cina (23.17%), India (1.76%) dan baki sebanyak 24.54 peratus adalah pemilik lain-lain etnik (Rujuk Jadual 11.12). Peniaga etnik Bumiputera menguasai sebahagian besar pertubuhan perniagaan di kawasan kajian. Peniaga Bumiputera di kawasan kajian adalah meliputi etnik Melayu, Bajau, Bidayuh, Dusun, Iban, Kadazan, Melanau, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak.

11.2.9 Tenaga Kerja Perniagaan

Kawasan kajian dianggarkan mempunyai sejumlah 26,694 tenaga kerja yang bekerja dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan. Ia melibatkan sejumlah 6,429 pertubuhan perniagaan dengan purata 4.15 pekerja bagi setiap pertubuhan. Penyumbang utama pekerjaan di kawasan kajian ialah sektor kecil runcit (30.25%), sektor kecil hotel dan restoran (36.77%) serta sektor kecil perkhidmatan sosial dan persendirian (10.03%). Manakala baki sebanyak 22.93 peratus disumbangkan oleh sektor kecil perniagaan lain (Rujuk Jadual 11.13).

11.2.10 Aktiviti Perniagaan Informal

Sejumlah 553 penjaja menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di kawasan kajian (Jadual 11.14). Tumpuan utama aktiviti penjajaan adalah di Bandar Labuan yang menempatkan sejumlah 500 penjaja (90.41%) dan baki sebanyak 9.59 peratus daripada jumlah penjaja beroperasi di Ganggarak (6.33%), Layang-Layangan (1.81%) dan Berbuloh (1.45%). Tumpuan utama penjaja di Kawasan Kajian adalah di pasar awam iaitu Pasar Sentral Labuan yang menempatkan sejumlah 319 penjaja (57.68%), diikuti gerai tertutup kekal/medan selera yang menempatkan sejumlah 124 penjaja (22.42%)

Jadual 11.11 : Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2019

Perkara	Pejabat Binaan Khas	Kompleks Perniagaan
Bil. Bangunan	11	2
Ruang Lantai (m.p.)	67,051	28,698
Ruang Lantai Diduduki (m.p.)	58,718	27,711
Kadar Penghunian (%)	87.6	96.6

Sumber: Laporan Pasaran Harta Malaysia, 2019, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia

Jadual 11.12 : Hakmilik Pertubuhan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2020

Etnik	Bil.	Peratus
Bumiputera	3,385	50.53
Cina	1,552	23.17
India	118	1.76
Lain-Lain Etnik	1,644	24.54
Jumlah	6,699	100.00

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Jadual 11.13 : Taburan Tenaga Kerja Perniagaan Mengikut Jenis Perniagaan, Kawasan Kajian , 2020

Jenis Perniagaan	Bil. Pertubuhan	Bil. Tenaga Kerja	Peratus
Borong	367	1,285	4.81
Runcit	2,564	8,076	30.25
Hotel & Restoran	1,675	9,815	36.77
Perhubungan, Pengangkutan & Penyimpanan	435	1,536	5.75
Kewangan, Insuran & Hartanah	345	2,415	9.05
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	744	2,678	10.03
Pejabat	12	60	0.22
Lain-Lain Perkhidmatan	287	829	3.10
Jumlah	6,429	26,694	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

dan baki sebanyak 19.90 peratus daripada jumlah penjaja beroperasi di pasar malam (4.88%), pasar tani (4.52%) dan Labuan Walk (10.49%).

11.2.7 Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan

Pada tahun 2019, kadar penghunian bagi pejabat binaan khas di Labuan adalah sebanyak 87.6 peratus di mana ruang lantai seluas 58,718 meter persegi diduduki daripada sejumlah 67,051 meter persegi yang ditawarkan. Manakala kadar penghunian bagi kompleks perniagaan ialah sebanyak 96.6 peratus iaitu meliputi ruang lantai seluas 27,711 meter persegi berbanding 28,698 meter persegi bagi jumlah ruang lantai yang ditawarkan (Rujuk Jadual 11.11). Bagi rumah kedai, berasaskan pengamatan tapak, terdapat ruang perniagaan yang tidak diduduki di pusat bandar Labuan dan rangkaian pusat petempatan sedia ada.

11.2.8 Hakmilik Pertubuhan Perniagaan

Kawasan kajian mempunyai sejumlah 6,699 pemilik perniagaan pelbagai etnik yang meliputi sejumlah 6,429 pertubuhan perniagaan. Pemilik utama pertubuhan perniagaan di kawasan kajian ialah etnik Bumiputera (50.53%), diikuti oleh etnik Cina (23.17%), India (1.76%) dan baki sebanyak 24.54 peratus adalah pemilik lain-lain etnik (Rujuk Jadual 11.12). Peniaga etnik Bumiputera menguasai sebahagian besar pertubuhan perniagaan di kawasan kajian. Peniaga Bumiputera di kawasan kajian adalah meliputi etnik Melayu, Bajau, Bidayuh, Dusun, Iban, Kadazan, Melanau, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak.

Jadual 11.11 : Kadar Penghunian Bangunan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2019

Perkara	Pejabat Binaan Khas	Kompleks Perniagaan
Bil. Bangunan	11	2
Ruang Lantai (m.p.)	67,051	28,698
Ruang Lantai Diduduki (m.p.)	58,718	27,711
Kadar Penghunian (%)	87.6	96.6

Sumber: Laporan Pasaran Harta Malaysia, 2019, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia

Jadual 11.12 : Hakmilik Pertubuhan Perniagaan, Kawasan Kajian, 2020

Etnik	Bil.	Peratus
Bumiputera	3,385	50.53
Cina	1,552	23.17
India	118	1.76
Lain-Lain Etnik	1,644	24.54
Jumlah	6,699	100.00

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

11.2.9 Tenaga Kerja Perniagaan

Kawasan kajian dianggarkan mempunyai sejumlah 26,694 tenaga kerja yang bekerja dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan. Ia melibatkan sejumlah 6,429 pertubuhan perniagaan dengan purata 4.15 pekerja bagi setiap pertubuhan. Penyumbang utama pekerjaan di kawasan kajian ialah sektor kecil runcit (30.25%), sektor kecil hotel dan restoran (36.77%) serta sektor kecil perkhidmatan sosial dan persendirian (10.03%). Manakala baki sebanyak 22.93 peratus disumbangkan oleh sektor kecil perniagaan lain (Rujuk Jadual 11.13).

11.2.10 Aktiviti Perniagaan Informal

Sejumlah 553 penjaja menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di kawasan kajian (Rujuk Jadual 11.14). Tumpuan utama aktiviti penjajaan adalah di Bandar Labuan yang menempatkan sejumlah 500 penjaja (90.41%) dan baki sebanyak 9.59 peratus daripada jumlah penjaja beroperasi di Ganggarak (6.33%), Layang-Layangan (1.81%) dan Berbuloh (1.45%). Tumpuan utama penjaja di Kawasan Kajian adalah di pasar awam iaitu Pasar Sentral Labuan yang menempatkan sejumlah 319 penjaja (57.68%), diikuti gerai tertutup kekal/medan selera yang menempatkan sejumlah 124 penjaja (22.42%) dan baki sebanyak 19.90 peratus daripada jumlah penjaja beroperasi di pasar malam (4.88%), pasar tani (4.52%) dan Labuan Walk (10.49%).

Jadual 11.13 : Taburan Tenaga Kerja Perniagaan Mengikut Jenis Perniagaan, Kawasan Kajian , 2020

Jenis Perniagaan	Bil. Pertubuhan	Bil. Tenaga Kerja	Peratus
Borong	367	1,285	4.81
Runcit	2,564	8,076	30.25
Hotel & Restoran	1,675	9,815	36.77
Perhubungan, Pengangkutan & Penyimpanan	435	1,536	5.75
Kewangan, Insuran & Hartanah	345	2,415	9.05
Perkhidmatan Sosial & Persendirian	744	2,678	10.03
Pejabat	12	60	0.22
Lain-Lain Perkhidmatan	287	829	3.10
Jumlah	6,429	26,694	100.00

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 11.14 : Taburan Aktiviti Penjajaan Mengikut Lokasi, Kawasan Kajian, 2020

Jenis Penjajaan	Bilangan Penjaja	Peratus
Gerai Tertutup Kekal/Medan Selera	124	22.42
Pasar Awam	319	57.68
Pasar Malam	27	4.88
Pasar Tani	25	4.52
Labuan Walk	58	10.49
Jumlah	553	100.00

Sumber: Unit Pelesenan, Perbadanan Labuan

Anjung Selera Layangan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

11.2.11 Pembangunan Perniagaan Komited dan Cadangan

Bagi pembangunan perniagaan yang ditetapkan (komited), berasaskan Laporan Pasaran Harta Malaysia 2019, pada masa kini terdapat dua projek perniagaan yang sedang dalam pembinaan di kawasan kajian. Ia meliputi BVO Premium Outlet di Jalan Sungai Pagar, Kiamsam iaitu berhampiran Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Antarabangsa Labuan dan Kelab Golf Antarabangsa Labuan. Ia merupakan outlet premium bebas cukai pertama di Malaysia Timur. Projek ini mengandungi bangunan premium outlet dua tingkat, hotel dan pangsapuri khidmat. Selain daripada itu, projek Grand Arcade di Jalan OKK Abdullah, bandar Labuan akan menempatkan kompleks membeli-belah lima tingkat dan sebuah hotel tujuh tingkat. Bagi projek bangunan kedai, terdapat sejumlah 92 unit bangunan kedai dan 1 unit bangunan pejabat binaan khas akan dibangunkan di kawasan kajian.

11.3 Unjuran Perniagaan

Berdasarkan Jadual 11.15, kawasan kajian dianggarkan memerlukan tambahan ruang lantai perniagaan seluas 151,153 meter persegi menjelang tahun 2040. Jika mengambil kira projek perniagaan yang ditetapkan meliputi ruang lantai seluas 57,333 meter persegi, ruang lantai tambahan seluas 93,820 meter persegi adalah diperlukan bagi menampung pertambahan penduduk dan keperluan pembangunan perniagaan di kawasan kajian bagi tempoh 2020-2040.

Jadual 11.15 : Unjuran Ruang Lantai Perniagaan, Kawasan Kajian, 2020-2040

Perkara	2020	2025	2030	2035	2040	Tambahan
Jumlah Penduduk	103,135	113,312	124,494	136,779	150,276	47,141
Nisbah Penduduk : Ruang Lantai (m.p.)	1: 3.22	1:3.22	1: 3.22	1: 3.22	1 : 3.22	-
Jumlah ruang lantai (m.p.)	332,736	364,865	400,870	440,428	483,889	151,153
Borong (5%)	16,637	18,243	20,044	22,021	24,194	10,367
Runcit (40%)	133,094	145,946	160,348	176,172	193,556	82,942
Perkhidmatan (55%)	183,005	200,676	220,478	242,235	266,139	114,045
Jumlah luas tapak (hek.)	-	3.21	3.60	3.95	4.35	15.11
Jumlah luas tanah (hek.)	-	4.17	4.68	5.14	5.65	19.64

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

11.4 Isu dan Prospek

i. Kekurangan Aktiviti Perniagaan
Rangkaian pusat petempatan sedia ada yang berperanan sebagai Bandar Tempatan khususnya Ganggarak, Simpang Tamu dan Bebuloh kekurangan aktiviti perniagaan yang dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat.

ii. Pusat Penjaja (Medan Selera) Kurang Mendapat Sambutan Peniaga dan Pengunjung
Aktiviti penjaja tertumpu di Bandar Labuan khususnya di pusat bandar Labuan berbanding zon perancangan lain. Aktiviti penjaja di rangkaian medan selera/anjung selera agak sunyi dan kurang mendapat perhatian peniaga kecil di mana banyak ruang niaga tidak diduduki dan kurang dikunjungi oleh penduduk tempatan.

iii. Persaingan dan Kekurangan Kemudahan Bagi Menarik Pelaburan Asing
Sebagai Pusat Kewangan dan Perdagangan Antarabangsa (IBFC), kawasan kajian menghadapi persaingan hebat dengan negara ASEAN lain dalam menarik pelaburan asing ke Labuan. Rangkaian kemudahan sokongan untuk pekerja asing masih kekurangan seperti kemudahan pendidikan, kediaman yang bersesuaian, institusi pengajian tinggi, kemudahan sukan dan riadah dan sebagainya.

iv. Pertumbuhan Penduduk dan Peranan Pusat Perniagaan
Menjelang tahun 2040, jumlah penduduk di kawasan kajian dijangka akan meningkat kepada 150,276 berbanding 103,135 pada tahun 2020. Melalui pertambahan penduduk dan peningkatan aktiviti ekonomi, ia mampu mengukuhkan peranan rangkaian pusat petempatan sedia ada sebagai pusat perniagaan utama di masa hadapan khususnya bagi PPK Ganggarak, PPK Simpang Tamu, PPK Layang-Layangan dan PPK Bebuloh.

v. Perlaksanaan Projek Infrastruktur Utama
Perlaksanaan projek infrastruktur utama saperti pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok dan pembesaran pelabuhan Labuan dijangka memberi kesan positif keatas pertumbuhan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di rangkaian pusat petempatan sedia ada.

vi. Batasan Pertumbuhan Pusat Perniagaan
Saiz penduduk yang kecil, aset serta sumber semulajadi yang terhad membataskan potensi pembangunan untuk rangkaian pusat petempatan sedia ada berkembang pesat sebagai pusat perkhidmatan perniagaan utama di masa hadapan.

11.5 Cadangan Am

i. Pusat Perniagaan Serba Lengkap
Rangkaian Bandar Tempatan sedia ada khususnya Ganggarak, Simpang Tamu, Layang-Layangan dan Bebuloh perlu dilengkapi dengan kemudahan perniagaan dan perkhidmatan serba lengkap yang memberi perkhidmatan kepada penduduk tempatan, pengunjung dan pelancong di masa hadapan. Ia termasuk penyediaan premis perniagaan dan pelbagai kemudahan sokongan.

ii. Pengukuhan Aktiviti Pelancongan
Mengukuhkan hab eko-pelancongan dan meningkatkan penganjuran pakej pelancongan dan pelbagai program dan acara yang dapat meningkatkan kedatangan pengunjung dan pelancong ke rangkaian kawasan pesisiran pantai Labuan. Ia akan dapat merancakkan aktiviti perniagaan formal dan informal di rangkaian pusat petempatan sedia ada terutama medan selera/anjung selera di sepanjang pesisiran pantai.

iii. Peningkatan Perkhidmatan Kedai Bebas Cukai
Meningkatkan perkhidmatan kedai bebas cukai di pusat bandar Labuan dan rangkaian pusat petempatan lain yang dapat menawarkan pelbagai barangan dan produk industri tempatan kepada penduduk tempatan, pengunjung dan pelancong seiring dengan peranan Labuan sebagai pulau bebas cukai. Jenis barangan yang boleh dibekalkan oleh kedai bebas cukai adalah barang makanan, coklat, gula-gula dan manisan, arak, rokok, tembakau, barang kulit, kain, pakaian, aksesori pakaian, kasut, topi, pinggan mangkuk, barang kaca, seramik, porselin, barang kemas, artikel berasaskan besi, perkakasan elektrik rumah, set telefon, media video dan audio, perakam video kaset, penerima pancaran radio, alat permainan, pemetik api dan barangan sukan.

iv. Menarik Pelaburan Tempatan dan Asing Dalam Perkhidmatan Perniagaan
Menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing dalam pelbagai sektor perkhidmatan perniagaan khususnya sektor kecil kewangan, insuran dan hartanah, perhubungan, pengangkutan dan penyimpanan, hotel dan restoran serta aktiviti peruncitan di rangkaian pusat petempatan sedia ada di Labuan.

v. Peningkatan Penyediaan Kemudahan Sokongan Perniagaan
Meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan perniagaan kepada pelabur dan pekerja warga asing saperti kemudahan kediaman, pendidikan rendah, menengah dan tinggi (sekolah antarabangsa), kemudahan sukan dan riadah, pusat hiburan dsbnya.

BAB

12



Pertanian, Penternakan dan Perikanan



Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Kiamsam



Kampung Bebuloh Laut

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Kajian sektor pertanian, penternakan dan perikanan akan memfokuskan kepada corak pembangunan pertanian, penternakan dan perikanan di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan termasuk aspek guna tanah semasa, jenis tanaman dan ternakan dan pembangunan sektor perikanan. Hasil Laporan Tinjauan ini akan menjadi asas dan panduan dalam usaha mewujudkan pembangunan pertanian, penternakan dan perikanan di WP Labuan yang terancang bagi menjana pendapatan penduduk dan sekaligus meningkatkan ekonomi di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan.

12.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor pertanian, penternakan dan perikanan melibatkan dasar-dasar di peringkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor pertanian, penternakan dan perikanan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 12.1 hingga 12.3.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 12.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan.

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur	A1 : Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti	- Usaha dalam pemodenan sektor pertanian perlu diteruskan melalui reformasi subsektor agromakanan dan meningkatkan sumbangan subsektor tersebut kepada nilai ditambah pertanian. Dasar ini masih releven dikekalkan bagi memacu pembangunan pertanian di WP Labuan ke arah pertanian moden dan lebih produktif.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 12.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan.

Teras 2 : Kemampanan Spatial Dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 1 : Pengurusan mampan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan	KD 1.5 : Menyumbang kepada jaminan bekalan makanan	- Penyediaan dan pengekalan kawasan pertanian untuk buah – buahan dan sayur – sayuran, ternakan dan perikanan akan dapat membantu meningkatkan pertumbuhan dan kemampanan sektor pertanian di WP Labuan. Kawasan khas bagi aktiviti pertanian perlu disediakan bagi tujuan bekalan makanan dikenalpasti dan dikekalkan. Dasar ini masih releven dikekalkan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 12.3: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan.

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: E3 – Perikanan Laut Dalam dan Industri Pemprosesan Hasil Laut Berskala Besar Dimajukan bagi Mengeksploitasi Sumber Hasil Marin	E3-CA2 Meningkatkan tahap industri perikanan laut dalam dengan memberi tumpuan kepada industri pemprosesan hasil marin.	- Penglibatan nelayan yang terlibat dengan perikanan laut dalam di Labuan berada pada tahap yang rendah dan perlu diperkukuhkan
	E3-CA3 Menyediakan jeti pendaratan ikan bagi membolehkan pendaratan kapal ikan yang lebih besar.	- Telah dilaksanakan dengan mewujudkan Kompleks LKIM Kiamsam
	E3-CA4 Menyediakan bantuan yang diperlukan oleh nelayan untuk aktiviti laut dalam termasuk kewangan dan peralatan.	- Telah dilaksanakan agensi terlibat melalui penyaluran bantuan kewangan dan peralatan kepada nelayan
Dasar Am: E5 – Ekonomi Tempatan Dipelbagai	E5 – CA1 Menggalakkan penglibatan penduduk dalam industri desa berasaskan hasil laut dan pertanian.	- Telah dilaksanakan agensi terlibat (LKIM dan Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan) seperti menggalakkan pembangunan IKS
	E5-CA2 Menggalakkan pembuatan produk makanan dan kraf tangan tempatan	- Telah dilaksanakan agensi terlibat dan boleh diperkukuhkan
	E5-CA4 Menggalakkan aktiviti ekonomi dengan memberi tumpuan kepada industri terpilih (Hasil Laut, Penternakan dan Pertanian dan IKS)	- Telah dilaksanakan melalui Program Industri Pembangunan Pertanian bagi mengurangkan kebergantungan bekalan makanan dari luar Labuan.
Dasar Am: P1 - Penggunaan Tanah yang Optima bagi Menampung Keperluan Sosial dan Ekonomi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan yang Lestari	Mengekal dan memajukan kawasan pertanian yang berpotensi untuk menampung keperluan tempatan	- Terdapat banyak tanah pertanian yang terbiar dan berpotensi untuk dibangunkan bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.


12.2 Penemuan Semasa

12.2.1 Sumbangan Sektor Pertanian Dalam Pertumbuhan Ekonomi WP Labuan

Dalam konteks WP Labuan, sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi (KDNK WP Labuan) adalah sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian. Sektor pertanian di Labuan merupakan penyumbang ketiga tertinggi selepas sektor pembinaan dan perkhidmatan.

Merujuk kepada Laporan Statistik Ekonomi 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar KDNK sektor pertanian meningkat kepada 6.1 peratus pada tahun 2019 berbanding 5.8 peratus pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai pertambahan sebanyak RM 133.3 juta. Secara keseluruhannya, kadar KDNK sektor pertanian di Labuan bagi tahun 2019 merupakan pertumbuhan ketiga tertinggi selepas Negeri Sembilan dan Kelantan (Rujuk Rajah 12.1).


Rajah 12.1 : Sumbangan KDNK Sektor Ekonomi WP Labuan



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Pengukuhan dan pertumbuhan yang lebih baik ini disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran subsektor perikanan (aktiviti perikanan laut) yang menjadi penyumbang terbesar kepada sektor pertanian di WP Labuan. Subsektor perikanan dilihat mendominasi keseluruhan sektor pertanian di Labuan dengan peratusan pertumbuhan sebanyak 88.6 peratus berbanding keseluruhan sektor pertanian di Labuan. Subsektor tanaman dan penternakan pula telah menyumbang sebanyak 10.3 peratus dan 7.5 peratus pertumbuhan sektor pertanian di WP Labuan (Rujuk Rajah 12.2).

Rajah 12.2 : Pertumbuhan Subsektor Pertanian WP Labuan



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

" Secara keseluruhannya, sektor pertanian di Labuan dapat dipecahkan kepada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan yang menyumbang **KDNK sebanyak 6.1 peratus pada tahun 2019 atau RM133.3 juta** "

12.2.2 Keluasan Kawasan Pertanian

Secara keseluruhannya, keluasan semasa tanah pertanian pada tahun 2020 adalah seluas 105.27 hektar atau 1.06% daripada keluasan keseluruhan zon pembangunan WP Labuan. Keluasan ini merupakan keluasan kedua terendah selepas guna tanah infrastruktur dan utiliti (Rujuk Jadual 12.4).

Jadual 12.4: Keluasan Guna Tanah Semasa Pertanian 2020.

Guna Tanah	Luas (Hek.)	%
Kawasan Pembangunan		
Perumahan	2,037.59	20.44
Komersial	231.80	2.33
Industri	567.05	5.69
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	626.94	6.29
Tanah Lapang dan Rekreasi	111.01	1.11
Infrastruktur dan Utiliti	91.31	0.92
Pertanian	**105.27**	**1.06**
Tanah Kosong	3,895.26	39.08
Hutan	691.70	6.94
Badan Air	636.74	6.39
Pengangkutan	838.96	8.42
Pantai	134.23	1.35
Jumlah Besar	9,967.86	100.00
Kawasan Perairan (Lain – Lain)		
Laut	58,924.51	
Jumlah Keseluruhan	68,892.37	

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Nota:
Keluasan 9,967.86 adalah berdasarkan keluasan tanah berhakmilik (daratan dan badan air) termasuk Pulau Labuan dan 6 Pulau sekitarnya.

Merujuk kepada Jadual 12.5, tren pertumbuhan guna tanah pertanian bagi tahun 2010 dan 2020, didapati guna tanah pertanian mengalami penurunan pada tahun 2020 (Rujuk Jadual 12.5). Pada tahun 2010 keluasan keseluruhan guna tanah pertanian di Labuan ialah 126.21 hektar dan telah berkurangan kepada 105.27 hektar pada tahun 2020 (Berlaku penurunan sebanyak 20.94 hektar atau 16.59 peratus berbanding tahun 2010). Penurunan keluasan guna tanah pertanian di WP Labuan dipengaruhi oleh tekanan pembangunan yang berlaku di WP Labuan.

Subsektor tanaman dilihat mendominasi sektor pertanian di WP Labuan dengan keluasan 80.25 hektar atau 76.23 peratus. Bagi subsektor penternakan adalah seluas 15.06 hektar atau 14.31 peratus dan subsektor akuakultur seluas 9.96 hektar. (Rujuk Jadual 12.5)

Walaupun subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian di WP Labuan, namun subsektor ini menunjukkan penurunan tertinggi pada tahun 2020 (Penurunan sebanyak 25.13 peratus atau 26.93 hektar). Hasil analisis yang dijalankan bagi guna tanah semasa menunjukkan peningkatan keluasan guna tanah bagi subsektor penternakan pada tahun 2020 berbanding tahun 2010 (Peningkatan sebanyak 80.14 peratus atau 6.70 hektar).

Jadual 12.5 : Perbandingan Guna Tanah Pertanian 2010 dan 2020

Subsektor Pertanian	Keluasan Guna Tanah (Hek.)		Kadar Peningkatan (%)
	2010	2020	
Tanaman	107.18	80.25	-25.13
Penternakan	8.36	15.06	80.14
Akuakultur	10.67	9.96	-6.65
Jumlah	126.21	105.27	-16.59

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Aktiviti pertanian di WP Labuan adalah tertumpu di kawasan barat Labuan. Pulau Kuraman memiliki kawasan pertanian yang luas namun tiada sebarang aktiviti pertanian yang aktif di pulau tersebut. Kawasan tersebut telah menjadi kawasan pertanian terbiar dan tidak diusahakan. Kawasan petempatan yang mempunyai keluasan pertanian tinggi adalah Kg. Sungai Lada dengan keluasan guna tanah pertanian 16.73 hektar (Rujuk Rajah 12.4).

a. Kesesuaian Tanah Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan


Berdasarkan data daripada Jabatan Pertanian, kawasan WP Labuan mempunyai potensi pertanian yang tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat halangan tertentu seperti keadaan tanah yang berpaya memerlukan kos yang tinggi untuk pembangunan pertanian dan pemilikan tanah yang terhad bagi setiap orang.

b. Keluasan Kawasan Pertanian Semasa

Sektor pertanian (tanaman) di WP Labuan memfokuskan kepada pertanian kebun kecil atau sara diri yang terdiri daripada penanaman sayur-sayuran, buah buahan, tanaman industri (kelapa), tanaman ladang dan rempah ratus. Sektor pertanian di Labuan mempunyai potensi yang tinggi untuk dikembangkan bagi mengurangkan kebergantungan bahan mentah dari luar. Tren semasa menunjukkan, 70 peratus bahan mentah di WP Labuan diperoleh daripada luar Labuan manakala 30 peratus adalah daripada aktiviti pertanian tempatan.

Aktiviti tanaman yang dijalankan di Labuan terdiri daripada lima (5) kategori tanaman utama iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman industri (kelapa), tanaman ladang dan rempah ratus. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia, keluasan keseluruhan aktiviti pertanian di Labuan pada tahun 2015 ialah 560.00 hektar dan telah menurun kepada 403.00 hektar pada tahun 2020 (Rujuk Rajah 12.3)

Rajah 12.3 : Perbandingan Keluasan Subsektor Tanaman



Sumber : Diubahsuai daripada Jabatan Pertanian Malaysia, 2020

Berdasarkan kepada keluasan tersebut, tanaman buah-buahan dilihat mendominasi aktiviti tanaman di Labuan dan diikuti oleh tanaman industri (kelapa) dan sayur-sayuran. Aktiviti tanaman ladang dan rempah ratus merupakan tanaman terendah yang di usahakan di Labuan (Rujuk Rajah 12.3). Analisis yang dijalankan turut menunjukkan, walaupun subsektor tanaman sayur-sayuran merupakan antara tanaman utama di Labuan tetapi tanaman ini mengalami pengurangan keluasan tanaman yang tinggi pada tahun 2019 (Penurunan sebanyak 50.31 peratus atau 80 hektar berbanding tahun 2015).

c. Pengeluaran Semasa Pertanian (Tanaman)

Berdasarkan kepada jumlah pengeluaran hasil pertanian tanaman, jumlah pengeluaran semasa pada tahun 2019 ialah 1,305.10 tan metrik. Jumlah keseluruhan pengeluaran hasil pertanian tanaman dilihat mengalami peningkatan berbanding tahun 2018 (Berlaku peningkatan sebanyak 0.95 peratus atau meningkat sebanyak 12.30 tan metrik). Merujuk kepada pengeluaran mengikut subsektor tanaman, tanaman industri, buah-buahan dan sayur-sayuran dilihat mendominasi pengeluaran subsektor tanaman di Labuan. Tanaman ladang dan rempah-ratus pula merupakan penyumbang terendah dalam pengeluaran hasil pertanian tanaman (Rujuk Jadual 12.6).

Jadual 12.6 : Jumlah Pengeluaran Hasil Pertanian (Tanaman) bagi Tahun 2015 hingga 2019

Subsektor Tanaman	Jumlah Pengeluaran (mt)				
	2015	2016	2017	2018	2019
Sayur Sayuran	346.00	320.00	316.00	333.00	358.00
Buah Buahan	527.00	384.00	344.00	404.00	424.00
Tanaman Industri	1,129.00	778.00	630.00	517.00	487.20
Tanaman Ladang	43.00	34.00	35.00	31.00	27.10
Rempah Ratus	4.00	4.00	6.00	8.00	9.00
Jumlah Keseluruhan	2,049.00	1,520.00	1,331.00	1,293.00	1,305.3

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019

Bagi tanaman industri, hasil pertanian yang dikeluarkan adalah tertumpu kepada penghasilan kelapa di mana jumlah keseluruhan pengeluaran kelapa di WP Labuan pada tahun 2019 ialah 487.20 tan metrik atau 37.32 peratus daripada keseluruhan pengeluaran pertanian tanaman di Labuan. Namun begitu, walaupun tanaman industri (kelapa) dilihat mendominasi pengeluaran pertanian di Labuan tetapi tanaman ini dilihat mengalami penurunan. Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dilihat lebih konsisten dan mengalami peningkatan pengeluaran pada tahun 2019 dimana masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 358.00 tan metrik dan 424.00 tan metrik (Rujuk Jadual 12.6).

Selain itu, tanaman rempah ratus hanya mempunyai satu (1) pengusaha yang mengusahakan tanaman jenis tersebut. Keadaan ini menunjukkan tanaman rempah ratus tidak mendapat sambutan daripada kalangan pengusaha lain. Faktor lain adalah dari kesesuaian tanah yang berada dalam di dalam kawasan WP Labuan. Tanaman lain yang mempunyai jumlah pengusaha yang rendah adalah tanaman kontan yang mempunyai dua (2) pengusaha di dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Tanaman buah – buahan di Wilayah Persekutuan Labuan adalah Cempedak, Durian, Limau Besar, Mangga, Nangka, Pisang, Rambutan, Tarap dan Tembikai.

12.2.3 Anggaran Bilangan Petani Mengikut Jenis Tanaman

Berdasarkan Jadual 12.7, jumlah keseluruhan pengusaha tanaman di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan adalah seramai 371 pengusaha yang merangkumi jenis tanaman sayur – sayuran, buah – buahan, tanaman kontan atau ladang, rempah ratus, herba, kelapa dan florikultur.

Hanya terdapat tujuh (7) jenis tanaman yang berada dalam kawasan WP Labuan. Berdasarkan jadual 12.7, jumlah pengusaha tanaman yang tinggi adalah seramai 123 orang yang mengusahakan tanaman jenis buah – buahan. Ini berikutan daripada hasil pengeluaran buah – buahan adalah kedua tertinggi selepas tanaman industri. Antara faktor jumlah pengusaha yang ramai bagi jenis tanaman tersebut adalah atas faktor kesesuaian tanah di kawasan WP Labuan yang menjadikan ramai pengusaha mengambil peluang menjana ekonomi dengan hasil tanaman buah – buahan.

Jadual 12.7 : Bilangan Petani Mengikut Jenis Tanaman

Jenis Tanaman	Bilangan Pengusaha
Padi Sawah	-
Sayur - Sayuran	51
Buah – Buahan	123
Tanaman Kontan / Ladang	2
Rempah Ratus	1
Herba	-
Kelapa	121
Florikultur	73
Jumlah	371

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019

Nota : 1. Anggaran bilangan petani di atas merupakan anggaran bilangan pengusaha
2. Jumlah pengusaha bagi semua komoditi bukan jumlah pengusaha sebenar kerana terdapat satu pengusaha mengusahakan beberapa komoditi tanaman
3. Tidak termasuk getah, kelapa sawit, koko, lada hitam dan tembakau.



Rajah 12.4
TABURAN GUNA TANAH PERTANIAN



Petunjuk :

- Pertanian (Tanaman)
- Penternakan
- Akuakultur

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai
- Sempadan Rizab Akuakultur

12.2.4 Jenis Tanaman dan Komoditi

i. Buah – Buahan

Bagi kawasan WP Labuan, terdapat sembilan (9) jenis tanaman buah – buahan yang terdapat di wilayah tersebut antaranya ialah Cempedak, Durian, Limau Besar, Mangga, Nangka, Pisang dan lain – lain. Jumlah keseluruhan tanaman di Wilayah Persekutuan Labuan adalah 168.9 hektar (Rujuk Jadual 12.8). Jenis tanaman buah – buahan yang menghasilkan jumlah pengeluaran yang tertinggi adalah pisang dengan hasil pengeluaran sebanyak 266.9 tan metrik setahun. Ini berikutan daripada keluasan kawasan tanaman tersebut adalah lebih tinggi berbanding jenis tanaman lain dengan keluasan 84.5 hektar.

Jadual 12.8 : Perincian Tanaman Buah - Buahan bagi Tahun 2019

Jenis Tanaman	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Mt)	Nilai Pengeluaran (RM '000)
Cempedak	13.3	14.8	53.2
Durian	9.1	14.6	264.3
Limau Besar	0.3	1.3	2.7
Mangga	12.5	19.9	182.6
Nangka	13.6	29.1	60.6
Pisang	84.5	266.9	445.7
Rambutan	32.7	46.5	99.2
Tembikai	1.0	0.5	7.3
Tarap	1.9	5.6	-
Jumlah	168.9	399.2	1,115.6

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019


Berdasarkan Jadual 12.8 juga, nilai pengeluaran bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 1,115.6 juta dan daripada jumlah tersebut, jenis tanaman buah – buahan yang memberi sumbangan nilai pengeluaran yang besar adalah pisang dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 445.7 ribu. Daripada keseluruhan jenis buah – buahan tersebut, buah tembikai merupakan tanaman yang paling rendah jumlah pengeluarannya iaitu 0.5 tan metrik dan sebanyak RM 7.3 ribu nilai pengeluarannya. Namun begitu, bagi tanaman buah limau besar, jumlah pengeluarannya 1.3 tan metrik dan nilai pengeluarannya pula adalah RM 2.7 ribu sahaja. Ini berikutan faktor nilai buah tersebut adalah rendah.

Kebun Komuniti Kg. Sungai Bangat,WP Labuan



Sumber : Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan, 2017

Tanaman buah durian di sebuah kebun di WP Labuan



Sumber : Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan, 2020

ii. Sayur - Sayuran

Bagi kawasan WP Labuan, terdapat 16 jenis tanaman sayur - sayuran yang terdapat di wilayah tersebut antaranya ialah bayam, bendi, cili, kucai dan sebagainya. Jumlah keluasan tanaman sayur - sayuran di dalam WP Labuan adalah 72.53 hektar dan daripada keluasan bertanam, hanya 64.43 hektar sahaja keluasan berhasil (Rujuk Jadual 12.9)

Tanaman Sawi bagi Wilayah Persekutuan Labuan



Sumber : Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan, 2017

Jenis tanaman yang mempunyai keluasan yang tinggi adalah tanaman sawi dengan keluasan 33.67 hektar. Daripada keluasan tanaman sawi tersebut, sebanyak 30.12 hektar luas tanaman berhasil. Jumlah pengeluaran bagi tanaman sawi adalah sebanyak 157.17 tan metrik setahun dan lebih tinggi berbanding tanaman lain. Selain itu, nilai pengeluaran tanaman sawi tersebut adalah lebih tinggi berbanding tanaman lain dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 400.77 ribu. Tanaman peria merupakan jenis tanaman yang mempunyai keluasan tanaman yang rendah dengan jumlah keluasan 0.12 hektar dan jumlah luas berhasil adalah 0.26 hektar. Bagi jumlah pengeluaran tanaman peria adalah 0.55 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 1.73 ribu pada tahun 2018. Nilai hasil pengeluaran ini adalah bergantung kepada nilai jenis tanaman tersebut.

Jadual 12.9 : Perincian Tanaman Sayur - Sayuran bagi Tahun 2018

Jenis Tanaman Sayur – Sayuran	Luas Bertanam (Ha)	Luas Berhasil (Ha)	Pengeluaran (Mt)	Nilai Pengeluaran (RM '000)
Bayam	12.13	11.27	60.37	92.06
Bendi	0.76	0.66	1.44	4.68
Cekur Manis	1.87	1.57	9.90	23.76
Cili	0.64	0.38	2.75	17.85
Cili Padi	1.76	1.42	5.85	75.20
Daun Bawang	0.87	0.79	2.87	14.61
Kacang Panjang	1.81	1.61	7.30	19.71
Kangkung	15.96	13.90	56.75	82.29
Kucai	0.71	0.62	1.22	0.00
Peria	0.12	0.11	0.55	1.73
Petola Segi	0.27	0.26	2.16	4.64
Salad	0.70	0.65	11.15	30.38
Sawi	33.67	30.12	157.17	400.77
Terung	0.32	0.29	3.53	9.52
Timun	0.79	0.64	9.55	11.93
Tomato	0.15	0.14	0.86	2.40
Jumlah	72.53	64.43	333.42	791.53

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2018

iii. Tanaman Ladang

Tanaman ladang bagi WP Labuan adalah termasuk tanaman jagung manis, ubi kayu, dan tebu kuning. WP Labuan memiliki keluasan tanaman ladang sebanyak 3.53 hektar dan keluasan berhasil adalah sebanyak 3.29 hektar. Tanaman yang mendominasi jenis tanaman ladang ini adalah ubi kayu dengan keluasan bertanam 2.54 hektar dan luas berhasil adalah 2.41 hektar (Rujuk Jadual 12.10)

Jadual 12.10 : Perincian Tanaman Ladang Bagi Tahun 2018

Jenis Tanaman Ladang	Luas Bertanam (Ha)	Luas Berhasil (Ha)	Pengeluaran (Mt)	Nilai Pengeluaran (RM '000)
Jagung Manis	0.17	0.16	0.55	1.54
Ubi Kayu	2.54	2.41	21.81	19.63
Tebu Kuning	0.82	0.72	8.86	2.92
Jumlah	3.53	3.29	31.22	24.09

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019

Jumlah pengeluaran tanaman ladang bagi WP Labuan adalah 31.22 tan metrik pada tahun 2018. Jenis tanaman industri yang mempunyai hasil pengeluaran yang tinggi adalah ubi kayu dengan hasil pengeluaran sebanyak 21.81 tan metrik. Nilai pengeluaran tanaman ladang WP Labuan adalah RM 24.09 ribu pada tahun 2018. Tanaman ubi kayu mencatatkan nilai pengeluaran yang tinggi dengan nilai sebanyak RM 19.63 ribu.

iv. Tanaman Industri

Tanaman industri bagi WP Labuan adalah termasuk tanaman kelapa dan lebah kelulut. WP Labuan memiliki keluasan tanaman industri sebanyak 317.0 hektar dan keluasan berhasil adalah sebanyak 232.4 hektar. Tanaman yang mendominasi jenis tanaman industri ini adalah lebah kelulut dengan keluasan bertanam 158.6 hektar dan luas berhasil adalah 116.3 hektar. Jumlah pengeluaran tanaman industri bagi WP Labuan adalah 1,036.0 tan metrik pada tahun 2018. Jenis tanaman industri yang mempunyai hasil pengeluaran yang tinggi adalah lebah kelulut dengan hasil pengeluaran sebanyak 519.2 tan metrik (Rujuk Jadual 12.11)

Jadual 12.11 : Perincian Tanaman Industri bagi Tahun 2018

Jenis Tanaman Industri	Luas Bertanam (Ha)	Luas Berhasil (Ha)	Pengeluaran (Mt)
Kelapa	158.4	116.1	516.8
Lebah Kelulut	158.6	116.3	519.2
Jumlah	317.0	232.4	1,036.0

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019

Tanaman Kelapa dan Kelulut bagi Wilayah Persekutuan Labuan





Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia

v. Tanaman Rempah - Ratus

Tanaman rempah ratus bagi WP Labuan adalah termasuk tanaman limau kasturi dan serai. Wilayah Persekutuan Labuan memiliki keluasan tanaman rempah - ratus sebanyak 1.40 hektar dan keluasan berhasil adalah sebanyak 1.20 hektar. Tanaman yang mendominasi jenis tanaman ladang ini adalah serai dengan keluasan bertanam 0.95 hektar dan luas berhasil adalah 0.83 hektar.


Jumlah pengeluaran tanaman rempah ratus bagi WP Labuan adalah 8.20 tan metrik pada tahun 2018. Jenis tanaman industri yang mempunyai hasil pengeluaran yang tinggi adalah limau kasturi dengan hasil pengeluaran sebanyak 4.75 tan metrik. Nilai pengeluaran tanaman rempah ratus WP Labuan adalah RM 21.72 ribu pada tahun 2018. Tanaman limau kasturi mencatatkan nilai pengeluaran yang tinggi dengan nilai sebanyak RM 13.78 ribu (Rujuk Jadual 12.12). Jumlah keseluruhan keluasan bertanam dan hasil jenis tanaman yang meliputi buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang, tanaman industri dan tanaman rempah ditunjukkan di dalam Rajah 12.5.

Jadual 12.12 : Perincian Tanaman Rempah - Ratus bagi Tahun 2018

Jenis Tanaman Rempah - Ratus	Luas Bertanam (Ha)	Luas Berhasil (Ha)	Pengeluaran (Mt)	Nilai Pengeluaran (RM '000)
Limau Kasturi	0.45	0.40	4.75	13.78
Serai	0.95	0.83	3.45	7.94
Jumlah	1.40	1.23	8.20	21.72

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2019

Rajah 12.5 : Jumlah Keseluruhan Keluasan Bertanam dan Hasil Jenis Tanaman



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

12.2.5 Kelas Tanah Pertanian


Bagi mencapai kemajuan dalam bidang pertanian, faktor kesesuaian tanah merupakan aspek utama yang perlu diambil kira untuk pembangunan pertanian di WP Labuan. Tiap-tiap jenis tanah ini mempunyai sifat-sifat tersendiri dan boleh dikategorikan kepada beberapa kelas tanah mengikut kesesuaian dan kesuburannya. Secara keseluruhannya, terdapat lima (5) kelas kesesuaian tanah yang telah dikenalpasti. Analisis yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengekalkan tanah pertanian berdasarkan kepada kesesuaian setelah mengambilkira halangan dan kesuburan tanah pertanian. Tanah Kelas 1 adalah paling sesuai untuk tanaman, manakala tanah Kelas 5 tidak sesuai untuk tanaman.

Berdasarkan kepada analisis dan maklumat semasa, terdapat tiga jenis kelas tanah pertanian di WP Labuan iaitu kelas 3, kelas 4 dan kelas 5 (Rujuk Jadual 12.13 dan Rajah 12.6). Kelas 1 dan kelas 2 tidak terdapat dalam konteks WP Labuan yang dipengaruhi oleh jenis tanah dan halangan-halangan fizikal. Bagi kelas tanah 3 merupakan kelas tanah tertinggi dengan keluasan 3,989.00 hektar atau 41.75 peratus daripada keseluruhan keluasan tanah di WP Labuan. Kelas kedua tertinggi adalah kelas tanah 5 dimana kelas tanah ini tidak sesuai untuk sebarang aktiviti pertanian dengan keluasan 3,854.23 hektar atau 40.34 peratus. Secara keseluruhannya, walaupun di WP Labuan tidak mempunyai kelas tanah 1 dan 2 tetapi alternatif pertanian moden seperti *vertical farming* boleh diusahakan di WP Labuan.

Jadual 12.13 : Perincian Kelas dan Siri Tanah di Wilayah Persekutuan Labuan

Kelas Tanah	Penerangan	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
Kelas 1	Tanah yang tiada halangan atau halangan kecil sahaja kepada pertumbuhan tanaman. Sesuai untuk kebanyakan tanaman. Dengan menggunakan pengurusan yang sederhana sahaja, tanaman-tanaman tersebut dapat memberikan hasil yang lumayan	-	-
Kelas 2	Kesesuaiannya kurang sedikit berbanding dengan tanah kelas 1. Pengurusan yang sederhana diperlukan bagi mendapat hasil yang memuaskan. Amalan pengurusan yang mudah termasuk kawalan hakisan serta kerja pengairan dan saliran diperlukan.	-	-
Kelas 3	Tanah yang mempunyai satu halangan serius kepada pertumbuhan tanaman. Hanya sesuai untuk beberapa tanaman sahaja. Pengurusan yang tinggi diperlukan bagi membangun dan memulihkan tanah jenis ini untuk penghasilan jangka masa yang panjang. Amalan-amalan pengurusan tanah seperti pengawalan hakisan, pembajaan baja yang intensif, dan/atau kerja-kerja pengairan atau saliran yang melibatkan perbelanjaan sederhana, adalah perlu.	3,989.00	41.75
Kelas 4	Tanah yang mempunyai lebih daripada satu halangan serius kepada tumbuhan tanaman. Sesuai untuk sedikit tanaman sahaja ataupun tanaman tertentu. Pengurusan yang sangat tinggi diperlukan bagi mengekalkan penghasilan tanaman yang sederhana dan berterusan. Kerja-kerja pemuliharaan tanah perlu diberi sekiranya tanah ini akan digunakan bagi satu jangka masa yang panjang. Tanah kelas ini selalu terdapat pada rupa bumi berbukit yang menjadi satu halangan serius kepada penggunaan tanah untuk pembangunan tanah. Terdapat juga tanah-tanah lain dalam kelas ini seperti tanah asid sulfat dan gambut.	1,711.00	17.91
Kelas 5	Tanah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu halangan yang amat serius kepada pertumbuhan tanaman, seperti tanah terlalu curam (melebihi 250) atau tanah perbandaran yang telah dibangunkan untuk bangunan.. Adalah lebih baik jika tanah ini dibiar untuk tumbuhan hutan sekiranya ia tidak digunakan untuk perbandaran, perlombongan dan kuari.	3,854.23	40.34
	JUMLAH KESELURUHAN	9,554.23	100.00

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia,2019



Rajah 12.6:
KELAS KESESUAIAN TANAH PERTANIAN



Petunjuk:

- Kelas 3
- Kelas 4
- Kelas 5

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Sempadan Rizab Akuakultur
- Badan Air

12.2.6 Profil Penternakan dan Akuakultur

Aktiviti penternakan di WP Labuan tertumpu kepada penternakan unggas, akuakultur air masin dan air tawar. Bagi penternakan unggas adalah tertumpu kepada penternakan ayam dan burung walit manakala penternakan ikan tertumpu kepada penternakan ikan keli, kerapu, kerang-kerangan dan lain-lain. Aktiviti penternakan adalah tertumpu di kawasan Kg. Batu Manikar, Kg. Sungai Miri dan Kg. Sungai Lada manakala aktiviti akuakultur tertumpu di kawasan Kg Lubok Temiang, Kg. Lajau dan Kg Kerupang (Rujuk Rajah 12.7)

Rajah 12.7 : Pecahan Guna Tanah Penternakan dan Akuakultur Mengikut Kawasan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Selain itu, keluasan semasa kawasan penternakan dan akuakultur di WP Labuan ialah 25.02 hektar pada tahun 2020. Keluasan keseluruhan guna tanah penternakan dan akuakultur menunjukkan tren peningkatan pada tahun 2020 berbanding tahun 2010 (Berlaku peningkatan sebanyak 47.73 peratus atau meningkat sebanyak 8.09 hektar).

Peningkatan ini disokong oleh peningkatan keluasan penternakan ayam dan pertambahan subsektor penternakan pada tahun 2020 iaitu penternakan burung walit (Jadual 12.14). Analisis yang dijalankan turut menunjukkan aktiviti penternakan ayam mendominasi subsektor penternakan dan akuakultur di Labuan dengan keluasan 12.82 hektar atau 85.13 peratus daripada keseluruhan aktiviti penternakan di Labuan dan diikuti akuakultur dengan keluasan 8.36 hektar.

Jadual 12.14 : Perbandingan Guna Tanah Penternakan 2010 dan 2020

Penternakan dan Akuakultur	Keluasan Guna Tanah (Hek.) 2010	2020	Kadar Peningkatan (%)
Ayam	8.57	12.82	49.59
Burung Walit	-	2.23	100.00
Akuakultur	8.36	9.96	17.94
Jumlah	16.93	25.01	47.73

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

" Secara Keseluruhannya, subsektor penternakan ayam mendominasi aktiviti penternakkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan keluasan 25.02 hektar"

a. Penternakan

Dalam konteks Wilayah Persekutuan Labuan, aktiviti penternakan ayam melibatkan tiga (3) buah kampung iaitu Kampung Tanjung Aru (Seluas 2.78 hektar), Kampung Bukit Kalam (Seluas 4.92 hektar) dan Kampung Sungai Miri (Seluas 5.12 hektar).

Ladang Ternakan Ayam Pedaging Sistem Reban Tertutup Kampung Sungai Miri, Wilayah Persekutuan Labuan



Sumber : Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

Merujuk kepada statistik penternakan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang pada tahun 2019 menunjukkan, jumlah keseluruhan pengeluaran ayam di Labuan ialah 718.02 tan metrik manakala pengeluaran ayam pada tahun 2018 ialah 428.02 tan metrik. Jumlah pengeluaran ini menunjukkan peningkatan pengeluaran ayam berbanding tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 25.98 peratus atau 118,359 ekor (Rujuk Jadual 12.15).

Jadual 12.15 : Pengeluaran Penternakan Ayam Keseluruhan bagi Tahun 2018 dan 2019

Tahun	Kapasiti (Ekor)	Pengeluaran Hasil (MT)
2018	268,000	428.02
2019	386,959	718.02

Sumber : Lembaga Pertubuhan Peladang, 2019

b. Akuakultur

Secara keseluruhannya, aktiviti akuakultur di WP Labuan dapat dipecahkan kepada perikanan air tawar dan air masin. Dalam konteks WP Labuan, aktiviti akuakultur air tawar mendominasi penternakkan ikan di Labuan dengan keluasan 7.08 hektar. Jenis ikan yang diternak bagi kegiatan akuakultur air tawar adalah ikan keli manakala air masin ialah kerapu dan kerang-kerangan. Kawasan aktiviti akuakultur adalah melibatkan tiga (3) buah kampung iaitu Kampung Lubuk Temiang, Kampung Tanjung Aru dan Kampung Kerupang atau Nagalang Rujuk Rajah 12.8)

Hasil analisis yang dijalankan bagi aktiviti akuakultur air tawar menunjukkan, jumlah keseluruhan pengeluaran pada tahun 2018 bagi aktiviti ini ialah 1 tan metrik iaitu berlaku peningkatan sebanyak 0.96 tan metrik berbanding tahun 2017 (Jadual 12.16). Bagi aktiviti akuakultur air masin pula menunjukkan penurunan dimana pada tahun 2017 dan 2018 jumlah pengeluaran ialah 1 tan metrik berbanding tahun 2016 iaitu 2 tan metrik. Pengurangan yang berlaku adalah dipengaruhi oleh pasaran semasa dan permintaan terhadap ikan di WP Labuan.

Namun, selaras dengan aspirasi daripada pihak jabatan perikanan Labuan, pembangunan akuakultur bagi WP Labuan dapat diperkembangkan dengan penyediaan rizab akuakultur di bahagian selatan WP Labuan. Penyediaan rizab akuakultur ini akan dapat memberi impak positif kepada ekonomi WP Labuan seterusnya meningkatkan produktiviti akuakultur. Seterusnya, ini juga akan dapat membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan dan pihak jabatan perikanan juga boleh menyediakan kursus dan insentif kepada penternak akuakultur yang baru.

Jadual 12.16 : Jumlah Pengeluaran Akuakultur bagi Tahun 2015 hingga 2019


Subsektor Akuakultur	Jumlah Pengeluaran (MT)			
	2015	2016	2017	2018
Air Masin	5	0.25	0.04	1.00
Air Tawar	10	2	1.00	1.00
Jumlah Keseluruhan	15.00	2.25	1.04	2.00

Sumber : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2018

Ternakan ayam di Kampung Ganggarak



Sumber : Kementerian Wilayah Persekutuan, 2019



Rajah 12.8
TABURAN AKTIVITI AKUAKULTUR DI WP LABUAN



Petunjuk:

- Akuakultur

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai
- Sempadan Rizab Akuakultur

12.2.7 Profil Semasa Perikanan

a. Jumlah Pendaratan Ikan di WP Labuan

Perikanan tangkapan marin merupakan penyumbang utama kepada jumlah pengeluaran ikan. Pendaratan perikanan marin dijangka menurun daripada **19,319.40 mt** pada tahun **2018** kepada **16,898.64 mt** pada tahun **2019** dengan penurunan **14.33 % setahun**. Jadual 12.17 menunjukkan jumlah pendaratan ikan marin di kawasan kajian.

Jadual 12.17: Pendaratan Ikan Marin WP Labuan

Peralatan / Tahun	Pendaratan Ikan Marin Labuan	
	2018	2019
Pukat Tunda	11,376.38	11,726.88
Pukat Jerut Ikan	1,462.19	1,546.40
Pukat Jerut Bilis	94.23	148.92
Pukat Sudu	163.37	246.99
Pukat Hanyut	462.20	415.70
Pukat Tenggelam	2,072.04	2,099.24
Kail /Pancing	3,203.03	191.12
Rawai Umpan	139.95	191.12
Bubu Laut	346.01	332.27
Jumlah	19,319.40	16,898.64

Berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Jabatan Perikanan WP Labuan, penggunaan peralatan pukat tunda paling banyak digunakan dan pendaratan perikanan laut disasarkan meningkat lebih **11,726 mt** pada **tahun 2019.**

JUMLAH PENDARATAN IKAN

19319.40MT **2018** TAHUN



16,898.64MT **2019** TAHUN

JUMLAH KOMODITI NELAYAN WP LABUAN
PENTERNAKAN AKUAKULTUR

- **Air Tawar** - 1 orang
- **Air Payau** - 5 orang
- **Ikan Hiasan** - 4 orang

JUMLAH PENTERNAK AKUAKULTUR : 10 ORANG

b. Pangkalan Nelayan



Terdapat **22 buah pangkalan nelayan** di WP Labuan. Pangkalan ini berfungsi sebagai pusat pengumpulan hasil laut untuk dieksport dan dijual kepada pembekal mahupun penduduk sekitar kawasan tersebut.

22 PANGKALAN NELAYAN

1. Pangkalan Patau-Patau 1
2. Pangkalan Patau-Patau 2
3. Pangkalan Rancha-Rancha
4. Pangkalan Sungai Keling
5. Pangkalan Bebuloh 1
6. Pangkalan Sungai Lada
7. Pangkalan Kiansam
8. Pangkalan Belukut
9. Pangkalan Sungai Buton
10. Pangkalan Saguking
11. Pangkalan Kampung Muslim/Pulau Daat
12. Pangkalan Sungai Miri
13. Pangkalan Layang-Layangan
14. Pangkalan Tanjung Aru
15. Pangkalan Pohon Batu
16. Pangkalan Sungai Labu
17. Pangkalan Sungai Miri
18. Pangkalan Lubuk Temiang
19. Pangkalan Nagalang
20. Pangkalan Kompleks Labuan
21. Pangkalan Batu Arang
22. Pangkalan Batu Manikar

c. Program Pengurusan Perikanan di WP Labuan

MyKomuniti Perikanan@my KP

OBJEKTIF UTAMA

1. Pengurusan sumber perikanan dan pemuliharaan alam sekitar
2. Pembangunan ekonomi dan rakan strategik
3. Pemantauan dan Komunikasi
4. Pemerkasaan Wanita dan Belia Perikanan

KAMPUNG MYKOMUNITI PERIKANAN

6 KAMPUNG

1. Kampung Pohon Batu
2. Kampung Patau-Patau 2
3. Kampung Bebuloh
4. Kampung Muslim
5. Kampung Lubuk Temiang 1
6. Kampung Lubuk Temiang 2

2 PENGUSAHA TUNA

1. Pengusaha Tuna (Enjin Sangkut)
2. Pengusaha Tuna (Enjin Dalam)

Sumber: Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan.

d. Kawasan Larangan Perikanan

i. Definisi Kawasan Larangan Perikanan

"Berdasarkan peraturan-peraturan perikanan 1994, **Tertakluk kepada peraturan 3, telah dinyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membunuh atau menangkap apa-apa ikan di dalam kawasan perikanan** melainkan jika dia memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 11 Akta menyatakan tempat yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual sebagai pangkalan perikanan. "

Sumber: Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan, 2020.

Berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Jabatan Perikanan WP Labuan, terdapat beberapa kawasan larangan perikanan yang terletak di perairan lautan kawasan kajian:

KAWASAN LARANGAN PERIKANAN


Taman Laut WP Labuan

- Kawasan 1 batu nautika sekitar Taman Laut Labuan meliputi:
  - **Pulau Kuraman**
  - **Pulau Rusukan Kecik**
  - **Pulau Rusukan Besar**
- Had pelabuhan bagi Pelabuhan Labuan dan laluan trafik kapal dagang, feri dan roro.
- 500 meter radius daripada sebarang struktur minyak dan gas atau pelantar minyak.
- Empangan air bawah Jabatan Air WP Labuan iaitu:
  - **Empangan Air Sungai Pagar**
  - **Empangan Air Bukit Kuda**
  - **Empangan Air Karupang**

Jabatan Perikanan WP Labuan juga telah menyenaraikan beberapa kawasan pengezonan penangkapan ikan di kawasan kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 12.9.

Rajah 12.9 : Pengezonan Perairan Perikanan

PENGEZONAN PERAIRAN PERIKANAN



Sumber: Jabatan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan, 2020.

Lokasi aktiviti perikanan terbahagi kepada beberapa zon iaitu zon A, B, C, C2 dan C3. Pembahagian zon ini digariskan bagi melindungi dan memulihara sumber perikanan laut termasuk ekosistem marin dan persisiran pantai secara sistematik dan mengelakkan kemerosotan sumber perikanan kepada komuniti nelayan.

Majoriti penduduk di WP Labuan dengan jumlah sebanyak 362 nelayan melakukan aktiviti perikanan di Zon A dengan menggunakan peralatan tradisional seperti pukat jerut bilis untuk menangkap ikan. Dikenalpasti juga terdapat 283 vessel digunakan bagi tujuan penangkapan ikan di Zon A.



12.3 Isu dan Prospek

Terdapat beberapa isu dan penemuan semasa bagi sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Isu dan penemuan ini adalah diperolehi semasa proses pelaksanaan kajian analisis kesediaan tanah dan kelas tanah yang bersesuaian di WP Labuan.

i. Labuan tidak mempunyai tanah pertanian Kelas 1 dan 2 (Hanya terdapat kelas 3 hingga 5).

ii. Keluasan semasa guna tanah bagi aktiviti pertanian adalah rendah (105.27 hektar atau 1.02 peratus).

iii. WP Labuan tidak mempunyai Kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan yang mampu menampung permintaan bahan mentah di Labuan.

iv. Berdasarkan sumber jabatan pertanian, tahap kebergantungan bahan mentah WP Labuan kepada Kawasan luar adalah tinggi menjadikan kadar peratusan import WP Labuan ialah 70% dan pengeluaran tempatan adalah 30%.

v. WP Labuan merupakan sebuah pulau dan berpotensi bagi aktiviti perikanan laut dalam (Status semasa nelayan laut dalam rendah – Zon C3 19 Nelayan dan 2 Vesel manakala Zon C2 21 Nelayan dan 9 Vesel, selebihnya 362 Nelayan dan 283 vessel adalah Zon A)

12.4 Cadangan Am

i. Mewujudkan kawasan projek *Agrofood Park* (Projek Taman Agromakanan atau Kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan)
Mewujudkan kawasan projek Agrofood Park sekurang-kurangnya 40 hektar di WP Labuan dengan memberikan tumpuan kepada tanaman sayuran. Ini akan memberi jaminan "*Food Security*" kepada bekalan makanan di WP Labuan.

ii. Pembangunan *Urban Farming* dan *Mix Farming*
Menggalakkan Konsep *Urban Farming dan Mixed Farming* untuk dijalankan seperti Tanam keliling rumah (individu) dan Kebun komuniti. Pembangunan ini boleh dilaksanakan melalui Kerjasama MPKK, NGO / persatuan serta institusi dan pengusaha pertanian.

iii. Penggunaan teknologi pertanian moden dalam sektor pertanian
Menggalakkan pertanian moden seperti Teknologi Fertigasi / NFT / Hidroponik / *Plant Factory* / Kilang Tanaman.

iv. Vertical Farming
Labuan merupakan sebuah pulau dan digalakkan untuk membangunkan pertanian secara vertikal yang mampu mengurangkan penggunaan tanah atau memudahkan pengurusan.


v. Pembangunan Agropreneur Muda
Memperkasakan usaha menarik penglibatan golongan muda dalam pertanian

vi. Pengukuhan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk
Meningkatkan dan menggiatkan lagi aktiviti pengeluaran dan promosi bagi membantu usahawan bagi produk industri asas tani.

vii. Penanaman tanaman bernilai tinggi
Menggalakkan penanaman kepada tanaman yang memberi pulangan yang tinggi seperti Durian.

viii. Menyediakan kemudahan perikanan yang menyokong kepada aktiviti perikanan laut dalam seperti menambah jeti pendaratan ikan laut dalam.

ix. Membangunkan *tube well* sebagai sumber pengairan alternatif tanaman di WP Labuan terutamanya sebagai persediaan musim kemarau panjang yang sering berlaku di WP Labuan.


PEARL OF BORNEO

BAB

13



Pelancongan



Taman Awam Pantai Tanjung Purun



Pantai Tanjung Aru

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pelancongan

Kajian sektor pelancongan bagi WP Labuan memfokuskan kepada empat (4) skop utama iaitu penawaran dan pembangunan produk pelancongan, tren pasaran pelancong, kemudahan sokongan pelancongan serta pengurusan destinasi pelancongan yang meliputi pemasaran dan promosi. Tinjauan kepada penawaran, pembangunan serta pengurusan produk, aktiviti dan perkhidmatan sedia ada dan berpotensi adalah penting bagi melihat kesediaan dan peluang industri pelancongan sebagai penjana ekonomi Labuan. Labuan yang kaya dengan sumberjaya warisan dan budaya, alam semulajadi, serta pemandangan yang menarik memberi potensi yang besar kepada sektor pelancongan. Olahan isu dan potensi dari perspektif pelancongan juga turut dikenalpasti dan diterjemah daripada penemuan kajian. Beberapa cadangan awal bagi pembangunan pelancongan di WP Labuan turut disediakan bagi mengolah strategi dan halatuju pembangunan pelancongan di Labuan pada masa akan datang.

13.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor pelancongan melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor pelancongan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 13.1 hingga 13.8.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 13.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pelancongan.

Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat		
Bidang Keutamaan	**Strategi**	**Pencapaian**
B : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat	B5: Menggalakkan Nilai Murni dan Gaya Hidup Aktif	- Dasar ini sangat relevan memandangkan pelancongan menjadi sumber ekonomi sokongan WP Labuan yang menggalakkan nilai murni antara komuniti melalui program gotong-royong *(volunteerism),* acara dan festival - Dasar ini sangat relevan dengan memperkukuhkan kesediaan dan penyertaan golongan belia di dalam program pelancongan sukan dan rekreasi lasak serta penglibatan wanita di dalam program homestay di WP Labuan. Candangan di dalam Rancangan Tempatan Labuan akan mengambilkira serta memperbanyakkan program kepimpinan serta penggalakkan gaya hidup aktif antara komuniti melalui aktiviti pelancongan.
Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi		
Bidang Keutamaan	**Strategi**	**Pencapaian**
A : Memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur	A1 : Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti	- Dasar ini tercapai terutamanya melalui perkembangan ekonomi pelancongan eko dan warisan, acara serta produktiviti baru seperti pelancongan agro yang berasaskan perikanan dan sumber laut di WP Labuan.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 13.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pelancongan.

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 1 : Pertumbuhan bandar yang seimbang	PD 1.1 : Memperkukuhkan kawasan pertumbuhan	- Dasar ini relevan terutamanya bagi menilai semula hub perkhidmatan sokongan bagi industri pelancongan, Zon Pembangunan dan Pusat Katalis kemudahan sokongan pelancongan di WP Labuan.
	PD 1.2 : Mempertingkatkan daya saing bandar.	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya di mana kemudahan sokongan pelancongan tertumpu di Bandar Labuan.
	PD 1.3 : Memperkukuhkan sektor perkhidmatan.	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya di mana WP Labuan perlu meningkatkan aktiviti nilai tambah pelancongan terutama kemudahan penginapan yang lebih berkualiti serta aktiviti pelancongan yang bernilai tinggi *(High-End tourism)*
Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KI 1 : Persekitaran Kehidupan lengkap dan berkualiti.	KI 1.3 : Meningkatkan dan memudahkan akses kepada ruang pekerjaan dan ekonomi.	- Dasar ini tercapai dengan pelbagai peluang keusahawanan dalam bidang agro-pelancongan serta masih relevan dikekalkan bagi menggalakkan keusahawanan dan peluang pekerjaan terutama kepada golongan belia di dalam sektor pelancongan.
KI 2 : Persekitaran komuniti berdaya huni	KI 2.2 : Memperkukuhkan kepentingan budaya dan warisan.	- Dasar ini sangat relevan dan tercapai terutama melalui potensi kawasan geo-tapak dan geo-warisan yang dinilai di peringkat antarabangsa seperti UNESCO.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 13.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pelancongan.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.6 : Peningkatan gaya hidup sihat dan rendah karbon	2.6.1 : Pengukuhan kawasan bandar sebagai pusat riadah dan rekreasi	Dasar ini tercapai dengan pengukuhan Bandar Labuan sebagai pusat perkhidmatan pelancong dan relevan dikekalkan untuk meningkatkan aktiviti rekreasi rendah karbon dan dimajukan sebagai aktiviti rekreasi pelancongan seperti *walking and cycling trail.*
	2.6.2 : *Foot Mile* yang rendah di setiap bandar bagi mengurangkan *Carbon Footprint*	Dasar ini relevan dikekalkan bagi memastikan penyediaan kemudahan bagi laluan *(trail)* pelancongan yang rendah karbon.
Prinsip 3 : Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3.1 : Peningkatan daya saing dan kepadatan ekonomi bandar	3.1.1 : Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar.	Dasar ini tercapai dengan pengukuhan Bandar Labuan sebagai pusat tumpuan ekonomi tempatan terutama penginapan serta menawarkan peluang ekonomi yang lebih baik sebagai Bandar Bebas Cukai yang menarik minat pelancong.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030)

Jadual 13.4: Penilaian Pencapaian Dasar DPF Desa Negara 2030 Berkaitan Sektor Pelancongan.

Teras 1: Pengurusan Mampan Alam Sekitar Desa		
Dasar	Strategi	Pencapaian
AD 1 : Penjagaan KSAS Dan Biodiversiti Desa	AD 1.3 : Memartabatkan khazanah dan keindahan warisan alam semula jadi	Dasar ini tercapai dengan pengekalan Sungai Kinabenuwa dan Taman Laut Labuan sebagai kawasan pelancongan eko terkawal dan sangat relevan dikekalkan bagi pemeliharaan sumberjaya warisan alam semulajadi.
Teras 3: Pengukuhan Daya Huni Desa		
Dasar	Strategi	Pencapaian
DD 2 : Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Desa	DD2.3: Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang warisan budaya	Dasar ini belum tercapai memandangkan kesedaran masyarakat terhadap sumber warisan untuk dipelihara dan dipulihara sangat rendah. Namun, pelbagai program kesedaran telah dilaksanakan bersama-sama pelancong dan komuniti.
	DD2.4: Memartabatkan warisan kebangsaan orang hidup	Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk produk pelancongan baharu yang terdapat di WP Labuan seperti penilaian UNESCO bagi Geowarisan dan Geotapak
Teras 4: Memperkasa Ekonomi Desa		
Dasar	Strategi	Pencapaian
ED 1 : Menstruktur Semula Ekonomi Desa	ED1.1: Mempelbagaikan aktiviti ekonomi berdasarkan kelebihan dan keperluan setempat.	Dasar ini telah tercapai melalui penubuhan Labuan Tourism dan beberapa projek seperti perkampungan homestay berdaftar dilaksanakan.
ED 2 : Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Desa	ED2.1: Memajukan Kluster Ekonomi Desa	Pembentukan kluster pelancongan serta penyediaan pakej yang bersepadu bagi memastikan semua produk ekonomi desa mendapat limpahan daripada laluan pelancongan.
	ED2.2: Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa	Dasar ini masih relevan untuk meningkatkan daya keupayaan komuniti desa dalam bidang keusahawanan terutama di dalam program homestay.
ED 3 : Pengukuhan Rantaian Nilai *(Value-chain)* Ekonomi Desa	ED3.3: Membudayakan penggunaan produk desa di kalangan masyarakat umum	Dasar ini masih belum dicapai disebabkan kekurangan dari segi pemasaran dan promosi produk tempatan kepada pelancong luar serta ia sangat relevan bagi mengukuhkan rantaian nilai desa dan bandar.

Sumber : Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030) & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. *National Tourism Policy 2020 – 2030*

Jadual 13.5: Penilaian Pencapaian *National Tourism Policy 2020 – 2030* Berkaitan Sektor Pelancongan.

Transformation Strategies		
Strategi	Tindakan Strategi	Pencapaian
01 : *Strengthen governance capacity* (Mengukuhkan Kapasiti Pengurusan / Pentadbiran)	SA 1 : *Strengthen high level coordination to drive the implementation of the National Tourism Policy*	- Dasar ini tercapai dengan penubuhan Tourism Labuan serta melalui penubuhan Sabah-Sarawak-Brunei-Labuan Joint *Tourism Commitee* di bawah BIMP-EAGA. Pengukuhkan kordinasi sangat relevan bagi memastikan kerjasama bersepadu antara wilayah.
02 : *Create special tourism investment zones* (Membentuk Zon Pelaburan Pelancongan Istimewa)	SA 1 : *Spearhead tourism innovation through Public-Private Partnerships (PPP)* SA 2 : *Create a pro investment environment through targeted business facilitation*	- Dasar ini sangat relevan dengan pembentukan Zon Pelaburan Pelancongan yang khusus di WP Labuan bagi menggalakkan kerjasama PPP.
03 : *Embrace smart tourism* (Membudayakan 'Smart Tourism')	SA 1 : *Optimise e-marketing through smart partnerships between the government and the tourism industry* SA 2 : *Embrace but regulate the Sharing Economy to encourage innovation* SA 3 : *Advance the use of Big Data Analytics in tourism planning and management*	- Dasar ini sangat relevan terutama dengan membudayakan *'Smart Tourism'* bagi fasa pemulihan pasca COVID-19 yang banyak memberi perubahan kepada pelancongan. - Potensi WP sebagai pusat ekonomi wilayah mampu menggalakkan inovasi di dalam ekonomi pengunjung bagi meningkatkan rantaian nilai pelancongan terutama di Bandar Labuan.
04 : *Enhance demand sophistication* (Meningkatkan Tren Permintaan)	SA 1 : *Undertaking rigorous and sophisticated tourism analytics* SA 2 : *Understand and cater to customized travel demand* SA 3 : *Leverage on international designations as part of destination branding*	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya terutama dalam menarik segmen pasaran khusus seperti MICE, program rumah kedua (Malaysia My 2nd Home), Kesihatan dan lain-lain. - Posisi Labuan di peringkat wilayah dan antarabangsa perlu dioptimumkan bagi penjenamaan Labuan sebagai *'Pearl of Borneo'.*
05 : *Practice sustainable and responsible tourism* (Menjalani Pelancongan Mampan dan Bertanggungjawab)	SA 1 : *Champion responsible tourism especially at environmentally fragile areas* SA 2 : *Manage the development of tourism islands in synergy with conservation*	- Dasar ini telah tercapai melalui pembentukan Taman Laut Labuan di mana pelancongan disinergikan dengan aktiviti konservasi. Malah, melalui pewartaan Taman Geo UNESCO akan memastikan pelancongan yang lebih mampan.
06 : *Upskill human capital* (Meningkatkan Kemahiran Sumber Manusia)	SA 1 : *Improve the quality of tourism education and the credibility of the profession* SA 2 : *Value add Smart Tourism content in education and training* SA 3 : *Entice youths fresh ideas and new skill sets into the tourism profession* SA 4 : *Enhance professionalism through specialized training*	- Dasar ini sangat relevan dalam memastikan Labuan dapat menyediakan tempat latihan dan pendidikan bagi usahawan pelancongan belia, profesion pelancongan yang khusus sesuai dengan kemahiran serta menggalakkan pelancongan pendidikan.

Sumber : *National Tourism Policy 2020 – 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. *National Ecotourism Plan 2016 – 2025*

Jadual 13.6: Penilaian Pencapaian *National Ecotourism Plan 2016 – 2025* Berkaitan Sektor Pelancongan.

Focus Areas		
Dasar	Strategi	Pencapaian
01 *Investments In Ecotourism*	*IV -1* *Creating a pro-business environment for international and local investors based on transparency and high service delivery*	- Dasar ini sangat dikekalkan untuk mewujudkan saluran komunikasi yang jelas antara agensi berkaitan pelaburan persekutuan dan negeri terutama di dalam kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan pelaburan pelancongan.
	IV -2 *Attracting ecotourism investors by promoting and emphasising the uniqueness, strengths and development opportunities of Malaysia's ecotourism sites*	- Dasar ini sangat relevan bagi penambahbaikan kawasan ekopelancongan dan pengukuhan sinergi bagi mengalakkan peluang pelaburan dan konsesi kepada operator tempatan.
	IV -3 *Refining existing investment facilitation programmes comprising fiscal incentives, one-off grants and micro credit facilities specific to the needs of ecotourism operators*	- Dasar ini sangat relevan namun tidak tercapai sepenuhnya bagi meningkatkan keusahawanan dalam ekopelancongan terutama penyediaan konsesi dan peluang mendapatkan geran pinjaman kepada operator.
02 *Tourism Concessions In Ecotourism Sites*	*TC -1* *Introducing a protocol for ecotourism concessions that enhances the quality of the tourist experience in national parks as well as ensure sustainable financing*	- Dasar ini belum tercapai secara menyeluruh kerana terdapat beberapa konsesi berbentuk kewangan telah diberikan kepada pengurus produk Pelancongan namun tidak diperkukuhkan.
	TC -2 *Building capacity for engaging in commercial and community partnerships*	- Dasar ini masih relevan dikekalkan untuk peningkatan pembangunan kapasiti komuniti terhadap sektor pelancongan.
03 *Synergy Between Ecotourism & Conservation*	*SY -1* *Enhancing the role and effectiveness of the national ecotourism committee*	- Dasar ini telah tercapai melalui penubuhan *Sabah-Sarawak-Labuan Joint Tourism Comittee.*
	SY -2 *Establishing a Malaysian community based ecotourism network to improve representation and share best practice*	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya namun relevan melalui pengukuhan 3 homestay yang dibentuk supaya membentuk jaringan CBT yang lebih baik.
	SY -3 *Consolidating research through the reestablishment of educational research centres in selected national parks*	- Fungsi Taman Laut dalam mengalakkan aktiviti penyelidikan dan pendidikan di Kawasan Taman Laut Labuan.
	SY -4 *Developing and showcasing keystone ecotourism sites as excellent models of synergy between ecotourism and conservation*	- Pembentukan kluster pelancongan serta mengenalpasti produk *key-stone* membantu dalam pengurusan ekopelancongan dan konservasi di WP Labuan.

Sumber : *National Ecotourism Plan 2016 – 2025* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 13.6: Penilaian Pencapaian *National Ecotourism Plan 2016 – 2025* Berkaitan Sektor Pelancongan (samb.1)

Focus Areas		
Dasar	Strategi	Pencapaian
03 *Synergy Between Ecotourism & Conservation*	*SY -5* *Repositioning marine protected areas in Malaysia as ecotourism destinations that champion the conservation and management of marine and terrestrial resources for the enjoyment of tourists in a responsible manner while enhancing the well being of the local community*	- Dasar ini sangat relevan dikekalkan untuk mengekalkan konservasi dan pelindungan hidupan laut di WP Labuan, namun perlu diperkukuhkan bagi imej Labuan secara tidak langsung.
	SY -6 *Scaling up ecotourism through world class guiding and interpretation*	- Dasar ini tercapai dengan pembangunan pusat interpretasi eko-warisan namun, perlu diperkukuhkan dengan kelayakan pemandu pelancong yang bertaraf antarabangsa.
	SY -7 *Scaling up homestays as staging points to ecotourism sites*	- Beberapa kawasan kampung perlu dikenalpasti dijadikan sebagai produk pelancongan desa dan warisan bagi memastikan dapat menerima limpahan dari laluan pelancong sedia ada.
04 *Ecotourism Marketing*	*EM -1* *Leveraging on mainstream tourist flows by highlighting soft ecotourism and urban ecotourism products with easy access from major cities*	- Dasar ini tidak tercapai dengan pemasaran tempat pelancongan eko-warisan yang disepadukan dengan laluan utama pelancong.
	EM -2 *Marketing and promoting activity driven, eco-adventure activities to the gen y, youth associations, school and university groups, and urban families*	- Promosi dan pemasaran produk Pelancongan dijalankan secara digital dan konvensional dan perincian produk dikemaskini bermula pada tahun 2019 melalui media sosial dan buku program.
	EM -3 *Celebrating and rewarding innovations in ecotourism products and services though awards*	- Memartabatkan WP Labuan sebagai Taman Geo (Geo Park) yang diiktiraf oleh UNESCO akan memberi kesan yang tinggi kepada pemasaran pelancongan WP Labuan.
	EM -4 *Identifying measures of ecotourism activity including data on visitors and visitor management issues in protected areas.*	- Dasar ini tidak tercapai kerana masih banyak data-data pengunjung dan pelancong yang tidak dikemaskini di dalam rekod destinasi pelancongan.
	EM -5 *Organising annual national ecotourism seminars as a platform to share experiences and best practice*	- Dasar ini relevan dalam menjadikan WP Labuan sebagai destinasi pelancongan eko antarabangsa dan hos kepada acara MICE.
05 *Ecotourism Clusters (Product Development)*	*EC -1* *Designing ecotourism clusters and themed circuits by networking public sector, industry and community players*	- Dasar ini masih relevan dikekalkan dan pembentukan kluster pelancongan bagi memudahkan pengurusan pelancongan di WP Labuan dan pembentukan laluan *(trail)* yang bertema.

Sumber : Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016 – 2025 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vii. Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 13.7: Penilaian Pencapaian Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pelancongan.

Teras 1: Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Strategi	Pencapaian
Dasar Am: E4 - Keupayaan sektor pelancongan dipertingkatkan bagi menarik kemasukan pelancong Domestik dan Antarabangsa	E4 – CA1 Keupayaan sektor pelancongan dipertingkatkan bagi menarik kemasukan pelancong Domestik dan Antarabangsa	- Dasar ini telah dilaksanakan melalui pemasaran secara besar-besaran bermula pada tahun 2019 terutama di pintu-pintu masuk utama pelancong. - Pemasaran digital yang terurus dan menarik telah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat.
	E4 – CA2 Menyediakan penginapan pelbagai taraf bagi memenuhi keperluan pelancong dalam dan luar negara serta pengunjung	- Terdapat pelbagai jenis penginapan seperti hotel berdaftar, homestay berdaftar, premis penginapan, chalet dan sebagainya disediakan oleh persendirian, namun kualiti penarafan bintang masih rendah.
	E4 – CA3 Meningkatkan penglibatan usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancong tempatan.	- Dasar ini telah dilaksanakan di mana terdapat lebih dari 200 orang usahawan kecil sebagai operator pelancongan, produk makanan, iks dan peniaga bebas cukai yang menyokong ekonomi tempatan dan pelancongan. - terdapat Pusat Transformasi Produk Tempatan yang menjadi platform perniagaan produk tempatan. - Kegunaan pasar besar di UTC Labuan juga telah menjadi tempat penjualan produk tempatan kepada pelancong.
	E4 – CA4 Menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor awam dan swasta dalam memajukan produk pelancongan.	- Dasar ini telah dicapai dimana sektor awam dan swasta telah bekerjasama di dalam pengurusan dan penjagaan produk pelancongan di Labuan.
	E4 – C5 Mempromosi Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan dan mengadakan persidangan, pesta, karnival atau pameran.	- Dasar ini telah dilaksanakan dan diambil kira dengan pelbagai acara dirancang oleh agensi – agensi kerajaan dan swasta pada peringkat tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan kedatangan pelancong. Namun perlu digiatkan bagi pilihan MICE.
	E4 – CA6 Menyediakan kemudahan penginapan alternatif dalam bentuk homestay yang boleh menambah pendapatan masyarakat tempatan	- Dasar ini telah diambil kira melalui 3 homestay berdaftar yang menyediakan pakej aktiviti – aktiviti dilaksanakan oleh orang tempatan dengan bantuan daripada agensi-agensi yang terlibat.
	E4 – CA7 Menyediakan dan menaiktaraf sistem perhubungan dan kemudahan infrastruktur yang perlu bagi menyokong produk-produk pelancong.	- Dasar ini telah dilaksanakan secara menyeluruh namun terdapat kekurangan dari segi penyelenggaraan seperti papan tanda, papan interpretasi, dan kemudahan awam yang lain.
	E4 – CA8 Memperkenal dan mempromosi kalender tahunan pelancongan Pulau Labuan yang padat dengan informasi dan aktiviti pelancongan yang dirancang.	- Dasar ini telah dilaksanakan secara menyeluruh bermula tahun 2019, malah lebih banyak acara dirancang bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Sumber : Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

viii. *Labuan Development Blueprint* 2030

Jadual 13.8: Penilaian Pencapaian *Labuan Development Blueprint 2030* Berkaitan Sektor Pelancongan.

The Growth Driver		
Dasar	Strategi	Pencapaian
3 : Tourism	*ST - T1 : Develop Labuan regional tourism cluster*	- Dasar ini telah dilaksanakan namun masih belum tercapai sepenuh dari segi pembentukan kluster pelancongan wilayah.
	ST – T2 : Develop, upgrade and package tourism products based on tourist island approach	- Dasar ini telah dilaksanakan dengan pembangunan pakej pelancongan sejarah, pulau, serta pakej bersama Sabah, Sarawak, dan Brunei namun masih boleh diperkukuhkan.
	ST – T3 : Improve Connectivity and Travelling Experience	- Dasar ini sangat relevan dan masih belum tercapai dengan memaksimumkan laluan pelancong serta memastikan pengalaman pelancong lebih tinggi melalui rantaian laluan yang pelbagai.
	ST – T4 : Promote And Brand Labuan As A Tourist Island	- Dasar ini tertumpu kepada kawasan persisiran pantai dan pulau di WP Labuan namun masih terdapat kawasan yang belum dibangunkan, di mana potensi dalam pembangunan pesisiran pantai adalah tinggi.
The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
6 : Governance	*ST – G5 : Branding And Promote Labuan, Sabah And Sarawak Region*	- Dasar ini masih relevan dikekalkan bagi penambahbaikan dan memperluaskan pemasaran dan promosi pelancongan di WP Labuan melalui penubuhan Sabah-Sarawak-Labuan-Brunei *Joint Tourism Commitee* di bawah BIMP-EAGA.

Sumber : *Labuan Development Blueprint 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

13.2 Penemuan Semasa

Penemuan Semasa dibahagikan kepada empat (4) komponen penilaian serta mengambilkira penilaian dasar-dasar semasa yang berkaitan terutama di peringkat nasional dan tempatan.

Penawaran Produk Pelancongan:
- Kategori, Kuantiti, dan Lokasi taburan

Pasaran Pelancong:
- Permintaan dan segmen pelancong

Kemudahan Sokongan Pelancongan:
- Penginapan, Kemudahan Asas dan Perkhidmatan Pelancongan

Pengurusan Destinasi:
- Pintu masuk pelancong dan laluan, Pemasaran dan Promosi, trail dan pakej

Penilaian audit kualiti produk pelancongan serta kemudahan disediakan dan kajiselidik pelancong dilaksanakan bagi menilai tren dan permintaan pelancong ke Labuan secara keseluruhan.


13.2.1 Pelancongan di Labuan dalam Konteks Wilayah

Kedudukan WP Labuan yang strategik mampu membuka peluang dalam meningkatkan ekonomi pelancongan kepada wilayah itu kerana Labuan dihubungkan dengan negeri dan negara bersebelahan seperti Sarawak, Sabah dan Brunei (Rujuk Rajah 13.1). Namun, sistem jaringan serta perkhidmatan kemudahan awam yang tidak meluas memberi halangan kepada kemasukan pelancongan secara terus (direct) dari negara mereka.

Kedudukan pulau Labuan yang berhampiran dengan Sabah, Sarawak dan Brunei telah mewujudkan satu lingkaran dan integrasi antara pembangunan pelancongan. Dalam konteks wilayah, Labuan berperanan sebagai:



Rajah 13.1: Kedudukan WP Labuan dalam konteks Wilayah



Sumber: *Sabah Tourism Masterplan, IDS (2011-2025)*

13.2.2 Pembangunan Produk

a) Kategori Produk Pelancongan


Labuan merupakan destinasi pelancongan yang terkenal dengan keindahan pulau dan pantai serta aktiviti menyelam di kawasan kapal karam. Selain itu, Labuan juga kaya dengan peninggalan warisan dan sejarah perang dunia kedua yang unik dan menarik.

Selain daripada itu, peranan Labuan sebagai pulau bebas cukai juga telah menarik pelancong terutamanya daripada Sabah, Sarawak dan Brunei untuk membeli –belah di Labuan.


Secara amnya, terdapat 74 produk Pelancongan di Labuan yang boleh dibahagikan kepada 9 kategori (Rujuk Rajah 13.2 dan Rajah 13.3).



Rajah 13.2: Kategori Produk Pelancongan Mengikut Hierarki.



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 13.3
TABURAN PRODUK PELANCONGAN DI WP LABUAN



Makanan

1. Anjung Ikan Bakar
2. Anjung Ketam
3. Anjung Ketam Nagalang
4. Restoran Ikan Mawilla
5. Restoran Sri Tuna (Ikan Bakar)
6. Restoran Mr. Crab Seafood
7. Restoran Seri Lada
8. Sunset Cafe Layang – Layangan
9. Mortar Cafe
10. Restoran Warisan Kari Kepala Ikan
11. Restoran Deep Sea Raff
12. Medan Selera Labuan

Rekreasi & Golf

1. Kelab Golf Antarabangsa Labuan
2. Kelab Golf Labuan
3. Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan
4. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
5. Dataran Labuan
6. Labuan Marina
7. Sungai Kina Benua
8. Taman Burung
9. Taman Botanika
10. Kompleks Sukan Labuan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

Terdapat 75 produk pelancongan yang bervariasi di mana berdasarkan kepada tarikan yang telah dipopularkan dan dipromosikan oleh pihak kerajaan dan swasta dan Jadual 13.9 menunjukkan senarai produk-produk pelancongan mengikut kategori. Sebanyak lebih kurang 30% daripada produk pelancongan ini adalah di bawah pemilikan swasta.

Jadual 13.9: Senarai Produk Pelancongan Di WP Labuan Mengikut Kategori

Kategori	Produk Pelancongan
Pulau	1. Pulau Kuraman 2. Pulau Rusukan Besar 3. Pulau Rusukan Kecil 4. Pulau Papan 5. Pulau Daat 6. Pulau Layang-layang (Batu Ular) 7. Blue Water Wreck 8. Cement Wreck 9. American Wreck 10. Australian Wreck 11. Pemanggil Wreck
Pantai	1. Pantai Sungai Pagar 2. Pantai Sungai Miri 3. Pantai Layang-layangan 4. Pantai Pancur Hitam 5. Pantai Pohon Batu 6. Pantai Batu Manikar 7. Pantai Tanjung Purun
Warisan	1. Chimney 2. Tugu Penyerahan Jepun 3. Taman Damai 4. Memorial Perang Dunia ke-2 5. Monumen COBSEA 6. Muzium Negeri Labuan 7. Muzium Marin Labuan 8. Replika Menara Jam 9. Perkuburan British Alice 10. Gedung Ubat 11. Terowog Arang Batu (Terowong Gantang)
Rekreasi & Golf	1. Kelab Golf Antarabangsa Labuan 2. Kelab Golf Labuan 3. Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan 4. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan 5. Dataran Labuan 6. Labuan Marina 7. Sungai Kinabenuwa 8. Taman Burung 9. Taman Botanika 10. Kompleks Sukan Labuan
M.I.C.E	1. Ujana Kewangan 2. Dorsett Grand Labuan 3. Palm Beach Resort & Spa 4. Tiara Resort Labuan
Beli - Belah	1. Pasar Besar UTC Labuan 2. Kedai – kedai bebas cukai 3. Kompleks Ujana Kewangan
Agro	1. Perusahaan Ikan Kering dan Ikan Bilis 2. Kilang Sate Tuna 3. Kilang Ikan Tuna Tepung 4. Keropok Ikan Parang Labuan 5. Sambal Ikan Bilis Labuan 6. Labuan Greenhouse Farm
Makanan	1. Anjung Ikan Bakar 2. Anjung Ketam 3. Anjung Ketam Nagalang 4. Restoran Ikan Mawilla 5. Restoran Sri Tuna (Ikan Bakar) 6. Restoran Mr. Crab Seafood 7. Restoran Seri Lada 8. Sunset Café Layang – Layangan 9. Mortar Café 10. Restoran Warisan Kari Kepala Ikan 11. Restoran Deep Sea Raff 12. Medan Selera Labuan
Seni & Budaya	1. Kampung Air Patau Patau 2 2. Kampung Patau Patau 1 3. Kampung Rancha Rancha Laut 4. Kampung Bebuloh Laut 5. Kampung Bukit Kuda 6. Kampung Sungai Labu 7. Kampung Layang-Layangan 8. Kampung Batu Manikar 9. Tokong Ba Xian Miao 10. Church Of The Blessed Sacrament 11. Masjid Jamek An-Nur 12. Laluan Mural

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.


Chimney




Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

b) Penilaian Audit Produk Pelancongan

Rajah 13.4 menunjukan Penilaian Inventori Produk Pelancongan WP Labuan yang telah dijalankan bagi menganalisis kualiti dan tahap produk pelancongan. Berdasarkan penilaian ini, sebanyak 15 produk pelancongan (20%) telah disenaraikan bertaraf antarabangsa manakala sebanyak 60 produk (80%) masih bertaraf domestik. Namun begitu, melalui pelbagai aktiviti serta peningkatan kemudahan yang sedang dilaksanakan semasa penilaian ini dijalankan, menunjukkan peningkatan kualiti yang memberangsangkan bagi persediaan pembukaan semula industri pelancongan apabila gelombang pelancongan diperkenalkan bagi



Rajah 13.4 : Penilaian Inventori Produk Pelancongan WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

c) Acara Pelancongan

Kedudukan geografi dan keistimewaan WP Labuan menjadikannya sesuai bagi penganjuran acara dan festival untuk menarik pelancong pelancong antarabangsa datang ke Labuan. Setiap tahun, acara dan aktiviti pelancongan pada peringkat tempatan dan antarabangsa telah disenaraikan di dalam kalendar acara/program WP Labuan.

Beberapa acara yang terkenal di WP Labuan adalah seperti mana berikut (Rujuk Jadual 13.10) :



Borneo Art Festival 2019



Sumber: Laman blog https://www.mrjocko.com/2019

Labuan International Sea Challenges 2019



Sumber : Laman web borneotalk.com

Remembrance Day Ceremony



Sumber : Laman Web BorneoTalk

Labuan Air Balloon Shows



Sumber: Laman Web Labuan tourism

Jadual 13.10: Acara Tahunan Utama Bertaraf Antarabangsa

Bil	Acara	Peringkat
1	*Labuan International Golf Tournament*	Labuan International Golf Club
2	*Labuan Air Balloon Shows*	Labuan Big Shows
3	*Borneo Art Festival*	Tourism Malaysia
4	*Labuan International Kites Festival*	Perbadanan Labuan
5	*Labuan International Sea Challenge*	Perbadanan Labuan
6	*Remembrance Day Ceremony*	Perbadanan Labuan

Sumber : Tourism Malaysia, 2020


13.2.3 Pasaran Pelancong

a) Senario Kedatangan Pelancong/Pelawat

Majoriti pelancong dan pelawat yang datang ke Labuan merupakan pengunjung domestik iaitu sebanyak 89%, di mana terdiri daripada kumpulan pelawat samada bagi tujuan melawat saudara mara *(visit friends and relatives)* dan/atau bagi tujuan perniagaan/bekerja sementara *(business)* (Rujuk Rajah 13.5).

Kebanyakan pelancong domestik adalah pelawat/pelancong dari Sabah dan Sarawak kerana faktor kedudukan yang hampir dengan Labuan menjadikan Labuan sebagai pulau percutian hujung minggu yang senang dikunjungi. Selain itu, sebahagian besar pelancong antarabangsa pula datang dari Brunei yang mempunyai akses mudah ke Labuan.

Rajah 13.5: Peratus Kedatangan Pelancong dan Pelawat 2019



Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020

INFO RINGKAS

Definisi :

Pelancong

"Seseorang atau sekumpulan orang yang melakukan perjalanan ke satu atau lebih negara di luar tempat tinggalnya. Seseorang yang tinggal sekurang-kurangnya 1 malam atau 24 jam di tempat yang dilawatinya"

Pelawat

"Orang yg melawat atau pengunjung / pelawat yang tidak bermalam atau lawatannya kurang dari 24 jam di destinasi pelancongan – kebanyakan adalah pelawat harian"


Jumlah kedatangan pelawat dan pelancong didapati meningkat setiap pada setiap tahun dan dijangka akan terus mengalami peningkatan dengan kepelbagaian acara dan aktiviti serta naik taraf produk pelancongan. Ini kerana terdapat beberapa acara baharu di WP Labuan seperti *Labuan Air Balloon Shows, Labuan International Kites Festival 2019* disokong dengan acara-acara pelancongan sedia ada di Labuan.

Terdapat tren penurunan kedatangan pelancong /pelawat bermula dari tahun 2018 hingga 2020 dengan kadar 1.26%. Kajian telah mengenalpasti lebih dari 40% daripada pelancong dan pelawat ke/sekitar WP Labuan adalah terdiri daripada pekerja sementara dan penduduk WP Labuan itu sendiri (Rujuk Rajah 13.6).



- Acara baru di Labuan seperti *Labuan Air Balloon Shows, Labuan International Kites Festival* 2019)
- Penemuan kawasan baru bagi menyelam skuba
- Publisiti media bagi produk pelancongan
- Program kalendar Acara tahunan

Rajah 13.6: Jumlah kedatangan Tahunan Pelawat dan Pelancong ke WP Labuan 2015-2020




Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020

b) Statistik Kedatangan Pelancong

Jumlah kedatangan pelancong di WP Labuan ditakrifkan melalui jumlah pelancong yang menginap di WP Labuan (Rujuk Rajah 13.7). WP Labuan menerima kedatangan pelawat harian melebihi 40% dari Sabah, Sarawak dan Brunei melalui dua (2) mod pengangkutan utama (feri dan kapal terbang).

Rajah 13.7: Kedatangan Bulanan Pelawat dan Pelancong ke WP Labuan 2019



Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020


Jumlah pelancong di WP Labuan adalah seramai 649,747 orang pada tahun 2019 (Rujuk Rajah 13.8). Pecahan pelancong domestik adalah 76% berbanding pelancong antarabangsa 24% (Rujuk Rajah 13.9). Data ini menunjukkan bahawa masih kurang pelancong antarabangsa yang datang melawat ke Labuan.

Rajah 13.8: Peratus Jumlah Pelancong Yang Menginap



Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020

Rajah 13.9: Pecahan Peratusan Jumlah Pelancong Yang Menginap



Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020

c) Segmen Pelancong

Analisis segmen pelancong dijalankan menerusi kajian soal selidik yang dijalankan ke atas pelancong yang pernah melawat dan menginap di Labuan. Sejumlah 500 borang sampel disasarkan berdasarkan 5% dari jumlah kedatangan pelancongan pada 2019 (namun hanya 437 sampel sahaja yang boleh diterima). Berdasarkan soal selidik ini, corak permintaan, aktiviti serta faktor pendorong pelancong domestik dan antarabangsa dapat dikenalpasti.

Kajian soal selidik pelancong telah dijalankan di tapak dan secara atas talian bagi mendapatkan maklumat mengenai segmen pelancong serta permintaan pelancong di WP Labuan. Butiran kajian soal selidik boleh dirujuk pada Rajah 13.10 dan Rajah 13.11.

Rajah 13.10: Butiran Kajian Soal Selidik Pelancong

JUMLAH RESPONDEN	437 responden
TEMPOH KAJIAN	1 Julai 2020 sehingga 30 Ogos 2020
INSTRUMEN KAJIAN	Borang Soal selidik Pelancong (dwi-bahasa)
KAEDAH KAJIAN	1. Atas Talian (online) 2. Bersemuka (tapak)

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 13.11: Segmen Pelancong Domestik dan Antarabangsa

PELANCONG DOMESTIK

Jenis Segmen	Aktiviti
35% **PERSENDIRIAN** Pelawat Harian Perniagaan	• Percutian hujung minggu • Mengisi masa lapang/ Bercuti • Membeli-belah • MICE • Minat Khusus (Golf)
30% **KELUARGA & KAWAN**	• Mengisi masa lapang/ Bercuti • Hari Keluarga • Melawat saudara dan rakan • Pelancongan Pulau/Pantai • Membeli-belah
20% **ORGANISASI** Minyak dan Gas Perniagaan Penyelidik	• MICE • Bekerja dalam masa singkat • Pelancongan Warisan
15% **KUMPULAN** Pelajar Pakej pelancongan	• Lawatan pendidikan • Pelancongan Pulau/Pantai • Pelancongan Seni & Budaya

PELANCONG ANTARABANGSA

Jenis Segmen	Aktiviti
30% **BRUNEI**	• Membeli-belah • Pelawat harian • Percutian hujung minggu • Hiburan
28% **ASIA TENGGARA** Indonesia Filipina Singapura Thailand	• Pelancongan Pulau/ Pantai • Pelajar • Membeli - belah • Pakej pelancongan
27% **NEGARA ASIA** China Korea India Jepun	• Pelajar • Pakej Pelancongan • Pelancongan Seni & Budaya • Pelancongan Pantai
20% **EROPAH, AMERIKA, OCEANIA**	• Pelajar • Pakej Pelancongan • Pelancongan Seni & Budaya • Pelancongan Pulau
5% **TIMUR TENGAH** Arab Saudi	• Mengisi masa lapang/ Bercuti • Pelancongan Seni & Budaya • Keluarga

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

d) Perspektif Pelancong

Sebanyak 31% persepsi pelancong berpendapat bahawa imej kawasan pelancongan di Labuan adalah merujuk kepada pulau bagi aktiviti menyelam 'scuba' dan 'snorkeling', manakala 29% meggambarkan imej Labuan sebagai pulau bebas cukai. Manakala, selebihnya menggambarkan Labuan sebagai pulau yang mempunyai aktiviti sukan air (Rujuk Rajah 13.12).

Selebihnya menggambarkan WP Labuan sebagai pulau yang mempunyai aktiviti sukan air, pulau yang mempunyai peninggalan sejarah yang unik dan menarik dan lain-lain.


Rajah 13.12: Persepsi Pelancong (sebelum lawatan) terhadap imej pelancongan WP Labuan (peratus)



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 13.13 menunjukkan 78% responden bersetuju untuk berkunjung semula ke WP Labuan untuk bercuti, tarikan alam semula jadi yang sangat menarik seperti pantai dan pulau. Pengunjung juga berpendapat bahawa kunjungan ulangan boleh diadakan sekiranya terdapat pelbagai tarikan aktiviti dan acara.


Rajah 13.13: Peratus Bagi Ulangan Lawatan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Perspektif pelancong terhadap pelancongan di WP Labuan juga dapat dilihat dari segi imej WP Labuan daripada pelancong semasa mereka datang ke WP Labuan. Sebahagian besar beranggapan bahawa pelbagai makanan dan produk tempatan boleh didapati di WP Labuan (Rujuk Rajah 13.14).

Rajah 13.14: Peratus Persepsi Pelancong Terhadap Pelancongan Di WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

13.2.4 Pintu Masuk Pelancong *(Tourist Gateway)*

Rajah 13.15 menunjukkan rangkaian perhubungan pintu masuk pelancong ke Labuan sedia ada membuka peluang kepada wilayah itu kerana WP Labuan dihubungkan dengan negeri-negeri bersebelahan seperti Sarawak dan Sabah Selain itu, WP Labuan juga turut dihubungkan dengan negara jiran iaitu Brunei dan Indonesia, menjadikan potensi pelancongan bersempadanan yang baik *(cross-border tourism).*


Buat masa ini, terdapat hanya 2 laluan pintu masuk pelancong ke dalam Labuan iaitu melalui laluan udara dan air (Rujuk Jadual 13.11). Akses yang mudah melalui laluan air membolehkan pelancong untuk datang ke WP Labuan dengan lebih mudah menjadikan WP Labuan sebagai destinasi pelancongan pulau yang unik. Namun begitu, kekurangan kekerapan perkhidmatan samada melalui laut atau udara menjadikan kemasukan pelancong terutama antarabangsa adalah terhad.

Jadual 13.11: Maklumat Pengangkutan ke Labuan

	Laluan Udara	Laluan Air
Terminal	Terminal Feri Antarabangsa Labuan	Lapangan Terbang Labuan
Laluan perjalanan	Labuan (LBU) – Kuala Lumpur (KUL) Labuan (LBU) – Kota Kinabalu (KKB) Labuan (LBU) – Miri (MYY)	Labuan – Muara (Brunei) Labuan – Menumbok Labuan – Kota Kinabalu Labuan – Limbang Labuan – Sipitang
Kekerapan	2 kali sehari (Pagi dan Petang)	3 hingga 4 kali sehari
Pilihan perkhidmatan	Air Asia Malaysia Airlines	Feri Boat laju

Sumber: *Labuan Immigration Department, LDA Holdings, Marine Department, M*ASWings, 2020

Rajah 13.15 Rangkaian Perhubungan Antara Pintu Masuk Ke Labuan



Sumber: Labuan Immigration Department, LDA Holdings, Marine Department, MASWings, 2020

13.2.5 Kemudahan Pelancongan

a) Penginapan

WP Labuan mempunyai beberapa jenis penginapan yang dibangunkan bagi menampung pelancong yang datang. Corak penginapan di Labuan boleh dilihat tertumpu pada kawasan Bandar Labuan kerana lebih banyak kemudahan pelancong berada di kawasan bandar itu.

Berdasarkan analisis purata kedatangan pelancongan dan bilangan bilik yang disediakan, kemudahan penginapan adalah mencukupi (Rujuk Rajah 13.16).

3,531 Purata Pelancong/Hari

1,766 Keperluan Bilik/Malam

Rajah 13.16: Ringkasan maklumat penginapan di WP Labuan 2019

135 Penginapan

53 Premis Penginapan

2,338 Kapasiti bilik

3 Homestay berdaftar

TARAF HOTEL

- 5 ★ 1 hotel
- 4 ★ 1 hotel
- 3 ★ 2 hotel
- 2 ★ 8 hotel
- 1 ★ 9 hotel
- 3 orkid 3 hotel
- 2 orkid 2 hotel
- 1 orkid 1 hotel

27 hotel berdaftar taraf bintang / orkid

26 hotel tiada bintang

Sumber: MOTAC Labuan

Jenis-jenis Penginapan di WP Labuan











Sumber : Laman Web Agoda.com

b) Kemudahan Asas Pelancong

Kemudahan asas pelancong amat penting bagi memastikan kelancaran perjalanan pelancong semasa di WP Labuan (Rujuk Rajah 13.17).

8 Kemudahan Asas Utama dan Perkhidmatan Pelancongan

2 Pusat Informasi Pelancong

1 Perhentian Bas

2 Jeti

11 Institusi Perbankan

8 Pengurup Kewangan

c) Perkhidmatan Pelancongan

Selain kemudahan asas pelancongan, perkhidmatan – perkhidmatan seperti sewaan kereta, agensi pelancongan dan lain-lain juga penting bagi memudahkan pelancong untuk bercuti ke WP Labuan.

17 Agensi Pelancongan

4 Pusat Sewaan Peralatan Menyelam

6 Sewaan Kereta

Bandar Labuan merupakan bandar perkhidmatan bagi pelancong dan terdapat beberapa jenis kemudahan asas seperti yang berikut:

Papan Petunjuk Info Pelancongan



Terminal Feri Antarabangsa Labuan



Airbone Travel Sdn Bhd



Kedai Sewaan Alatan Menyelam




Bas Persiaran Sri Tasek




Kursus Menyelam





TANPA SKALA

BANDAR LABUAN



Rajah 13.17
TABURAN KEMUDAHAN ASAS PELANCONG



Petunjuk:

- Pusat Informasi Pelancong
- Institusi Kewangan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Stesen Bas / Teksi
- Jeti

13.3 Isu dan Prospek

Terdapat beberapa isu dan potensi yang dapat dikenalpasti bagi sektor pelancongan di Labuan. Isu dan potensi tersebut telah dikumpul melalui kajian soal selidik, temubual dan kajian lapangan.

a) Isu


i. Penjenamaan dan Pembangunan Produk Pelancongan yang kurang menonjol di WP Labuan.

WP Labuan cukup terkenal dengan *tagline* **Pearl of Borneo**´ namun pembangunan produk pelancongan sedia ada kurang menggambarkan 'branding' atau identiti bagi kawasan WP Labuan tersebut.

ii. Kehadiran Pelancong Rendah

Faktor laluan masuk yang terhad dan limitasi pengangkutan ke Labuan menyebabkan kehadiran pelancong ke WP Labuan rendah terutama dari pasaran antarabangsa (Rujuk Rajah 13.18).

Rajah 13.18: Pecahan Peratusan Jumlah Pelancong Yang Menginap pada tahun 2019



Sumber: Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan, 2020

iii. Taraf Kualiti Produk Pelancongan Pada Peringkat Wilayah

Audit produk pelancongan mendapati kebanyakan kualiti produk adalah pada tahap sederhana dari segi kemudahan asas, interpretasi serta jaringan perhubungan diantara produk. Namun, keunikan serta keaslian produk pelancongan adalah tinggi. Kekurangan aktiviti di tempat tarikan terutama di kawasan produk warisan, budaya serta kawasan alam semulajadi menjadikan pelancong tidak tinggal lebih lama dan menjalankan aktiviti.

iv. Perbelanjaan pelancong merosot

Sebahagian besar perbelanjaan pelancong adalah untuk pengangkutan masuk dan penginapan yang lebih tinggi berbanding kualiti, ini menyebabkan pelancong kurang berbelanja untuk tujuan aktiviti pelancongan. Malah, kekurangan produk bebas cukai yang unik kurang mendapat tarikan pelancong untuk membeli belah.

v. Aspek Kebersihan di Kawasan Tumpuan Pelancong

Kurang pemantauan dan pengurusan sistem sampah sarap yang tidak terurus di kawasan perairan serta tahap kesedaran masyarakat di kampung-kampung boleh memusnahkan ekosistem di kawasan pelancongan dan mencacatkan imej kawasan tarikan yang terkenal sebagai bandar bersih.

vi. Sistem Pengurusan Destinasi dan Kerjasama di Peringkat Wilayah kurang berkesan

Pemasaran WP Labuan sebagai salah satu destinasi pelancongan wilayah adalah kurang jelas menjadikan kawasan WP Labuan tidak dipromosikan secara bersepadu bersama pakej Sabah, Sarawak dan Brunei. Ini juga menyebabkan pengurusan destinasi bersepadu di peringkat nasional dan wilayah kurang berkesan.

vii. Kurang Promosi Berkesan

Kekurangan pengurusan promosi yang bersepadu menyebabkan kebanyakan pemilik produk menjalankan promosi secara berasingan dan kurang berkesan kerana faktor kekurangan kemahiran.

viii. Pengurusan Produk Warisan Dan Sejarah Yang Sangat Lemah

Produk pelancongan warisan yang berharga dan mempunyai potensi pelancongan seperti Gedung Ubat, Perkuburan British Alice serta bekas – bekas terowong arang batu tidak diurus dengan baik.

Keadaan Gedung Ubat yang tidak terjaga



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ix. Kualiti Taraf Bintang Penginapan Yang Rendah Dan Tidak Berdaftar

Bilangan hotel di WP Labuan adalah mencukupi, namun kualiti taraf bintang penginapan adalah rendah, menyebabkan pelancong '*high yield* kurang memilih Labuan sebagai destinasi percutian mereka. Sebanyak 26 premis penginapan yang dipromosikan melalui AirBnB namun tidak tersenarai dengan MOTAC menyebabkan pemantauan kualiti oleh pihak berkepentingan tidak dapat dijalankan dengan baik.

b) Potensi

i. Kepelbagaian sumberjaya Warisan dan Ekopelancongan bertaraf Antarabangsa

WP Labuan mempunyai sumber alam semula jadi yang cantik dan unik yang belum dibangunkan untuk dipromosikan sebagai produk pelancongan geo melalui penarafan Warisan GeoTapak (Geopark) seperti pulau sungai dan sumber geologi.

Tapak geologi di WP Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Potensi Produk Baru Berbentuk Pelancongan Kesihatan dan Kesejahteraan (*Medical and Wellness Tourism*)

Lokasi WP Labuan dan keistemewaannya sebagai tempat tarikan bagi motif mencari ketenangan sesuai bagi kumpulan pasaran yang sedang menjalankan terapi dan pemulihan.

iii. Lokasi dan Keunikan Labuan sebagai Destinasi pilihan Malaysia My Second Home (MM2H).

Lokasi dan penawaran rumah di WP Labuan yang menarik pelabur bagi menjadikan Labuan sebagai tempat tinggal kedua terutama bagi pelancong Brunei, Indonesia dan Singapura.

vi.Menaiktaraf Pembangunan Acara dan Kepelbagaian Aktiviti yang berterusan

WP Labuan sangat berpotensi untuk dijadikan sebagai lokasi penganjuran acara, tidak terhad kepada acara berasaskan pantai dan sejarah, malah sesuai sebagai lokasi MICE. Selain itu, dengan adanya kepelbagaian aktviti yang boleh dijalankan sepanjang tahun seperti acara utama atau acara sampingan .

v. Keunikan Makanan dan Produk Tempatan Sebagai Cenderahati *(Food Souvenir)*

WP Labuan mempunyai produk tempatan seperti ikan bilis, satay ikan tuna yang boleh dipromosikan sebagai '*Food Souvenir*'.

Antara produk Ikan Bilis yang dijadikan produk cenderahati untuk pelancong



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

vi. Kerjasama rapat antara agensi dan sokongan komuniti tempatan

Faktor kesanggupan yang tinggi di kalangan penduduk tempatan, serta kerjasama antara agensi memberi peluang kepada industri pelancongan untuk berkembang melalui konsep konsesi serta program-program bersama komuniti.

vii. Potensi Labuan sebagai Destinasi Gelembong Pelancongan *(Travel Bubble)*

Lokasi, pencapaian status komuniti berimunisasi, kawalan persempadanan serta beberapa indicator lain menjadikan Labuan sebuah pulau yang sesuai untuk dijadikan sebagai destinasi gelumbung pelancongan (travel bubble) melalui pelan pemulihan pelancongan negara begai membuka semula sempadan negara akibat COVID19.

viii. Potensi Jaringan dan Hubungan Ekonomi

Lokasi WP Labuan yang berdekatan dengan Brunei, Sabah dan Sarawak membuka peluang untuk pembangunan ekonomi berasakan pelancongan terutama di dalam Segitiga Pertumbuhan BIMP-EAGA, dalam meningkatkan kedudukannya sebagai destinasi zon bebas cukai dan pusat kewangan antarabangsa, berpotensi menarik pelabur-pelabur antarabangsa.

13.4 Cadangan Am

Cadangan am pelancongan di WP Labuan dibentuk berdasarkan penilaian dasar, penemuan kajian, potensi dan kekuatan sumberjaya di WP Labuan. Antara cadangan am pelancongan adalah:

i. Membentuk Koridor Pelancongan Labuan dengan pelaksanaan dasar-dasar serta mengambilkira Fungsi Labuan sebagai Destinasi Antarabangsa

Strategi dan tindakan yang diperhalusi daripada dasar-dasar tertentu terutama Dasar Pelancongan Negara, Dasar Ekopelancongan Negara dan *Labuan Development Blueprint* bagi memperkukuhkan aktiviti, produk dan perkhidmatan pelancongan terutama dalam koridor pelancongan Wilayah dan Antarabangsa dalam menggiatkan insentif dan inisiatif pelancongan. Antara pembentukan koridor bersesuaian adalah Koridor Sabah – Labuan – Brunei.

ii. Menaiktaraf Produk Pelancongan Sedia Ada yang lebih Kreatif dan Berinovatif Bagi Memenuhi Tren Permintaan Masa Kini

Melalui penilaian Audit kualiti produk, sebanyak 80% produk pelancongan pada masa sekarang tidak mampu menarik pelancong antarabangsa. Dicadangkan untuk menaiktaraf produk pelancongan dengan tambahan tarikan yang unik dan aktiviti yang bercirikan inovasi bagi menarik pelbagai jenis kumpulan pasaran pelancong. Antara elemen naiktaraf adalah seperti papan interpretasi interaktif, kepelbagaian aktiviti dan permainan sesuai untuk generasi muda, serta elemen-elemen *'memorable spot'* untuk tujuan fotografi dan swafoto serta pembangunan aktiviti pelancongan yang lebih kreatif *(Creative Tourism)* melalui aplikasi *Virtual Reality* (VR), *Augmented Reality* (AR) dan lain-lain.

iii. Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan dan Membangunkan Produk Pelancongan Baru yang Berinovasi dan Menarik Pelbagai Segmen Pelancong

Cadangan menaiktaraf kualiti penginapan, pemasaran dan kemudahan–kemudahan lain bagi premis penginapan yang dijalankan agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong yang menginap di WP Labuan. Selain itu, membangunkan beberapa produk baru bagi menyokong produk sedia ada serta pembangunan pelancongan komited, secara tidak langsung memberi faktor pendorong yang istimewa untuk melawat Labuan, sesuai dengan semua lapisan umur dan segmen pelancong yang ada. Antara produk pelancongan baru yang boleh dicadangkan adalah Taman Tema *(Theme Park),* Galeri Bawah Laut, Galeri Geopark, Pusat Konvensyen Antarabangsa MICE, Pusat Spa dan *Wellness* Antarabangsa, Pelancongan pendidikan dan sebagainya.

iv. Pengazetan Produk Pelancongan Warisan dan Sejarah sebagai Warisan Dunia

Sebanyak 13 tapak warisan geologi dunia yang telah dikenalpasti dan perlu diiktiraf sebagai tapak warisan geologi. Pengezetan produk-produk ini serta cadangan penarafan Labuan Geopark akan menarik pasaran pelancong dunia ke Labuan serta pembangunan pemeliharaan serta penyediaan kemudahan sokongan untuk produk warisan ketara dan tidak ketara ini dapat ditingkatkan.

iv.Pembangunan Laluan (*Trail)* bertema dan Berinovatif

Kepelbagaian laluan *trail* / jejak pelancongan bertema akan menarik kumpulan pasaran *'niche'* untuk menjalankan aktiviti secara berkumpulan. Pembangunan Trail Pelancongan akan mempengaruhi aktiviti ekonomi serta kemudahan di sekitar laluan ini untuk ditingkatkan dan dimasukkan ke dalam pakej pemasaran yang sesuai. Antara cadangan Trail adalah *'Geopark Trail', 'Labuan Food Trail', 'Labuan Eco-Heritage Trail', 'Cycling Trail for Leisure'* dan sebagainya.

v. WP Labuan sebagai Pusat / Hos Acara Peringkat Antarabangsa

Beberapa acara di peringkat antarabangsa telah dijalankan di WP Labuan. Ini menunjukkan kawasan WP Labuan berpotensi sebagai arena acara dengan menarik penyertaan acara yang berprestij dan terkenal. Pembangunan acara akan menarik lebih banyak tumpuan pelancong terutama antarabangsa, menarik pelancong untuk tinggal lebih lama melalui acara-acara sampingan malah meningkatkan produk pelancongan sedia ada. Menaiktaraf kemudahan dan mempelbagaikan acara sampingan yang lebih tersusun akan memberi kepuasan bukan sahaja kepada peserta malah kepada pengunjung.

vi. Kemudahan *'Wayfinding'* Pelancongan dan Bahan Interpretasi yang Lebih Berinovasi

Pembangunan bahan interpretasi perlulah lebih berinovasi dan informatif bukan hanya memberi keterangan, malah lebih interaktif dengan memberi pengalaman *'seamless travel'* kepada pengunjung. Konsep *'Smart Tourism'* diberi penekanan dalam penyediaan kemudahan yang lebih berinovasi.

vii. Menaiktaraf Premis Penginapan Sedia ada, Mencadangkan Penginapan bertaraf 4 Bintang Ke Atas serta berkonsepkan *'Glamping'*

WP Labuan mempunyai kekurangan dari segi premis penginapan yang bertaraf 4 dan 5 bintang untuk pelancong yang sukakan eksklusif dan kemewahan. Cadangan konsep penginapan 'Glamping' juga akan memberi pilihan yang unik dalam menaikkan imej Labuan sebagai destinasi penginapan bertaraf dunia serta menambah jumlah kedatangan pelancong antarabangsa yang ingin menginap lebih lama.

BAB

14



Institusi Dan Kemudahan Masyarakat



Masjid Jamek An-Nur



Pusat Transformasi Bandar (UTC) &
Pasar Sentral WP Labuan

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Institusi dan Kemudahan Masyarakat

Penyediaan institusi dan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan berfungsi adalah penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Pembentukan masyarakat yang sejahtera akan memberi kesan yang membina dalam pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan untuk mengenalpasti elemen-elemen kemudahan masyarakat yang diperlukan sehingga tempoh perancangan 2040.

14.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk melibatkan dasar-dasar di peringkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor institusi dan kemudahan masyarakat seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 14.1 hingga 14.4.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)

Jadual 14.1: Penilaian Pencapaian Dasar Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)

Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Bidang keutamaan	Strategi	Pencapaian
B : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat	B3 : Memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan	- Kemudahan hospital dan klinik adalah mencukupi namun perlu dinaiktaraf perkhidmatan khususnya hospital WP Labuan.
	B4 : Menjadikan negara lebih selamat dan terjamin	- Kemudahan keselematan seperti polis dan bomba yang sedia ada di WP Labuan adalah memenuhi keperluan minima.
Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju	Mentransformasi TVET untuk Memenuhi Permintaan Industri	- Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Vokasional Labuan ada menawarkan kursus vokasional dan kemahiran yang menepati keperluan pasaran buruh di WP Labuan dan sekitarnya.
	Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Peningkatan Kemahiran	- Kemudahan pendidikan telah disediakan mencukupi sehingga peringkat pengajian tinggi.

Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

Bidang keutamaan	Strategi	Pencapaian
C : Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti	C1 : Meningkatkan Kualiti Pendidikan	- Kemudahan pendidikan telah disediakan mencukupi sehingga peringkat pengajian tinggi.
	C2 : Mengutamakan Kualiti Berbanding Kuantiti dalam TVET	- Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Vokasional Labuan ada menawarkan kursus vokasional dan kemahiran yang menepati keperluan pasaran buruh di WP Labuan dan sekitarnya.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Dasar Perbandaran Negara Kedua

Jadual 14.2: Penilaian Pencapaian Dasar Perbandaran Negara Kedua

Prinsip II : Bandar Yang berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.7 : Akses Yang Menyeluruh Kepada Kemudahan Kesihatan Yang Berkualiti	2.7.1 : Penyediaan kemudahan penjagaan kesihatan secara komprehensif dan bersepadu	- Kemudahan hospital dan klinik adalah mencukupi namun perlu dinaiktaraf perkhidmatan khususnya hospital WP Labuan.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 14.3: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
M1 – Pembangunan Modal Insan Dipertingkatkan Melalui Penyediaan Institusi-institusi Pengajian dan Latihan Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Profesional dan Berkemahiran di kalangan Penduduk tempatan	M1 – CA1 Menyedia program-program latihan, kursus dan bengkal jangka masa pendek kepada lepasan sekolah melalui penubuhan Kolej komuniti	- Tiada penubuhan kolej komuniti. Program yang berkenaan diwujudkan melalui ILP dan Kolej Giat MARA
	M1 – CA2 Memperkukuhkan Institusi Latihan Perindustrian sedia ada dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)	- Pengukuhan institusi sedia ada bergantung sepenuhnya kepada sumber fizikal dan fiskal organisasi
	M1 - CA3 Mewujudkan universiti bertaraf penuh atau cawangan institusi pengajian tinggi yang dapat menyumbang kepada tahap pendidikan dan ekonomi penduduk Labuan	- Universiti awam sedia ada masih bertaraf cawangan
	M1- CA4 Mewujudkan cawangan Institusi Akademi Laut Malaysia (ALAM) yang menawarkan kursus di dalam industri marin dan laut	- Tiada akademi yang berkenaan dan seumpamanya diwujudkan.
	M1 – CA5 Mengenalpasti bangunan sedia ada di kawasan pusat bandar yang boleh dijadikan pusat pendidikan bagi menghidupkan Bandar Labuan	- Masih terdapat bangunan-bangunan di kawasan pusat bandar tidak dioptimakan sepenuhnya
M7 - Penyediaan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang mencukupi, berkualiti bagi menampung keperluan komuniti dan pembangunan yang akan dirancang.	M7 – CA1 Menyediakan kemudahan/fasiliti awam dalam jarak berjalan kaki terutama penyediaan tapak kemudahan pendidikan dan keagamaan	- Lokasi kemudahan awam dan masyarakat masih di dalam radius berjalan kaki khususnya di petempatan-petempatan utama.
	M7 – CA2 Menyediakan kemudahan pendidikan berdasarkan keperluan dan unjuran dengan mengambilkira kawasan tampungan ke arah masyarakat berpendidikan	- Kemudahan pendidikan telah disediakan mencukupi sehingga peringkat pengajian tinggi.
	M7 – CA3 Mencadangkan kemudahan kesihatan mengikut hierarki berdasarkan kepada tahap perkhidmatan dan kawasan tampungan	- Kemudahan hospital dan klinik adalah mencukupi namun perlu dinaiktaraf perkhidmatan khususnya hospital WP Labuan.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 14.3: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Institusi dan Kemudahan Masyarakat (sambungan)

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Penilaian Awal
M7 - Penyediaan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang mencukupi, berkualiti bagi menampung keperluan komuniti dan pembangunan yang akan dirancang.	M7 – CA4 Mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab menyelaras perancangan, penyelanggaraan dan pemantauan tempat-tempat beribadat untuk menjamin penyediaan mengikut keperluan, berkualiti dan teratur sehingga tahun 2030	- Tiada agensi/jawatankuasa di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan untuk mengawalselia hal-hal berkaitan Rumah Ibadat Bukan Islam dan tapak perkuburan bukan Islam.
	M7 - CA5 Menyediakan kemudahan keselamatan di kawasan berkepadatan tinggi dan kawasan berisiko tinggi	- Terdapat kemudahan keselematan seperti balai polis dan balai bomba di kawasan berkepadatan dan berisiko tinggi
	M7 – CA6 Penyediaan pusat komuniti bagi setiap kawasan tadahan komuniti sehingga tahun 2030	- Wujud pusat komuniti iaitu balai raya di setiap petempatan utama bagi menampung keperluan penduduk setempat.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Labuan Blueprint Development 2030

Jadual 14.4: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Blueprint Development 2030

The Growth Driver		
Objektif	Strategi	Pencapaian
3 : Education	*ST – E1 : Encourage public universities to set up branch in Labuan*	- Universiti awam sedia ada masih bertaraf cawangan
	ST – E2 : Attract private universities to set up branch in Labuan city centre	- Hanya terdapat satu kolej swasta sedia ada.
	ST – E3 : To transform TVET education to meet industry demand through collaboration with universities and industrial training institutions	- Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Vokasional Labuan ada menawarkan kursus vokasional dan kemahiran yang menepati keperluan pasaran buruh di WP Labuan dan sekitarnya.
The Enablers		
3 : Quality Living	*ST – QL2 : Upgrading community facilities to meet future population growth and structural change further investments are needed*	- Penawaran kemudahan masyarakat sedia ada hampir memenuhi keperluan berdasarkan bilangan penduduk. - Naik taraf kemudahan adalah diperlukan bagi memenuhi piawai@norma baru cara hidup komuniti.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

14.2 Penemuan Semasa

14.2.1 Penawaran semasa elemen kemudahan masyarakat yang memuaskan

WP Labuan menawarkan perkhidmatan institusi dan kemudahan masyarakat mengikut lima kategori utama iaitu :

i. Pendidikan
ii. Kesihatan
iii. Keselamatan
iv. Keagamaan (Masjid, Rumah Ibadat Bukan Islam dan Perkuburan)
v. Kemudahan awam (Dewan, balai raya dan perpustakaan)

Keluasan guna tanah bagi keseluruhan penyediaan institusi dan kemudahan masyarakat adalah sebanyak 629.94 hektar, hanya meliputi 6.29% keluasan keseluruhan WP Labuan. Terdapat peningkatan keluasan guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat sebanyak 43.38 hektar dari tahun 2010 hingga tahun 2020 (Rujuk Jadual 4.5).

Jadual 14.5 Guna Tanah Institusi Dan Kemudahan Masyarakat WP Labuan Tahun 2010 dan 2020

Guna tanah	Keluasan (Hektar)	
	Tahun 2010	Tahun 2020
i) Pendidikan	169.09	177.76
ii) Kesihatan	21.25	21.71
iii) Keselamatan	269.47	264.31
iv) Keagamaan	76.36	98.04
v) Kemudahan awam	9.24	15.36
vi) Lain-lain institusi kerajaan	38.15	49.76
Jumlah & Peratus keluasan	583.56 (5.85)	626.94 (6.29)

Sumber : Drat RT Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020

Bilangan dan keluasan kemudahan institusi dan kemudahan tahun 2020 menunjukkan tahap kesediaan kemudahan masyarakat di WP Labuan adalah memuaskan melihat kepada kesediaan kemudahan berdasarkan lima kategori kemudahan yang utama (Rujuk Jadual 14.6 dan Rajah 14.1 hingga 14.7).


Masjid Jamek An-Nur, Wilayah Persekutuan Labuan

Sumber : Pinterest.com

Jadual 14.6 Institusi dan Kemudahan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2020

Kemudahan Pendidikan	Bilangan
Pra Sekolah	14
Tadika Swasta	15
Sekolah Rendah	15
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	2
Sekolah Rendah Antarangsa	1
Sekolah Rendah Agama	10
Sekolah Menengah	10
Institut Pengajian Tinggi / Kolej	6
Kemudahan Kesihatan	**Bilangan**
Hospital	1
Klinik Kesihatan	3
Klinik Desa	10
Kemudahan Keselamatan – Polis	**Bilangan**
Ibu Pejabat Daerah	1
Balai Polis	4
Kemudahan Keselamatan – Bomba	**Bilangan**
Ibu Pejabat Daerah	1
Balai Bomba	3
Bomba Sukarela	5
Kemudahan Keagamaan	**Bilangan**
Surau	38
Masjid	16
Rumah Ibadat bukan Islam	
i. Gereja	10
ii. Tokong Cina/Buddha	9
iii. Kuil Hindu	1
iv. Gudhawara	1
Tapak Perkuburan Islam	50.98 hek.
Tapak Perkuburan Bukan Islam	4.79 hek.
Krematorium	1
Kemudahan Awam	**Bilangan**
Dewan	4
Balai Raya	15
Perpustakaan	1
Perpustakaan Desa	3
Pusat Komuniti – Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Malaysia - Pusat Penjagaan Sementara Rancha-rancha	1

Sumber : Jabatan Pendidikan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Agama Islam, Perbadanan Labuan & Jabatan Kebajikan Malaysia, WP Labuan, Tahun 2020

Kemudahan Keselamatan – Angkatan Tentera Malaysia

Angkatan Tentera Malaysia di WP Labuan merangkumi tiga komponen utama iaitu darat, udara dan laut terdiri daripada pengkalan oeprasi, markas latihan, pusat selenggaraan dan kuarters kakitangan. Pertahanan WP Labuan juga dilengkapkan dengan sebuah kem Askar Wataniah.



Rajah 14.1
PELAN TABURAN SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH RENDAH AGAMA DAN SEKOLAH ANTARABANGSA



Petunjuk :
- Sekolah Rendah Agama
- Sekolah Rendah
- Sekolah Rendah Antarabangsa

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 14.2
PELAN TABURAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH DAN IPT



Petunjuk :
- Sekolah Menengah
- Institusi Pengajian Tinggi

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai




Rajah 14.3
PELAN TABURAN KEMUDAHAN KESIHATAN



Petunjuk :
- Hospital
- Klinik Kesihatan
- Klinik Desa

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 14.4
PELAN TABURAN KEMUDAHAN KESELAMATAN



Petunjuk :
- Bomba
- Balai Polis
- Kem Tentera / Askar Wataniah

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 14.5
PELAN TABURAN KEMUDAHAN KEAGAMAAN



Petunjuk :
- Masjid
- Gereja
- Kuil
- Tokong
- Gudhawara

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 14.6
PELAN TABURAN PERKUBURAN



Petunjuk :
- Tanah Perkuburan Islam
- Tanah Perkuburan Bukan Islam
- Krematorium

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 14.7
PELAN TABURAN KEMUDAHAN AWAM (DEWAN SERBAGUNA & BALAI RAYA)



Petunjuk :
- Balai Raya
- Dewan Orang Ramai / Dewan Serbaguna

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

Berdasarkan bilangan penduduk tahun 2020 WP Labuan iaitu seramai 103,135 orang, keperluan penyediaan elemen institusi dan kemudahan masyarakat perlu merangkumi kelima-lima kategori utama iaitu kesihatan, pendidikan, keselamatan, keagamaan dan kemudahan awam seperti dewan dan perpustakaan (Rujuk Jadual 14.7).

Jadual 14.7 Keperluan Minima Elemen Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Berdasarkan Bilangan Penduduk Tahun 2020

Kategori	Jenis Kemudahan	Unit	
Bilangan penduduk 103,135 org		Keperluan Minimum	Sedia ada
Pendidikan	Pra sekolah/ sekolah rendah	9	17
	Sekolah menengah	10	10
	Sekolah Teknik/ Asrama Penuh	1	1
	Sekolah Pendidikan Khas	1	-
	Institut Pengajian Tinggi	1	6
Kesihatan	Hospital	1	1
	Klinik Kesihatan	5	3
	Klinik Desa	9	8
Keselamatan (Polis)	Ibu Pejabat Kontigen	1	1
	Balai Polis (C)	3	4
Keselamatan (Bomba)	Bomba (A)	1	1
	Bomba (D)	3	3
	Bomba Sukarela	3	5
Keagamaan	Masjid Wilayah	1	1
	Masjid Tempatan	5	15
	Surau	21	38
	RIBI	3	22
	Perkuburan Islam	25 hek.	50.98 hek.
	Perkuburan Bukan Islam	15 hek.	4.79 hek.
	Krematorium	1	1
Kemudahan Awam	Dewan Serbaguna	7	3
	Balai Raya / Pusat Komuniti	9	12
	Perpustakaan Wilayah	1	1
	Perpustakaan Desa	2	1
	Pusat Penjagaan Warga Emas / Kanak-kanak	1	-

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020, GPP Kemudahan Masyakarat, GPP Masjid dan Rumah Ibadat Bukan Islam, GPP Tanah Perkuburan, PLANMalaysia

i. Pendidikan

Bilangan sedia ada institusi pendidikan di WP Labuan dilihat memenuhi keperluan minima berdasarkan bilangan penduduk.

Keperluan untuk mewujudkan sekolah Pendidikan khas adalah penting bagi memastikan kebajikan golongan pelajar kelainan upaya turut diberi perhatian sepenuhnya.

ii. Kesihatan

Bilangan sedia ada kemudahan kesihatan adalah hampir memenuhi keperluan yang minima. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira pembangunan komited yang disenaraikan oleh jabatan, kemudahan kesihatan akan memenuhi keperluan penduduk antara tahun 2021-2022.

Cadangan naiktaraf perkhidmatan pakar di Hospital Labuan dijangka mengatasi isu ketiadaan doktor pakar di WP Labuan.

iii. Keselamatan – Polis

Bilangan sedia ada kemudahan polis adalah memenuhi keperluan minima bilangan penduduk.

Keperluan untuk mewujudkan Ibu Pejabat Kontigen dilihat selaras dengan fungsi WP Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Oleh yang demikian adalah penting untuk menaiktaraf daripada daerah kepada kontigen WP Labuan.

iv. Keselamatan – Bomba

Bilangan sedia ada kemudahan bomba adalah memenuhi keperluan minima bilangan penduduk.

Penawaran sedia ada perkhidmatan bomba sukarela dapat membantu melengkapi pasukan bomba sekiranya berlaku kecelakaan dan kebakaran. Walau bagaimanapun, naik taraf kemudahan bomba sukarela dijangka dapat memastikan perkhidmatan yang lebih efisien.

v. Keagamaan

Bilangan sedia ada kemudahan kegamaan adalah memenuhi keperluan minima bilangan penduduk kecuali bagi tapak perkuburan Bukan Islam. Keperluan minima 15 hektar berbanding 4.79 hektar yang ditawarkan perlu diatasi bagi memastikan penyediaan kemudahan yang seimbang antara etnik.

vi. Kemudahan Awam

Bilangan sedia ada (Rujuk Jadual 14.7) kemudahan awam di WP Labuan dilihat hampir memenuhi keperluan minima berdasarkan bilangan penduduk.

Keperluan untuk mewujudkan lebih banyak dewan orang ramai / serbaguna dan perpustakaan desa dijangka dapat meningkatkan tahap keselesaan penduduk.

WP Labuan perlu menawarkan Pusat Penjagaan Warga Emas (PAWE) dan Pusat Penjagaan Kanak-kanak (PAKK) dalam memastikan keseimbangan perkhidmatan kepada semua golongan umur.

14.2.2 Taburan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Tahun 2020 Yang Sekata

Rajah 14.8 menunjukkan perbandingan taburan elemen institusi dan kemudahan masyarakat dengan kawasan penempatan sedia ada.


Taburan menunjukkan lokasi kemudahan yang menepati kawasan-kawasan penempatan dengan jarak taburan yang hampir sekata. Keadaan ini menunjukkan bahawa kawasan tadahan perkhidmatan hampir meliputi keseluruhan WP Labuan.

Tumpuan taburan kemudahan dilihat tertumpu di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi seperti Bandar Labuan, Rancha-rancha, Bebuloh dan Simpang Tamu, berbanding kawasan Ganggarak dan Layang-layangan yang rendah taburan elemen kemudahan walaupun terdapat kawasan penempatan yang agak luas.

Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020



Rajah 14.8
PELAN TABURAN INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT TAHUN 2020



Petunjuk :

- Pendidikan
- Keagamaan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Tapak Perkuburan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

14.2.3 Kualiti Fizikal, Aksesibiliti Dan Kemudahan Sokongan Yang Boleh Ditambah Baik Bagi Meningkatkan Nilai Tambah Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Sedia Ada.

Inventori elemen institusi dan kemudahan masyarakat bagi keseluruhan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan pada 7 hingga 9 Februari 2020. Secara keseluruhan, keadaan sedia ada kemudahan di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan adalah memuaskan dengan tahap perkhidmatan yang selesa di kalangan penduduk (Rujuk Jadual 14.8).

Masjid Al – Ehsan, Sungai Labu



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020

Jadual 14.8 Kualiti Fizikal Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan

Kemudahan	Jenis	Lokasi	Aksesibiliti	Kemudahan Sokongan
Pendidikan	• Kerajaan/ Swasta	• Taburan institusi pendidikan yang sekata • Terdapat Institusi pendidikan swasta dalam kawasan kajian	• Baik	• Baik
Keselamatan	• Balai polis • Balai bomba • Balai Bomba Sukarela	• Mengikut hierarki penempatan • Tiada balai polis di Layang-Layangan • Tiada balai bomba di Ganggarak	• Baik	• Baik • Balai bomba Sukarela hanya meletakkan jentera di kawasan perumahan (Tiada bangunan/lot sendiri)
Keagamaan	• Masjid • Surau • Gereja • Tokong • Kuil	• Taburan surau dan masjid yang banyak • Dekat jalan utama • Kawasan lingkungan penduduk	• Baik	• Baik
Kesihatan	• Kerajaan • Swasta	• Terdapat pelbagai institusi kesihatan di kawasan kajian	• Baik	• Baik
Kemudahan Masyarakat	• Kerajaan	• Berada dalam kawasan lingkungan penduduk	• Baik	• Tiada internet • Kekurangan tandas awam yang beroperasi dengan baik.
Perkuburan	• Islam/ Bukan Islam • Kerajaan/ Individu	• Tiada lot/pemilikan tanah yang betul	• Milikan individu tidak mempunyai aksessibiliti yang baik.	• Tiada kemudahan sokongan • Tidak diselenggara dengan baik

Sumber : Kajian Lapangan Sektor Institusi dan Kemudahan Masyarakat, RP Labuan 2040, Tahun 2020

Secara keseluruhannya, rupa bentuk fizikal bangunan dan kemudahan sokongan seperti tahap kemudahsampaian, tempat letak kereta, elemen landskap dan infrastruktur asas adalah memuaskan di hampir setiap lokasi institusi dan kemudahan masyarakat, khususnya di kawasan Bandar Labuan dan bahagian barat WP Labuan. Bahagian barat WP Labuan yang lebih menonjol dengan aktiviti pelancongan dilihat memberi kesan kepada aspek penyelenggaraan bangunan dan sistem sokongan yang lebih baik.



Sungai Labu : Pusat komuniti di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat perlu diterapkan di pusat komuniti yang lain.





Kampung Batu Manikar & Kampung Kilan, Pulau Akar : Papan tanda lokasi tanah perkuburan yang boleh ditambah baik dari segi kejelasan



Batu Manikar : Balai Raya Kampung Pantai Batu Manikar yang terpelihara rapi dari aspek kebersihan dan penyelenggaraan bangunan

Tapak-tapak perkuburan milikan persendirian @ tanah wakaf khususnya yang terdapat di kampung-kampung mempunyai isu penyelenggaraan dan penyediaan elemen kemudahan sokongan yang tidak sempurna. Tapak-tapak perkuburan ini perlu dikawalselia oleh agensi/badan yang berkenaan bagi memudahkan penyelesaian sebarang isu berbangkit.



Kampung Batu Arang : Laluan keluar/masuk ke tanah perkuburan kaum kadazan dusun yang melalui jalan susur 20 kaki taman perumahan.



Kampung Sungai Miri : Tapak perkuburan katolik persendirian yang tidak mempunyai akses keluar/masuk sempurna.

14.2.4 Penyediaan Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Yang Selaras Dengan Hierarki Petempatan

Berdasarkan Dasar Perbandaran Negara Kedua, lima bandar telah dikenalpasti sebagai bandar-bandar yang utama iaitu Bandar Wilayah Labuan dan Bandar Tempatan iaitu Ganggarak, Simpang Tamu, Layang-layangan dan Bebuloh.

Jadual 14.9 Penyediaan Institusi dan Kemudahan Masyarakat Berdasarkan Hierarki Petempatan

Hierarki Bandar	Penyediaan Kemudahan	Ada/ Tiada	Catitan
Bandar Wilayah-Bandar Labuan	Hospital Wilayah	√	Hospital sedia ada perlu dinaiktaraf kepada taraf hospital pakar.
	Masjid Wilayah	√	Perlu dinaiktaraf bagi memenuhi keperluan masjid bertaraf wilayah.
	Ibu Pejabat Kontigen Polis	-	Kategori semasa ibu pejabat adalah peringkat daerah.
	Ibu Pejabat Bomba	√	Kemudahan sedia ada yang mencukupi.
	Pusat Komuniti / Dewan Serbaguna	√	Terdapat Pusat Konvensyen (Komersil) yang mampu menampung program peringkat antarabangsa
	Pusat penjagaan warga emas / kanak-kanak	-	JKM hanya menyediakan pusat kegiatan untuk masyarakat.
	Kompleks Sukan	√	Selain sukan darat, terdapat kemudahan untuk aktiviti sukan laut.
	Perpustakaan Wilayah	-	Perpustakaan sedia ada dengan kapasiti 100 hingga 150 orang.
	Institut Pengajian Tinggi (Kampus Penuh)	-	Terdapat kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah, Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Matrikulasi Labuan
	Kolej Pengajian	√	Perlu mempunyai kampus utama universiti awam.
	Tapak Perkuburan Berpusat	√	Perlu disediakan tapak perkuburan berpusat.

Bandar Tempatan		Ganggarak	Simpang Tamu	Layang-layangan	Bebuloh
	Klinik Kesihatan	√	√	√	√
	Masjid	√	√	√	√
	Balai Polis	√	√	-	√
	Balai Bomba	-	-	√	-
	Bomba Sukarela	-	√	-	√
	Sekolah Menengah	√	√	√	√
	Sekolah Rendah	√	√	√	√
	Dewan Orang Ramai / Balai raya	√	√	√	√
	Perpustakaan Desa	-	-	√	-
	Rumah Ibadat Bukan Islam	√	√	√	√
	Tapak Perkuburan Islam	√	√	√	√
	Tapak Perkuburan Bukan Islam	-	√	-	-

Sumber : GPP Kemudahan Masyakarat, GPP Masjid dan Rumah Ibadat Bukan Islam, GPP Tanah Perkuburan, PLANMalaysia

Jadual 14.9 menunjukkan keperluan penawaran elemen institusi dan kemudahan masyarakat mengikut hierarki petempatan Tahun 2020. Berdasarkan hierarki dan perbandingan GPP Kemudahan Masyarakat, masih terdapat kekurangan dalam penawaran beberapa elemen asas institusi dan kemudahan masyarakat bagi kelima-lima petempatan utama iaitu Bandar Labuan, Ganggarak, Simpang Tamu, Layang-layangan dan Bebuloh.

Bandar Wilayah

Penawaran institusi dan kemudahan masyarakat mengikut hieraki petempatan menunjukkan Bandar Labuan telah mempunyai elemen asas institusi dan kemudahan masyarakat selaras dengan fungsi bandar Wilayah Persekutuan Labuan. Elemen-elemen sedia ada seperti hospital, ibu pejabat Polis Daerah, Ibu pejabat bomba & Penyelamat, masjid, pusat konvensyen dan beberapa institusi pengajian tinggi mampu menyokong fungsi Bandar Labuan sebagai bandar utama di wilayah berkenaan.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar kemudahan-kemudahan ini perlu dinaiktaraf dari aspek kuantiti, kualiti dan pengurusan bagi mengukuhkan fungsi Labuan sebagai Bandar Wilayah. Antara institusi dan kemudahan masyarakat yang perlu dinaiktaraf adalah seperti berikut :

i) Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan doktor pakar di Hospital Labuan bagi memudahkan penduduk setempat mendapatkan rawatan.
ii) Menaiktaraf organisasi Polis DiRaja Malaysia dari daerah kepada kontigen.
iii) Meningkatkan daya tampungan Masjid Jamek An-Nur Bandar Labuan
iv) Mewujudkan kampus penuh universiti awam dengan menawarkan kursus yang berkaitan dengan fungsi Wilayah Persekutuan Labuan.

Beberapa kemudahan lain telah dikenalpasti perlu diwujudkan bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan iaitu :

i) Pusat Aktiviti Warge Emas (PAWE) / Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) ;
ii) Tapak Perkuburan Islam yang berkonsepkan Raudhatul Sakinah (kubur dalam taman).

Perpustakaan Awam Labuan yang berkongsi bangunan Menara Perbadanan Labuan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020

Bandar Tempatan

Penawaran semasa institusi dan kemudahan masyarakat di empat bandar tempatan iaitu Ganggarak, Simpang Tamu, Layang-layangan dan Bebuloh adalah memuaskan. Keempat-empat bandar mempunyai elemen asas kemudahan seperti masjid, kilinik kesihatan, sekolah menengah, sekolah rendah dan pusat komuniti.

Walau bagaimanapun, beberapa petempatan utama perlu diberi tumpuan dalam penyediaan kemudahan – kemudahan berikut iaitu :

i) Penyediaan sebuah Balai Polis di Layang-layangan;
ii) Penyediaan balai bomba di Ganggarak, Simpang Tamu dan Bebuloh. Penubuhan pasukan dan kemudahan bomba sukarela akan mengukuhkan lagi tahap keselamatan sedia ada ;
iii) Penyediaan tapak perkuburan Bukan Islam di keempat-empat bandar tempatan dengan keluasan minimum 0.5 hektar.
iv) Menambahbaik elemen komuniti dengan penyediaan perpustakaan desa di Ganggarak, Simpang Tamu dan Bebuloh.

Adalah menjadi keperluan untuk mengatasi kekurangan penawaran elemen-elemen sedia ada memandangkan kelima-lima bandar utama ini akan mengalami peningkatan permintaan selari dengan pertumbuhan penduduk. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap keselesaan penduduk WP Labuan sentiasa terpelihara

Contoh Reka Bentuk Moden Ibu Pejabat Polis Daerah



Sumber : Pinterest.com

14.2.5 Pembangunan Komited Institusi Dan Kemudahan Masyarakat

Cadangan pembangunan yang akan datang oleh agensi-agensi kerajaan peringkat WP Labuan telah dikenalpasti. Pembangunan yang akan dijadualkan ini dijangka dapat mengatasi kekurangan dan menambah baik elemen insitusi dan kemudahan masyarakat yang sedia ada. Beberapa pembangunan komited oleh jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan untuk tempoh perancangan yang akan datang meliputi kemudahan kesihatan, pendidikan dan kemudahan kebajikan (Rujuk Jadual 14.10).

Jadual 14.10 Pembangunan Komited Institusi dan Kemudahan Masyarakat, WP Labuan Tahun 2020

Bil.	Lokasi	Nama
1.	Hospital Labuan	Kompleks Klinik Pakar - Keluasan 1.0773 hektar
		Naiktaraf Ruang Klinik Pakar Sedia Ada Kepada Wad Tambahan
2.	Bukit Kuda	Klinik Kesihatan Jenis 4 (Tanpa Kuarters) - Dalam perancangan perolehan tanah (RMK-12) dan menggantikan dua(2) klinik desa uzur (Bukit Kalam dan Lajau)
3.	Kampung Bebuloh	Klinik Kesihatan Jenis 5 - Keluasan 1.643 hektar
Kemudahan Pendidikan		
1.	Sg. Lada	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
2.	Sg. Lada	Wisma Pendidikan Jabatan Pendidikan
3.	Sg. Lada	SMK Agama dengan asrama
Kemudahan Awam		
1.	Membedai	Pusat Aktiviti Warga Emas & Kanak-kanak (PAWE & PAKK) - 3.5 ekar

Sumber : Jabatan Kesihatan WP Labuan, Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Labuan, Tahun 2020

Pembangunan-pembangunan komited oleh agensi kerajaan perlu direalisasikan bagi memastikan masyarakat tempatan ditawarkan dengan kebekesanan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dalam mewujudkan masyarakat yang terpelihara, sihat dan sejahtera.

14.3 Unjuran Institusi dan Kemudahan Masyarakat

Sehingga tahun 2040, unjuran keperluan guna tanah untuk tujuan institusi dan kemudahan masyarakat adalah sebanyak 87.50 hektar iaitu pertambahan sebanyak 13% dari keluasan guna tanah institusi dan kemudahan pada tahun 2020 (Rujuk Jadual 14.11). Unjuran guna tanah yang tinggi bagi kegunaan kemudahan pendidikan seluas 46.40 hektar bagi memenuhi 33 buah sekolah rendah/sekolah rendah agama/sekolah menengah. Jadual 14.12 menunjukkan unjuran guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat di WP Labuan bagi setiap lima tahun perancangan sehingga tahun 2040.

Jadual 14.11 Unjuran Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan, Tahun 2040

Bil.	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Hektar
1.	Pendidikan	+46.60
2.	Kesihatan	+18.50
3.	Keselamatan	+9.50
4.	Keagamaan	+10.90
5.	Kemudahan awam	+2.00
	Jumlah	+87.50

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020

Jadual 14.12 Unjuran Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Sela 5 tahun Perancangan

Bil.	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Hektar			
		2025	2030	2035	2040
1.	Pendidikan	18.7	6.1	6.3	6.2
2.	Kesihatan	2.0	5.5	-	2.0
3.	Keselamatan	10.0	1.0	1.5	3.5
4.	Keagamaan	4.6	2.8	0.7	0.9
5.	Kemudahan awam	1.0	-	-	1.0
	Jumlah	36.3	15.4	8.5	13.6

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Tahun 2020

14.4 Isu Dan Prospek

Isu

A. Fizikal

i) Pelaksanaan sepenuhnya dasar-dasar perancangan yang terdahulu.

Perancangan yang terdahulu sama ada di peringkat negara dan WP Labuan telah memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan yang mencukupi, mudah dicapai dan efisien. Perancangan semasa perlu menerap dan memperkasa karektor yang telah ditentukan bagi memastikan elemen kemudahan awam dan masyarakat dapat menjana petempatan yang berdaya huni

ii) Kemudahan kebajikan komuniti masih di tahap rendah.

Ketiadaan institusi penjagaan warga emas dan kanak-kanak oleh pihak kerajaan di WP Labuan di mana perkhidmatan sedia ada perlu diperolehi di Negeri Sabah.

iii) Tahap kemudahsampaian yang rendah bagi tapak-tapak perkuburan khususnya milikan individu.

Masih terdapat tapak perkuburan yang di atas tanah milikan individu khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Tapak-tapak ini tidak mempunyai kemudahan sokongan yang baik seperti aksessibiliti yang rendah, lokasi yang terpinggir dan tahap penyeliaan kebersihan yang rendah.

iv) Penyediaan institusi dan kemudahan masyarakat yang tidak selaras dengan hieraki petempatan bandar mengikut Dasar Perbandaran Negara Kedua.

WP Labuan sebagai Bandar Wilayah dengan empat bandar tempatan perlu dilengkapkan dengan elemen institusi dan kemudahan masyarakat yang setaraf dengan hierarki bandar berkenaan.

v) Ketiadaan kampus penuh universiti awam.

Dengan bilangan penduduk yang melebihi 100,000 orang, kewujudan kampus penuh universiti awam adalah perlu sebagai langkah mengurangkan migrasi keluar golongan umur produktif. Keadaan ini didorong dengan fungsi WP Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) yang memerlukan lebih banyak tenaga kerja yang berkelulusan dan diiktiraf.

B. Pengurusan

i) Pengasingan organisasi/kontigen dengan Negeri Sabah.

Kontigen Polis Daerah Labuan perlu diasing dari Kontigen Polis Negeri Sabah bagi memastikan pengurusan bajet yang lebih relevan dengan keperluan kontigen Labuan (Sumber : Sesi Verifikasi Data Bersama Agensi bth. 8 September 2020) .

ii) Kekangan tanah milikan kerajaan bagi tujuan petempatan baru kemudahan masyarakat.

Kekurangan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi melambatkan proses pertambahan bilangan kemudahan. Pengambilan tanah individu sebagai tapak kemudahan memberi kesan kepada kos pembangunan baru kemudahan masyarakat (Sumber : Sesi Verifikasi Data Bersama Agensi bth. 8 September 2020).

iii) Tiada pengurusan berpusat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan tapak perkuburan bukan Islam peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Kekangan untuk mendapatkan maklumat berkaitan rumah-rumah ibadat dan tapak perkuburan bukan Islam di peringkat WP Labuan. Keadaan ini memberi kesan kepada pelaksanaan pemantauan perancangan dan pembangunan hal-hal yang berkaitan (Sumber : Sesi Verifikasi Data Bersama Agensi bth. 8 September 2020) .

Prospek

i. Pembangunan hospital swasta boleh diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan bagi mempelbagaikan perkhidmatan/kemudahan kesihatan.

ii. Pembangunan *medical tourism* di Labuan dilihat berpotensi diwujudkan dengan menyediakan perkhidmatan perunding kesihatan swasta.

iii. Penyediaan elemen sokongan di lokasi kemudahan awam khasnya liputan jalur lebar dijangka dapat memantapkan lagi fungsi kemudahan sedia ada.

14.5 Cadangan Am

i. Melaksanakan sepenuhnya perancangan/ pembangunan komited oleh agensi.

Memastikan segala pembangunan komited oleh agensi dilaksanakan dalam tempoh perancangan bagi memastikan kecukupan dan keberkesanan perkhidmatan kepada masyarakat. Penyediaan kemudahan yang mencukupi dapat memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk tempatan.

ii. Menyediakan/menaiktaraf kemudahan mengikut hierarki petempatan dan taraf Bandar Labuan dan bandar-bandar utama sepertimana hierarki bandar Tahun 2040.

Menyediakan kemudahan masyarakat yang selaras dengan hierarki semasa bandar/petempatan di WP Labuan dengan mengambilkira fungsi Labuan sebagai Pusat Kewangan Perairan Antarabangsa.

Menaik taraf bangunan dan pengurusan organisasi ibu pejabat operasi agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis DiRaja Malaysia agar menepati keperluan peringkat pembangunan WP Labuan sebagai hab utama pembangunan perairan Borneo.

iii. Mewujudkan jawatankuasa/agensi yang memantau dan mengawalselia perihal Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan Tapak Perkuburan Bukan Islam di peringkat WP Labuan.

Kewujudan jawatankuasa/agensi di peringkat WP Labuan ini akan membantu memudahkan pengurusan dan pembangunan hal-hal berkaitan dengan memusatkan segala informasi berkenaan RIBI dan tapak perkuburan bukan Islam.

iv. Melaksanakan pembangunan kemudahan secara pembangunan berkompleks.

Melaksanakan kaedah pembangunan secara kompleks bagi institusi pendidikan khususnya sekolah menengah dan rendah. Penyediaan kemudahan sokongan seperti padang adalah secara perkongsian/guna sama.

Keadaan ini bukan saja dapat mengatasi kekangan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan kemudahan untuk masyarakat malah memudahkan perancangan infrastruktur secara berpusat/ bertumpu.

v. Mewujudkan kampus penuh universiti awam / swasta.

WP Labuan perlu mempunyai kampus penuh universiti awam/swasta selaras dengan fungsinya sebagai Bandar Wilayah dan hab pembangunan perairan Borneo.

Kepelbagaian kursus dan tema pembelajaran perlu diwujudkan di WP Labuan melalui penubuhan universiti awam/swasta selaras dengan potensi sedia ada yang mampu menarik kemasukan pelajar tempatan dan luar kawasan.


vi. Melaksanakan kaedah guna sama bangunan bagi pembangunan kemudahan masyarakat.

Menggalakkan penggunaan bangunan secara guna sama antara agensi bagi penyediaan kemudahan masyarakat dapat mengatasi masalah kekurangan tanah-tanah pembangunan untuk kemudahan.

Contoh pusat komuniti dengan senibina moden



Sumber : Pinterest.com


PEARL OF BORNEO

BAB 15



Infrastruktur Dan Utiliti



Empangan Kerupang

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Infrastruktur dan Utiliti

Penyediaan infrastruktur dan utiliti yang cekap adalah penting dalam menyokong dan melonjakkan pembangunan ekonomi pada masa hadapan. Halatuju pembangunan mensasarkan WP Labuan sebagai salah satu Pusat Perkhidmatan Serantau Yang Mampan menjelang tahun 2040. Justeru, laporan ini akan membincangkan tinjauan semasa terhadap ketersediaan infrastruktur dan utiliti di WP Labuan bagi merealisasikan halatuju yang dicadangkan.

15.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor infrastruktur dan utiliti melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor ini adalah seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 15.1 hingga 15.7.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 15.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi		
Bidang Keutamaan	**Strategi**	**Pencapaian**
C : Menyediakan Infrastruktur Berkualiti	C3 : Menambah Baik Infrastruktur Digital	- Dasar ini tercapai dan relevan untuk dikekalkan. - Majoriti kawasan di WP Labuan terletak di dalam kawasan 4G LTE (97.4%) 2020. Dengan liputan yang dilihat hampir menyeluruh, kadar capaian jalur lebar di WP Labuan dilihat berada di tahap baik. - Walau bagaimanapun, selaras dengan aspirasi WP Labuan yang menuju ke arah '*Smart and Sustainable Island City*' perancangan ke arah capaian internet pantas seharusnya diberi penekanan dan diperkukuhkan di Wilayah ini.
	C4 : Menambah Baik Perkhidmatan Air	- Dasar ini tercapai dan relevan untuk dikekalkan. - Kapasiti bekalan air di WP Labuan dilihat mencukupi dengan rangkaian bekalan yang menyeluruh kepada penduduk di WP Labuan (2020). - Walau bagaimanapun, ketersediaan bekalan air mentah di WP Labuan dilihat bergantung tinggi daripada Negeri Sabah. - Lonjakan aktiviti ekonomi berimpak tinggi di WP Labuan dilihat memerlukan jaminan kelangsungan tanpa gangguan utiliti asas ini. - Justeru, perancangan dalam meningkatkan bekalan air mentah daripada WP Labuan perlu terus dilaksana dan diperkukuhkan berpandukan dasar ini.
	C5 : Memampankan Bekalan Tenaga	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Bekalan tenaga di WP Labuan dijana melalui stesen janakuasa sedia ada dan menggunakan gas sebagai bahan fosil utama. - Pecahan campuran tenaga SESB (2019) terdiri daripada 86% Gas, 7%Hydro, 4% Diesel, 2% Biomass dan 1% Solar. - Bagi memampankan bekalan tenaga di WP Labuan, insiatif pelaksanaan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) perlu diutamakan, berpandukan dasar ini.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 15.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti (Sambungan).

Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
C : Menangani Perubahan Iklim & Mengurangkan Risiko Bencana	C1 : Mempergiat Tindakan Mitigasi Perubahan Iklim	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Halatuju janaan tenaga di WP Labuan dilihat perlu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil dan sumber baharu TBB wajar diteroka. - Mengalakkan pembinaan bangunan mesra alam termasuk bangunan kediaman dan komersial bagi menyokong pembangunan bandar hijau.
	C2: Mempertingkat Tindakan Adaptasi Perubahan Iklim	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Kedudukan geografi WP Labuan, dikelilingi badan air dan dilihat berisiko tinggi terdedah dengan impak perubahan iklim. - Langkah adaptasi perlu dirancang bagi meningkatkan daya tahan terhadap terhadap impak perubahan iklim terutamanya bagi subsektor air dan persisir pantai di WP Labuan. - Dasar ini perlu diterjemah bagi memandu perancangan langkah adaptasi di WP Labuan seperti menggunapakai sumber air alternatif (air kitar semula), dan memanfaatkan air larian hujan, ribut dan kumbahan.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 15.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 3: Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan	KD 3.2: Merealisasikan Penggunaan Sumber Tenaga Mampan	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Halatuju ini menggariskan pembangunan tenaga boleh baharu (TBB) dalam subsektor elektrik. - Bekalan semasa tenaga di WP Labuan majoritinya, dijana melalui janakuasa (*Gas Turbine & Steam Turbine*) . - Justeru, berlandaskan dasar ini tumpuan perlu diberikan dalam mengenalpasti pembangunan TBB di WP Labuan selaras dengan aspirasi WP Labuan ke arah '*Smart and Sustainable Island City*' .
	KD 3.3: Melaksanakan Pengurusan Kitaran Air Bersepadu	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Kapasiti bekalan air mentah di WP Labuan dilihat bergantung kepada bekalan air sungai dan empangan sebagai sumber utama. - Perubahan iklim berpotensi memberi kesan terhadap corak taburan hujan dan aliran sungai. Perubahan indikatif ini boleh mendatangkan kesan terhadap sumber air di WP Labuan. - Justeru, strategi ini perlu diberi tumpuan dalam mengenalpasti pendekatan pelan pengurusan kitaran air bersepadu di Labuan.
	KD 3.5: Mengukuhkan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu dan Mampan	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya. - Teknologi *Waste to Energy* (WTE) dan pengurusan sisa di punca adalah dua (2) aspek yang boleh diberi penekanan dan tumpuan. - WP Labuan masih menggunakan kaedah pelupusan di tapak pelupusan. Dikenalpasti tapak pelupusan ini berada di dalam keadaan kritikal dan masih digunapakai bagi tujuan pelupusan. - Inisiatif dalam merancang pengurusan alternatif sisa pepejal perlu dilaksanakan bagi mengelak pelupusan yang berpotensi menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 15.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.4 : Perkhidmatan Infrastruktur, Utiliti Dan Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Bersepadu	2.4.2 : Mengurus Pengagihan Bekalan Air dengan Efektif	- DPN 2 menggariskan keperluan untuk mengurangkan kadar *Non Revenue Water (NRW)* dengan menggantikan paip-paip lama. - Hampir (25%) daripada sistem paip agihan di WP Labuan direkodkan usang dan terdedah kepada risiko pecah atau bocor yang tinggi. - Inisiatif dalam penggantian paip-paip lama di WP Labuan mampu mengurangkan kadar gangguan air, meningkatkan realibiliti kelangsungan bekalan air dan menjimatkan kos operasi. - Dasar ini wajar dikekalkan dan insiatif pelaksanaan perlu diperincikan dalam dokumen Rancangan Pemajuan Labuan.
	2.4.1 : Penggalakkan Penggunaan *Common Utiliti Trench (C.U.T).*	- '*Common Utility Trench*' (*C.U.T*) ialah terowong yang menempatkan semua bekalan utiliti di sesebuah kawasan pembangunan. - Inisiatif dalam penyediaan koridor utiliti ini adalah sangat digalakkan bagi meminumkan kawasan penyediaan utiliti dan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan. - Justeru, dasar ini wajar dikekalkan dan insiatif pelaksanaan perlu diperincikan dalam dokumen Rancangan Pemajuan Labuan.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 15.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Teras Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: M7 – Penyediaan Kemudahan Masyarakat, Kemudahan Infrastuktur Dan Utiliti Yang Mencukupi Dan Berkualiti Bagi Menampung Keperluan Komuniti Dan Pembangunan	M7 – CA7 Menyediakan keupayaan bekalan air bersih di loji-loji rawatan air dan dari kawasan tadahan air bagi memastikan tiada gangguan bekalan air pada masa akan datang.	- Dasar ini tercapai dan relevan untuk dikekalkan. - Kapasiti pengeluaran air bersih telah meningkat daripada 60.52JLH (2010) kepada 82JLH (2020). Pembinaan Loji Rawatan Air Kg Lawa Gadong (F1&F2) di Sg Padas Sabah, menyumbang sebahagian besar (91%) air di WP Labuan.
	M7 – CA8 Menjalankan kajian keperluan dan permintaan bekalan air, berdasarkan data pertumbuhan penduduk dan kegiatan ekonomi terkini.	- Dasar ini tercapai. Unjuran keperluan dan pemintaan bekalan air telah dilaksanakan, berdasarkan data pertumbuhan penduduk di dalam Draf RS Labuan 2030. - Ianya perlu diperincikan dengan mengambilkira unjuran peningkatan kegiatan ekonomi terkini termasuklah pecahan kegiatan industri ringan, sederhana dan berat.
	M7 – CA10 Menggalakkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat akan konsep dan kepentingan penjimatan air.	- Dasar ini tercapai, dimana Jabatan Bekalan Air (JBA) Labuan dengan Kerjasama Perbadanan Labuan giat memberikan kempen kesedaran berterusan dalam menangani isu air kepada penduduk. - Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Krisis Air Labuan juga adalah antara inisiatif dalam menguruskan krisis air secara bersepadu dan menyampaikan maklumat kepada penduduk dengan lebih berkesan.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 15.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti (Sambungan).

Teras Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
	M7 – CA11 Memastikan bekalan elektrik mampu menampung permintaan sedia ada dan akan datang terutamanya bagi pembangunan berskala besar. M7 – CA15 Menyediakan program jangka panjang bekalan elektrik dengan mengambil kira perancangan guna tanah masa hadapan.	- Dasar belum tercapai sepenuhnya Kapasiti bekalan elektrik semasa adalah 104MW dan kegunaan semasa berjulat diantara 55-65MW (2020). Terdapat rizab lebihan sejumlah 39 MW (37%). - Walau bagaimanapun, unjuran permintaan bekalan elektrik menunjukkan bekalan elektrik akan meningkat melebihi janaan semasa sehingga tahun 2040. - Justeru, usaha dalam menggalakkan penggunaan tenaga alternatif dan mesra alam perlu diperluas dalam konteks pembangunan di WP Labuan.
	M7 – CA13 Menaiktaraf kapasiti pencawang pengagih utama dan sistem pengagihan bagi mengelakkan gangguan bekalan.	- Dasar ini dilihat tercapai.Terdapat pertambahan PPU semasa (Tahun 2020) jika dibandingkan dengan jumlah PPU yang direkodkan pada Tahun 2010 iaitu PPU Pulau Enoe.
	M7 – CA14 Menggalakkan syarikat utiliti, institusi penyelidikan tinggi dan sektor industri menjalankan penyelidikan dan menggunakan sumber tenaga alternatif yang bersifat mesra alam dan boleh diperbaharui iaitu tenaga solar dan biomass.	- Dasar ini belum tercapai. Penggunaan sumber tenaga alternatif masih pada tahap yang rendah. Inisiatif penggunaan insinerator bagi tujuan pelupusan sisa juga telah dihentikan operasinya di WP Labuan.
	M7 – CA17 Menyediakan pelan induk pembetungan bagi perancangan jangka panjang dengan mengambil kira perancangan guna tanah masa hadapan.	- Dasar ini belum tercapai. Pelan Induk Pembetungan WP Labuan belum disediakan. Sekitar 40% daripada janaan PE di WP Labuan masih dirawat menggunakan tangki septik individu. - Dikenalpasti, terdapat juga kampung atas air yang masih mengamalkan kaedah tandas curah yang berupaya menjejaskan kualiti alam sekitar di Labuan.
	M7 – CA18 Menggunakan kaedah/pendekatan baru bagi sistem pelupusan sisa pepejal yang memberi kesan minimum ke atas alam sekitar dan komuniti serta mesra alam.	- Dasar ini dilihat tercapai dimana Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Kalam telah dilengkapi dengan kaedah rawatan leachate (Tahap IV). - Walau bagaimanapun, tapak sisa ini telah dikategorikan kritikal. Penggunaan berterusan tapak ini berpotensi mengakibatkan permasalahan dari segi kesihatan dan kualiti alam sekitar di WP Labuan.
	M7 – CA19 Menyediakan kemudahan bagi tujuan kitar semula dengan disokong oleh program kesedaran penduduk tempatan.	- Dasar ini belum tercapai. Peningkatan kutipan sisa pepejal menunjukkan inisiatif kitar semula masih lagi pada tahap yang rendah.
	M7 – CA20 Meningkatkan keupayaan sistem rangkaian jalur lebar di dalam dan antara wilayah dengan menggalakkan penggunaan teknologi berkapasiti tinggi.	- Dasar ini dilihat tercapai diaman capaian telekomunikasi di Labuan sedia ada adalah baik. Hampir 97% kawasan Pulau Besar di Labuan telah mendapat liputan 4G LTE. - Penambaikan dari segi kelajuan dan kapasiti perlu diberi tumpuan.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Polisi Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan (*Sustainable Energy Development Authority*)

Jadual 15.5: Penilaian Polisi Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Polisi Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan

Polisi	Cadangan Am	Pencapaian
Visi Polisi: Mencapai 20% Kapasiti Campuran Bagi Tenaga Boleh Baharu (TBB) Menjelang Tahun 2025	Melaksanakan Program Solar Skala Besar 3 (LSS3)	- Program LSS ini bertujuan untuk mengekalkan jaminan bekalan elektrik di samping memberikan impak besar ke atas tarif elektrik bagi pengguna. Projek LSS pertama mula berada di dalam sistem pada 2017. - Dalam konteks WP Labuan, pada tahun 2017, terdapat 40 bidaan projek berkaitan LSS yang menawarkan jumlah kumulatif 66MW. - Walau bagaimanapun, dikenalpasti tiada lagi projek LSS dibangunkan di WP Labuan (2020). - Justeru, inisatif polisi ini wajar diberi keutamaan untuk meningkatkan kapasiti campuran TBB di WP Labuan.
	Melaksanakan Peningkatan Meter Tenaga Bersih (NEM) Dan Pajakan Solar	- Program Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) merupakan satu konsep di mana tenaga yang dihasilkan dari pepasangan sistem fotovolta suria akan digunakan terlebih dahulu dan lebihannya akan dieksport ke grid nasional. Program NEM 3.0 melibatkan tiga (3) inisiatif baharu: - Program NEM Rakyat (Domestik) - Program NEM GoMEn (Kementerian dan Entiti Kerajaan) - Program NEM NOVA (Komersial dan Industri) - Tempoh Fasa 3 program ini bermula 2021- 2023. - Walau bagaimanapun, program ini difokuskan terlebih dahulu dengan operator bekalan tenaga TNB sahaja. - Justeru, inisiatif polisi ini berpotensi diperluas ke WP Labuan.

Sumber : Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Jadual 15.6: Penilaian Pelan Jalinan Digital Negara Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Polisi	Cadangan Am	Pencapaian
Jalinan Digital Negara (JENDELA)	Fasa 1: Target Nasional JENDELA (2020-2022) i. Memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk. ii. Mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps iii. Membolehkan 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit. iv. Penyediaan Platform 5G	- Liputan 4G di WP Labuan telah meningkat daripada 88.5% (Q1-2019) ke 97.4% (Q1-2020) - Purata kelajuan jalur lebah mudah alih di WP Labuan berjulat (27Mbps-36Mbps). - Relatifnya, liputan jalur lebar mudah alih dan kelajuan di Labuan telah mencapai target Nasional. - Fokus keutamaan adalah dalam pelaksanaan *Fiberise* premis dan penyediaan platform bagi liputan 5G.
	Fasa 2: Target Nasional JENDELA (RMK-12) i. Memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G 100% di kawasan berpenduduk. ii. Mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih kepada 100Mbps iii. Membolehkan 9.0 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit. iv. Pelancaran 5G	- Inisatif pelaksanaan di Fasa 2 ini bergantung kepada capaian prestasi semasa di FASA 1, dan halatuju pembangunan bagi RMK-12. - Pelan ini boleh digunapakai bagi memastikan WP Labuan, wilyayah (*5G - Ready*).

Sumber : Pelan JENDELA & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vii. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 15.7: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Infrastruktur dan Utiliti.

The Enablers		
Objektif	Strategi	Pencapaian
1 : Connectivity	*ST – C6* *Strategic Thrust 6: Enhancing Digital Connectivity & Communication.*	- Majoriti kawasan di WP Labuan terletak di dalam kawasan liputan 4G LTE (97.4%). Dengan liputan yang dilihat hampir menyeluruh, kadar capaian jalur lebar di WP Labuan dilihat berada di tahap baik. - Walau bagaimanapun, perancangan capaian internet pantas dengan peningkatan kapasiti perlu diperluas di WP Labuan.
	ST – I2 *Strategic Thrust 2: Encouraging Efficient Use of Water and Alternative Water Sources*	- Hampir (25%) daripada sistem paip agihan di WP Labuan direkodkan usang dan terdedah kepada risiko pecah atau bocor yang tinggi. - Setakat ini inisiatif bagi mengguna semula air sisa yang telah dirawat belum dilaksanakan di WP Labuan. - Justeru, strategi ini perlu dikekalkan dan inisiatif pelaksanaan perlu diperincikan dalam dokumen Rancangan Pemajuan Labuan 2040.
	ST – I3 *Strategic Thrust 3: Encouraging Energy Efficient and Use of Renewable Energy*	- Unjuran permintaan bekalan elektrik menunjukkan bekalan elektrik akan meningkat melebihi janaan semasa sehingga tahun 2040. - Penggunaan tenaga boleh baharu wajar diperluas sebagai sumber tenaga alternatif di WP Labuan. - Justeru, strategi ini perlu dikekalkan dan inisiatif pelaksanaan perlu diperincikan dalam dokumen Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Sumber : *Labuan Development Blueprint 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

15.2 Penemuan Semasa

15.2.1 Bekalan Air

Bekalan sumber air bersih adalah salah satu keperluan asas utama kehidupan. Perancangan dalam memastikan kelangsungan bekalan air harus dilihat secara holistik. Ianya merangkumi perancangan untuk pemeliharaan kawasan sumber air, kapasiti loji rawatan sedia ada, teknologi pengagihan bekalan dan akhirnya kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW).

i. Sumber Air Mentah

WP Labuan dikenalpasti mempunyai tiga (3) punca sumber air mentah iaitu sumber air permukaan (air sungai), air empangan dan air bawah tanah. Hampir 91% bekalan air mentah untuk WP Labuan diabstrak daripada air sungai iaitu Sg Padas di Sabah dan selebihnya 9% daripada Empangan Kerupang, Empangan Sg Pagar dan Empangan Bukit Kuda di WP Labuan (Rujuk Rajah 15.1). Manakala, bagi sumber air bawah tanah direkodkan tidak lagi beroperasi (Rujuk Jadual 15.8).

Jadual 15.8 : Sumber Air Mentah bagi WP Labuan

Sumber Air	Peratus Pengeluaran (%)
Sumber Air Permukaan	
Sg Padas, Sabah	91
Sg Kina benua, Labuan	-
Sumber Air Empangan	
Empangan Bukit Kuda	9
Empangan Sg Pagar	
Empangan Kerupang	
Sumber Air Bawah Tanah	
25 Telaga Tiub	-
Jumlah	100

Sumber: Jabatan Bekalan Air (JBA), WP Labuan 2020.
Nota:
i. Pengambilan air daripada Sg Kina benua dan Telaga Tiub direkodkan tidak lagi aktif.

ii. Pengeluaran dan Kapasiti Loji Rawatan Air Bersih

Secara keseluruhan, terdapat enam (6) unit loji rawatan air yang membekalkan air bersih bagi keseluruhan WP Labuan. Keupayaan bekalan air terawat yang dihasilkan adalah sekitar 82 Juta Liter Sehari (JLH). Dua (2) daripada loji rawatan ini beroperasi di Sabah dan empat (4) di WP Labuan (Rujuk Rajah 15.1). Walaubagaimanapun, dua loji rawatan yang bertempat di WP Labuan direkodkan tidak lagi beroperasi iaitu LRA Kina benua dan LRA Pohon Batu. Butiran loji rawatan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15.9.

Jadual 15.9 : Punca Bekalan Air dan Kapasiti Pengeluaran Semasa.

Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti (JLH)	
	Reka bentuk Kapasiti	Pengeluaran
WP Labuan		
Loji Rawatan Air (LRA) Jalan Kolam	18.0	5.5
Loji Rawatan Air (LRA) Sg Pagar	4.5	1.5
Loji Rawatan Air (LRA) Kina Benua	3.0	-
Loji Rawatan Air (LRA) Pohon Batu	3.0	-
Jumlah Kecil	**28.5**	**7**
Sabah		
Loji Rawatan Air (LRA) Lawa Gadong (F1)	37.8	35.0
Loji Rawatan Air (LRA) Lawa Gadong (F2)	45.6	40.0
Jumlah Kecil	**83.4**	**75**
Jumlah Keseluruhan	**111.9**	**82**

Sumber: Jabatan Bekalan Air (JBA), WP Labuan 2020
Nota: LRA Kina benua dan LRA Pohon Batu di WP Labuan direkodkan tidak lagi aktif.

Berdasarkan Jadual 15.9, kapasiti pengeluaran air daripada loji rawatan adalah sekitar **73%** daripada kapasiti maksimum reka bentuk loji. Justeru, dilihat terdapat potensi untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran air melalui penaiktarafan loji sedia ada terutamanya LRA Jalan Kolam. LRA Kina Benua juga berpotensi untuk beroperasi semula untuk menyumbang kepada jumlah pengeluaran bekalan air terawat di WP Labuan.

iii. Permintaan dan Penawaran Bekalan Air Bersih Semasa

Keadaan semasa merekodkan permintaan air bersih di WP Labuan (2019) adalah berjumlah 76.47 JLH dan penawaran semasa air terawat adalah berjumlah 82.0 JLH seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 15.10. Relatifnya, kapasiti pengeluaran sedia ada dilihat mencukupi pada tahun semasa (2020).

Jadual 15.10 : Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Air di WP Labuan (2020).

Wilayah	Permintaan/ Penggunaan	Penawaran	Perbezaan
WP Labuan	76.4 JLH	82.0 JLH	5.6 JLH

Sumber: Jabatan Bekalan Air (JBA), WP Labuan 2020.

iv. Ketersediaan Bekalan Air Mentah di WP Labuan

Ketersediaan bekalan air mentah di WP Labuan dilihat mempunyai kebergantungan yang tinggi daripada Negeri Sabah. Hampir 91% sumber air mentah diabstrak daripada Sungai Padas, Sabah dan selebihnya daripada empangan di WP Labuan.

Perubahan iklim berpotensi memberi kesan terhadap corak taburan hujan dan aliran sungai. Perubahan indikatif ini boleh mendatangkan kesan terhadap bekalan sumber air di WP Labuan.

Antara faktor yang mempengaruhi sebahagian besar iklim negara ini amnya adalah El Niño-Ayunan Selatan yang memberi kesan kepada kepelbagaian taburan hujan. Kesan El-Nino pada tahun 2016 mengakibatkan tempoh cuaca kering dan gelombang haba yang berpanjangan.

Loji air di Lawa Gadong, Sabah akan terjejas sekiranya paras Sungai Padas turun dengan mendadak. Cuaca kering yang berlanjutan berpotensi menyebabkan paras Sungai Padas turun hingga bawah 0.2 meter, sekaligus menjejaskan bekalan air di WP Labuan.

v. Implikasi Gangguan Bekalan Air

Kesan terhadap kebergantungan yang tinggi bekalan air daripada Sabah, perlu dilihat daripada pelbagai faktor terutamanya faktor cuaca panas berlanjutan, pencemaran air dan keadaan struktur fizikal infrastruktur paip sedia ada.

Penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Lawa Gadong atau insiden paip utama dasar laut pecah berupaya memberi kesan kritikal kepada aktiviti seharian/ekonomi di WP Labuan.

Dari aspek aktiviti seharian, anggaran hampir 70% penduduk di WP Labuan di 27 kampung akan mengalami catuan air.

Aktiviti pendidikan pengajian tinggi yang menempatkan lebih 5,000 ribu pelajar seperti di Kampus Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah (UMSKAL) dan 2,000 pelajar di Kolej Matrikulasi Labuan juga bakal terjejas.

WP Labuan juga mempunyai aktiviti industri ekonomi berimpak tinggi seperti aktiviti industri minyak dan gas. Pada tahun 2019, loji 1 Petronas Methanol direkodkan pernah ditutup akibat gangguan bekalan air. Kerugian fiskal yang tinggi ditanggung pemilik premis dengan anggaran 2 juta sehari, sekiranya krisis air berlanjutan lebih daripada 8 jam.

SUMBER AIR MENTAH BAGI LABUAN

- Air Sungai Padas, Sabah 91%
- Air Empangan, WP Labuan 9%

- Sg Padas, Sabah berpotensi terkesan daripada fenomena iklim
- Sekiranya paras air Sg Padas turun bawah 0.2 meter, bekalan air di Labuan akan terjejas.

- Bekalan air dari Sabah disalur melalui 2 paip utama di dasar laut.
- Kos penyelenggaraan tinggi, jika paip utama pecah dan menyebabkan gangguan bekalan air serius di Labuan.

Implikasi Gangguan Bekalan Air

Anggaran hampir 70% penduduk di 27 kampung di Labuan mengalami catuan air.

Aktiviti pendidikan di Kampus Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah (UMSKAL) dan Kolej Matrikulasi Labuan juga terjejas.

Loji 1 Petronas Methanol direkodkan pernah ditutup akibat gangguan air. Kerugian fiskal yang tinggi ditanggung premis dengan anggaran 2 juta sehari jika krisis air berlanjutan lebih 8 jam.

Empangan Bukit Kuda (Gambar Atas) dan Empangan Kerupang (Gambar Bawah) adalah sumber air mentah di WP Labuan.





Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040

iv. Liputan Bekalan & Sistem Agihan Bekalan Air

Liputan perkhidmatan bekalan air di Pulau Besar Labuan direkodkan 100% sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Bekalan air ini disalurkan melalui sistem perpaipan sepanjang 597.00km. Secara keseluruhan, terdapat sejumlah 34 tangki air sedia ada di WP Labuan.

Berdasarkan maklumat Jawatankuasa Pengurusan Bekalan Air Labuan, hampir **25%** daripada sistem paip agihan ini direkodkan usang iaitu melebihi usia 30 tahun. Hal ini berpotensi menyebabkan gangguan bekalan air jika berlakunya sebarang kejadian paip pecah atau bocor, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW).

v. Air Tidak Terhasil (*Non-Renewable Water*, NRW)

Merujuk kepada Jadual 15.11, pada tahun 2018, kadar purata NRW nasional seluruh negara direkodkan berjumlah 36.2%. Manakala, bagi WP Labuan sendiri merekodkan jumlah NRW 31.6% (2018). Ini menunjukkan kadar NRW Labuan adalah lebih rendah daripada NRW nasional. Walaubagaimanapun, usaha dalam mengurangkan kadar NRW perlu diteruskan bagi meningkatkan kapasiti agihan bekalan air.

Jadual 15.11 : Peratus Kadar Air Tidak Terhasil (NRW)

Kawasan	NRW (%)			
	2016	2017	2018	2019
Seluruh Negara	35.2	35.0	36.2	-
WP Labuan	32.2	32.0	31.6	35

Sumber: Laporan Tahunan 2018, SPAN dan Jabatan Bekalan Air Labuan 2020.

vi. Statistik Unjuran Permintaan Air

Unjuran permintaan bekalan air dihitung berdasarkan kadar purata keperluan air yang dikeluarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Bekalan Air (SPAN) bagi setiap kategori guna tanah. Unjuran ini adalah untuk memperlihatkan situasi pada tahun 2040 bagi WP Labuan serta mengambil langkah awalan dalam memenuhi permintaan hadapan terhadap bekalan air. Kadar NRW yang digunakan adalah berdasarkan kadar purata NRW pada Tahun 2018 iaitu (31%).


Bagi sektor perumahan, kadar permintaan dianggarkan berdasarkan purata (800 liter/hari/unit), sektor komersial (1,000 liter/hari/100m2) dan bagi sektor industri dipecahkan kepada tiga kategori iaitu Industri Ringan (33,000 liter/hari/hektar), Industi Sederhana (50,000 liter/hari/hektar) dan Industri Berat (65,000 liter/hari/hektar). Anggaran jumlah keseluruhan permintaan bekalan air adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 15.12.

Berdasarkan unjuran yang dilakukan, kapasiti pengeluaran air sedia ada adalah mencukupi untuk menampung permintaan sehingga tahun 2025. Walaubagaimanapun, permintaan bekalan air akan melebihi kapasiti semasa sebanyak (3.5 JLH) pada tahun 2030. Unjuran permintaan pada tahun 2030 mencatatkan sejumlah 85.5 juta liter sehari diperlukan, manakala tahun 2040 mencatatkan sejumlah 100.7 juta liter sehari.

Jadual 15.12 : Unjuran Keperluan Permintaan Air, Sehingga Tahun 2040 bagi WP Labuan.

Kategori	Item	Tahun				
		2020	2025	2030	2035	2040
Perumahan	Stok Perumahan (Unit)	22996	24725	26585	28584	30792
	Jumlah Permintaan Air Perumahan (Liter/Hari)	18,396,800.00	19,780,000.00	21,268,000.00	22,867,200.0	24,633,600.00
Komersial	Keluasan Lantai Komersial	332736	364865	400870	440428	483889
	Luas per 100m^2	3327	3683	4126	4697	5401
	Jumlah Permintaan Air Komersial (Liter/Hari)	3,327,360.00	3,648,650.00	4,008,700.00	4,404,280.00	4,838,890.00
Industri	Keluasan Keseluruhan (Hektar)	560.29	623.2425	686.195	749.1475	812.1
	Industri Ringan (Liter/Hari)	1,664,061.30	1,851,030.23	2,037,999.15	2,224,968.08	2,411,937.00
	Industri Sederhana (Liter/Hari)	7,003,625.00	7,790,531.25	8,577,437.50	9,364,343.75	10,151,250.00
	Industri Berat (Liter/Hari)	24,036,441.00	26,737,103.25	29,437,765.50	32,138,427.75	34,839,090.00
	Jumlah Permintaan Air Industri (Liter/Hari)	32,704,127.30	36,378,664.73	40,053,202.15	43,727,739.58	47,402,277.00
	Jumlah Permintaan Air (P+K+I), (Liter/Hari)	54,428,287.30	59,807,314.73	65,329,902.15	70,999,219.58	76,874,767.00
	Kadar NRW (31%) (Liter/Hari)	16,872,769.06	18,540,267.56	20,252,269.67	22,009,758.07	23,831,177.77
	Jumlah Keseluruhan Permintaan + NRW (Liter/Hari)	71,301,056.36	78,347,582.29	85,582,171.82	93,008,977.64	100,705,944.77
	Jumlah Penawaran Semasa (2020) (Liter/Hari)	82,000,000.00	82,000,000.00	82,000,000.00	82,000,000.00	82,000,000.00

Sumber: Unjuran Setiap Kategori Diolah daripada Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan, Perumahan & Perindustrian, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.
Nota: P: Perumahan, K: Komersial, I: Industri



Rajah 15.1
PELAN EMPANGAN DAN LOJI RAWATAN AIR SEDIA ADA DI WP LABUAN



Petunjuk :
- Empangan
- Loji Rawatan Air (LRA)

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air

15.2.2 Sistem Pembetungan

i. Jenis Sistem Pembetungan

Data semasa merekodkan kemudahan sistem pembetungan di WP Labuan adalah dibawah kawal selia pihak Indah Water Konsortium (IWK) kecuali:

a) Loji-loji swasta / persendirian yang mana kemudahan sistem pembetungan tidak diserahkan kepada pihak Indah Water Konsortium (IWK).
b) Tangki septik individu yang mana penyelenggaraan tangki septik adalah di bawah tanggungjawab individu atau premis.
c) Sistem tandas curah yang dipraktiskan oleh sesetengah penduduk di perkampungan tradisional.

Butiran semasa berkenaan kemudahan perkhidmatan pembetungan di WP Labuan adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 15.13.

Jadual 15.13: Bilangan Kemudahan Sistem Pembetungan di WP Labuan

Sistem pembetungan	Bil	PE
Indah Water Konsortium (IWK)		
Loji Rawatan Kumbahan Awam	30	44,225
Loji Rawatan Serantau Awam	1	28,054
Tangki Septik Komunal (CST)	5	790
Loji Swasta / Persendirian		
Loji Rawatan Kumbahan Persendirian	64	39,301
Tangki Septik Individu (IST)		
Tangki Septik Individu	9326	46,630*
Jumlah	9426	159,000

Sumber: Indah Water Konsortium (IWK) – Unit Perancangan 2020 & Jabatan Alam Sekitar WP Labuan, 2020.
Nota: PE = Penduduk Setara
*Anggaran pengiraan PE bagi satu tangki septik adalah 5PE

Berdasarkan Rajah 15.3, loji kumbahan di bawah kawal selia IWK adalah sebanyak 36 loji dengan jumlah penduduk setara (P.E), 73,069 P.E. Daripada 36 buah loji ini, terdapat 1 loji rawatan kumbahan serantau di WP Labuan yang berupaya menampung sejumlah 28,065 P.E.

Sistem pembetungan bukan di bawah perkhidmatan pihak IWK pula, sebahagian besarnya didominasi oleh tangki septik individu. Direkodkan sebanyak 9326 tangki septik dengan anggaran jumlah penduduk setara (P.E) melebihi 45,000 P.E. Manakala, terdapat 64 loji rawatan kumbahan persendirian yang menampung kadar P.E sejumlah 39,301 P.E.

Secara umumnya, perkhidmatan pembetungan di WP Labuan dilihat masih merangkumi loji rawatan kumbahan persendirian dan tangki septik yang tinggi. Isu yang berpotensi terhasil daripada kaedah rawatan ini boleh dikaitkan dengan masalah penyelengaraan dan piawai pelepasan yang pelbagai. Hal ini berpotensi menyumbang kepada salah satu punca pencemaran di WP Labuan.

ii. Unjuran Permintaan Sistem Pembetungan WP Labuan.

Unjuran sistem pembetungan di WP Labuan adalah berdasarkan unjuran peningkatan bilangan perumahan, anggaran peningkatan ruang lantai bagi kawasan komersial dan anggaran jumlah pekerja bagi sektor perindustrian.

Anggaran permintaan sistem pembetungan di WP Labuan memperlihatkan kadar Penduduk Setara atau Population Equivalent (P.E) pada tahun 2040 adalah sejumlah 171,056.67 P.E iaitu melebihi penawaran PE semasa di WP Labuan (Rujuk Jadual 15.14). Justeru, terdapat keperluan untuk membina loji rawatan baharu bagi menampung kapasiti PE pada masa hadapan.

Jadual 15.14 : Unjuran Janaan Penduduk Setara (P.E) bagi WP Labuan Sehingga 2040.

Kategori	Item	Tahun 2020	2025	2030	2035	2040
Perumahan	Stok perumahan	22996	24725	26585	28584	30792
	Kadar PE (5PE/Unit)	114,980.00	123,625.00	132,925.00	142,920.00	153,960.00
Komersial	Keluasan Lantai (m^2)	332736	364865	400870	440428	483889
	Luas Lantai / ($100m^2$)	3327	3649	4009	4404	4839
	Kadar PE (3PE/$100m^2$)	9,982.08	10,945.95	12,026.10	13,212.84	14,516.67
Industri	Jumlah Pekerja	6,700	7,000	7,400	8,100	8,600
	Kadar PE (0.3/pekerja)	2,010.00	2,100.00	2,220.00	2,430.00	2,580.00
Keperluan Kadar Keseluruhan (PE)		126,972.08	36,670.95	147,171.10	158,562.84	171,056.67
Penawaran Kadar (PE) Bagi Sistem Pembetungan Semasa (2020)		159,000.00	159,000.00	159,000.00	159,000.00	159,000.00

Sumber: Unjuran Setiap Kategori Diolah daripada Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan, Perumahan & Perindustrian, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.
Nota: PE = *Population Equivalent ,* Penduduk Setara

iii. Tandas Curah di WP Labuan

Tandas Curah adalah kaedah pelupusan sisa kumbahan secara terus tanpa melalui kaedah rawatan terlebih dahulu. Hasil tinjauan mendapati terdapat beberapa penempatan di WP Labuan yang masih mengamalkan kaedah ini. Ia terdiri daripada kawasan perumahan tidak terancang, kawasan penempatan khas dan kawasan setinggan (Rujuk Jadual 15.15).

Jadual 15.15 : Kawasan Penempatan Mengamalkan Kaedah Tandas Curah

Pembetungan (Tandas Curah)
Perumahan Tidak Terancang
i. Kampung Patau-Patau 1 ii. Kampung Patau-Patau 2 iii. Kampung Bebuloh Laut
Petempatan Khas (Skim Penempatan Masyarakat Pelarian SPMP)
i. Kampung Kiamsam ii. Kampung Muslim
Kawasan Setinggan Menduduki Tanah Kerajaan (Hutan & Rizab Sungai)
i. Sekitar Kg Muslim ii. Sekitar Kg Gersik

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.

Pengurusan kemudahan pembetungan di kawasan ini perlu diberi keutamaan bagi mengelakkan penurunan kualiti alam sekitar, penularan wabak penyakit berpotensi memberi kesan kesihatan kepada penduduk sekitar. Penyelesaian terhadap isu penempatan di kawasan setinggan juga perlu dirangka bagi mengelak kesan yang serupa di WP Labuan.


iv. Inisiatif Semasa Guna Semula Air

Pihak Indah Water Konsortium (IWK) telah merangka inisiatif *Waste to Wealth*, yang mengetengahkan inisiatif kitar semula air secara lestari. Inisiatif ini adalah hasil usaha sama syarikat IWK dan operator bekalan air. Rajah 15.2 menunjukan contoh model perniagaan bekalan air guna semula yang diperkenalkan oleh pihak IWK.

Amnya, rawatan bio-efluen yang dirawat di loji rawatan IWK akan dibekalkan kepada loji rawatan air untuk dirawat dengan lebih lanjut. Proses ini akan menghasilkan air terawat yang tidak boleh diminum tetapi selamat untuk kegunaan industri.

Air terawat yang tidak boleh diminum ini akan dihasilkan oleh loji rawatan air dan akan diagihkan oleh melalui jajaran paip khas kepada sektor industri.

Rajah 15.2: Contoh Model Perniagaan (*Business Model*) Bekalan Air Diguna Semula Bagi Kegunaan Industri.



Sumber: Pelan Model Perniagaan; Inisiatif Kitar Semula Air oleh Indah Water Konsortium .


Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, dianggarkan hampir 60% (32JLH) bekalan air terawat di WP Labuan disalurkan bagi kegunaan Industri.

Sehubungan itu, model perniagaan ini adalah antara salah satu inisaitif yang boleh diterjemahkan di dalam perancangan pembangunan WP Labuan. Insiatif ini berupaya untuk melonjakkan industri air ke tahap yang lebih baik. Ia juga dapat mengurangkan penggunaan air bersih terawat yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air, sekaligus meningkatkan kapasiti bekalan bagi kegunaan domestik.

Contoh Pelepasan Terus Air Sisa Dari Penempatan Kampung Atas Air di WP Labuan.



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040



Rajah 15.3
TABURAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI WP LABUAN



Petunjuk :

- Aset Loji Rawatan Kumbahan IWK
- Kawasan Perkhidmatan IWK
- Aset Loji Rawatan Kumbahan Swasta / Persendirian
- Taburan Rumah Kampung

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

15.2.3 Bekalan Elektrik

i. Keupayaan, Permintaan dan Liputan Bekalan Elektrik.

Keupayaan penjanaan bekalan elektrik untuk WP Labuan dibekalkan melalui loji janakuasa sedia yang bertempat di Patau-Patau, WP Labuan. Loji ini berfungsi (*interconnect grid*) dengan aset SESB di Beaufort (Sabah) bagi bekalan import / eksport. Butiran adalah seperti berikut:

- **Jenis Loji** : Janakuasa (3 unit *gas turbine* dan 1 unit *steam turbine*).
- **Kapasiti** : 104 MW
- **Lokasi** : Patau-Patau

Bekalan elektrik di WP Labuan dikendalikan oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB). Keupayaan keseluruhan janaan tenaga elektrik dari janakuasa ini adalah sekitar 104 MW. Permintaan bekalan elektrik di Labuan (2020) pula adalah sekitar 55-65 MW atau 62% daripada jumlah penawaran (Rujuk Jadual 15.16). Manakala tahun 2010 merekodkan jumlah peggunaan elektrik sejumlah 51 MW atau 49% penggunaan elektrik.

Secara relatifnya, terdapat peningkatan sebanyak 13% dalam permintaan bekalan elektrik bagi tempoh 10 tahun (2010-2020). Data semasa menunjukkan tidak terdapat isu bekalan pada masa kini. Liputan bekalan elektrik di Pulau Besar Labuan juga adalah 100%, di mana semua penduduk di Pulau Besar Labuan direkodkan menerima bekalan elektrik.

Jadual 15.16 : Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Elektrik di WP Labuan (2020).

Tahun	Permintaan/ Penggunaan	Penawaran	Rizab Margin
2010	51 MW	104 MW	53 MW
2020	55-65 MW	104 MW	39 MW

Sumber: Sabah Electricity Sdn Bhd, 2020 (Zon Labuan).

ii. Sistem Agihan Bekalan Elektrik

Dari aspek agihan bekalan elektrik, di WP Labuan terdapat satu (1) Pencawang Masuk Utama yang bertempat di Rancha-Rancha (132 KV). Manakala terdapat enam (6) Pencawang Pembahagian Utama (PPU) (33/11 KV). Jika dibandingkan dengan tahun 2010, terdapat satu pertambahan PPU iaitu PPU Enoe yang menyokong agihan bekalan elektrik di kawasan Pulau Labuan. Jadual 15.17 dan Rajah 15.5 menunjukkan jumlah PMU dan PPU di WP Labuan.

Jadual 15.17 : Permintaan dan Penawaran Semasa Bekalan Elektrik di WP Labuan (2020).

Item	Bil	Lokasi
Pencawang Masuk Utama (PMU)	1	PMU Rancha-Rancha (132KV)
Pencawang Pembahagian Utama (PPU)	6	PPU Wilayah (33/11KV)
		PPU Enoe (33/11KV)
		PPU Bangat (33/11KV)
		PPU Rancha Rancha (33/11KV)
		PPU Manikar (33/11KV)
		PPU Kiamsam (33/11KV)

Sumber: Sabah Electricity Sdn Bhd, 2020 (Zon Labuan).

iii. Unjuran Keperluan Bekalan Elektrik

Unjuran keperluan bekalan elektrik di WP Labuan adalah berdasarkan kepada unjuran peningkatan bilangan rumah, ruang lantai kawasan komersial dan luas tapak kawasan industri (Rujuk Jadual 15.18).

Analisis unjuran menunjukkan WP Labuan mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi sehingga tahun 2030. Walaubagaimanapun, rizab keperluan terhadap bekalan elektrik dijangka akan melebihi penawaran semasa pada tahun 2035. Dari aspek rizab margin bekalan juga, diunjurkan hampir mencapai penggunaan (90%) pada tahun 2025. Oleh itu, perancangan dalam usaha meningkatkan jumlah bekalan perlu bagi memastikan kelangsungan bekalan elektrik sehingga tahun 2040.

Jadual 15.18 : Unjuran Keperluan Bekalan Elektrik bagi WP Labuan Sehingga 2040.

Kategori		Tahun				
		2020	2025	2030	2035	2040
Perumahan	Stok perumahan (Unit)	22,996	24725	26585	28584	30792
	Keperluan (1.5kw/unit)	34,494	37,087	39,877	42,876	46,188
Komersial	Keluasan Lantai (m2)	199,642	218919	240522	264257	290333
	Keperluan (0.05kw/m2)	9,982	10,945.95	12,026.10	13,212.84	14,516.67
Industri	Keluasan Ekar	831	924	1,017	1,111	1,204
	Keperluan (50kw/Ekar)	41,534	46,201	50,868	55,534	60,201
	Jumlah Keperluan (kw)	86,010.38	94,234.42	102,771.24	111,623.14	120,905.64
	Penawaran Semasa (kw)	104,000	104,000	104,000	104,000	104,000


Sumber: Unjuran Setiap Kategori Diolah daripada Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan, Perumahan & Perindustrian, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.
Nota: Anggaran (60%) ruang lantai Komersial dan keluasan kawasan Industri diambilkira.

iv. Perancangan Pembangunan Kapasiti Tenaga

Tahun 2019, Pelan Pembangunan Penjanaan Semenanjung Malaysia (2020-2030) mengetengahkan polisi dan aspirasi Kerajaan seperti peningkatan kapasiti penjanaan TBB kepada 20% menjelang 2025 dan pengurangan sebanyak 35% intensiti pelepasan gas (karbon dioksida per Keluaran Dalam Negeri Kasar - KDNK) menjelang 2030. Pelan ini berperanan menentukan campuran kapasiti, campuran bahan api dan margin rizab yang optimum bagi 10 tahun yang akan datang.

Janaan tenaga di WP Labuan adalah termasuk dalam grid tenaga Sabah dibawah selian SESB. Grid ini dibahagikan kepada Grid Pantai Timur dan Grid Pantai Barat yang dihubungkan melalui talian penghantaran Kolopos-Segaliud 275kV. WP Labuan dikategorikan di dalam Grid Pantai Barat di mana stesen janakuasa di kawasan ini secara amnya bergantung tinggi dengan gas sebagai bahan api fosil utama (Rujuk Rajah 15.4).

Rajah 15.4: Pecahan Campuran Tenaga di Sabah Termasuk WP Labuan (2019)



Sumber: *Sabah Electricity Supply Industry Outlook, 2019*

Pelan perancangan SESB komited untuk membangunkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) selaras dengan aspirasi nasional – 20% (TBB) menjelang 2025.

Justeru, perancangan pembangunan TBB di WP Labuan perlu diberi keutamaan, dimana janakuasa tenaga di Labuan (2020) majoritinya dijana daripada gas sebagai bahan fosil. Eksplorasi TBB perlu diperluas dengan mengambil kira tenaga solar atau TBB bukan solar (hidro, biomass, biojisim)

v. Insiatif Pelaksanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Semasa Nasional

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan menguruskan pelaksanaan mekanisme TBB.

Mekanisma Tarif Galakan (FiT) telah diwujudkan bagi memastikan tenaga boleh baharu menjadi pelaburan jangka panjang yang kukuh untuk syarikat dan juga individu. sumber boleh baharu di bawah mekanisme tarif galakan (Feed-in Tariff – FiT) adalah sebagaimana berikut:

i. Fotovolta Solar
ii. Biojisim
iii. Biogas
iv. Hidrokuasa Kecil


Antara cadangan TBB di bawah Mekanisma Tarif Galakan (FiT) yang boleh difokuskan di WP Labuan adalah Fotovolta Solar. Ia dilihat sesuai dengan saiz WP Labuan, integrasi dengan kawasan tadahan dan potensi pengaplikasianya oleh penduduk dan pemain industri di Labuan.

Antara mekanisme lain yang mengalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu di peringkat Nasional adalah sebagaimana berikut:

i. Pemeteraan Tenaga Bersih (NEM)
ii. Solar Berskala Besar (LSS)
iii. Solar Photovoltaic Installation For Self-Consumption (SELCO)

Walau bagaimanapun, Skim NEM ini dikenalpasti difokuskan terlebih dahulu dengan operator bekalan tenaga TNB sahaja. Manakala, tiada lagi projek LSS dibangunkan di WP Labuan (2020).

Sehubungan itu, penekanan dan keutamaan perancangan dilihat wajar dimasukkan insiatif pelaksanaan tenaga boleh baharu (TBB) ini. Ianya selaras dengan aspirasi nasional yang menyasarkan peningkatan kapasiti penjanaan TBB kepada 20% menjelang 2025.



Rajah 15.5
PELAN RANGKAIAN BEKALAN ELEKTRIK WP LABUAN



Petunjuk :

- Stesen Janakuasa Patau - Patau
- Pencawang Masuk Utama (PMU)
- Pencawang Pembahagian Utama (PPU)
- Talian Rentis

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

15.2.4 Pengurusan Sisa Pepejal

i. Sistem Pengurusan Kutipan dan Janaan Sisa Pepejal Semasa

Pengurusan kutipan sisa pepejal di WP Labuan diselia oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Perbadanan Labuan. Data yang diperoleh merekodkan jumlah janaan sisa pepejal di WP Labuan adalah sejumlah 80,000 kg/hari. Sehingga tahun 2020, pungutan sisa pepejal telah dikenalpasti meliputi seluruh kawasan Pulau Besar Labuan. Butiran sistem kutipan sisa pepejal adalah sebagaimana dijadualkan dalam Jadual 15.19.

Jadual 15.19 : Butiran Pengurusan Sisa Pepejal di WP Labuan.

Aspek	Butiran
Operator	Jabatan Perkhidmatan Perbadanan Labuan
Janaan	75 – 80 tan/hari
Zon Kutipan	11 Zon
Jadual Kutipan	▪ Kawasan Bandar: Setiap Hari ▪ Kawasan Perumahan dan Kampung: 2-7 Kali Seminggu

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Perbadanan Labuan & Laporan Tahunan Perbadanan Labuan 2017.

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Perbadanan Labuan mempunyai 12 lori kompaktor sedia ada untuk memberi perkhidmatan kutipan harian sisa pepejal yang dijana. Walaubagaimanapun aset jentera / lori ini direkodkan telah uzur dan telah digunapakai pada tahap maksima.

ii. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

WiP Labuan mempunyai sebuah tapak pelupusan sanitari (Tahap IV) di Bukit Kalam. Keluasan tapak pelupusan ini adalah seluas 23 hektar.

- **Jenis Tapak** : Tapak Pelupusan Sisa Sanitari
- **Tahap** : Tahap IV
- **Keluasan** : 23 hektar
- **Tahun Buka** : 2016
- **Tahun Akhir** : 2022
- **Lokasi** : Kg Bukit Kalam

Tinjauan semasa menunjukkan tapak pelupusan sisa di WP Labuan telah direkabentuk dengan kaedah sanitari (Tahap IV). Kaedah ini mampu mengurangkan kadar pencemaran kepada alam sekitar. Walaubagaimanapun, tapak pelupusan ini dikenalpasti telahpun melebihi tahap tampungan semasa sebelum mencapai tahun akhir 2020. Penggunaan berterusan tapak ini berpotensi menyebabkan impak alam sekitar kepada kawasan persekitaran tapak. Oleh itu, terdapat keperluan pembinaan sel baharu bagi menampung kadar janaan sisa pepejal yang dihasilkan.

iii. Unjuran Janaan Sisa Pepejal

Unjuran janaan sisa pepejal di WP Labuan adalah berdasarkan kepada unjuran bilangan PE bagi sektor perumahan, peningkatan keluasan ruang lantai (ekar) bagi sektor komersial dan anggaran jumlah pekerja bagi sektor industri (Rujuk Jadual 15.20).

Berdasarkan analisis unjuran, janaan sisa pepejal dijangka terus meningkat daripada 84 tan/hari (2025) ke 106 tan/hari (2040). Purata janaan / kutipan semasa (2020) adalah sejumlah 75 – 80 tan/sehari.

Janaan sisa pepejal ini dijangka terus meningkat, hasil daripada peningkatan aktiviti pembangunan di WP Labuan. Justeru perancangan dalam mengurangkan kadar janaan sisa, pengasingan sisa di punca dan pembinaan sel tapak pelupusan baharu perlu dirancang bagi menampung sisa pepejal yang akan dijana menjelang tahun 2040.

Jadual 15.20 : Unjuran Janaan Sisa Pepejal Sehingga Tahun 2040 bagi WP Labuan.

Kategori	Item	Tahun 2020	2025	2030	2035	2040
Perumahan	Stok perumahan (Unit)	22996	24725	26585	28584	30792
	(5PE/Unit)	114,980.00	123,625.00	132,925.00	142,920.00	153,960.00
	Kadar Janaan (0.6kg/PE/hari)	68,988.00	74,175.00	79,755.00	85,752.00	92,376.00
Komersial	Luas Ruang Lantai Komersial (Ekar)	49.33	54.00	59.40	65.40	72.00
	Kadar Janaan (120 kg/ekar/hari)	5,919	6,480	7,128	7,848	8,640
Industri	Jumlah Pekerja	6,700	7,000	7,400	8,100	8,600
	Kadar Janaan (0.6kg/PE/hari)	4,020.00	4,200.00	4,440.00	4,860.00	5,160.00
Anggaran Janaan Keseluruhan (kg/hari)		78,927.84	84,855.00	91,323.00	98,460.00	106,176.00

Sumber: Unjuran Setiap Kategori Diolah daripada Sektor Perniagaan dan Perkhidmatan, Perumahan & Perindustrian, Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.
Nota: Anggaran (60%) ruang lantai komersial diambilkira.

15.2.5 Telekomunikasi

i. Jalur Lebar Mudah Alih

Analisis tinjauan semasa terhadap talian telekomunikasi di Labuan akan mengambil kira tahap capaian jalur lebar 2G, 3G, 4G LTE dan prestasi semasa capaian jalur lebar di Labuan. Antara agensi utama bertanggungjawab dalam pengurusan dan penyelenggaran sistem telekomunikasi ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Merujuk kepada data daripada pihak SKMM, majoriti kawasan di WP Labuan terletak di dalam kawasan 4G LTE dan 3G. Kawasan-kawasan penempatan di WP Labuah secara keseluruhanya menerima liputan 4G yang menyeluruh (Rujuk Rajah 15.6). Peratus liputan jalur lebar di WP Labuan bagi suku pertama 2020 (Q1-2020) ialah 97.4% bagi rangkaian (4G) dan 97.7% bagi rangkaian 3G & 2G (Rujuk Jadual 15.21).

Jadaual 15.21 : Perbandingan Peratus Liputan Jalur Lebar di WP Labuan (Q1-2019) dan (Q1-2020).

Tahun	Peratus (%) Litupan		
	2G	3G	4G
Q1-2019	94.9	94.79	88.54
Q1-2020	97.7	97.7	97.4

Sumber: Pejabat Wilayah Sabah & W.P Labuan, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) 2020.

Secara relatifnya, WP Labuan dilihat tidak mempunyai kekangan daripada segi liputan rangkaian telekomunikasi dan mempunyai liputan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menyeluruh. Usaha konsisten pihak SKMM dilihat berjaya meningkatkan kawasan liputan capaian telekomunikasi secara progresif.

ii. Prestasi Perkhidmatan Jalur Lebar Mudah Alih

Kadar penembusan Jalur Lebar per 100 penduduk adalah 113%. Pecahan kategori peratusan ini adalah 7.6% bagi talian tetap dan 105.6% bagi mudah alih. Data ini menunjukkan penduduk di WP Labuan menggunakan lebih daripada satu perkhidmatan rangkaian mudah alih dan lebih cenderung menggunakan talian jalur lebar mudah alih.

15.2.6 Pengairan dan Saliran

i. Sungai

Sistem saliran di WP Labuan dikategorikan kepada 7 buah lembangan (Rujuk Rajah 15.22) yang mempunyai 22 batang sungai semulajadi sepanjang 32.44km. Bagi kejadian banjir di WP Labuan dikenalpasti masih terkawal dan tiada kejadian banjir besar dalam tempoh masa yang lama direkodkan. Terdapat 15 kawasan yang merekodkan kejadian banjir dan ianya dikategorikan sebagai banjir kilat.

Jadual 15.22 : Senarai Lembangan dan Kawasan Banjir Kilat di WP Labuan.

No	Lembangan	Kawasan Banjir
1.	Batu Manikar	Kg Batu Manikar
2.	Sg Ganggarak	Kg Ganggarak, Kg Lajau, Kg Merinding, Kg Bukit Kuda
3.	Sg Lada	Kg Layang-layangan, Kg Sg Lada, Kg Sg Miri
4.	Sg Kinabenuwa	Kg Sg Buton, Kg Sg Bedaun, Kg Bukit Kalam, Kilan Kasim, Kg Belukut
5.	Sg Batu Arang	Kg Rancha-Rancha Darat
6.	Kerupang-Nagalang	Kg Nagalang
7.	Sg Gersik	Tiada rekod banjir

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Labuan, 2020.

ii. Pantai


Kedudukan geografi WiP Labuan menjadikan Labuan sebuah pulau yang mempunyai pantai berpasir sepanjang persisiran pantai. Terletak bersebelahan dengan Laut Cina Selatan, pantai Labuan terdedah kepada tekanan hakisan yang tinggi.

Persisir pantai Labuan telah dikategorikan kepada 16 pantai yang mempunyai tahap hakisan yang telah dikenalpasti melalui kajian ISMP (rujuk Rajah 15.23). Secara amnya, 1 pantai dikategorikan pada tahap hakisan kritikal, 4 pantai tahap ketara, 6 pantai dikategorikan hakisan belum serius dan 5 pantai stabil. Lima (5) yang berada dalam kategori kritikal dan ketara ini perlu diberi perhatian dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan pantai. Jadual 15.23 dan Rajah 15.7 menunjukkan kategori hakisan pantai di Labuan.

Jadual 15.23 : Senarai Pantai dan Kategori Hakisan di WP Labuan

No	PANTAI	Kategori hakisan	Jarak (km)
1	Pantai Sg. Pagar/Sg. Miri	I	1.438
2	Pantai Sg Lada	II	2.302
3	Pantai Sg Labu	III	1.612
4	Pantai Layang-Layangan	Stabil	2.533
5	Pantai Panchur Hitam	III	2.808
6	Pantai Pohon Batu	III	1.144
7	Pantai Batu Manikar	Stabil	3.339
8	Pantai Tanjung Kubong	Stabil	3.312
9	Pantai Lubok Temiang	II	3.399
10	Pantai Tanjung Aru	II	2.841
11	Pantai Nagalang	III	4.431
12	Pantai Tanjung Taras	III	1.815
13	Pantai Tanjung Bendera	Stabil	2.436
14	Teluk Victoria, Kina Benua, Bebuloh, Belukut dan Kiamsam	Stabil	26.620
15	Pantai Kiamsam	III	2.547
16	Pantai UMS	II	0.870

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Labuan, 2020.



Rajah 15.6
PELAN LIPUTAN 4G (LTE) DAN 3G DI WP LABUAN (Q1-2020)




Petunjuk :

- Kawasan Liputan 4G LTE
- Kawasan Liputan 3G

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 15.7

PELAN LEMBANGAN, KAWASAN BERISIKO HAKISAN DAN KAWASAN KG BERISIKO BANJIR KILAT WP LABUAN



Petunjuk :

- Lembangan Batu Manikar
- Lembangan Sg Ganggarak
- Lembangan Sg Lada
- Lembangan Sg Kina benua
- Lembangan Sg Nagalang - Kerupang
- Lembangan Sg Batu Arang
- Lembangan Sg Gersik
- Kampung Berisiko Banjir Kilat

- Hakisan Tahap i (Kritikal)
- Hakisan Tahap ii (Ketara)
- Hakisan Tahap iii (Belum Serius)
- Hakisan Tahap iv (Stabil)
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Badan Air & Pantai

15.3 Isu dan Prospek

Potensi dan isu-isu yang dikenalpasti adalah berdasarkan input daripada pihak berkepentingan, agensi kerajaan, dapatan kajian dan juga hasil pengamatan di kawasan kajian.

15.3.1 Bekalan Air

i. **Gangguan Bekalan Air Disebabkan Paip Agihan Pecah / Bocor .** Anggaran 25% (154km) paip agihan di WP Labuan adalah terdiri daripada paip yang usang melebihi 30 tahun. Penggantian paip-paip lama ini berupaya untuk mengurangkan gangguan bekalan air di WP Labuan.

ii. **Kebergantungan Tinggi Sumber Air Daripada Tanah Besar Sabah.** Kebergantungan tinggi sumber air daripada LRA Kg Lawa Gadong (Sabah) 91.%, jika dibandingkan dengan LRA di WP Labuan 9%. Risiko terputus / catuan bekalan air utama jika berlakunya penutupan LRA Lawa Gadong akibat masalah teknikal atau pencemaran di loji berkenaan.

iii. **Keperluan Eksplorasi Sumber Air Alternatif.** Bagi meningkatkan keupayaan bekalan air terawat di WP Labuan, sumber air alternatif perlu dibangunkan sebagai salah satu langkah proaktif. Ini bagi meningkatkan kadar kelangsungan bekalan air di WP Labuan.

iv. **Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) Yang Tinggi.** Kadar NRW WP Labuan dicatatkan sejumlah 35% pada Tahun 2019. Kadar yang tinggi ini bukan sahaja menunjukkan kehilangan air terawat semasa proses pengagihan tetapi juga boleh menyebabkan kerugian kepada syarikat/operator bekalan air.

15.3.2 Sistem Pembetungan

i. **Sejumlah 40% Daripada Kaedah Rawatan Semasa Terdiri Daripada Rawatan Primitif.** WP Labuan mencatatkan sejumlah 9325 tangki septik individu dan terdapat juga penempatan yang masih mempraktikkan sistem tandas curah. Kaedah ini tidak berupaya untuk merawat sisa kumbahan mengikut piawaian pelepasan yang ditetapkan.

ii. **Loji Rawatan Serantau Yang Terhad.** WP Labuan dilihat mempunyai loji rawatan serantau yang terhad. Perancangan strategik perlu dirangka bagi menempatkan loji rawatan serantau yang mampu menampung kadar Penduduk Setara (P.E) di Labuan.

15.3.3 Pengurusan Sisa Pepejal

i. **Tahap Kapasiti Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Kalam Yang Kritikal.** Peningkatan anggaran jumlah sisa pepejal ini adalah disebabkan peningkatan jumlah penduduk dan sisa domestik yang semakin meningkat.

ii. **Aset Jentera dan Lori Yang Uzur**. Direkodkan, Jabatan Perbandaran Labuan mempunyai 12 lori kompaktor yang uzur. Kos penyelenggaran aset lori dan jentera ini dikenalpasti telah melebihi peruntukan yang disalurkan.

iii. **Tapak Pelupusan Bukit Kalam yang Ditutup**. Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Bukit Kalam yang ditutup perlu melalui prosedur Penutupan Selamat Tapak Pelupusan bagi mengelakkan isu kemerosotan kualiti alam sekitar.

15.3.4 Bekalan Elektrik

i. **Penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Yang Minimal.** Bekalan semasa tenaga di WP Labuan majoritinya, dijana melalui janakuasa (*Gas Turbine & Steam Turbine*). Tiada lagi projek solar berskala besar dikenalpasti dibangunkan di WP Labuan (2020).

15.3.5 Telekomunikasi

i. **Keperluan Penyediaan Infrastruktur Komunikasi Secara Terancang.** Peletakan lokasi struktur pemancar komunikasi dan laluan kabel gentian optik tidak dirancang di peringkat awal. Ia menyebabkan penyediaan ini menelan kos yang tinggi dan masa yang lama untuk dinikmati oleh pengguna.

15.3.6 Sistem Saliran , Banjir dan Hakisan Pantai

i. **Pesisir Pantai Labuan Berisiko Hakisan.** 1 pesisir pantai mengalami hakisan kritikal, 4 persisir pantai dikategorikan mengalami hakisan ketara.

ii. **Kejadian Banjir.** Banjir di Labuan telah direkodkan di 15 buah lokasi. Kategori banjir ini dikategorikan sebagai banjir kilat dengan paras berjulat di antara air 0.35 – 0.5 meter. Antara faktor banjir ini adalah disebabkan sistem perparitan yang tersumbat oleh sisa pepejal.

15.4 Cadangan Am

Berdasarkan beberapa isu awal yang dikenalpasti daripada penemuan kajian, berikut merupakan cadangan awal yang boleh diterapkan sebagai langkah strategik bagi menyelesaikan isu permasalahan yang telah diketengahkan.

15.4.1 Bekalan Air

i. **Meningkatkan Janaan Kapasiti Bekalan Air daripada WP Labuan.** Kebergantungan yang tinggi sumber air daripada Sabah, berpotensi mengakibatkan pelbagai impak jika berlaku sebarang gangguan bekalan, baik dari segi kegunaan domestik dan kegunaan industri. Justeru, tumpuan perlu diberikan terhadap usaha dalam meningkatkan kapasiti air dari WP Labuan sendiri.

ii. **Cadangan projek penggantian paip lama di WP Labuan.** Paip usang sedia ada adalah usang dan seringkali bocor. Penggantian paip-paip lama ini berupaya untuk mengurangkan gangguan bekalan air di WP Labuan.

iii. **Penerokaan bekalan air alternatif – *Ganggarak Coastal Reservoir*.** Cadangan sumber air alternatif ini dijangka akan mengurangkan kebergantungan sumber air daripada Tanah Besar Sabah.

iv. **Peningkatan Pembekalan dan Liputan Air Bersih.** Cadangan menaiktaraf loji-loji di WP Labuan. Keupayaan loji-loji sedia ada di WP Labuan boleh dinaiktaraf bagi memastikan pengeluaran air dapat mencapai kadar optimum reka bentuk sekaligus dapat meningkatkan kapasiti bekalan air terawat di WP Labuan.

v. **Cadangan Projek Pilot Penggantian Meter Pengguna Kepada *Smart Meter* Di WP Labuan.** Penggunaan *smart meter* di Labuan dapat memberikan bacaan yang lebih tepat kepada pengguna.

15.4.2 Sistem Pembetungan

i. **Cadangan Penyediaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau.** Sejumlah 40% kaedah rawatan di WP Labuan masih mengamalkan kaedah rawatan primitif. Oleh itu cadangan penyediaan loji rawatan kumbahan serantau ini dilihat berupaya meningkatkan tahap sanitasi rawatan kumbahan di WP Labuan.

ii. **Cadangan Inisiatif Kitar Semula Air Secara Lestari *Waste To Wealth* (WTW).** Cadangan ini lebih tertumpu kepada kaedah penyelenggaraan tangki septik individu. Tangki septic ini perlu dikosongkan sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap dua (2) tahun untuk mengelakkan masalah pencemaran.

15.4.3 Bekalan Elektrik

i. **Galakkan Penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB).** Potensi cadangan TBB di boleh difokuskan di WP Labuan adalah Fotovolta Solar. Ia dilihat sesuai dengan saiz WP Labuan, potensi integrasi dengan kawasan tadahan dan potensi pengaplikasianya oleh penduduk dan pemain industri di Labuan.

15.4.4 Pengurusan Sisa Pepejal

i. **Meningkatkan Kapasiti Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari.** Keadaan semasa TP Bukit Kalam sudah melebihi kapasiti semasa. Oleh itu, pembinaan *cell sanitary landfill* yang baharu adalah penting bagi menampung sisa pepejal yang dijana di WP Labuan.

ii. **Keperluan Melaksanakan Pelan Penutupan Selamat Tapak Pelupusan.** Kaedah ini dapat mengelakkan punca kemerosotan kualiti alam sekitar daripada tapak pelupusan.

iii. **Alternatif teknologi Sisa kepada Tenaga (*Waste to Energy*) .** Penerokaan terhadap sumber alternatif sisa kepada tenaga boleh diperkenalkan di WP Labuan. Kaedah WTE adalah lebih mampan dan selaras dengan inisiatif ke arah *Labuan Smart and Sustainable Island.*

15.4.5 Telekomunikasi

i. **Mengukuhkan pelaksanaan *Fiberisation* –Jalur Lebar Tetap bagi Premis di Labuan.** Tumpuan perlu diberikan terhadap usaha meningkatkan jumlah premis yang mendapat akses jalur lebar berkelajuan tinggi, selaras dengan aspirasi Nasional.

ii. **Menggunapakai Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I).** Penggunaan garis panduan ini membantu dalam penyediaan infrastruktur komunikasi yang lebih terancang.

15.4.6 Pengairan dan Saliran

i. **Meminimakan Risiko Banjir Melalui Pembangunan Pelan Induk Saliran, WP Labuan.** Pemetaan pelan induk saliran adalah salah satu inisiatif proaktif dalam merangka rancangan pengairan dan saliran di Labuan. Risiko banjir dapat diminimakan. Air larian hujan juga dapat dimaksimakan dengan perancangan yang lebih strategik.

ii. **Meneruskan Pelaksanaan Cadangan *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP).** Kajian Pelan Pengurusan Pesisir Pantai (ISMP) telah dilaksanakan. Oleh itu, terdapat cadangan pemeliharaan telah disyorkan bagi menambah baik permasalahan hakisan pantai di WP Labuan.

BAB

16



Pengangkutan Dan Pengurusan Lalulintas



Terminal Bas & Teksi
WP Labuan



Petronas Chemicals Methanol Labuan Plant 2

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas

16.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor pengangkutan dan pengurusan lalulintas melibatkan dasar-dasar diperingkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor pengangkutan dan pengurusan lalulintas seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 16.1 hingga 16.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 16.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas.

Teras 5: Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

Bidang Fokus	Strategi	Pencapaian
A : Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu berdasarkan keperluan	A1 : Memperkukuh ketersambungan merentasi pelbagai mod pengangkutan dan wilayah	- Dasar perhubungan perkhidmatan udara masih belum tercapai tetapi masih relevan dan perlu diteruskan. Ini bagi menyokong pembangunan ekonomi selaras dengan perletakan WP Labuan dalam kedudukan Wilayah BIMP-EAGA. - Langkah strategik ini juga telah diperincikan di dalam *Labuan Development Blueprint 2030* - Perancangan bagi menaikkan modal split pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian 40: 60 (DPN 2) adalah dilihat gagal dimana modal split semasa W.P. Labuan adalah 9.3 : 90.7

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 16.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas

Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
PD 3 : Hubungan dan akses yang dipertingkatkan	PD 3.1 : Membangunkan rangkaian dan perhubungan pengangkutan jalan raya	- Dasar ini masih relevan dan cadangan pembangunan bersesuaian akan diperincikan di peringkat rancangan tempatan. - Tinjauan awal menunjukkan, cadangan jalan adalah dalam proses perlaksanaan secara berperingkat. - Sebagai contoh projek yang telah terlaksana ialah Jalan Persisir Pantai Membedai.
	PD 3.3 : Mempertingkat perkhidmatan pengangkutan air	- Dasar ini relevan, cadangan bagi meluruskan laluan feri Menumbok ke Labuan telah dicadangan di peringkat RSN dan *Labuan Development Blueprint* dan telah dilaksanakan.
	PD 3.4 : Meningkatkan perhubungan udara serantau dan tempatan	- Dasar ini belum tercapai tetapi masih perlu dikekalkan bagi menyokong kegiatan ekonomi seperti yang dicadangkan dalam *Labuan Development Blueprint* iaitu meletakkan Lapangan Terbang Labuan sebagai hab kargo udara dan laluan pintu masuk utama.

Sumber : Rancangan Fizikal Negara ke - 3 (RFN Ke - 3) & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 16.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
2.3 : Pemerkasaan sistem pengangkutan awam yang komprehensif, mampan, bersepadu, efisien dan mampu tangung	2.3.1 : Perancangan sistem pengangkutan yang mencapai modal split 40 : 60	- Dasar ini gagal kerana berdasarkan Kajian Rancangan Pemajuan Labuan modal split semasa adalah 9.3 : 90.7 jauh menurun berbanding 33.7 : 66.3 pada tahun 2009.

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 16.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas.

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: M2 - Jaringan Pengangkutan Darat, Udara dan Laut diperkukuh untuk meningkatkan kemudahsampaian	M2-CA1 Membina jalan baru dan menaiktaraf jalan raya sedia ada bagi menampung keperluan lalulintas dan kemudahsampaian.	- Dasar ini relevan dan perlu dikekalkan. - Tinjauan semasa menunjukkan, cadangan projek masih dalam proses pelaksanaan secara berperingkat. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembinaan Jalan Persisir Pantai Membedai. - Berpandukan dasar ini, penambahbaikan dalam cadangan – cadangan jalan baru akan diperincikan pada peringkat rancangan tempatan.
	M2-CA2 Membina pelabuhan baru bagi meningkatkan perkhidmatan logistik untuk perkhidmatan minyak dan gas di Rancha-Rancha.	- Tinjauan semasa menunjukkan inisiatif pelaksanaan pelabuhan baru ini belum tercapai dan masih dalam proses perlaksanaan.
	M2-CA3 Meluruskan laluan feri sedia ada ke Menumbok, Sabah bagi memendekkan jarak dan masa perjalanan.	- Jadual pejalanan Labuan ke Menumbok bagi tahun 2015 dan 2019 menunjukkan masa perjalanan dapat dipendekkan dari (1 jam 30 minit kepada 15 minit).
	M2-CA4 Mempertingkatkan perkhidmatan kargo udara di kawasan lapangan terbang Labuan sebagai hab logistik udara.	- Belum tercapai. - Berdasarkan analisis data Statistik Pengangkutan Malaysia 2019, perkhidmatan jumlah kargo yang dikendalikan dikenalpasti semakin berkurang bermula tahun 2015.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030, & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 16.4: Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas.

Teras 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: M2 - Jaringan Pengangkutan Darat, Udara dan Laut diperkukuh untuk meningkatkan kemudahsampaian	M2-CA5 Menghubungkan lapangan terbang Labuan ke kawasan perindustrian Rancha-Rancha untuk kemudahan logistik bagi perkhidmatan logistik.	- Telah tercapai dengan pembinaan Jalan Pintas Gersik / Jalan Tuanku Sharif Kedah (L760) sebagai jalan sambungan terus ke Perindustrian Rancha – Rancha
Dasar Am: M3 - Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu Diperkukuh ke Arah Perkhidmatan yang Lebih Cekap dan Berkesan.	M3-CA1 Mewujudkan agensi penyelaras dalam pengurusan pengangkutan awam.	- Belum tercapai. Tahun 2016, APAD Sabah telah menamatkan operasinya. Agensi terlibat untuk pengurusan pengangkutan awam kini adalah LPKP.
	M3-CA2 Menaiktaraf perkhidmatan bas bagi meningkatkan kemudahsampaian bagi mempertingkatkan perkhidmatan bas sebagai mod pengangkutan awam bagi penduduk Labuan.	- Langkah – langkah bagi mencapai dasar belum dapat dicapai. Pisah Ragam semasa kian menurun daripada **33.7 : 66.3** bagi tahun 2009 kepada **9.3 : 90.7** bagi tahun 2020.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030, & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 16.5: Penilaian Pencapaian Dasar *Labuan Development Blueprint* 2030 Berkaitan Sektor Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
1 : Connectivity	*ST – C1* *Strategic Thrust 1 : Enhancing the symbiotic bond between Labuan and Sabah*	- Dasar ini masih relevan dan dikekalkan untuk mempertingkatkan kemudahsampaian ke Sabah dengan cadangan pembinaan jambatan dari Menumbok ke WP Labuan. - Berpandukan dasar ini, langkah strategik yang diambil dilihat berupaya meningkatkan kemudahsampaian Labuan dengan tanah besar Sabah - apabila cadangan Jambatan Menumbok ke WP Labuan terlaksana, seterusnya bersambung dengan Lebuhraya Pan Borneo.
	ST – C2 *Strategic Thrust 2 : Positioning Labuan as a regional gateway*	- Dasar ini dilihat relevan dengan keperluan inisiatif untuk menaiktaraf pelabuhan dan lapangan terbang untuk menerima barangan dagangan domestik dan antarabangsa. Ianya dilihat selaras dengan penglibatan WP Labuan dalam wilayah BIMP-EAGA. - Dasar ini juga relevan untuk disokong dengan penerimaan WP Labuan sebagai satu hab kargo menjelang tahun 2030.
	ST – C3 *Strategic Thrust 3 : Improving local road access and mobility*	- Dasar ini masih relevan dan dalam proses pelaksanaan dimana cadangan jalan akan dilaksanakan secara berperingkat dan ada antara projek yang telah terlaksana seperti Jalan Pesisir Pantai Membedai
	ST – C4 *Strategic Thrust 4 : Achieving 40 : 60 of modal split share by 2030*	- Dasar ini gagal berdasarkan data nisbah modal split yang menurun iaitu sebanyak 9.3 : 90 (semasa) berbanding 33.7 : 66.7 pada tahun 2009

Sumber : *Labuan Development Blueprint* 2030.

16.2 Penemuan Semasa

16.2.1 Rangkaian Jalan Raya Semasa

Hierarki jalan tertinggi di WP Labuan adalah jalan pengagih sekunder (tiada lebuhraya dan jalan pengagih utama di WP Labuan) yang menjaringi hampir keseluruhan kawasan kajian. Secara keseluruhan, jalan pengagih sekunder di WP Labuan direkabentuk dengan jalan tunggal dua (2) lorong dua (2) hala kecuali Jalan Persekutuan Labuan 700 (L700) dan Jalan Persekutuan Labuan 760 (L760).

Dua (2) jalan ini direka bentuk dengan jalan berkembar dua (2) lorong dua (2) hala dengan piawaian U4/R4. Panjang keseluruhan jalan berkembar dua (2) lorong dua (2) hala adalah 22.74 kilometer iaitu bersamaan 16.32% daripada panjang keseluruhan Jalan Utama Persekutuan di WP Labuan.

Terdapat enam puluh dua (62) batang Jalan Persekutuan bagi WP Labuan. Jadual 16.6 dan Rajah 16.1 menunjukkan senarai jaringan jalan raya semasa di WP Labuan.

Jadual 16.6 : Daftar Jalan Utama Persekutuan WP Labuan.

Bil	No. Laluan	Nama Jalan	Panjang KM
1	L700	Jalan Patau-Patau / Jalan Tun Mustapha / Jalan Pohon Batu / Jalan Batu Manikar	21.55
2	L701	Jalan Lubok Temiang	3.45
3	L702	Jalan Tanjong Kubong	3.40
4	L703	Jalan Sungai Pagar / Jalan Sungai Lada / Jalan OKK Daud	12.15
5	L704	Jalan Damai / Jalan Mohammed Salleh	6.30
6	L705	Jalan Bebuloh	7.85
7	L706	Jalan Ranca-Ranca	6.25
8	L707	Jalan Pulau Buah / Jalan Batu Arang	4.70
9	L708	Jalan OKK Abdullah	2.10
10	L709	Jalan Tanjong Batu / Jalan Tanjong Purun	3.30
11	L710	Jalan Bukit Kuda	3.60
12	L711	Jalan Kampong Jawa / Jalan Jumidar Buyong	1.60
13	L712	Jalan Pahlawan	0.65
14	L713	Jalan Tanjong Aru	2.85
15	L714	Jalan Durian Tunjong	0.70
16	L715	Jalan Haji Kudus	0.70
17	L716	Jalan Kerupang I	0.80
18	L717	Jalan Kerupang II	1.10
19	L718	Jalan Kerupang III	0.90
20	L719	Jalan Penghulu Tuah	1.60
21	L720	Jalan Kolam	1.05
22	L721	Jalan Bukit Timbalai	2.95
23	L722	Jalan Ranca-Ranca Lama	2.00
24	L723	Jalan SK Patau-Patau	0.60
25	L724	Jalan Masjid	0.35
26	L725	Jalan Kelab Golf	0.60
27	L726	Jalan Hospital	0.35
28	L727	Jalan Tanjong Taras	0.90
29	L728	Jalan Tentera	1.05
30	L729	Jalan Membedai	0.70
31	L730	Jalan Sawangan China	0.95
32	L731	Jalan Arshat	1.15

Sumber: Buku Statistik Jalan Edisi 2019, Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Jadual 16.6 : Daftar Jalan Utama Persekutuan WP Labuan. (samb.)

Bil	No. Laluan	Nama Jalan	Panjang KM
33	L732	Jalan Penyambung Bunga Tanjung	0.42
34	L733	Jalan Gersik	0.60
35	L734	Jalan Haji Ismail	0.26
36	L735	Jalan Pancur Hitam - Layangan	4.05
37	L736	Jalan Persisiran Tanjung Aru	2.85
38	L737	Jalan Masuk SMK Lajau	0.26
39	L738	Jalan Bebuloh - Rancha - Rancha	4.50
40	L739	Jalan Tangki Air Kiansam	0.57
41	L740	Jalan Sungai Pagar Bebuloh	3.00
42	L741	Jalan Bebuloh Terminal Shell	2.74
43	L742	Jalan Masuk Kompleks Kastam	1.00
44	L743	Jalan Thermal Oxidation Plant (TOP)	1.80
45	L744	Jalan Tangki Air Kinabenuwa	0.90
46	L745	Jalan Masuk SK Layang - Layangan	0.60
47	L746	Jalan Bukit Besar	4.75
48	L747	Jalan Tangki Air Bukit Besar	0.60
49	L748	Jalan Loji Air Sungai Pagar	0.50
50	L749	Jalan Stesen RML Bukit Timbalai	0.19
51	L750	Jalan Taman Mutiara	0.39
52	L751	Jalan Masuk SMK Mutiara	0.18
53	L752	Jalan Kompleks Sukan	1.30
54	L753	Jalan Loji Air Kerupang	0.36
55	L754	Jalan Nagalang	1.00
56	L755	Jalan Terminal Airport	1.03
57	L756	Jalan Kompleks Waterfront	2.25
58	L757	Jalan Merdeka	0.73
59	L758	Jalan Tenaga	1.90
60	L759	Jalan Masuk SK Pekan 1	0.33
61	L760	Jalan Pintas Gersik	1.19
62	L761	Jalan Sekolah Antarabangsa Labuan	0.90
		Jumlah	139.35

Sumber: Buku Statistik Jalan Edisi 2019, Kementerian Kerja Raya Malaysia

Jalan Pengagih Sekunder (Jalan Berkembar) di Jalan Pohon Batu (L700)



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jalan Pengagih Sekunder (Jalan Tunggal) di Jalan Tanjung Aru (L713)



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 16.1
RANGKAIAN JALAN RAYA DI WP LABUAN



Petunjuk :

- Pelabuhan
- Terminal Feri dan RORO
- Lapangan Terbang
- Jaringan Jalan Persekutuan Labuan
- L741 Nombor Jalan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Badan Air & Pantai

16.2.2 Isipadu dan Tahap Keupayaan Jalan Raya Semasa

Berdasarkan analisis tahap keupayaan jalan raya semasa didapati empat (4) stesen kajian pada keadaan semasa beroperasi dengan aliran trafik tidak stabil iaitu LOS D hingga LOS F (Rujuk Jadual 16.8 dan Rajah 16.2). Jalan-jalan yang terlibat adalah :

- J2: Jalan Jumidar Buyong
- J6:Jalan Rancha-Rancha (L706)
- J19 Jalan Bebuloh – Rancha-Rancha (L738)
- J20: Jalan Rancha – Rancha (Berhampiran Balai Bomba)(L706)

Jalan-jalan ini perlu dinaiktaraf bagi menampung kapasiti masa hadapan. Jadual 16.7 menunjukkan penerangan tahap khidmat jalan (LOS).

Jadual 16.7 : Penerangan Tahap Khidmat Jalan (LOS)

LOS	Nisbah Isipadu / Kapasiti (v/c)
LOS A	0.0 – 0.26
LOS B	0.27 – 0.44
LOS C	0.45 – 0.64
LOS D	0.65 – 0.85
LOS E	0.86 – 1.00
LOS F	>1.00

Sumber: *Highway Capacity Manual 2000*

Jadual 16.8 : Isipadu trafik 16 jam, Jumlah Trafik Waktu Puncak dan Tahap Keupayaan Jalan Semasa.

No Stesen	Nama Jalan	Jumlah Trafik 16 Jam (vph)	Jumlah Trafik Waktu Puncak (pcu)	Kapasiti (pcu)	*Volume / Capacity* (v/c)	LOS
J1	Jalan Tun Mustapha (L700)	34,295	3,047	8,000	0.38	B
J2	Jalan Jumidar Buyong	22,966	2,003	3,400	0.59	D
J3	Jalan Tanjong Batu (L709)	11,528	1,155	3,400	0.34	B
J4	Jalan Tanjong Purun (L709)	8,300	904	4,000	0.23	A
J5	Jalan Patau – Patau (L700)	23,790	2,319	8,000	0.29	B
J6	Jalan Rancha – Rancha (L706)	29,721	2,999	3,800	0.79	D
J7	Jalan Pohon Batu (L700)	28,589	2,839	8,000	0.35	B
J8	Jalan Pohon Batu (Ganggarak) (L700)	19,055	2,743	8,000	0.34	B
J9	Jalan Batu Arang (L707)	7,167	858	3,800	0.23	A
J10	Jalan Batu Manikar (L700)	2,728	501	3,800	0.13	A
J11	Jalan Pancur Hitam - Layangan (L734)	2,394	470	3,800	0.12	A
J12	Jalan OKK Daud (L703)	7,485	992	3,800	0.26	A
J13	Jalan Mohamad Salleh (L704)	8,464	980	3,800	0.26	A
J14	Jalan Bukit Kuda (L710)	6,667	865	3,800	0.23	A
J15	Jalan Mohamad Salleh (Berhampiran Hospital Labuan)(L704)	15,454	1,757	3,800	0.46	C
J16	Jalan Bebuloh (L705)	7,349	850	3,800	0.22	A
J17	Jalan Bukit Besar (L746)	4,729	622	3,800	0.16	A
J18	Jalan Bebuloh (Berhampiran Balai Polis Bebuloh) (L705)	10,186	1,410	3,800	0.37	B
J19	Jalan Bebuloh / Rancha – Rancha (L738)	30,008	3,793	3,800	1.00	F
J20	Jalan Rancha – Rancha (Berhampiran Balai Bomba)(L706)	35,963	3,540	3,800	0.93	E
J21	Jalan Patau – Patau (Kawasan Industri Rancha - Rancha)(L700)	36,150	4,415	8,000	0.55	C

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

16.2.3 Tahap Keupayaan Persimpangan Semasa

Sejumlah 16 Stesen Bancian Persimpangan Utama telah dipilih bagi menilai tahap keupayaan persimpangan dalam mengendalikan keperluan isipadu lalintas semasa.


Daripada hasil analisis, terdapat 6 buah persimpangan (Rujuk Jadual 16.9) yang telahpun beroperasi melebihi kapasiti iaitu LOS F dan ianya perlu dinaiktaraf untuk menampung keperluan isipadu lalulintas masa hadapan. Persimpangan terlibat adalah sebagaimana yang dirumuskan berikut.

- **P3** - Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Kampung Jawa
- **P5** - Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Rancha - Rancha (L706)
- **P7** - Jalan Patau - Patau (L700) / Jalan Pintas Gersik (L760)
- **P12** - Jalan Bebuloh (L705) / Jalan Bebuloh – Rancha – Rancha (L738)
- **P13** - Jalan Rancha - Rancha (L706) / Jalan Bebuloh – Rancha-Rancha (L738)
- **P14** - Jalan Rancha - Rancha (L706) / Jalan Patau - Patau (L700)

Jadual 16.9: Tahap Keupayaan Persimpangan Semasa Bagi Tahun 2020 di WP Labuan.

Stesen Bancian	Penerangan Lokasi	Jumlah Trafik Waktu Puncak	Kadar Kelengahan	LOS
P1	Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Patau - Patau (L700)	3,906	72.3	E
P2	Jalan Tanjong Purun (L709) / Jalan Jumidar Buyong / Jalan Tanjong Batu	1,388	8.7	A
P3	Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Kampung Jawa	3,988	158.9	F
P4	Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Kolam (L720) / Jalan Pintas Gersik (L760)	4,954	43.9	D
P5	Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Rancha - Rancha (L706)	6,663	216.4	F
P6	Jalan Tun Mustapha (L700) / Jalan Mohammed Salleh (L704)	3,769	47.1	D
P7	Jalan Patau - Patau (L700) / Jalan Pintas Gersik (L760)	6,408	161.9	F
P8	Jalan Pohon Batu (L700) / Jalan Tanjong Aru (L713)	2,471	19.0	B
P9	Jalan Pohon Batu (L700) / Jalan Bukit Kuda (L710)	3,032	29.5	C
P10	Jalan Muhammed Salleh (L704) / Jalan Bebuloh (L705)	1,794	14.4	B
P11	Jalan Bebuloh (L705) / Jalan Bukit Besar (L746)	2,221	40.9	D
P12	Jalan Bebuloh (L705) / Jalan Bebuloh – Rancha - Rancha (L738)	1,910	55.1	F
P13	Jalan Rancha - Rancha (L706) / Jalan Bebuloh / Rancha – Rancha (L738)	4,905	313.1	F
P14	Jalan Rancha - Rancha (L706) / Jalan Patau - Patau (L700)	5,158	264.6	F
P15	Jalan Batu Manikar (L700) / Jalan OKK Daud (L703) / Pohon Batu (L700)	596	5.5	A
P16	Jalan Sungai Lada (L703) / Jalan OKK Daud (L703) / Jalan Mohammed Salleh (L704)	1,683	11.0	B

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 16.2
TAHAP KEUPAYAAN (*LEVEL OF SERVICE*) JALAN RAYA DAN PERSIMPANGAN



Petunjuk :

- Pelabuhan
- Terminal Feri dan RoRo
- Lapangan Terbang
- L741 Nombor Jalan
- J3 Stesen Bancian Jalan Raya

LOS bagi Jalanraya

- LOS A
- LOS B
- LOS C
- LOS D
- LOS E
- LOS F

LOS bagi Persimpangan

- LOS A
- LOS B
- LOS C
- LOS D
- LOS E
- LOS F


Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Badan Air & Pantai

16.2.4 Pisah Ragam Mod Pengangkutan Semasa

Analisis pisah ragam menunjukkan peratusan pemilihan pengangkutan awam semakin menurun untuk setiap tahun di mana pisah ragam terkini pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian adalah **9.3 : 90.7** pada tahun 2020 berbanding **33.7 : 66.3** pada tahun 2009 (Rujuk Rajah 16.3). Ini menunjukkan bahawa WP Labuan masih terlalu bergantung pada pengangkutan persendirian.

Rajah 16.3: Pisah Ragam Pengangkutan Persendirian Berbanding Pengangkutan Awam Tahun 2009 sehingga tahun 2020.



Sumber: Olahan daripada Data Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2009, 2011- 2015, 2018 & Bancian Trafik Tahun, 2020.

16.2.5 Pengangkutan Awam

Pengangkutan awam di WP Labuan meliputi pengangkutan darat, udara dan pengangkutan air.

i. Pengangkutan Air

Pengangkutan air di WP Labuan terdiri daripada pengangkutan barangan atau kargo dan pengangkutan penumpang. Terdapat empat (4) jeti utama yang mengendalikan perkhidmatan pengangkutan air. Butiran jeti utama yang terlibat adalah sebagaimana dijadualkan dalam Jadual 16.10 dan Rajah 16.4.

Jadual 16.10: Senarai Jeti Utama di WP Labuan.

Bil.	Nama Jeti	Kegunaan
1	Dermaga Merdeka	Memunggah dan memuatkan kargo dan kontena
2	Terminal Feri Antabangsa Labuan	Terminal Penumpang termasuk antabangsa
3	Terminal feri Ro-Ro	Kenderaan dan penumpang
4	Terminal Feri Penumpang Lama - untuk teksi air di perairan Labuan	Penumpang bot-bot kecil perairan Labuan

Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan

Rajah 16.4: Lokasi Jeti Utama di WP Labuan.



Petunjuk:
Jeti Utama
Had Pelabuhan Labuan

Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan.

a. Pelabuhan Labuan

Pelabuhan Labuan (Dermaga Merdeka) pada masa ini diuruskan dan dikawal selia oleh Megah Port dan ianya terletak di bersebelahan dengan Terminal Feri Antarabangsa Labuan. Pelabuhan Labuan mempunyai empat tempat simpanan kapal (dua di dalam dan dua lagi di luar dermaga) dan mampu mengendalikan sehingga 100,000 TEUs kontena (setahun). Selain itu, Pelabuhan ini mempunyai dua gudang, kawasan perletakan kontena dan kawasan penyimpanan terbuka 15,600 km^2 (dalam kawasan pelabuhan) dan 10,000 km^2 di luar pelabuhan.

Jadual 16.11: Jumlah kargo termasuk kontena yang dikendalikan di Pelabuhan Labuan bagi tahun 2014 hingga 2020.

Tahun	Import (mt)	Perubahan	Eksport (mt)	Perubahan
2014	6,923,833.38	-	1,622,213.09	-
2015	2,777,057.70	-59.9	2,522,059.84	55.5
2016	2,215,167.96	-25.4	2,244,913.71	-12.3
2017	1,700,376.59	-23.2	2,080,448.28	-7.3
2018	1,113,669.28	-34.5	2,546,239.96	22.4
2019	768,385.11	-31.0	2,041,334.06	-19.8
2020	609,303.81	-20.7	1,814,318.36	-11.1

Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan

Berdasarkan Jadual 16.11, Pelabuhan Labuan secara puratanya mengendalikan pengangkutan kargo bagi import dan eksport sebanyak 2.2 Juta tan metrik setahun. Bagi kendalian kontena sahaja, pelabuhan Labuan mengendalikan secara purata sebanyak 6,909.59 TEU's iaitu 6.91% daripada jumlah kapasiti 100,000 TEU's di Pelabuhan Labuan dan ianya cukup bagi menampung keperluan akan datang dengan pertambahan kawasan industri.

b. Terminal Feri Antarabangsa Labuan

Perkhidmatan pengangkutan feri di terminal ini menyediakan pengangkutan bagi perhubungan domestik dan antarabangsa (Brunei). Terdapat sebelas (11) feri yang beroperasi di terminal ini melibatkan enam (6) laluan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 16.12.


Jadual 16.12: Laluan Feri di Terminal Feri Antarabangsa Labuan

No	Laluan	Masa Perjalanan
1	Labuan – Kota Kinabalu	3 jam 15 minit
2	Labuan – Muara, Brunei	1 jam 30 minit
3	Labuan - Limbang	2 jam
4	Labuan – Lawas	2 jam 15 minit
5	Labuan - Sipitang	1 jam
6	Labuan - Menumbok	15 minit

Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan

Merujuk kepada Rajah 16.5, secara puratanya Terminal Feri Antarabangsa Labuan mengendalikan seramai 813,730 penumpang setahun dengan bilangan penumpang keluar dan masuk dari Menumbok mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 3,232,219 (56.7%) diikuti penumpang Kota Kinabalu 908,813 (16.0%) dan penumpang Brunei 739,706 (13.0%) daripada jumlah keseluruhan.

Rajah 16.5: Jumlah Penumpang Keluar dan Masuk di Terminal Feri Antarabangsa Labuan bagi tahun 2014 sehingga tahun 2020.



Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan, 2020.

c. Terminal Feri RO-RO Labuan


Perkhidmatan feri di terminal ini melibatkan pengangkutan penumpang dan kenderaan. Terdapat enam (6) feri yang beroperasi di terminal ini melibatkan tiga (3) laluan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 16.13.

Jadual 16.13: Laluan Feri di Terminal Feri Ro-Ro Labuan

Bil	Laluan	Masa Perjalanan
1	Labuan – Muara, Brunei	2 jam
2	Labuan – Menumbok	2 jam
3	Labuan - Limbang	2 jam


Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan

Jadual 16.6: Statistik Feri Roro Laluan Labuan – Menumbok



Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan, 2020.

Rajah 16.7: Statistik Feri Roro Laluan Labuan – Muara, Brunei



Sumber: Jabatan Laut Malaysia, WP Labuan, 2020.


Secara purata, Terminal Feri Ro-Ro mengendalikan penumpang seramai 445,982 setahun dan 197,167 kenderaan setahun. Laluan Labuan – Menumbok menunjukkan jumlah purata penumpang dan kenderaan yang paling banyak iaitu 92.3% daripada jumlah keseluruhan.

ii. Pengangkutan Darat (Perkhidmatan Bas, Teksi dan Kereta Sewa)

Perkhidmatan pengangkutan awam darat terdiri daripada perkhidmatan bas, teksi dan kereta sewa. Perkhidmatan bas berhenti-henti diurus oleh Persatuan Pemilik Bas WP Labuan dengan 112 ahli yang akitf.

Rajah 16.8 jelas menunjukkan penurunan ketara (71%) bagi trip bas bermula tahun 2014 sehingga tahun 2019. Penurunan ini berpunca daripada kurangnya permintaan disebabkan keadaan bas yang tidak dilengkapi dengan penghawa dingin menyebabkan pengguna kurang selesa. Penurunan ini menyebabkan peratusan penggunaan pengangkutan awam kian menurun dan seterusnya menurunkan kapasiti jalan.

Rajah 16.8 : Jumlah Trip Bas dan Teksi Sehari Tahun 2009 sehingga Tahun 2019



Sumber: Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2019.

Berbeza dengan perkhidmatan teksi, permintaan terhadap perkhidmatan teksi tidak mengalami penurunan ketara. Hal ini disebabkan perkhidmatan teksi menyediakan khidmat pintu ke pintu. Permintaan terhadap teksi dilihat menurun pada tahun 2015 sebanyak 14.8%. Penurunan ini disebabkan penurunan kedatangan pelancong ke Labuan bagi tahun 2015. Namun kadar permintaan meningkat sebanyak 40.4% bagi tahun 2019 berbanding tahun 2009.

iii. Pengangkutan Udara

Lapangan Terbang Labuan terletak lingkungan 4 kilometer dari arah utara Pusat Bandar Labuan. Lapangan ini yang berkapasiti 2.2 juta penumpang per tahun dan mempunyai satu landasan konkrit aspal berukuran 2745m x 45m dan *taxiway* dengan kelebaran 23 meter iaitu memadai untuk menampung pesawat jenis Boeing 777. Landasan lapangan ini juga berfungsi untuk kegunaan pengkalan udara Tentera Udara Diraja Malaysia.

Lapangan Terbang WP Labuan



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Lapangan Terbang Labuan merupakan lapangan terbang utama di WP Labuan yang berfungsi bagi penerbangan domestik untuk membawa penumpang ke KLIA2, Miri dan Kota Kinabalu. Walaubagimanapun bagi penerbangan antarabangsa, ianya hanya terhad untuk membawa kargo ke Vietnam sahaja buat masa kini.

Penerbangan Domestik				
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	
Miri	✓		✓	
Kota Kinabalu	✓		✓	
Pernerbangan Antarabangsa				
Vietnam				✓

Rajah 16.9: Statistik Jumlah Penumpang Kapal Terbang di Lapangan Terbang Labuan bagi Tahun 2010 sehingga Tahun 2019.




Sumber: Malaysia Airport Holdings Berhad, 2020.

Berdasarkan Rajah 16.9 dapat dilihat jumlah penumpang tertinggi adalah pada tahun 2014 iaitu sebanyak 789,494 penumpang setahun. Penambahan laluan ke destinasi baru dilihat mampu memaksimumkan penggunaan Lapangan Terbang Labuan dimasa hadapan seterusnya menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi Labuan.

Selain mengendalikan penumpang, Lapangan Labuan turut mengendalikan kargo. Rajah 16.10 menunjukkan jumlah kargo yang dikendalikan di Lapangan Terbang Labuan bermula tahun 2009 hingga tahun 2019.

Rajah 16.10: Statistik Jumlah Kargo Yang Dikendalikan Di Lapangan Terbang Labuan. Tahun 2010 sehingga Tahun 2019.



Sumber: Malaysia Airport Holdings Berhad, 2020.

Berdasarkan Rajah 16.10, dapat dilihat jumlah kendalian kargo adalah tertinggi pada tahun 2014 iaitu sebanyak 11,591 tan metrik setahun. Kendalian kargo menunjukkan peningkatan yang mendadak sehingga tahun 2014.

Namun bermula tahun 2015, penurunan berlaku setiap tahun dengan Lapangan Terbang Labuan mencatatkan pengendalian kargo hanya sebanyak 9,834 tan metrik berbanding tahun 2014 dengan peratusan perbezaan sebanyak -15.2% dan tahun 2016 yang menunjukkan penurunan sebanyak -53.0% daripada tahun sebelumnya 2015. Penurunan ini adalah disebabkan kadar permintaan kargo udara yang semakin berkurangan selari dengan tren perdagangan global.

16.3 Unjuran Pertumbuhan Lalu Lintas


Pertumbuhan lalu lintas di kawasan kajian diunjurkan dengan menggunakan kaedah *Average Growth Factor* ke atas sistem rangkaian jalan raya sedia ada. Angkubah-angkubah yang digunakan adalah berdasarkan kepada analisa tren pertumbuhan yang dicatatkan dalam *Road Traffic Volume Malaysia* oleh Unit Perancangan Jalan Raya, Kementerian Kerja Raya. Dengan andaian bahawa lalu lintas yang dihasilkan berkait secara langsung dengan hak milik kenderaan, maka *Growth Factor* yang diperolehi digunakan secara langsung ke atas jumlah lalu lintas sedia ada bagi setiap jalan raya yang melalui kawasan kajian.

Berdasarkan Jadual 16.14 terdapat jalan yang dijangka mengalami pertambahan isipadu yang tinggi pada tahun 2040. Isipadu trafik melebihi 90,000 menunjukkan jalan tersebut tidak dapat lagi ditampung dengan jalan empat lorong dua hala. Jalan yang terlibat adalah:

1) Jalan Patau – Patau (L700)
2) Jalan Rancha – Rancha (L706)
3) Jalan Bebuloh / Rancha – Rancha (L748)

Isipadu lalu lintas dijangka akan terus mengalami pertambahan jika penggunaan kenderaan persendirian masih tinggi dan penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam tidak berupaya mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.

Rajah 16.11: Tren Pertumbuhan Lalulintas di WP Labuan.



Sumber: *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM), 2019.

$$y = 124803e^{0.0236x}$$
$$R^2 = 0.32$$
Pertumbuhan Normal = 2.36%

Jadual 16.14: Unjuran Lalulintas Bagi Tahun 2025 hingga Tahun 2040 WP. Labuan.

No Stesen	Nama Jalan	Tahun 2025	Tahun 2030	Tahun 2035	Tahun 2040
J1	Jalan Tun Mustapha (L700)	31,805	36,307	38,443	40,705
J2	Jalan Jumidar Buyong	23,937	27,325	28,933	30,635
J3	Jalan Tanjung Batu	11,322	12,924	13,685	14,490
J4	Jalan Tanjung Purun (L709)	8,151	9,305	9,852	10,432
J5	Jalan Patau – Patau (L700)	27,936	34,730	43,177	53,677
J6	Jalan Rancha – Rancha (L706)	43,474	57,550	76,183	100,849
J7	Jalan Pohon Batu (L700)	34,913	41,646	49,678	59,259
J8	Jalan Pohon Batu (Berhampiran P15)(L700)	22,928	27,589	33,197	39,944
J9	Jalan Batu Arang (L707)	28,707	35,145	43,028	52,678
J10	Jalan Batu Manikar (L700)	4,685	5,392	6,205	7,141
J11	Jalan Pancur Hitam (L734)	4,111	4,732	5,445	6,267
J12	Jalan OKK Daud (L703)	16,252	18,704	21,525	24,773
J13	Jalan Mohamad Salleh (L704)	18,379	21,152	24,343	28,015
J14	Jalan Bukit Kuda (L710)	8,023	9,653	11,615	13,976
J15	Jalan Mohamad Salleh (Berhampiran Hospital Labuan)(L704)	20,948	21,864	22,821	23,819
J16	Jalan Bebuloh (L705)	9,962	10,398	10,853	11,328
J17	Jalan Bukit Besar (L750)	8,845	9,232	9,636	10,057
J18	Jalan Bebuloh (Berhampiran Balai Polis Bebuloh) (L705)	10,632	11,097	11,582	12,089
J19	Jalan Bebuloh / Rancha – Rancha (L748)	39,724	52,585	69,610	92,148
J20	Jalan Rancha – Rancha (Berhampiran Balai Bomba)(L706)	47,607	63,021	83,425	110,435
J21	Jalan Patau – Patau (Kawasan Industri Rancha - Rancha)(L700)	44,941	55,871	69,459	86,352

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

16.4 Isu dan Prospek

16.4.1 Isu

Beberapa isu telah dikenalpasti dan perlu ditangani bagi memperbaiki sistem pengangkutan dan lalulintas di WP Labuan. Berdasarkan analisis dan penemuan semasa, isu-isu semasa yang dihadapi di WP Labuan adalah sebagaimana dirumuskan berikut:

i. **Perhubungan ke WP Labuan hanya melalui udara dan air sahaja**. Tiada jalan raya yang menghubungkan Labuan diperingkat daerah dan wilayah.

ii. **Labuan hanya mempunyai rangkaian penerbangan untuk tiga negeri sahaja** iaitu Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur, manakala penerbangan antarabangsa terhad kepada penerbangan kargo ke negara Vietnam sahaja.

iii. **Hierarki jalan yang tidak jelas**. Kesemua jalan utama dikategorikan sebagai jalan pengagih sekunder. Tiada jalan pengagih jalan utama dan ada pencerobohan rizab jalan

iv. **Tahap keupayaan jalan yang telah mencapai tahap maksimum** iaitu pada tahap LOS D hingga LOS F yang mana tahap keupayaan jalan raya tersebut berada di dalam tahap yang tidak stabil

- Jalan Rancha – Rancha (L706)
- Jalan Bebuloh – Rancha - Rancha (L738)
- Jalan Jumidar Buyong

v. **Analisis pisah ragam penggunaan pengangkutan awam yang kian menurun** iaitu 33.7 : 66.3 pada tahun 2009 dan 9.3 : 90.7 pada tahun 2019.

vi. **Fasiliti kargo udara sedia ada** tidak akan dapat menampung kapasiti kargo menjelang tahun 2030 berdasarkan *Labuan Development Blueprint*.

vii. **Kurang pengaplikasian sistem pengangkutan hijau** dalam menjadikan Labuan ke arah bandar rendah karbon.

16.4.2 Prospek

i. **Cadangan Lebuhraya Rentas Pulau Degan Pembinaan Jambatan Labuan – Menumbok, Sabah.** Lebuhraya dicadangkan ini akan mempunyai akses terus ke Lebuhraya Pan – Borneo yang menghubungkan Sabah, Sarawak, Brunei dan Kalimantan, Indonesia. Pembinaan jalan ini akan mengurangkan waktu dan kos perjalanan di antara WP Labuan dan Sabah. Perkara ini secara tidak langsung akan melengkapkan rangkaian jalan yang terputus di antara Labuan dan Sabah.

ii. **Cadangan Pembesaran Pelabuhan Labuan.** Dalam usaha menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai Hab Maritim, perluasan kawasan pelabuhan yang melibatkan 150 ekar dicadangkan di kawasan perindustrian Rancha-Rancha. Komponen tambahan meliputi:

- Terminal kargo
- Gudang
- Kilang pemprosesan

iii. **Naik Taraf Perkhidmatan Pengangkutan Udara Sebagai Pintu masuk utama pengangkutan kargo udara.**

- **Pengembangan Rangkaian Penerbangan** dengan meluaskan liputan penerbangan ke destinasi antarabangsa terutamanya ke bandar-bandar utama ASEAN dan bandar-bandar utama Asia terpilih serta menambah destinasi penerbangan domestik baru seperti penerbangan terus ke destinasi tempatan lain seperti Kuching, Sandakan, Tawau dan Pulau Pinang.


- **Membina Fasiliti Kargo Udara Baru** bagi menampung pertambahan aktiviti kargo udara di Lapangan Terbang Labuan. Fasiliti kargo dibina khas secara berasingan dengan fasiliti penumpang untuk meningkatkan keselesaan.

Rajah 16.12: Cadangan Lebuhraya Rentas Pulau Dengan Pembinaan Jambatan Labuan – Menumbok, Sabah.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 16.13: Cadangan Pembangunan Perindustrian.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Rajah 16.14: Cadangan Naik Taraf Lapangan Terbang Labuan.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

16.5 Cadangan Am

Berdasarkan penemuan semasa dan rumusan penemuan, berikut merupakan cadangan am sektor pengangkutan dan pengurusan lalu lintas.

16.5.1 Cadangan Penambahbaikkan Rangkaian Jalan Raya WP Labuan

i. **Meningkatkan Jaringan Jalan Raya di WP Labuan.** Memperbaiki hierarki jalan raya semasa dengan mewujudkan jalan pengagih utama yang akan menjadi tulang belakang utama rangkaian jalan raya di WP Labuan.

Jadual 16.15: Cadangan Hierarki Jalan.

Hierarki Jalan	Cadangan Rizab	Had Laju (km/j)
Jalan Pengagih Utama	30m – 40m	60 - 90
Jalan Pengagih Sekunder	24m – 30m	60 - 70
Jalan Pengagih Tempatan	18m – 20m	30 - 60


Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Kesinambungan cadangan jajaran jambatan Labuan – Menumbok, Sabah perlu diambilkira dengan pembinaan jalan baharu dan naik taraf jalan semasa. Cadangan jalan baharu ini akan dikenali sebagai cadangan Lebuhraya Rentas Pulau (*Pan Island Expressway*).


ii. **Perancangan Pengagihan Trafik Yang Lebih Berkesan.**

- Pihak berkuasa perlu menjadikan lalu lintas sebagai aspek yang mesti diberi pertimbangan penting sebelum meluluskan sesuatu projek.
- Pihak pemaju dan pemilik tanah perlu menyediakan Laporan Keberkesanan Impak Lalulintas (*Traffic Impact Assessment Report*) sebagai syarat kelulusan projek (mengikut saiz dan skala pembangunan) dengan menyediakan jalan keluar/masuk dan jalan dalaman yang mencukupi.
- Bagi setiap acara besar yang ingin diadakan terutamanya di kawasan pusat bandar, perlu dicadangkan untuk melakukan *Special Event Traffic Management Plan*. Ianya untuk mengagihkan trafik secara seimbang ke laluan lain dan seterusnya mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Objektif *Traffic Impact Assessment* (TIA)



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.



Rajah 16.15
CADANGAN BAGI PENINGKATAN JARINGAN JALAN RAYA WP LABUAN 2040



Petunjuk:

- Pelabuhan
- Terminal Feri dan RORO
- Lapangan Terbang
- L700 Nombor Jalan
- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Cadangan Jalan Baru Jalan Pengagih Utama
- Cadangan Jalan Baru Jalan Pengagih Sekunder
- Cadangan Persimpangan Bertingkat

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Badan Air & Pantai

16.5.2 Cadangan Pengangkutan Awam

i. **Cadangan Naik Taraf Pelabuhan Labuan Bagi Jangka Masa Pendek.** Menaik taraf dengan membaik pulih tapak penyimpanan kontena, meningkatkan sistem keselamatan gudang dan menaik taraf sistem perparitan di sekeliling kawasan pelabuhan. Menambah perkhidmatan melibatkan *tug* pelabuhan, *stevedoring*, *bunkering* dan kapal konvensional.

ii. **Terminal Feri Baharu di Tanjung Taras.** Cadangan mewujudkan terminal feri penumpang dan Ro-Ro baru di Tanjung Taras adalah bagi mengurangkan tempoh perjalanan feri dan menjadikan terminal ini khusus untuk perjalanan feri ke Munumbok, Sabah.

iii. **Cadangan Naik Taraf Fasiliti Bas Awam.** Penggunaan bas mesra alam, berhawa dingin dan naik taraf stesen bas dilengkapi dengan papan informasi berkenaan jadual waktu perjalanan dan laluan perkhidmatan yang boleh diakses secara *real-time* di telefon pintar pengguna.

iv. **Mengintegrasi Sistem Pengangkutan Awam di Dalam Perancangan Guna Tanah Dengan Menggunakan Konsep Transit Oriented Development (TOD).** Konsep TOD ini secara tidak langsung dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama dalam bandar.

v. **Cadangan Mewujudkan Agensi Menguruskan Pengangkutan Awam (Bas, Teksi dan Feri).**

Terminal Bas dan Teksi Pusat Bandar Labuan



Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

16.5.3 Cadangan Pengurusan Lalu Lintas

i. **Memasang Papan Tanda Elektronik Pada Lokasi Strategik.** Memberi maklumat kepada pengguna jalan raya seperti info jalan sesak, kemalangan dan cuaca. Ianya juga bertujuan agar pengguna dapat merancang perjalanan dengan baik.

ii. **Cadangan Menjadikan Labuan Bandar Rendah Karbon.**

a) Menggalakkan penggunaan basikal dengan:
   i. Penyediaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki yang selamat.
   ii. Menyediakan perkhidmatan basikal sewa dengan penggunaan kad akses.
   iii. Kempen dan pendedahan kebaikan berbasikal.
   iv. Penyediaan laluan basikal yang menghubungkan kawasan perumahan terus ke kawasan tumpuan dan pusat pengangkutan awam lain.

b) Menggalakkan pengunaan bahan api CNG dan NGV / kenderaan elektrik.

c) Memperluas liputan pengangkutan awam yang menggunakan bahan bakar mesra alam / bas elektrik.

Papan Informasi Elektronik di Kuala Lumpur




Sumber: www.hmetro.com.my

Bas Elektrik di Kuala Lumpur



Sumber: www.nst.com.my


PEARL OF BORNEO

BAB

17



Alam Sekitar & Risiko Bencana Dan Perhutanan



Hutan Paya Bakau
Kina Benuwa

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan

Kualiti alam sekitar dan sumber semulajadi merupakan antara faktor terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ekonomi di WP Labuan yang melibatkan sektor industri minyak dan gas serta pelancongan telah memberi impak yang ketara terhadap alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti. Beberapa perihal berkaitan pengurusan kualiti alam sekitar akan ditekan seperti pengurusan alam sekitar yang melibatkan pemantauan kualiti (air, marin, udara dan bunyi bising), perhutanan dan risiko bencana dikenalpasti bagi menjamin kualiti alam yang sedia ada. Justeru itu, perancangan pembangunan sesebuah bandar haruslah dilaksanakan seiring dengan konsep kelestarian pembangunan alam sekitar yang telah digariskan bagi kawasan WP Labuan.

17.1 Penilaian Pencapaian Dasar

Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 17.1 hingga Jadual 17.6.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 17.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan.

Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
A : Memperkukuh tadbir urus	A2 : Menambah baik kapasiti dan keupayaan, penguatkuasaan dan pemantauan	- Dasar ini masih relevan dikekalkan sebagai usaha penguatkuasaan untuk mempergiat pematuhan terhadap perundangan dan peraturan alam sekitar bagi mengekalkan sifar pencemaran air dan MurniNets, Plan Malaysia juga mensasarkan 60% indeks pencemaran udara baik pada tahun 2040 bagi mengurangkan intensiti pencemaran udara.
	A3 : Meningkatkan kesedaran dan memupuk rasa tanggungjawab bersama	- Dasar ini harus dikekalkan, Pihak Perbadanan Labuan dan agensi teknikal lain telah menjalankan sebanyak 96 program ke arah meningkatkan kesedaran berkaitan pemuliharaan alam sekitar terutamanya melibatkan inisiatif amalan kitar semula.
B : Memulihara sumber asli	B1 : Memulihara kawasan terestial dan air daratan	- Dasar ini perlu dikekalkan bagi melindungi kawasan terestial dan air daratan untuk pemuliharaan dan penggunaan sumber asli secara mampan. Usaha pemuliharaan ini dikenalpasti telah dilaksanakan dengan mewartakan beberapa kawasan perlindungan seperti empangan, kawasan hutan dan taman laut.
	B2 : Memulihara ekosistem pesisir pantai dan marin	- Dasar ini masih relavan dikekalkan sebagai usaha untuk melindungi dan memulihara ekosistem pesisir pantai dan marin. Pelaksanaan pemantauan tahap kualiti air pantai dan marin telah dilaksanakan setiap tahun bagi mengesan punca pencemaran yang dapat menimbulkan ancaman kepada kepelbagaian ekosistem marin dan bagi memastikan penggunaan sumber lautan yang mampan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 17.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan (samb.)

Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau		
Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
C : Menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana	C3 : Memperkukuh pengurusan risiko bencana	- Dasar ini perlu dikekalkan sebagai usaha untuk mengurangkan risiko dengan mempertingkat integrasi inisiatif pengurangan risiko bencana. Profail pengurusan bencana di WP Labuan juga telah dirangka oleh NADMA bagi mempergiatkan lagi langkah persediaan pengoperasian bencana.

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 17.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan.

Teras 2 : Kemampanan Spatial Dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 1 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan Dan Sumber Warisan	KD 1.2 : Mengurus dan Mengawal Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar	- Dasar ini masih relevan dikekalkan fokus kepada pemeliharaan dan pengekalan kawasan KSAS yang telah di kenalpasti. Dasar ini perlu dikekalkan selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Dan Pembangunan (GPPPP) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Langkah bagi kawalan pembangunan di kawasan KSAS telah dilaksanakan dengan mewujudkan zon penampan di kawasan KSAS Tahap 1 dan Tahap 2.
	KD 1.3 : Meningkatkan Jaminan Dan Kelestarian Sumber Air	- Dasar ini masih relevan dikekalkan bagi mengukuhkan aspek pemeliharaan dan pengurusan KSAS terutama bagi kawasan tadahan air dan pengurusan rizab sungai. - Usaha-usaha pewartaan hutan tadahan air perlu dipertingkatkan untuk merangkumi semua kawasan hulu lembangan sungai yang merupakan sumber air mentah serta kawasan tadahan untuk empangan yang sedia ada dan rizab sungai-sungai yang utama perlu dilindungi dan diuruskan secara mampan.
KD 2 : Perancangan Guna Tanah Holistik	KD 2.2 : Mengurus Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi	- Dasar ini perlu dikekalkan bagi perancangan guna tanah dengan mengukuhkan pengurusan kawasan banjir, tindakan memulihara kawasan persisiran pantai dan meningkatkan persediaan terhadap gempa bumi. Pengukuhan dari segi pengurusan bencana ini seiring dengan hala tuju nadma dengan meningkatkan pengurangan risiko bencana sekurang-kurangnya 5% setahun di peringkat negeri berdasarkan indeks kesediaan.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 17.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan (samb.)

Teras 2 : Kemampanan Spatial Dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KD 3 : Bandar Rendah Karbon Dan Infrastruktur Mampan	KD 3.5 : Mengukuhkan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu dan Mampan	- Dasar ini perlu diteruskan bagi penglibatan komuniti dengan menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal di kawasan kejiranan – menyediakan *recycling centre* dan kemudahan kitar semula dengan kaedah inisiatif pintar. Ini dapat memupuk kesedaran dan menjadi gaya hidup masyarakat setempat. Malah ianya juga merangkumi usaha untuk meningkatkan kadar kitar semula negara sebanyak 40% pada tahun 2025 berdasarkan sasaran SWCorp.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 17.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan.

Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni		
Objektif	Strategi	Pencapaian
5.4 : Pengurusan Badan Air Yang Efisien Dan Mampan	5.4.1 : Peningkatan potensi badan air sebagai kawasan rekreasi dan riadah	- Dasar ini perlu dikekalkan selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Dan Pembangunan (GPPPP) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) iaitu dengan tindakan mewartakan kawasan rizab sungai dan kolam takungan dan memastikan sumber badan air tidak tercemar dengan memantau dan mengawal kualiti air di kawasan KSAS
5.7 : Pengurusan Sisa Pepejal Yang Efektif Bagi Memastikan Bandar Yang Bersih	5.7.1 : Peningkatan Amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).	- Dasar ini perlu dikekalkan, Pihak Perbadanan Labuan dan agensi teknikal lain telah menjalankan pelbagai program kempen kesedaran awam mengenai pengasingan sisa pepejal dan amalan 3R. Amalan ini wajar diperluaskan khususnya di kawasan kampung atas air di Kg Patau-Patau 2 dan Kg Bebuloh Laut.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Pelan Strategik Agensi Pengurusan Bencana Negara 2019-2023

Jadual 17.4: Pelan Strategik Agensi Pengurusan Bencana Negara 2019-2023.

KRA 3 : Sektor Perancangan Dan Persediaan Bencana		
Objektif	Strategi	Pencapaian
KRA 3 : Meningkatkan Daya Tahan Bencana Melalui Inisiatif Pengurangan Risiko Bencana (DRR).	IS 3: Penyelarasan Program Mitigasi bagi pengurangan risiko bencana bagi mencegah pembentukan risiko baru, mengurangkan risiko sedia ada.	- Dasar ini selaras dengan halatuju Pengurusan Risiko Bencana Negara sejajar dengan matlamat negara berdaya tahan bencana melalui pembangunan dan implementasi polisi pengurangan risiko bencana (DRR) agar dapat mengurangkan jumlah penduduk terjejas akibat bencana.

Sumber : Pelan Strategik Agensi Pengurusan Bencana Negara 2019-2023 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 17.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan

Teras 2: Persekitaran Kondusif Dan Harmoni

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P4 - Alam Sekitar Semula Jadi Perlu Dipelihara, Dilindungi Dan Diurus Secara Mampan Kearah Persekitaran Yang Kondusif Dan Harmoni	P4-CA1 Mewartakan kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai KSAS sebagai kawasan pengekalan.	- Dasar ini masih relevan dikekalkan fokus kepada pemeliharaan dan pengekalan kawasan KSAS yang telah di kenalpasti. Berdasarkan input awalan daripada kajian *Labuan Development Blueprint 2030*, kawasan paya bakau adalah berfungsi sebagai *Coastal Protection Corridor* yang harus di kekalkan sebagai *Conservation Zone (CZ).* - Sebahagian kawasan Hutan Paya Bakau Kinabenuwa dalam proses pewartaan dirizabkan sebagai kawasan Hutan Paya Bakau.
	P4-CA2 Kawasan sensitif alam sekitar tidak dibenarkan untuk dijalankan aktiviti pembangunan kecuali untuk tujuan menaiktaraf dan eko-pelancongan	- Dasar ini perlu dikekalkan selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Dan Pembangunan (GPP) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). - Pematuhan kepada kawalan pembangunan di kawasan KSAS dan kesesuaian aktiviti yang dibenarkan (berkaitan pelancongan) seperti aktiviti penyelidikan dan pembelajaran (R&D).
	P4-CA3 Permohonan kelulusan perancangan dikawasan bersempadan KSAS perlu diperketatkan.	- Dasar ini telah dijalankan mengambil kira keperluan mematuhi aspek pemeliharaan kawasan KSAS melibatkan agensi tertentu seperti Jabatan Alam Sekitar, Perbadanan Labuan, Jabatan Pengairan dan Saliran. - Kelulusan pelan kebenaran merancang adalah mengambilkira aspek pemuliharaan KSAS.
	P4-CA4 Penguatkuasaan bersepadu perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan KSAS dari terjejas.	- Dasar ini perlu di teruskan supaya kawalan aktiviti pembangunan kawasan KSAS terlibat perlu di ambil kira dan di pantau (penguatkuasaan) seperti di sepanjang pinggir pantai, pulau, kawasan empangan dan kawasan hutan paya bakau.
	P4-CA5 Melaksanakan pelan pengurusan dan pelan-pelan tindakan yang telah dicadangkan di dalam kajian alam sekitar bersepadu untuk WP Labuan.	- Dasar ini telah dilaksanakan dengan pemeliharaan kawasan semula jadi berdasarkan Pelan Pengekalan Semulajadi (Dasar Pengekalan dan Persekitaran Lestari) yang fokus kepada pemeliharaan sumber-sumber semulajadi melalui pelan tindakan yang telah di rangka.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Jadual 17.5 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan (samb.)

Teras 2: Persekitaran Kondusif Dan Harmoni

Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
	P4-CA6 Menyediakan pelan pengurusan dan garis panduan pemeliharaan hutan paya terutamanya di kawasan paya bakau milik persendirian supaya selaras dengan kepentingan memelihara ekosistem.	- Dasar ini telah dilaksanakan dengan langkah-langkah kawalan Garis Panduan Hutan Simpan Sungai Kinabenuwa dan harus di kekalkan sebagai Pengurusan dan pemeliharaan hutan paya bakau sebagai kawasan tadahan air, sumber penyelidikan dan pendidikan dan habitat semulajadi.
	P4-CA7 Melaksanakan pelan pengurusan pesisiran pantai bersepadu.	- Dasar ini telahpun dilaksanakan dengan langkah-langkah yang digariskan dan pengurusan pesisiran pantai bersepadu (ISMP 2010) dan perlu diperkukuhkan dengan Langkah-langkah kawalan yang di nyatakan.
	P4-CA8 Mengalakkan aktiviti penyelidikan terumbu karang dan maritim melalui usahasama universiti / institusi penyelidikan.	- Dasar ini telah berjaya dilaksanakan dengan kajian yang dijalankan *Marine Ecosystem Mapping* at Labuan *Marine Park.* (Universiti Malaysia Terengganu & Universiti Teknologi Malaysia dan *Labuan Marine Parks Total Economic Values and Management Effectiveness*, 2016 (Universiti Utara Malaysia & Jabatan Taman Laut).
	P4-CA9 Mengadakan program pendidikan dan kesedaran awam.	- Dasar ini harus dikekalkan, Pihak Perbadanan Labuan dan agensi teknikal lain telah menjalankan pelbagai program penerapan kesedaran awam berkaitan kepentingan program kitar semula perlu dikembangkan selain pengukuhan penguatkuasaan undang-undang.
	P4-CA10 Mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi terutamanya di sekitar kawasan berbukit seperti Bukit Kubong dan Bukit Kallam.	- Dasar ini dikekalkan dengan menjadikan kawasan tertinggi di bahagian utara Bukit Kubong setinggi 89m dan di sebelah barat daya Bukit Kallam setinggi 93m masih terpelihara sebagai KSAS.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

vi. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 17.6 : Penilaian Pencapaian Dasar *Labuan Development Blueprint 2030* Berkaitan Sektor Alam Sekitar, Risiko Bencana dan Perhutanan.

The Enablers

Dasar	Strategi	Pencapaian
3 : Quality Living	*ST – QL6* *Strategic Thrust 6:* *Enhancing ecology, water bodies and biodiversity areas*	- Dasar ini masih relevan dikekalkan bagi aspek pemeliharaan dan pengurusan KSAS penting untuk meneruskan kesinambungan tahap kualiti persekitaran. - Berdasarkan input awalan daripada kajian *Labuan Development Blueprint 2030* kawasan yang perlu di kekalkan sebagai kawasan semulajadi *(Natural Asset in Labuan*) adalah kawasan paya bakau dan hutan simpan, sebahagian pesisir pantai yang dikenal pasti, badan air dan kawasan sungai. - Antara cadangan adalah memulihara kawasan paya bakau di Kinabenuwa dan Ganggarak dengan penanaman semula pokok bakau, menggalakkan eko-pelancongan di kawasan bakau bagi mendedahkan orang ramai untuk menghargai warisan semula jadi dan juga kawalan hakisan pantai dengan penyediaan garis panduan terperinci bagi pembangunan pesisir pantai.

Sumber : *Labuan Development Blueprint 2030* & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

17.2 Penemuan Semasa

17.2.1 Keadaan Topografi


WP Labuan mempunyai bentuk fizikal mukabumi yang terdiri daripada **kawasan landai** dan **berbukit rendah separa beralun.** Secara amnya, terdapat dua (2) kawasan kecerunan tinggi di kawasan kajian iaitu disebelah utara yang berhampiran dengan Kg. Lubok Temiang, Kg Ganggarak, Kg Pohon Batu dan Kg. Merinding dengan ketinggian 150 kaki dari paras laut manakala paras ketinggian di sebelah barat laut adalah lebih kurang 100 kaki dari paras laut yang mana ia terletak di Tanjung Layang-Layangan.

17.2.2 Geologi

Berdasarkan Laporan Pemetaan Geologi Terrain, Geologi Kejuruteraan Permukaan dan Inventori Cerun Potongan di Pulau Labuan dari Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, WP Labuan terbentuk oleh batuan sedimen yang terdiri daripada Formasi Aluvium, Belait, Temburong dan Syal Setap. Rujuk Rajah 17.1 bagi kawasan geologi formasi batuan di WP Labuan. Perincian litologi batuan ini diperincikan seperti berikut :

i. Aluvium merupakan dataran banjir yang terletak di dataran rata berhampiran dengan sungai utama dan pinggir pantai yang melibatkan Sg.Kinabenuwa, Sg.Batu Arang, Sg. Ganggarak dan bahagian hilir Sg.Labu. Ciri-ciri aluvium seperti mengandungi pasir, gravel, lodak, lempung dan gambut.
ii. Formasi Belait terdiri daripada lapisan batu tebal yang membentuk kawasan berbukit, dengan lapisan syal, lempung dan sedikit lignit. Formasi Belait ini tersingkap di sepanjang bahagian utara iaitu di pinggir pantai di Tanjung Kubong hingga Kubong Bluff dan juga di bahagian barat laut seperti di Tanjung Layang-Layangan.
iii. Formasi Temburong tersingkap di bahagian tengah dan barat daya WP Labuan. Pembentukan formasi ini mempunyai dua (2) ciri-ciri fasies turbidit iaitu selang lapis tebal antara batu pasir dan syal serta selang lapis nipis antara batu pasir dan syal. Formasi Temburong dapat dilihat di Tanjung Punei.
iv. Syal Setap terbentuk semasa miosen bawah. Ciri-ciri Syal Setap seperti mempunyai lempung yang lembut, berwarna gelap, berbatu lodak dan kebiasaannya ditemui berhampiran Empangan Bukit Kuda.

Rajah 17.1 : Kawasan Geologi Batuan WP Labuan




Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.

17.2.3 Iklim, Suhu dan Taburan Hujan

Berdasarkan data daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, WP Labuan merekodkan iklim panas sepanjang tahun dengan suhu harian diantara 27.3°C ke 28.7°C. Purata taburan hujan tahunan dari tahun 2015 sehingga 2020 ialah 82.2 mm sehingga 456.6mm manakala purata bilangan hari hujan sepanjang tempoh 5 tahun ialah 8-20 hari.

Kedudukan Pulau Labuan yang terletak diantara laluan 2 angin monsoon iaitu angin Monsoon Barat Daya (April-Jun) dan angin Monsoon Timur Laut (September-Disember) mempengaruhi purata **taburan hujan tahunan paling tinggi pada bulan Disember.** Purata taburan hujan bulanan di WP Labuan dapat di tunjukkan seperti dalam Rajah 17.2 dibawah.

Rajah 17.2: Purata Taburan Hujan Bulanan (mm) Tahun 2015-2020



Sumber : Pusat Iklim Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, 2020.

17.2.4 Taman Laut

WP Labuan yang kaya dengan kepelbagaian spesies semula jadi seperti terumbu karang dan ekosistem marin menjadikan beberapa pulau di Labuan sebagai Taman Laut, antaranya ialah Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil. Pulau-pulau ini diwartakan sebagai Taman Laut pada tahun 2000. Pewartaan taman laut ini penting bagi menjamin keunikan biodiversiti hidupan marin berkekalan, dengan kaedah penetapan perancangan pembangunan, pemeliharaan dan pengurusan yang sistematik. Jabatan Perikanan merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kawasan perlindungan marin ini dengan menguatkuasakan Bahagian IX, Akta Perikanan 1985.

Secara keseluruhannya, WP Labuan terdiri daripada enam (6) buah pulau yang berkeluasan kira-kira **477.50 hektar (1179.923 ekar)**. Antara pulau-pulau yang terlibat adalah sebagaimana Jadual 17.7 berikut.

Jadual 17.7 : Kategori Pulau di WP Labuan

No	Taman Laut	Luas (Ha)	No	Bukan Taman Laut	Luas (Ha)
1.	Pulau Kuraman	171	4.	Pulau Burong	3.8
2.	Pulau Rusukan Besar	14.9	5.	Pulau Papan	11
3.	Pulau Rusukan Kecil	4.8	6.	Pulau Daat	272

Sumber :
i. Laporan Kompendium Jabatan Taman Laut Malaysia Tahun 2015-2016.
ii. Marine Ecosystem Mapping at Labuan Marine Park.

17.2.5 Flora Dan Fauna

Keunikan flora dan fauna yang terdapat di WP Labuan ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam aspek sokongan hidup dan warisan semula jadi. Kecantikan alam semula jadi menjadi daya tarikan terhadap eko-pelancongan di WP Labuan yang boleh menyumbangkan sumber ekonomi kepada negara. Antara flora dan fauna yang dikenalpasti di kawasan kajian adalah terumbu karang, hidupan liar – mamalia dan kawasan hutan paya bakau.

a. Terumbu Karang

Terumbu karang memainkan peranan penting untuk pembiakan, sumber makanan dan habitat bagi hidupan akuatik serta berfungsi dalam melindungi pesisir pantai dari hakisan akibat ribut dan ombak yang kuat.

Berdasarkan *Marine Biodiversity Expedition Report* 2012, spesies-spesies ini direkodkan banyak ditemui di Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil. Pulau-pulau ini dikelilingi oleh kawasan terumbu yang hidup berselerak dan tumbuh di batuan granit.

Beberapa kajian bagi mengenalpasti lokasi dan status kesihatan terumbu karang juga telah dijalankan semasa program penyelidikan *Mini Scientific Expedition Labuan Zone* pada tahun 2012 yang melibatkan lapan (8) lokasi tapak pensampelan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17.8 bagi Lokasi, Peratusan dan Status Kawasan yang dilitupi Terumbu Karang.

Jadual 17.8: Lokasi, Peratusan dan Status Kawasan yang dilitupi Terumbu Karang

Tapak Kajian	Pulau	% Kawasan	Status
T1	Pulau Kuraman	21.88	Teruk
T2	Pulau Kuraman	50	Baik
T3	Pulau Kuraman	52.5	Baik
T4	Pulau Kuraman & Pulau Rusukan Besar	56.25	Baik
T5	Pulau Kuraman & Pulau Rusukan Besar	51.88	Baik
T6	Pulau Kuraman & Pulau Rusukan Besar	41.25	Sederhana
T7	Pulau Rusukan Kecil	36.88	Sederhana
T8	Pulau Rusukan Kecil	60.63	Baik

Sumber :
i. Laporan Kompendium Jabatan Taman Laut Malaysia Tahun 2015-2016.
ii. Marine Ecosystem Mapping at Labuan Marine Park.

Terumbu karang yang terdapat di Taman Laut WP Labuan ini meliputi *161 species* terdiri daripada *54 Genus* dan *15 families.* Rujuk Rajah 17.3 menunjukkan bilangan terumbu karang dan Jadual 17.9 menunjukkan senarai terumbu karang yang terdapat di WP Labuan.

Rajah 17.3: Bilangan dan senarai Terumbu Karang di Taman Laut WP Labuan



Sumber : *Marine Biodiversity Expedition Report* 2012.

Jadual 17.9: Senarai Terumbu Karang di Taman Laut WP Labuan

Bil. Terumbu Karang	Bil. Terumbu Karang
1. *Acroporidae*	9. *Mussidae*
2. *Agariciidae*	10. *Oculinidae*
3. *Astrocoeniidae*	11. *Pectiniidae*
4. *Dendrophylliidae*	12. *Pocilloporidae*
5. *Euphyllidae*	13. *Poritidae*
6. *Faviidae*	14. *Siderastreidae*
7. *Fungiidae*	15. *Trachyphyllidae.*
8. *Merulinidae*	

Sumber : *Marine Biodiversity Expedition Report 2012*

b. Hidupan Liar

Aktiviti pembangunan infrastruktur dan pertanian yang mengabaikan kepentingan habitat dan pemburuan haram secara langsung menyumbang kepada kepupusan hidupan liar yang mampu mengganggu proses kitaran hidupan liar sekiranya penguatkuasaan tegas tidak dijalankan. Walaubagaimanapun, berdasarkan hasil dapatan dari Jabatan Perhilitan, WP Labuan tidak mempunyai sebarang isu penyeludupan hidupan liar dan begitu juga dengan pencerobohan hutan adalah masih dalam keadaan terkawal. WP Labuan juga tidak mempunyai sebarang rizab hidupan liar.

Melalui inventori hidupan liar yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhilitan pada 1 – 10 hb Mac 2017, terdapat beberapa spesies hidupan seperti jenis mamalia dan reptilian telah dikenalpasti di kawasan kajian. Antara jenis mamalia adalah Musang tenggalung (*Malayan Civet*), Tenggiling, Kera (*Longtailed Macaque*) dan Musang (*Common palm Civet*). Manakala antara reptilia yang ditemui adalah buaya tembaga, ular dan biawak. Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai oleh Jabatan Perhilitan dalam pengurusan konflik hidupan liar. Antaranya adalah pengurusan konflik antara manusia dan kera dan juga manusia dan ular.

c. Hutan Paya Bakau

Kawasan litupan berhutan bagi WP Labuan merangkumi 686.39 hektar iaitu 6.89% dari keseluruhan keluasan guna tanah di Labuan, sebahagian besar daripadanya meliputi hutan paya bakau dan hutan darat. Kebanyakan hutan paya bakau terletak di sepanjang pesisir pantai dan muara sungai. Kawasan hutan ini mempunyai pelbagai fungsi yang perlu dipelihara kerana kepentingannya sebagai habitat semula jadi bagi hidupan akuatik disamping berperanan sebagai benteng pencegah hakisan laut atau sungai. Melalui maklumat yang diperolehi daripada Perbadanan Labuan, Hutan Paya Bakau Kinabenuwa dalam proses pewartaan sebagai sebahagian rizab tanah kerajaan bagi tujuan kawasan rekreasi awam dan pengekalan hutan paya bakau. (Rujuh Rajah 17.4).

Proses pewartaan Hutan Paya Bakau Kinabenuwa ini selaras dengan Rancangan Fizikal Negara 3 dalam Bab 4, Teras 2 (Kemampanan spatial dan daya tahan terhadap perubahan iklim). Hala tuju bagi strategik ini adalah untuk meningkatkan kemampanan pembangunan dengan menguruskan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara agar dapat dikekalkan dan dilindungi. Tindakkan ini dapat dilaksanakan dengan menggunapakai KD 1.1A iaitu mewartakan habitat-habitat yang terancam sebagai kawasan perlindungan. Hal ini kerana Hutan Paya Bakau berpotensi dijadikan sebagai Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa. Malah, Taman Ekologi ini juga boleh berfungsi sebagai salah satu pusat penyelidikan bagi pemuliharaan eko-sistem. Seterusnya dapat menyokong dan meningkatkan nilai tambah untuk sektor eko-pelancongan di kawasan kajian. Selain itu, hutan paya bakau juga dikenalpasti terdapat di sepanjang Sungai Ganggarak.

Berdasarkan *Labuan Development Blueprint 2030*, dalam Strategi Teras 6 iaitu *Enhancing Ecology, Water Bodies And Biodiversity Areas*, Hutan Paya Bakau Kinabenuwa dan Sungai Ganggarak telah dikenalpasti sebagai salah satu kawasan yang perlu dilindungi dan dipulihara bagi mengelakkan kemusnahan biodiversiti.

Rajah 17.4: Perincian Hutan Paya Bakau Kinabenuwa

PERINCIAN HUTAN PAYA BAKAU KINABENUWA

- Proses Pewartaan Rizab Tanah Kerajaan
- Jenis : Hutan Paya Laut
- Kategori : Kawasan Rekreasi Awam & Pengekalan Hutan Paya Bakau
- Spesies pokok :
  1. Pokok bakau kurap (*Rhizophora mucronate*),
  2. Bakau minyak (*Rhizophora Conjugata*)
  3. Api-api putih (*Avicinnia alba*).
- Lokasi : Terletak di persisiran laut yang berlumpur bercampur pasir laut (pasang surut)
- Pusat Pemuliharaan : Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa





Sumber : Perbadanan Labuan.

17.3 Pengurusan Alam Sekitar

Pengurusan alam sekitar melibatkan beberapa komponen seperti status pencemaran kualiti persekitaran (air, marin, udara dan bunyi), pengurusan sisa terjadual dan kawasan sensitif alam sekitar.

17.3.1 Tahap Kualiti Air Sungai

Umumnya, sistem pengairan WP Labuan dibentuk oleh **7 lembangan sungai** yang meliputi **22 sungai.** Kepesatan pembangunan di WP Labuan mendorong kepada pengubahan kualiti air sungai. Justeru itu, pemantauan kualiti air sungai perlulah dipertingkat untuk mengenal pasti status kualiti air sungai, mengesan perubahan kualiti air dan mengesan punca pencemaran. Hasil penemuan kajian ini mendapati bahawa **tiada pengawasan tahap kualiti air sungai** dijalankan di WP Labuan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar.

Walaubagaimanapun, merujuk kepada Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), (*"Proposed Off-Site Storage Facility at Plot 1 of Lot 11946, Kampung Rancha-Rancha, Rancha-Rancha Industrial Estate, Federal Territory of Labuan", 2014),* terdapat dua (2) stesen persampelan kualiti air dijalankan bagi menentukan kualiti air sungai / aliran yang ada semasa fasa pra-pengembangan di lokasi projek dan kawasan sekitarnya. Lokasi pensampelan ini diambil di bahagian hulu Sungai Rancha-Rancha (WR1) dan di hilir Sungai Rancha-Rancha (WR2). Hasil keputusan mendapati kesemua parameter yang dianalisa mematuhi had Kelas IIB (*National Water Quality Standards for Malaysia*) kecuali bagi parameter BOD, COD, Kadmium, Nitrogen Ammonia dan Fosfat.

17.3.2 Tahap Kualiti Air Marin

Dikenalpasti di WP Labuan terdapat **dua belas (12) stesen pengawasan kualiti air marin** yang melibatkan **lima (5) stesen pantai** dan **tujuh (7) stesen pulau.** Manakala, terdapat juga **satu (1) stesen pengawasan kualiti air marin automatik** yang terletak di Jetty Dermaga Merdeka. Stesen ini dikategorikan berada dalam **Kelas 3**. Aktiviti pengawasan automatik ini dapat membantu dalam pengurusan kawasan rekreasi dan ekosistem marin.

a. Tren Indeks Kualiti Air (IKAM) Marin

Tahap Kualiti Air Marin merujuk kepada kriteria Indeks Kualiti Air Kebangsaan (IKAM) yang merangkumi status dan nilai tahap IKAM berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Rujuk Rajah 17.5 bagi Indeks Kualiti Air Marin (IKAM).


Rajah 17.5: Indeks Kualiti Air Marin (IKAM)

INDEKS KUALITI AIR MARIN (IKAM)	
Terbaik	90 - 100
Baik	80 - <90
Sederhana	50 - <80
Tercemar	0 - <50

Sumber : Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Pada tahun 2017-2018, tahap indeks kualiti air marin bagi **stesen pengawasan kualiti air pantai** yang terdapat di WP Labuan meningkat daripada kategori sederhana kepada terbaik dengan kadar antara 91-93. Rujuk Rajah 17.6.


Rajah 17.6 : Status Kualiti Air Marin Kawasan Pantai WP Labuan 2017-2018



Sumber : Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 2017-2018

Manakala status kualiti air marin **Stesen Pulau** di WP Labuan pada tahun 2017 sehingga tahun 2018 menunjukkan peningkatan yang positif dengan kadar indeks kualiti air marin bagi kedua tahun tersebut antara **63 – 93**. Rujuk Rajah 17.7.

Rajah 17.7: Status Kualiti Air Marin Kawasan Pulau WP Labuan 2017-2018



Sumber : Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 2017-2018

Secara keseluruhannya, tahap kualiti air marin bagi kesemua stesen pengawasan **pada tahun 2018** menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun 2017 iaitu pada **tahap terbaik.** Lokasi pengawasan air marin bagi stesen pantai dan pulau yang terlibat adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 17.11.

17.3.3 Tahap Kualiti Bunyi Bising

Berdasarkan maklumat daripada Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, 2015, terdapat program pengawasan bunyi bising ambien dijalankan di WP Labuan. Pengawasan ini dilaksanakan mengikut tiga (3) kategori guna tanah yang melibatkan kawasan sensitif bunyi bising, trafik dan kawasan industri bagi menentukan tahap paras hingar. Data pengawasan yang telah dijalankan di dalam Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia 2015 ini menggunapakai Garis Panduan Perancangan Untuk Had Dan Kawalan Bunyi Bising Persekitaran, 2004 bagi pengukuran status data bunyi bising pada tempoh berkenaan (Pengawasan Tahun 2015, Had Limit 2004) (Rujuk Jadual 17.10). Walaubagaimanapun, standard kualiti bunyi juga telah dikemaskini oleh Jabatan Alam Sekitar kepada garispanduan terkini *'The Planning Guideline For Environmental Noise Limits and Control, 2019 : Schedule 1 - Recommended Permissible Sound Level (Laeq) By Receiving Land Use For New Development'.*

Analisis pengawasan tahap bunyi bising telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi setiap kategori penerimaan guna tanah di WP Labuan pada tahun 2015.


Jadual 17.10: Had Bunyi Bising Berdasarkan Garis Panduan Tahun 2004 Dan 2019 (Terkini)

Had Bunyi Bising	Garis Panduan Perancangan Untuk Had Dan Kawalan Bunyi Bising Persekitaran, 2004		*The Planning Guideline For Environmental Noise Limits and Control, 2019 : Schedule*	
Tahun	2004		2019	
Kategori	Siang	Malam	Siang	Malam
Kawasan Sensitif Bunyi	50 dB (A)	40 dB (A)	55 dB (A)	50 dB (A)
Trafik	70 dB (A)	60 dB (A)	70 dB (A)	65 dB (A)
Industri	70 dB (A)	60 dB (A)	70 dB (A)	65 dB (A)

Sumber :
i. Garis Panduan Perancangan Untuk Had Dan Kawalan Bunyi Bising Persekitaran, 2004
ii. The Planning Guideline For Environmental Noise Limits and Control, 2019

Analisis ini menggunapakai garispanduan had bunyi bising mengikut Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia 2015. Rujuk graf pengawasan tahap bunyi bising pada Rajah 17.8.

Rajah 17.8: Graf Pengawasan Tahap Bunyi Bising Di Kawasan Sensitif Bunyi, Kawasan Trafik dan Kawasan industri



Sumber : Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia 2015.

Analisis Graf Pengawasan Tahap Kualiti Bunyi Bising bagi 3 Kategori Guna Tanah

- Bacaan bunyi bising pada waktu siang melebihi had yang ditetapkan iaitu **50 dB (A)** dan bacaan bunyi bising pada waktu malam juga melebihi **had 40 dB (A)** bagi kawasan sensitif bunyi**.** Faktor peningkatan nilai bacaan berkemungkinan daripada aktiviti manusia dan kepesatan pembangunan di WP Labuan.
- Bacaan bunyi bising pada waktu siang tidak melebihi had yang ditetapkan iaitu **70 dB (A)** manakala bacaan bunyi bising pada waktu malam melebihi had **60 dB (A)** bagi kawasan trafik**.** Pertambahan bilangan kenderaan bermotor pada waktu malam merupakan faktor kadar bacaan pada waktu malam melebihi limit yang ditetapkan.
- Bacaan bunyi bising pada waktu siang tidak melebihi had yang ditetapkan iaitu **70 dB (A)** manakala bacaan bunyi bising pada waktu malam melebihi had **60 dB (A)** bagi kawasan industri.

17.3.4 Tahap Kualiti Udara

Merujuk kepada data tahunan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar, Malaysia bagi tahun **2018** sehingga tahun **2019**, indek pencemaran udara (IPU) di WP Labuan menunjukkan tahap kualiti udara berada di tahap baik dan sederhana. Penentuan tahap kualiti udara ini adalah berdasarkan pengkelasan skala Indek Pencemaran Udara (IPU) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Secara amnya, WP Labuan mempunyai **satu (1) stesen pengawasan udara automatik,** yang mana stesen pengawasan kualiti udara pada tahun 2005 – 2016 direkodkan beroperasi di **Taman Perumahan Majlis Perbandaran Labuan.** Stesen pengawasan udara ini kemudiannya **berpindah di Jabatan Pengairan dan Saliran, WP Labuan** pada **tahun 2017** sehingga sekarang (Rujuk Jadual 17.11).

Jadual 17.11 : Butiran lokasi stesen pengawasan kualiti udara WP Labuan


No	Lokasi	Rekod Tahun
1	Taman Perumahan Majlis Perbandaran Labuan	Tahun 2005 – Tahun 2016
2	Jabatan Pengairan dan Saliran, WP.Labuan	Tahun 2017 – sekarang

Sumber :
i. Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Bahagian Kualiti Udara.
ii. Jabatan Alam Sekitar, WP Labuan

a. Status Indeks Pencemaran Udara (IPU) – Tahun 2015 – 2019.

Analisis kualiti udara bagi kawasan kajian WP Labuan ditunjukkan seperti di dalam Rajah 17.9. Secara keseluruhan, status bacaan IPU ini dikategorikan dalam keadaan **baik** dan **sederhana.** Daripada analisis yang ditunjukkan didapati bahawa bacaan IPU sederhana meningkat sebanyak 48 hari bermula daripada Tahun 2018 (164 hari) ke (212 hari) pada Tahun 2019. Faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh fenomena EL- Nino. Nilai bacaan IPU yang direkodkan dari tahun 2018 sehingga tahun 2019 di Stesen Pengawasan Kualiti Udara di WP Labuan.

Rajah 17.9 : Status Bacaan IPU Bagi Stesen Pengawasan Kualiti Udara (Tahun 2018-2019)



Nota : Bacaan adalah berdasarkan IPU Maksimum Harian
Sumber : Laporan Kualiti Alam Sekeliling, Tahun 2018 dan Tahun 2019

17.3.5 Pengurusan Sisa Buangan Terjadual

Sisa buangan terjadual adalah apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama berdasarkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sebanyak 77 jenis buangan terjadual yang disenaraikan berpotensi memberikan kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar. Hal ini kerana buangan terjadual mempunyai ciri-ciri bahaya seperti bahan mudah meletup, menghakis, berjangkit dan bertoksik. Penghasilan buangan terjadual ini biasanya dihasilkan samaada daripada sisa industri, servis seperti (bengkel/*workshop*), makmal dan sebagainya.

Di WP Labuan, setiap operator industri hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan buangan terjadual yang dijana dikendalikan dengan kaedah yang betul dan selamat dengan cara berikut :

i. Sisa buangan terjadual hendaklah disimpan di dalam tong yang tahan lama/lasak untuk mengelakkan daripada tumpahan atau kebocoran sisa terjadual ini
ii. Setiap tong drum/bekas simpanan perlulah dilabel dan direkodkan dengan sempurna.
iii. Setiap tong drum/bekas simpanan haruslah ditempatkan di dalam stor simpanan yang disediakan.
iv. Setiap tong drum/bekas simpanan haruslah sentiasa ditutup rapi kecuali untuk keperluan menambah dan mengalihkan sisa terjadual.
v. Kesemua tong drum/bekas yang mengandungi buangan terjadual haruslah dipindahkan atau dialihkan oleh pihak kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan mematuhi syarat lesen yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar.

Pengendalian dan pengurusan sisa terjadual yang tidak berkesan ini akan menyebabkan pelbagai kemalangan seperti kebakaran, letupan dan pencemaran sekiranya tidak dikendalikan dengan betul. Selain itu, setiap aktiviti pelupusan, pengolahan dan pemerolehan kembali buangan oleh operator industri haruslah dijalankan di premis yang telah ditetapkan buangan terjadual (PYDTBT) sepertimana yang digariskan dalam peraturan yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.

Secara umumnya, Jabatan Alam Sekitar mempunyai program pemantauan kawalan punca pencemaran tetap iaitu (PYDTBT) bagi premis Kemudahan Pemerolehan Kembali buangan terjadual. Sisa Buangan terjadual di WP Labuan hanya boleh dibuang di premis yang berlesen dan ditetapkan di bawah Seksyen 18 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sahaja.

Berikut merupakan antara lapan (8) premis yang ditetapkan buangan terjadual (PYDTBT) di kawasan kajian, WP Labuan, (Rujuk Jadual 17.12).

Jadual 17.12 : Senarai Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDTBT) Di WP Labuan

No	Jenis Premis	Bil	Nama Syarikat
1	Premis pembinaan kemudahan simpanan luar tapak sisa buangan berjadual 	6	• KA Petra Sdn. Bhd • Safe & Clean Oil Recycle Sdn Bhd • Slop Engineering Sdn Bhd • Sabah Shell Petroleum (LSB) • Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) • Innatech Waste Management (Labuan) Sdn Bhd
2	Premis pembinaan loji pemulihan luar tapak untuk sisa buangan berjadual 	1	• Beyond Status Sdn Bhd
3	Premis pembinaan loji insinerator untuk sisa buangan berjadual dan berbahaya 	1	• Sedafiat Sdn. Bhd.


Sumber : Jabatan Alam Sekitar, WP Labuan

Kebanyakan lokasi premis ini terletak di Rancha-Rancha yang merupakan salah satu kawasan yang disediakan untuk aktiviti perindustrian. Setiap buangan terjadual kecuali bahan buangan radioaktif dan buangan letupan yang dihasilkan di sekitar WP Labuan ini akan dihantar ke Trinekens (Sarawak) Sdn Bhd) untuk pelupusan akhir dengan cara yang selamat, rujuk Rajah 17.10 bagi proses pengurusan buangan terjadual di WP Labuan.


Manakala bahan buangan daripada sisa klinikal hospital akan dihantar dan diuruskan oleh Sedafiat Sdn Bhd yang merupakan premis yang berdaftar dibawah Jabatan Alam Sekitar, Malaysia.

Justeru itu, pemantauan yang berterusan terhadap operator industri dan juga kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual ini perlu dipertingkatkan agar kaedah pengurusan buangan terjadual diselia dengan baik dan selamat bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan pencemaran alam sekitar yang dapat mengancam nyawa manusia dan hidupan lain.

Rajah 17.10 : Proses Pengurusan Buangan Terjadual di WP Labuan



Sumber: Rancangan Pemajuan Labuan, 2040



Rajah 17.11
PELAN LOKASI STESEN PEMANTAUAN KUALITI AIR, MARIN DAN UDARA

Nota:
i. Status Indek Kualiti Air Marin (IKAM) 2018
ii. Status Kualiti Air Marin Automatik 2019
iii. Status Udara 2019



Petunjuk :

Stesen Kualiti Air Marin (Pantai)
1. Pulau Papan
2. Kiamsam
3. Sungai Pagar
4. Layang-Layangan
5. Tanjung Aru

Stesen Kualiti Air Marin (Pulau)
6. Pulau Kuraman
7. Pulau Rusukan Besar
8. Pulau Rusukan Kecil
9. Pohon Batu
10. Water Front
11. Lubuk Temiang
12. Rancha-Rancha

Stesen Kualiti Air Marin (Automatik)
13. Jetty Dermaga Merdeka

Stesen Pengawasan Kualiti Udara
1. Jabatan Pengairan Dan Saliran, Labuan

Lain-Lain Petunjuk :
- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

17.3.6 Tapak Geopark

Berdasarkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, terdapat beberapa kawasan telah dikenalpasti dan berpotensi menjadi tapak "Labuan Geopark" seperti berikut:-

i. Tanjung Batu
ii. Bekas Lombong Arang Batu Lubok Temiang
iii. Bukit Minyak Gas Ganggarak
iv. Tanjung Layang-Layangan
v. Volkano Lumpur di Kampung Layang-Layangan
vi. Formasi Tanjung Punei Crocker Di Tanjung Kiamsam

Pengiktirafan ini diberi bagi melindungi kepentingan warisan geologi, biologi dan warisan yang ada di Labuan.

Dikenalpasti juga terdapat beberapa lokasi baru bagi tapak geologi di WP Labuan seperti dalam Jadual 17.13.

Jadual 17.13 : Lokasi Baru Tapak Geologi

Ciri-Ciri	Lokasi	Bil
Tapak Geologi (Geotapak)	1. Enapan Laut Cetek Tg. Batu 2. Enapan Muara Tg. Kubong 3. Penakung Minyak Kg. Ganggarak 4. Batu Arang Kg. Ganggarak 5. Enapan Laut Dalam Kg. Bebuloh Darat 6. Lapisan Silang Tg. Layang-Layangan 7. Sesar Pulau Rusukan Besar 8. Pulau Burung	8
Tapak Warisan Biologi (Biotapak)	1. Paya Bakau Kinabenuwa	1
Tapak Budaya	1. Kg. Bebuloh Laut 2. Kg. Patau-Patau	2

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Contoh Foto Tapak Geologi di WP Labuan.



TANJUNG LAYANG-LAYANGAN



ENAPAN MUARA TANJUNG KUBONG

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

17.3.7 Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

KSAS dapat didefinisikan sebagai "suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, demi memulihara nilai warisan, nilai sokongan hidup dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah.

Secara keseluruhannya,WP Labuan terdiri daripada **7 kategori KSAS** berdasarkan aktiviti guna tanah sepertimana yang digariskan oleh Garis Panduan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (GPP KSAS). Setiap KSAS dinilai secara bersepadu mengikut fungsi utama iaitu KSAS bernilai warisan, bernilai sokongan hidup dan nilai risiko bencana dan juga tahap sensitiviti sesuatu kawasan. Berikut adalah senarai bagi 7 kategori KSAS yang terdapat di WP Labuan :-

i. KSAS Kawasan Tadahan Air
ii. KSAS Kawasan Hutan dan Hutan Simpan Kekal
iii. KSAS Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal
iv. KSAS Kawasan Persisiran Pantai
v. KSAS Kawasan Sungai
vi. KSAS Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut
vii. KSAS Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi

Amnya, penilaian tahap KSAS bagi kawasan kajian WP Labuan menjadi faktor terhadap kawalan pembangunan disesebuah kawasan. Hal ini untuk mengelakkan sebarang projek yang bersifat skala besar serta berkepadatan tinggi menjadi punca kepada kemusnahan alam persekitaran. Justeru, aspek pemeliharaan dan pengurusan KSAS penting untuk meneruskan kesinambungan tahap kualiti persekitaran.

- **Mempertingkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan aset ekologi seperti**
  Mewartakan habitat-habitat terancam sebagai kawasan perlindungan seperti paya bakau dan spesies terumbu karang.

- **Mengurus dan mengawal pembangunan di Kawasan Sensitif Alam sekitar (KSAS)**
  Mengguna pakai rangka kerja KSAS sebagai asas kawalan pembangunan bagi dijadikan panduan terhadap pembangunan guna tanah secara mampan dengan menentukan tahap kesensitifan KSAS mengikut unsur-unsur fungsi risiko bencana, nilai sokongan hidup serta nilai khazanah dan warisan sesuatu kawasan.

- **Mengukuhkan Pengurusan Lembangan Sungai**
  Pewartaan dan pengurusan rizab sungai bagi memastikan sungai-sungai yang utama dilindungi dan diuruskan secara mampan untuk menjaga keperluan bekalan sumber air negara.

a. Pengurusan dan Kawalan Pembangunan KSAS

Merujuk kepada Garis Panduan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (GPP KSAS), kawasan ini akan dikelaskan mengikut tiga (3) tahap sensitif iaitu KSAS tahap 1, KSAS tahap 2 dan KSAS tahap 3. Strategi kawalan pembangunan dan pengurusan bagi setiap tahap KSAS akan dirangka bagi memastikan keseimbangan alam sekitar dengan perancangan guna tanah. Berikut merupakan langkah-langkah pengurusan dan strategi kawalan pembangunan bagi setiap tahap KSAS di kawasan kajian WP Labuan.

Jadual 17.14: Langkah-Langkah Pengurusan Dan Strategi Kawalan Pembangunan KSAS

Tahap	Strategi Kawalan	Langkah-Langkah Pengurusan
KSAS Tahap 1	Kawasan Perlindungan Sepenuhnya	• Tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembangunan termasuk pertanian dan pembalakan kecuali aktiviti ekopelancongan yang berimpak rendah serta kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibenarkan tanpa menjejaskan sifat keupayaan daya tampungan (*carrying capacity*). • Pemulihan hutan semula jadi dibenarkan.
KSAS Tahap 2	Kawasan Pembangunan Terhad	• Tidak dibenarkan sebarang pembangunan kecuali aktiviti rekreasi / pelancongan berasaskan alam semulajadi yang berimpak rendah. • Hanya kawasan badan air dan kawasan sisa hutan dibenarkan tanpa menjejaskan sifat keupayaan daya tampungan (*carrying capacity*). • Permohonan pembangunan harus menunjukkan bahawa pembangunan adalah berimpak rendah melalui kajian EIA, Hidraulik, *Marine Risk Assessment*, SIA dan lain-lain.
KSAS Tahap 3	Kawasan Pembangunan Terkawal	• Pembangunan terkawal sahaja dibenarkan berdasarkan syarat-syarat yang terkandung dalam garis panduan bagi aktiviti pembangunan seperti perumahan, perindustrian dan perniagaan yang melibatkan kepadatan rendah atau sederhana, dimana jenis dan kepadatan pembangunan bergantung kepada halangan setempat. • Segala permohonan pembangunan di tapak harus menggunapakai garis panduan yang ditetapkan seperti MSMA, 2000 Kawalan Nisbah Plot Ketinggian, GP Pembangunan Pesisir Pantai dan lain-lain berkaitan.
Luar KSAS	Potensi Pembangunan	• Sesuai untuk pembangunan seperti (perindustrian, perumahan, perniagaan, kemudahan masyarakat dan sebagainya) dan pertanian dengan mengambil kira ketetapan zon guna tanah serta mematuhi syarat-syarat dan garis panduan pembangunan yang ditetapkan.

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

Berdasarkan langkah-langkah pengurusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 17.14, terdapat beberapa halangan yang dikenalpasti terutamanya bagi zon penampan di kawasan empangan. Antaranya adalah sebagaimana berikut :

- Tahap kesensitifan bagi zon penampan di kawasan empangan yang melibatkan Empangan Bukit Kuda, Empangan Sungai Pagar dan Empangan Kerupang berada di Tahap dua (2).
- Sebarang pembangunan atau pertanian tidak dibenarkan. Projek pembalakan mampan atau eko-pelancongan berimpak rendah dibenarkan tetapi tertakluk kepada halangan setempat dan perlu melalui kajian EIA, Hidraulik, *Marine Risk Assessment*, SIA dan lain-lain.
- Zon penampan (250m) bagi kawasan empangan perlu diubah suai jika terdapat pembangunan yang sedia ada atau yang telah dirancang (komited) tetapi kawalan perlu disediakan mengikut ciri-ciri kawasan tersebut.
- Bahan kumbahan, buangan kediaman, industri dan sebagainya dilarang dialirkan terus ke dalam sungai. Bahan kumbahan hendaklah dirawat terlebih dahulu sehingga ke Kelas II sebelum dialirkan keluar ke dalam *outlet* utama terlebih dahulu
- Piawaian / standard yang digunakan ke atas efluen daripada kumbahan adalah Piawaian A atau Piawaian B daripada Jadual Ketiga, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Perindustrian) 1979.
- Semua pembangunan di luar zon penampan adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan umum sedia ada.

Setiap KSAS yang dikenalpasti ini akan dikategorikan berdasarkan tiga (3) tahap kesensitifannya yang bergantung kepada sifat-sifat semula jadi sesuatu sumberjaya tersebut. Rujuk Jadual 17.15 bagi Kategori KSAS berdasarkan fungsi dan Rajah 17.12 bagi Pelan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Bersepadu WP Labuan yang telah digabungkan dalam membentuk kesatuan KSAS Bersepadu.


Jadual 17.15: Kategori Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Mengikut Fungsi di WP Labuan

Bil	Kategori KSAS	Akitiviti/Kawasan/Sumber	Jenis KSAS	KBW	KBSH	KBB	Tahap
1.	Kawasan Tadahan Air	**Kawasan Empangan** a. Empangan Bukit Kuda b. Empangan Sungai Pagar c. Empangan Kerupang	KBSH	-	FU	FU	1
2.	Hutan Simpan Kekal	**Hutan Simpan Kekal (Tanah Kerajaan)** Hutan Paya Bakau Kinabenuwa	KBW	FU	FU	FU	
3.	Hutan	**Hutan Paya Laut** Hutan Paya Bakau Sungai Ganggarak	KBW	FU	FU	FU	2
4.	Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	**Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal** Tapak Pelupusan Kampung Bukit Kallam	KBB	-	-	FU	
5.	Zon Penampan	• Cadangan Zon Penampan (250m) bagi Kawasan Empangan	KBSH	-	FU	FU	
		• Cadangan Zon Penampan (250m) bagi Kawasan Hutan Simpan Kekal	KBW	FU	FU	FU	
6.	Kawasan Pesisiran Pantai	**Risiko Hakisan Pantai (Zon Penampan 60m)** Pantai Sungai Pagar – Sungai Miri Tahap Hakisan –1 : Kritikal (1.438km)	KBB	FS	FU	FU	
7.	Kawasan Dataran Banjir dan Sungai	**Kawasan Lembangan Sungai (Rizab 60m)** a. Sungai Kinabenuwa b. Sungai Ganggarak c. Sungai Gersik	KBSH	-	FU	FS	
8.	Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut	**Kawasan Taman Laut** a. Pulau Kuraman b. Pulau Rusukan Besar c. Pulau Rusukan Kecil **Kawasan Pulau** d. Pulau Papan e. Pulau Burong	KBW	FU	FS	-	3
9.	Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi	**Kawasan Tanah Tinggi** a. Bukit Kallam (< 150m) b. Bukit Kubong (< 150m)	KBSH	FU	FU	-	
10.	Zon Penampan	• Cadangan Zon Penampan (250m) bagi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	KBB	-	-	FU	

Nota:

KBW:	KSAS Bernilai Warisan
KBB:	KSAS Berisiko Bencana
KBSH:	KSAS Bernilai Sokongan Hidup
FU:	Fungsi Utama
FS:	Fungsi Sekunder

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan, 2040.



Nota:
1.KSAS BSH + BW : KSAS BERNILAI SOKONGAN HIDUP + BERNILAI WARISAN
2.KSAS BSH : KSAS BERNILAI SOKONGAN HIDUP
3.KSAS BB : KSAS BERNILAI BENCANA

Rajah 17.12
PELAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) BERSEPADU WP LABUAN



Petunjuk :

KSAS BSH + BW

KSAS Tahap 1

1. Empangan
   1a. Empangan Bukit Kuda
   1b. Empangan Sg. Pagar
   1c. Empangan Kerupang
2. Hutan Simpan Kekal
   2a. Hutan Paya Bakau Kinabenuwa

KSAS BB

KSAS Tahap 2

6.TP Sisa Pepejal Kg Bukit Kallam

KSAS Tahap 3

7. Hakisan Pantai (60m) : Sg Pagar/Sg Miri
11. Zon Penampan TP Kg Bukit Kallam

KSAS BSH

KSAS Tahap 2

3. Zon Penampan Empangan (250m)
   3a. Empangan Bukit Kuda
   3b. Empangan Sg. Pagar
   3c. Empangan Kerupang
4. Zon Penampan HSK (250m)
5. Hutan Paya Laut - Hutan Paya Bakau Sungai Ganggarak

KSAS Tahap 3

8. Lembangan Sungai (termasuk Rizab)
   8a. Sg. Kinabenuwa
   8b. Sg. Ganggarak
   8c. Sg. Gersik
9. Pulau & Taman Laut
   9a. Pulau Kuraman
   9b. Pulau Rusukan Besar
   9c. Pulau Rusukan Kecil
   9d. Pulau Papan
   9e. Pulau Burong
10. Tanah Tinggi
    10a. Bukit Kallam 10b. Bukit Kubong

Kawasan KSAS Tahap 1
Kawasan KSAS Tahap 2
Kawasan KSAS Tahap 3

Lain-Lain Petunjuk :

Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar

Jalan


Badan Air & Pantai

17.4 Risiko Bencana

Risiko bencana merupakan ancaman terhadap keselamatan serta petempatan manusia seperti banjir, hakisan tanah dan pantai, tanah runtuh termasuklah oleh aktiviti seperti industri dan penerbangan. Setiap risiko bencana yang dikenalpasti di kawasan WP Labuan dinilai mengikut setiap kriteria penentuan risiko iaitu daripada tahap berisiko rendah, risiko sederhana, risiko tinggi dan diluar kawasan berisiko bencana. Berdasarkan analisis yang dijalankan, WP Labuan mempunyai beberapa potensi risiko bencana. Jadual 17.16 dan Rajah 17.13 hingga 17.17 menunjukkan kawasan risiko bencana di WP Labuan.

Jadual 17.16: Potensi Bencana Di WP Labuan

Bencana	Risiko
1. Banjir	Penentuan risiko bencana banjir:- Senarai lembangan utama sungai dan Pelan kawasan dataran banjir. **<u>Kawasan Banjir Kilat</u>** Kg. Ganggarak, Kg. Lajau, Kg. Layang-Layangan, Kg. Merinding, Kg. Rancha-Rancha Darat, Kg. Sg. Buton, Kg. Sg. Bedaun, Kg. Bukit Kallam, Kg Batu Manikar, Kilan Kassim, Pulau Akar, Kg. Belukut, Kg. Nagalang, Kg. Sg. Lada, Kg. Bukit Kuda dan Kg. Sg. Miri. (berdasarkan lembangan sungai berdekatan) **<u>Tahap risiko banjir</u>** i. Kawasan berisiko rendah-anjakan 250m diluar dataran banjir ii. Kawasan berisiko sederhana banjir-50m pinggir dataran banjir iii. Kawasan berisiko tinggi bencana banjir-saluran banjir (lembangan sungai)
2. Hakisan Pantai	**<u>Risiko Hakisan Pantai</u>** Pantai Sungai Pagar – Sungai Miri, Tahap Hakisan –1 : Kritikal (1.438km) **<u>Tahap hakisan pantai</u>** I Kritikal 1.438 km 2.3% II Ketara 9.412 km 14.8% III Belum Serius 14.357 km 22.6% Stabil 38.240 km 60.3%
3. Tanah Runtuh	**<u>Tanah runtuh (tanah tinggi)</u>** WP Labuan adalah rata dan terdapat 2 titik tertinggi:- i. Bukit Kubong-89m ii. Bukit Kallam-93m (Kawasan berbukit ini boleh menjadi halangan angin kepada beberapa kawasan daripada angin semasa Monsun Timur Laut, Monsun Barat Daya serta perubahan angin monsun yang berlaku sepanjang tahun). Keseluruhan kawasan kajian berada di **bawah ketinggian kurang daripada 300 meter** dan dikenal pasti **kurang berisiko tanah runtuh.** **<u>Tanah runtuh (cerun jalan)</u>** 181 bilangan cerun yang dicerap JKR, hasil analisis menunjukkan 9 bilangan cerun dikategorikan sebagai cerun "*Very High*" (cerun potongan - *cut slopes*). Pembaikan cerun amatlah penting baiki memastikan keadaan cerun-cerun jalan di kawasan kajian ini berada pada tahap rendah risiko cerun jalan runtuh.
4. Bencana Gempa & Tsunami	WP Labuan dipengaruhi oleh satu skala MMI, dengan satu tahap risiko: **Skala sederhana (MMI – Tahap V)** **Halaju 3.4-8.1 cm/s, Tahap risiko: Sederhana (sedikit merosak)** 
5. Industri	Pembangunan di sekitar kawasan-kawasan industri perlulah menyediakan zon penampan berdasarkan kategori industri (berat, sederhana dan ringan). Tahap berisiko bencana (Industri) :- i. Industri Berat (Risiko Bahaya) ii. Industri Sederhana (Risiko Sederhana) iii. Industri Ringan (Risiko Rendah) Risiko kejadian letupan, kebakaran, pencemaran air dan udara dan kebocoran bahan-bahan berbahaya (*hazardous materials*) di kilang. Langkah mitigasi dan pengurusan bencana perlu diambil kira jika berlaku kemalangan di kawasan sekitar aktiviti industri.
6. Penerbangan	Tahap berisiko bencana kawasan penerbangan berdasarkan kawasan had penerbangan :- *i.* *CONICAL SURFACE* (CS)-(Kaw. Risiko Rendah) Jarak 2km dari radius luar *Inner Horizontal Surface*. Had maksimum ketinggian bangunan 149m. *ii.* *INNER HORIZONTAL SURFACE* (IHS) Jarak 4km radius dari lapangan terbang. Had ketinggian 49m. *iii.* *TAKE-OFF APPROACH (TAS) SURFACE* (Kawasan Risiko Tinggi) Semua pembangunan yang terletak di dalam ketiga-tiga zon ini hendaklah **mematuhi had ketinggian** yang dibenarkan dan mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (DCA).



Rajah 17.13
PELAN RISIKO BANJIR




Petunjuk :

- Kaw. Saluran banjir–Berisiko Tinggi
- Kaw. Dataran Banjir (50m)-Berisiko Sederhana
- Kaw. Luar Dataran Banjir (250m)-Berisiko Rendah

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 17.14
PELAN RISIKO HAKISAN PANTAI




Petunjuk :

- Hakisan Pantai Kategori I- Kritikal
- Hakisan Pantai Kategori II- Ketara
- Hakisan Pantai Kategori III- Belum Serius
- Hakisan Pantai Kategori IV- Stabil

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 17.15
PELAN RISIKO INDUSTRI



Petunjuk :

- Industri Berat (Kaw. Risiko Tinggi)
- Industri Sederhana (Kaw. Risiko Sedehana)
- Industri Ringan (Kaw. Risiko Rendah)

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Rajah 17.16
PELAN ANALISIS KETINGGIAN




Petunjuk :

- Ketinggian Melebihi 50 Meter (Berisiko Rendah)

Keseluruhan kawasan kajian berada di bawah ketinggian kurang daripada 300 meter dan dikenal pasti sebagai kurang berisiko tanah runtuh.

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai



Ilustrasi Perincian Kawasan Berisiko Bencana Kawasan Penerbangan

Tahap Risiko

1 ***Take Off Surface*** (Berisiko Tinggi)

2 ***Inner Horizontal Surface (IHS)*** (Berisiko Sederhana)

3 ***Conical Surface (CS)*** (Berisiko Rendah)

Rajah 17.17
PELAN RISIKO PENERBANGAN



Petunjuk :

- *Take Off Surface* (Risiko Tinggi)
- *Inner Horizontal Surface* (Risiko Sederhana)
- *Conical Surface* (Risiko Rendah)

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

17.5 Isu dan Prospek

Beberapa isu permasalahan yang telah dikenalpasti dan memerlukan langkah penyelesaian segera. Antaranya isu dan prospek yang dikenalpasti adalah seperti di bawah:-

i. Kawalan pengawasan kualiti air sungai

Tiada stesen pengawasan kualiti air sungai di kawasan kajian bagi menentukan indeks kualiti air sungai. Pemantauan hanya di laksanakan terhadap kualiti air marin (pulau dan pantai).

Kualiti alam sekitar dapat dipertingkat melalui penambahbaikan kawalan dan pemantauan sungai terutama di kawasan Sungai Kinabenuwa yang merupakan nadi kawasan pengekalan dan pemuliharaan alam semula jadi.

ii. Pembuangan sampah tidak terkawal di kawasan sungai dan perairan.

Pencemaran air sungai / marin berpunca daripada aktiviti - aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran seperti dari kawasan perniagaan, industri dan pembuangan sampah secara tidak teratur ke kawasan yang tidak sepatutnya, terutama di dalam kawasan perumahan atas air. Kesannya, air sungai dipenuhi dengan sampah-sarap dan mencacatkan pemandangan.

Potensi pencemaran daripada aktiviti guna tanah ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kualiti air sungai / marin dan merosak nilai estetika jika tidak dikawal secara menyeluruh dan boleh menjejaskan aktiviti pelancongan sedia ada. Cadangan program kesedaran alam sekitar, program pembersihan sungai dan amalan kitar semula perlu dijalankan di kawasan kajian WP Labuan. Keperluan pemantauan tahap kualiti air sungai di kawasan sungai utama.

iii. Kawalan Bencana

Keperluan Mekanisme Pengurusan Bencana bagi kategori-kategori bencana yang telah dikenalpasti (pengurusan banjir dan kawalan hakisan pantai).

iv. Kawasan berkepentingan tinggi biodiversiti

Kepelbagaian sumberjaya yang kaya dengan nilai-nilai ekologi dan warisan.

a. Hutan paya bakau

Hutan paya bakau di sebelah selatan Labuan, di Sg. Kinabenuwa dan sepanjang Sg. Ganggarak.

Kawasan paya bakau penting untuk dipelihara dan diuruskan secara lestari untuk mengoptimakan fungsi-fungsi ekologinya. Antaranya melaksanakan langkah-langkah kawalan terhadap hutan paya bakau Sg. Kinabenuwa yang telah digazetkan sebagai hutan simpan dan kawasan rekreasi.

b. Pulau-Pulau

Pulau-pulau kecil (termasuk Taman Laut) mengandungi ekosistem semula jadi yang sensitif dan merupakan aset pelancongan semula jadi yang perlu dijaga.

Antara perancangan guna tanah holistik di kawasan kajian adalah melalui penggunaan rangka kerja KSAS sebagai garis panduan pembangunan dan pengukuhan, pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berkepentingan tinggi biodiversiti seperti Kawasan hutan paya bakau dan Taman Laut.

17.6 Cadangan Am

Berdasarkan beberapa isu awal yang diketengahkan hasil penemuan kajian, berikut merupakan cadangan awal yang boleh diterapkan sebagai langkah strategik bagi menyelesaikan isu permasalahan yang dihadapi serta mencapai objektif dan sasaran Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goal (SDGs)* dan Agenda Perbandaran Baharu atau *New Urban Agenda (NUA)* yang telah ditetapkan. Antaranya ialah :

i. Strategi Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

a. Menggunapakai rangka kerja KSAS sebagai garis panduan pembangunan

Pemeliharaan dan pengekalan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang telah dikenalpasti perlu dipelihara daripada sebarang pembangunan yang boleh menjejaskan ekosistem alam semula jadi.

ii. Strategi Pemantauan dan Penguatkuasaan

a. Cadangan Mewujudkan Stesen Baru bagi Pengawasan Kualiti Air Sungai

Memantau kualiti air sungai terutama Lembangan Sg. Kinabenuwa dengan mewujudkan stesen pengawasan kualiti air sungai. Dalam masa yang sama kesemua pemantauan stesen pengawasan air marin (pantai dan pulau) haruslah di teruskan.

Kualiti alam sekitar dapat dipertingkat melalui penambahbaikan kawalan dan pemantauan sungai terutama di kawasan Sg. Kinabenuwa yang merupakan nadi kawasan pengekalan dan pemuliharaan alam semula jadi.

b. Cadangan meningkatkan penguatkuasaan bagi kecekapan urus tadbir pengurusan sisa buangan terjadual

Penguatkuasaan ke atas kilang yang menghasilkan sisa buangan terjadual dan premis simpanan luar tapak mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 bagi memastikan mereka mengurus, melupuskan dan pemerolehan kembali bahan buangan dengan kaedah yang betul dan selamat.

iii. Strategi Pengurusan Sisa Lestari

Sumber air semula jadi seperti kawasan persisiran pantai dan rizab sungai perlu dipelihara daripada sebarang pencemaran. Kawalan pencemaran di kawasan sungai, pantai dan kawasan perairan haruslah dipertingkatkan.

a. Cadangan Pengurusan Sungai yang Holistik

Mengetengahkan inisiatif pengurusan sumber air mampan yang berkonsepkan program ***A-Active, B-Beautiful, C-Clean Waters (ABC)*** di sungai-sungai terpilih di kawasan kajian (Sg. Kinabenuwa dan Sg. Ganggarak).

b. Cadangan Mewujudkan Inisiatif Pintar Kitar Semula

Menggalakkan komuniti untuk giat menjalankan aktiviti kitar semula. Terdapat keperluan untuk mempelbagaikan usaha yang dinamik untuk mempertingkatkan kadar kitar semula dengan pengenalan mesin layan diri kawasan kampung atas air seperti di Kampung Bebuloh Laut.

c. Meningkatkan Keberjayaan Pengurangan Sisa Pepejal Melalui Konsep Sifar Sisa (*Zero Waste* –Kamikatsu)

Peningkatan positif kejayaan pengurangan sisa pepejal di kawasan kajian akan dipertingkatkan lagi dengan inisiatif pengurusan sisa berlandaskan konsep *Zero Waste* – Kamikatsu terutama kawasan kampung atas air seperti di Kampung Patau-Patau 2.

iv. Strategi Pengurusan Risiko Bencana

a. Cadangan Penyediaan Pelan Risiko Bencana


Mewujudkan Pelan Pengurusan Bencana untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak PBT, agensi dan orang awam sekiranya berlakunya bencana alam. Pelan Pengurusan Risiko Bencana akan disediakan bagi kategori-kategori bencana yang telah dikenalpasti. Ianya termasuk langkah pencegahan dan langkah pengurusan bencana.

b. Kawalan Hakisan Pantai

Keperluan penyediaan strategi struktur kawalan hakisan pantai yang berkesan dalam menangani hakisan pantai yang kritikal di kawasan kajian.

BAHAGIAN B :

ASPEK PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN


PEARL OF BORNEO

BAB

18



Pengurusan Maklumat Geografi (GIS)



Pulau Kuraman

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pengurusan Sistem Maklumat Geografi (GIS)

18.1 Pengenalan

Sistem Maklumat Geografi (GIS) adalah merupakan sebuah sistem pengurusan maklumat berkomputer yang berfungsi untuk tujuan pengurusan maklumat, pengolahan, penganalisaan dan pengeluaran maklumat yang sering dikaitkan dengan data berbentuk peta/pelan. Salah satu kelebihan sistem GIS berbanding dengan sistem berkomputer yang lain adalah keupayaannya dalam menghasilkan paparan maklumat dengan menggabungkan antara pangkalan data berbentuk reruang (spatial) dengan pangkalan data teks/atribut. Keupayaannya ini memberi kelebihan kepada sistem GIS dalam menggambarkan maklumat yang lebih baik, mudah difahami dan terperinci kepada penggunanya.

Keupayaan GIS tidak hanya terhad kepada pemaparan peta digital sahaja sebaliknya ia boleh menjalankan analisis serta memaparkan hasil analisis. Contohnya analisis guna tanah, analisis pengurusan hutan, lalulintas, dan lain-lain lagi. Terdapat lima (5) komponen GIS iaitu perkakasan, perisian, data serta pengurusan guna tenaga manusia dan prosedur tertentu bagi setiap pengendalian data GIS (Rujuk Rajah 18.1).

Rajah 18.1: Komponen-Komponen Sistem Maklumat Geografi (GIS)



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

18.2 Pembangunan Pangkalan Data

Pangkalan data merupakan komponen penting dalam GIS. Ia merangkumi dua (2) model data iaitu data atribut dan data ruangan. Tanpa pangkalan data, sesuatu GIS adalah tidak bermakna. GIS mampu menjawab dua (2) soalan tentang "apa" dan "di mana". "Apa" merujuk kepada data atribut tentang sesuatu objek ruangan geografi yang disimpan dalam pangkalan data. "Di mana" merujuk kepada lokasi dalam peta suatu data atribut yang dirujuk. Oleh itu, model data atribut dan model data ruangan dapat dihubung dengan ID yang berkongsi.

Pembangunan pangkalan data Rancangan Pembangunan Labuan 2040 dibangunkan berdasarkan format Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 Edisi 2020 (Rujuk Rajah 18.2). Penyediaan pangkalan data ini bertujuan untuk memudahkan penyimpanan data dan maklumat serta membantu pihak berkepentingan melakukan kemas kini pada masa akan datang.

Rajah 18.2: Asas dan Dokumen Rujukan








Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Pembangunan pangkalan data Rancangan Pembangunan Labuan 2040 berpandukan kepada manual GIS adalah penting bagi memastikan data spatial di dalam simpanan jabatan adalah terkini dan seragam. Selain itu, ia memudahkan integrasi maklumat di antara setiap kajian rancangan pemajuan serta integrasi maklumat bagi setiap aplikasi berkaitan.

Data-data asas bagi kajian ini dibekalkan oleh pihak Perbadanan Labuan dan Pejabat PLANMalaysia (Pejabat Projek Zon Utara). Ia seterusnya dikemaskini berdasarkan kepada penemuan semasa. Pada peringkat ini, maklumat tambahan daripada setiap sektoral dan juga agensi-agensi terlibat diperlukan bagi melengkapkan pangkalan data ini. Data diperolehi akan diselaraskan mengikut format *Mapinfo* ***(*.tab)*** dan setiap komponen data yang dibentuk akan disimpan di dalam format Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dikenali sebagai lapisan data atau ***layer***. Proses penyediaan pangkalan data melibatkan perkara seperti diperincikan dalam Rajah 18.3.

Rajah 18.3: Proses Pembangunan Pangkalan Data



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

i. Penerimaan Data

Semua data yang dibekalkan dan dikumpulkan akan melalui proses semakan kualiti data. Data-data ini terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang diperolehi dari pihak Perbadanan Labuan, PLANMalaysia (Pejabat Projek Zon Utara) serta jabatan-jabatan teknikal yang lain dan perunding sectoral (Rujuk Jadual 18.1).

Jadual 18.1: Senarai Penerimaan Data Asas

Lapisan Data	Bentuk	Sumber
Lot NDCDB_2018	Poligon	PL
Guna Tanah Semasa	Poligon	PL & PPZU
Guna Tanah Komited	Poligon	PL
Guna Tanah Cadangan	Poligon	PL
Sempadan Wilayah	Poligon	PL
Sempadan Negeri	Poligon	PPZU
Sempadan Kampung	Poligon	PL
Indeks	Poligon	PL
Blok Perancangan	Poligon	PL
Blok Perancangan Kecil	Poligon	PL


Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

ii. Topologi Data

Proses Topologi merupakan semakan kualiti data spatial. Proses semakan kualiti data spatial merupakan satu kaedah penting dalam memastikan kesemua lapisan data (poligon, garisan dan titik) tidak mempunyai masalah dari segi pertindihan data, tidak bercantum dengan sempurna dan sebagainya. Proses ini melibatkan teknik *topology rules* bagi mengenal pasti kesalahan untuk mempertingkatkan kualiti data GIS. Antara kesalahan dan masalah kualiti data (Rujuk Rajah 18.4) yang dikenal pasti ialah:

- Pertindihan poligon (*Overlap*).
- Sempadan poligon tidak bercantum (*Gap between poligon*).
- Ruang kosong antara poligon (dalam lapisan guna tanah).
- Lot yang tidak munasabah. Semakan kualiti spatial membantu mengurangkan kesilapan terutamanya ketika menjalankan analisis.

Rajah 18.4: Contoh Kesalahan dan Masalah Kualiti Data



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

iii. Pengemaskinian Data

Pengemaskinian data merupakan antara proses penyediaan pangkalan data bagi melengkapi data sedia ada. Antara kaedah kemas kini data yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kemasukan data
- Penyuntingan data
- Penstrukturan data

- **Kemasukan Data**

Kemasukan data atribut dilaksanakan mengikut data setiap sektoral. Segala penambahan data atribut bagi setiap lapisan data akan ditambah oleh perunding sektoral sekiranya ada. Perisian yang digunakan di dalam pembangunan data dan analisis data ditunjukkan di dalam Rajah 18.5.

- **Penyuntingan Data**

Proses penyuntingan berlaku setelah melalui proses verifikasi dan setiap lapisan data yang telah dikenal pasti perlu dibetulkan semula termasuklah penambahan medan data. Penambahan medan data dibuat sekiranya perunding ingin menambah maklumat pada data spatial sedia ada.

- **Penstrukturan Data**

Penstrukturan data melibatkan penyelarasan setiap maklumat dalam atribut seperti ejaan, singkatan perkataan yang dipersetujui (sama ada Kampung atau Kg.), kod guna tanah, medan data dan lain-lain. Selain itu, lapisan-lapisan data yang diterima dan juga lapisan data baharu mestilah mengikut metadata yang telah ditetapkan di dalam Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Rancangan Pemajuan Versi 2.0.

Rajah 18.5: Perisian Yang Digunakan Di Dalam Pembangunan Data dan Analisis Data



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040


- **Pengesahan Data**

Seterusnya proses semakan metadata yang diselaraskan kualiti data melalui proses verifikasi daripada perbincangan bersama dengan pihak Perbadanan Labuan, Pejabat Projek Zon Utara serta agensi-agensi lain. Data-data ini disemak bagi memastikan ketepatan data yang diterima bagi menyokong kesahihannya dan juga menjamin kualiti data yang baik.

- **Penyimpanan Data**

Penyimpanan data dalam format **.tab* bersesuaian dengan keperluan pengguna iaitu pihak Perbadanan Labuan dan Pejabat Projek Zon Utara. Model pangkalan data Rancangan Pemajuan Labuan 2040 adalah seperti Rajah 18.6 dan Jadual 18.2. Semua data yang dibekal dan dikumpulkan akan melalui proses semakan kualiti data. Data-data ini merupakan data yang diperolehi dan dijana sepanjang kajian dijalankan.

Rajah 18.6: Model Pangkalan Data Rancangan Pemajuan Labuan 2040



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 18.2: Senarai Fail/*Folder* Pangkalan Data Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Fail/Folder	Keterangan	Sumber
01_KADASTER	• Komponen ini mengandungi lot tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan yang diselenggara oleh JUPEM.	• JUPEM melalui BMGN
02_GUNA TANAH	• Komponen ini mengandungi beberapa lapisan data seperti guna tanah semasa, guna tanah komited dan zoning.	• PL, PPZU, BMGN dan agensi teknikal
03_PERSEMPADANAN	• Komponen Pentadbiran mengandungi maklumat sempadan mengikut negeri, daerah, mukim, kawasan parlimen, kawasan DUN, kawasan PBT, sempadan bandar, blok perancangan dan blok perancangan kecil.	• PL, PPZU dan BMGN
04_INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	• Komponen utiliti mengandungi maklumat rangkaian bekalan elektrik, bekalan air, bekalan gas/petroleum, pengairan dan perparitan, telekomunikasi, pengurusan sisa pepejal, buangan terjadual dan pembetungan. • Komponen pengangkutan mengandungi rangkaian jalan raya mengikut kategori.	• JBA Labuan, SESB, JPS, JKR, dan PL
05_PERANCANGAN	• Komponen Alam Sekitar mengandungi maklumat badan air, hutan, sungai, KSAS, topo dll. • Komponen penduduk mengandungi maklumat penduduk iaitu jumlah penduduk dan jumlah unjuran penduduk mengikut daerah dan mukim. • Komponen ekonomi mengandungi maklumat kawasan komersial, industri, pelancongan dan pertanian. • Komponen sosial mengandungi maklumat taburan kemudahan awam, institusi kerajaan, perumahan, Kawasan lapang dan taburan kampung. • Komponen Maklumat Tanah mengandungi maklumat tanah yang telah diberimilik kepada persendirian dan kerajaan. • Komponen ini mengandungi data kecerunan, ketinggian, kesediaan fizikal tanah dan kesesuaian tanah.	• JAS, JPS, JMG, Jab. Perhutanan, Jab. Perangkaan, Jab. Pendidikan, Jab Kesihatan, IPD Labuan, Bomba Daerah Labuan, Pejabat Agama Islam Labuan
06_IMEJ	• Mengandungi sebarang bentuk data dalam format imej seperti imej satelit, video, gambar dan lain-lain lagi	• Perunding Kajian
07_DOKUMEN & LAPORAN	• Mengandungi laporan-laporan yang dihasilkan sepanjang kajian. - Laporan Pendekatan Kajian - Laporan Tinjauan - Laporan Analisis & Strategi Pembangunan - Laporan Draf Awal Rancangan Struktur - Laporan Draf Awal Rancangan Tempatan - Laporan Draf Akhir Rancangan Struktur - Laporan Draf Awal Rancangan Tempatan	• Perunding Kajian

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

18.3 Analisis Geospatial

Pada peringkat ini, lapisan data sedia ada dan lapisan data sektoral digunakan bagi menjana analisis spatial yang akan membantu kajian ini dan dijadikan sebagai asas dalam membentuk strategi dan hala tuju pembangunan (Rujuk Rajah 18.7). Analisis geospatial pada peringkat laporan ini melibatkan tiga (3) analisis iaitu:

Analisis Ketinggian



Rujuk Rajah 18.9

- < 150 Meter
- 150-300 Meter
- 300-1,000 Meter
- > 1000 Meter


Analisis Kecerunan



Rujuk Rajah 18.11

- < 15 Darjah
- 15-25 Darjah
- 25-35 Darjah
- > 35 Darjah

Analisis Kesediaan Fizikal Tanah



Rujuk Rajah 18.15

- Kawasan Boleh Bangun
- Kawasan Boleh Bangun Dengan Syarat
- Kawasan Tidak Boleh Bangun

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 18.7: Proses Pembentukan Pelan Analisis Dalam Pembentukan Halatuju, Konsep & Strategi Pembangunan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

i. Analisis Ketinggian

Analisis ketinggian penting dan perlu dilakukan sebagai panduan di dalam mengenalpasti, memilih, merancang dan membangunkan kawasan bertanah tinggi. Teknik *Spatial Surface Interpolation* digunakan di peringkat pembangunan analisis ini (Rujuk Rajah 18.8 dan 18.9).


Bagi kawasan Labuan keseluruhan kawasan adalah bertopografi rendah iaitu kurang daripada 150 meter. Seluas 9,704.78 hektar mempunyai ketinggian kurang daripada 50 meter dan 263.08 hektar pula berketinggian melebihi 50 meter. Jadual 18.3 menunjukkan penemuan bagi analisis ketinggian di kawasan pentadbiran Labuan.

Jadual 18.3: Analisis Ketinggian

Ketinggian	Kategori Ketinggian	Luas (Hektar)	Peratus (%)
0 – 50 m Tanah Rendah	- Boleh dipertimbangkan untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada Rancangan Pemajuan	9,704.78	97.36
50 - 150 m Tanah Rendah		263.08	2.64
150 - 300 m Tanah Bukit	- KSAS Tanah Tinggi Tahap 3. - Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensity pembangunan akan dikawal bergantung kepada ciri-ciri halangan. - Pembangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat kecerunan <15 Darjah.	-	-
300 m - 1000 m Tanah Tinggi	- KSAS Tanah Tinggi Tahap 2. - Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan. Pembalakan mampan dan pelancongan alam semulajadi berimpak rendah akan dibenarkan bergantung kepada halangan setempat dan kecerunan tidak melebihi 25 Darjah.	-	-
> 1000 m Tanah Gunung	- Tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan, pertanian atau pembalakan kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi yang berimpak rendah, penyelidikan dan pembangunan.	-	-
Jumlah		9,967.86	100.00


Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 18.8: Model Analisis Ketinggian



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rujuk Rajah 18.9



Rajah 18.9
ANALISIS KETINGGIAN



Petunjuk :

- Ketinggian Kurang 50 Meter
- Ketinggian Melebihi 50 Meter

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

ii. Analisis Kecerunan

Kestabilan cerun juga merupakan aspek yang penting di dalam perancangan, kejuruteraan dan juga pengawalan alam sekitar. Cerun yang tidak stabil akan mengakibatkan kejadian tanah runtuh, gelinciran dan lain-lain. Analisis kecerunan penting bagi memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan di kawasan yang bersesuaian dan terkawal. Analisis kecerunan ditakrifkan sebagai kawasan lereng bukit yang mempunyai cerun. Teknik *Spatial Surface Interpolation* digunakan di peringkat pembangunan analisis ini. Rajah 18.10 dan 18.11 menunjukkan model dan pelan analisis kecerunan.


Berdasarkan analisis kecerunan yang dijalankan didapati hampir keseluruhan kawasan Labuan 9,970.64 hektar (99.02 %) mempunyai kecerunan kurang daripada 25 darjah iaitu Kelas I dan Kelas II (Jadual 18.4). Kedua-dua kelas ini dikategorikan sebagai kawasan yang dibenarkan untuk semua jenis aktiviti pembangunan. Seluas 89.10 hektar (0.89%) adalah kawasan berkecerunan di antara 25 darjah hingga 35 darjah atau Kelas III, iaitu kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang tinggi dan memerlukan pertimbangan serta syarat-syarat pembangunan yang khusus. Hanya 8.12 hektar (0.08%)mempunyai kecerunan melebihi 35 darjah (Kelas IV), iaitu kawasan yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti pembangunan.

Jadual 18.4: Analisis Kecerunan

Kecerunan	Klasifikasi Pembangunan	Rekabentuk Bangunan/Keperluan	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kurang 15 darjah Cerun Landai	Dibenarkan Untuk Pembangunan Tanah Bukit	- Tertakluk kepada Rancangan Tempatan	9,328.06	93.58
15 - 25 darjah Cerun Beralun dan Berbukit		- Kepadatan sederhana. - Rekabentuk banguna perlu mengikut alunan cerun bagi mengurangkan pemotongan dan kerja tanah.	542.58	5.44
25 - 35 darjah Cerun Sederhana Curam	Dibenarkan Setelah Mendapat Kelulusan dari Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Geoteknikal	- Hanya sesuai untuk pembangunan berintensiti rendah - Aktiviti yang bersesuaian. - Cerun tanah berisiko runtuh jika melebihi 25 darjah. - Melibatkan elemen kerja tanah.	89.1	0.89
Lebih 35 darjah Cerun Curam	Tidak Dibenarkan Untuk Pembangunan	- Tidak dibenarkan sebarang pembangunan. - Kritikal untuk keselamatan bangunan dan tapak.	8.12	0.08
		Jumlah	9,967.86	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 18.10: Model Analisis Kecerunan



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rujuk Rajah 18.11



Rajah 18.11
ANALISIS KECERUNAN



Petunjuk :

- Kecerunan Kurang 15 Darjah
- Kecerunan 15-25 Darjah
- Kecerunan 25-35 Darjah
- Kecerunan Melebihi 35 Darjah

Lain-Lain Petunjuk :


- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai

iii. Analisis Kesediaan Fizikal Tanah


Analisis kesediaan atau kedapatan tanah dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan yang boleh dibangunkan dan kawasan yang tidak boleh dibangunkan (kawasan berhalangan). Kesediaan tanah merujuk kepada tanah yang masa kini belum dibangunkan dan belum terikat dengan pembangunan. Teknik *Spatial Raster Analysis-Using Multple Data Sets* digunakan bagi menghasilkan analisis kesediaan fizikal tanah.

Bagi menjalankan analisis ini, pendekatan raster model bersaiz grid 3m x 3m digunakan (Rujuk Rajah 18.12). Operasi analisis akan dijanakan menggunakan ARITMATIK TAMBAH (+) (*Spatial Raster Analysis- Using Multiple Data Sets*). Dengan itu, faktor-faktor kriteria yang terlibat dengan kawasan kesediaan pembangunan akan dikenalpasti melalui nilai (*value*) yang terdapat pada sel. Perincian berkaitan kriteria-kriteria mempengaruhi pembentukan analisis kesediaan fizikal tanah ditunjukkan di dalam Jadual 18.5.

Rajah 18.12: Penggunaan Pendekatan Raster dan Perbezaan Saiz Grid Mempengaruhi Hasil Analisis



Contoh penggunaan Arimatrik TAMBAH (+) dan Aritmatrik DARAB (X) Dalam Persekitaran Grid.



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Jadual 18.5: Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah

Kriteria	Sub-Kriteria
Tepubina	Perumahan, Komersial, Industri, Institusi & Kemudahan Masyarakat, Infrastruktur dan Utiliti, Kemudahan Pengangkutan & Jalan
Komited	Pelan Kebenaran Merancang
Kawasan Tanah Tinggi	Ketinggian Kurang 150 Meter Ketinggian 150 - 300 Meter Ketinggian 300 - 1,000 Meter
Kawasan Cerun	Kecerunan Kelas I, II, III & IV
Hutan Simpan	Hutan Simpan Kekal Hutan Simpan Tanah Kerajaan
Tanah Kosong	Tanah Kosong (Kawasan Pembangunan) Tanah Kosong (Tanah Tidak Diusahakan)
Pertanian	Kesemua Klasifikasi Pertanian (Tanaman, Penternakan & Akuakultur)
Badan Air	Sungai, Tasik
Analisis KSAS	KSAS Tahap 1, Tahap 2 & Tahap 3

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Hasil daripada analisis yang dijalankan didapati hanya 28.39 peratus (2,829.703 hektar) kawasan yang boleh dibangunkan bagi kawasan WP Labuan (Rujuk Jadual 18.6). Kawasan boleh dibangunkan dengan syarat pula adalah 67.86 peratus (6,764.190 hektar).

Ia merangkumi kawasan tepubina, tanah pembangunan dan juga kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai KSAS Tahap 2 dan Tahap 3. Manakala kawasan yang berhalangan pula sebanyak 3.75 peratus (373.967 hektar) daripada kawasan kajian. Kawasan ini merangkumi kawasan hutan dan juga kawasan empangan.


Analisis kesediaan fizikal tanah melibatkan beberapa kriteria termasuk aspek kawasan tepu bina, pertanian, tanah kosong, badan air, hutan, analisis fizikal dan KSAS. Kesemua kriteria-kriteria ini akan dianalis di dalam menghasilkan pelan kesediaan tanah untuk WP Labuan. Perincian model analisis dan kriteria-kriteria mempengaruhi pembentukan analisis kesediaan fizikal tanah ditunjukkan di dalam Rajah 18.13 hingga 18.15.

Jadual 18.6: Analisis Kesediaan Fizikal Tanah

Kesediaan Fizikal Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kawasan Boleh Dibangunkan	2,829.703	28.39
Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat	6,764.190	67.86
Kawasan Berhalangan	373.967	3.75
Jumlah	9,967.860	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 18.13: Model Analisis Kesediaan Fizikal Tanah





Rujuk Rajah 18.15

Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040

Rajah 18.14: Kriteria-Kriteria Mempengaruhi Pembentukan Analisis Kesediaan Fizikal Tanah















Rajah menunjukkan pelan indikatif bagi kriteria-kriteria yang mempengaruhi pembentukan analisis kesediaan fizikal tanah



Rajah 18.15
ANALISIS KESEDIAAN FIZIKAL TANAH




Petunjuk :

- Kawasan Boleh Dibangunkan
- Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
- Kawasan Berhalangan

Lain-Lain Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Tanah Berhakmilik (Daratan & Badan Air) Termasuk Pulau Labuan & 6 Pulau Sekitar
- Jalan
- Badan Air & Pantai


PEARL OF BORNEO

BAB

19



Pengurusan Dan Perlaksanaan



Rumah Api, Pulau Papan

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Pengurusan dan Pelaksanaan

19.1 Pengenalan

Kajian sektor pengurusan dan perlaksanaan akan memfokuskan kepada struktur organisasi di peringkat WP Labuan secara khususnya selaku penyelaras perancangan dan pembangunan yang meliputi kawasan operasinya. Sistem tadbir urus ini menjelaskan tatacara sistem pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menguruskan sesuatu kawasan ke arah kemajuan. Tadbir urus yang baik adalah berteraskan beberapa prinsip utama yang akan memberikan penekanan terhadap nilai-nilai positif dalam perlaksanaan dan penyampaian perkhidmatan. Setiap lapisan organisasi perlu mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat melalui sumber yang minimum (efisien) dengan penghasilan kerja *(output)* yang maksimum (efektif). Dengan ini, pemantapan integriti akan dapat menyelesaikan setiap permasalahan dengan pembentukan prosedur dan polisi yang jelas.

Bagi aspek sistem tadbir urus Labuan, Perbadanan Labuan (PL) merupakan perbadanan pentadbiran yang khas ditubuhkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memainkan peranan sebagai sebuah pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) yang mentadbir urus WP Labuan. Tanggungjawab PL dalam tadbir urus WP Labuan adalah merangkumi aspek kesihatan awam dan sanitasi, pengurusan sisa pepejal, perancangan bandar, pemuliharaan alam sekitar, kawalan bangunan, premis perniagaan, lesen perniagaan dan penjaja, infrastruktur awam dan pelancongan. PL melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan serta peranan pihak berkuasa tempatan bagi kawasan WP Labuan.

19.2 Penilaian Pencapaian Dasar

Dasar-dasar yang dirujuk untuk sektor pengurusan dan pelaksanaan melibatkan dasar-dasar di peringkat nasional dan tempatan. Penilaian pencapaian dasar yang berkaitan dengan sektor pengurusan dan pelaksanaan seperti mana yang ditunjukkan di dalam Jadual 19.1 hingga 19.5.

i. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020 (RMKe-11)

Jadual 19.1: Penilaian Pencapaian Dasar RMKe-11 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan.

Bidang Keutamaan	Strategi	Pencapaian
Tonggak I : Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam		
C : Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara hemat	C1 : Mempertingkat sistem belanjawan	- PL menyediakan Laporan Tahunan Perbadanan Labuan yang boleh diakses oleh orang awam bagi membolehkan peruntukan dan perbelanjaan PL diteliti. - Menonjolkan PL sebagai pentadbir yang komitmen, telus dan bertanggungjawab - PL memperkenalkan kaedah pembayaran cukai kadaran dan sewaan secara dalam talian *(online)* melalui pautan lawan web rasmi PL, E-Bayaran.
Tonggak V : Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau		
A : Memperkukuh Tadbir Urus	A2 : Menambahbaik kapasiti dan keupayaan, penguatkuasaan dan pemantauan	- Kapasiti dan keupayaan agensi dan pihak perbadnanan adalah terhad - Keperluan kapasiti dan keupayaan agensi dipertingkatkan melalui pemindahan pengetahuan dan kemahiran di kalangan agensi teknikal untuk memperkasakan personel pada setiap peringkat. - Sistem GIS telah diwujudkan bagi perkongsian maklumat namun tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh agensi teknikal lain

Sumber : RMKe-11 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

ii. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)

Jadual 19.2: Penilaian Pencapaian Dasar RFN Ke-3 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan.

Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif Dan Berdaya Huni		
Halatuju Strategik	Strategi	Pencapaian
KI 3 : Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti	KI 3.1 : Mempergiatkan Penglibatan Komuniti	- Peningkatan penglibatan penduduk menunjukkan tahap kesedaran penduduk yang tinggi mengenai kepentingan peranan PL untuk tadbir urus Labuan - Komuniti Labuan hadir di *Open Day* untuk memberi pandangan dan cadangan bagi Blueprint Pembangunan Labuan. - Pelaksanaan program-program yang melibatkan penduduk seperti Program mampan Sejahtera @ Local Agenda 21 (LA21), Program Jejak Prihatin, Aduan Awal PL dia talian *Whatsapp* aduan, program penghijauan Malaysia dan lain-lain.
	KI 3.2 : Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Pintar dalam Pembangunan Komuniti	- PL menyediakan platform rasmi Aduan Awal PL untuk komuniti membuat aduan untuk permasalahan yang dihadapi melalui aplikasi *Whatsapp, telegram* dan laman web - usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi menambah baik sistem perkongsian pintar seperti sistem GIS agar mesra pengguna, sentiasa dikemaskini dan selaras dengan keperluan penyampaian informasi semasa.

Sumber : RFN Ke-3 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Jadual 19.3: Penilaian Pencapaian Dasar DPN2 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan.

Prinsip 1 : Tadbir Urus Bandar yang baik		
Objektif	Strategi	Pencapaian
1.2 : Penentuan Sempadan Bandar	1.2.1 : Penentuan sempadan bagi setiap bandar yang dikenalpasti	- Dasar ini masih belum tercapai sepenuhnya - Bandar Labuan selaku hierarki bandar wilayah telah ditetapkan sempadan bandar yang jelas - Sebaliknya 4 bandar bagi hierarki bandar tempatan masih tidak mempunyai sempadan bandar yang jelas - Penentuan sempadan bandar akan membantu PL untuk memfokuskan pembangunan di bandar di samping mengoptimumkan potensi sumberjaya dan ciri-ciri unik sebuah bandar.
1.3 : Penerapan Nilai-nilai Akauntabiliti dan Integriti di dalam Perancangan dan Pengurusan Bandar ke arah Pembangunan Mampan	1.3.3 : Peningkatan komitmen pihak pengurusan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan	- PL menyediakan platform rasmi Aduan Awal PL untuk komuniti membuat aduan untuk permasalahan yang dihadapi melalui aplikasi Whatsapp dan telegram - Keperluan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada komuniti agar sebarang perkhidmatan adalah cekap, tepat dan memudahkan segalga urusan komuniti
1.5 : Penglibatan Masyarakat dalam Projek dan Program Pembangunan	1.5.1 : Penglibatan komuniti dalam setiap dasar perancangan dan pembangunan bandar secara komprehensif dan efektif	- Dasar ini tercapai sepenuhnya dan masih relevan dikekalkan - Komuniti Labuan hadir di *Open Day* untuk memberi pandangan dan cadangan bagi Blueprint Pembangunan Labuan. - Keperluan lebih banyak sesi perbincangan seperti sesi *townhall* yang melibatkan penglibatan komuniti bagi membolehkan komuniti menyuarakan isu permasalahan, kehendak serta bersama-sama mencari penyelesaian bagi cabaran yang dihadapi.

Sumber : DPN2 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

iv. Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Jadual 19.4 : Penilaian Pencapaian Dasar Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan

Teras Persekitaran Kondusif dan Harmoni		
Dasar	Cadangan Am	Pencapaian
Dasar Am: P3 - Labuan Berperanan Sebagai Pusat Separa Wilayah dan Disokong dengan Pusat Petempatan Kecil	P3 – CA1 Mengukuhkan fungsi Bandar Labuan sebagai Pusat Separa Wilayah dari segi meningkatkan penyediaan ICT dan kemudahan penyelidikan peringkat tinggi serta kemudahan MICE.	- Capaian telekomunikasi di Labuan sedia ada adalah baik. - Hampir 97% kawasan Labuan telah mendapat liputan 4G LTE. - Keperluan penaiktarafan kepada liputan 5G bagi mengukuhkan aspek telekomunikasi termasuk penyediaan peralatan dan teknologi yang menyokong fungsi tersebut - Penyediaan kemudahan MICE dipertingkatkan oleh pihak PL dan swasta di Ujana Kewangan, Dorsett Grand Labuan, Palm Beach Resort and Spa dan Tiara Resort Labuan.
	P3 – CA2 Mewujudkan Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur/utiliti yang setara dari segi kuantiti dan kualiti.	- DPN2 membuat penempatan semula hierarki bandar iaitu Pusat Petempatan Kecil (PPK) digugurkan dari hierarki dan Pusat Petempatan Utama (PPU) dinamakan sebagai Bandar Tempatan - 4 bandar tempatan tersebut iaitu Simpang Tamu, Ganggarak, Layang-Layangan dan Bebuloh kurang menonjol dari aspek pembangunan dan aktiviti ekonomi - Wujud jurang pembangunan dan ekonomi yang besar di antara bandar wilayah dan bandar tempatan

Sumber : Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

v. *Labuan Development Blueprint 2030*

Jadual 19.5: Penilaian Pencapaian Dasar Labuan Development Blueprint 2030 Berkaitan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan.

The Enablers		
Dasar	Strategi	Pencapaian
5 : Governance	*ST – G1* *Strategic Thrust 1: Developing and Maintaining a Comprehensive Planning and Information System*	- Dasar ini belum tercapai dan perlu dipertingkatkan - Antaranya melalui penyediaan *Urban Observatory Center* bagi Labuan akan membantu tadbir urus WP Labuan terutamanya melibatkan aspek perkongsian dan pengumpulan maklumat, serta kawalan pembangunan. - Sistem GIS telah diwujudkan namun tidak dimanfaatkan sepenuhnya
	ST – G2 *Strategic Thrust 2: Upgrading the Capacity of Labuan Corporation*	- Dasar ini belum tercapai sepenuhnya dan masih relevan untuk dikekalkan - Latihan dan kemahiran hendaklah diberi secara berterusan setiap tahun bagi memastikan kompetensi dan kemahiran setiap pekerja PL agar seiring dengan kemajuan teknologi yang digunakan - PL telah membangunkan Sistem Maklumat Perancangan Guna Tanah Labuan(SMPGL) bagi pengurusan data spatial dan pengkalan data GIS. - Penggunaan data GIS boleh diselaraskan dengan data-data permohonan Kebenaran Merancang, perlesenan dan percukaian.

Sumber : Labuan Development Blueprint 2030 & Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

19.2 Analisis Semasa

Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 01 Julai 2001, di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001, Akta 609 dan bertindak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Perbadanan tadbir urus ini ditubuhkan melalui hasil penggabungan dua agensi tadbir urus utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) dan Majlis Perbandaran Labuan (MPL). Perincian tinjauan bagi tadbir urus Labuan adalah sebagaimana laporan berikut.

19.2.1 Tadbir Urus Peringkat Persekutuan

i. Kementerian Wilayah Persekutuan

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) diwujudkan pada tahun 1979 yang berfungsi sebagai penyelaras perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan Kawasan Lembah Klang. Penubuhan Kementerian ini adalah sejajar dengan penubuhan Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Wilayah Lembah Klang.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan KWP ditubuhkan semula untuk memberi tumpuan khusus terhadap pemajuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Lima (5) tahun kemudiannya, KWP ditukarkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dalam membasmi kemiskinan bandar di seluruh negara serta perlaksanaan program kesejahteraan bandar. Penstrukturan Kabinet pada tahun 2013, fungsi kementerian ini kembali kepada asal manakala fungsi kesejahteraan bandar diserahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

a. Fungsi Utama KWP

Sektor pengurusan dan perlaksanaan akan memfokuskan kepada struktur organisasi di peringkat negeri secara khususnya. Wilayah Persekutuan merupakan wilayah yang ditadbir secara langsung oleh kerajaan Persekutuan Malaysia dan sistem perundangannya adalah di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Ianya merangkumi tiga (3) buah wilayah termasuk ibu negara Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (Rujuk Rajah 19.1). Di bawah penyeliaan KWP, pelbagai pembangunan dan kemodenan membabitkan prasarana dapat dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan.

Fungsi utama Kementerian Wilayah Persekutuan adalah untuk merancang, mengurus, melaksana, memantau dan menilai kemajuan dan pembangunan dengan fokus kepada :

- **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR** sebagai ibu negara Malaysia dan bandar raya bertaraf dunia
- **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** sebagai pusat perniagaan, hab minyak dan gas, pusat kewangan antarabangsa serta destinasi pelancongan yang maju, indah dan sejahtera.
- **PENYEDIAAN DASAR** mengenai hal ehwal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
- **WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA** sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat, bertenaga serta Makmur.
- **PELAKSANAAN PROGRAM KESEJAHTERAAN BANDAR** di Wilayah Persekutuan
- **KEMAJUAN PEMBANGUNAN SUKAN** Kemajuan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan yang cemerlang
- **PENYELARASAN PELANCARAN** bagi Wilayah Persekutuan yang seimbang

Rajah 19.1 : Senarai Wilayah yang Ditadbir oleh KWP



Sumber: Olahan daripada laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan, kwp.gov.my

b. Agensi dan Perbadanan KWP

Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa bagi melaksanakan berkaitan dengan akta dan merupakan agensi yang terlibat di bawah KWP adalah:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Perbadanan Putrajaya (PPJ)
- Perbadanan Labuan (PL)
- Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)
- Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (WIPERS)
- Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP)

Carta organisasi KWP ditunjukkan di dalam Rajah 19.2. Daripada 6 perbadanan tersebut, 3 agensi perbadanan terlibat dalam aspek pengurusan dan pentadbiran WP Labuan. Antaranya ialah :

Perbadanan Labuan (PL)

PL merupakan perbadanan di bawah KWP yang mentadbir Wilayah Persekutuan Labuan.

Perbadanan Labuan ditubuhkan di bawah pada 01 Julai 2001 di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001 hasil penggabungan dua agensi utama iaitu pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. Antara fungsi utama PL adalah memajukan WP Labuan sebagai destinasi pelancongan, kawasan bebas cukai dan pusat perdagangan utama.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (WIPERS)

WIPERS merupakan badan induk yang menyelaras pembangunan sukan bagi Wilayah Persekutuan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) ditubuhkan pada tahun 1979 dan diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa pada 1 April 2012 selaras dengan Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 2006.

MSWP bertanggungjawab dalam pelaksanaan program pembangunan sukan, pengurusan kemudahan sukan, program latihan, penganjuran dan penyertaan kejohanan sukan serta menjadi urusetia bagi kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA).

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP)

WP Labuan dikawal selia oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan tanah seperti penyemakan perundangan, pengurusan rekod harta tanah, pengambilan dan penguatkuasaan harta tanah pelupusan, pembangunan, pendaftaran dan pengurusan pembahagian pusaka kecil.

Selain itu, PPTGWP berfungsi:

- Memproses permohonan pengambilan tanah sehingga tanah berkenaan dapat dimasuki secara sah.
- Memfailkan kes-kes bantahan ke Mahkamah daripada orang-orang yang berkepentingan yang tidak berpuas hati terhadap perkara-perkara berikut:
  i. Ukuran luas tanah yang diambil.
  ii. Amaun pampasan yang dibayar.
  iii. Orang-orang yang akan menerima pampasan.
  iv. Pembahagian pampasan.

- Menguruskan pembayaran wang pampasan kepada orang-orang yang berkepentingan atau mendepositkannya ke Mahkamah dalam keadaan- keadaan berikut:
  i. Tiada orang yang kompeten untuk menerimanya.
  ii. Orang yang berhak tidak bersetuju untuk menerimanya.
  iii. Terdapat pertikaian dari segi hak ke atas orang yang akan menerima pampasan atau pembahagiannya.

- Menyediakan permohonan ukur bagi baki lot yang tidak terkena dengan pengambilan ke atas tanah-tanah yang dipegang di bawah hak milik Pendaftaran dan hak milik Pejabat Tanah supaya dapat di buat pengukuran muktamad untuk tujuan pengeluaran hak milik sambungan.
- Memproses permohonan untuk menduduki dan menggunakan tanah secara sementara bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun.
- Menjalankan pemantauan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Tanah-Tanah Persekutuan

ii. Jabatan dan Agensi Pelaksana WP Labuan

Jabatan dan agensi pelaksana WP Labuan terdiri daripada agensi-agensi pentadbiran di bawah Kementerian Persekutuan, badan-badan berkanun dan bukan berkanun (Rujuk Jadual 19.6). Jabatan dan agensi ini turut memainkan peranan kepada perancangan, pengawalan dan pelaksanaan segala aktiviti di bawah pentadbiran WP Labuan.

Jadual 19.6 : Jabatan di bawah Kementerian Persekutuan

Kementerian	Jabatan
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	Jabatan Pertanian WP Labuan
	Jabatan Perikanan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri	Jabatan Imigresen Malaysia
	Jabatan Pendaftaran Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan	Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Labuan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
	Jabatan Laut Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia	Jabatan Pendidikan WP Labuan
Kementerian Kesihatan Malaysia	Jabatan Kesihatan WP Labuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	Jabatan Ukur dan Pemetaan WP Labuan
Kementerian Alam Sekitar dan Air	Jabatan Pengairan dan Saliran
	Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Kerja Raya	Jabatan Kerja Raya WP Labuan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Jabatan Agama Islam WP Labuan

Sumber: Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

a. Bahagian/ Jabatan di bawah WP Labuan

Senarai 18 Jabatan utama di bawah PL adalah seperti berikut :

- Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Kewangan
- Jabatan Pengurusan Maklumat
- Perpustakaan Awam
- Jabatan Perancangan & Kawalan Bangunan
- Jabatan Pembangunan & Kejuruteraan
- Jabatan Sosio Ekonomi
- Jabatan Pelancongan, Kebudayaan & Kesenian
- Unit Penyelarasan, Pemantauan, Penilaian & Kajian Impak
- Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
- Jabatan Penilaian, Pelaburan & Pengurusan Harta
- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Penguatkuasaan
- Penasihat Undang-Undang
- Jabatan Audit Dalaman
- Jabatan Hal Ehwal Korporat
- Unit Integriti

b. Badan Berkanun Negeri/ Bukan Berkanun

Badan berkanun merupakan agensi separuh kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan Enakmen Negeri. Manakala, Badan tidak berkanun merupakan syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Badan ini bergerak seperti syarikat perniagaan biasa yang dimiliki oleh kerajaan dan badan tidak berkanun boleh menubuhkan anak syarikat dibawahnya. Badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri yang terlibat secara langsung dengan perancangan bandar ialah:

- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Persisir Labuan (LOFSA)
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja WP Labuan (KWSP)
- Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN)
- Lembaga Pelabuhan Labuan
- Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan
- Lembaga Pertubuhan Peladang WP Labuan
- Majlis Amanah Rakyat (MARA) WP Labuan

c. Syarikat

Syarikat-syarikat di bawah pentadbiran WP Labuan seperti berikut:

- Sabah Electricity Sdn. Bhd
- Telekom Malaysia Berhad WP Labuan
- Labuan Halal Hab Sdn. Bhd.

iii. Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 serta Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010, suatu Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah ditubuhkan bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang terdiri sekurang 14 ahli anggota (Rujuk Jadual 19.7). Selain itu, penambahan anggota dibenarkan tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian anggota jawatankuasa bagi Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan adalah seperti berikut :

Jadual 19.7 : Anggota Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan


Bil	Ahli	Jawatan
1.	Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan	Pengerusi
2.	Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan	Timbalan Pengerusi
3.	Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Perbadanan Labuan	Setiausaha
4.	Pengerusi Perbadanan Labuan	Ahli
5.	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian	Ahli
6.	Seorang Anggota Perbadanan Labuan	Ahli
7.	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan	Ahli
8.	Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa	Ahli
9.	Ketua Pengarah Tanah dan Galian	Ahli
10.	Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi	Ahli
11.	Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya	Ahli
12.	Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar	Ahli
13.	Penasihat Undang-Undang Kementerian	Ahli
14.	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Perbadanan Labuan	Ahli

Sumber: Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan memainkan peranan dan fungsi yang hampir sama dengan Jawatankuasa Peringkat Negeri iaitu :

- untuk menggalakkan dalam WP Labuan, dalam rangka dasar negara, pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah di WP Labuan
- untuk mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan di dalam WP Labuan
- untuk menasihati Perbadanan Labuan, sama ada dengan daya usahanya sendiri atau sebagai menyahut permintaan, mengenai perkara yang berhubungan dengan pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di WP Labuan
- Untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyelenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa, dan perusahaannya.

Rajah 19.2 : Carta Organisasi Kementerian Wilayah Persekutuan



Sumber: Olahan daripada Laman Web Rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan

19.2.2 Tadbir Urus Peringkat Tempatan

i. Perbadanan Labuan (PL)

Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 1 Julai 2001 di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. PL merupakan hasil gabungan dua agensi utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. Labuan diangkat sebagai sebahagian Wilayah Persekutuan berikutan perancangan kerajaan persekutuan untuk menaik taraf Labuan sebagai pusat kewangan dan pelancongan antarabangsa.

Sehubungan itu, Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001 telah diwartakan bagi memansuhkan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 dan membatalkan Surat Cara Majlis Perbandaran Labuan 1983 sekaligus membubarkan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. Perbadanan Labuan ditubuhkan melalui Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001 bagi menggantikan fungsi Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan dalam mengurus tadbir dan memajukan pembangunan di Labuan

Perbadanan Labuan menjalankan segala fungsi kerajaan tempatan dan pihak berkuasa perancang tempatan yang melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. PL adalah perbadanan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan dan pengawalan pembangunan di peringkat tempatan. PL juga merupakan pelaksana dasar di peringkat akar umbi yang secara langsung menyampaikan perkhidmatan kepada warga penduduk tempatan.



PL memperkenalkan logo rasmi yang melambangkan Perbadanan Labuan sebagai sebuah organisasi yang matang dalam usaha untuk memperkenalkan Labuan ke seluruh dunia.

Sumber: Laman web rasmi Perbadanan Labuan, pl.gov.my.

Fungsi utama PL adalah berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (1), Akta Perbadanan Labuan, 2001 (Akta 609) yang mana fungsinya adalah:-

a. Memajukan dan merangsang Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan, kawasan bebas duti dan pusat perdagangan;
b. Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
c. Memajukan, merangsang dan mengusahakan perkembangan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti-aktiviti rekreasi dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
d. Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
e. Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
f. Melaksanakan segala fungsi pihak berkuasa perancang tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan;
g. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) dalam Wilayah Persekutuan Labuan; dan
h. Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Visi dan misi yang ditetapkan oleh Perbadanan Labuan adalah:

VISI:

Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan Mampan dan Sejahtera Menjelang 2021


MISI:

i. Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Berkesan
ii. Pembangunan Ekonomi yang Berterusan
iii. Peningkatan Prasarana yang Berkualiti
iv. Penyediaan Perkhidmatan Perbandaran yang Efisien

OBJEKTIF:

PL menetapkan sebanyak lima (5) objektif dalam penubuhannya khusus bagi menjadi asas pentadbirannya dalam memastikan pembangunan yang terancang. Perincian objektif PL adalah sebagaimana Rajah 19.3 berikut.

Rajah 19.3: Objektif Perbadanan Labuan



Sumber: Laman web rasmi Perbadanan Labuan, pl.gov.my.

i. Menjadikan Perbadanan Labuan sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa.
ii. Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.
iii. Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di Wilayah Persekutuan Labuan.
iv. Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia.
v. Menjadikan Perbadanan Labuan sebagai agensi perancang dan pihak berkuasa tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari.

Rajah 9.4 menunjukkan carta organisasi Perbadanan Labuan.

INFO RINGKAS

Kementerian Wilayah Persekutuan

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

WILAYAH PERSEKUTUAN WILAYAH PRIHATIN

VISI

Peneraju Ke Arah Menjadikan Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera Menjelang Tahun 2020

MISI


Menerajui kemajuan dan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial wilayah persekutuan melalai Kerjasama strategik yang inklusif bagi meningkatkan kualiti kehidupan warga Wilayah Persekutuan

Meliputi tiga (3) buah Wilayah Persekutuan

1. Kuala Lumpur
2. Putrajaya
3. **LABUAN**

Keluasan

391 km
bagi keseluruhan Wilayah Persekutuan




49 km²
bagi keseluruhan wilayah Putrajaya

243 km²
bagi keseluruhan wilayah Kuala Lumpur

99 km²
bagi keseluruhan wilayah Labuan

Rajah 19.4 : Carta Organisasi Perbadanan Labuan



Sumber: Olahan daripada Laman Web Rasmi Perbadanan Labuan

19.2.3 Pengurusan Kewangan

Merujuk kepada Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, jumlah Perbelanjaan Sebenar bagi KWP pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 314 juta bagi Mengurus dan RM 1.13 bilion bagi perbelanjaan Pembangunan yang secara keseluruhannya sebanyak RM 1.44 bilion. Bagi tahun 2020, jumlah Peruntukan Belanja Urus yang dianggarkan adalah 1.27 bilion yang merangkumi 273 juta bagi Mengurus dan 997 juta bagi Pembangunan.

Bagi tahun 2021, anggaran perbelanjaan bagi mengurus dan pembangunan dijangka berkurang dari tahun sebelumnya. Sebanyak RM 256 juta bagi Mengurus dan 700 juta bagi Pembangunan yang dijangkakan pada tahun 2021 sebagaimana perbelanjaan/ peruntukan Belanja Mengurus yang direkodkan oleh Menteri Kewangan bagi tahun 2021.

Dalam konteks Mengurus, terdapat beberapa program yang dirangka sebagai panduan hala tuju perbelanjaan yang diperuntukkan. Terdapat tiga (3) program utama iaitu pengurusan, pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar, dan perancangan dan pembangunan. Pengurusan perbelanjaan bagi PL adalah di bawah program 2 : Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 19.5 di bawah.

Rajah 19.5 : Program Utama dalam Aspek Mengurus

PROGRAM 1: PENGURUSAN
1. Pengurusan Am

PROGRAM 2: PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
1. Sosioekonomi
2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
3. Perbadanan Putrajaya
4. **Perbadanan Labuan**
5. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

PROGRAM 3 : PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PNGURUSAN
1. Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
2. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Pejabat Tanah dan Galian WP

Sumber : Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, Menteri Kewangan Malaysia

Sebanyak 58% daripada keseluruhan diperuntukkan bagi Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (P2) pada tahun 2020 bagi perancangan Perbadanan Labuan (PL). Ini adalah bertujuan untuk menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam yang akan memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun 2021 dianggarkan sebanyak 39 juta diperuntukkan untuk Perbadanan Labuan (PL).

Jadual 19.8: Anggaran Perbelanjaan bagi Mengurus pada tahun 2020 dan 2021

Jenis Perbelanjaan	Anggaran Perbelanjaan	
	2020	2021
P2 : PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR		
Sosioekonomi	6,268,600	6,268,600
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	4,000,000	4,000,000
Perbadanan Putrajaya	93,500,000	90,980,000
Perbadanan Labuan	**50,176,400**	**39,408,500**
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	7,692,800	8,227,300
Jumlah	**161,637,800**	**148,884,400**

Sumber : Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, Menteri Kewangan Malaysia

Perbadanan Labuan

2020
RM 50.1 juta

2021
RM 39.4 juta

Tinjauan mendapati jumlah peruntukan yang diberikan kepada PL adalah terhad dan hanya sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan sumber ekonomi dan pendapatan yang disumbangkan oleh PL. Ini berikutan peranan WP Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan (IBFC) yang merupakan penyumbang peratus KDNK Labuan yang terbesar, serta pulangan yang tinggi kepada kerajaan persekutuan. Sehubungan itu, dasar bagi pemerkasaan dasar berkaitan mengurus kewangan PL ditambahbaik.

i. Pengurusan Belanja Mengurus Perbadanan Labuan

Wilayah Persekutuan Labuan melalui PL mempunyai dua (2) sumber Pengurusan Belanja Mengurus, sama ada dari geran kerajaan atau sumber dalaman. Merujuk kepada laporan tahunan PL, jumlah Peruntukan Belanja Mengurus pada tahun 2018 adalah sebanyak RM76.42 juta atau 96.84 peratus daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan. Seperti tahun sebelumnya, PL masih berjaya melepasi sasaran *Key Performance Indicators* (KPI), iaitu merancang dan membelanjakan peruntukan mengurus sekurang-kurangnya 95 peratus daripada peruntukan yang diluluskan.

Perincian peruntukan Belanja Mengurus yang direkodkan oleh PL dari tahun 2010 sehingga tahun 2018 adalah seperti mana di dalam Jadual 19.9.

Jadual 19.9 : Jumlah Peruntukan Belanja Mengurus Perbadanan Labuan, 2010 sehingga 2018 Mengikut Pecahan Sumber

Sumber	Peruntukan Belanja Mengurus, RM (Juta)				
	2010	2012	2014	2016	2018
Geran Kerajaan	35.00	47.6	49.2	39.90	43.30
Sumber Dalaman	12.67	9.00	15.2	27.21	34.00
Jumlah Peruntukan	47.67	56.60	64.40	67.11	77.30

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan

Pecahan peruntukan Belanja Mengurus (Rujuk Jadual 19.10) dibelanjakan berdasarkan keperluan jabatan-jabatan di PL untuk melaksanakan program-program dan projek-projek tahunan yang direncanakan oleh setiap jabatan. Selain itu, jumlah peruntukan tersebut juga digunakan adalah selaras dengan peruntukan bagi projek yang tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11).

Peruntukan tahunan PL adalah meningkat dari tahun ke tahun. Ia membuktikan keazaman PL dan usahanya untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan, khususnya terhadap pembangunan infrastruktur.

INFO RINGKAS: Peruntukan Belanja Mengurus

PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS MENINGKAT SETIAP TAHUN

PERUNTUKAN PADA TAHUN 2018 MENINGKAT 15.18% BERBANDING TAHUN 20117

TAHUN 2018, GERAN KERAJAAN (RM43.30j) & SUMBER DALAMAN (RM34j) BAGI MENJAYAKAN 11 PROJEK PEMBANGUNAN RMK-11

6.2%
Pertumbuhan KDNK
Wilayah Persekutuan Labuan melebihi Paras Nasional 4.3% pada tahun 2019

Jadual 19.10 : Senarai Pengurusan Belanja Pembangunan RMK-11

Bil.	Nama Projek / Program	Kos Projek, RM (Juta)	Kos Projek, RM (Juta)	Jumlah Belanja, RM (Juta)	Baki Peruntukan, RM (Juta)	Peratusan Belanja
1.	Meroboh dan Membina Semula Gerai Makan Anjung Medan	13.00	13.00	12.68	0.31	97.57 %
2.	Pembinaan Jalan Persisir Pantai dari Membedai ke Tanjung Aru	155.87	44.67	42.51	2.15	95.18 %
3.	Menaik Taraf Jalan dari Pohon Batu (Simpang Tamu) ke Pancur Hitam	40.80	21.40	18.96	2.44	88.59 %
4.	Penyediaan *Blueprint* Pembangunan WP Labuan	3.80	3.80	1.79	2.00	47.20 %
5.	Menaik Taraf Jalan Masuk ke Tapak Pelupusan Bukit Kallam	5.70	5.70	5.48	0.21	96.20 %
6.	Naik Taraf Kemudahan Pelancongan dan Pembinaan Jeti di Pulau Papan	0.50	0.50	0.47	0.02	94.45 %
7.	Pembinaan Tandas di Marina Awam Labuan	0.30	0.30	-	0.30	0.00 %
8.	Pembinaan Sistem Perpaipan di Pantai Sungai Miri	0.15	0.15	0.09	0.05	65.78 %
9.	Pembinaan Pelantar di Pulau Ular	0.02	0.02	0.00	0.00	96.26 %
10.	Menaik Taraf Kompleks Sukan Laut Antarabangsa	0.53	0.53	0.48	0.04	90.94 %
11	Kajian Kemungkinan Labuan - Menumbok *Bridge Link*	14.31	2.88	-	2.88	0.00 %

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan, 2018

ii. Hasil Pendapatan Perbadanan Labuan

Merangkumi keseluruhan pendapatan PL, ia pada dasarnya boleh dikategorikan kepada dua jenis hasil iaitu, (i) Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran dan (ii) Hasil Urusniaga Pertukaran.

Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran meliputi hasil daripada cukai taksiran, denda dan kompaun, geran mengurus direalisasi, geran pembangunan direalisasi dan lesen. Manakala, Hasil Urusniaga Pertukaran pula meliputi hasil daripada kawalan binaan dan perancangan, pelbagai yuran, faedah pelaburan, sewaan, keuntungan pelupusan hartanah, dan hasil jualan rumah.

PL bertanggungjawab dalam merancang dan memastikan kelangsungan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan mengutamakan perkhidmatannya kepada orang awam. Oleh yang demikian, PL akan terus menggandakan usaha dalam menentukan kedudukan hasil yang stabil dan kukuh. Jadual 19.11 menunjukkan ringkasan prestasi kewangan (hasil pendapatan) PL bagi tahun 2015 hingga tahun 2018 .

Jadual 19.11: Hasil Pendapatan Perbadanan Labuan, 2015 sehingga 2018 Mengikut Kategori Hasil

Sumber	Jumlah Pendapatan, RM (Juta)			
	2015	2016	2017	2018
URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN				
Cukai Taksiran	16.856	16.845	16.984	18.817
Denda & Kompaun	12.536	17.957	0.528	0.762
Geran Mengurus Direalisasi	39.165	43.226	44.247	49.045
Geran Pembangunan Direalisasi	41.056	46.435	30.634	31.113
Lesen	-	-	1.228	2.326
Pelbagai Terima	8.441	8.049	-	-
URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN				
Kawalan Binaan & Perancangan	-	-	0.062	0.040
Pelbagai Yuran	-	-	0.037	0.065
Faedah Pelaburan	-	-	8.108	4.858
Sewaan	-	-	11.159	9.608
Keuntungan Pelupusan	-	-	0.009	0.065
Lain-Lain Hasil	5.345	14.339	0.249	0.354
Hasil Jualan Rumah	0.097	5.780	2.635	1.051
Tolak:Kos Jualan	-	3.020	1.158	0.552
Jumlah	123.496	152.631	115.880	118.104

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan

iii. Jumlah Perbelanjaan Perbadanan Labuan

Secara amnya, 25 peratus atau satu per empat daripada perbelanjaan PL melibatkan perbelanjaan emolumen dan elaun lebih masa kakitangan (pengajian warga kerja PL). Peratusan perbelanjaan bagi upah perkhidmatan warga kerja PL pada tahun 2015 adalah sebanyak 18.43 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan, dan meningkat kepada 19.26 peratus pada tahun 2016, manakala kepada 23.03 peratus pada tahun 2017, dan terus meningkat kepada 23.16 peratus pada tahun 2018 (Rujuk Jadual 19.12). Peningkatan tersebut, dilihat selaras dengan penjawatan kakitangan PL yang terus meningkat dari tahun 2015 sehingga tahun 2018, sama ada bagi penjawatan tetap mahupun penjawatan kontrak.

Ke arah sebuah badan pentadbir yang bertaraf bandaraya dari aspek fungsi dan peranannya, perkhidmatan melalui penjawatan warga kerja yang lengkap merupakan salah satu aspek yang boleh dititik berat. Nisbah penjawatan yang lebih tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan dapat memastikan kesediaan PL dalam menyantuni keperluan penduduk di Labuan.

Pelbagai projek dan inisiatif telah direncanakan bagi mencapai matlamat Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat aktiviti ekonomi dengan status perbandarannya yang bertaraf antarabangsa. Oleh yang demikian, setiap perbelanjaannya adalah bagi memastikan Labuan kekal dan terus membangun dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Ringkasan perbelanjaan dan pendapatan Perbadanan Labuan dirumuskan di dalam Rajah 19.6.

Jadual 19.12: Perbelanjaan Perbadanan Labuan, 2015 sehingga 2018 Mengikut Kategori Perbelanjaan

Perkara	Jumlah Perbelanjaan, RM (Juta)			
	2015	2016	2017	2018
Emolumen	25.565	26.908	26.210	27.666
Elaun Lebih Masa Kakitangan	-	-	1.744	1.869
Perkhidmatan dan Bekalan	53.576	52.380	46.599	50.513
Pemberian dan Kenaan	13.195	3.109	5.067	4.424
Susut Nilai Hartanah	-	-	27.887	28.117
Peruntukan Jejas Nilai Penghutang	-	-	0.694	1.599
Perbelanjaan Operasi Pengurusan	-	-	2.780	2.669
Perbelanjaan Lain	32.915	49.606	-	-
Perbelanjaan Cukai & Perkhidmatan	-	-	0.175	0.109
Perbelanjaan Sosio-Ekonomi	13.440	7.699	10.251	10.537
Jumlah	138.691	139.702	121.407	127.503

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan

Rajah 19.6 : Ringkasan Perbelanjaan dan Pendapatan Perbadanan Labuan

Hasil Anggaran dan Perbelanjaan Wilayah Persekutuan

Anggaran + RM 1.463 Bilion

Sebenar - RM 1.448 Bilion

- RM 15 ribu

Berdasarkan penyata kewangan tahunan

2019

Penjawatan Perbadanan Labuan

2021

5.8 orang : 1.00km^2

Peruntukan Belanja Mengurus


Purata kenaikan tahunan

i) Geran Kerajaan → 3.62%

ii) Sumber Dalaman → 17.98%

Purata kenaikan tahunan

Pendapatan dan Perbelanjaan Perbadanan Labuan



+ RM 118.10 juta Pendapatan

- RM 127.50 juta Perbelanjaan

- RM 9.40 juta

Berdasarkan penyata kewangan tahunan

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan

19.2.4 Sistem Perjawatan

Sistem perjawatan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan ini melibatkan empat (4) pecahan perjawatan iaitu anggota pentadbiran dan lantikan perundangan, pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional dan pelaksana (Rujuk Jadual 19.13). Jumlah keseluruhan bagi tahun 2019 bagi KWP adalah seramai 1,513 orang iaitu seramai 83 orang berkhidmat di Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha, 700 orang di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), 165 orang di Jabatan Landskap Negara dan selebihnya di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (Rujuk Rajah 19.7).


Berdasarkan Laporan Anggaran Perjawatan Persekutuan 2021 pada tahun 2020, bilangan perjawatan ini dikurangkan kepada 647 orang yang mempunyai hampir separuh daripada bilangan perjawatan di tahun sebelumnya. Manakala, bagi tahun 2021 dianggarkan bilangan perjawatan ini kekal seperti tahun 2020.

Jadual 19.13: Pecahan Penjawatan KWP

Pecahan Penjawatan	Bilangan Jawatan, Orang			
	2018	2019	2020	2021
Anggota Pentadbiran dan Lantikan Perundangan	3	3	3	3
Pengurusan Tertinggi	15	15	8	8
Pengurusan dan Profesional	536	437	158	158
Pelaksana	1237	1058	478	478
Jumlah	1791	1513	647	647

Sumber: Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, Menteri Kewangan Malaysia

Rajah 19.7 : Ringkasan Penjawatan Kementerian Wilayah Persekutuan



Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan, 2018

Jumlah keseluruhan penjawatan semasa Perbadanan Labuan termasuk jawatan tetap, kontrak dan sambilan yang berkhidmat di PL pada tahun 2018 adalah seramai 577 orang (Rujuk Jadual 19.14). Jumlah yang ramai tersebut jika dibandingkan dengan perjawatan di peringkat Kementerian, PL dilihat mempunyai tenaga kerja yang ramai bagi memastikan kebolehupayaannya mengurus tadbir seluruh Wilayah Persekutuan Labuan.

Jadual 19.14: Bilangan Penjawatan Perbadanan Labuan

Pecahan Penjawatan	Bilangan Penjawatan, Orang				
	2010	2012	2014	2016	2018
Penjawatan Tetap	587	564	518	496	497
Penjawaan Kontrak	-	-	81	77	80
Penjawatan Sambilan	-	-	1	1	-
Jumlah	587	564	600	574	577

Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Labuan

Berdasarkan maklumat penjawatan di atas, purata penjawatan PL tahunan dari tahun 2010 sehingga 2018 adalah seramai 580 orang setiap tahun. Merujuk purata penjawatan, terdapat pertambahan seramai tiga orang bagi penjawatan pada tahun 2018.



19.2.5 Rumusan Penemuan

Tadbir urus yang baik dapat didefinisikan dengan konsep norma-norma positif ke arah kecemerlangan sesuatu pengurusan atau tadbir urus yang dipraktikkan oleh golongan yang bertanggungjawab dalam konteks interaksi sosial.

i. Struktur Pentadbiran WP Labuan

Bagi aspek perancangan pembangunan, tinjauan mendapati WP Labuan mempunyai Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal perancangan dan pembangunan. Peranan, fungsi dan struktur organisasi Mesyuarat Perbadanan Labuan perlu diperkasakan dan distrukturkan semula bagi membantu dan menyokong fungsi Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan berkaitan hal-hal pembangunan WP Labuan, dan kesukaran jawatankuasa ini bersidang akan menyukarkan persetujuan sesuatu keputusan itu ditetapkan.

Hasrat PL untuk menjadikan WP Labuan sebagai pulau bandar pintar dan mampan telah menjayakan beberapa program yang merangkumi aspek ekonomi pintar, tadbir urus pintar, komuniti pintar, dan persekitaran pintar. Sehubungan itu, penggunaan aplikasi GIS bagi tujuan pengumpulan data dan analisis data tersebut, disokong dengan pekerja dan unit yang berkemahiran bagi mengurus sistem tersebut. Pusat Observatori iaitu *Labuan Urban Observatory Center (LUOC*) berpotensi untuk dibangunkan sebagai langkah memperluaskan penggunaan perkhidmatan data analisis bagi seluruh wilayah.

Inisiatif MUO dari RFN ke-3 dengan kajian kes 5 bandar (Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bahru, Ipoh dan George Town)



Sumber: Laman web myplan.planmalaysia.gov.my dan govinsider.asia

Selain itu, penemuan mendapati unit atau bahagian khas bagi mengurus dan memantau Pangkalan Data dan Sistem GIS, menyebabkan berlaku bebanan kerja serta kekurangan kakitangan bagi tujuan pengemaskinian data. Kewujudan sistem GIS ini berpotensi membantu agensi-agensi pelaksana di dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan, mengelakkan berlakunya pertindihan maklumat serta kemaskini data yang terkini.

ii. Penyertaan Awam di dalam Perancangan Pembangunan

Penyertaan awam merupakan suatu elemen yang dititikberatkan dalam proses pembangunan dan perancangan yang melibatkan masyarakat setempat aktif dalam proses perancangan pembangunan. Dalam aspek pembangunan, PL sentiasa menghebahkan aktiviti-aktiviti dan program yang dijalankan melalui platform aplikasi pintar seperti *Whastapp, Telegram dan Facebook* serta menggalakkan penglibatan penduduk dalam perancangan melalui bengkel FGD, sesi townhall serta seminar. Ini adalah bertepatan dengan dasar RFN ke-3, Teras 3 : Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni bagi menggalakkan keterlibatan penduduk, serta menerapkan perkongsian pintar dalam pembangunan komuniti.

Selain itu, tinjauan mendapati fungsi Lembaga Rayuan dalam perancangan masih lagi belum dilaksanakan. Lembaga Rayuan merupakan medium bagi orang awam bagi membuat bantahan terhadap keputusan berkaitan perancangan pembangunan, kajian Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT) , sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Majlis Pelancaran Program Publisiti Awal Rancangan Pemajuan Labuan yang dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan orang awam



Sumber: Petikan berita utusanborneo.com.my, 2020

19.3 Isu dan Prospek

i. Penstrukturan Struktur Organisasi dan Pengukuhan Tadbir Urus WP Labuan

Fungsi dan peranan Mesyuarat Perbadanan Labuan perlu diperkasakan bagi membantu dan menyokong peranan Jawatan Eksekutif Perancang dalam merancang dan membangunkan WP Labuan. Ini termasuklah aspek pengukuhan kaedah pelaksanaan serta penstrukturan semula organisasi. Selain itu, alternatif teknologi pintar seperti penggunaan teknologi GIS boleh diterapkan dalam aspek mengurus tadbir agar selari dengan halatuju pembangunan WP Labuan.

ii. Memperkenal dan Mempromosi WP Labuan

Menjadi cabaran kepada PL untuk memperkenal dan mempromosikan WP Labuan di peringkat nasional, dan antarabangsa. Kedudukan Labuan yang strategik yang berperanan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) menarik kedatangan pelabur asing ke wilayah ini sebagai lokasi yang mudah untuk urusan perniagaan. Labuan merupakan sebuah pulau yang dilengkapi dengan keindahan alam semula jadi, tetapi ia tidak cukup untuk menarik kedatangan pelancong bagi tujuan pelancongan. Idea dan cadangan baru perlu ditambah bagi menyokong statusnya sebagai pulau bebas cukai termasuklah insentif-insentif dan pengenalan barangan baru bebas cukai. Oleh itu, menjadi cabaran kepada PL dan dibantu oleh agensi pelaksana yang lain untuk menarik lebih ramai pelabur, pelancong untuk datang menjalankan aktiviti yang lebih ekonomik dan seterusnya menjana pendapatan Labuan. Program galakan pelabur dan insentif khas perlu diperkukuhkan bagi menarik lebih ramai pelabur ke WP Labuan.

iii. Kedudukan Kewangan PL

Melihat kepada sumbangan ekonomi WP Labuan kepada KDNK Labuan (6.2%) dan ekonomi negara, wajar dipertimbangkan agar peruntukan kerajaan persekutuan bagi perbelanjaan mengurus dipertingkatkan. Labuan memainkan peranan penting dalam merangsang perpaduan dan ekonomi, serta menjadi pusat kewangan dan pelancongan antarabangsa. Sehubungan itu, pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi WP Labuan harus disegerakan dan segala perancangan baru ini akan memerlukan sumber perbelanjaan yang besar. Tinjauan mendapati perbelanjaan mengurus adalah melebihi hasil pendapatan dan PL bergantung kepada geran kerajaan untuk pusingan semula sumber kewangannya.

19.4 Cadangan Am

i. Pengukuhan Tadbir Urus WP Labuan

Selaras dengan kepesatan pembangunan ICT, pihak KWP perlulah meneliti semula penstrukturan tadbir urus serta organisasi di peringkat kementerian serta agensi-agensi di bawah kuasanya. Selain itu, warga kerja PL perlulah dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini melalui penggunaan urus tadbir pintar. Urus tadbir perlu diperkukuhkan dengan bantuan teknologi seperti *Urban Observatory*. Penggunaan teknologi tersebut mampu memberi respon awal serta merta kepada kakitangan yang menyelia, malah tidak akan wujud lagi *blind spot* pentadbiran oleh pihak PL, misalnya seperti sistem makluman amaran tsunami dan isu banjir. Selain itu, dicadangkan penubuhan lembaga Rayuan dan Unit Khas Pangkalan Data GIS bagi memantapkan tadbir urus Labuan yang pintar dan berkesan.

ii. Promosi dan Insentif Strategik WP Labuan


Tekanan pembangunan di kawasan Bandar Labuan dan komponen kekangan disekitarnya memberi kesan buruk kepada proses perbandaran di Labuan. Melalui pembukaan tanah pembangunan baharu, dan insentif projek usahasama mampu menarik pelabur untuk melabur di Labuan. Cadangan Jambatan Labuan – Menumbok, harus dilaksanakan dengan segera. Projek ini dilihat sebagai *'game changer'* yang akan mengubah landskap ekonomi bagi WP Labuan serta Sabah. Selain itu, insentif dan skim-skim kepada peruncit bagi menggalakkan aktiviti perniagaan berdasarkan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai perlu diperkasakan agar lebih banyak aktiviti ekonomi terjana. Penglibatan penduduk melalui peluang pekerjaan yang terjana akan meningkatkan kualiti hidup penduduk, sekaligus mengukuh perkembangan ekonomi bagi WP Labuan.

iii. Pengukuhan Sumber Kewangan PL

Keperluan peruntukan perbelanjaan WP Labuan yang lebih besar, setaraf dengan halatuju ekonomi serta peranannya sebagai pusat kewangan antarabangsa. Selain itu, pihak PL juga perlu mengenal pasti alternatif lain yang berpotensi untuk menjana pendapatan tambahan kepada PL. Potensi zon ekonomi baru di Labuan dengan mengambil kira kawasan tambakan di sekitar perairan WP Labuan. Melalui pembukaan tanah pembangunan baharu, dan insentif projek usahasama mampu menarik pelabur untuk melabur di Labuan. Ia bukan sahaja memberi faedah kepada proses perbandaran itu sahaja, malahan turut memberi faedah dari segi pendapatan PL bagi jangka masa panjang.

BAHAGIAN C :

KONSEP DAN HALATUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN


PEARL OF BORNEO

BAB

01

Konsep Dan Halatuju Strategik Pembangunan Labuan 2040



Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha

RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040

Konsep Dan Halatuju Pembangunan Labuan 2040

Bahagian konsep dan halatuju pembangunan Labuan 2040 akan menyentuh berkaitan halatuju pembangunan Labuan menjelang tahun 2040 yang merangkumi aspek ekonomi, prasarana, kemampanan perancangan, sumberjaya dan urus tadbir. Perincian bahagian ini akan merangkumi aspek halatuju dan wawasan kajian, konsep pembangunan spatial Labuan serta strategi bagi setiap tonggak pembangunan yang telah ditetapkan.

1.1 Pengenalan

Pembentukan konsep dan halatuju pembangunan Labuan 2040 adalah mengambil kira penemuan kajian sektoral termasuk aspek isu dan potensi pembangunan serta indikator dan sasaran pembangunan. Halatuju pembangunan yang dirangka sebagai panduan di dalam memandu corak pembangunan guna tanah yang menyeluruh bagi WP Labuan. Penekanan halatuju pembangunan Labuan yang diterapkan memfokus kepada pengukuhan ekonomi yang berdaya saing, penyediaan kemudahan awam dan infrastrukutur yang efisien, pengurusan sumberjaya dan urus tadbir yang berkesan.

Intipati utama konsep dan halatuju pembangunan Labuan adalah menghasilkan Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040. Perincian Konsep Pembanguan Spatial Labuan akan mengandungi zon pembangunan, zon pengurusan sumberjaya dan rangkaian perhubungan dan pengangkutan utama. Penyediaan pelan spatial ini berupaya di dalam membantu menyediakan rancangan pemajuan yang komprehensif dan kompetetif bagi merealisasikan Labuan sebagai pusat perkhidmatan serantau yang mampan .

Konsep Pembangunan Spatial Labuan disediakan adalah bertujuan untuk mencapai objektif pembangunan seperti mana berikut :

i. Menstruktur semula guna tanah fizikal supaya selaras dengan dasar dan konsep pembangunan semasa.

ii. Merancang dan memperkasakan pembangunan WP Labuan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi dan memperkukuhkan sistem perhubungan melalui penyediaan infrastruktur yang komprehensif.

iii. Melindungi dan memelihara KSAS bagi mengekalkan keseimbangan ekologi, biodiversiti.

iv. Membentuk suatu sistem pengurusan dan pelaksanaan yang efisien ke arah urus tadbir (Smart Governance) yang cekap dan telus di dalam perkhidmatan.

Seiring dengan tema pembangunan dan wawasan kajian yang telah ditetapkan, terdapat lima tonggak utama pembangunan iaitu pemerkasaan ekonomi, prasarana makmur, kemampanan perancangan, pengukuhan sumberjaya dan pemantapan urus tadbir.

Bandar Labuan.



Sumber : www.youtube.com/watch?v=96Vf-PPx7BU

1.2 Halatuju dan Wawasan Kajian

Merujuk kepada dasar serta polisi-polisi semasa sama ada di peringkat global, nasional, wilayah mahupun tempatan, Labuan merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan sumber biodiversitinya dan berpotensi sebagai kawasan eko pelancongan serantau. Oleh yang demikian, Labuan memerlukan satu perancangan yang menyeluruh bagi mencapai hasrat untuk untuk menjadikan ia sebagai *"The Pearl of Borneo",* yang menyerlah dari segenap aspek. Selaras dengan usaha merealisasikan Labuan sebagai pusat perkhidmatan serantau yang mampan, lima tonggak pembangunan akan diberi penekanan termasuk aspek ekonomi, prasarana, kemampanan perancangan, sumberjaya dan urus tadbir.

Wawasan

LABUAN SEBAGAI
PUSAT PERKHIDMATAN SERANTAU YANG PINTAR DAN MAMPAN

Disokong 5 Tonggak Pembangunan

- PEMERKASAAN EKONOMI
- KEMAMPANAN PERANCANGAN
- PRASARANA MAKMUR
- PENGUKUHAN SUMBERJAYA
- PEMANTAPAN URUS TADBIR

Bermatlamatkan 4 Objektif Utama

1. Menstruktur semula guna tanah fizikal supaya selaras dengan dasar dan konsep pembangunan semasa.
2. Merancang dan memperkasakan pembangunan WP Labuan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi dan memperkukuhkan sistem perhubungan melalui penyediaan infrastruktur yang komprehensif.
3. Melindungi dan Memelihara KSAS bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan biodiversiti.
4. Membentuk suatu sistem pengurusan dan pelaksanaan yang efisyen ke arah urus tadbir yang cekap dan telus (Smart Governance) di dalam perkhidmatan.

1.3 Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040

Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040 dirangka bagi memandu perancangan guna tanah akan datang secara menyeluruh. Fokus utama pembangunan spatial Labuan ini menekankan pengukuhan kawasan pembangunan, pengembangan kawasan petempatan, zon ekonomi utama serta pengurusan infrastrukur dan sumberjaya yang efisien dan mampan. Konsep Pembangunan Spatial Labuan mengandungi tiga fokus pembangunan utama yang merangkumi **Zon Pembangunan, Zon Pengurusan Sumberjaya dan Rangkaian Perhubungan.**

Zon Pembangunan merupakan elemen utama di dalam Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040. Strategi pembangunan yang digariskan adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi WP Labuan yang mampan melalui pengukuhan aktiviti ekonomi sedia ada serta mewujudkan kepelbagaian aktiviti ekonomi. Zon pembangunan ini berfungsi mengukuhkan peranan WP Labuan sebagai pusat perkhidmatan wilayah bagi industri minyak dan gas, perkhidmatan kewangan dan perdagangan antarabangsa. Zon-zon pembangunan yang ditetapkan ini berupaya menjana pertambahan bilangan penduduk selain mengukuhkan pusat-pusat pertumbuhan Bandar Wilayah dan Bandar Tempatan.

Kawasan zon pembangunan melibatkan beberapa kategori seperti berikut :

i. Zon Pembangunan Bandar
ii. Zon Pembangunan Industri
iii. Koridor Pembangunan
iv. Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)
v. Had Pembangunan Ekonomi Utama
vi. Zon Pembangunan Pelancongan


Zon Pengurusan Sumberjaya merupakan kawasan yang diberi keutamaan dari aspek pemeliharaan dan pengurusan sumberjaya. Sumberjaya merangkumi pengurusan kawasan sensitif alam sekitar, pembangunan kawasan pertanian dan kawasan hakisan pantai. Zon pengurusan sumberjaya tidak terhad kepada aspek pengekalan dan pemeliharaan, turut mengambil kira potensi sedia ada khususnya untuk akvititi pelancongan, pembangunan aktiviti pertanian yang mampan serta meminimakan kesan isu alam sekitar. Zon pengurusan sumberjaya adalah penting dalam mengurus sumber bekalan air, bekalan tanaman makanan selain menyokong di dalam penyediaan kemudahan infrastrukur yang terancang dan efisien.

Aspek Rangkaian Perhubungan merupakan kemudahan sokongan di dalam menghubungkan WP Labuan dengan kawasan sekitar khususnya di dalam aspek aktiviti ekonomi, kegunaan penduduk setempat dan pelancongan. Strategi pembangunan yang diterapkan adalah menaik taraf kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang meliputi perhubungan darat, air dan udara. Inisiatif strategi rangkaian perhubungan ini akan berupaya meningkatkan tahap kemudahan sampaian yang tinggi di dalam WP Labuan dan perhubungan wilayah selain meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui kemasukan pelaburan baharu dan pengukuhan sektor perkhidmatan.

Rangkaian perhubungan adalah merangkumi aspek-aspek berikut :

i. Lapangan Terbang
ii. Pelabuhan
iii. Terminal Feri
iv. Rangkaian Jalan (Sedia Ada dan Cadangan)
v. Potensi Cadangan Jambatan

Rajah 1.1 menunjukkan Konsep Pembangunan Spatial RPL 2040 (Cadangan Aksesibiliti Ke Kiamsam) dan Rajah 1.2 menunjukkan Konsep Pembangunan Spatial RPL 2040 (Cadangan Aksesibiliti Ke Cadangan Pelabuhan Bersepadu). Perincian strategi pembangunan bagi setiap tonggak pembangunan ditunjukkan di dalam bahagian 1.3.1 hingga 1.3.5 serta Rajah 1.3 hingga 1.6.



Rajah 1.1
KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040
(CADANGAN AKSESIBILITI KE KIAMSAM)




Petunjuk:

Zon Pembangunan
- Zon Pembangunan Industri
- Koridor Pembangunan
- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)
- Had Pembangunan Ekonomi Utama
- Zon Pembangunan Pelancongan

Zon Pembangunan Bandar
- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Zon Pengurusan Sumberjaya
- Zon Pengurusan Sumberjaya
- Kawalan Hakisan Pantai

Rangkaian Perhubungan
- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan



Rajah 1.2
KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL RANCANGAN PEMAJUAN LABUAN 2040
(CADANGAN AKSESIBILITI KE CADANGAN PELABUHAN BERSEPADU)



Petunjuk:

Zon Pembangunan
- Zon Pembangunan Industri
- Koridor Pembangunan
- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)
- Had Pembangunan Ekonomi Utama
- Zon Pembangunan Pelancongan

Zon Pembangunan Bandar
- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Zon Pengurusan Sumberjaya
- Zon Pengurusan Sumberjaya
- Kawalan Hakisan Pantai

Rangkaian Perhubungan
- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan

1.3.1 Strategi Pemerkasaan Ekonomi

Strategi pemerkasaan ekonomi memberi penekanan kepada sektor ekonomi utama seperti pembangunan perindustrian, pelancongan, pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa serta pembangunan pusat petempatan. Inisiatif yang diterapkan melibatkan pengukuhan kawasan industri utama sebagai koridor zon ekonomi yang melibatkan kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan kawasan perindustrian Kiamsam. Mewujudkan had pembangunan ekonomi utama untuk mengawal perancangan guna tanah khususnya melibatkan pembangunan industri berskala besar. Had Pembangunan Utama yang dicadangkan adalah dari Kawasan Perindustrian Kiamsam hingga ke Labuan International School.

Selain itu, aktiviti pelancongan di WP Labuan akan dinaik taraf melalui pewujudan koridor pelancongan bertema bagi mengukuhkan WP Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan peringkat wilayah dan antarabangsa. Selaras dengan usaha menjana pertumbuhan ekonomi, beberapa langkah lain boleh dilaksanakan termasuk aspek-aspek berikut :

i. Pembangunan dibenarkan di dalam zon koridor pembangunan. Mewujudkan dua koridor pembangunan utama iaitu Koridor Pembangunan (Ganggarak – Simpang Tamu – Bandar Labuan – Rancha-Rancha) dan Koridor Pembangunan (Simpang Tamu – Layang-Layangan – Bebuloh - Kiamsam).

ii. Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai) berpotensi menjadi pusat pertumbuhan baharu selain mengukuhkan rangkaian perhubungan.

iii. Pengukuhan pusat petempatan yang merangkumi Bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah dan menaik taraf empat Bandar Tempatan.

Rajah 1.3 menunjukkan strategi pemerkasaan ekonomi.

Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha



Sumber : Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040.

1.3.2 Strategi Prasarana Makmur


Aspek prasarana makmur merupakan aspek yang penting di dalam menyediakan kemudahan infrastruktur efisien dan tahap kemudah sampaian yang tinggi dari aspek rangkaian perhubungan dan pengangkutan awam. Strategi pembangunan infrastruktur dan utiliti adalah berdasarkan penemuan isu semasa, permintaan serta kestabilan dan kecekapan perkhidmatan. Antara strategi yang diterapkan adalah pengurusan sumber bekalan air dan pemeliharaan kawasan tadahan air empangan, menaik taraf sistem pengurusan sisa pepejal, mewujudkan pelan induk pembetungan serta kawalan dan pemeliharaan kawasan hakisan pantai. Penekanan ke arah 'Smart City' dan penggunaan teknologi moden di dalam pembangunan infrastruktur dan utiliti akan difokuskan kepada menggalakkan penggunaan sumber air yang efisien dan sumber air alternatif, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, pengurusan sisa bersepadu (sisa pepejal dan terjadual) serta mengukuhkan pembangunan infrastruktur komunikasi dan digital WP Labuan.

Bagi aspek rangkaian perhubungan, strategi pembangunan akan memfokus kepada menaik taraf kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang meliputi perhubungan darat, air dan udara. Potensi cadangan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Menumbok, Sabah dapat meningkatkan rangkaian perhubungan wilayah dan merancakkan aktiviti ekonomi. Strategi prasarana makmur ditunjukkan di dalam Rajah 1.4.

1.3.3 Strategi Kemampanan Perancangan

Strategi Kemampanan perancangan mengambil kira pengurusan sumberjaya dalam mengimbangi pembangunan tepu bina dan kawasan hijau. Pengurusan sumberjaya akan memfokus ke arah mengembangkan aktiviti pelancongan dan pertanian secara mampan dan ekonomik.

Pembangunan guna tanah dibenarkan di dalam kawasan koridor pembangunan yang telah ditetapkan. Ia melibatkan menaik taraf aktiviti pembangunan sedia ada, pengisian guna tanah dan pembangunan tanah-tanah kosong. Pewujudan Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai) sebagai usaha pengurusan sumberjaya dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi baharu. Koridor pembangunan baharu (pinggir pantai) ini akan disokong dengan cadangan jambatan yang menghubungkan WP Labuan dengan Menumbok di Sabah yang secara tidak langsung menggalakan penjanaan ekonomi. Rajah 1.5 menunjukkan strategi kemampanan perancangan.



Rajah 1.3
STRATEGI PEMERKASAAN EKONOMI



Petunjuk:

Zon Pembangunan


- Zon Pembangunan Industri
- Koridor Pembangunan (Ganggarak – Simpang Tamu – Bandar Labuan – Rancha-Rancha)
- Koridor Pembangunan (Simpang Tamu – Layang-Layangan – Bebuloh - Kiamsam)
- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)
- Zon Pembangunan Pelancongan

Zon Pembangunan Bandar

- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Rangkaian Perhubungan

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan



Rajah 1.4
STRATEGI PRASARANA MAKMUR



Petunjuk:

Zon Pembangunan


- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)

Pengurusan Infrastruktur

- Kawasan Pembangunan Sumber Air
- Kawasan Pembangunan Pengurusan Sisa
- Loji Rawatan Kumbahan Serantau
- Kawasan Empangan
- Kawalan Hakisan Pantai
- PMU / PPU

Rangkaian Perhubungan

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan



Rajah 1.5
STRATEGI KEMAMPANAN PERANCANGAN



Petunjuk:

Zon Pembangunan

- Koridor Pembangunan
- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)

Zon Pengurusan Sumberjaya

- Zon Pengurusan Sumberjaya

Rangkaian Perhubungan

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan

1.3.4 Strategi Pengukuhan Sumberjaya

Strategi Pengukuhan Sumberjaya dirangka bagi perancangan dan pengurusan guna tanah yang berkesan terutamanya aspek alam sekitar dan sumberjaya. Beberapa perihal berkaitan pengurusan kualiti alam sekitar perlu diberi penekanan seperti pengurusan alam sekitar yang melibatkan pemantauan kualiti (air, marin, udara dan bunyi bising), perhutanan dan risiko bencana dikenalpasti bagi menjamin kualiti alam yang sedia ada. WP Labuan juga mempunyai kepelbagaian sumberjaya yang kaya dengan nilai-nilai ekologi dan warisan yang perlu dipelihara.

Justeru itu, perancangan pembangunan sesebuah bandar haruslah dilaksanakan seiring dengan konsep kelestarian pembangunan alam sekitar yang telah digariskan bagi kawasan WP Labuan. Aspek pemeliharaan dan pengurusan KSAS penting untuk meneruskan kesinambungan tahap kualiti persekitaran.

Fokus utama strategi ini terarah kepada pengurusan zon sumberjaya Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan zon pembangunan pertanian. Antara perancangan strategik yang akan diterapkan melalui strategi ini adalah :

i. Mengguna pakai rangka kerja KSAS sebagai garis panduan pembangunan yang mampan
ii. Pengukuhan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan kualiti alam sekitar
iii. Melestarikan pengurusan sisa di WP Labuan
iv. Inisiatif pengurusan sungai yang holistik melalui Pelan Pengurusan Sungai Bersepadu
v. Pengekalan dan pemuliharaan kawasan tadahan air
vi. Eksplorasi sumber biodiversiti taman laut
vii. Kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko bencana

Secara amnya, pengurusan sumberjaya dan kualiti alam sekitar adalah antara elemen yang penting dalam perihal pembangunan guna tanah. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin keseimbangan ekosistem dan entiti sekelilingnya. Oleh itu, strategi pembangunan yang dicadangkan mengandungi beberapa aspek pengurusan yang penting dan diharap mampu diadunkan untuk menjadi satu kombinasi usaha yang cukup padu demi kemampanan pembangunan dan pengurusan alam sekitar di kawasan WP Labuan. Rajah 1.6 menunjukkan strategi pengukuhan sumberjaya.

1.3.5 Strategi Pemantapan Urus Tadbir


Strategi Pemantapan Urus Tadbir memberi penekanan keutamaan strategi urus tadbir seperti mewujudkan sistem pelaksanaan dan pemantauan rancangan struktur yang efektif. Perbadanan Labuan (PL) merupakan nadi utama dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan pembangunan bagi keseluruhan WP Labuan. PL sentiasa berusaha ke arah memperkasakan urus tadbir yang lebih baik dalam memastikan kecemerlangan organisasi dan warganya untuk terus memberi khidmat kepada orang awam.

Selain itu, PL selaku agensi pelaksana utama perlu memastikan segala dasar, perancangan dan program yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Idea, cadangan dan inisiatif baharu perlu diperkenalkan bagi menarik lebih ramai pelabur, pelancong ke WP Labuan sekaligus merancakkan pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan WP Labuan.

Antara perancangan strategik yang akan diterapkan melalui strategi ini adalah :

i. Penstrukturan semula organisasi PL.
ii. Pengukuhan pembangunan modal insan.
iii. Pemerkasaan urus tadbir warisan WP Labuan
iv. Integrasi sistem dan pangkalan data GIS di kalangan badan pelaksana WP Labuan
v. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Lembaga Rayuan di dalam perancangan WP Labuan
vi. Penubuhan *Labuan Urban Observatory* yang cekap dan efisien
vii. Mewujudkan sistem pelaksanaan (jawatankuasa) dan pemantauan rancangan struktur yang efektif

Kesimpulannya, struktur organisasi dan pengurusan yang efisien, mantap, efektif dan disokong dengan kedudukan kewangan yang utuh dapat memastikan perlaksanaan dasar dan polisi yang direncanakan. Namun, strategi-strategi yang telah dicadangkan masih tidak mencukupi dalam memastikan pelaksanaan sesebuah projek atau program tanpa sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan kawalan pembangunan. Selain sokongan daripada agensi-agensi berikut, penglibatan aktif yang menyeluruh dari pihak swasta dan penduduk setempat.



Rajah 1.6
STRATEGI PENGUKUHAN SUMBERJAYA



Petunjuk:

Zon Pengurusan Sumberjaya

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Kawalan Hakisan Pantai
- Strategi Pengurusan Sungai Holistik dan Pengekalan Kawasan tadahan Air

Rangkaian Perhubungan

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Terminal Feri
- Jalan
- Potensi Cadangan Jambatan
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Persimpangan

Lain-Lain

- Koridor Pembangunan Baharu (Pinggir Pantai)

1.4 Rumusan

Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040 dibentuk sebagai usaha memandu dan panduan kepada perancangan guna tanah WP Labuan menjelang tahun 2040. Strategi yang dibentuk adalah mengambil kira aspek-aspek perancangan dan halatuju pembangunan WP Labuan termasuk ekonomi berdaya saing, infrastruktur yang efisien, sumberjaya mampan dan urus tadbir yang berkesan. Kesinambungan semua strategi-strategi pembangunan ini berupaya merealisasikan WP Labuan sebagai pusat perkhidmatan serantau yang mampan dan secara tidak langsung mengukuhkan sektor ekonomi termasuk pembangunan industri, logistik, komersil, perkhidmatan dan pelancongan.

Intipati utama Konsep Pembangunan Spatial Labuan 2040 adalah untuk mencapai aspek-aspek berikut :

i. Mewujudkan perancangan strategik yang jelas, teratur dan menyeluruh.

ii. Mempelbagaikan sumber ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan memangkin pembangunan ekonomi yang berterusan di Labuan.

iii. Meningkatkan peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan migrasi keluar penduduk.

iv. Meningkatkan aksesibiliti dan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien.

v. Memelihara, memulihara dan mengoptimumkan sumber semula jadi secara mampan.

vi. Mengukuhkan urus tadbir pengurusan yang bersepadu dalam perancangan dan pembangunan.


Konsep dan strategi pembangunan yang dibentuk akan memandu WP Labuan untuk menjadi sebuah wilayah yang mampan dan berdaya tahan melalui polisi perancangan spatial, ekonomi, sosial yang berdaya laksana. Usaha ini akan membantu Pihak Perbadanan Labuan untuk merancang dan mengawal pembangunan selain dapat menarik pelabur dalam dan luar negara dalam mewujudkan kepelbagaian sektor ekonomi WP Labuan.

Contoh Taman Perindustrian Moden dan Mesra Alam (Nusajaya TechPark).



Sumber : www.nusajayatechpark.com

Pulan Kuraman (*Sand Spit*)




Sumber : Labuan Geopark, 2020.

Contoh Cadangan Pembangunan Pinggir Air di Dubai, UAE.



Sumber : www.travelpulse.com


PEARL OF BORNEO

RANCANGAN PEMAJUAN
LABUAN 2040
PEARL OF BORNEO

LAPORAN TINJAUAN
(SEPTEMBER 2021)